PERJALANAN
MENCARI
HIKMAH

PERJALANAN MENCARI HIKMAH

Abdullah Hussain
SASTERAWAN NEGARA

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2003

-8 SEP 2006
Perpustakaan Negara Malaysia
M
1146445

Cetakan Pertama 2003
© Abdullah Hussain 2003

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Abdullah Hussain, 1920-
Perjalanan mencari hikmah / Abdullah Hussain. – Edisi Khas Sasterawan Negara.
ISBN 983-62-7258-5
1. Abdullah Hussain, 1920-. 2. Authors, Malay--Biography.
I. Judul.
928.9923

M
928.9923
ABD

Dicetak oleh
Dawama Sdn. Bhd.
Kompleks Dawama
Lot 1037, Jalan AU3/1
54200 Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

- 8 SEP 2004

M
1146445

Perpustakaan Negara Malaysia

KANDUNGAN

PENGANTAR **ix**

1 UNIVERSITI SAINS MALAYSIA **1**

Warga Kampus **1**
Penulisan Biografi **10**
Saudara Seagama **19**
Seorang Nasionalis **28**
Lambaian Brunei **36**

2 MAKKAH AL-MUKARRAMAH **54**

Menyahut Seruan **54**
Makkah, Kami Datang **62**
Niat yang Suci **74**
Melontar Syaitan **84**
Satu Ujian **90**
Madinah al-Munawwarah **101**
Orang Arab Madinah **106**
Pasar Kurma **110**
Jemaah Iran **112**
Makam Rasulullah **114**

3 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM **124**

Tamu dari Thailand **124**

Sahabat yang Pemurah 128
Tawaran Kerja 138
Temu Duga 146
Kesihatan 149
BSB, Saya Datang 158
Hari Raya 166
Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei 177
Khazanah Sastera 182
Orang Malaysia di Brunei 184
Pengurus Sastera 193
Ejaan Rumi Baru 198
Kampung Air 204
Penyakit Ganjil 211
Bagaimana Mencari-Nya? 215
Tahun yang Sibuk 224
Bunga Rampai Sastera Melayu 232
Majlis Perkahwinan 239

4 NEGARA BRUNEI MENCAPAI KEMERDEKAAN 253

Lawatan Dr. Mahathir 253
Filem P. Ramlee 258
Orang Agama Berdrama 262
Majalah Sastera di Brunei 269
Kemerdekaan Brunei 276
Kisah Anak 286
Meminang Gadis Limbang 300
Anugerah *S.E.A. Write* 302

5 TUAH ORANG DI RANTAU 310

Notis Muflis 310
Usik-usik Sasterawan Negara 322
Tanah Suci Sekali Lagi 326

Bubu Menari **338**
Limbang Menjadi Isu **340**
A. Samad Said **343**
Seminar Bahasa **347**
Kurir-Kurir Kemerdekaan **351**
Isabella **364**
Sahabat yang Pergi **380**

6 BRUNEI, SELAMAT TINGGAL **394**

Yang Marah-marah **394**
Mellisa dan Satoko **400**
Bersopan Santun **407**
Kampung Air Terbakar **411**
Dipinjam Pusat Sejarah **416**
Ada Anugerah? **426**
Cuti Panjang **429**
Yang Pergi **435**
Menulis Novel **438**
Konserto Terakhir **444**
Undangan Jakarta **448**
Saya Meminta Maaf **453**
Satu Hisapan Jempol **464**
Selamat Tinggal **467**

INDEKS **475**

PENGANTAR

Bismillahir Rahmanir Rahim.

SAYA mengucap syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan taufik dan hidayah-Nya, buku autobiografi *Perjalanan Mencari Hikmah* yang menjadi projek Karyawan Tamu Dewan Bahasa dan Pustaka kali kedua dapat saya selesaikan. Buku ini merupakan lanjutan daripada buku *Sebuah Perjalanan* yang saya tulis waktu menjadi Ahli Cipta di Universiti Sains Malaysia, dan buku *Perjalanan Mencari Bahasa*, hasil projek Karyawan Tamu Dewan Bahasa dan Pustaka kali pertama.

Jika dalam *Sebuah Perjalanan* yang mencakupi masa 50 tahun daripada usia saya, iaitu satu jangka masa yang cukup panjang, yang penuh dengan pergolakan mental dan fizikal kesan daripada dua peperangan dunia, maka buku ini lebih banyak tertumpu kepada pencarian jati diri bagi bangsa dan negara kita yang telah dapat melepaskan diri daripada belenggu penjajahan.

Sebagai bangsa yang baru mendapat kembali kemerdekaannya setelah sekian lama dijajah, maka kemerdekaan itu akan diisi dengan nilai-nilai kehidupan sendiri yang khas dari sudut politik, ekonomi, sosial dan pendidikan. Oleh sebab banyak udang banyak garam,

banyak orang banyak ragam, maka berlakulah berbagai-bagai macam cara dan usaha yang kemudian telah mencetuskan berbagai-bagai macam peristiwa yang secara tidak langsung telah mempengaruhi jalan kehidupan, baik secara berkelompok mahupun secara individu. Tetapi hanya dengan kestabilan politik sahaja negara akan mencapai keamanan, kemakmuran dan pembangunan. Bangsa yang berilmu dan berdisiplin saja akan mendapat kembali jati dirinya dalam era globalisasi. Pembangunan akan mewujudkan perubahan tidak sahaja pada peta muka bumi, tetapi juga pada minda, sikap dan tindakan penghuni bumi itu sendiri.

Saya bukan seorang yang penting, saya cuma tukang catat. Sebagai hamba Allah, saya tidak memiliki apa-apa kelebihan daripada orang lain. Di hadapan Allah s.w.t. hanya orang yang takwa sahaja yang dipandang. Tetapi pada saya, juga pada orang lain, pada tiap-tiap diri ada cerita yang patut dikenang, yang boleh dijadikan iktibar kerana contoh dan teladan diambil daripada peristiwa yang lebih dulu berlaku. Allah berfirman dalam al-Qur'an menyuruh kita berjalan melihat bekas-bekas peninggalan umat yang lalu untuk dijadikan iktibar.

Sangat banyak peristiwa penting yang tidak dapat dirakamkan kerana bukan tradisi kita untuk masuk bakul angkat sendiri, tetapi masa sudah jauh berubah, nilai-nilai juga sudah berubah. Perubahan itu telah berlaku dengan cepat. Generasi sekarang tidak tahu bagaimana permukaan Kuala Lumpur pada tahun-tahun sebelum merdeka, malah ada yang tidak tahu bagaimana kita mencapai kemerdekaan, maka banyaklah peristiwa penting yang hilang dan akhirnya kita hanya dapat membacanya daripada tulisan orang lain. Minda kita kembali dijajah, walaupun tubuh kita sudah merdeka.

Dalam *Perjalanan Mencari Hikmah* ini, saya lebih banyak bercerita tentang Negara Brunei Darussalam, kerana Allah s.w.t. telah mentakdirkan saya untuk menjadi saksi kemerdekaan sebuah lagi negara Melayu apabila negara tersebut dapat melepaskan diri daripada belenggu penjajahan.

ABDULLAH HUSSAIN

1

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Warga Kampus

SAYA bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana selalu mendapat pertolongan daripada-Nya ketika berada dalam situasi yang amat rumit atau dalam saat yang memerlukan bantuan.

Saya tidak pernah terfikir tentang hal kerja. Seumur hidup saya, tidak pernah saya berhenti daripada bekerja dan setiap kerja itu walaupun tidak mendatangkan pulangan yang lumayan, tetapi kerjanya masih ada. Maka begitulah ketika saya mengucapkan selamat berpisah kepada salah seorang pegawai tinggi Dewan Bahasa dan Pustaka, saya menjadi tersentak seketika apabila tiba-tiba dia bertanya, "Sesudah ini mau buat apa?"

Saya tersentak mendengar pertanyaan itu, kerana dia menyedarkan saya kepada satu realiti yang tidak pernah saya fikirkan selama ini. Realiti bahawa saya meninggalkan Dewan Bahasa dan Pustaka bukan sebagai pesara yang ada pencen. Dalam peraturan gaji baru bagi pegawai kerajaan, saya memilih untuk menerima wang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), bukan pencen. Maka saya memerlukan pekerjaan yang boleh menampung kehidupan saya setiap bulan. Wang KWSP

yang akan saya terima nanti sebahagiannya untuk membayar pinjaman rumah supaya ansuran bulanannya tidak terlalu tinggi dan sebahagian lagi untuk digunakan bagi perkara-perkara yang lain.

Saya belum begitu serius tentang soal kerja walaupun telah membuat janji temu dengan Shahnon Ahmad, yang pada masa itu Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) di Universiti Sains Malaysia, tentang jawatan Ahli Cipta yang ditawarkan waktu saya masih di Sabah. Tetapi entah bagaimana, dalam perjalanan pulang ke Sungai Limau, ada gerak halus yang menyuruh saya singgah sebentar di Minden, sekadar menyatakan salam kepada Shahnon Ahmad, Fatimah Busu dan Ali Haji Ahmad dan beberapa orang lain. Itulah kali pertama saya menjejakkan kaki di kampus universiti yang gagah itu, yang terletak di atas punggung sebuah bukit kecil yang cukup strategis di sebelah kanan jalan ke Bayan Lepas, tidak jauh dari pekan Gelugor.

Saya terus terpikat dengan suasananya yang begitu majestik.

Shahnon Ahmad agak terperanjat melihat saya yang tiba-tiba sahaja muncul di pejabatnya. Tanpa basa basi lagi dia terus sahaja bertanya, "Bila mau mula bertugas?"

"Apakah saya sudah diterima?" tanya saya agak hairan kerana dalam suratnya yang terakhir ada disebutkan bahawa permohonan saya sedang dalam pertimbangan.

"Hari ini juga boleh," katanya dengan air muka yang manis.

"Biarlah saya balik ke Sungai Limau dulu," jawab saya. "Lusa atau tulat saya melapor diri."

"Tak usah lama-lama sangat," katanya seperti tidak sabar. "Pak Lah (dia selalu membahasakan saya seperti itu) boleh gunakan pejabat saya," sambil berkata itu dia menyelak kain langsir pejabatnya itu dan menunjuk ke

luar arah ke belakang. "Itu yang di hujung."

Saya ikut melihat sambil menekan perasaan bersalah kerana saya telah menyangka yang bukan-bukan terhadap keikhlasannya sebelum itu. Sangkaan itu timbul kerana polemik senyap-senyap kami dulu,[1] tidak sedikit pun terbayang rasa dendamnya. Suratnya kepada saya waktu di Sabah penuh dengan semangat silaturahim dan ikhlas. Saya sahaja yang berfikiran begitu kerana terikut-ikut dalam arus kehidupan yang tidak sihat, selalu membuat tanggapan sebelum menyelidik, selalu beranggapan yang tidak baik terhadap orang. Saya mendapat suatu pelajaran yang amat berguna dan beruntung mengetahui keperibadian Shahnon yang mulia yang bakal menjadi ketua saya.

Saya melapor diri menjadi Ahli Cipta di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan di Universiti Sains Malaysia ketika dalam perjalanan pulang ke Kuala Lumpur. Setelah berjumpa dengan pendaftar dan timbalan pendaftar, dan menandatangani perjanjian, saya diarahkan berjumpa dengan pegawai perumahan untuk mendapatkan tempat tinggal selama berada di universiti itu.

Saya berjumpa dengan seorang anak muda yang pada papan nama di pintu pejabatnya tertulis A. Rahim Kamil. Ada sesuatu yang menyentuh perasaan saya pada namanya itu apatah lagi ketika melihat perawakan tubuhnya dan kulitnya yang cerah. Dia menerima saya dengan baik.

"Encik Rahim ini orang mana?" tanya saya.

"Kedah. Kenapa?"

"Nama bapa Encik Rahim membuat saya teringat kepada seorang kawan waktu sekolah dulu," kata saya.

"Memang betul," jawabnya. "Itu bapa saya. Saya sudah tahu Pak Lah kawannya."

Bapanya itu seperti yang telah saya ceritakan dalam

buku *Perjalanan Mencari Bahasa*, berkawan dengan saya hanya beberapa bulan sewaktu saya mula masuk belajar di Sekolah St. Michael's. Antara pelajar yang berbagai-bagai bangsa di sekolah itu, dialah yang paling rapat dengan saya dan secara kebetulan pula Nyak Hamzah, pak cik saya tukang jahit di kedai datuknya, H.M. Ali yang menjadi wakil tunggal yang menjual kain pelekat Cap Kerusi[2] di Pekan Melayu. Setelah saya meninggalkan Sekolah St. Michael's, kami terus berpisah dan tidak pernah berjumpa lagi tetapi saya selalu mendapat cerita tentangnya daripada Mohd. Khir Johari yang menjadi abang iparnya.[3]

Urusan mendapatkan tempat tinggal pun menjadi mudah. A. Rahim membenarkan saya tinggal di rumah rehat universiti dan tentang bayarannya dia mencadangkan saya menulis surat kepada Naib Canselor minta dikurangkan daripada kadar biasa. Shahnon kemudian memberikan pejabatnya yang cukup luas dan selesa berserta sebuah mesin tulis *manual portable*. Sebagai Ahli Cipta, saya hanya terikat dengan syarat-syarat dalam kontrak sahaja. Saya boleh tinggal tetap dalam kampus ataupun datang seminggu sekali ke pejabat. Tugas saya ialah menyiapkan sebuah projek seperti yang sudah dipersetujui dan saya memilih menulis sebuah memoir sebagai projek yang mesti disiapkan.

Di samping itu, saya diminta menyampaikan kuliah kepada para pelajar jurusan sastera dan sekali-sekala mengadakan seminar. Setelah selesai semua urusan yang mustahak untuk menjadi orang universiti, barulah saya pulang ke Petaling Jaya memberitahu isteri dan anak-anak. Agak gempar juga keluarga saya mendengar berita itu, kerana tiba-tiba sahaja dengan tidak ada angin tidak ada ribut, saya sudah menjadi orang universiti. Mula-mula mereka berasa keberatan kerana saya terpaksa

bekerja di tempat yang jauh terpisah daripada keluarga. Saya baru sahaja beberapa hari pulang dari Sabah setelah hampir satu tahun setengah berada di sana dan kali ini satu tahun pula di Pulau Pinang. Mereka menjadi agak tenteram sedikit apabila mengetahui bahawa saya tidak semestinya berada di sana sepanjang masa. Pada penghujung minggu saya boleh balik ke rumah. Saya boleh menaiki bas ekspres dan dalam masa enam jam sudah sampai di Kuala Lumpur. Jika menaiki pesawat tentu banyak memakan belanja.

Saya hanya membawa pakaian yang perlu sahaja kerana boleh berulang-alik ke rumah. Bilik saya di rumah rehat itu terletak paling hujung, agak besar, mempunyai empat katil, ada ruang tamu, ada dapur lengkap dengan pinggan mangkuk, periuk dan cerek. Setiap pagi saya berjalan kaki melewati dari sebelah hadapan muzium universiti atau dari sebelah belakangnya di hadapan gelanggang skuasy. Lima minit sudah sampai di pejabat. Pada masa itu di bahagian bawah PPIK itu ada kantin khas untuk staf, pensyarah dan juga pelajar yang berkemampuan. Saya minum dan makan di kantin ini yang terletak tidak jauh dari pejabat. Setiap pagi ramai pensyarah yang datang ke situ dan jika sudah bertemu maka tercetuslah berbagai-bagai perbincangan hingga berjam-jam lamanya, sebelum mereka masuk ke bilik kuliah. Saya cuba ke kantin itu seawal yang boleh dan kemudian terus masuk ke pejabat, tetapi akan ada kawan yang datang menjenguk di muka pintu atau menelefon ajak keluar minum apabila hampir pukul 10.00 pagi. Sekali dua bolehlah mengelak tetapi akhirnya akan terpengaruh juga. Apabila sudah keluar, maka akan berlanjutanlah hingga makan tengah hari, kadang-kadang terlajak sampai pukul 2.00 petang. Namun, itulah kehidupan intelektual yang cukup me-

narik. Walaupun saya tidak pernah menjadi pelajar di universiti, saya sekarang sedang mengalami kehidupan itu dan yang lebih menarik saya dapat bergaul dengan para ilmuwan daripada pelbagai bidang, mendengar mereka berbicara, berhujah sambil minum dan makan.

Dr. Qassim Ahmad, salah seorang pensyarah ilmu sejarah, lulusan salah sebuah universiti di Australia, selalu datang ke kantin itu sesudah menyampaikan kuliah. Dia membawa kertas kuliahnya dan meletakkannya di atas meja. Pada suatu hari, secara kebetulan saya dapat membaca kertas kuliahnya itu.

"Bagus sekali," kata saya. "Jika dapat disiarkan dalam majalah tentu ramai orang yang akan dapat manfaatnya."

"Mana ada majalah yang mau?" jawabnya bersahaja.

"*Dewan Masyarakat*!"

"Mereka mau?" tanyanya mulai berminat.

"Bagi kepada saya. Biar saya uruskan," kata saya.

Waktu pulang ke Kuala Lumpur pada hujung minggu itu saya bawa bersama beberapa kertas kuliahnya dan menyerahkan kepada editor *Dewan Masyarakat*. Mereka suka bukan kepalang. Dua bulan kemudian rencana itu pun mula disiarkan. Dr. Qassim sangat gembira. Dia lalu membeli beberapa naskhah untuk dihadiahkan kepada sahabat-sahabatnya. Sejak itu dia pun menjadi penyumbang tetap *Dewan Masyarakat* untuk beberapa waktu lamanya.

Pejabat saya berhadapan dengan pejabat seorang pensyarah ilmu fotografi bangsa Inggeris yang jarang ada di pejabatnya. Maka saya seperti menjadi operator telefon pula untuk menerima pesanan dari luar. Di bangunan yang sama juga terletak pejabat Dr. Cheah Boon Kheng seorang ahli sejarah, Fatimah Busu pensyarah sastera, Zainal pensyarah drama dan Fadzlullah

dari Pengajian Islam. Fadzlullah mempunyai hubungan kekeluargaan dengan A. Rahim Kamil. Saya kemudian berkawan dengan Mansor Mohd. Saman dari Pusat Komunikasi yang juga menjadi timbalan dekan pada waktu itu. Persahabatan saya dengan Mansor cukup akrab kerana kami mempunyai minat yang sama dalam bidang sastera dan penulisan. Mansor menjadi kolumnis *Sunday Mail* dan *Berita Harian* dan menulis buku. Dia termasuk salah seorang yang paling awal datang ke pejabat setiap pagi dan terus menghadap komputer sehingga waktu kuliah ataupun ada acara lain menurut jadual yang sudah disusun pada malam sebelumnya. Dia seorang yang cukup bersistematik, segala kerjanya tersenarai dalam satu daftar menurut urutan jam. Senarai itu kemudian difailkan. Percaya atau tidak, pergi membeli setem juga ditulisnya dalam senarai itu. Menelefon atau terjumpa saya juga ada tercatat. Kadang-kadang pada waktu petang kami pergi minum teh halia dekat gudang kastam di tepi pantai Gelugor, itu pun termasuk dalam acara kegiatan hariannya.

Selama menjadi Ahli Cipta terutama pada tahun kedua, saya cukup rapat dengan Mansor. Boleh dikatakan di mana dia berada maka di sana pula saya. Mansor seperti juga tulisannya dalam *Berita Harian* dan *Sunday Mail*, sangat pandai membuat kita ketawa dengan kata-kata atau ayat yang diucapkannya, dengan falsafahnya yang kadang-kadang ada dua makna. Dengan telor Kedah tentu lebih menarik lagi. Apabila S. Othman Kelantan datang ke USM sebagai tutor di PPIK sambil melanjutkan pengajian kesarjanaannya, dia tidak mempunyai ruangan pejabat. Atas persetujuan Shahnon, saya mengajaknya duduk di bilik saya kerana bilik itu cukup luas. Saya sekarang sudah ada kawan bercakap, berbincang dan berkelakar. S. Othman memanggil saya abang.

Saya mengenalinya melalui cerpen dan tulisannya yang dikirim ke majalah Dewan Bahasa dan Pustaka. Apabila dia menghantar cerpen, saya sangat suka melihat penaipannya begitu bersih dan kemudian pada tajuknya dia buat ilustrasi dengan huruf-huruf besar dan bercorak bunga. Walaupun kami tidak pernah menggunakan ilustrasinya itu, tetapi usahanya sangat menyenangkan mata memandang. Seperti yang pernah saya sebutkan sebelum ini, selain S. Othman Kelantan, Shahnon dan Mohd. Affandi Hassan antara penulis yang sangat saya senangi apabila menerima karya mereka. Penaipannya bersih, tidak banyak yang perlu diedit. Teks mereka itu boleh terus diatur huruf. Apabila bersama-sama S. Othman Kelantan, saya teringat kepada sahabat saya A. Majid Othman. Perawakan mereka berdua hampir sama, perangainya pun hampir sama pula. Cuma A. Majid bukan penulis tetapi gemar membaca, sangat suka pada buku. Pertama kali saya bertemu S. Othman di Kota Bharu Kelantan, kami terus menjadi mesra seperti sudah lama berkenalan. Dia membawa saya makan di rumahnya.

Jalan ke rumah rehat tempat saya tinggal itu seperti jalan di lereng bukit melalui satu kawasan kecil melandai yang ditumbuhi pokok-pokok bunga dan durian. Kawasan itu dijaga rapi oleh tukang kebun universiti. Tidak lama saya di situ, tibalah musim durian berbunga. Pokok durian yang beberapa batang itu pun ikut berbunga dan kemudian mengeluarkan putik. Setiap kali lewat, saya akan memerhatikan putik-putik itu dan cuba mengiranya, lalu mengikuti perkembangannya dengan teliti. Saya memberi laporan kepada Mansor. Apabila tiba masa durian itu akan gugur, maka kami pun bercadang akan membuat kawalan di bawahnya untuk menunggu buahnya gugur pada waktu malam. Tetapi ma-

lang, belum sempat kawalan diadakan buah durian itu sudah hilang.

Nayan seorang pensyarah di Bahagian Seni Foto telah membuat cadangan memajak dusun durian di Balik Pulau. Dia telah pergi membuat "pengintaian" di sebuah dusun dan menurut laporannya boleh tahan juga buahnya. Maka kami pun berkongsi mengeluarkan wang mengikut bahagian yang dipersetujui. Satu bahagian penuh RM200 tetapi kerana saya duduk jauh di Petaling Jaya, maka saya ambil setengah bahagian sahaja. Setelah buah durian mulai jujus, maka pada tiap-tiap pagi Nayan akan datang membawa durian di dalam but keretanya dan diserahkan kepada rakan kongsi yang sudah disenaraikan giliran bahagiannya. Banyak juga, tetapi buahnya kecil-kecil. Ada kawan secara berseloroh membuat kompelin tentang buah itu.

"Manalah aku tahu," kata Nayan, "melihat putiknya di pokok, macam beli lembu di tengah padang juga."

Pada suatu hari tiba giliran Mansor. Dia tinggal berkongsi rumah dengan A. Rahim Said sesudah pindah dari bilik di "Hilton" isteri dan anak-anaknya menetap di Damansara Utama, Petaling Jaya. Durian bahagiannya itu dilonggokkan sahaja di tepi padang berhampiran jalan di hadapan pejabatnya. Siapa sahaja yang lewat kami panggil. Jadi macam satu kenduri kecil pula. Giliran saya agak terkemudian dan kerana saya ambil setengah bahagian sahaja, maka jumlah buahnya tidak banyak, tetapi jikalau mahu dibeli di luar, puluhan ringgit juga harganya. Apa yang menggembirakan bukan tentang banyak sedikit buahnya, tetapi tentang semangat kerjasama. Ada semacam kepuasan yang tidak dapat diperikan sehingga ada ura-ura mahu memajak kebun yang lebih luas dan lebih banyak hasilnya pada musim akan datang. Sayang sekali cita-cita itu tidak

kesampaian kerana Nayan yang menjadi tenaga penggerak utama perkongsian itu terpaksa meninggalkan USM untuk berkhidmat dengan PETRONAS.

Penulisan Biografi

Projek saya sebagai Ahli Cipta ialah menyiapkan sebuah biografi atau memoir. Penulisan ini sebenarnya menjadi agak payah juga kerana ada tiga buah buku lain yang sudah saya tulis yang menyerupai penulisan biografi walaupun dalam bentuk novel. Kisah dalam buku-buku itu seperti hasil tebukan daripada sebuah biografi yang besar. Bagaimanapun, masih banyak lagi yang mahu saya ceritakan. Masih banyak pengalaman hidup saya yang belum tercatat. Saya sama sekali tidak bermaksud mahu menonjol-nonjolkan diri, kerana sebagai hamba Allah tidak ada apa yang lebihnya diri saya daripada orang lain. Di hadapan Allah s.w.t. hanya orang yang takwa sahaja yang dipandang mulia. Tetapi ada perkara daripada pengalaman yang saya lalui itu yang boleh dijadikan iktibar oleh orang di kemudian hari. Ada peristiwa sejarah walaupun faktanya boleh diperoleh daripada dokumen yang dikumpulkan di perpustakaan atau muzium, tetapi saya sebagai orang yang terlibat tentu dapat menceritakannya dengan lebih baik lagi, lebih bernyawa kerana saya merupakan dokumen bernyawa. Terlalu banyak peristiwa penting yang tidak dapat kita rekodkan, kerana selain bukan tradisi orang kita untuk membuat catatan, menulis biografi juga dianggap sebagai satu pekerjaan yang tidak terpuji kerana menulis tentang diri sendiri, seperti kata pepatah "masuk bakul angkat sendiri". Tidak baik, tidak sopan. Maka banyaklah peristiwa penting yang hilang ditelan zaman. Akhirnya kita mendapati kisah tentang bangsa

dan negara kita ditulis oleh orang lain dengan fakta-fakta yang sudah tentu ada penyelewengannya demi kepentingan orang yang menulis ataupun sekurang-kurangnya tidak lagi tepat seratus peratus berbanding dengan fakta yang boleh didapati daripada orang pertama. Saya teringat akan kata-kata Nugroho Notosusanto, mantan Menteri Pendidikan Indonesia, seorang ahli sejarah dan perwira dalam Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) tentang kesukaran membuat kaji selidik tentang sesuatu peristiwa yang telah lalu. Orang yang menjadi informan kadang-kadang bukan orang yang terlibat, tetapi dia hidup semasa peristiwa itu, mengetahui akan hal itu daripada cerita orang lain, maka dia akan bercerita seolah-olah dia sendiri yang ikut terlibat atau ada di tempat dan pada waktu itu. Saya telah mengalami sendiri apa yang dikatakan oleh Nugroho itu ketika menulis biografi Tun Datu Mustapha dan Harun Aminurrasyid. Memang menjadi satu kesulitan besar untuk membuat penilaian yang objektif antara orang yang pertama dengan orang yang kedua, ketiga dan seterusnya, lebih-lebih lagi kerana kedua-dua tokoh yang saya tulis itu merupakan orang ternama yang menyebabkan orang lain mendekatkan diri dengan mereka ataupun ikut menumpang bahagia. Kejadian yang paling menarik tentang seorang bernama Sukardi dari Melaka yang mengaku kenal baik dan menjadi kawan P. Ramlee waktu di Singapura dengan cerita rekaan yang boleh meyakinkan orang. Padahal Sukardi yang sebenarnya orang Pulau Pinang, kawan P. Ramlee yang sama-sama bersekolah di Francis Light School, Jalan Perak. Pada waktu Sukardi dari Melaka membuat pengakuan, Sukardi kawan P. Ramlee dari Pulau Pinang itu masih hidup dan bermukim di Jalan Tuaran, Kota Kinabalu setelah bersara daripada tentera.

Dalam *Terjebak* telah saya tuliskan tentang kisah bagaimana saya sampai di Aceh pada awal pemerintahan Jepun di Malaysia dan dalam *Peristiwa* pula kisah tentang peristiwa Jepun menyerah kalah kepada Tentera Bersekutu dan kisah-kisah yang terjadi pada awal kemerdekaan Indonesia sehingga saya menaiki motobot dari Pelabuhan Idi, di Aceh Timur kembali ke Pulau Pinang sebagai ejen Pemerintah Republik Indonesia Daerah Aceh untuk melacak pembuatan wang palsu OERIP (Oeang Republik Indonesia Propinsi) yang banyak berpunca di Tanah Melayu. Kemudian dalam *Aku Tidak Minta* ada kisah tentang penyeludupan senjata dari Thailand ke Aceh dengan kapal.

Ketiga-tiga buah buku ini telah ditulis dalam bentuk novel-biografi yang merupakan sebahagian daripada biografi saya, kutipan daripada kisah hidup yang panjang, namun bukan keseluruhannya. Ketiga-tiga buah buku ini hanya merangkumi satu lingkaran masa yang amat singkat iaitu dari bulan Januari 1942 hingga Disember 1949 apabila Belanda menyerahkan kedaulatan kepada Indonesia, iaitu lebih kurang tujuh tahun.

Oleh itu, bagi tahun-tahun selebihnya itulah yang akan saya tuliskan. Maka setiap pagi sesudah sarapan, saya akan menghadapi mesin taip dan menaip seberapa banyak yang dapat tanpa ada satu catatan pun. Jikalau tiada gangguan, paling tidak saya dapat menaip antara 15 hingga 20 halaman. Seperti kebiasaan, yang sudah ditaip itu akan disemak, diedit dan kemudian ditaip semula.

Saya masih tinggal di rumah rehat. Beberapa bulan kemudian, pada satu malam ketika saya kembali ke kampus dari Kuala Lumpur, di atas pintu bilik ada tertampal notis yang menyuruh saya keluar dari rumah rehat itu pada keesokan hari menurut tarikh yang ter-

tulis pada notis tersebut. Saya biasanya pulang ke Petaling Jaya pada hujung minggu dengan menaiki bas dari terminal di Bagan Tuan Kechil. Biasanya bas bertolak pada jam 2.00 petang, jikalau tidak ada aral melintang, pukul 9.00 malam sampailah di Perhentian Pudu Raya. Dalam jarak masa beberapa bulan itu, sudah berbagai-bagai bas ekspres yang saya naiki. Ada setengah-setengah-nya tidak ada permit. Pernah terjadi bas yang sepatutnya mengambil jalan langsung ke Sungai Bakap, Nibung Tebal, Parit Buntar telah melencong ke Kepala Batas, Lunas, Kulim dan keluar di Sungai Bakap kerana ada berita yang polis lalu lintas membuat rondaan di kawasan Bukit Mertajam. Maka lambatlah saya sampai ke tempat tujuan. Bas-bas ini akan berhenti di beberapa tempat tertentu dalam perjalanan, untuk makan. Bas yang drebarnya orang Melayu, ada restorannya sendiri dan yang drebarnya orang Cina restorannya lain pula. Di restoran itu drebar dan konduktornya mendapat makanan percuma dengan layanan yang istimewa. Makanan untuk mereka sudah tersedia di dalam sebuah bilik khas. Para penumpang boleh memesan makanan yang disukai. Ada antara restoran itu yang boleh dikatakan baik, tetapi kebanyakannya sangat menyedihkan terutama dari segi kebersihan dan layanan. Oleh sebab semua penumpang telah "terperangkap" di situ, maka mereka tidak ada pilihan lain, enak atau tidak kerana perut sudah lapar terpaksa makan juga. Bilik air di semua restoran ini kotor dan busuk dan kadang-kadang bau busuk itu sampai ke tempat orang makan. Ada beberapa rencana yang telah saya tulis tentang hal ini dalam akhbar. Amat menghairankan bagaimana pemilik restoran itu boleh bertoleransi dengan keadaan kotor serupa itu. Para penumpang boleh datang dan pergi, tetapi mereka yang menjadi pemiliknya akan tinggal

di situ sepanjang hidupnya!

Saya agak terperanjat menerima notis menyuruh keluar. Di rumah rehat universiti itu ada penyelia. Keesokan pagi, saya berjumpa penyelia tersebut sambil membawa notis yang ditampalkan di pintu bilik saya itu.

"Bukan Encik Rahim lagi yang mengurus," kata penyelia perempuan itu. "Sudah diganti dengan orang lain. Dia bekas tentera dan tadi siang dia datang ke mari memeriksa semua penghuni yang ada di sini. Dia marah-marah kenapa ada orang boleh duduk lama. Menurut peraturan hanya sepuluh hari saja."

Mendengar penjelasan penyelia itu, saya lalu pergi menemui pengganti A. Rahim di pejabatnya. Orangnya tidak simpatik, seperti malas mahu bercakap dengan saya. Daripada pandangan sepintas lalu, benarlah dia itu bekas tentera kerana masih ada "angin" ketenteraan pada peribadinya, ada sisa-sisa disiplin. Dia menyuruh saya keluar pada hari itu juga dan mesti membayar sewa penuh sesudah tempoh 10 hari yang pertama yang jumlahnya agak banyak. Dia tidak mahu mendengar rayuan saya.

Yunus, tauke kantin utama di universiti itu kebetulan orang kampung saya. Ada bau-bau bacang sedikit. Dia mempunyai sebuah restoran lagi di Jelutong, di seberang jalan tidak jauh dari masjid. Apabila saya menceritakan kepadanya tentang masalah tempat tinggal, dia menawarkan salah sebuah bilik di restorannya itu. Pada petang itu juga saya pindah. Esoknya saya membuat surat rayuan kepada Naib Canselor minta dihapuskan baki bayaran sewa yang dituntut oleh universiti. Rayuan saya itu diterima dan saya hanya membayar sewa yang ditetapkan dahulu.

Dr. Abdullah Hassan menjadi Dekan Pusat Pengajian

Bahasa. Drs. Darwis Harahap yang saya kenal ketika bekerja dengan Pustaka Antara di Kuala Lumpur dan pernah menemu ramah saya untuk majalah *Alam Wanita*, menjadi pensyarah di pusat itu juga. Ada cerita manis tentang Dr. Abdullah Hassan ini yang kadang-kadang menggusarkan.[4]

Dr. Abdullah Hassan banyak menulis rencana yang disiarkan dalam berbagai-bagai majalah, maka banyaklah surat yang dialamatkan kepadanya dan ada antara surat itu yang berisi cek. Bahagian pentadbiran universiti selalu terkeliru tentang kami berdua. Mereka menyerahkan surat saya kepada Dr. Abdullah Hassan dan surat Dr. Abdullah Hassan kepada saya. Saya pula tanpa melihat nama di sampul surat itu terus sahaja membukanya. Saya hairan melihat cek yang kadang-kadang besar jumlahnya. Pada waktu itu barulah saya melihat alamatnya. Saya tutup baik-baik dan mencatatkan di atas sampul itu permintaan maaf dan pergi menghantar kepada Dr. Abdullah Hassan di pejabatnya.

Sekali-sekala Shahnon meminta saya memberi kuliah menggantikan tempatnya. Kadang-kadang saya agak segan kerana antara pelajarnya ialah kawan-kawan saya seperti Kemala, Rejab F.I., Ismail Abbas, Mokhtar Yassin dan beberapa orang lain yang mengambil kursus luar kampus. Pada tahun kelima, mereka biasanya terpaksa menghadiri kuliah sepenuh masa dan tinggal di kampus. Dalam kumpulan itu kadang-kadang termasuk juga pelajar yang mengambil diploma dalam bidang kreatif. Bagaimanapun, hal itu tidak dapat dielak, segan atau tidak saya terpaksa juga berdiri di depan kelas dan menyampaikan ceramah kira-kira satu jam lamanya. Mungkin kerana saya berdiri di depan dewan kuliah sebagai "guru", maka mereka yang menjadi pelajar terpaksa juga mendengar celoteh saya walaupun ilmu

mereka mungkin lebih. Saya teringat kepada kisah saya menjadi kepala polis dan wedana di Langsa Aceh, pada tahun 1943–45. Waktu itu umur saya lebih kurang 23–25 tahun tanpa pendidikan asas tentang kepolisian dan pentadbiran awam, tetapi telah tercampak ke tempat itu. Maka terpaksalah saya berhadapan dengan orang-orang yang lebih tua, yang lebih banyak ilmu dan pengalamannya, namun dengan sedikit nasihat daripada pegawai yang lebih lama khidmatnya, maka tanggungjawab saya menjadi mudah. Apa yang penting bukan umur, tetapi "autoriti" yang diberikan kepada kita. Dengan autoriti itu orang yang lebih tahu daripada kita pun terpaksa tunduk berpura-pura tidak tahu. Keadaan seperti itu juga berlaku di sini. Saya yang kurang ilmu telah berdiri di depan dewan memberi kuliah kepada penuntut universiti.

Pada satu masa yang lain, sebagai syarat kepada Ahli Cipta, saya juga mesti mengadakan seminar. Selama dua tahun di USM, saya hanya sempat melaksanakan satu seminar sahaja yang disampaikan kepada para pensyarah dan penolongnya yang berada di bawah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Tajuk seminar ialah "Peristiwa-peristiwa Sebelum dan Sesudah Perang Dunia Kedua dan Keterlibatan Saya." Tajuk ini ada kaitannya dengan projek yang sedang saya garap, jadi tidaklah begitu sukar. Ada sebahagian daripadanya sudah saya tulis dalam *Terjebak*, *Peristiwa* dan *Aku Tidak Minta*, yang akan saya sentuh sedikit di sana sini sementara sebahagian lagi termasuk yang sedang saya usahakan, dapat saya menceritakan dengan mudah seperti sedang membacanya daripada sebuah buku yang terbuka. Seminar itu diadakan di sebelah petang di dewan yang terletak di PPIK. Saya tidak ingat berapa lama saya sudah bercakap, walaupun masih banyak yang mahu mendengar,

tetapi seminar itu terpaksa diberhentikan kerana hari sudah hampir maghrib. Saya kira mereka tertarik kerana pertama kali mendengar kisah langsung dari mulut orang yang terlibat, tentu amat berbeza daripada yang biasa dilakukan selama ini, iaitu membaca daripada dokumen yang bisu dan kaku.

Selama menyewa bilik di atas restoran Yunus di Jalan Jelutong yang terletak di salah sebuah deretan rumah kedai dua tingkat yang baru dibina, saya beruntung kerana setiap waktu maghrib dan isyak dapat solat berjemaah di masjid di seberang jalan. Setiap pagi saya menaiki bas hingga ke pintu gerbang universiti. Dari situ berjalan kaki mendaki lereng yang melandai sampai ke PPIK. Satu riadah yang baik. Tidak lama kemudian, restoran di Jelutong itu terpaksa ditutup kerana kurang mendapat sambutan walaupun sajiannya boleh dikatakan yang terbaik di pekan kecil yang sibuk itu. Saya mulai bertukar tempat makan di kedai India yang ada di situ. Dalam masa mencari tempat makan itu saya sering melintasi sebuah rumah papan yang bumbungnya rendah tersepit di celah-celah rumah kedai batu dua tingkat. Walaupun usia rumah papan itu tidak jauh berbeza daripada rumah kedai batu yang lain, tetapi kerana diperbuat daripada kayu, maka amat ketara keuzurannya, namun masih berfungsi. Rumah kedai itu dijadikan tempat menjual alat-alat bangunan seperti kayu dan papan. Melihat rumah itu, timbul semacam nostalgia. Itulah Jelutong Press yang terkenal dalam sejarah persuratkhabaran Melayu, milik Syed Syeikh al-Hadi. Dari Jelutong Press itulah terbit majalah *Al-Ikhwan* dan akhbar *Saudara* yang menjadi bonda kandung Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM). Jelutong Press itu ditubuhkan daripada hasil jualan *Hikayat Faridah Hanum*, novel Melayu yang pertama dan buku-buku

saduran lain serta buku agama yang diusahakan oleh Syed Syeikh al-Hadi. Di bangunan yang sekarang ini kelihatan daif itulah tempat pengarang-pengarang besar Melayu bekerja melahirkan berbagai-bagai tulisan yang membangkitkan semangat orang Melayu melalui reformasi agama dan semangat kebangsaan. Tulisan-tulisan yang berbentuk sindiran yang tajam, galakan dan gesaan yang disiarkan melalui majalah, akhbar, buku dan novel mengalir keluar dari bawah atap rumah itu. Di situ Syed Syeikh al-Hadi duduk silih berganti bersama-sama A. Rahim Kajai, Othman Qalam, Mohd. Yunus Abdul Hamid dengan sumbangan Za'ba dan Syeikh Tahir Jalaluddin.

Berhampiran tingkap di bahagian paling kiri bangunan itu terletak meja besar Mohd. Amin Nayan, ketua pengarang *Saudara* yang terakhir. Mejanya menghadap ke sebelah kanan ke meja A. Hamid Khan, pengurus, yang letak mejanya menghadap ke dalam. Di antara kedua-dua meja ini, di bahagian tengah yang agak ke tepi dinding yang memisahkan ruangan pengarang dengan bilik *compositor*, terletak meja saya yang baru diambil bekerja sebagai penolong pengarang. Pada waktu itu saya tinggal di Jalan Kelawai dan setiap pagi menaiki bas Penang Traction Company melalui Jalan Perak hingga ke Jelutong. Jika kekurangan duit tambang saya akan berjalan dulu menyusur Jalan Perak seberapa jauh yang dapat, kadang-kadang hingga ke simpang Jalan Dato Keramat.

Di tempat saya berdiri sekarang ini, Ahmad Ismail, guru pelatih di Sekolah Melayu Sungai Ara akan menunggu saya setiap petang dengan basikalnya.[5] Kami kemudian akan berjalan kaki hingga ke Simpang Enam.

Sudah setahun saya di USM. Shahnon Ahmad lalu menyuruh saya menulis surat permohonan kepada Tan

Sri Haji Hamdan Syeikh Tahir, Naib Canselor untuk meminta supaya disambung setahun lagi kontrak kerana projek saya belum siap. Pada masa itu Jamil Sulong datang untuk menggantikan tempat A. Latiff Mohidin yang telah tamat tempohnya. A. Latiff Mohidin yang menjadi Ahli Cipta di USM ini jauh berbeza daripada A. Latiff semasa bujang dahulu, yang kadang-kadang berjalan tanpa kasut, menggalas sebuah uncang lusuh. Dia telah berkahwin dan menjadi seorang suami yang baik. Walaupun sifatnya seperti biasa agak *reserve* sedikit, namun apabila kita lama bersahabat dengannya kita akan berasa gembira. Dia juga boleh berkelakar seperti orang lain yang boleh membuat kita ketawa dengan ucapan-ucapannya yang bersahaja. Mukanya yang dihiasi janggut sejemput itu menambahkan keyakinan kita kepadanya. Kami kadang-kadang berjumpa di pejabat Zakaria Ali, orang Rembau yang lama di Amerika dan sangat terpikat dengan Mexico. Zakaria seorang pelukis, penyair, penulis novel dan cerpen, pernah memenangi Hadiah Mengarang Novel GAPENA-YS dengan novelnya yang berjudul *Empangan*, menjadi pensyarah di Bahagian Seni Halus. Pada suatu malam, Zakaria membuat jamuan di pejabatnya. A. Latiff menyediakan minuman yang dibuat daripada air buah yang katanya satu spesialiti yang diciptanya sendiri. Menurut beberapa orang pelajar MASKOM yang di bawah Mansor Mohd. Saman, minuman ciptaannya itu memang luar biasa.

Saudara Seagama

Saya dibenarkan menyambung kontrak untuk setahun lagi dan kali ini mendapat tempat tinggal di asrama Desa Bakti di bangunan yang digelar "Hilton" oleh

warga USM. Bilik yang diberikan kepada saya di tingkat tiga itu cukup besar, ada kamar tamu, ada dapur dan bilik mandi sendiri. Jamil Sulong yang ketika mula-mula datang tinggal di rumah rehat itu pun telah pindah ke sebuah bilik di asrama perempuan di desa itu berhampiran "Hilton" juga. Rosnani isterinya ikut bersama. Mereka tinggal di ruang bawah. Waktu tinggal di asrama ini, saya berkenalan dengan seorang pemuda Melanau dari Sarawak bernama Jeniri Amir. Dia tinggal di bangunan yang sama, satu tingkat di atas. Perkenalan ini bukan secara kebetulan. Jeniri yang mengambil jurusan ilmu pendidikan itu seorang peminat sastera, selalu menulis sajak dan rencana dalam majalah dan akhbar. Saya berkenalan dengannya melalui Drs. Darwis Harahap. Persahabatan saya dengan Jeniri menjadi semakin akrab mungkin kerana kami sama satu aliran – sastera. Pada tiap-tiap hari minggu, kami berdua akan turun ke Georgetown, berjalan-jalan ke kedai buku, mencari nasi kandar dan aiskrim. Sesudah makan baru kami pulang ke kampus, kadang-kadang dia menemani saya memberi ceramah di bengkel penulisan anjuran 2PNP hingga ke Seberang Perai. Cikgu Ahmad Abdul Hamid menjadi ketua 2PNP waktu itu. Dia mempunyai kereta dan orang bujang pula, selalu membawa kami melancong dengan keretanya ke banyak tempat di Seberang Perai.

Walaupun saya pernah tinggal di Pulau Pinang sebelum perang dahulu, tetapi keadaan tempatnya banyak yang telah berubah. Kawan-kawan lama sudah ramai yang telah meninggal dunia ataupun berpindah. Dahulu mereka tinggal berpencar-pencar dalam kelompok kampung orang Melayu seperti di Kampung Dodol, Sungai Pinang, Kampung Jawa, Patani Road, Kelawai dan sebagainya. Sekarang kelompok-kelompok itu menjadi

semakin kecil didesak oleh pembangunan yang semakin pesat. Antara kawan saya yang masih ada dan selalu bertemu hanyalah Mohd. Zain Haji Muhammad. Dia tinggal di Ayer Itam, tetapi tempat persinggahannya di bandar ini ialah Kampung Kolam Football Club di Carnavon Street berhampiran Masjid Melayu. Abu Bakar Sutan masih menjadi drebar. Sesekali saya berjumpa dengannya di simpang Carnavon Street itu. Pada suatu hari, saya dan Mohd. Zain Haji Muhammad telah mengunjungi rumah Sulaiman Isa salah seorang orang kuat Kumpulan Sahabat dahulu. Dia sudah uzur, dua tiga hari sekali terpaksa ke hospital kerana kesukaran membuang air. Di masjid Simpang Enam saya selalu bertemu A. Hamid Rashid. Pada pertemuan yang pertama dahulu, saya hampir tidak mengenalinya. Dia seorang pemain bola, ragbi dan ahli tinju yang terkenal di Sultan Abdul Hamid College pada masa mudanya dengan badannya yang begitu gemuk dan tegap. Kini dia sudah kurus langsing. Dia yang pernah belajar ilmu kedoktoran haiwan di Madras, pernah menjadi kerani besar di Pejabat Daerah Kulim pada zaman Tunku Abdul Rahman, kemudian apabila diberhentikan daripada Kedah Civil Service, dia menjadi salah seorang pegawai tinggi dalam pasukan Royal Service Corps di Singapura. Namun, dia kini menjadi gelandangan di jalan raya, hidup bergantung kepada belas kasihan kawan kenalan. Demi persahabatan kami yang lalu, saya cuba menolongnya supaya dia dapat mandiri, hidup cara yang wajar dengan ilmu yang ada padanya. Dia seorang yang fasih berbahasa Inggeris, boleh menulis dengan nahu yang baik. Saya lalu memperkenalkannya kepada Abubakar Nyak Cut Hashim, seorang keluarga yang sedang mencari penterjemah untuk menterjemahkan rencana-rencana untuk sebuah majalah pengguna dengan bayaran

yang lumayan. Dia bersetuju dan gembira dengan pekerjaan yang ditawarkan itu. Tetapi setelah sebulan berlalu, keluarga saya itu telah putus hubungan dengannya dan dia tidak dapat dikesan walaupun di Masjid Simpang Enam tempat dia selalu duduk sebelum itu. Kami sungguh kecewa. Kali terakhir saya berjumpa dengannya, pada suatu pagi dia tiba-tiba sahaja muncul di Restoran Yunus di pekan Jelutong sebelum restoran itu ditutup kerana mahu meminta bantuan. Kedatangannya yang tiba-tiba itu membawa tuah kerana pada masa itu saya sedang kebingungan. Pintu bilik saya terkunci dari dalam sewaktu keluar mandi, dia berusaha mencari tangga memanjat masuk dari tingkap hadapan. Setelah itu saya tidak pernah mendengar khabar beritanya lagi.

Ada juga penuntut yang menyangka saya ini pelajar kerana tinggal di Asrama Desa Bakti. Pada suatu petang, ketika saya masuk ke dalam lif mahu naik ke bilik, seorang pemimpin pelajar dengan agak kasar bertanya:

"Awak ini pelajar barukah?" Dia merenung tajam kepada saya. Kami berdua sahaja di dalam lif itu. Saya tahu dia pemimpin pelajar kerana pernah memarahi seorang pelajar yang mungkin tidak memberi hormat kepadanya.

"Ya," jawab saya dengan membuat muka tolol.

"Jurusan apa?"

"Kemanusiaan."

"Kemanusiaan banyak. Mana satu?"

"Mana-mana sajalah," ujar saya dan terus keluar ketika pintu lif telah terbuka di tingkat tiga.

Keesokan pagi saya berjumpa lagi dengan pelajar tersebut di kantin di bahagian bawah bangunan itu. Sedang saya berdiri menunggu giliran, seorang pelajar Kelantan telah datang menolong mengambil minuman dan roti serta telur yang saya pesan. Saya memberikan

wang kepada pelajar itu dan membayar minumannya sekali. Dia kemudian duduk bersama-sama saya. Pelajar yang berjumpa saya di dalam lif petang kelmarin duduk tidak jauh dari situ, sambil memandang-mandang ke arah saya dari tempat duduknya. Apabila saya bangun, saya lihat dia datang duduk di tempat saya tadi. Petang itu kami berjumpa sekali lagi di depan pintu lif. Dia terus menghulurkan tangan bersalam sambil membahasakan saya dengan panggilan bapa dan meminta maaf kerana dia menyangka saya ini pelajar tahun akhir kursus luar kampus. Setelah itu kami pun menjadi kawan, selalu minum bersama.

Cuti semester jatuh pada penghujung bulan Zulhijah. Kampus mulai sunyi. Kantin ditutup. Pada petang itu, Jeniri datang ke bilik saya sebelum maghrib.

"Bapa," katanya, "saya ini ada masalah sedikit."

Mendengar ucapannya itu saya terus membuat telahan tentang masalah yang diucapkannya itu. Menurut telahan saya tentu ada kaitannya dengan perkara-perkara yang biasa menjadi masalah kepada para pelajar. Mahu menukar subjek seperti yang selalu mereka minta tolong daripada saya, kerana saya rapat dengan para pensyarah, masalah kewangan dan masalah hati.

Saya terus menjawab, "O.K., masalah itu kita bincang sesudah kita makan nanti. Sekarang Jeniri pergi cari motosikal, kita keluar makan. Saya mahu solat maghrib."

Biasanya waktu kami keluar ke Georgetown, apabila tiba waktu solat saya selalu singgah di mana sahaja yang ada masjid dan bersolat. Jeniri biasanya duduk-duduk di luar ataupun dia pergi berjalan-jalan sehingga saya selesai solat. Saya tidak pernah bertanya kepadanya soal agama.

Pulang dari makan, sesudah mengembalikan motosikal yang dipinjam, Jeniri datang ke bilik saya.

"Sekarang cuba ceritakan apa masalah Jeniri?" kata saya sebaik sahaja dia duduk di kerusi di ruang tamu.

"Bapa ingat saya ini Islam?" Dia bertanya agak lantang sedikit. Tetapi saya tidak tersinggung kerana saya tahu itu cara orang Sarawak bercakap, berterus terang.

"Saya tidak pernah ingat apa-apa," jawab saya setulus hati. Memang benar. Sejak saya berkenalan dengannya, saya tidak pernah bertanya tentang agamanya walaupun pada namanya itu ada nama "Amir" yang biasa digunakan oleh orang Islam.

"Saya bukan Islam. Saya beragama Katolik," katanya berterus terang.

"Jadi kenapa?"

"Saya mahu masuk Islam," jawabnya tegas.

Mendengar jawapannya itu saya sedikit pun tidak terperanjat. Entah kenapa. Mungkin kerana selama saya berkawan dengannya tidak sedikit pun terfikir tentang perbezaan agama, walaupun dia tidak pernah mengikut saya bersolat. Selain itu saya merasa dirinya dengan diri saya terlalu dekat. Boleh jadi kerana dia seorang penulis dan saya sering membaca tulisannya dalam majalah dan surat khabar. Saya selalu menganggapnya sebagai salah seorang penulis Sarawak yang berani, kerana menulis dalam akhbar yang terbit di Semenanjung yang amat langka bagi kebanyakan penulis Sarawak.

"Jeniri mahu masuk Islam ini apakah kerana mahu berkahwin dengan gadis Islam?" Saya bertanya. "Kalau kerana mahu berkahwin, saya nasihatkan belajar memahami agama Islam dulu semasak-masaknya, baru buat keputusan," sambung saya lagi.

"Bukan," jawapannya tegas. "Bukan kerana mahu berkahwin. Saya sudah lama mempelajari agama Islam. Jikalau bapa tak percaya boleh datang lihat di bilik saya."

Memang benar apabila saya ke biliknya di tingkat

atas, saya dapati banyak buku tentang agama Islam di atas rak buku kecil di tepi dinding.

"Jeniri baca buku ini semua?" tanya saya.

"Baca."

Saya terus teringat kepada beberapa orang pelajar di universiti itu yang sangat mengambil berat tentang agama Islam. Ada antara mereka itu yang menunggang motosikal. Jubahnya menggerbang ditiup angin, penaka para ulama Perang Paderi di Minangkabau yang sedang menunggang kuda seperti yang pernah saya lihat gambarnya dalam buku sejarah dan gambar Pengiran Diponegoro ketika memimpin umat Islam menentang Belanda. Mereka menunggang motosikal berkeliaran dalam kampus, menegur para pelajar wanita yang tidak berjilbab, mengancam pelajar lelaki dan perempuan yang berjalan berpegangan tangan, memarahi mereka yang duduk berdua-duaan di tempat-tempat yang sunyi. Mereka mengetuk pintu bilik pada waktu pagi menyuruh penghuni yang beragama Islam keluar bersolat subuh. Mereka pernah bertanya tentang seorang pensyarah yang menjadi teman baik saya, "Apakah dia itu pernah mengerjakan solat?"

Saya teringat itu semua kerana di sini ada seorang hamba Allah yang sedang mencari pegangan, tiada siapa yang pernah bertanya. Tiada siapa yang pernah mengambil tahu.

"Baiklah," kata saya. "Saya akan uruskan."

Besoknya saya pulang ke Petaling Jaya kerana dua hari lagi hari raya. Sesudah solat maghrib dengan keluarga, saya teringatkan Jeniri.

"Allah!" kata saya mengeluh dengan kuat. "Saya sudah buat kesilapan besar."

Isteri saya terkejut mendengar keluhan saya itu dan terus bertanya, "Kesalahan apa?"

Saya menceritakan kepadanya tentang Jeniri. "Sepatutnya pada saat dia menyatakan hasratnya itu saya terus terima syahadahnya. Kalaulah terjadi apa-apa ke atas dirinya, maka besar dosa yang akan saya tanggung."

Saya lalu menelefon ke universiti untuk bercakap dengan Jeniri, tetapi tidak ada siapa yang menyambutnya kerana universiti sedang cuti. Perasaan takut saya semakin menjadi-jadi. Saya berdoa dalam diam-diam memohon Allah melanjutkan usianya, memberi perlindungan kepadanya daripada segala macam malapetaka dan bala bencana sehingga dia selamat balik ke kampus dan dapat menjalani upacara pengislaman. Pada hari raya yang kedua, saya tergesa-gesa balik ke Pulau Pinang dan perasaan menjadi bertambah gundah apabila mengetahui Jeniri masih lagi berada di kampungnya. Saya berdoa lagi supaya dia balik ke Pulau Pinang segera. Rasa gembira saya melimpah-ruah apabila pada petang itu dia muncul di muka pintu bilik.

"Bapa, mari kita pergi makan."

"Bila Jeniri sampai?" Saya seperti mahu memeluknya.

Saya pergi berjumpa Shahnon Ahmad di pejabatnya pada keesokan hari.

"Cikgu," ujar saya. "Boleh saya pinjam rumah cikgu pada malam Jumaat ini?"

"Mau buat apa?" tanya Shahnon agak hairan.

"Mau buat kenduri sikit."

"Kenduri apa?" Dia menjadi bertambah hairan.

"Adalah. Nanti cikgu tahu."

"Apa ini? Nak pinjam rumah saya, saya tak boleh tahu pula," katanya dengan nada seloroh.

"Saya mau buat majlis pengislaman seorang kawan."

"Apa?" Dia membelalakkan matanya dan mulai menaruh minat. "Siapa?"

"Kawan kita juga," ujar saya, sengaja mahu menimbulkan saspens.

"Kawan kita yang mana pula?" Saya tahu dia hairan dan bingung sedikit. Sebab mana ada antara kawan kami yang belum Islam?

"Jeniri Amir!"

"Budak Sarawak itu? Apakah dia bukan orang Islam? Tapi namanya macam orang Islam," Shahnon melahirkan rasa terperanjatnya. Kemudian dia berkata, "Pak Lah ni macam-macam saja."

Setelah mendapat izin, saya pun pergi berjumpa Yunus, pengurus kantin utama universiti.

"Abang mahu buat kenduri sedikit malam Jumaat ini di rumah Dato' Shahnon. Yunus boleh kasi beberapa anggaran yang paling rendah. Yunus tahu abang ini tidak ada duit."

"Berapa orang?"

"Kira-kira lima puluh orang begitu."

"Biasanya dua ringgit, tapi untuk abang seringgit setengah bolehlah."[6]

Setelah itu saya pun pergi berjumpa Md. Salleh Yaafar.

"Saya mahu mengadakan majlis pengislaman kawan kita di rumah Dato' Shahnon pada malam Jumaat ini, boleh Saudara Salleh tolong jemput tuan kadi dan uruskan apa yang perlu."

Demi Md. Salleh Yaafar mengetahui nama orang yang akan diislamkan itu, dia pun dengan sukacita pergi menjemput tuan kadi dan menguruskan apa yang perlu. Pada malam Jumaat itu, saya telah menjemput semua kawan kenalan yang dekat seramai kira-kira 50 orang semuanya termasuk pendakwah yang menunggang motosikal, wartawan dan ahli 2PNP. Tuan kadi telah menyuruh saya mengajar syahadah kepada Jeniri. Sete-

lah selesai, kami semua berjemaah maghrib dan Jeniri ikut serta mengerjakan solatnya yang pertama sebagai seorang Muslim.

Sejak itu para pendakwah penunggang motosikal mulai berubah pandangannya terhadap saya. Apabila berpapasan di jalan, mereka akan memperlahankan motosikalnya dan memberi salam dan kemuncak daripada itu, mereka mengundang saya untuk memberikan kuliah subuh. Saya menolaknya kerana saya bukan ustaz dan tidak banyak ilmu agama. Bagaimanapun, pada majlis menyambut hari raya yang diadakan di surau universiti sesudah beberapa hari raya, saya diminta berucap sesudah tetamu khas memberikan ucapannya. Saya menolak kerana hari sudah terlalu petang, sudah hampir waktu maghrib. Tetapi pihak jawatankuasa memaksa juga sehingga ada yang berkata selagi saya belum berucap mereka akan tunggu sampai maghrib. Maka mahu tidak mahu saya pun bangun menyampaikan ucapan yang pendek. Mendengar ucapan saya itu mereka yakin bahawa saya boleh memberikan kuliah subuh dan mereka membuat desakan, tetapi saya menolak, kerana saya bukanlah ahli dalam ilmu agama.

Setelah menjadi seorang Islam, Jeniri semakin rapat dengan saya dan Drs. Darwis Harahap. Dia saya anggap sebagai anak angkat. Waktu saya akan meninggalkan USM, Jeniri berada di tahun akhir. Saya berpesan kepada Drs. Darwis supaya dia membimbingnya dalam ibadah dan mengajaknya bersolat Jumaat selalu.

Seorang Nasionalis

Pada masa saya menjadi Ahli Cipta di Universiti Sains Malaysia itu, Yayasan Sabah telah mengundang saya menjadi salah seorang peserta di Seminar Sejarah yang

diadakan di Kota Kinabalu. Saya tahu tentu Arena Wati turut memainkan peranan dalam proses undangan tersebut. Ketika sampai di Kota Kinabalu, saya ditempatkan di Hotel Jesselton yang terletak di Tanjung Aru bersama-sama para undangan yang datang dari Kuala Lumpur. Antara yang diundang ialah Prof. Dato' Nik Rashid yang menjadi Pengarah Institut Teknologi MARA (kini, Universiti Teknologi MARA – UiTM), Dr. Siti Zaharah Sulaiman, Hashim Amir Hamzah dan Firdaus Abdullah. Malam berikutnya tiba pula para peserta dari Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada Hajah Shamsiah Abdil Manaf dan Haji Muslim Burmat. Hajah Shamsiah gadis Brunei yang aktif, amat terbuka sifatnya dan seorang pembaca sajak yang baik. Pada sesi pembacaan sajak di seminar itu, dia berpasangan dengan Firdaus Abdullah membaca sajak "Pasir Salak".

Pada seminar itu, Harun Aminurrasyid dan keluarganya telah diundang khas sebagai tamu Yayasan Sabah. Undangan ini tentu berpunca daripada Arena Wati yang pernah bekerja dengan Harun di majalah *Hiburan* waktu di Singapura dahulu dan undangan itu amat wajar kerana Harun pada zaman mudanya seorang yang sangat meminati sejarah.[7] Yayasan Sabah lalu menyediakan satu peruntukan bagi membiayai projek penulisan riwayat hidupnya. Beberapa orang telah dicadangkan untuk menangani projek tersebut. Tetapi tiba-tiba Mohd. Noor Azam yang juga peserta di seminar tersebut mencadangkan nama saya kepada Tengku Adlin, Pengarah Yayasan Sabah. Arena Wati terus menyokongnya dengan kuat. Saya menolak kerana saya masih menjadi Ahli Cipta di Universiti Sains Malaysia dan projek saya masih belum selesai.

Arena Wati terus mendesak dan desakannya itu mendapat sokongan daripada Mohd. Noor Azam. "*You* kena

ambil projek ini kerana *you* saja yang boleh menyiapkannya dalam masa yang ditetapkan."

Mereka mahu penulisan riwayat hidup Harun Aminurrasyid itu disiapkan dalam masa empat atau lima bulan dari tarikh itu. Saya tetap menolak. Alasan saya amat banyak, tetapi yang paling kuat ialah saya tidak begitu rapat dengan Harun waktu di Singapura dahulu. Meskipun saya tahu dia seorang pejuang, seorang pengarang yang terkenal, seorang ahli bahasa dan wartawan, tetapi dia tidak masuk dalam kumpulan kami, wartawan dan penulis muda. Dia tidak ikut serta dalam penubuhan Persatuan Wartawan Melayu Singapura walaupun kami mengundangnya. Harun hanya bergiat dalam kelompoknya sahaja, iaitu Lembaga Bahasa Melayu dan Persatuan Kebudayaan Melayu. Mahmud Ahmad dan Ramli Abdul Hadi yang menjadi sahabat rapatnya dalam kedua-dua pertubuhan ini ikut menjadi ahli Persatuan Wartawan Melayu Singapura, malahan Ramli pernah menjadi setiausahanya. Walaupun saya pernah bertemu dengannya secara dekat, tetapi hanya dua kali sahaja. Pertama, waktu baru-baru sampai di Singapura. Pada waktu itu akhbar *Melayu Raya* yang dipimpinnya memerlukan seorang editor sambilan. Saya memohon dan dipanggil untuk temu duga tetapi tidak berjaya. Kali kedua ialah ketika kami bersama-sama Dr. Burhanuddin al-Hilmy (ada yang mengatakan al-Hulaimi) pergi ke Pontian kerana diundang oleh Pemuda UMNO untuk berceramah.

Arena Wati berkeras mahukan saya menangani penulisan itu. Diseretnya saya berjumpa Tengku Adlin dan mereka melantik Mohd. Noor Azam sebagai penyelia. Yayasan Sabah lalu menyerahkan wang peruntukan projek itu kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memudahkan saya berurusan, tambahan pula Dewan

Bahasa dan Pustaka telah dipilih sebagai penerbitnya.

Pada satu malam, kami telah berkumpul di ruang tamu Hotel Jesselton berjaga-jaga menemani Firdaus Abdullah yang akan pulang ke Kuala Lumpur dengan penerbangan ekonomi tengah malam itu. Prof. Dato' Nik Rashid, Dr. Siti Zaharah, Arena Wati, Hajah Shamsiah, Firdaus Abdullah dan saya terlibat dalam satu perbincangan yang cukup menarik tentang berbagai-bagai ilmu dunia dan yang menjadi kemuncaknya ialah kisah makan anak kuda yang masih dalam kandungan yang menjadi amalan orang Bugis untuk mendapatkan berbagai-bagai kekuatan. Menurut Arena Wati, janin kuda itu diambil dengan menyembelih ibunya dan janin itu merupakan makanan yang paling mahal. Saya melihat muka Dr. Siti Zaharah dan muka Hajah Shamsiah berkerut-kerut waktu mendengar cerita ajaib daripada Arena Wati itu. Kemudian meleret-leret pula cerita tentang pelbagai jenis ubat tradisi dan akhirnya secara bergurau kami menubuhkan sebuah persatuan bomoh-bomoh Melayu dengan mengangkat Prof. Dato' Nik Rashid sebagai ketua kehormat. Sampai sekarang pun apabila kami berjumpa, cerita tentang anak kuda itu masih merupakan topik yang hidup.

Dalam rangka menulis biografi Harun Aminurrasyid itu, beberapa kali saya berulang-alik ke Singapura. Harun tinggal di Fidelio Street, Opera Estate. Kali pertama saya sampai di rumahnya, isterinya memberitahu bahawa suaminya baru sahaja keluar ke pasar di Geylang Serai. Saya tercengang mendengarnya, kerana Harun pada waktu itu sudah mulai diserang angin ahmar.

"Barangkali masih di stesen bas," kata isterinya.

Saya lalu berkejar ke perhentian bas yang letaknya tidak jauh dari rumahnya. Saya melihat dia masih berjalan bertatih-tatih, mengayun langkah satu-satu dengan

agak payah sambil membawa bakul menuju ke pintu bas.

"Assalamualaikum," saya lalu memegang tangannya.

"Mau ke pasar," jawabnya dengan sebutan tidak begitu jelas.

"Kenapa cikgu pergi?" tanya saya. "Cikgu tidak sihat."

Saya mengajaknya pulang, tetapi dia mahu pergi juga. Saya terpaksa balik sendiri ke rumahnya.

Isterinya memberitahu, begitulah keadaannya walaupun dia berjalan bertatih-tatih serupa itu, tetapi masih berkeras mahu ke pasar di Geylang Serai. Dia mahu berjumpa kawan-kawannya. Pernah pada satu ketika kata isterinya, dia terjatuh di pasar. Untung ada kawan-kawan yang menolongnya. Hatinya memang cukup keras.

Saya tidak dapat menemu ramahnya kerana percakapannya sudah tidak begitu jelas. Dia mendapat sakit lumpuh. Walaupun belum begitu parah, tetapi mulutnya sudah mulai herot sedikit. Saya hanya mendapat bahan-bahan tulisannya sahaja, itu pun banyak yang sudah hilang, dipinjam oleh orang yang membuat kajian dan tidak dikembalikan. Nasib yang sama pernah saya alami.

Dalam proses penulisan biografi Harun Aminurrasyid itu saya telah pergi ke Negara Brunei Darussalam untuk bertemu beberapa orang bapa angkatnya yang menjadi watak dalam novelnya *Siapa yang Bersalah?* Kebetulan pada waktu itu di Brunei sedang berlangsung Perkampungan Sastera '80, maka saya telah diajak ikut sama sebagai peserta. GAPENA telah menghantar Haji Abdul Rashid Ngah (kini Dato') salah seorang ahli jawatankuasa tertinggi, penulis dan anggota Dewan Undangan Negeri Terengganu sebagai wakilnya. Dia telah membentangkan sebuah kertas kerja bertajuk "Sastera dan

Pembangunan Negara". Dato' Shahnon Ahmad dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia juga ikut diundang dan dia membentangkan sebuah kertas kerja. Perkampungan sastera itu telah diadakan di Masjid Kampung Pudak yang terletak di seberang Sungai Brunei, kira-kira 10 minit menyeberang dengan sampan. Apabila ada motobot yang laju lewat berhampiran masjid tersebut, kita dapat mendengar bunyi kocakan air yang memukul tiang masjid, yang kadang-kadang mengganggu perbincangan yang sedang berlangsung. Pulang dari persidangan itu, ketika perbincangan mahu diteruskan di Dewan Bahasa dan Pustaka, saya mendapat sakit perut kerana tersalah makan sejenis makanan Brunei yang belum biasa dengan perut saya.

Pada hari kedua, para peserta Perkampungan Sastera '80 dibawa ke Seria, kota minyak yang terletak kira-kira 70 kilometer dari Bandar Seri Begawan untuk membahaskan beberapa buah kertas kerja yang antaranya oleh Pengiran Badaruddin Pengiran Ghani, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Haji Malai Mashhur seorang hartawan Melayu yang memiliki berbagai-bagai perusahaan di pekan minyak itu telah mengundang kami makan di rumahnya.

Saya agak terperanjat apabila dalam kata alu-aluan meraikan kami, dia berkata bahawa dalam rombongan itu ada seorang sahabatnya. Sahabat yang dimaksudkan olehnya itu tidak lain tidak bukan ialah saya yang sudah lama dikenalinya. Saya cuba mengingati kembali semua kawan yang pernah saya kenali dari Brunei terutama ketika saya rapat dengan A.M. Azahari waktu di Singapura dahulu. Ramai orang Brunei anggota Parti Rakyat yang selalu berulang-alik ke Singapura. Mereka itu baik yang menginap di hotel bagi yang mampu mahupun

yang melepak di flat Ramli Majid di Joo Chiat Road bagi yang kurang mampu, tidak ada yang tidak diperkenalkan oleh Azahari kepada saya. Kemudian ternyata perkenalan yang dimaksudkannya itu bukanlah perkenalan secara fizikal, tetapi melalui buku-buku karangan saya yang dibacanya. Saya menjadi lega mendengarnya kerana saya khuatir kalau-kalau perkenalan itu benar-benar ada dan saya tidak mengenalinya, maka alangkah bebalnya saya? Haji Malai Mashhur ini juga salah seorang ahli PASPAM (Persatuan Sahabat Pena Malaya) (PASPAM) yang aktif di Brunei. Nama dan gambarnya ada tercatat dalam buku cenderamata PASPAM. PASPAM walaupun pada asasnya hanyalah sebuah persatuan sahabat pena yang tidak ada bezanya dengan *pen-pal club* anjuran akhbar-akhbar di Britain sebelum perang dahulu, tetapi memiliki keistimewaannya sendiri. Pada yang tersurat ialah mencari sahabat melalui pena, tetapi yang tersirat ternyata amat luas jangkauannya, iaitu memperjuang-kan soal bahasa dan kebudayaan yang dibaluti dengan semangat kebangsaan yang tinggi yang terpendam seperti api dalam sekam. Bukankah bahasa itu jiwa bang-sa? Maka demikian juga dengan Haji Malai Mashhur ini, walaupun hidup dalam sebuah negara kaya yang dikongkong kuat oleh penjajah Inggeris kemudian oleh Jepun dan kemudian Inggeris kembali, tetapi semangat kebangsaannya tidak pernah luntur. Dia dengan caranya ikut berjuang melalui sahabat pena, melalui BARIP (Barisan Pemuda) yang ditubuhkan setelah Jepun kalah. Nampaknya sisa-sisa semangat perjuangannya itu masih lagi ada dalam dirinya apabila dalam satu pertemuan khusus dengan saya, dia melahirkan cita-cita dan azam-nya yang sekian lama tersimpan.

"Alhamdulillah," katanya. "Allah memberikan rezeki yang cukup kepada saya. Saya akan tinggalkan semua

ini pada satu hari nanti. Oleh sebab itu saya ingin berbuat sesuatu yang berguna kepada agama, negara dan bangsa."

Malai ialah gelaran bagi orang-orang Arab keturunan Syed di Brunei. Maka saya membahasakannya dengan panggilan "malai" iaitu panggilan yang lazim.

"Usaha yang bagaimana malai maksudkan?" Saya bertanya kepadanya dengan hairan dan ingin sekali mengetahui apa yang ada dalam fikirannya. Walaupun rumah tempat tinggalnya hanya sebuah rumah biasa sahaja di celah-celah rumah lain yang sama bentuknya, tidak seperti rumah kebanyakan orang kaya yang mewah dan majestik. Rumahnya itu terletak di sebatang jalan kecil tidak jauh dari belakang Masjid Seria dengan hiasan perabot yang cukup sederhana, namun semua orang Brunei tahu akan kekayaannya. Nama Mashhur, iaitu nama syarikatnya dapat dilihat dengan jelas sebaik sahaja kita memasuki pekan minyak itu.

"Saya mahu terbitkan surat khabar. Di negara ini belum ada surat khabar yang benar-benar boleh menyuarakan hasrat rakyat. Saya tahu tuan (dia membahasakan diri saya dengan panggilan itu) pernah bekerja di surat khabar. Tuan tentu boleh menolong saya menubuhkan surat khabar ini."

"Saya sebenarnya tidak banyak mengetahui tentang cara menubuhkan syarikat surat khabar, saya hanya pernah menjadi wartawan dan editornya saja," jawab saya dengan rendah diri.

"Tetapi tuan boleh menolong saya, bukan?" katanya mendesak. Saya melihat tanda-tanda kesungguhan dan keikhlasan dalam anak matanya.

"Saya tidak berani berjanji. Tetapi saya ada kawan di Universiti Sains Malaysia yang saya fikir dapat kita minta bantuan," jawab saya dan pada waktu itu terba-

yang wajah Mansor Mohd. Saman dari MASKOM.

Dia mencapai tangan saya dan memegangnya dengan erat dengan kedua-dua belah tangannya sebelum berpisah. "Tuan tolong usahakan dan kirimkan kertas kerjanya segera kepada saya. Saya akan mengkajinya."[8]

Perbincangan kertas kerja Perkampungan Sastera '80 selanjutnya telah disambung di Kelab Rekreasi Shell di Seria. Dalam kertas kerjanya, Pengiran Badaruddin telah menggariskan beberapa peranan penting yang sedang dan akan dihadapi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, terutama apabila Brunei telah menerima balik kedaulatannya daripada British, Brunei akan menjadi tenaga penentu dalam bidang kebahasaan dan kesusasteraan Melayu di rantau ini pada abad-abad mendatang.

Lambaian Brunei

Pertama kali saya berkenalan dengan Pengiran Badaruddin yang menjadi Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, apabila saya ikut menyertai rombongan GAPENA melawat Negara Brunei Darussalam. Pengiran Badaruddin seorang anak muda yang cukup simpatik, mempunyai karisma yang menarik, suka berseloroh dengan cerita-cerita anekdot yang menggelikan hati dan amat berterus terang apabila berbicara. Beliau membawa saya dan adik saya Ismail menaiki keretanya mengerjakan solat Jumaat di Masjid Serusup tidak jauh dari Lapangan Terbang Barakas.

Saya mula tertarik dengan Brunei melalui cerita kawan-kawan yang pernah ke sana. P. Ramlee yang pernah diundang membuat persembahan banyak membawa balik cerita. Daripada A.M. Azahari pemimpin Parti Rakyat Brunei.[9] Raja Azam Raja Kamaruzzaman



Pertemuan bersejarah tokoh bahasa dari tiga negara di Seria, Negara Brunei Darussalam. Dari kanan: Ramli Abdul Hadi (Singapura), Haji Yusof Harun (Malaysia), Sumadi Sukaimi (Brunei), Haji Malai Mashhur (Brunei), Shahnon Ahmad (Malaysia) dan Haji Jawawi (Brunei).

dari Perak pernah berkhidmat di negara itu sebagai setiausaha kerajaan dan Aziz Mohd. Zain (kini Tan Sri dan mantan hakim besar) pernah menjadi penasihat undang-undang kerajaan.[10] Ada seorang kawan lagi yang paling akhir bermastautin di Brunei bernama A. Ghani Mohd. Jamil. Dia pergi ke sana sesudah syarikat South-Eastern yang kami tubuhkan di Pulau Pinang tidak dapat digerakkan kerana kekurangan modal.[11] A. Ghani balik ke Singapura dan masuk semula ke dalam pasukan polis. Dari situ dia mendapat tawaran menjadi tutor bahasa Inggeris kepada putera-putera Sultan Brunei termasuk Sultan Hassanal Bolkiah. Sebelum balik ke Malaysia dia sempat menjawat jawatan pengarah jabatan pengangkutan darat dan mendapat anugerah darjah kebesaran yang membawa gelaran Dato' Paduka. Pada masa dahulu, ramai pegawai tinggi pentadbir dari Tanah Melayu dipinjamkan berkhidmat dalam berbagai-bagai bidang seperti pendidikan, perhutanan, kesihatan, polis dan sebagainya. Oleh sebab terjadi sedikit salah faham, maka pengambilan pegawai-pegawai baru kecuali guru-guru agama dan guru sekolah biasa, mulai berkurangan sementelahan orang-orang Brunei sendiri pun sudah ramai yang layak menjawat jawatan-jawatan tersebut.

Saya pernah menceritakan dahulu tentang kontak saya dengan Cikgu Mohd. Jamil, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Negara Brunei Darussalam yang menawarkan kerja. Dua kali kontak itu dibuat, tetapi kedua-duanya tidak berhasil. Cikgu Mohd. Jamil yang sekarang bergelar Pehin Amar Diraja sangat berhasrat mahu mengambil saya bekerja dengannya, kali ini dia menyuruh Haji Muslim mengambil saya dari hotel dan dibawa ke rumahnya di Kampung Mabuhai pada waktu malam.

Saya baru sahaja sampai balik dari Kuala Belait, kami singgah menghadiri jamuan makan di rumah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusuf[12] di Tutong, mantan Menteri Besar Brunei.

"Sudah jauh malam ini," kata saya kepada Haji Muslim yang sedang menunggu di lobi hotel. Dia juga ikut ke Kuala Belait, tetapi sampai lebih awal. Saya menumpang kereta Pengiran Amir Nusantara dan kerana leka bersembang, maka perjalanan menjadi lambat.

"Biarpun jauh malam dia akan tunggu juga," jawab Haji Muslim tegas.

Waktu kami sampai, dia sudah siap berdiri di muka pintu. Di atas meja kecil telah tersedia kuih dan minuman. Sebaik sahaja saya duduk dan bersalaman dengannya, dia terus berkata, "Saya mahu mengambil beberapa orang dari Kuala Lumpur untuk bekerja dengan saya di Pusat Sejarah. Siapa yang Encik Abdullah boleh rekomenkan?"

Nama yang pertama terlintas dalam kepala saya ialah Keris Mas dan kemudian A. Samad Ahmad. Apabila nama mereka itu saya sebutkan kepadanya, mukanya berseri-seri. Dia kenal baik dengan Keris Mas dan A. Samad Ahmad, tetapi kata saya, "Keris Mas mungkin agak susah sedikit kerana tidak begitu sihat. A. Samad Ahmad sekarang ini menjadi Karyawan Tamu Dewan Bahasa dan Pustaka."

"Encik Abdullah sendiri bagaimana? Nah ini ambil borangnya dan serahkan balik kepada saya sebelum pulang. Bila mahu pulang?"

"Besok," kata saya. Saya melihat borang yang disorongkan itu dan teringat ketika saya datang berjumpa dengannya di Hotel Merlin beberapa tahun lalu, borang yang serupa juga yang disodorkan dan walaupun saya tidak mengisinya, tetapi dipanggil juga untuk temu

duga. "Saya masih menjadi Ahli Cipta di Universiti Sains Malaysia."

"Bila habis?" tanyanya cepat.

"Barangkali dalam bulan Oktober tahun depan, tetapi Dato' Shahnon minta saya sambung satu tahun lagi."

"Tidak usah sambung. Datang saja bekerja di sini. Besok sebelum pulang singgah di pejabat saya dulu," ujarnya.

"Di mana pejabat Pehin?"

"Masih di DBP itu juga." Dia lalu berpaling kepada Haji Muslim yang sejak tadi diam tidak berkata-kata. "Haji, tolong bawakan ke pejabat saya esok."

Kami meninggalkan rumahnya itu hampir jam 12.00 malam. Saya membawa bersama-sama borang permohonan untuk berkhidmat dengan kerajaan Brunei.

Pagi berikutnya Haji Muslim datang mengambil saya di hotel untuk pergi ke Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebelum ke Pusat Sejarah, saya bertemu Pengiran Badaruddin lebih dulu.

"Tadi malam berjumpa dengan Pehin Jamil?" Pengiran Badaruddin tiba-tiba bertanya. Saya berasa hairan bagaimana berita itu begitu cepat sampai kepadanya. "Sudah, bekerja dengan saya saja lebih baik."

Itulah "*hint*" yang pertama yang telah menggerakkan hati saya untuk bekerja di Negara Brunei Darussalam.

Dalam bercakap-cakap itu Pengiran Badaruddin bercerita kepada saya tentang jawatan pegawai bahasa yang baru diiklankan. Hanya dua orang sahaja yang memohon. Seorang wanita Melayu dari Singapura dan seorang lelaki India dari Kuala Lumpur. Wanita Melayu dari Singapura itulah yang telah diterima berkhidmat. Dia ialah Kamisah binti Rahmat.

Saya kemudian pergi berjumpa Pehin Jamil di pejabatnya yang terletak di bahagian anjung bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka itu. Dia memperlihatkan beberapa manuskrip tentang sejarah Brunei yang sedang disusunnya. Dia telah menyusun satu salasilah Sultan Brunei yang cukup terperinci. Bermula dari Rasulullah sampai kepada Sultan Hassanal Bolkiah sekarang. Katanya, dengan beberapa orang pegawainya dia telah menjelajah ke berbagai-bagai tempat di Asia Barat dan di Asia Timur untuk menelusuri salasilah keturunan sultan itu. Satu usaha yang amat mengagumkan walaupun kebenarannya masih merupakan tanda tanya yang besar. Sebelum berpisah dia berpesan supaya saya jangan lupa mengisikan borang yang diberikan tadi malam dan mengirimkan kembali kepadanya.

Sekembali dari lawatan itulah Pengiran Badaruddin mulai berutus surat secara teratur dengan saya. Saya tidak dapat melupakan kata pembukaan suratnya yang pertama bertarikh 5 Januari 1981 itu yang saya terima seminggu sesudah sampai balik ke Pulau Pinang.

Dari Bandar Seri Begawan saya dan anak saya Ahmad Patria yang ikut sama dalam perjalanan itu bertolak ke Miri bersama-sama Hamdan Yahya dan isterinya kerana mahu menghadiri satu seminar sastera yang diadakan oleh PUTERA di Maktab Perguruan Tuanku Bujang. Hamdan pada masa itu menjadi Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak dan mahu pulang ke Kuching melalui jalan darat. Di pos pemeriksaan imigresen Malaysia di perbatasan Brunei-Sarawak terjadi sedikit kelucuan apabila anak saya dibenarkan masuk ke Sarawak selama satu minggu dan saya bapanya hanya tiga hari sahaja. Nasib yang sama dialami oleh isteri Hamdan yang mendapat visa untuk tiga hari juga sedangkan dia bertugas sebagai

guru di salah sebuah sekolah menengah di Kuching. Walaupun kami berasa hal itu amat tidak masuk akal, tetapi kerana malu hati kepada orang-orang Brunei yang ada bersama-sama dalam rombongan itu, maka kami terpaksa diamkan sahaja untuk tidak membesarkan masalah dalaman kita yang boleh ditertawakan oleh orang luar bahawa di negara kita ini ada dua jenis warganegara. Kebetulan saya pun tidak bermaksud mahu tinggal lama di situ, sesudah seminar saya akan kembali semula ke Bandar Seri Begawan dengan pesawat melalui Limbang walaupun ada beberapa orang kawan di Miri meminta saya tinggal lebih lama lagi. Mereka mahu membawa perkara visa itu kepada pihak atasan di Kuching, tetapi saya menolak.

Setelah selesai seminar, saya dan anak saya balik semula ke Bandar Seri Begawan melalui Limbang. Seorang peserta di seminar itu yang kebetulan menjadi Pegawai MAS telah mengusahakan tiket untuk kami berdua. Kami menumpang sebuah pesawat kecil yang hanya boleh membawa enam orang penumpang. Anak saya duduk di sebelah *pilot*nya dan kami semua dapat melihat bagaimana *pilot* itu memandu pesawat tersebut, tidak ubah seperti memandu kereta yang sudah uzur di atas jalan raya. Dengan pantas dia menyentuh itu sedikit dan ini sedikit dan kapal terbang itu pun mengaum ke udara dan apabila sudah tetap berada di atas jalur perjalanan menuju ke Limbang, dia lalu mengeluarkan kotak rokoknya, mengambil sebatang lalu menghisapnya dengan santai.

Itulah pertama kali saya menjejakkan kaki di bumi Limbang yang banyak saya ketahui melalui pembacaan buku-buku tentang Sarawak ketika mahu menulis biografi Tun Datu Patinggi Abdul Rahman Yaakub. Limbang masih dianggap oleh orang Brunei sebagai tanah

jajahannya walaupun tidak pernah diungkit secara rasmi, tetapi masih tetap menjadi semacam duri. Ini dapat dirasai oleh setiap orang Malaysia yang pernah berkhidmat di Brunei kerana sekali-sekala akan ada orang Brunei yang secara tidak langsung menyebut-nyebutnya sebagai tanah jajahannya yang sah. Ada dua perkara yang menarik perhatian saya tentang Limbang. Pertama, tentang tragedi yang menimpa Pengiran Shahbandar Pengiran Muhd. Salleh, mantan Gabenor Sarawak.[13] Kedua, tentang kisah Gerard Truman Maqill MacBryan, seorang pegawai muda Inggeris yang bercita-cita mahu merampas kekuasaan Raja Brooke.[14] Dari pekan Limbang inilah kisah petualangannya yang menarik dan penuh misteri itu bermula.

Dia mula-mula ditempatkan sebagai penolong pegawai daerah lalu jatuh cinta dengan Saerah, seorang janda, anak tukang kebun. Daripada satu peristiwa kecil yang terjadi ke atas Junit bin Ongee seorang pesalah yang sedang menunggu hukuman mati, telah membuat dia mengalami pergolakan rohaniah lalu mempelajari tentang adat istiadat orang Melayu dan agama Islam. Kisahnya cukup menarik, boleh dijadikan sebuah novel yang baik. Memang sudah dijadikan novel pun. Dia sendiri yang menyuruh seorang penulis menulisnya.[15] Orang Inggeris inilah yang akhirnya menjadi orang tengah menyebabkan Sultan Brunei menjual Limbang kepada Raja Brooke.[16]

Dari Limbang ke Brunei kami menaiki motobot yang berbentuk sampan panjang yang beratap. Kebanyakan motobot ini diselenggarakan oleh orang Cina. Mereka berkeliaran di sekitar pelabuhan mencari dan menunggu penumpang. Apabila nampak sahaja kita menuju ke pelabuhan, mereka akan datang menerpa berkerumun menawarkan motobotnya dan meminta pasport. Saya

dan anak saya menaiki salah sebuah motobot yang penuh penumpang lelaki dan perempuan, kebanyakannya orang Brunei yang datang berbelanja di pekan perbatasan itu. Motobot yang menggunakan dua buah enjin sangkut itu mengaum membelah air sungai dengan laju. Saya duduk menghadap ke hadapan dan berfikir bagaimana jikalau tiba-tiba sahaja sebatang balak muncul melintang di tengah sungai? Khayalan itu datang kerana kejadian yang serupa pernah berlaku di kuala Sungai Serowai di Aceh Timur yang menyebabkan salah seorang kawan baik saya menemui maut dalam keadaan yang mengerikan. Saya berdoa dalam hati mudah-mudahan Allah s.w.t. menyelamatkan perjalanan kami. Perjalanan itu tidak lama. Kira-kira 15 minit sahaja Kampung Air sudah kelihatan tersergam di hadapan mata.

Saya sudah berada di dalam pesawat terbang untuk pulang ke Kuala Lumpur ketika salah seorang pegawai di Lapangan Terbang Berakas itu menghulurkan sebuah beg plastik yang berisi keropok Brunei.

"Ini oleh-oleh dari Pengiran Badaruddin," katanya.

Pengiran Badaruddin berjanji akan datang berjumpa sebelum saya berangkat, tetapi sehingga dipanggil masuk ke perut kapal terbang, dia belum juga muncul yang menyebabkan saya berasa kecewa sedikit. Tetapi keropok yang diberikan itu ada membawa hikmat. Keropok itu menjadi pembuka kata suratnya yang pertama kepada saya yang saya sebutkan di atas. Surat yang telah membuka jalan bagi saya untuk berkhidmat di Negara Brunei Darussalam. "Saya yakin semasa saudara membaca warkah ini mungkin saudara sedang mengunyah keropok Brunei yang saya berikan terlewat di Lapangan Terbang Brunei tempoh hari."

Dalam hidup ini jikalau kita seorang pemerhati yang

teliti, akan kedapatan banyak sekali berlaku perkara yang aneh, yang bermula dari perkara yang kecil dan tidak penting yang kemudian menjadi semacam *turning-point*, yang merubah perjalanan hidup.

Bermula dari surat itulah maka satu rentetan surat-menyurat telah terjadi antara Pengiran Badaruddin dengan saya di sepanjang tahun 1981 itu. Dalam surat-suratnya itu dibayangkan hasratnya untuk membawa saya berkhidmat di Negara Brunei Darussalam. Dia telah mengambil keputusan untuk memberikan tugas dan tanggungjawab kepada saya mengepalai Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera. Dia mahu membawa saya berkhidmat di sana melalui *visiting expert vote* Pejabat Setiausaha Kerajaan Brunei. Melalui *vote* ini saya dapat datang dengan segera tanpa perlu menunggu lagi, sebaik sahaja tamat kontrak sebagai Ahli Cipta di Universiti Sains Malaysia pada bulan Oktober tahun itu juga.

Kontrak saya bagi tahun kedua memang akan berakhir pada bulan Oktober, tetapi Dato' Shahnon Ahmad telah membayangkan hasratnya untuk meminta kebenaran Naib Canselor, Tan Sri Haji Hamdan Syeikh Tahir supaya kontrak itu dilanjutkan setahun lagi. Meskipun saya kurang yakin bahawa permohonan itu akan mendapat kelulusan kerana *precedent*nya telah ada, yakni A. Latiff Mohidin, Ahli Cipta sebelum saya pun hanya diberi dua tahun sahaja. Saya ikut juga Dato' Shahnon pergi berjumpa Naib Canselor, bukan kerana permohonan itu sahaja, tetapi saya juga mahu meminta supaya manuskrip "Sebuah Perjalanan" yang menjadi projek di universiti itu diserahkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk diterbitkan. Dalam surat tawaran menjadi Ahli Cipta dahulu saya tertakluk kepada beberapa syarat, antaranya: "Apa-apa penerbitan yang dikeluarkan ...

adalah menjadi kepunyaan universiti dan tidak boleh diterbitkan semula, diedarkan atau dicetakkan untuk dijual, tanpa kelulusan bertulis dari universiti."

Universiti ada penerbitannya sendiri yang menerbitkan buku-buku ilmiah, sementara "Sebuah Perjalanan" lebih merupakan sebuah karya yang ditulis secara popular. Alhamdulillah, kelulusan telah diperoleh dengan mudah kerana kebetulan Tan Sri Haji Hamdan juga menjadi Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka dan bersedia pula untuk menulis kata pengantarnya. Permohonan untuk melanjutkan kontrak selama setahun lagi akan dipertimbangkan.

Surat Pengiran Badaruddin yang pertama itu sudah boleh saya jawab dengan nada yang positif bahawa saya mungkin boleh ke Brunei, tetapi sesudah pulang dari menunaikan rukun Islam kelima. Keputusan itu saya buat bukan kerana harapan untuk melanjutkan kontrak dengan USM tidak diperoleh, tetapi kerana menyahut cabaran ingin memberikan sesuatu sumbangan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei demi perkembangan bahasa dan sastera Melayu. Masalah yang paling perlu ditangani dengan segera oleh Negara Brunei pada waktu itu menurut tinjauan saya ialah masalah ejaan. Mereka masih menggunakan ejaan lama, ejaan Za'ba sedangkan Indonesia sudah menggunakan ejaan yang disempurnakan – ejaan baru, begitu juga Malaysia yang menjadi anggota Majlis Bersama Bahasa Indonesia Malaysia (MABBIM) dan Singapura yang pada masa itu sudah menjadi pemerhati tetap.

Dalam surat-suratnya yang berikut, yang ditulis hampir setiap bulan, Pengiran Badaruddin telah memperlihatkan kesungguhannya untuk membawa saya. Sikapnya amat terbuka, seorang yang amat berterus terang dan pada pengamatan saya kecintaannya kepada bangsa

dan negara khususnya dalam soal bahasa dan sastera amat besar. Dia sudah beberapa kali mengadakan pertemuan dengan setiausaha kerajaan dan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mencari jalan membawa saya ke Brunei. Bagaimanapun, dalam salah satu surat kepadanya saya meminta sangat-sangat agar kedatangan saya ke Brunei itu tidak sampai mengorbankan peluang orang Brunei sendiri. Saya tidak mahu merampas hak orang. Saya bersedia untuk didatangkan sebagai *expatriate* ataupun dengan *visiting expert vote* seperti yang dikatakan walaupun saya bukanlah seorang *expert* dalam erti kata yang sebenarnya. Saya mencadangkan Keris Mas kerana dia orang yang paling tepat, bertahun-tahun menjadi "pengurus" sastera di Dewan Bahasa dan Pustaka, dan jikalau saya diperlukan juga, boleh diambil sebagai pembantunya. Tetapi Pengiran Badaruddin tetap mahu mengusahakan satu jawatan khusus untuk saya di Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam.

Waktu bertugas di Sabah dahulu pernah timbul ura-ura mahu ke Tanah Suci, tetapi entah kenapa mungkin juga belum sampai seru seperti yang menjadi kepercayaan ramai orang, maka ura-ura itu telah hilang begitu sahaja. Pada suatu hari, semasa di rumah di Petaling Jaya, ura-ura itu muncul kembali.

"Kali ini kena pergi," kata isteri saya mendesak. "Pergi daftar nama sekarang."

"Tetapi wang simpanan saya di Tabung Haji belum lagi cukup," jawab saya.

"Daftarlah dulu," isteri saya menjawab.

Tarikh pendaftaran haji bagi tahun 1981 itu telah dibuka sejak awal bulan November 1980 dan ditutup tiga bulan kemudian, iaitu pada akhir bulan Februari 1981. Ketika saya berbincang dengan isteri saya tentang perkara ini, sudah di pertengahan bulan Januari. Pejabat

Tabung Haji pada waktu itu terletak di Jalan Ipoh berhampiran bangunan PERKIM. Saya berjumpa Hashim Amir Hamzah yang juga bercadang mahu ke Tanah Suci bersama-sama isterinya Noraini. Kami lalu berjanji akan pergi bersama-sama dalam satu penerbangan. Perjanjian itu kemudian diperkuat dalam pertemuan di majlis Anugerah Sastera Negara yang pertama di Bangunan Parlimen ketika kami mendapat kesempatan yang agak panjang bercakap tentang rancangan ke Tanah Suci ini. Saya terlalu teruja dengan ingatan untuk ke Tanah Suci kerana selain mahu menunaikan rukun Islam kelima, inilah pertama kali dalam hidup saya akan membuat perjalanan udara yang agak jauh. Oleh sebab saya tinggal di Pulau Pinang, maka Hashim berjanji akan memberitahu segala perkembangannya kepada saya dari masa ke masa. Pada awal bulan Mei 1981, Hashim menulis surat menyatakan yang dia bercadang untuk mendapatkan tempat yang agak selesa sedikit di Makkah dan kebetulan sudah ada orang yang mahu menolongnya dengan bayaran SR2000 seorang, kira-kira RM1400 duit kita. Walaupun pada masa itu saya baru sahaja selesai mencukupkan duit simpanan di Tabung Haji untuk melayakkan diri mendapatkan tempat, saya juga terpikat dengan cadangan Hashim itu apatah lagi kami sudah berjanji akan bersama-sama. Maka walaupun saya belum tahu dari mana akan mendapatkan wang tambahan sebanyak RM1400 itu, namun saya terus sahaja meminta tolong supaya nama saya didaftarkan juga. Hashim lalu menyuruh saya membuat permohonan langsung kepada pejabat Tabung Haji.

Tempat yang dikatakan oleh Hashim itu merupakan sebuah bangunan enam tingkat yang telah disewakan secara kontrak oleh Tabung Haji untuk menempatkan para pegawainya yang akan berkhidmat di Makkah da-

lam musim haji nanti. Bangunan yang dikenali sebagai Bamshaab itu terletak kira-kira ¾ kilometer dari Masjidilharam dan tidak jauh dari pejabat Tabung Haji di Shuib Amir. Namun, kemudian ternyata tidak semua pegawai Tabung Haji dapat tinggal di bangunan tersebut. Untuk tidak membazir, ditawarkanlah kepada para jemaah yang sanggup membayar lebih sedikit daripada bayaran biasa penginapan yang dikenakan oleh syeikh haji. Setiap tingkat ada empat bilik yang dilengkapi alat penghawa dingin, ada dua bilik mandi, ada dapur dan ada lif. Di dalam setiap bilik diletakkan katil dua tingkat bagi lapan orang. Orang perempuan ditempatkan di bilik yang berasingan. Bilik-bilik itu juga kalau ada kesanggupan boleh disewa seluruhnya dengan bayaran RM11 000 atau SR16 000 sebilik.

Hashim dan saya telah pergi ke pejabat Tabung Haji untuk menetapkan tarikh penerbangan dan kami berjumpa Syed Othman bin Ali, pegawai perhubungan awamnya yang akan ikut bersama-sama ke Makkah dan akan menjadi pengurus Rumah Tabung Haji di Bangunan Bamshaab itu. Kami telah diberikan penerangan tentang berbagai-bagai hal tentang rumah tumpangan tersebut. Para jemaah yang akan tinggal di bangunan ini dinasihatkan mengambil salah seorang daripada syeikh haji (mutawif) yang direkomenkan oleh Tabung Haji untuk urusan kenderaan ke Arafah dan untuk tempat di Mina.

Saya tidak membuat kenduri seperti yang biasa dilakukan orang yang akan ke Tanah Suci. Pada pagi hari sebelum bertolak ke lapangan terbang, saya mengerjakan solat sunat dua rakaat berhampiran pintu ruang tamu dan sebaik sahaja memberi salam dan membaca doa terus melangkah keluar dihantar oleh isteri dan anak-anak sampai ke halaman rumah. Mereka

tidak ikut ke lapangan terbang dan hal ini sudah menjadi semacam tabiat saya apabila berpergian. Tidak ada orang yang menghantar dan melambaikan tangan, kalau ada pun hanya menghantar sampai ke pintu berlepas di lapangan terbang itu sahaja. Begitulah pula yang menjadi amalan waktu saya berkhidmat selama 10 tahun di Negara Brunei Darussalam. Saya hanya menggunakan teksi dari rumah ke lapangan terbang apabila mahu bertolak dan dari lapangan terbang ke rumah apabila balik, sehingga anak-anak saya yang masih kecil pada waktu itu tidak merasa bahawa saya mahu pergi ke tempat yang jauh ataupun baru balik dari tempat yang jauh. Jadi, mereka tidak terlalu bersedih hati kerana ketiadaan saya yang agak lama. Zain Hussain mantan Pegawai FELDA yang tinggal di Seksyen 14, yang masih tergolong dalam keluarga telah menawarkan diri untuk membawa saya ke lapangan terbang. Dia datang bersama-sama isterinya. Waktu sampai di terminal satu lapangan terbang itu, saya melihat Anis (Amida Abdul Hamid) berdiri agak jauh dari orang ramai sedang memerhati ke arah bakal-bakal jemaah haji yang sedang menunggu giliran masuk ke dewan berlepas. Dia terus datang menghampiri sebaik sahaja saya turun dari motokar.

"Mau menghantar siapa?" Saya bertanya kepadanya kerana menyangka barangkali ada kaum keluarga atau sahabat handainya yang akan ke Tanah Suci.

Dia memberikan senyum lebar yang membuat saya hairan.

"Saya datang mau menghantar bung," katanya yang membuat saya terkejut besar. Saya sama sekali tidak menduga. Dia yang sejak dahulu membahasakan saya dengan panggilan itu yang sudah menjadi semacam kemesraan, bersusah payah datang melihat saya pergi

pada waktu pagi serupa itu. Ini menimbulkan rasa terharu dan menyentuh perasaan. Peristiwa itu tidak dapat saya lupakan sampai ke akhir hayat.

Maka mereka bertiga sahajalah yang menghantar saya bertolak ke Tanah Suci, mungkin satu-satunya bakal haji di negara ini yang tidak ramai dihantar orang dalam sejarah.

Nota

1 *Perjalanan Mencari Bahasa*, 2001. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

2 Salah satu jenama kain pelekat India yang tinggi mutunya pada waktu itu.

3 Kami baru berjumpa semula sesudah 63 tahun, ketika saya melawat ke rumah Almarhum Nazim adiknya yang meninggal dunia di Subang Jaya pada 12 Julai 1996.

4 *Perjalanan Mencari Bahasa*, 2001. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 276.

5 Nama penanya Ahmady Asmara bapa Anuar Ahmad, ketua Persatuan Penulis Pulau Pinang dan Seberang Perai (2PNP).

6 Apabila Yunus mengetahui akan tujuan kenduri itu, maka dia hanya meminta saya membayar setengah sahaja, yang lain ialah sedekah daripadanya.

7 Buku-buku karyanya tentang Sabah dalam bentuk novel ada beberapa buah: *Korban Kinabalu*, *Dayangku Fatimah* dan *Gugur di Lembah Kinabalu*. Semuanya membawa kisah nasionalisme yang menentang penjajahan.

8 Hasratnya tidak kesampaian kerana tidak lama sesudah pertemuan itu, ketika saya menginap di Labuan International Hotel, dari siaran berita Televisyen Brunei (RTB),

saya mendengar berita tentang kematiannya dan daripada anak perempuannya yang bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, saya diberitahu bahawa surat yang saya kirimkan ke alamatnya sampai sehari kemudian.

9 Baca kisahnya dalam *Sebuah Perjalanan*, 1984. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

10 *Ibid.*

11 Baca kisahnya dalam *Aku Tidak Minta*, 1967. Singapura: Pustaka Nasional.

12 Dalam bidang persajakan lebih gemar memakai nama Yura Halim.

13 Pengiran Shahbandar Pengiran Muhd. Salleh yang menulis *Syair Rakis Dua Belas* telah mati terbunuh dalam sungai ketika mahu ke Limbang atas titah perintah sultan untuk menenteramkan keadaan yang dikatakan berlaku di sana yang sebenarnya hanya satu muslihat beberapa orang tertentu untuk menyingkirkannya kerana tersinggung oleh tulisannya dalam syair tersebut.

14 Gerard T.M. MacBryan, anak seorang pakar saraf yang terkenal di sebuah hospital mental swasta di Box, England yang menjadi tokoh utama dalam drama kejatuhan pemerintahan Brooke di Sarawak. Bermula dari Limbang inilah dia membina dirinya sehingga mendapat kepercayaan penuh daripada Vyner Brooke, Raja Sarawak. *The Name of Brooke, The End of White Rajah Rule in Sarawak* oleh R.H.W. Reece, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 19–21.

15 *Triumphant Pilgrimage* oleh Owen Rutter, London, 1937. *The Name of Brooke*, hlm. 27.

16 Dengan bayaran $20 000 kepada sultan *for Sarawak's enjoyment of soverign rights over Limbang for the previous fifty year's* dan $1000 tiap tahun untuk selama-lamanya sebagai tambahan kepada bayaran tunai $60 000 dan $6000 setahun untuk selama-lamanya kepada beberapa pengiran

kerana menyerahkan hak tulen mereka dan pencen berjumlah kira-kira $4000 tiap tahun kepada waris Raja Muda Hassim. Akhir sekali hadiah perkahwinan kepada Pengiran Muda Omar Ali, adik sultan. *Ibid.*, hlm. 34–35.

2

MAKKAH AL-MUKARRAMAH

Menyahut Seruan

> Permaklumkanlah kepada sekalian manusia itu untuk melakukan ibadah haji, nescaya mereka akan mendatangimu dengan berjalan kaki dan mengenderai (unta dan lain-lain). Mereka datang dari segala ceruk penjuru yang jauh.
>
> – *al-Hajj*: 27

DEMIKIANLAH dengan izin Allah s.w.t. saya telah mendengar pemakluman itu dan bertolak ke Tanah Suci pada 24 September melalui penerbangan yang ke-45 MH 4088, yang berlepas dari Subang kira-kira jam 9.00 pagi. Pemakluman atau "seru" seperti yang banyak dipercayai oleh orang kita menjadi pokok utama yang membuka kunci pintu ibadah haji. Setiap orang yang berangkat ke Tanah Suci membawa pesan daripada kaum keluarga atau sahabat handainya supaya menyeru nama mereka pula, kerana kalau tidak ada seru, maka dia tidak mungkin mendapat kunci membuka pintu itu. Percaya atau tidak, tetapi hal ini telah merupakan satu kenyataan di kalangan umat Islam di negara ini.

Dua tahun yang lalu ketika saya masih bertugas di

Sabah, cita-cita mahu menunaikan rukun Islam kelima itu telah mulai tersemat dalam kalbu. Saya lalu mendaftarkan nama dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH), tetapi entah bagaimana sampai musim haji berlalu saya masih juga berada di sini. Mungkin saya belum mendapat "seru" pada tahun itu. Ada orang yang mempunyai segala kemudahan baik dari segi kewangan mahupun dari segi kesihatan tubuh, tetapi sampai maut datang memanggil dia masih belum haji. Padahal dengan kekayaannya itu dia dengan mudah dapat mengerjakan haji yang belanjanya hanya beberapa ribu ringgit sahaja. Ada orang yang telah beberapa kali mengelilingi dunia, setiap penjuru dunia telah pernah dijejaki, tetapi Tanah Haram yang hanya kira-kira setengah daripada masa penerbangan ke London atau yang hampir sama jaraknya dengan Sydney di Australia, tidak pernah ditempuhnya. Ada pula orang yang rezekinya hanya cukup-cukup untuk menghidupkan keluarganya sahaja, tetapi telah dua tiga kali menunaikan haji. Jadi, di sinilah terletaknya misteri pemakluman yang termaktub dalam ayat al-Qur'an yang tersebut di atas tadi.

Penerbangan dari Subang ke Jeddah mengambil masa kira-kira lapan atau 8½ jam. Teman saya dalam perjalanan ialah Hashim Amir Hamzah, mantan pegawai tinggi di RTM yang pada waktu itu berkhidmat dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bersama-sama isterinya, Noraini, seorang pelakon drama TV yang terkenal. Sejak mula mendaftarkan nama di LUTH, kami telah berjanji akan bersama-sama dalam satu penerbangan, satu tempat tinggal dan satu syeikh. Di dalam kapal terbang itu pun kami duduk bersama-sama, saya di tepi jendela, Hashim di tengah dan isterinya di sebelahnya. Ikut bersama-sama kami dalam

penerbangan yang membawa kira-kira 380 orang jemaah itu, seorang pegawai dari LUTH yang sekejap-sekejap memberi penerangan dan penjelasan melalui pembesar suara kapal terbang itu tentang apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dilakukan di dalam kapal terbang, tentang miqat dan sebagainya, tetapi saya sendiri tidak begitu faham dengan apa yang diucapkan walaupun dalam bahasa Melayu. Berulang-ulang dan berbelit-belit macam orang membaca kitab lama.

"Apa yang dicakapkannya?" tanya saya kepada Hashim. "Saya tak mengerti."

"Dia mengatakan, misalnya yang paling mudah, sebentar lagi pelayan kapal terbang ini akan menghidangkan makanan." Tetapi yang datang cuma minuman ringan, iaitu air nanas atau teh. Hal ini berlaku beberapa kali, tidak tahukah dia perbezaan antara makanan dan minuman? Waktu sampai di miqat, sesudah tujuh jam penerbangan, dia memberitahu para penumpang yang belum berihram supaya memakai ihramnya dan berniat umrah kalau dia akan mengerjakan haji tamattu' dan berniat umrah dan haji kalau dia akan mengerjakan haji ifrad. Tetapi sampai di Jeddah, masih ada beberapa orang yang masih belum memakai ihram dan orang-orang ini terpinga-pinga seperti dalam kebingungan.

Waktu akan menaiki kapal terbang di Subang, pihak LUTH telah memberikan satu beg galas kepada setiap orang yang di dalamnya berisi bekas air zamzam dan beg ini hanya dalam dua warna sahaja, merah dan biru. Oleh sebab warnanya sama, maka ketika menyimpan beg-beg tersebut di dalam tempat simpanan barang-barang di dalam kapal terbang, terjadilah beberapa kekecohan. Ada seorang lelaki tua, beberapa kali bangun dari tempat duduknya, membuka tempat simpanan barang-barang itu untuk mencari begnya. Sampai kapal

terbang itu mendarat di Jeddah, begnya itu masih belum dijumpainya juga.

Pihak LUTH telah menyediakan *Risalah Penerangan kepada Hujjaj Malaysia*. Risalah ini amat berguna kerana di dalamnya berisi berbagai-bagai penerangan yang perlu diketahui oleh jemaah haji sejak dia bertolak dari Lapangan Terbang Antarabangsa Subang sehingga kembali semula ke tanah air, kalau umurnya dilanjutkan Allah. Tetapi malangnya, tidak ramai yang membaca buku itu terutama daripada kalangan jemaah yang datang dari kawasan pedalaman atau jemaah yang terlalu tua.

Layanan yang diberikan oleh pramugari dan pramugara kapal terbang sangat memuaskan, baik yang beragama Islam ataupun tidak. Pramugari perempuan semuanya memakai tutup kepala dan jika membuat pengumuman selalu dimulai dengan mengucapkan salam. Semuanya berbahasa Melayu dengan baik, membahasakan orang tua-tua dengan panggilan pak cik dan mak cik.

Tidak lama sesudah melewati miqat, kapal terbang itu pun terbang di atas wilayah Arab Saudi. Dari tingkap saya melihat haba panas dari bukit-bukit batu yang gondol dan tanah pasir yang tandus. Terasa seolah-olah haba panas dari luar itu menyerap masuk ke dalam kapal terbang sehingga mempengaruhi udara sejuk di dalamnya. Saya cuba mencari sekiranya ada tumbuh-tumbuhan di tanah yang gersang itu, namun hanya bukit batu dan lembah batu yang kelihatan. Ada rumah-rumah yang terpencil di lurah bukit yang kelihatan berwarna hijau, seperti tapak semaian di sawah. Semakin dekat dengan lapangan terbang, semakin banyak rumah yang berbentuk seperti kotak empat persegi kelihatan di sana sini. Dari jauh sudah kelihatan bangunan Lapangan

Terbang Jeddah yang berbentuk seperti atap khemah. Lapangan terbang itu cukup besar, beberapa buah kapal terbang telah mendarat di sana baik yang berhampiran terminal mahupun yang agak jauh sedikit. Sebaik sahaja kapal terbang kami mendarat, semua penumpang keluar melalui "*tube*" terus ke tempat menunggu pemeriksaan imigresen. Pada waktu itu di Jeddah baru pukul 3.45 petang.

Selama penerbangan dari Subang ke Jeddah menurut kiraan jam kita, dua waktu sudah dilewati, zuhur dan asar. Dalam risalah yang diberikan oleh LUTH ada diterangkan cara-cara bersolat di dalam kapal terbang, iaitu bersolat dengan ketiadaan wuduk, melakukan isyarat gerakan solat yang sama seperti orang yang bersolat ketika terikat di pokok. Dalam buku *Berkunjung ke Baitullah* yang ditulis oleh Ny. H. Tajus Sa'adah Soeba S. yang diterbitkan oleh Penerbitan Percetakan Dewi, Surabaya ada disebutkan tentang tayamum daripada debu halus di dalam kapal terbang yang pasti ada, menempel di dinding atau pada kain-kain sandaran kerusi tempat duduk. Tayamum ini sah hanya untuk satu kali solat sahaja walaupun tidak terjadi perkara-perkara yang membatalkan wuduk. Memang selalu timbul kerumitan bagi pihak jemaah dengan pihak penerbangan tentang wuduk ini. Para jemaah yang tidak mendapat penerangan yang jelas tentang solat di dalam kapal terbang akan menggunakan air yang sedikit di dalam kapal terbang itu untuk wuduknya dan hal ini selalu menyebabkan air tertumpah di atas lantai yang boleh membahayakan penerbangan, juga menyebabkan bekalan air tidak mencukupi. Penerangan yang diberikan oleh Ny. H. Tajus Sa'adah adalah lebih munasabah lagi. Bagi kami yang bertolak pada jam 9.00 pagi dari Subang dengan ketibaan yang begitu awal masih sempat menunai-

kan zuhur, apatah lagi kalau mahu dijamak dengan asar akan lebih baik kerana kita masih dalam perjalanan. Di dalam kapal terbang ada tayangan filem tentang ibadat haji, tetapi sedikit sahaja yang dapat menolong kerana terlalu umum dan ada rakaman radio bacaan al-Qur'an.

Sebenarnya sejak dari kita mula berniat dan memakai ihram, perjalanan kita dari rumah ke lapangan terbang, menunggu kapal bertolak, di dalam kapal terbang, menunggu bas di Jeddah dan dalam perjalanan ke Tanah Haram, kita digalakkan membaca talbiah dengan menurut Asy Syafi'i. Talbiah dimulai dari waktu ihram hingga sampai melontar Jamrah Aqabah pada pagi hari nahar.

Sebelum bertolak dari Kuala Lumpur, pihak LUTH telah menasihatkan kami yang mengambil tempat penginapan di rumah Tabung Haji di Makkah, supaya mengambil salah seorang syeikh (mutawif): Syeikh Ahmad Ali Tunkar ataupun Syeikh Ahmad Edrus. Di tempat pemeriksaan imigresen, saya dan Hashim serta isterinya mengambil syeikh yang pertama itu. Pegawai kastam yang memeriksa barang-barang kami yang berjumlah 380 orang itu cuma tiga orang. Mereka kadang-kadang berhenti beberapa minit untuk bertengkar sama sendiri tentang sesuatu perkara, namun pemeriksaan berjalan lancar. Perhatian mereka lebih tertumpu kepada benda-benda yang berbungkus seperti ubat-ubatan daripada akar kayu dan surat-surat.

Ada satu ruangan di lapangan terbang itu yang diambil oleh LUTH untuk dijadikan tempat jemaah haji dari Malaysia menunggu bas, walaupun ada juga jemaah dari negara lain yang duduk di situ. Tetapi bendera Malaysia ialah tandanya. Dua belas ruangan yang besar itu penuh dengan jemaah dari berbagai-bagai negara di seluruh dunia. Jemaah dari Indonesia yang paling

banyak pada malam itu. Ada yang sedang menaiki bas yang sudah disediakan dengan lambang merah putih pada cermin di depannya dan ada yang masih menunggu.

Pada masa itulah terlintas dalam fikiran saya erti sabar yang selalu dikatakan kepada setiap orang yang akan mengerjakan haji. Puncak daripada ibadah haji ialah kesabaran. Sifat sabar ini sebenarnya telah dipupuk sejak dari kita harus berada tiga jam lebih awal di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang sebelum masa bertolak. Kita disuruh sabar menunggu dan sekarang ketika berada di bawah atap Lapangan Terbang Jeddah yang berbentuk seperti atap khemah ini, lanjutan daripada tugas menunggu di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang itu sedang berlaku dan hal ini akan berlaku selama kita berada di Tanah Suci.

Lapangan Terbang Jeddah cukup besar, lengkap dengan segala kemudahan asas seperti air yang mencukupi dan kedai yang menjual makanan dan minuman serta kedai barang-barang yang lain. Bilik airnya banyak, dengan cerat yang automatik, tandas, bilik mandi dan cermin untuk orang yang mahu bercukur. Setiap 15 minit sekali ada orang yang membersihkan bilik air itu termasuklah bilik mandi dan tandas-tandasnya yang sering dikotori oleh pengguna yang menyalahgunakan tempat-tempat itu. Di dalam bilik mandi mereka membuang air besar dan lubang tempat membuang air besar yang begitu luas juga tidak dapat digunakan dengan betul. Masalah kebersihan patut diberi pujian yang tinggi kepada kerajaan Arab Saudi. Barangkali lima minit sekali akan datang orang menyapu sampah yang dibuang oleh jemaah yang tidak tahu menggunakan tong sampah yang begitu banyak disediakan.

Seorang jemaah wanita dari Malaysia mengeluarkan

kamera dari dalam begnya lalu cuba meminta seseorang mengambil gambarnya. Pengawal lapangan terbang itu atau polis (sampai kembali ke tanah air saya masih tidak dapat membezakan antara kedua-duanya) datang melarang dan mengancam akan merampas kameranya. Perempuan itu pun takut bukan kepalang, segera menyimpan kembali kameranya itu. Dengan kejadian itu maka kamera yang saya bawa pun tidak pernah saya keluarkan dari dalam beg sejak berangkat sampai kembali ke rumah. Baik di Makkah, Arafah, Mina dan Madinah saya jarang melihat orang mengambil gambar. Hashim yang membawa sebuah kamera kecil dapat membawanya di dalam kantung. Oleh sebab itu dia sempat mengambil beberapa gambar dan pernah ditahan oleh pengawal Masjid Nabawi di Madinah ketika dia kebetulan membawa kamera itu di dalam beg kecil yang diberikan oleh LUTH.

Satu pertemuan yang aneh telah terjadi secara kebetulan ketika saya duduk di bangku Lapangan Terbang Jeddah bersama-sama Hashim. Ada seorang lelaki yang duduk di sebelah saya, yang juga datang dengan penerbangan yang sama. Ketika saya bercakap, dia memandang muka saya dengan renungan yang tajam.

"Ini Abdullah Hussainkah?" tanyanya kemudian.

Saya pula kembali merenungnya. Tetapi oleh sebab saya selalu tidak ingat nama orang, nombor telefon atau nombor kereta, maka dengan tidak segan-segan saya bertanya, "Maaf, siapa nama tuan? Saya seorang yang pelupa nama orang."

"Saya Long Hassan."

"Dari Kulim?" tanya saya cepat.

"Tengok," katanya. "Di sini pula kita berjumpa."

Kami sudah berpisah sejak tahun 1940 dahulu, ketika saya menginap di rumahnya di Kulim dalam per-

jalanan pulang dari Bagan Serai (baca petikan daripada *Memoir* saya yang disiarkan dalam *Dewan Sastera* yang berjudul "Ragam Hidup"). Semasa menulis *Memoir* itu, saya teringat kepadanya dua kali, pertama, ketika tiba kepada peristiwa kami pulang dari Bagan Serai seperti yang saya ceritakan itu dan kedua, ketika saya berjumpa adiknya Ahmady Hassan di Medan, yang dibawa oleh Haji Abdul Majid. Tetapi sampai saat itu saya tidak tahu di mana dia berada, apakah masih hidup ataupun sudah mati? Adiknya Ahmady Hassan telah meninggal dunia sehari sebelum P. Ramlee menghembuskan nafasnya yang terakhir. Dengan pertemuan itu, kami pun mendapat bahan-bahan untuk bercerita sementara "bersabar" menunggu ketibaan bas.

Malam semakin larut, walaupun masa malam telah menjadi begitu panjang bagi kita yang datang dari timur kerana perbezaan waktu kira-kira 4½ jam lewat daripada Malaysia, tetapi saya tidak sedikit pun terasa mengantuk. Boleh jadi terlalu "*excited*" kerana sudah sampai di Jeddah, boleh jadi juga kerana seronok melihat manusia daripada berbagai-bagai bangsa yang datang dari seluruh pelosok dunia. Semuanya umat Muhammad s.a.w. yang datang dengan satu tujuan, mengerjakan haji, rukun Islam kelima. Semuanya dengan muka yang berseri-seri, sedikit pun tidak memperlihatkan kegundahan atau kerisauan kerana duduk dan tidur bergelimpangan di atas lantai simen lapangan terbang, berhimpit dan bersesakan di celah tompokan barang-barangnya.

Makkah, Kami Datang

Lewat tengah malam, semua penumpang penerbangan yang ke-45 pun dipanggil untuk menaiki bas dengan membawa barang-barangnya ke tempat bas berhenti.

Penumpang untuk setiap bas dibahagi-bahagikan menurut syeikh haji yang dipilih. Syeikh yang banyak mendapat jemaah dinaikkan lebih dulu dan kami mendapat giliran yang agak kemudian, kerana jumlah yang kecil. Jemaah yang mengambil Syeikh Ahmad Ali Tunkar cuma lima orang sahaja di dalam bas itu. Setelah membayar baksis kepada orang yang mengangkut barang-barang ke atas bas sebanyak dua rial seorang, bas kami pun bertolak meninggalkan Lapangan Terbang Jeddah.

Lebuh raya dari Jeddah ke Makkah yang jauhnya kira-kira 75 kilometer itu amat baik, lebar dan dibahagi dua. Oleh sebab jarak yang tidak berapa jauh, maka kami menyangka paling lama dua jam perjalanan akan sampailah ke Tanah Haram. Semasa berada di dalam bas itu sudah ramai yang tertidur kerana letih dan kebetulan kebanyakan penumpang terdiri daripada orang-orang tua lelaki perempuan yang datang dari Terengganu dan Kelantan. Mungkin mereka dari daerah pedalaman, sebab saya tidak begitu faham dengan loghat percakapannya. Drebar bas itu seorang muda, berbadan tegap seperti kebanyakan orang Arab. Walaupun sudah mulai terasa sejuk kerana tiupan angin malam padang pasir yang menerpa masuk dari tingkap, saya tidak terasa apa-apa dan tidak terasa mengantuk. Saya terlalu ingin melihat Kota Makkah walaupun dalam keadaan malam serupa itu. Kenderaan yang menuju ke Makkah begitu banyak, demikian juga yang turun ke Jeddah. Lampu-lampu kenderaan yang menembusi gelap malam padang pasir itu kelihatan dari jauh seperti bertali-tali dan kadang-kadang seperti kunang-kunang.

Mungkin sesudah masuk ke perbatasan Tanah Haram agaknya, drebar bas itu melalui pembesar suara telah membaca talbiah dan meminta para penumpang

basnya menyambut bacaannya itu beramai-ramai. Saya dapat menangkap maksudnya walaupun dia bercakap dalam bahasa Arab, kerana dia berkata, "Haj, Makkah, Makkah!"

Hanya beberapa orang sahaja yang menyambut talbiah yang dibacanya. Drebar itu naik radang, sebelum dia melanjutkan bacaan seterusnya dia berteriak berulang-ulang, "Haj, Makkah! Makkah!" Namun, suara yang menyahut seruannya tetap seperti orang tidak bermaya. Dia terus membaca talbiah itu berulang-ulang, baik disahut atau tidak, tetapi lama-kelamaan dia pun letih sendiri lalu memanggil salah seorang daripada penumpang supaya menggantikannya. Panggilannya itu tidak mendapat sambutan, lalu dibuka radio basnya dengan lagu-lagu qasidah dan bacaan al-Qur'an. Saya menyangka tidak lama lagi kami akan masuk ke Makkah dan mata saya semakin saya nyalangkan untuk melihat Kaabah dan untuk membaca doa ketika melihatnya nanti. Pada waktu itu terasa seperti kelajuan bas mulai berkurang dan kemudian tersengguk-sengguk seperti kekurangan minyak.

"Haj," ujar Arab itu. "Miskin, rial, rial!"

Berdetak hati saya mengatakan dia minta baksis seperti yang selalu diceritakan orang. Bas atau motokar (pada zaman dahulu unta) dihentikan tiba-tiba di tengah padang pasir itu kerana mahukan baksis. Selagi belum diberikan kepadanya, maka dia akan tidur enak-enak di atas pasir itu. Saya teringat cerita Yusuf Suria yang melarikan bas Arab ketika kejadian serupa itu berlaku kepadanya dan dibiarkan drebar bas itu mengejarnya dari belakang.

"Dia mau baksis," kata saya kepada orang yang duduk di sebelah. "Kalau kita tidak beri dia tidak akan membawa bas ini ke Makkah."

Orang di sebelah saya itu seorang tua, mungkin tidak faham dengan maksud saya, dia diam sahaja. Saya lalu melaung kepada Hashim yang duduk agak jauh sedikit. Hashim lalu memberitahu kepada orang di belakangnya, tetapi ramai yang tidak mengerti walaupun kami telah mengeluarkan wang sebanyak dua rial seorang untuk diberikan kepada Arab itu. Arab itu masih tidak mahu menjalankan basnya kerana didapati wang itu masih belum cukup.

"Miskin, rial, rial," katanya lagi dan turun dari bas.

Saya memberitahu orang di sebelah saya supaya cepat mengutip duit daripada orang lain. Pada waktu itulah baru dia bersuara meminta wang daripada mereka yang belum membayarnya. Barulah ada yang mencari wang yang rupa-rupanya sejak diterima daripada pegawai LUTH di Jeddah, telah disimpan di tempat yang selamat. Kesulitan kecil timbul apabila antara mereka tidak tahu nilai setiap wang kertas yang ada padanya. Demikianlah kira-kira satu jam berlalu barulah terkumpul wang daripada semua penumpang dan drebar itu pun memandu semula basnya. Nasib kami agak baik juga, kerana sekali itu sahaja dia berhenti meminta baksis, sebab menurut cerita daripada kawan-kawan yang terkemudian, ada yang sampai tiga kali drebar basnya berhenti dalam perjalanan.

Sebelum masuk ke Makkah, bas itu telah berhenti di satu perhentian untuk memeriksa semua jemaah yang akan masuk ke Makkah. Dari situ seorang wakil syeikh iaitu seorang pemuda telah mengikuti bas tersebut masuk ke dalam Kota Makkah untuk menunjukkan rumah syeikh yang akan ditempati oleh penumpang-penumpang di dalam bas itu.

Waktu memasuki Kota Makkah, tanpa disedari saya telah mengeluarkan air mata, kerana mengenang baha-

wa Tanah Haram yang akan saya jejaki itu ialah tempat lahir seorang Nabi besar. Saya beruntung menjadi salah seorang umatnya. Di situlah dia dilahirkan dan pertama kali menerima wahyu daripada Allah s.w.t. Kemudian dia diusir oleh kaumnya sendiri dengan ancaman mahu membunuhnya.

Ketika kami tiba di Kota Makkah hampir jam 3.00 pagi, tetapi orang sangat ramai, berjalan kian ke mari. Paling banyak ialah orang-orang yang memakai ihram menuju ke arah Masjidilharam yang baru sahaja kami lewati di sampingnya. Lampu jalan terang-benderang memancarkan warna kekuningan seperti siang hari layaknya, ditambah dengan lampu neon iklan dan nama kedai yang berbagai-bagai bentuk. Di tepi jalan yang sempit, kami melihat orang duduk berkumpul dengan barang-barangnya. Anak muda yang menjadi pemandu bas itu membawa kami ke rumah syeikh. Seorang syeikh yang berbadan besar dan tegap dengan bahasa Melayu telor Arab menaiki bas kami dan memberitahu namanya, sesiapa yang mengambilnya diminta turun. Berkali-kali dia berkata serupa itu tetapi penumpang di dalam bas itu masih tidak bergerak. Hanya setelah syeikh itu naik berang dan menjerit-jerit memberitahukan namanya, barulah beberapa orang di antaranya mulai turun.

Kami yang mengambil Syeikh Ahmad Ali Tunkar turun kemudian sekali di satu lorong kecil di Shuib Amir. Setelah diberitahu bahawa kami akan tinggal di rumah Tabung Haji, kami disuruh tunggu di simpang itu kerana orang-orang syeikh itu akan membawa orang lain lebih dulu ke rumahnya. Saya melihat ada beberapa orang tidur bergelimpangan di tepi barang-barangnya di atas pasir di tepi jalan itu dan kemudian saya mendengar mereka bercakap dalam bahasa Aceh. Saya lalu menghampirinya dan bertanya mengapa mereka tidur

di situ? "Syeikh kami belum datang lagi," jawabnya.

Oleh sebab orang-orang syeikh kami juga agak lambat datang, terfikir oleh saya bahawa kami juga akan tidur dengan barang-barang kami di tepi jalan serupa itulah agaknya. Belum pun sempat fikiran saya itu berkelana jauh, adik Syeikh Ahmad Ali Tunkar datang dan menyuruh khadamnya mengangkat barang-barang kami ke bangunan Bamshaab yang rupa-rupanya terletak tidak jauh dari situ. Pada waktu itu azan subuh yang pertama telah kedengaran dari Masjidilharam dan kerana terlalu letih apalagi semalam-malaman tidak tidur, maka kami solat subuh di rumah tumpangan itu sahaja. Mula-mula saya dan Hashim ditempatkan di tingkat tiga bangunan enam tingkat itu, sementara isteri Hashim di tingkat satu. Pada paginya barulah kami dipindahkan ke tingkat satu, di situ telah ada Mohd. Noor Salleh, seorang pegawai kastam dari Kulim bersama-sama isterinya. Dia datang dengan kapal terbang yang lebih awal dan telah pun berkunjung ke Madinah.

Pengalaman menaiki bas dari Jeddah ke Makkah telah membuat saya berfikir, alangkah baiknya jikalau di dalam setiap bas itu ada seseorang yang dapat menjadi orang perantara antara jemaah haji dengan drebar, yakni orang yang tahu bahasa Arab. Mungkin hal ini agak mustahil kerana pegawai-pegawai LUTH sendiri amat terbatas jumlahnya apatah lagi bagi jemaah haji dari Malaysia yang begitu ramai. Tahun ini sahaja jumlahnya hampir mencapai angka 23 000 orang. Jalan lain, bagi memudahkan urusan adalah dengan memberi penerangan kepada para jemaah ketika berada di Lapangan Terbang Jeddah bahawa drebar itu akan meminta baksis dan kerana hal ini sudah menjadi satu kebiasaan, maka wang itu patut diberikan tanpa banyak dolak-dalik. Penerangan dengan lisan lebih berkesan

daripada risalah yang ditulis, sebab umumnya orang kita belum ramai yang suka membaca apatah lagi golongan tua seperti dalam rombongan kami itu. Wang itu boleh juga dikutip lebih dulu di Jeddah lalu diserahkan kepada seseorang di dalam bas itu.

Ketika mencari-cari rumah syeikh di Makkah itu, drebar tersebut telah mulai naik berang, dia mahu menurunkan sahaja kami semua di satu tempat. Kalau inilah yang terjadi tentulah akan menambahkan kesusahan lagi.

Pagi itu, saya dan Hashim ke rumah Syeikh Ahmad Ali Tunkar yang terletak tidak jauh dari tempat kami. Kami mahu meminta seorang pemandu untuk membuat tawaf dan sai. Syeikh itu seorang yang peramah dan pandai berbahasa Melayu. Katanya keturunannya berasal dari Tunkar di Sumatera Barat. Saya dan Hashim amat terperanjat ketika diberitahu bahawa dia tidak dapat mengambil kami ke dalam jemaahnya, kerana tempat di Arafah yang akan diberikan kepadanya itu telah diambil kembali. Dari rumah tumpangan kami dia hanya menerima dua keluarga sahaja, iaitu mereka yang datang lebih awal. Tan Sri Kadir dan keluarganya, dan Mohd. Noor Salleh dan isterinya. Tetapi katanya, dia akan menolong kami membuat tawaf atas dasar belas kasihan sahaja. Setelah menunggu, maka akhirnya menantunya membawa kami ke Baitullah dan di sana dia mencari seorang muzawwir yang bertauliah untuk memandu kami membuat tawaf dan sai dengan bayaran 50 rial seorang. Ketika itu sudah pukul 11.00 pagi, tetapi orang yang mengerjakan tawaf cukup ramai. Muzawwir itu menyuruh isteri Hashim memegang jubahnya, dia memeluk bahu saya di sebelah kiri dan Hashim di sebelah kanan lalu membuat tawaf. Dia membaca dengan kuat agar kami dapat mengikutnya, tetapi kerana orang

terlalu ramai dan bacaannya tidak begitu jelas, saya kadang-kadang tersasul. Akhirnya saya membaca sendiri.

Saya sekarang benar-benar berada di samping Kaabah yang menjadi haluan kiblat umat Islam ketika mengerjakan solat baik di mana pun dia berada di dunia ini. Ketika melangkah masuk dari pintu Babus-Salam tadi, oleh sebab terlalu gugup akan masuk ke Masjidilharam, saya telah terlupa mahu membaca doa khas ketika lalu di situ. Begitu juga ketika pertama kali melihat Baitullah yang mulia, tersergam di hadapan mata, macam tidak percaya bahawa saya benar-benar berada di Tanah Suci. Satu perasaan yang aneh yang sukar mahu digambarkan dengan kata-kata menyelinap ke seluruh tubuh dan air mata pun tanpa disedari meleleh turun ke pipi.

> Sesungguhnya permulaan rumah yang dibuat untuk tempat manusia beribadah adalah rumah yang di Bakkah, yang mendapat berkat dan menjadi petunjuk bagi segenap manusia. Padanya ada tanda-tanda yang nyata, iaitu Makam Ibrahim. Barang siapa masuk ke dalamnya, nescaya menjadi amalan dia. Dan wajib haji kerana Allah atas orang yang mempunyai kemungkinan untuk sampai ke sana. Dan barang siápa berlaku kufur, maka bahawasanya Allah itu Maha Kaya dari semesta alam.
>
> – *Ali Imran*: 96–97

Saya berasa aman dan lupa segala yang lain kecuali untuk mengelilingi Kaabah, tanpa menghiraukan orang ramai yang lain. Pusingan kali terakhir muzawwir itu cuba membawa kami ke tepi Rukun Yamani, dia berjaya menyuruh isteri Hashim menciumnya, tetapi saya dan Hashim cuma dapat meletakkan tangan sahaja. Di situ

ramai orang yang bergantungan sehingga ke Hajarul-aswad. Betapa pun dihalang oleh pengawal-pengawal di situ, namun semua orang desak-mendesak mahu menyentuh dan menciumnya. Ada pula yang seolah-olah tidak mahu melepaskannya apabila sekali sudah dapat disentuhnya. Orang-orang dari Benua Afrika barangkali, yang besar tinggi tanpa menghiraukan orang lain, merempuh masuk dari arah sebelah selatan dalam bondongan 10 atau 15 orang, menyebabkan orang lain yang kena rempuh termundur atau terlajak. Isteri Prof. Datuk Zainal Abidin Wahid yang tiba sehari kemudian daripada kami ketika melakukan tawaf telah terjatuh begnya dan pada waktu itu tidak ada harapan untuk tunduk mengambilnya, desakan dan tekanan orang dari belakang terlalu kuat.

Apatah lagi ketika tiba di Makam Ibrahim, ada antara orang yang ingin memegang, menyentuh malah ada yang memeluknya dan menangis di situ. Gerakan gelombang manusia yang mendorong dari belakang itu pun tertahan sebentar.

Kadang-kadang yang menjadi halangan ialah orang yang melakukan solat sunat di Makam Ibrahim, kerana di situ merupakan salah satu tempat untuk berdoa. Orang dari Timur Tengah seperti Turki (dengan pakaian seragamnya), Iraq, Iran, Afghanistan, juga orang-orang dari Benua Afrika yang besar-besar tubuhnya akan membuat pagar manusia di sekeliling kawan atau saudaranya yang mengerjakan solat dan ini pun salah satu sebab yang mengganggu arus pergerakan orang yang mengerjakan tawaf. Dalam keadaan yang serupa ini, berlari-lari anak pada empat kali keliling yang pertama sebagai salah satu syarat tawaf sudah tidak mungkin dikerjakan lagi. Orang hanya boleh berjalan dengan langkah-langkah yang pendek sahaja, cepat atau lambat

mengikut gelombang arus yang mendorong dari belakang.

Dalam *Kitab Qisyasul Anbiya* ada diceritakan tentang asal usul Kaabah, yang katanya bermula daripada pertemuan antara Nabi Adam a.s. dengan isterinya setelah dikeluarkan dari syurga oleh Allah s.w.t. kerana melanggar larangan Allah. Allah s.w.t. memerintahkan Adam a.s. mendirikan sebuah bangunan yang kemudian dikenali dengan nama Kaabah kerana ia bersegi empat. Pembangunan Kaabah seluruhnya ditetapkan melalui Malaikat Jibril a.s. Muhammad Ali seorang ulama India yang terkenal dengan bukunya *Dinul Islam* menulis antara lain:

> Batu hitam tempat kita memulai tawaf di sekitar Kaabah. Kita tidak menemukan sesuatu petunjuk yang menerangkan tempat datangnya batu itu dan bila diletakkan di Kaabah itu. Namun sudah dapat dipastikan bahawa batu hitam itu telah ada di Kaabah sebelum Islam lahir semenjak masa Ibrahim kerana syiar-syiar keagamaan di bidang haji dapat kita kembalikan ke masa Ibrahim....

Masalah dari mana asal usul batu hitam itu, bukanlah satu masalah yang besar bagi orang-orang yang beriman; seperti masalah haramnya memakan daging babi, bukannya kerana kuman-kuman yang terdapat di dalamnya, tetapi kerana keimanan kita kepada larangan Allah s.w.t.

Khalifah Umar r.a. yang berpandangan jauh terhadap musuh-musuh Islam yang menuduh bahawa umat Islam memuja batu pernah mengatakan, "Wahai Tuhanku, sesungguhnya engkau hai batu hitam tidak dapat memberi manfaat dan tidak dapat memberi mudarat. Andai kata aku tidak melihat Rasulullah mencium

engkau, pastilah aku tidak mencium engkau."

Perkataan Umar r.a. itu telah menolak tuduhan orang-orang yang bencikan Islam bahawa batu hitam itu dijadikan berhala, mempunyai daya guna dan memberi manfaat dan mudarat. Kita sesungguhnya tidak berbuat lebih daripada mengikut sunnah Rasulullah s.a.w. sahaja.

Muzawwir kami itu membawa kami bersolat sunat agak jauh sedikit dari Makam Ibrahim dan dia berdiri menjadi pengawal. Setelah selesai, dibawanya pula meminum air zamzam sebelum mengerjakan sai. Hampir semua orang yang mahu mengerjakan sai ingin memijak batu Bukit Safa yang asal, iaitu bonjolan-bonjolan batu yang sengaja ditinggalkan dalam keadaan asal. Oleh sebab keadaannya yang tidak rata, maka timbul kesukaran untuk berdiri berdoa dengan tetap sebelum sai dimulakan. Muzawwir kami memimpin bacaan doa dan membawa kami berjalan. Isteri Hashim disuruhnya memegang hujung jubahnya dan saya kadang-kadang ditariknya berjalan bersama-sama. Waktu mengerjakan tawaf tadi ada dua kali dia ditahan oleh pengawal masjid untuk melihat lesennya sebagai muzawwir dan waktu sai ini ada dua kali dia ditahan untuk dilihat lesennya. Marwah juga seperti di Safa, bonjolan-bonjolan bukit asal masih dikekalkan walaupun di sepanjang masa sudah diturap dengan simen dan marmar. Di kedua-dua tempat inilah yang selalu terjadi kesesakan apabila orang terlalu ramai dan ada yang jatuh dipijak orang. Kekecohan terjadi apabila ada orang yang sudah selesai tahalul, berpatah balik berjalan songsang menentang arus. Pernah pada suatu ketika saya menyaksikan betapa seorang bapa yang cuba menyelamatkan anaknya yang sedang didukung di atas bahunya dalam pusuan manusia yang ramai itu. Anaknya yang berumur dua atau tiga

tahun sudah merah mukanya, sementara orang ramai tidak ada yang mahu membuka jalan untuknya keluar, sebab setiap orang hanya ingat tentang ibadatnya sahaja. Akhirnya pihak pengawal masjid itu masuk campur, tiga empat orang daripada pengawal itu merempuh masuk dan cuba menolak orang-orang yang sedang berdesak-desakan itu ke tepi.

Selesai sai dan bertahalul, maka selesailah umrah kami yang mengerjakan haji tamattu'. Kami sudah boleh menanggalkan ihram dan menggunakan pakaian biasa. Saya hanya membawa beberapa helai kemeja, tiga celana dan dua helai kain pelekat, dua pasang ihram dan dua helai tuala.

Waktu keluar dari Masjidilharam itu, terasalah panas yang amat sangat, selain hawanya yang memang panas, ditambah pula dengan jumlah manusia yang ramai. Walaupun telah meminum air zamzam sampai kenyang, tetapi apabila mendengar orang Arab yang berjual di kaki lima itu menjerit "*barit*" berkali-kali yang maksudnya dingin, timbul pula satu macam keinginan yang tidak dapat ditolak. Demikianlah punca saya mendapat sakit tekak, apabila setiap kali pulang dari solat zuhur dan asar, singgah di tempat Arab menjual *barit* itu meminum *grape juice* yang tidak pernah saya minum waktu di tanah air, sebab saya tidak suka minuman yang masam-masam manis. Tetapi rasa *grape juice* di Makkah ini agak lain walaupun diimport dari luar. Sebelum bertolak dahulu, sepupu saya Haji Zain Hussain telah berpesan jangan minum air atau air yang didinginkan dengan ais, tetapi minumlah air mineral yang banyak dijual itu. Di situlah kesilapan dan saya pun mulai menderita sakit tekak dua hari kemudian.

Penghuni bilik di tingkat satu rumah penginapan kami kini telah bertambah. Prof. Datuk Zainal Abidin

Wahid; Wan Hilal bin Haji Wan Abdul Rahman, Pegawai Daerah Kuala Pilah; Mohd. Ali bin Abd. Talib, Pegawai Perikanan Kuala Pilah; Faizul bin Uda Sohor, Komandan Batalion ke-7 PPH, Tampin; dan Haji Othman bin Omar dari Petaling Jaya. Prof. Datuk Zainal Abidin dan Faizul dan isteri masing-masing, sementara Haji Othman pula menemani isterinya dan dua orang iparnya. Salah seorang iparnya ialah Jamaliah Long. Jamaliah Long telah meninggal sebelum sempat mengerjakan haji dan tidak pula sempat bertemu suaminya Ariff Ahmad, Pengarah Kebudayaan di Universiti Malaya yang datang sehari lewat, setelah mendapat berita tentang isterinya yang sakit.

Di dalam rumah tumpangan itu juga tinggal Datuk Hassan Ibrahim, Mohd. Noor Azam, Datuk Muslim dari Kedah, Dr. Elyas Umar, Tan Sri Hamid Bidin, Bujang Ulis waktu itu Timbalan Menteri Pelajaran, Abdul Razak Hitam dari Pahang dan ramai lagi. Antara jemaah haji tahun ini terdapat dua orang wartawan, iaitu Hashim Hassan daripada *Utusan Melayu* dan Rosedin Yaakub, anggota Dewan Undangan Negeri Selangor.

Niat yang Suci

Sesudah terasa mahu mendapat sakit tekak, saya dan Hashim Amir Hamzah yang juga mulai terasa sakit yang sama hanya mengerjakan solat zuhur, maghrib, isyak dan subuh sahaja di Masjidilharam. Kami pergi satu jam lebih awal atau satu jam setengah untuk mencari tempat yang baik. Setelah mengerjakan solat sunat lalu membaca al-Qur'an sehingga tiba waktu bersolat. Untuk solat subuh kami bertolak dari rumah sebelum azan pertama. Mula-mula kami memilih tempat di bahagian bawah di dalam ruangan masjid, tetapi lama-kelamaan kerana

orang semakin bertambah, maka kami pindah ke bahagian atas. Tetapi di sini pun akhirnya sama sahaja keadaannya. Biarpun kita datang awal dan mendapati orang masih tidur di dalam masjid itu pada waktu subuh, tetapi apabila sudah terdengar azan subuh, tempat duduk kita pun semakin terdesak juga. Orang yang tidur di situ, orang yang tidur di pekarangan masjid dan orang-orang dari rumah syeikh yang berdekatan mulai menyerbu masuk. Masing-masing mencelah-celahkan dirinya. Mereka tidak peduli, apakah orang sedang bersolat, sedang membaca al-Qur'an ataupun berdoa. Dilangkahinya juga. Ditolak supaya memberikan tempat kepadanya. Biasanya orang-orang Iran, Turki, Iraq, Pakistan, dan India datang dalam kelompok 10 atau 15 orang, kalau seorang daripadanya sudah melangkahi bahu kita, tunggulah, akan ada langkahan yang lain lagi menyusul di belakangnya itu. Mereka akan duduk di depan kita di celah-celah saf yang sudah ada, ataupun menolak kita untuk mendapatkan tempat bersolat sunat. Orang-orang Malaysia, Singapura, Pattani, Filipina dan Indonesia yang mengikut mazhab Syafi'i terkenal sebagai jemaah haji yang paling baik dan tertib, hormat dan tidak akan melangkah di depan orang bersolat ataupun di depan orang yang sedang membaca al-Qur'an.

Hal ini pun satu kejutan juga kepada jemaah kita yang tidak diberi penerangan tentang cara-cara pengikut mazhab lain melakukan ibadat solat dan kelakuan mereka yang kasar. Hal ini sedikit sebanyak mengganggu kekhusyukan kita apabila terpaksa sujud di celah-celah kaki, terutama jika di hadapan kita itu orang Afrika yang tingginya lebih daripada enam kaki. Mereka bersolat tidak berkiam, tetapi meluruskan sahaja kedua-dua belah tangannya ke bawah, melihat ke kiri ke kanan, jari-jari tangannya digenggam dan dibuka seperti

sedang menghitung wang. Apabila mahu turun sujud, kakinya yang panjang itu lebih dulu dihulurkan jauh ke belakang kerana dia akan duduk seperti kita duduk dalam tahiyat akhir. Gangguan lain apabila orang Arab yang besar berjubah berdiri di depan kita, ada kemungkinan apabila kita bangun dari sujud mendapati kepala kita berada di dalam jubahnya. Saya sendiri tiga kali mengalami kejadian serupa itu. Mereka tidak menghiraukan jubahnya yang kembang kerana ditiup angin dan terpaksalah kita menjaga diri kita sendiri agar jangan terselubung ke dalam jubahnya itu!

Daripada pengalaman ini kita dapat melihat wajah manusia yang sebenarnya. Maha Suci Allah yang dengan ilmu-Nya memerintah kita mengerjakan ibadat haji, kerana pada masa itu akan keluar semua sifat manusia yang sebenarnya, sama ada yang buruk mahupun yang baik. Sifat mementingkan diri sendiri, individualis terserlah dengan menjolok sekali. Mereka bersikap bahawa aku sahajalah yang mahu beribadat di sini, orang lain itu tidak wujud.

Maksud dan tujuan daripada segala ibadah dalam agama Islam, baik yang wajib mahupun yang sunat, antara lain ialah:

1. Untuk mensucikan diri kita daripada segala macam dosa secara lahir dan batin.
2. Untuk meningkatkan iman (keyakinan) Islam dan ihsan.
3. Untuk mendapatkan nikmat iman, Islam dan ihsan.
4. Untuk mendekatkan batin dan jiwa kita kepada Allah s.w.t.
5. Untuk mengatur hubungan kita dengan sesama manusia dan dengan sesama makhluk.

Tetapi apa yang kita dapati dan alami sekarang ini seolah-olah terbalik semuanya, hubungan kita sesama manusia dan dengan sesama makhluk seolah-olah tidak wujud. Oleh sebab terlalu ghairah mahu mendekatkan diri kepada Allah sehingga kita lupa bahawa di samping kita ada orang lain yang juga berhak untuk beribadat seperti kita, yang mesti kita jagai hatinya. Mungkin salah satu falsafah haji yang paling utama telah kita abaikan kerana kelakuan kita itu.

Biarpun dalam beribadat kepada Allah s.w.t. kita dapati ada berbagai-bagai mazhab, tetapi satu perkara yang paling utama dalam berhadapan dengan Allah s.w.t. ialah niat kita yang bersih, pakaian kita yang bersih, bersih pula daripada hadas besar dan kecil. Tetapi kebanyakan orang tidak menganggap penting tentang perkara kebersihan ini sehingga pakaian mereka tidak pernah bertukar sejak dari mula sampai di Tanah Suci hingga dia pulang ke tempat asalnya. Betapa agaknya kalau kepala kita termasuk di dalam jubah yang serupa itu?

Ini juga merupakan kejutan kepadà kebanyakan jemaah kita kerana tidak mendapat penerangan tentang cara ibadat orang lain dan tentang kekasaran mereka itu. Dalam taklimat yang diberikan beberapa kali kepada jemaah haji, selalu ditekankan masalah sabar. Kita diminta supaya banyak bersabar dalam semua perkara. Oleh sebab berpegang kepada pesanan itulah pula maka kita mendapat perlakuan yang tidak baik, khabarnya ada yang kena himpit sampai mati di pintu keluar Masjidilharam, di Safa dan juga ketika melontar di ketiga-tiga Jamrah. Orang-orang kita juga sabar terhadap perlakuan kasar, angkuh dan sombong para pekedai orang Arab. Menurut Mohd. Noor Salleh, dia pernah melihat seorang tua ditolak sampai jatuh tunggang-langgang

kerana tidak cukup dua rial bagi membayar harga epal yang mahu dibelinya. Si penjual itu merampas balik buah epalnya dan menolak orang tua itu.

Kadang-kadang ketika kita mengangkat sesuatu barang yang ingin dibeli dan bertanya harganya, pekedai itu merampas balik barang tersebut dan dicampakkan kembali ke tempatnya semula, tanpa menghiraukan pertanyaan kita. Sikap yang serupa ini tidak sahaja berlaku di kalangan peniaga yang dewasa, tetapi juga kepada anak-anak kecil. Datuk Hassan Ibrahim bertanyakan harga minuman di dalam tin kepada seorang budak berumur kira-kira 10 atau 12 tahun, dijawabnya dalam bahasa Arab, saya lalu bertanya sekali lagi untuk lebih jelas jumlah yang dimaksudkannya. Budak itu telah memekik seolah-olah kami ini bukan manusia. Datuk Hassan begitu geram begitu juga saya, tetapi kerana mengingatkan kami di Tanah Haram, maka kami terpaksa mengurut dada sahaja. Pada masa itu bapa atau abang budak itu ada di situ. Mereka tidak berkata apa-apa, seolah-olah sikap biadab anaknya itu wajar bagi orang-orang dari "Jawi".

Pada suatu hari, saya pergi ke sebuah bank untuk menukar wang Malaysia. Setelah bersesak-sesak dan bersusah payah kerana tidak ada peraturan berbaris mengikut giliran, akhirnya sampailah saya kepada kerani yang menulis nilai tukaran wang yang diserahkan kepadanya. Melihat wang Malaysia, dia lalu menyuruh saya ke sebuah bank lain yang terletak tidak jauh dari tempat itu. Sekali lagi saya terpaksa bersesak dan berselit sepit untuk sampai kepada keraninya. Demi dilihatnya wang Malaysia, dicampaknya kembali kepada saya dengan mengibarkan tangannya menyuruh keluar, kerana bukan wang Amerika. Wang Amerika walaupun bernilai sepuluh dolar, cepat-cepat diterimanya.

Mungkin kejadian ini dianggap secara kebetulan terjadi kepada saya, tetapi cerita yang sama sering didengar daripada mereka yang pulang dari Tanah Suci. Cuma orang tidak mahu bercerita perkara yang tidak baik dari Tanah Suci itu, takut akan kehilangan haji mabrur. Ada pula orang mengambil sikap "masa bodoh" kerana pada waktu di Tanah Suci kita harus berbanyak sabar dalam segala percubaan, sebab kita tidak dapat mengharapkan yang baik sahaja ketika manusia begitu ramai. Sikap serupa inilah yang menyebabkan perkara ini terus berlaku setiap tahun dan akan terus berulang sampai dunia kiamat, kerana kita tidak berbuat sesuatu pun. Pihak atasan tidak pernah mengetahui kerana tidak ada laporan. Tujuan kita ke Tanah Suci untuk beribadat dan selama di sana kita menjadi "Tamu Allah", maka wajarkah perlakuan yang kurang sopan dilakukan kepada tamu Allah? Orang-orang Arab sejak zaman dahulu terkenal hormat kepada tamunya, sehingga kalau musuhnya sekalipun datang bertamu ke rumahnya dia akan menerimanya dengan baik dan setelah tamu itu keluar dari rumahnya, maka barulah dia bertindak membalas dendamnya. Kini ke mana hilangnya sifat mulia itu? Apakah ini kerana pengaruh wang?

Kita pasti hairan melihat kelakuan orang-orang Arab yang daripada kalangan mereka lahir seorang Nabi besar yang terkenal dengan kemuliaan akhlaknya. "Aku telah diutus semata-mata untuk menyempurnakan budi pekerti yang mulia," demikian salah satu sabda Rasulullah s.a.w. Dan di tempat lain Baginda bersabda: "Sesungguhnya Allah menghiasi Islam dengan budi pekerti yang mulia dan perbuatan yang terpuji."

Tentulah tidak wajar kalau kita di satu pihak sahaja yang harus banyak bersabar, sementara yang lain terus menginjak-injak kemanusiaan kita.

Saya mulai mendapat sakit tekak dan batuk-batuk, begitu juga Hashim dan isterinya. Pada suatu pagi, sebaik sahaja selesai solat subuh kami telah pergi ke klinik LUTH yang terletak di daerah itu juga. Waktu pagi serupa itu boleh menghindari orang ramai dan boleh mendapat rawatan lebih awal. Sejak pukul 7.00, klinik sudah dibuka dan setiap orang diberikan nombor giliran. Kebanyakan orang yang datang menghidap penyakit yang sama dan doktor pun seperti sudah tahu lebih dulu akan penyakitnya. Dengan pemeriksaan yang sedikit, ditulislah preskripsinya yang hampir sama belaka, hanya warna ubatnya sahaja yang berlainan. Pujian patut diberikan kepada rombongan doktor kita yang telah bekerja kuat siang dan malam melayan pesakit-pesakit yang begitu ramai dengan jumlah tenaga mereka yang begitu kecil. Ada doktor dan pegawai perubatan yang juga bercakap dengan suara serak dan batuk-batuk tetapi masih terus menjalankan tugasnya. Walaupun demikian, ada juga suara yang menyatakan tidak wajarnya klinik itu dibuka menurut waktu kerja seperti di tanah air kita, contohnya kejadian di Madinah, seorang lelaki tua datang dengan tubuh yang menggigil meminta rawatan tetapi nasibnya malang sebaik sahaja dia sampai, klinik itu pun ditutup dan pekerja di situ memberitahu lelaki tua tersebut: "Datang balik waktu dibuka nanti, kami mau pergi sembahyang!" Bolehkah orang yang tidak berdaya serupa itu menunggu di situ ataupun pulang ke tempat tinggalnya yang entah di mana dan kemudian datang lagi?

Kami yang tinggal di rumah tumpangan Tabung Haji agak beruntung dalam banyak perkara, terutama sekali dalam perkara bekalan air dan makan minum. Walaupun tinggi bangunan itu enam tingkat, tetapi ada lif. Orang yang tinggal di rumah-rumah syeikh ramai

yang bersungut terutama keadaan tempat yang bersesak-sesak, bercampur lelaki perempuan jauh sekali daripada istilah sesuai seperti yang disebutkan dalam risalah LUTH. Ada cerita, seorang bekas ratu cantik dari salah sebuah negeri di pantai timur yang datang ke Tanah Suci dengan bapa saudaranya, telah terganggu fikirannya kerana tidur bercampur aduk, bersusun kaki dengan kaki antara orang di sebelah kiri dengan orang di sebelah kanan. Untuk mencari tempat yang lebih baik agak sukar dan sewanya juga sering berubah setiap hari. Ada syeikh yang terlalu banyak jemaahnya sampai dua tiga ribu orang, kerana dahulunya dia terkenal sebagai syeikh yang bagus urusannya, maka ramailah yang bertumpu kepadanya, sehingga layanan sudah menjadi tidak sempurna. Tambahan pula kebanyakan rumah syeikh itu terdiri daripada bangunan lama dan sudah tua, kemudahannya tentu amat tidak memuaskan – kekurangan air, kekurangan tempat mandi dan tempat buang air dan sebagainya.

Sakit tekak saya mulai berkurang, tetapi apabila keluar ke jalan untuk pergi dan pulang dari Masjidilharam, tekak kembali sakit kerana debu dan habuk dan kerana haba manusia. Beberapa hari saya tinggal di rumah. Tiba-tiba sebelum ke Arafah, lidah pula mulai pecah-pecah dan terlalu sakit waktu makan dan bercakap. Saya mulai susah hati kerana tinggal beberapa hari lagi mahu ke Arafah. Saya lalu berdoa kepada Allah s.w.t. supaya penyakit saya disembuhkan sebab beberapa hari lagi merupakan puncak saya datang ke Tanah Suci, mengerjakan haji. Kami telah mendapat syeikh, iaitu seorang yang berasal dari Kedah, Syeikh Ayub Sulaiman namanya, dengan bayaran 800 rial seorang. Syeikh itu memberitahu bahawa jumlah jemaahnya tahun ini ialah 900 orang, tetapi tahun lalu sampai 1500 banyaknya.

Dia juga berpesan supaya kami semua menyediakan air minum, sedikit buah-buahan atau biskut untuk bekal dalam perjalanan yang mungkin memakan masa satu jam atau tujuh jam dan akan bertolak dari rumah kira-kira sesudah isyak. Barang-barang yang diperlukan cuma kain dan beberapa helai baju untuk dipakai sesudah tahalul.

Selepas waktu isyak 8 Zulhijah, kami pun bertolak dari Makkah menuju Arafah. Sakit tekak dan lidah saya sudah berkurang. Mohd. Noor Azam dengan seorang kawan lagi yang turun mencari minuman telah ketinggalan bas, walaupun kami berpekik-pekik kepada drebarnya memberitahu hal itu, namun dia terus juga berjalan. Tidak banyak halangan di jalan raya dan tidak lama kemudian kami pun sampai di khemah syeikh itu yang letaknya tidak jauh dari klinik kita. Padang Arafah yang luas itu penuh dengan beratus ribu khemah sampai ke lereng-lereng bukit, terang-benderang seperti siang kerana di sana sini dipasang lampu-lampu *spotlight* yang besar-besar. Orang perempuan ditempatkan di khemah khas sementara lelaki diletakkan di dalam beberapa buah khemah pula. Mohd. Noor Azam dan kawannya yang tertinggal bas itu sampai dengan bas yang berikutnya. Pagi-pagi sesudah selesai solat subuh, saya mendengar suara Abdul Malik Haji Abdul Halim dari Dewan Bahasa dan Pustaka sedang bercerita di bahagian hulu kepala. Saya pun keluar mencarinya dan ikut bertemu Ustaz Marzuki juga dari Dewan Bahasa dan Pustaka, kemudian dengan Salleh Ghani dan beberapa orang yang lain. Rupa-rupanya mereka juga mengambil syeikh yang sama. Waktu itulah saya mendengar berita Presiden Sadat mati dibunuh, kemudian ada yang menyambung bahawa Indira Ghandi mati sakit jantung waktu Persidangan Komanwel di Australia. Ini gunjingan

di Arafah, kata seorang kawan.

Sejak awal pagi, hawa panas telah terasa menggigit, langit biru bersih tanpa setompok awan pun juga. Dari jauh kelihatan Jabal Rahmah dan orang-orang yang mendakinya kelihatan seperti semut. Semakin tengah hari semakin kuat panasnya, kebanyakan orang berkumpul di dalam khemah bersolat, berdoa, berzikir ataupun membaca al-Qur'an. Setelah penat, mereka tidur. Di dalam khemah kami tidak ada hamparan apa-apa, kami gunakan tikar getah yang diberikan oleh Tabung Haji untuk dijadikan alas daripada pasir dan batu-batu kecil, ada orang yang menggunakan kain tebal sebagai lapisan kedua. Mohd. Noor Salleh teman sebilik kami yang mengikut Syeikh Ahmad Ali Tunkar agak lebih beruntung. Syeikh itu hanya mengambil jemaah sebanyak 300 orang sahaja, khemahnya selesa, ada hamparan, airnya mewah dan makanan juga baik. Ada pula kuliah-kuliah agama. Bagaimanapun, di tempat seperti ini tidaklah dapat kita mengharapkan keselesaan yang sempurna, tetapi yang wajar sahaja sudah cukup. Kita tidak lama wuquf di sini, hanya menunggu matahari gelincir sahaja untuk bertolak ke Muzdalifah. Bagi jemaah yang 900 orang ini cuma ada tiga tandas sahaja yang dibuat begitu sederhana sekali daripada kain yang dikepung mengelilingi satu lubang. Bukan orang syeikh ini sahaja yang menggunakan tandas itu, tetapi orang dari sekitarnya, fikir saja betapa kalutnya tandas serupa itu? Ada dua kali saya cuba masuk ke tandas tersebut, satu daripadanya sudah tidak boleh digunakan lagi dan yang kedua itu pun sudah penuh dengan najis bertaburan di sana sini, sehingga kali kedua saya masuk ke dalamnya saya berasa ragu-ragu dengan ihram yang saya pakai sebagai kain.

Saya tidak tahu akan hukumnya, tetapi kalau tidak

menyalahi hukum wuquf, saya fikir ada baiknya kalau kerajaan Arab Saudi mendirikan tempat air dan tempat tandas yang tetap di Padang Arafah ini, kerana kemudahan yang diadakan secara darurat menyebabkan pakaian yang kita pakai menjadi kotor dan tidak dapat bersuci dengan sempurna, sedangkan syarat kita mengerjakan ibadah solat terutamanya mesti bersih hati dan pakaian.

Melontar Syaitan

Sesudah asar, khemah-khemah mulai diruntuhkan dan para jemaah mengemaskan barang-barangnya untuk bertolak ke Muzdalifah. Pada waktu itu, sesudah panas begitu terik, ada awan hitam di suatu bahagian langit dan kemudian diiringi kilat. Tetapi untung hujannya tidak terjadi di situ, melainkan jauh di sebalik bukit. Kami dari rumah penginapan Tabung Haji agak beruntung kerana mendapat bas lebih awal kira-kira hampir waktu isyak dan tidak menunggu terlalu lama. Tetapi mungkin kerana timbul perasaan riak dapat bertolak lebih dulu, maka bas kami itu telah tersadai di Muzdalifah sampai hampir jam 5.00 pagi. Perjalanan dari Arafah ke Muzdalifah tidaklah terlalu jauh, tetapi kerana keadaan perjalanan yang penuh dengan ratusan ribu kenderaan yang menuju ke satu hala di bawah sinaran lampu yang seperti siang, maka hampir satu jam barulah kami diturunkan di satu tepi jalan untuk mengutip batu. Dari atas bumbung bas (semua orang lelaki disuruh duduk di situ, kecuali Hashim Amir Hamzah yang sudah mulai terasa pening) kami dapat melihat satu pemandangan yang paling indah, lampu jalan, lampu kenderaan yang beratus ribu itu bergemerlapan seperti dalam kisah seribu satu malam. Di dalam kenderaan kami turut

sama Bujang Ulis yang juga duduk di atas bumbung bas.

Sebaik sahaja bas itu berhenti, tiba-tiba muncul sebuah bas lain yang membawa orang-orang Iran atau Turki, yang cuba mahu mendorongkan kepala basnya di tempat lapang di belakang bas kami. Dia membunyikan honnya bertubi-tubi meminta bas kami dimajukan sedikit ke depan. Drebar-drebar di sini sangat suka membunyikan hon! Pada waktu itu timbullah pertengkaran antara drebar bas kami dengan drebar bas itu, diikuti oleh kenek masing-masing. Akhirnya bas yang baru datang itu mendorongkan juga kepala basnya di belakang bas kami. Kepada drebar bas telah dipesan supaya jangan bertolak dari Muzdalifah sebelum pukul 12.30 malam, maka kami pun mengutip sedikit wang untuk diberikan sebagai baksis kepada drebar dan keneknya supaya dia mahu menunggu. Kami pun sibuk dengan lampu suluh mencari anak-anak batu dalam ruangan lembah kecil di antara jalan dengan jalan itu, jumlah paling kurang 80 biji (untuk keperluan melontar 70 biji dan sebagai serap 10 biji). Bujang Ulis mesti mendapat 240 biji untuk ibunya dan ibu saudaranya. Ada yang mencari ketulan-ketulan yang agak besar supaya senang melontarnya nanti dan ada pula yang kecil-kecil. Sebenarnya yang diperlukan menurut jumhur ulama haruslah batu-batu kecil yang diambil dari Muzdalifah ini. Umar r.a. berbuat demikian, Sa'id ibn Jubair juga begitu. Tentang batu-batu ini ada perbezaan pendapat di kalangan mazhab.

Bagi mereka yang telah selesai mengutip batu, ada yang berbaring di dalam bas atau menghampar tikar getahnya di tanah untuk menunggu jam 12.30 malam. Setelah tiba waktunya, tiba-tiba enjin bas kami tidak dapat dihidupkan walaupun telah dicuba dengan ber-

bagai-bagai cara. Datuk Hassan Ibrahim turut campur tangan, begitu juga dengan mereka yang tahu ilmu mekanik. Malah, drebar bas yang bergaduh tadi pun ikut serta menolong, namun tidak berhasil. Ada yang berkata drebar itu memasukkan minyak selender di dalam baterinya dan berbagai-bagai lagi. Akhirnya setelah segala usaha gagal, beberapa orang cuba menahan teksi. Tidak ada sebuah teksi pun yang mahu berhenti. Kami hampir putus asa apabila tidak sebuah kenderaan pun yang mahu berhenti, masing-masing bergerak dengan laju menuju ke Mina. Dalam keadaan seperti sekarang ini banyak perkara yang fardu dan sunat yang tidak dapat dikerjakan di Muzdalifah, misalnya solat maghrib dan isyak secara jamak dengan satu azan dua iqamah, solat subuh pada awal waktu kemudian berwuquf di Al-Masy'aril Haram, hingga terbit fajar. Nabi Muhammad s.a.w. waktu tiba di Muzdalifah terus ke Quzah dan wuquf di situ dengan bersabda, "Inilah Quzah, dialah wuquf dan seluruh Muzdalifah menjadi tempat wuquf." Nabi bersabda demikian kerana orang-orang Quraisy dahulunya tidak mahu berwuquf di tempat tersebut. Hampir jam 5.00 pagi tiba-tiba muncul sebuah motokar polis peronda. Kami memberitahu mereka tentang masalah kami. Tidak lama kemudian datanglah sebuah bas kosong dan meminta bayaran sebanyak 1200 rial. Tanpa mengira permintaannya itu, kami semua memindahkan barang-barang ke dalamnya dan terus bertolak ke Mina.

Sekali lagi di bawah sinaran lampu yang terang-benderang seperti siang itu kami melihat beratus ribu khemah dalam berbagai-bagai bentuk. Hati saya agak gembira melihat khemah-khemah yang belum berisi itu cukup selesa, bersih dan banyak sekali tandasnya. Tentulah khemah yang serupa ini juga yang akan kami tem-

pati nanti, fikir saya. Bas itu terus berjalan melalui jalan-jalan yang penuh sesak dengan manusia dan kenderaan dan akhirnya berhenti di tepi jalan di lereng sebuah bukit. Semua penumpang disuruh turun dan dipandu masuk ke sebuah lorong kecil di celah-celah dinding zink. Khemah yang pertama berhampiran pintu telah penuh, khemah kedua demikian juga, lalu disuruh naik ke tingkat atas yang merupakan tapak sebuah bangunan yang terbengkalai. Tingkat itu juga penuh, naik lagi setingkat, penuh juga akhirnya ke tingkat yang paling atas, ada tempat luang sedikit. Saya meletakkan barang-barang di situ, menunggu Hashim, Wan Hilal dan Mohd. Ali. Ajaibnya, saya boleh mengangkat barang-barang begitu banyak. Barang-barang saya sendiri dan barang-barang Hashim Amir Hamzah, sebab dia sudah mulai lemah tulang-tulangnya dan badannya terasa tidak enak. Peluh mencucur keluar di seluruh tubuh dan saya pun sudah keletihan tidak berdaya lagi untuk pergi ke tempat lain. Isteri Hashim, singgah di tingkat dua kerana di situ berhenti kawan-kawannya, isteri Datuk Prof. Zainal Abidin Wahid; isteri Faizul Komandan PPH Tampin; isteri Datuk Hassan Ibrahim; isteri Mohd. Noor Azam. Di tingkat mereka juga terdapat Ustaz Marzuki dan Abdul Malik yang sampai lebih dulu. Wan Hilal dan Mohd. Ali Abd. Talib lalu duduk bersama-sama saya. Di sini lelaki perempuan bercampur aduk, tanpa ada apa-apa batasan. Setelah meletakkan barang dan bersolat subuh, kami bertiga terus pergi melontar di Jamrah Aqabah (memulai amalan-amalan pada hari nahar).

Orang terlalu ramai mendesak ke lorong tempat melontar itu. Sehingga tersasul ke suatu tempat, saya melihat ada orang yang melontar ke arah sesuatu, yang kebetulan di situ ada terentang sehelai kain putih. Saya perhatikan tulisan pada bangunan yang berbentuk kotak

itu dan terbaca tulisan yang maknanya "tandas". Mahu ketawa ada, mahu marah juga ada sebab telah tersasul dek desakan dan tekanan dari belakang, orang di depan tidak dapat bergerak lagi kerana dihalang oleh besi pagar jalan. Manusia ini tidak ubah seperti kambing apabila terlalu ramai, akan mengikut sahaja apa yang dilakukan oleh orang yang di depan tanpa usul periksa lagi. Kami masuk ke bawah jejambat yang menuju ke Jamrah. Kebetulan klorin untuk mencegah kuman merebak baru sahaja ditaburkan. Mata saya berair dan pedih dan saya melihat Mohd. Ali seperti orang menangis. Namun, kami berjalan juga mengikut bondongan orang ramai. Di bawah jejambat itu penuh dengan orang yang menjadikannya sebagai tempat tinggal, iaitu orang Indonesia dan orang Afrika. Baunya di kawasan itu terlalu busuk kerana ada antara mereka yang melepaskan hajatnya di situ juga dan penuh sampah sarap. Di Jamrah Aqabah telah penuh orang yang mahu melontari syaitan. Kami masuk berselit sepit di celah-celah orang ramai untuk mendapatkan tempat yang lebih dekat dan mulai melontar tujuh biji batu pertama. Selesai melontar sudah boleh bertahalul. Wan Hilal dan Mohd. Ali menggunting tiga helai rambutnya, dan saya melihat ada tukang cukur yang sedang mencukur rambut orang di situ. Sejak dari tanah air lagi saya telah berniat akan mencukur rambut. Saya pun menuju kepada tukang cukur tersebut, tetapi saya tidak berani dicukur dengan pisau yang sudah berpuluh kali digunakan, pisau itu sudah tumpul dan khuatir dengan kekasaran orang Arab. Lalu saya tunggu orang yang menggunakan mesin, anak muda di sebelahnya membuat isyarat sepuluh jari – bermakna sepuluh rial.

Sekarang kami telah boleh menggunakan pakaian biasa. Udara di Mina terasa lebih panas daripada Makkah

kerana dikelilingi bukit-bukit yang berbatu pejal dan bulat-bulat besar. Sesudah sarapan, saya melihat Datuk Hassan Ibrahim mencukur rambut Mohd. Noor Azam. Datuk Hassan Ibrahim tidak sahaja pandai memasak, tetapi juga pandai mencukur rambut. Kemudian Hashim Amir Hamzah pula mencukur rambutnya.

Pagi itu Prof. Datuk Zainal Abidin dan isterinya serta Faizul dan isterinya bermuafakat balik ke Makkah dengan berjalan kaki melalui terowong, yang jaraknya kira-kira 6½ kilometer. Terowongan itu ada pendingin hawa. Orang New Zealand di sebelah saya juga ikut pulang ke Makkah bersama-sama isterinya. Mereka datang ke Tanah Suci melalui Tabung Haji kita juga. Katanya dia telah berlatih berjalan kaki dengan isterinya untuk datang ke Makkah itu hampir sepuluh tahun lamanya, pulang pergi dari rumah mereka ke pejabat tanpa menaiki kenderaan. Katanya sudah berpuluh ribu batu kalau dijumlahkan jaraknya. Tetapi pagi yang kedua, isterinya tidak ikut. Mereka yang pergi ke Makkah terpaksa pulang pada waktu petang kerana harus berada di Mina selama separuh malam sampai hari yang ketiga, kecuali kalau mereka melakukan nafar awal.

Menurut keterangan Syeikh Ayub, kalau mahu mengerjakan nafar awal, orang itu sesudah melontar ketiga-tiga Jamrah pada hari yang ke-12 Zulhijah, hendaklah kembali ke daerah Mina semula dari Jamrah Aqabah dan berniat tidak akan kembali lagi ke situ, lalu terus pulang ke Makkah. Tetapi dia tidak menasihati kami berbuat demikian kerana pulang ke Makkah juga akan menimbulkan kesukaran kerana kebanyakan syeikh masih berada di Mina. "Tunggulah, hanya satu hari saja lagi," katanya.

Satu Ujian

Ramai orang yang mahu pulang lebih awal kerana hawa yang terlalu panas dan keadaan di dalam khemah yang tidak selesa. Khemah yang terletak di bahagian bawah sekali terletak hampir ke tepi tandas, dan jalan di celahnya menjadi sempit kerana orang terlalu ramai. Ada orang yang hanya duduk sahaja, tidak dapat menjulurkan kakinya. Perkara yang selalu menimbulkan masalah ialah air. Ada orang yang cuba menggunakan air itu untuk mandi, sedangkan di Mina terkenal dengan kesukaran mendapatkan air. Mahu mengambil teh dan air panas waktu pagi juga menjadi satu masalah, berebut-rebut kerana tidak ada peraturan. Saya hairan, apakah pengalaman yang sudah-sudah tidak dapat mengajar para syeikh itu? Ada sebuah lori menjual air mineral terletak di depan pintu khemah kami dan setiap orang membeli paling tidak dua atau tiga botol, kerana dalam hawa panas seperti ini kita mesti banyak meminum air sebab ketahanan dan tenaga dalam diri kita semakin berkurang. Panas yang begitu kuat menyebabkan kita mudah mendapat *dehydration* dan dijangkiti penyakit. Hashim Amir Hamzah telah jatuh sakit, tubuhnya mendadak panas sehingga dia tidak sedarkan diri. Ketika dia meletakkan kepalanya di atas paha saya, panas daripada tubuhnya terasa seperti api. Kebetulan datang doktor untuk melihat seorang pesakit di khemah itu. Doktor itu menasihati kami supaya membungkus tubuh Hashim dengan kain basah. Dalam beberapa minit sahaja kain itu menjadi kering dan terpaksa dibasahkan lagi. Doktor menyuruh kami mengipasnya untuk menolong menurunkan hawa panasnya. Beberapa orang kawan yang duduk di sebelahnya ikut mengipasi termasuk Prof. Datuk Zainal Abidin Wahid. Tetapi ada

keajaiban dengan penyakit di Tanah Suci ini, kalau umur masih panjang, dengan satu kali injek sahaja boleh sembuh, demikianlah yang terjadi ke atas Hashim. Setelah doktor memberikan satu injeksi, maka besoknya dia sudah boleh berjalan bertatih-tatih dan kemudian boleh melontar Jamrah sendiri. Hal yang serupa terjadi pada Mohd. Noor Azam, dia mendapat sakit agak kuat waktu di Makkah. Pukul 4.00 pagi, Datuk Hassan Ibrahim tolong memanggil doktor dan apabila diubati, dia terus baik dan ketika di Mina sudah boleh berjalan pulang ke Makkah pada waktu pagi dan kembali ke Mina pada waktu petang. Ketika orang di dalam khemah Hashim itu sakit teruk, kawan-kawannya memberitahu pembantu syeikh yang ada di situ supaya memanggil doktor, tetapi setelah sekian lama ditunggu, doktor itu tidak juga datang. Seorang daripada keluarga pesakit itu sendiri yang pergi ke klinik. Dia mendapati orang syeikh itu enak-enak sahaja duduk di khemah majikannya.

Ada seorang tua di dalam khemah kami yang seperti kebingungan tidak tahu apa-apa. Dia hanya duduk diam sendirian, disuruh makan dia makan, diajak melontar dia pergi melontar dan tidak pernah bercakap barang sepatah jua pun. Dia selalu diusik oleh Ahmad dari Hulu Kelang yang dikenali dengan Mat Lodeh, tetapi diterimanya usikan itu dengan senyum sumbing. Khemah kami dihiburi oleh Ahmad yang pandai bercerita, apatah pula ketika diajak berbual oleh Bujang Ulis.

"Kenapa YB tidak tinggal di rumah Tabung Haji atau di hotel?" Kami bertanya.

"Saya mahu duduk bersama-sama rakyat," jawabnya. Memang dia seorang yang gesit. Tidur di atas batu dengan beralaskan tikar getah sahaja, makan apa yang diberikan dan selalu sihat. Dia mewakili ibunya dan ibu

saudaranya ketika melontar ketiga-tiga Jamrah.

Di sebelah khemahnya, di tepi jalan syeikh itu membuka kantinnya sendiri. Di situ dijual teh dan roti serta air mineral. Secawan teh manis berharga satu rial, tetapi pada sebelah petang harganya naik menjadi dua rial. Hari ketiga ramai orang yang pulang lebih awal ke Makkah dengan menyewa teksi atau van kecil, yang dikenakan bayaran antara 200 hingga 250 rial. Hashim Amir Hamzah mengajak saya pulang dengan membuat nafar awal sahaja sebab pada petang hari kedua itu terdengar berita yang air sudah tidak ada dan lori yang menjual air minum di luar itu pun juga tidak ada. Saya menyuruhnya bersabar. "Insya-Allah cuma satu malam saja lagi," kata saya.

Memang kadang-kadang ada desakan halus dari dalam yang menyuruh saya ikut kawan-kawan pulang ke Makkah, tetapi mengingatkan bahawa inilah ujian yang sebenarnya yang mesti ditempuhi, maka saya tetap bertahan. Tempat ini yang terkenal sebagai bandar tiga hari sahaja dalam setahun, memang tempat melontar iblis. Godaan terlalu kuat, selain panas terik yang hampir tidak tertahankan, juga tidak ada apa yang dapat menarik perhatian kita selain duduk berzikir dan membaca al-Qur'an. Tetapi kerana tekanan hawa panas yang kuat, keinginan untuk membaca juga tidak ada biar bagaimana juga kita paksa. Jalan keluar satu-satunya ialah tidur. Ajaibnya di tempat yang begitu panas, saya dapat tidur dengan nyenyak, yang belum pernah saya rasa sebelumnya. Sesudah solat subuh dan sarapan, saya mulai tidur. Tengah hari bangun solat zuhur dan tidur lagi. Asar bangun dan kalau ada kesempatan tidur lagi. Kemudian solat maghrib dan isyak dan sesudah makan, kami pergi melontar ketiga-tiga Jamrah.

Walaupun jemaah daripada mazhab lain ramai yang

melontar pada waktu siang, namun malamnya masih juga ramai orang yang melontar. Orang Afrika dan jemaah dari Timur Tengah selalu membuat "rantai manusia" lalu merempuh masuk ke tempat melontar tanpa menghiraukan orang lain – sama ada jatuh ataupun patah asalkan mereka dapat sampai ke tepi lubang Jamrah. Di situ sebenarnya ada dua jalan, satu masuk dan satu keluar. Jikalau dibuatkan perjalanan satu hala, maka mungkin tidak terlalu sesak dan setiap orang dapat melontar dengan selesa. Tetapi kerana dibiarkan sahaja, maka orang datang dari segenap penjuru dan setiap orang mahu ke dekat lubang supaya batu-batu lontarannya tepat kena sasarannya. Ada juga jemaah yang bukan sahaja melontar dengan batu, tetapi juga dengan kasut, selipar atau kayu, entah daripada mazhab apalah mereka ini. Pada suatu malam sesudah kami melontar, batu-batu itu telah disodok oleh traktor untuk dibuang ke tempat lain kerana sudah menimbun seperti busut. Sodokan ini dibuat setiap malam. Kadang-kadang yang menyebabkan kesesakan pada lorong itu, adanya motokar atau lori kecil yang masuk memuat atau memunggah barang-barang. Dengan orang yang tinggal di situ, orang yang datang, lori atau motokar, traktor yang menyodok batu menyebabkan keadaan menjadi kelam-kabut. Ramai juga orang yang meninggal di situ kerana dihimpit ataupun dipijak. Seorang jemaah lelaki tua dari khemah kami, tidak sahaja dipijak tetapi juga wangnya sebanyak 2000 rial telah hilang lesap.

Ada pada suatu ketika Tuan Syed Othman bin Ali, Pegawai Perhubungan Awam LUTH bersama-sama pembantunya datang melihat dan bertanyakan khabar tentang kami. Memang pada waktu itu tidak ada yang mahu disungutkan, sebab keadaan sudah demikian rupa, tidak dapat dibuat apa-apa lagi. Tetapi pada masa

yang akan datang patutlah diambil perhatian tentang keadaan tempat tinggal para jemaah haji di Mina. Janganlah sampai ada yang tidak dapat melunjurkan kakinya atau khemah yang hanya beberapa kaki dari tandas, perbanyakkan tandas untuk kegunaan orang yang ramai kerana salah satu punca penyakit adalah tidak dapat buang air besar. Pernah terjadi di khemah nombor dua, apabila kaum wanita mahu bersalin pakaian atau membuang air kecil, maka suaminya terpaksa mengepung dengan kain ihramnya. Ini kerana di lereng bukit yang berhampiran, ramai orang Arab, Pakistan atau Afghanistan tinggal di kawasan ini. Mereka kadang-kadang duduk bertenggek di atas batu, memandang ke bawah ke tempat kami.

Syed Othman salah seorang Pegawai LUTH yang saya kagumi. Dia selalu bersiap sedia tidak mengira masa. Ada pada suatu ketika saya dan Hashim berkunjung ke pejabatnya, datang seorang tua lelaki mengadukan wangnya telah hilang. Tuan Syed Othman lalu memberikan wangnya sendiri menyuruh orang tua itu pergi makan dan minum dulu, kemudian datang lagi kepadanya, kerana dia sedang menguruskan hal kami.

Kadang-kadang sesuatu perkara yang berlaku kepada diri kita itu ada hikmatnya yang tersembunyi. Kami terlambat datang ke Mina dan mendapat tempat yang tinggi, rupa-rupanya ada untungnya. Walaupun terasa lebih panas, tetapi sekali-sekala ada juga angin bertiup. Ketika angin itu bertiup, sekalipun hanya untuk satu saat, tetapi terasa sungguh nikmat. Memang kita tidak pernah merasa nikmat kalau sesuatu benda itu sudah terlalu banyak, seperti nikmat tiupan angin yang kami rasa di Mina ini. Ada kalanya angin itu membawa bau busuk kotoran atau bangkai, tetapi bau itu tidak

pernah datang waktu kami sedang makan atau minum. Ini pun hikmat Allah juga.

Seperti yang saya katakan, di Mina ini tempat ujian yang paling hebat bagi kesabaran kita, maka saya merasa di sinilah letaknya kesabaran yang dituntut oleh agama. Di sinilah falsafahnya kesabaran menahan panas, kekurangan dalam serba-serbi, hilangnya kebiasaan kita di rumah. Di sini kami tidak mandi, walaupun ada kawan-kawan yang cuba pergi mandi di paip umum pada waktu subuh. Apalah ertinya panas di Mina itu kalau kita bandingkan dengan panas yang akan kita alami di Padang Mahsyar nanti?

Dalam perjalanan pulang ke Makkah, kami mendapat drebar yang nombor wahid. Dia melarikan basnya begitu kencang, sehingga ketika orang berteriak kerana menyangka ada benda yang terjatuh dari bumbungnya, dia tidak peduli. Untung barang yang jatuh bukan dari bas itu! Dalam bandar Makkah, apabila sebuah motokar kecil memotong dan menyinggul bas kami, drebarnya memberhentikan bas itu di tengah jalan, turun mengejar motokar kecil tersebut dan menumbuk-numbuk atap motokar itu dengan maki hamunnya!

Setelah selesai mengerjakan tawaf haji dan sai, maka cukuplah sudah rukun dan syarat haji. Saya mengeluarkan gunting kecil lalu menggunting rambut kawan-kawan saya. Demi melihat hal itu, maka berpusu-pusu orang lelaki dan perempuan yang menyorongkan kepalanya. Rambut hitam, putih dan perang minta digunting kan. Akhirnya saya terpaksa lari! Mereka yang sudah ke Madinah mulai bersiap sedia untuk pulang ke tanah air, yang belum ke Madinah bersiap sedia untuk bertolak ke sana seperti yang telah diaturkan oleh LUTH.

Sementara menunggu waktu itu, sudah ada antara kawan kami yang membuat umrah beberapa kali. Ada

seorang di tingkat tiga khabarnya sudah tujuh kali umrah dengan bermiqat di Tan'iem. Ramai orang yang berlumba-lumba membuat umrah ini sebanyak mungkin yang dapat dalam masa menunggu itu, tetapi umrah ini sekali sahaja pun sudah mencukupi, baik dari Tan'iem mahupun dari Ja'ranah yang agak jauh sedikit.

Pada suatu pagi, saya mengikuti rombongan Prof. Datuk Zainal Abidin membuat umrah. Kami memilih pergi ke Ja'ranah dengan menyewa sebuah BMC untuk pergi balik yang jaraknya melalui jalan raya kira-kira 25 kilometer. Di sana ada sebuah masjid kecil dan waktu kami sampai, orang sudah mulai ramai, ada yang menadah air di pili yang airnya menitik setitis demi setitis untuk dibawa pulang. Yang menarik di sini, ada unit penerangan daripada kalangan jemaah Indonesia yang memberi penerangan supaya jangan mengambil air di situ untuk dibawa pulang, kerana air itu hanyalah air biasa seperti air perigi di kampung kita, tidak sama dengan air zamzam, juga diberitahu bahawa cukup umrah sekali sahaja. Para sahabat Nabi ramai yang mengerjakan umrah sekali sahaja. Kadang-kadang dengan banyak membuat umrah ini, boleh menimbulkan riak pula kerana menceritakan kepada orang ataupun bertanya umrah orang lain untuk membandingkan dengan dirinya. Di sini saya bertemu Nyak Yusda seorang kawan lama dari Aceh. Dia ketua persatuan orang Aceh di Jakarta. Dalam pakaian ihramnya, saya hampir tidak kenal dan tidak berani menegurnya. Ketika mengerjakan tawaf umrah, Wan Hilal memegang bahu saya yang berjalan di depannya, isteri Hashim di tengah, Hashim di kanan dan Mohd. Ali di belakang. Tetapi setelah berjalan beberapa keliling, tangan Wan Hilal sudah tidak terasa lagi, saya pun terus berjalan sendirian, kerana tidak mungkin untuk berpaling ke belakang. Kami terus

berpecah dan baru bertemu semula di rumah penginapan sesudah sai.

Setelah barang-barang dimuatkan ke dalam motokar BMC yang sederhana besarnya iaitu sesudah waktu isyak, kami pun pergi ke Masjidilharam untuk membuat tawaf wada', sementara motokar itu menunggu di tempat perhentian.

> Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku adalah anak hamba-Mu yang lelaki dan anak dari budak-Mu yang perempuan. Engkau telah membawaku dengan menunggangi apa yang Engkau mudahkan bagiku. Engkau telah memungkinkan daku berjalan di negeri-Mu, hingga Engkau menyampaikan daku dengan nikmat-Mu ke Rumah-Mu. Dan Engkau telah menolong daku dengan menunaikan ibadah haji. Kerana itu bila Engkau meredaiku, maka tambahlah keredaan-Mu itu. Jika tidak maka dari sekarang redakanlah daku sebelum jauh tempatku dari Rumah-Mu. Inilah waktu aku berangkat dari Rumah-Mu. Jika engkau izinkan sedangkan aku tidak mencari ganti-Mu dan tidak pula mencari ganti Rumah-Mu, aku tetap gemar kepada-Mu dan kepada Rumah-Mu. Wahai Tuhanku, sertakanlah keafiatan pada badanku, kesihatan kepada tubuhku, keterpeliharaan pada agamaku, baikkanlah tempat kembaliku dan rezekikanlah daku dalam mentaati-Mu selama Engkau masih hidupkan daku. Kumpulkanlah untukku antara kebajikan dunia dan kebajikan akhirat. Sesungguhnya Engkau berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Tidak terasa air mata meleleh keluar ketika membaca doa tersebut. Dalam hati tersemat cita-cita, kalau dipanjangkan umur dan dipanjangkan langkah saya akan datang lagi ke Rumah-Nya itu.

Di tempat motokar menunggu, terjadi sedikit keke-

cohan apabila Prof. Datuk Zainal Abidin telah terlupa di mana dia meletakkan pasport isterinya. Setelah mencari di dalam beg pakaian yang sudah ada di atas bumbung motokar dan ketika kami mengambil keputusan menyuruh Yaakub, pemandu BMC itu pergi mencarinya di rumah tumpangan Tabung Haji, isterinya menemui pasport tersebut di dalam begnya. Kami sudah tidak boleh lagi kembali ke rumah dan kalau kembali juga kenalah membuat tawaf wada' sekali lagi. Kira-kira jam 10.00 malam kami pun berangkat meninggalkan Kota Makkah menuju ke Madinah.

Perjalanan agak jauh juga kira-kira 420 kilometer jaraknya. Kami membawa bekalan air minuman dan buah-buahan. Yaakub, pemandu itu berasal dari Pattani dan sudah menjadi warganegara Arab Saudi, bahasa Melayunya masih baik. Maka dapatlah kami bercakap-cakap dengannya. Kami menyewa motokarnya itu dengan bayaran 5000 rial, iaitu dari Makkah ke Madinah, dan di sana dia akan menunggu kami untuk pergi melawat tempat-tempat yang bersejarah. Sesudah itu barulah dia menghantar kami ke Jeddah.

Rombongan Megat Noordin dari LLN dapat menyewa sebuah motokar yang lebih besar dan murah. Namun, mereka tidak menyuruh pemandunya menunggu di Madinah. Di satu tempat di antara Makkah dan Madinah, kami dikenakan membayar *tanazul* kira-kira 80 rial kerana tidak menggunakan pengangkutan awam yang disediakan oleh kerajaan Arab Saudi, ini merupakan pampasan kepada syarikat bas tersebut. Bagi mereka yang tinggal dengan syeikh dan menggunakan pengangkutan awam, hanya membayar 172 rial sahaja, wang ini biasanya dikembalikan oleh syeikh kalau kita mencari kenderaan sendiri. Bayaran kenderaan kepada syeikh meliputi perjalanan Makkah, Madinah, dan Jeddah.

Kira-kira jam 3.00 pagi, Yaakub meminta izin untuk berhenti berehat sebentar kerana terlalu mengantuk. Kami berhenti di suatu tempat kira-kira 100 kilometer ke Madinah. Semua orang turun untuk meluruskan kaki dan membentang tikar getah di atas pasir di bahu jalan untuk melepaskan kantuk. Saya tidak dapat tidur atau duduk kerana asyik melihat keajaiban keadaan di sekeliling tempat yang sunyi sepi itu, yang hanya dikelilingi oleh bukit-bukit batu. Di sana sini kelihatan kerlipan cahaya lampu elektrik dari rumah-rumah yang terpencil. Sekali-sekala keadaan yang sunyi itu dipecah oleh bunyi deruman bas, lori atau motokar yang pergi balik Madinah-Makkah, dengan kelajuan yang luar biasa. Khayalan saya kembali ke zaman silam. Dalam fikiran timbul pertanyaan bagaimanakah agaknya Rasulullah s.a.w. membawa kafilahnya merentasi daerah yang bergunung-ganang, tandus serupa itu ke negara Syam. Apakah dengan menggunakan jalan ini yang kini sudah dilepa dengan tar ataupun di sebalik bukit sana? Kalau saya seorang penyair tentu sebuah sajak yang indah dapat saya lahirkan pada malam yang hening bening itu. Teringat saya pada cerita filem *Muhammad Rasulullah* yang ditayangkan pada bulan Ramadan yang lalu, yang kisahnya terjadi sekitar negara Syam, Mesir dan Semenanjung Arab. Pada masa itu orang membuat janji temu dalam masa empat atau lima bulan. Walaupun dengan kesukaran perjalanan serupa itu, namun mereka dapat memenuhi janjinya. Betapa pula kita sekarang yang mempunyai kenderaan dan jalan raya yang baik seperti ini? Di antara Makkah dan Madinah dapat ditempuh dalam masa beberapa jam sahaja. Tentunya setiap janji dapat dikotakan lebih cepat daripada jangka waktu dahulu.

Kini, hampir seluruh permukaan bumi Semenan-

jung Arab dipenuhi jalan yang baik dan lampu elektrik yang memudahkan arah perjalanan, bukan lagi berpandu bintang di langit. Negara Arab Saudi ini cukup kaya dengan lampu sebab minyaknya banyak. Pekan-pekan kecil yang terpencil di sepanjang jalan raya dihiasi lampu neon berwarna-warni yang dibentuk dalam berbagai-bagai rupa untuk menarik perhatian. Stesen minyaklah yang paling kaya dengan lampu sehingga dari jauh kita sudah dapat melihatnya.

Langit biru bersih, tidak ada secalit awan pun. Satu dua bintang berkerlipan jauh di angkasa yang cerah itu. Kadang-kadang terdengar gonggongan anjing sayup-sayup memecah kesepian. Kira-kira satu jam kemudian kami pun memulakan perjalanan, memasuki Kota Madinah disambut dengan bangunan-bangunan moden, satu dua tingkat dan iklan Hotel Sheraton. Di kiri kanan jalannya sudah ditanami pokok. Dari jauh kita dapat melihat kelompokan pokok kurma, tidak seperti Makkah yang dikelilingi bukit batu yang gondol. Kota Madinah sedang pesat membangun. Bangunan lama sudah banyak yang hilang dihimpit oleh bangunan-bangunan baru. Rumah Tabung Haji terletak berhampiran Masjid Nabawi. Kebetulan ada tempat yang disediakan untuk kami atas nama Wan Hilal. Kali ini kami mendapat tempat di tingkat tiga. Klinik terletak di tingkat pertama. Kami ditempatkan di dalam sebuah ruangan dua bilik dengan 16 buah katil *double-decker.* Sehari kemudian katil-katil yang lain telah dipenuhi oleh rombongan dari Pahang yang terdiri daripada Fauzi dan Basri anak-anak Abdul Rahman Talib, mantan Menteri Pelajaran; Bahari seorang peguam dengan dua orang kawan mereka. Kemudian masuk Mohd. Aris bin Majid, pemilik Satenika di Bukit Bintang Plaza Kuala Lumpur dan Mujad yang baru pulang dari London serta seorang

pegawai dari Kementerian Pelajaran. Faizul menghantar isterinya naik ke tingkat lima supaya dapat tinggal bersama-sama kaum sejenisnya, tetapi isteri Hashim dan Prof. Datuk Zainal masih tetap di situ.

Bilik-bilik lain di tingkat kami didiami oleh Datuk Hassan Ibrahim, Megat Noordin, Mohd. Noor Azam, Datin Paduka Zaleha Ismail dan lain-lain lagi. Kadang-kadang Tan Sri Hamid Bidin datang berbual dengan anak-anak saudaranya di dalam bilik kami. Tinggal di rumah Tabung Haji ini lebih mahal daripada rumah-rumah syeikh, namun masalah air tidak begitu sulit. Tetapi khabarnya ada hotel yang mengenakan bayaran sewa hanya 450 rial untuk sebuah bilik tiga orang. Kami seramai 16 orang di dalam bilik sebesar itu sebenarnya agak menyesakkan juga.

Madinah al-Munawwarah

Semua yang datang ke Madinah bermaksud akan mengerjakan solat sebanyak 40 waktu di Masjid Nabawi. Untuk itu, kita mestilah menetap di Madinah selama lapan hari genap, ditambah dua hari untuk perjalanan pergi balik menjadikan jumlah keseluruhan 10 hari. Kita bersolat di Masjid Nabawi ini berdasarkan beberapa hadis, antaranya yang diriwayatkan oleh Bukhari dari Muslim dari Abi Hurairah: "Bersabda Rasulullah s.a.w.: Satu solat yang dilakukan di masjidku ini, lebih utama daripada seribu solat di masjid-masjid yang lain, kecuali Masjidilharam."

Tetapi menziarahi Masjid Madinah tidak termasuk dalam rukun haji. Pergi ke Madinah untuk bersolat di Masjid Rasul dan berdoa di dalamnya adalah suatu ibadah yang disyariatkan, untuk semua orang, baik yang berhaji ataupun bukan, demikian Prof. Dr. T.M. Hasbi

Ash Shiddieqy dalam bukunya *Pedoman Haji*. Katanya, "Dan memang disukai membanyakkan zikir dan doa dan selawat serta solat sunat di Masjid Rasul s.a.w. tetapi tidak harus dilakukan pada musim haji dan oleh jemaah haji, pekerjaan ini dilakukan bila-bila saja dan oleh siapa saja."

Dalam *Mau'izahatul-Mu'minin* iaitu ringkasan daripada kitab *Ihya' Ulumuddin* karangan Imam Ghazali yang dibuat oleh Syeikh Muhammad Jamaluddin al-Qasini (telah dialihbahasakan oleh Syed Ahmad Semait dan diterbitkan oleh Pustaka Nasional, Singapura) ada disebutkan tentang menziarahi Madinah hanyalah untuk bersolat di Masjid Nabawi dan menziarahi Nabi s.a.w. sahaja.

> Apabila masuk ke dalam masjid hendaklah bersikap merendah diri dengan penuh penghormatan, terus tuju ke mimbar lalu bersolat dua rakaat di sisi mimbar itu. Kemudian pergi pula ke makam Nabi s.a.w. sambil berdiri menghadapnya dengan membelakangkan kiblat dan berhadapan dengan dinding makam, lebih kurang sejarak empat hasta dari tiang-tiang yang ada berdekatan dengan dinding tersebut. Waktu berdiri di depan makam Nabi s.a.w. tidak boleh lama-lama dan tidak boleh bersuara kuat. Kaum wanita tidak diharuskan menziarahinya. Ingatlah, tidak disunatkan menyentuh dinding di situ ataupun menciumnya, sebab kelakuan serupa itu adalah warisan dari adat kaum Nasrani dan Yahudi. Yang patut dibuat hanya berdiri sahaja dari jauh, kerana yang demikian itu adalah lebih baik untuk memberikan penghormatannya. Setelah memberi salam dan berdoa kepada Nabi s.a.w. lalu berundur sedikit kira-kira sehasta untuk memberi salam kepada Sayidina Abu Bakar as-Siddiq r.a., kemudian berundur lagi kira-kira sehasta untuk memberi salam kepada Sayidina Umar Ibnul-

Khattab r.a. lalu dibacakan salam dan doa untuk keduanya.

Kemudian beredar pula ke Raudhah untuk bersolat dua rakaat di situ dan hendaklah memperbanyakkan berdoa seberapa boleh. Setelah itu barulah membuat kunjungan ke tempat-tempat sejarah terutama Bukit Uhud. Hanya demikian sahaja yang disebutkan di dalam kitab itu dan kerana kita kebetulan sudah sampai di Madinah maka wajarlah kita mengerjakan solat lima waktu di Masjid Nabawi. Dengan mengejar 40 waktu itu kadangkala menimbulkan riak, iaitu dengan menceritakan kepada orang tentang pencapaiannya atau bertanyakan jumlah waktu yang diperoleh oleh orang lain.

Masjid Nabawi ialah peninggalan sejarah yang paling besar di Madinah, iaitu masjid kedua yang dibenarkan kita menyiapkan perbekalan untuk mengunjunginya menurut sesetengah hadis. Bangunan masjid ini agak memanjang, panjangnya dari utara ke selatan 116 meter dan lebarnya dari arah selatan 86 meter. Pada masjid itu terdapat 327 tiang. Pada tahun pertama Hijrah ketika Nabi s.a.w. tiba di Madinah, masjid itulah yang dibangunkannya. Luasnya pada waktu itu cuma 35 meter ke selatan dan 30 meter dari timur ke barat. Masjid asal ini masih dapat ditandai dengan tiang-tiang yang berwarna putih sampai ke mimbar dan di sebelah barat makam Rasulullah s.a.w. yang dikenali dengan nama Raudhah.

Oleh sebab setiap orang ingin mengerjakan solat sunat atau solat wajib di dalam masjid ini, maka timbullah berbagai-bagai kesulitan yang kadang-kadang melanggar hukum solat yang boleh mengganggu ibadat kita. Waktu mendengar taklimat di Masjid Negara dan Masjid Abdul Aziz di Petaling Jaya, dalam kepala saya

timbul pertanyaan bagaimana kita akan duduk di dalam masjid itu berjam-jam lamanya untuk menunggu waktu bersolat? Untuk mendapat 40 waktu kita harus awal-awal pergi ke masjid, dua jam lebih awal daripada waktunya dan sebaik-baiknya jangan keluar lagi dari tempat yang sudah kita duduki, demikianlah pesanan taklimat itu. Pertanyaan yang timbul dalam kepala saya, bagaimana dengan makan minum, buang air dan kehilangan wuduk?

Satu kisah telah terjadi di dalam masjid itu, tidak jauh bezanya daripada yang diceritakan oleh Ny. H. Tajus Sa'adah Soeba S. dalam bukunya *Berkunjung ke Baitullah*:

> Dari pemondokan kita berlari-lari menuju masjid dengan harapan mendapatkan bahagian tempat bersujud di dalam masjid. Kita kebetulan datang belum terlambat sehingga berhasil mendapat tempat yang leluasa. Waktu solat masih jauh, kadang-kadang satu jam sebelumnya kita sudah berada di sana. Saat solat telah tiba ketika bilal telah menyerukan iqamat, tiba-tiba sesusuk tubuh yang tinggi besar berdiri di depan hidung kita, memenuhi seluruh tempat sujud yang telah lama kita dapatkan. Sesabar-sabar manusia kalau diperlakukan begitu tentunya akan bertindak. Namun jangan mengharap dia akan pergi dengan minta maaf kepada kita kalau kita menegurnya. Dengan mata terbelalak dan dengan bahasa yang tak dapat dimengerti, mereka akan menyuruh kita diam dan menerima saja bahawa tempat itu adalah hak dia sepenuhnya.

Kejadian yang serupa ini terjadi tidak sahaja di Masjid Nabawi di Madinah, tetapi juga di Masjidilharam di Makkah. Dalam Masjid Nabawi pernah terjadi seorang yang sudah lama duduk di sebelah saya waktu

solat sunat terpaksa sujud di atas belakang orang yang tiba-tiba datang duduk di depannya. Bagi mereka itu tidak mengapa, dalam solat mereka boleh menolak orang dengan tangannya. Perkara-perkara serupa ini sepatutnya diberitahu terlebih dulu oleh pihak LUTH kepada para jemaah, supaya mereka dapat menjaga dirinya dan mencari jalan untuk mengelak jangan sampai mengganggu ibadatnya. Saya telah beberapa kali mengalami kejadian seperti ini, sehingga akhirnya saya dan Hashim bersolat sahaja dalam bangsal yang banyak didirikan di luar masjid yang sebenarnya, yang juga dihitung sebagai bahagian daripada Masjid Nabawi. Bangsal itu baru sahaja disiapkan untuk haji tahun ini. Menurut Fauzi Abdul Rahman, terdapat 35 buah bangsal semuanya yang boleh memuatkan antara 300 – 350 orang sebuah. Pada hari Jumaat terakhir kami di Madinah, bangsal-bangsal tersebut penuh terisi begitu juga ruang di antara sebuah bangsal dengan bangsal yang lain padat dengan orang yang bersolat Jumaat walaupun di bawah terikan matahari. Pada waktu malam, bangsal itu dijadikan tempat tidur oleh mereka yang tidak mempunyai rumah tumpangan, hamparannya dijadikan selimut dan hal ini masih dapat kita saksikan pada waktu azan subuh yang pertama.

Malangnya di Masjid Nabawi ini atau di bangsal-bangsal di luar itu tidak ada tempat yang dikhaskan untuk wanita. Sering kali apabila tiba waktu solat, kaum wanita yang sudah memenuhi beberapa bangsal itu diusir oleh pengawal masjid, kerana mereka berada di hadapan kaum lelaki. Maka terjadilah kekecohan. Kadang-kadang hal itu dibiarkan sahaja dan pada waktu yang lain ketika kaum wanita itu mahu bersolat di situ, mereka diusir pula. Sepatutnya hal ini diatur oleh pengurus masjid lebih awal, kerana kaum wanita juga mahu

beribadah seperti kaum lelaki dan mereka tidak dijadikan manusia kelas dua!

Hawa panas di Madinah agak kurang berbanding di Makkah dan kita juga dapat merasa kesejukan udara dengan melihat pokok-pokok hijau yang ditanam di batas pembahagi jalan serta taman-taman kecil. Kota Madinah dan sekitarnya banyak terdapat tumbuh-tumbuhan terutama kurma, tetapi sebahagian kebun kurma telah dimusnahkan kerana memberi tempat kepada bangunan-bangunan baru.

Orang Arab Madinah

Hashim telah beberapa kali bersolat sunat di Raudhah dan menziarahi makam Nabi s.a.w. Tetapi saya hanya sekali sahaja bersolat sunat di Raudhah dan dua kali menziarahi makam Nabi s.a.w. Kali pertama, pada hari kami tiba di Madinah. Orang terlalu ramai dan bersesak-sesak ke makam itu sehingga saya tidak dapat membaca doa yang sempurna kerana ditolak dan dihimpit dari belakang, kiri dan kanan. Kali kedua, ia lebih sempurna, iaitu setelah selesai solat subuh pada hari kami akan meninggalkan Madinah. Saya mengajak Hashim masuk bersolat di dalam masjid yang belum ramai kerana pintu masjid (entah mengapa) pada hari itu telah dikunci yang biasanya dibuka 24 jam. Ketika azan subuh, barulah pintu dibuka. Selesai solat sunat, saya dan Hashim membaca al-Qur'an sementara menunggu waktu. Memang tempat telah tiada lagi, dan jemaah yang ada sudah siap duduk bersusun paha. Orang masih menerpa masuk, berdiri memandang keliling, melangkah ataupun duduk di depan kita sambil mengerjakan solat sunat sebagai meminta tempat. Mungkin kerana melihat saya dan Hashim bertubuh kecil, seseorang yang berbadan besar

datang menyuruh saya dan Hashim meluangkan tempat untuknya bersolat. Saya terlalu geram lalu memekik menyuruhnya pergi dari situ. "Kau tak tengok aku sedang baca al-Qur'an dan tempat sudah tidak ada!" Hashim agak terperanjat mendengar saya bertempik serupa itu dan orang itu pun dengan menggoyang-goyangkan tangannya menyabari lalu berlalu dari situ. Ada juga cara lain jika tidak mahu mereka mengambil tempat kita, tetapi cara ini kadang-kadang berhasil dan kadang-kadang tidak. Saya mempelajarinya daripada seorang yang mungkin berbangsa Arab atau Turki atau Iran. Apabila ada orang datang meminta kita menggeser lutut untuk bersolat, kita katakan kepadanya dengan membuat isyarat: "Baiklah, kau boleh duduk di sini, aku boleh keluar bersolat di luar sana!" seraya menunjuk ke luar masjid. Ramai yang tidak mahu duduk kalau sudah sampai begitu.

Setelah bersolat subuh, saya mengajak Hashim ke Raudhah untuk solat sunat dan berdoa dan kemudian menziarahi makam Nabi s.a.w. Setelah bersusah payah kami pun mendapat satu ruang kecil, saya memberitahu Hashim bahawa saya akan bersolat di situ sahaja dan Hashim pergi mencari tempat arah ke depan sedikit. Memang sukar bersolat di tempat sesak seperti itu, kadang-kadang orang berdiri di depan kita, berjalan atau mahu cuba bersolat sama. Saya cuba juga dan waktu melakukan sujud kedua, ada seseorang telah memijak kepala saya kerana mahu menyeberang ke depan, ketika akan bangun daripada sujud, seorang perempuan telah memijak tangan kiri saya, sehingga saya terpaksa bersabar sebentar menunggu dia mengangkat kakinya sebelum bangun. Waktu sedang membaca doa, seorang lain telah menekan kepala saya dan memijak paha kiri melangkah ke depan, sehingga secara automatik saya

bangun dan menumbuk belakangnya. Dia berpaling tetapi tidak menghiraukannya.

Ketika akan ke makam Nabi s.a.w., saya terpaksa berjuang dengan orang kulit hitam lelaki dan perempuan yang merempuh masuk dari sebelah kiri. Mereka merempuh membabi buta. Malangnya di tempat yang sesak seperti ini ada pula orang yang mahu menentang arus, yakni mahu ke belakang dan terjadilah pergelutan sengit, tolak-menolak dan singgung-menyinggung. Akhirnya saya sampai juga di hadapan makam Nabi s.a.w., saya berdiri di tepi dinding bersama-sama orang lain yang sedang berdoa. Saya dapat membaca doa dengan agak selesa walaupun sekali-sekala belakang atau bahu saya didorong orang. Untuk keluar dari tempat ini juga agak susah kerana orang berjalan tidak menuju ke satu hala. Kumpulan orang yang agak ramai hanyalah berhampiran makam, terlepas dari situ sudah agak lega sedikit. Sebab-sebab terjadi kesesakan di hadapan makam adalah kerana ada orang yang mahu menyentuh dinding atau tiangnya, menyapu dengan kopiah atau serbannya, menyapu dengan tangan lalu menciumnya, ada pula yang mahu meninjau ke dalam dan yang lain mahu mencampakkan wang. Walaupun dihalau atau dipukul oleh pengawal-pengawal masjid, mereka tetap melakukannya. Keadaan ini bukan sahaja terjadi di makam itu, tetapi juga di pintu Babus-Salam. Mereka menyapu dengan kopiah atau kain selendang atau dengan tapak tangan lalu disapu ke muka.

Selama di Tanah Suci, selipar saya sudah beberapa kali bertukar dari yang baru kepada yang buruk. Kali ini selipar saya telah hilang dari *pigeon-hole* tempat kasut. Semua kasut dan selipar yang diletakkan di situ telah bersepah dicampak entah oleh siapa. Saya lalu mengambil salah satu daripadanya yang hampir-hampir sama!

Seorang lelaki kulit hitam mengambil sepasang selipar, membelek-beleknya sedangkan dia tidak berkaki ayam. Oleh sebab dia sedar yang saya sedang memerhatikannya, maka dia pun mencampakkan kembali selipar itu dan cepat-cepat berjalan dari situ.

Baik di Masjidilharam mahupun di Masjid Nabawi telah disediakan tempat untuk menyimpan kasut atau selipar, namun orang terutama dari Tanah Arab dan Timur Tengah serta Afrika lebih suka membawanya dan meletakkan di depan kepala berhampiran tempat bersujud. Hal ini amat mengganggu kita, kerana biasanya selipar itu tidak bersih! Hashim Amir Hamzah telah kehilangan selipar di Masjid Nabawi dan terpaksa berkaki ayam mencari selipar baru!

Orang-orang Arab Madinah lebih baik dan bersikap mesra kepada orang luar. Mungkin mereka ini keturunan orang Ansar yang banyak menolong Nabi s.a.w. Kebanyakan daripada para pekedai dan peniaga yang berjualan di sekitar Masjid Nabawi tahu berbahasa Melayu. Seorang anak yang menjual "kuih kodok Arab" boleh menghitung hingga sepuluh dengan lancarnya.

Pada hari kedua, kami telah menziarahi tempat bersejarah, di Bukit Uhud tempat letaknya makam Sayidina Hamzah r.a. Makamnya telah dipagar dengan batu bata dan di dalamnya ada rangka kuburan dalam bentuk ketulan-ketulan batu sahaja. Sebuah pembesar suara melaungkan peringatan dalam bahasa Arab kepada mereka yang berkerumun di tembok itu bahawa tempat tersebut bukan tempat orang bersolat, hanya kuburan sahaja. Dilarang orang menangis atau merangkul tembok pagarnya kerana itu perbuatan syirik! Dalam pada itu ada juga orang yang menangis meraung-raung.

Seorang pelajar tahun pertama dari Pattani, Abdullah namanya, yang dibawa oleh Yaakub telah mengiringi

kami. Dia membawa kami melawat Masjid Tujuh, Masjid Qiblatain, Telaga Sayidina Usman dan pada hari berikutnya pula ke Universiti Madinah, tempat dia belajar. Namun, kami tidak dibenarkan masuk kerana dalam rombongan kami ada seorang wanita (isteri Prof. Datuk Zainal Abidin).

Pasar Kurma

Tempat-tempat lain yang kami kunjungi ialah Masjid Quba yang terletak di sebelah barat daya kota Madinah, yang dibangunkan sendiri oleh Nabi s.a.w. ketika baginda datang ke Quba waktu berhijrah dari Makkah. Inilah masjid yang mula-mula baginda dirikan di Madinah dan baginda turut serta bekerja menyusun batu batanya. Waktu saya selesai mengerjakan solat sunat, saya melihat orang di sebelah saya menulis sesuatu (mungkin namanya) dengan hujung jari telunjuknya pada dinding batu masjid itu. Di dalam masjid ini juga ada tercatat tempat Nabi s.a.w. menerima wahyu dan tanda tempat itu masih dikekalkan. Dalam perjalanan pulang, kami singgah di Masjid al-Jumaah, tempat pertama kali Nabi s.a.w. mengerjakan solat Jumaat yang diikuti oleh para jemaah. Banyak sudah tempat sejarah yang dimusnahkan oleh kerajaan Wahabi kerana ditakuti akan dipuja orang. Oleh itu pada tempat-tempat bersejarah ini tidak banyak kita menemui kesan-kesannya, kecuali tempatnya sahaja.

Tidak jauh dari hadapan Masjid Ghamamah, iaitu berhampiran sebuah pasar kecil terdapat pasar kurma. Di beberapa buah gerai, kita dapat melihat berbagai-bagai jenis kurma dari yang bersaiz kecil hingga ke saiz yang besar dengan harga yang berbeza-beza. Memang dalam masa musim haji, Kota Makkah dan Madinah

merupakan tempat orang berjual beli yang paling sibuk di dunia ini. Para peniaga berlumba-lumba untuk melariskan dagangannya dalam masa sebulan itu. Berbagai-bagai jenis barang yang dapat terfikir oleh kita ada dijual di sana dan ada antaranya cukup murah kerana didatangkan langsung dari kilangnya. Barang-barang yang dijual di sini khabarnya terjamin mutu, asli dan tulen. Oleh sebab itu, pasar di Madinah telah dibuka sejak selesai sahaja solat subuh. Di Makkah kita boleh mendapat bubur kacang, nasi lemak, kuih-muih Indonesia, telur rebus dan sebagainya yang dijual oleh orang Indonesia terutama oleh kaum wanitanya. Mereka mula menjual sebaik sahaja selesai solat subuh sebelum datang polis Arab. Seperti di negara kita juga, peniaga yang tidak berlesen akan ditangkap dan apabila melihat polis (hanya mereka sahaja yang mengenalinya), yang lelaki akan lari bertempiaran ke dalam lorong-lorong, sementara yang perempuan tidak dipengapakan oleh polis itu kecuali menyuruh mereka berlalu sahaja dari situ. Kami pernah melihat kejadian tarik tali antara seorang peniaga Pattani dan polis Arab di hadapan pejabat Tabung Haji. Orang lelaki Pattani itu mempertahankan begnya yang berisi batu-batu permata daripada dirampas oleh polis Arab tersebut.

Antara orang asing yang banyak berniaga di Makkah ialah wanita Indonesia. Mereka berlumba-lumba dengan peniaga-peniaga Arab, menjual barang seperti kain tudung, ketayap, selendang, batik, kain sarung, dan barang-barang perhiasan. Kebanyakan barang jualan di sini datangnya dari luar negeri terutama dari Taiwan, Korea, Jepun, dan China Komunis dan permaidani dari Belgium. Saya dan Hashim membeli sehelai kain untuk serban dari sebuah kedai di tepi jalan. Kainnya sama jenis, sama pula bunganya cuma warnanya sahaja agak

berlainan sedikit dan sama harganya. Ketika sampai di rumah kami dapati serban saya *made in Korea* dan Hashim *made in Japan*. Baik di Makkah mahupun di Madinah terdapat banyak kedai yang menjual ayam panggang. Ayam ini datangnya dari Brazil, sudah siap disembelih dan dicabut bulunya, mereka cuma mencelupnya di dalam air sebelum dipanggang. Pada kotaknya ada tertulis bahasa Arab bahawa ayam itu disembelih menurut cara Islam. Biarpun manusia begitu ramai tetapi bekalan buah-buahan tidak pernah putus. Segala jenis buah-buahan seperti limau, epal, pear, tembikai sentiasa ada. Harganya pun berpatutan, paling tinggi enam rial sekilo. Harga barang-barang lain kadang-kadang tidak menentu, sesuka hati peniaga itu meletakkan harganya. Dalam masa satu minit dia boleh mengubah harganya. Kita tidak boleh membandingkan harga yang kita beli dengan kawan yang lain, kadang-kadang termurah dan kadang-kadang termahal. Tetapi dalam sebuah berita yang saya baca dalam akhbar *The Arab News*, beberapa orang pekedai di Riyadh telah ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah kerana tidak meletakkan tanda harga pada barang-barang jualannya. Ada antara mereka itu yang sudah didenda sampai 2000 rial.

Jemaah Iran

Ketika mahu meninggalkan Makkah, saya mencari barang-barang dari negeri Arab sendiri untuk dijadikan oleh-oleh. Ketika keluar mencari itulah, kami mendengar bunyi riuh-rendah di jalan raya di luar kompleks. Orang ramai berlari-lari untuk melihatnya. Kami pun ikut serta. Beribu-ribu jemaah dari Iran sedang mengadakan demonstrasi di jalan raya menuju ke Kaabah. Mereka membawa gambar Ayatollah Khomeini, sepan-

duk yang mengutuk Amerika dan Israel sebagai syaitan. Saya cuba membaca poster yang dibawa oleh salah seorang daripada mereka, tetapi agak sukar untuk memahaminya kerana saya tidak begitu mahir bahasa Arab. Mereka berjalan dengan aman sambil mengucapkan kalimah syahadah, Allahuakbar dan melaungkan nama imamnya. Memang keadaan lalu lintas menjadi kelamkabut sebentar kerana pihak polis Arab tidak menahan kenderaan yang datang dari hadapan, kadang-kadang untuk mengelak barisan yang semakin lama semakin besar itu. Kereta-kereta terpaksa meminggir hingga ke atas *troiter*, menghimpit orang yang sedang menonton.

Agak susah mencari barang-barang dari negeri Arab sendiri kecuali "halwa maskat" sahaja dan sejenis buah kayu seperti buah pokok pukul lima yang sudah dikeringkan, agak keras tetapi manis dan seronok menggigitnya. Menurut penjualnya, seorang Pattani, buah itu baik untuk pesakit jantung, kami membeli seorang sedikit. Di Madinah kami membeli kurma, tetapi tidak berani membelinya terlalu banyak khuatirkan timbangannya melebihi sepuluh kilo seperti yang diperuntukkan.

Di Makkah ada TV, tetapi kami tidak pernah menontonnya kerana tujuan kita ke sana adalah untuk beribadah, cuma di Madinah sahaja ketika pergi balik dari rumah Tabung Haji ke Masjid Nabawi, kami singgah sebentar menonton TV di pejabat seorang mutawwakil di sebelah rumah Tabung Haji itu. Ada berita dalam bahasa Inggeris, tetapi yang paling banyak ialah perlawanan bola. Hampir setiap waktu ada saja perlawanan bola yang disiarkan secara langsung dari tempat asalnya. Orang-orang Arab terlalu sukakan sukan ini seperti juga orang di negara-negara lain. Teringat saya sewaktu kecil dahulu. Ada seorang tuk guru yang mengharamkan per-

mainan bola, bermain dan juga menontonnya, kerana didakwa sebagai permainan orang kafir yang menyepak-nyepak kepala Sayidina Hassan cucu Rasulullah s.a.w. Di Makkah kami menonton TV di sebuah warung teh, di depan pejabat pos besar, ketika minum pada waktu petang. Untuk mengirim surat kita tidak perlu membeli setem, serahkan sahaja surat atau poskad itu kepada keraninya, dia akan memberitahu berapa rial harus dibayar, sisanya tidak dikembalikan. Khabarnya pada musim haji tahun lalu hampir 20 000 rial telah diperoleh oleh pejabat pos daripada lebihan wang setem yang tidak dikembalikan itu.

Baik di pejabat pos ataupun di kedai-kedai, kita mesti selalu menyediakan wang kecil satu rial, kecuali kalau kita membeli barang-barang yang mahal harganya. Penjual air zamzam akan memekik kalau kita berikan kepadanya wang kertas 10 rial, begitu juga pekedai yang lain. Oleh itu kami mendapat satu jalan bagaimana mendapatkan wang kecil itu. Orang cacat ramai yang meminta sedekah di Masjidilharam, mereka mempunyai banyak wang satu rial, jadi daripada merekalah kami mendapat wang kecil.

Makam Rasulullah

Berita orang kehilangan wang juga banyak berlaku di Madinah dan yang selalu menjadi korban ialah kaum wanita ketika akan keluar dari masjid. Khabarnya dalam masa berhimpit-himpitan itulah si pencuri mengambil kesempatan memotong tali pinggang mangsa dengan sejenis pisau. Ada yang mengatakan cincinnya yang bermata tajam di sebelah dalamnya yang digunakan untuk memotong tali pinggang, dengan demikian tidak dapat dikesan oleh polis Arab. Pengawal di semua pintu

masjid selalu mencurigai setiap beg yang kita bawa. Mereka akan memeriksanya. Ada sebuah berita yang tidak rasmi mengatakan seorang jemaah wanita kita telah menjadi mangsa penyeluk saku itu, perutnya terburai kerana tersalah potong. Ada yang mengatakan wanita itu meninggal dunia dan ada pula yang mengatakan hanya dimasukkan ke hospital sahaja. Mana yang benar, wallahualam! Tetapi bagaimanapun kita haruslah selalu berhati-hati, para penyeluk saku itu orang yang ahli. Dia tahu bahawa semua jemaah haji menyimpan duitnya di dalam tali pinggang. Waktu berhimpit-himpit dia hanya perlu meraba sedikit sahaja sudah mencukupi. Di Mina seorang jemaah di dalam khemah kami mempamerkan tali pinggangnya yang kena potong sebagai bukti bahawa cerita itu benar. Dia sebetulnya bukan orang baru, sudah dua kali hajinya, tetapi tetap menjadi mangsa juga – mangsa kena potong tali pinggang namun duitnya terselamat. Katanya, dia akan menyerahkan tali pinggang itu kepada LUTH untuk dipamerkan kepada bakal haji. Kegiatan menyeluk saku seperti ini sebenarnya boleh dielakkan jika kita bersabar menunggu sehingga orang ramai keluar menghindar keadaan berhimpit-himpit. Kesabaran ini akan menyelamatkan kita daripada penyeluk saku atau terhimpit yang kadang-kadang boleh membawa maut!

Sebenarnya setelah kita mengerjakan solat di dalam Masjid Nabawi dan menziarahi makam Rasulullah s.a.w., kita sudah boleh pulang ke tanah air. Kita tidak diwajibkan mengerjakan solat 40 waktu itu kerana ia tidak termasuk dalam manasik haji. Menurut *Pedoman Haji*, menziarahi makam Rasulullah s.a.w. bukanlah suatu ibadah yang diwajibkan dan bukan pula menjadi syarat ibadah haji seperti sangkaan kebanyakan orang. Menziarahi makam Rasulullah s.a.w. ialah suatu ibadah sunat

bagi orang yang menziarahi Masjid Nabawi atau tempat tinggalnya berdekatan masjid. Menurut kitab itu, "Sengaja dari daerah-daerah yang jauh, mengeluarkan ongkos dan perbelanjaan dengan maksud menziarahi makam Rasulullah s.a.w. tidak dibenarkan syarak".

Penerangan haruslah diberikan dengan jelas kepada para jemaah supaya tidak menganggap menziarahi Masjid Nabawi dan makam Rasulullah itu termasuk ibadat haji. Pernah terjadi ketika saya menunaikan haji, ada seorang tua yang sakit masih mahu terus ke Madinah. Orang tua dari Lenggeng ini telah dinasihati oleh syeikhnya di Makkah supaya dihantar balik ke Malaysia kerana sakitnya agak teruk dan sudah beberapa hari tidak makan. Namun dia tetap berkeras mahu ke Madinah dan pihak LUTH tidak pula membantah. Ketika sampai di Madinah, penyakitnya semakin teruk dan dia terpaksa didukung oleh Baharum Basar, kawan saya, dari rumah syeikh ke rumah Tabung Haji yang agak jauh. Waktu itu barulah urusan menghantarnya pulang dilakukan. Seorang temannya telah meninggal dunia di dalam bas dalam perjalanan ke Madinah.

Di rumah Tabung Haji iaitu di salah sebuah bilik, ada lagi seorang tua yang begitu uzur yang menunaikan haji. Adalah amat mendukacitakan sekiranya dia ke Makkah sekadar untuk memijak bumi Tanah Suci sahaja sebelum meninggal ataupun mahu meninggal di Tanah Haram.

Memang benar, tidak ada undang-undang yang boleh melarang seseorang itu daripada naik haji, tetapi apabila dia sendiri tidak mampu mengerjakan ibadat haji seperti yang diwajibkan dan menyusahkan orang lain pula, mungkin ada jalan, budi bicara atau ada hukum untuk melarangnya. Allah s.w.t. tidak menyusahkan hamba-Nya dalam mengerjakan ibadat, ada jalan-

jalan yang diberikan supaya ibadat itu dapat dilakukan dengan sempurna.

Tahun ini seramai 435 orang jemaah dilaporkan meninggal dunia dan sebagainya. Menurut catatan tahun 1980, daripada 276 orang yang meninggal dunia, 260 orang daripadanya kerana lanjut usia, iaitu mereka yang berumur 50 tahun ke atas. Tahun ini tentu lebih ramai lagi kerana jumlah jemaah meningkat kepada lebih kurang 23 000 orang. Penerangan yang sejelas-jelasnya tentang konsep haji mestilah diberikan supaya orang dapat mengerjakan haji dengan baik, demi mendapatkan haji mabrur. Kepercayaan bahawa meninggal dunia di Tanah Haram itu akan terus masuk syurga, hilang semua dosa kecil dan besar juga harus diberi penjelasan dengan sebaik-baiknya. Apa yang penting, hidup dan mati dalam kekuasaan Allah s.w.t. Orang boleh mati di mana sahaja, dosa dan pahala yang dibuatnya semasa hidup akan mendapat pertimbangan yang saksama daripada Allah s.w.t. Allah Maha Mengetahui akan perbuatan hamba-Nya. Orang Arab meninggal dunia setiap hari di Tanah Haram tetapi sudah pastikah mereka itu akan masuk syurga? Memang ajal dan tanah kubur tidak boleh dipastikan, tetapi alangkah malangnya jika ke Tanah Suci hanya dengan tujuan mahu mati semata-mata bukan kerana mahu menyempurnakan rukun Islam yang kelima!

Bakal jemaah haji patut diberi batasan umur yang wajar. Jika umurnya sudah hampir mencapai batas umur yang dihadkan, maka dia hendaklah diiringi oleh kaum keluarganya yang sihat. Peraturan yang dibuat oleh LUTH bahawa setiap orang yang mahu menunaikan fardu haji itu mempunyai teman dalam perjalanan patut diperketat. Saya menganjurkan supaya bakal jemaah haji pergi dalam kumpulan paling kecil, empat atau lima

orang dan paling besar 10 orang. Dengan mengadakan kumpulan, kita dapat bantu-membantu antara satu sama lain selain mudah untuk mendapatkan bilik dan mudah mengurus kenderaan.

Saya sungguh gembira melihat anak-anak muda mengerjakan ibadat haji. Sikap yang serupa ini patut digalakkan kerana ini boleh mengelakkan daripada kesukaran yang akan dihadapi sekiranya menunaikan haji pada waktu tua. Mujab Sungib dari Kontena Nasional mengerjakan haji dalam perjalanan pulang sesudah mengambil kursus di London, begitu juga Dr. Ali Ahmad dari Universiti Sains Malaysia mengerjakan haji bersama-sama isteri dan anak-anaknya dalam perjalanan pulang setelah bercuti sabatikal di London. Saya gembira melihat rombongan anak-anak Abdul Rahman Talib dari Pahang – Fauzi dan Basri serta Bahari kawan mereka yang masih muda, Mohd. Aris Majid dan lain-lain yang menunaikan haji dalam usia 30-an. Bagi mereka sekiranya umur panjang dan ada rezeki, tentu dapat mengerjakan haji beberapa kali lagi, walaupun kita hanya dituntut menunaikannya sekali seumur hidup.

Kewajipan haji sebenarnya bukan suatu kewajipan yang longgar seperti yang kita fahami. Ia tidak hanya menuntut dari segi adanya kemudahan, kewangan dan kesihatan tubuh ataupun kalau sampai "seru". Haji wajib dilakukan sekali seumur hidup dan kalau kita kebetulan meninggal sebelum dapat mengerjakannya, maka anak-anak atau waris kita wajib mengupah orang lain mengerjakannya untuk kita. Oleh sebab itu, konsep ini pun harus diterangkan dengan sejelas-jelasnya kepada semua umat Islam supaya mereka tidak berfikir rukun haji ini suatu rukun yang mudah. Sejak dari awal, sebaik-baiknya sejak dari kecil anak-anak mesti diajar menabung wang belanja sekolahnya untuk menunaikan haji.

Saya mengemukakan masalah ibadat haji ini bukanlah dengan maksud mahu merendah-rendahkan sesuatu pihak, tetapi sekadar menyumbangkan buah fikiran daripada pengalaman saya yang mungkin ada manfaatnya untuk orang lain. Saya menyanjung tinggi usaha LUTH yang telah memberikan perkhidmatan yang begitu cemerlang kepada semua jemaah haji sejak LUTH ditubuhkan dahulu. Tidak ada sebuah negara di dunia ini yang begitu mengambil berat tentang jemaahnya, walaupun dalam usahanya itu ada yang tidak sempurna, tetapi alhamdulillah tidak ada jemaah kita yang tidur di kolong jambatan. LUTH telah dapat menjaga dan mengawal 23 000 manusia. Ini bukanlah satu kerja yang mudah. Pepatah kita sendiri ada mengatakan: "Lebih baik menjaga kerbau sekandang daripada menjaga manusia seorang". Perkhidmatan kesihatan di Tanah Suci juga patut diberi pujian dan penghargaan walaupun di sana sini terdapat kelemahan kecil yang tidak disengajakan kerana bukanlah senang untuk melayani setiap orang dengan sebaik-baik layanan dalam tekanan hawa yang terlalu panas dan manusia yang berjuta ramainya. Apa yang penting, cara bagaimana mahu memperbaiki lagi dan mengatasi masalah yang timbul agar perkhidmatan itu menjadi lebih cemerlang dan lebih cekap.

Saya fikir jumlah jemaah haji patut dibataskan setiap tahun, tidak terlalu ramai seperti tahun ini, walaupun daripada pengalaman, kita dapat mengawalnya. Para pembantu di Tanah Suci sebaik-baiknya bukanlah daripada pegawai-pegawai LUTH sahaja, tetapi diambil daripada pelajar-pelajar kita yang ada di Madinah dan Makkah. Mereka tidak sahaja tahu berbahasa Arab, tetapi juga tahu keadaan tempat dan suasananya.

Kerajaan Arab Saudi memang tidak membenarkan

LUTH ikut campur dalam urusan jemaah haji sesudah mereka menaiki bas di Jeddah, tetapi pihak LUTH seperti sekarang masih juga ikut campur tangan di Makkah dan di Madinah secara tidak langsung. Syeikh haji patutlah digesa supaya memberi layanan yang wajar kepada jemaahnya, jangan sekadar mahu mencari keuntungan yang banyak sahaja. Setiap orang syeikh mendapat subsidi daripada kerajaan Arab Saudi dan juga daripada LUTH apabila tercatat namanya dalam pasport jemaah. Sudah sepatutnya layanan yang baik diberikan terutama yang berkaitan dengan tempat tinggal di Makkah, Arafah, dan Mina. Pada musim panas misalnya, khemah mestilah dibuat daripada bahan yang bersesuaian demi keselesaan para jemaah. Mudah-mudahan apa yang tercatat di sini dapat memberikan sesuatu idea kepada pihak berwajib demi kepentingan jemaah haji yang akan datang.

Dalam masalah keselesaan ini, kita tidak dapat melupakan usaha kerajaan Arab Saudi yang senantiasa mencari jalan bagi kemudahan jemaah haji. Sebuah lapangan terbang yang begitu besar telah dibina di Jeddah, jalan raya yang baik menghubungkan Jeddah-Makkah-Madinah, jalan-jalan luas dan lampu-lampu yang terang-benderang di Arafah dan Mina dan banyak lagi yang lain-lain. Semuanya itu adalah untuk keselesaan jemaah haji. Andainya kita datang ke Makkah ini untuk menghadapi percubaan, mengapa tidak dibiarkan saja kita menunggang unta?

Perkara lain yang patut difikirkan juga adalah tentang sikap pegawai-pegawai LUTH yang tidak mahu memberikan bantuan kerana "setelah tuan-tuan naik bas di Jeddah, tuan-tuan bukan tanggungan kami lagi", sehingga kalau ditanya pun tidak mahu memberikan penerangan yang jelas dan lebih banyak menolong

menyiarkan berita angin saja.

Ketika di Madinah, kami mendapat khabar bahawa jika terlambat satu jam saja kita di Lapangan Terbang Jeddah waktu penerbangan pulang, kita sudah tidak diterima lagi untuk mengikuti penerbangan yang ditetapkan itu. Para jemaah mesti berada di sana 12 jam sebelum penerbangan. Baiklah, hal itu memang sudah termaktub dalam risalah LUTH yang diberikan kepada tiap-tiap jemaah, tetapi berita bahawa telah ada 150 orang yang tidak dapat naik kapal terbang kerana terlambat satu jam saja amatlah mengerikan!

Tiap-tiap orang tidak ingin tersadai di Jeddah dan berusaha untuk sampai di sana sebelum 12 jam yang ditetapkan, tetapi bagaimana dalam urusan syeikh atau dalil di Madinah, apabila jemaahnya hanya beberapa orang saja? Ada orang yang mencari basnya sendiri kerana dalilnya tidak menghiraukannya.

Semua orang tahu bahawa pegawai-pegawai LUTH banyak bekerja tanpa mengira siang dan malam, tetapi kedatangan mereka ke Tanah Suci tidak sama dengan kedatangan jemaah haji.

Walaupun kita ke Tanah Suci untuk mengerjakan ibadat, tetapi ingatan kepada tanah air dan kaum keluarga yang tinggal tidaklah pernah luput daripada kepala. Sekali-sekala akan terlintas juga. Selama sebulan di Tanah Suci, perhubungan dengan tanah air terus terputus melainkan orang yang ada radio. Oleh sebab itu alangkah baiknya kalau surat-surat khabar dari tanah air ada di rumah Tabung Haji, untuk mengelak daripada mendengar berita selentingan yang boleh mengelirukan. Selama kami di Tanah Suci, cuma tiga atau empat kali saja membaca berita dalam akhbar Arab. Berita Menteri Buruh memberi amaran kepada negara-negara yang melakukan perbuatan sewenang-wenang kepada



Menunggu saat keberangkatan pulang ke tanah air di Terminal Haji, Jeddah bersama-sama Tuan Haji Salleh Yeop Abd. Rahman dan isterinya, Hajah Khatijah.

buruh-buruh Malaysia, berita pertandingan badminton, berita wartawan *Watan* ditangkap dan berita Datuk Aziz Ahmad ditahan. Alangkah baiknya kalau berita-berita lain juga dapat didengar dan dapat diceritakan oleh orang yang membacanya kepada kawan-kawannya!

3

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tamu dari Thailand

SEBAGAIMANA saya ke Tanah Suci tanpa dihantar oleh keluarga, maka begitulah pula ketika pulang, tidak ada keluarga yang menyambut kepulangan saya di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang kecuali Zain Hussain yang menghantar saya pergi tempoh hari. Saya cuma meminta isteri dan anak-anak menunggu di rumah, supaya dapat saya salami dan peluk sebelum masuk ke dalam rumah kerana perlakuan yang serupa itu ada hikmatnya yang besar, mereka boleh meminta apa sahaja yang baik pada ketika itu, insya-Allah akan Allah s.w.t. kabulkan.

Sekembalinya saya dari Makkah, saya sudah bergelar haji dan gelaran haji itu diletakkan di pangkal nama seperti kebiasaannya Rasulullah s.a.w. dan sahabat Baginda tidak pernah berbuat demikian, namun alah bisa oleh biasa, lama-kelamaan walaupun saya sendiri tidak menyukainya, tetapi gelaran itu tetap tercantum pada nama saya. Perkara ini menjadi biasa terutama sekali sesudah berada di Negara Brunei Darussalam, gelaran haji itu merupakan satu gengsi yang istimewa.

Sebelum meninggalkan Universiti Sains Malaysia,

Prof. Ismail Hussein, adik saya telah menulis kepada saya memberitahu tentang pemilihan saya sebagai calon untuk menerima Anugerah S.E.A. Write yang diberikan oleh kerajaan Thailand. Anugerah S.E.A. Write ini merupakan anugerah yang tertinggi dalam bidang sastera yang diberikan kepada penulis-penulis ASEAN. Anugerah ini khabarnya telah diwujudkan secara kebetulan tujuh tahun yang lalu oleh beberapa orang yang prihatin terhadap perkembangan sastera di rantau ini, dalam satu perjumpaan tidak rasmi di Hotel Oriental, Bangkok. Pada mulanya mereka yang bertanggungjawab mewujudkan anugerah ini hanya khuatir melihat kekayaan bakat sastera penulis Thailand yang ramai tidak diberi perhatian dan tidak diketahui oleh orang luar. Perbincangan dan horizon perbincangan itu pun menjadi semakin luas yang meliputi nasib karya penulis ASEAN yang lain. Maka tercetuslah idea yang membawa kepada kewujudan Anugerah S.E.A. Write itu. Ia telah dijadikan acara tahunan sebagai suatu pengiktirafan kepada bakat kreatif penulis-penulis yang bermastautin dan bekerja di kelima-lima negara ASEAN, di samping memperluas kesedaran kepada bakat penulisan serantau. Pada mulanya anugerah ini ditaja oleh Thai International Airways, The Italthai Group of Companies dan Oriental Hotel sahaja. Namun, pada tahun 1981, ketika saya dicalonkan, Jim Thompson Foundation iaitu sebuah yayasan yang ditubuhkan sebagai memperingati Jim Thompson, raja sutera Thai yang hilang di Cameron Highlands, turut serta. Pada tahun itu juga majalah *Asiaweek* melaporkan berita baik tentang janji yang dibuat oleh Prentice-Hall, sebuah penerbit gergasi Amerika untuk menerbitkan terjemahan karya para penerima anugerah tersebut dalam bentuk buku.[1] Saya merupakan calon Malaysia yang ketiga. Dua orang penerima sebelum ini

ialah A. Samad Said dan Baharuddin Zainal (Baha Zain).

Saya tidak dapat hadir pada upacara penyampaian anugerah itu kerana bertolak ke Tanah Suci. Oleh itu saya meminta izin untuk mewakilkan isteri saya pada upacara tersebut. Walaupun hal serupa ini belum pernah berlaku, tetapi pihak jawatankuasa Bangkok telah menyetujuinya dan amat bersimpati. Mereka telah memberikan satu kemudahan tambahan kepada isteri saya untuk membawa teman sebagai *chaperon* dengan konsesi tambang setengah bayaran melalui Thai International Airways.

Segala urusan keberangkatan isteri saya dan Fauziah Abdul Hamid, isteri Dr. Farid Onn (ipar Prof. Ismail) telah menjadi mudah kerana mendapat perhatian yang serius daripada Safian Hussain yang menjadi penyelaras di sini. Isteri saya telah berada di Bangkok ketika saya sedang mengerjakan haji di Makkah.

Pada tahun itu penerima dari Indonesia ialah Goenawan Muhammad, pemimpin redaksi *Tempo*; Gregorio Brillantes dari Filipina; Wong Men Voon dari Singapura dan Ussiri Dhammachore dari Thailand. Saya kenal Goenawan secara peribadi. Dia penulis "Catatan Pinggir" dalam *Tempo* yang sangat saya minati dan kemudian telah menulis dengan adil ulasan tentang filem *Intan Berduri* terbitan Srinande Filem ketika wartawan Indonesia dari media massa yang lain sengaja "menggelapkan" daripada tulisan mereka nama saya sebagai penulis novel *Intan* yang diadaptasikan untuk filem itu.

Menurut isteri saya, Puteri Maha Chakra Sirindhorn telah menggantikan tempat ibunya, Ratu Sirikit sebagai tetamu kehormat. Anugerah telah disampaikan oleh puteri tersebut dan setiap penerima memberi ucapan ringkas dalam bahasanya sendiri. Sebagai kebiasaannya, seorang pengarang terkenal diundang untuk menjadi

guest speaker. Pada penganugerahan kali ini, giliran Han Su-yin pengarang China yang terkenal dengan novel sulungnya *A Many Splendoured Thing* telah diberi penghormatan. Ketika menginap di Hotel Oriental, yang menjadi tempat penginapan pengarang dan wartawan terkenal dari Barat, isteri saya telah berkenalan dengan Cynthia Haas, seorang penulis bebas yang kemudiannya menjadi sahabat penanya. Cynthia pernah singgah di Malaysia dalam perjalanan ke Australia dan menginap di rumah kami di Petaling Jaya. Saya teringat akan perbualan kami ketika bersarapan tentang peperangan Iran dan Iraq yang sedang berkecamuk, kemudian meleret-leret kepada soal kemanusiaan. Dia naik berang apabila saya berkata, "Konsep kemanusiaan kami jauh berlainan daripada konsep kemanusiaan Barat, khasnya Amerika. Orang Barat, nyawa anjing lebih bernilai daripada nyawa manusia.... Jikalau seekor anjing tersepit, mereka sanggup menggadai nyawa untuk menyelamatkan anjing itu. Bagi nyawa manusia pula, jika seorang dihukum bunuh misalnya oleh sesebuah negara lain maka akan diriuh rendahkan sampai ke langit hijau, diungkit tentang hak asasi manusia. Tetapi apabila mereka membunuh rakyat yang tidak bersalah seperti Perancis di Algeria, Amerika sendiri di Vietnam memang boleh sahaja. Jadi, bagi orang Barat dan Amerika, apabila satu ada hak asasi, dan apabila banyak tidak ada hak apa-apa kerana hal itu mereka lakukan di negara orang." Baiknya, dia naik berang sebentar sahaja, sesudah itu menjadi normal kembali dan bersembang seperti biasa. Kali terakhir isteri saya menerima suratnya dari Bangkok beberapa tahun yang lalu. Oleh sebab menyangka dia akan datang ke Kuala Lumpur, maka surat itu tidak dijawab. Kami pun tidak lagi menerima surat daripadanya dan tidak tahu hidup atau mati.

Sahabat yang Pemurah

Saya kembali dari Tanah Suci pada 26 Oktober. Ada cadangan daripada beberapa orang kawan di Universiti Kebangsaan Malaysia supaya saya memohon menjadi karyawan tamu di universiti tersebut dan dari Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri ada cadangan supaya saya memohon menjadi penulis tamu. Saya lalu menulis surat kepada Pengiran Badaruddin untuk mendapatkan kepastian tentang rancangannya untuk membawa saya ke Brunei sebelum membuat keputusan yang muktamad. Saya diberitahu bahawa perkara itu masih lagi dalam pertimbangan, tetapi dia dengan sikapnya yang sangat optimis yakin bahawa keputusan yang positif akan dapat diketahui segera. Dia meminta dengan amat sangat supaya saya dapat bersabar sedikit masa dan jangan membuat permohonan menjadi karyawan tamu di UKM atau penulis tamu di DBP. Dia sungguh-sungguh berharap supaya saya dapat mengetuai Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera pada awal tahun 1982.

Saya tidak biasa duduk diam. Maka pada setiap pagi, saya pergi ke pejabat Amir Enterprise yang terletak di Damansara Utama. Harun Hassan telah memberikan sebuah bilik di sebelah biliknya di tingkat dua untuk tempat saya membaca dan mengerjakan terjemahan novel *Midaq Alley* karya Naquib Mahfouz pengarang Mesir yang terkenal itu. Baharuddin Zainal yang menjadi Ketua Bahagian Pembinaan dan Pembangunan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka telah melihat saya membaca novel tersebut waktu saya menjadi Ahli Cipta di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

"Baguskah novelnya?" Baharuddin bertanya.

"Bagus juga," jawab saya yang baru setengah membaca novel tersebut.

"Mahukah Bang Abdullah menterjemahkannya? Kalau mahu biar saya uruskan dengan Dewan, meminta hak cipta penterjemahan."

Hak cipta untuk menterjemahkannya itu telah diperoleh sebaik sahaja saya pulang dari Tanah Suci. Maka saya pun mulai menterjemahkan beberapa muka setiap hari dengan tulisan tangan sahaja. Ini lebih mudah daripada menggunakan mesin tulis. Pertama, saya boleh mengerjakannya di mana sahaja hanya dengan membawa novel itu, kertas kosong, sebuah kamus dan kedua, saya lebih lancar dan lebih mudah membuat pembetulan.

Saya suka pergi ke pejabat Amir Enterprise kerana dapat berjumpa kawan-kawan lama yang suka datang berbual dengan Harun Hassan yang terkenal dengan sifatnya yang amat terbuka dan peramah, suka bercerita dengan dialek Terengganunya yang kental dan yang paling banyak memikat hati orang ialah hatinya yang amat pemurah. Subki Latiff orang kuat PAS pernah bekerja dengannya dan sekali-sekala singgah di pejabatnya itu. Rahmah Othman orang kuat UMNO pernah ikut dalam perbincangan untuk menubuhkan *Mingguan Wanita*, Yahaya Ismail, Azran Abdul Rahman dan ramai lagi. Ada beberapa orang penyanyi dan pelakon filem yang sering keluar masuk pejabatnya.

Di kalangan kami kawan-kawannya yang rapat, Harun dikenali sebagai seorang yang bertangan sejuk. Apa sahaja yang ditanganinya insya-Allah akan berjaya terutama sekali dalam bidang penerbitan. Orang semua tahu tentang peranannya dalam membina *Utusan Malaysia* sampai menjadi sebuah akhbar Melayu bertulisan rumi yang terkemuka waktu dia berkhidmat sebagai pengarang di Syarikat Utusan Melayu (M) Berhad, dan buah tangannya yang lain yang tidak boleh dipandang

ringan oleh syarikat itu ialah majalah *Wanita*. Dalam tangannya majalah itu berkembang dengan pesat sehingga mencapai jumlah edaran ratusan ribu naskhah.

Sesudah meninggalkan Syarikat Utusan Melayu, dia cuba membuka sebuah penerbitan sendiri dengan memakai nama Amir Enterprise sempena nama anak lelakinya dan menerbitkan majalah *Keluarga*. Walaupun format majalah ini kecil seperti format kebanyakan majalah, namun telah menjadi saingan hebat kepada majalah *Wanita*. Oleh sebab sambutan yang begitu hebat terhadap majalah *Keluarga* ini, maka Amir Enterprise telah melonjak naik dan berkembang menjadi salah sebuah penerbit yang kukuh dan ulung di tanah air sejajar dengan penerbit-penerbit yang bermodal besar. Beberapa buah majalah lain telah diterbitkan di samping majalah *Keluarga* itu. Sebagai penerbit buku, ditubuhkan pula sebuah anak syarikat yang diberi nama Penerbitan Pena. Harun Hassan kemudian ikut terlibat dalam penerbitan filem dan sempat menerbitkan beberapa buah filem. Filem *Ali Setan* yang menggunakan lokasi di kampus Universiti Sains Malaysia telah memecahkan *box-office*.

Pada suatu hari, Harun Hassan memberitahu saya tentang rancangannya untuk menulis biografi Tun Datu Patinggi Abdul Rahman Yaakub sebagai hadiah kerana Abdul Rahman Yaakub itu ialah kawannya yang akrab dan sangat banyak membantunya dalam berbagai-bagai hal. Dia meminta saya menulisnya. Saya merasa keberatan kerana saya tahu tidak akan dapat menulisnya dengan baik. Saya tidak kenal secara dekat dengan Abdul Rahman Yaakub seperti saya mengenali P. Ramlee dan Za'ba, tetapi kerana mengingatkan perhubungan persahabatan kami yang baik, maka saya dengan perasaan berat menerima cadangannya itu. Saya tidak dapat melupakan pernyataan simpatinya yang spontan ketika

saya diberhentikan daripada Franklin Book Program dahulu.

Pada suatu hari, dia datang ke bilik saya mengajak saya pergi ke bank yang letaknya tidak jauh dari pejabatnya. Dia masuk ke dalam bank itu dan saya menunggunya di luar. Sebentar kemudian dia keluar dan menghulurkan kepada saya beberapa keping wang kertas seratus ringgit.

"Nah, ambil ini," katanya. "Saya baru balik dari melawat seorang kawan yang sakit di hospital. Dia beri wang suruh saya pergi ke Kuching menghadiri perkahwinan anak Tun Datu Patinggi Abdul Rahman Yaakub, Bung Abdullah ambil setengah. Besok kita ke Kuching."

Dua ribu lima ratus ringgit. Dia menyerahkan duit itu begitu sahaja seperti dia memberi duit dua ringgit setengah ataupun 25 ringgit.

"Kut banyak sangat," kata saya.

"Ambillah untuk belanja rumah."

Satu hal yang aneh tentang Harun Hassan ini bagaimana dia mudah memberikan wang kepada orang, maka begitu pula mudahnya dia mendapat wang daripada orang. Misalnya duit yang diberikan kepada saya ini. Dia melawat orang itu sakit, waktu mahu balik orang itu memberinya duit. Pada suatu waktu dia sakit, dalam keadaan demam, dia ke lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Tun Datu Patinggi Abdul Rahman Yaakub yang akan bertolak ke England. Beberapa orang yang ikut menghantar Abdul Rahman Yaakub berasa simpati dengan keadaannya yang berpeluk tubuh kerana menahan kesejukan. Mereka itu kebanyakannya terdiri daripada orang politik dan saudagar balak dari Sarawak yang isi kantungnya berat. Mereka kenal Harun sebagai sahabat baik Abdul Rahman Yaakub. Mereka pun menghulurkan sumbangan

dengan jalan memasukkan wang ke dalam saku kotnya. Percaya atau tidak, waktu sampai di rumah, sumbangan kilat yang diperoleh di lapangan terbang itu hampir 10 000 ringgit jumlahnya.

Kami bertolak ke Kuching kerana mahu menghadiri majlis perkahwinan anak gadis Abdul Rahman Yaakub, dan Harun Hassan mahu memperkenalkan saya kepada Yang Dipertua Negeri itu, sebagai orang yang akan menulis biografinya. Kami menginap di sebuah hotel Cina yang baru dibuka sebab hotel-hotel besar telah habis diborong oleh para hartawan untuk tempat orang-orang kenamaan dari luar Sarawak. Kami dengan beberapa orang tetamu lain termasuk Hassan Haji Muhammad menginap di hotel Cina itu, sementara makan dan minum kami pergi ke hotel lima bintang yang telah dikhaskan untuk tetamu kehormat. Setiap pagi, sesudah solat subuh saya akan membuat terjemahan novel *Midaq Alley* sambil menunggu kawan-kawan lain bangun tidur untuk pergi sarapan. Terjemahan yang sudah dibuat saya kirimkan pada hari itu juga melalui pos ke DBP Kuala Lumpur untuk ditaip bagi mengejar tempoh hak cipta penterjemahannya yang hanya tinggal beberapa bulan sahaja lagi. Saya telah menyelesaikan terjemahan novel *Midaq Alley* itu di Kuching. Waktu di Kuching itulah saya melihat betapa luasnya pergaulan Harun Hassan dengan orang politik. Semua orang mengenalinya, bercakap dan bergurau mesra. Ada seorang menteri telah mengundang kami makan malam kerana meraikan seorang menteri pusat yang menghadiri majlis perkahwinan itu.

Sesudah menghadiri majlis perkahwinan yang diadakan di dewan bankuasi di Bangunan Dewan Undangan Negeri, maka kami pun pulang ke Kuala Lumpur. Sejak itu saya pun mulai berulang-alik di antara Kuching dan

Kuala Lumpur bersama-sama Hassan Haji Muhammad, seorang lagi kawan baik Abdul Rahman Yaakub. Boleh dikatakan sebahagian besar masa Hassan ini dihabiskan di Kuching. Saya tidak tahu dengan pasti tugasnya tetapi setiap kali saya di Kuching, saya akan berjumpa dengannya di sana.

Apabila saya berada di Kuching dan diketahui oleh Othman Ismail, seorang pegawai kanan di Dewan Bahasa dan Pustaka, maka saya akan dibawa berjalan-jalan dan diundang makan di rumahnya dan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka pula akan mengatur ceramah kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah. Salah seorang kawan yang sangat banyak membantu saya juga bernama Hassan, Hassan Haji Hamzah. Dia bekerja sebagai editor *Sinar Sarawak* suara rasmi Parti PESAKA-Bumiputera. Hassan berasal dari Perak, pernah berkhidmat dengan Amir Enterprise sebelum datang ke Kuching.[2]

Hassan Haji Muhammad amat rapat dengan Tun Datu Patinggi Abdul Rahman Yaakub, yang kemudian dalam proses penulisan biografi ini saya menemui satu kisah yang menarik bagaimana persahabatan mereka itu bermula. Hassan Haji Muhammad orang Kelantan bersama-sama Ahmad Umar orang Terengganu telah ditunjuk oleh Tunku Abdul Rahman Putra sebagai wakil peribadinya untuk meninjau keadaan politik di Sarawak, Brunei dan Borneo Utara khususnya di kalangan orang Melayu sesudah gagasan Malaysia, yang pada masa itu lebih dikenali sebagai gagasan Melayu Raya. Gagasan ini telah diumumkan oleh Tunku secara mengejut dalam satu persidangan akhbar dengan wartawan luar negara di Hotel Adelphi Singapura. Hassan dan Ahmad Umar pada waktu itu merupakan penyokong kuat UMNO dan orang kepercayaan Tunku Abdul Rahman. Destinasi

mereka yang pertama ialah Brunei. Menurut laporan Ahmad Umar yang disampaikan kepada Tunku Abdul Rahman, Ghazali Shafie dan Nik Hassan, Hassan Haji Muhammad telah jatuh sakit sebaik sahaja sampai di negara minyak itu yang menyebabkan mereka tidak dapat berbuat apa-apa. Penyakit Hassan menjadi lebih serius sehingga mereka terpaksa bertolak ke Jesselton, Borneo Utara. Di sana Hassan diberi rawatan dan apabila beransur pulih mereka bertolak ke Kuching. Di Kuching pada masa itu sedang heboh dengan gerakan pemisahan yang lebih dikenal sebagai *Cession 1946*. Raja Brooke mahu menyerahkan Sarawak kepada Inggeris untuk dijadikan *crown colony*. Masyarakat Melayu telah berpecah dua: yang menyokong dan yang membantah. Rombongan Hassan Haji Muhammad dan Ahmad Umar telah dapat berjumpa 16 orang pemimpin Melayu Sarawak daripada kedua-dua belah kem. Pada masa itu di Sarawak telah ada beberapa parti politik dan yang terkemuka ialah Parti Negara yang dipimpin oleh Abang Mustapha dan Pergerakan Pemuda Melayu yang cukup berpengaruh sejak zaman Cession.

Antara 16 orang pemimpin Melayu yang mereka temui itu ada seorang peguam muda bernama Abdul Rahman Yaakub, yang pada masa itu menjadi *assistant attorney general*. Peguam muda ini merupakan orang yang pertama menyatakan sokongan terhadap gagasan Melayu Raya itu. Pertemuan yang pertama itu telah melahirkan satu ikatan persahabatan yang kental antara Hassan Haji Muhammad dengan Abdul Rahman Yaakub, sehingga lama sesudah Hassan pulang ke Semenanjung, perhubungan antara kedua-dua mereka masih diteruskan melalui surat-menyurat dan Hassan kemudian menjadi orang perantaraan antara kelompok Tunku Abdul Rahman Putra di Kuala Lumpur dengan

kelompok Abdul Rahman Yaakub yang menyokong gagasan Melayu Raya di Kuching.

Hassan Haji Muhammad telah lama saya kenal. Dia pernah bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai pengarang bahagian buku-buku agama, kemudian menjadi Setiausaha Kerja UMNO. Kami kemudian sama-sama bergerak dalam Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan ketika perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu sedang mencapai kemuncaknya.[3] Sekarang Hassan sudah lama keluar dari UMNO dan menjadi anggota HAMIM parti serpihan PAS. Dia kemudian menang dalam pilihan raya sebagai ahli parlimen. Walaupun Hassan Haji Muhammad dari parti HAMIM yang bukan komponen Barisan Nasional, namun Abdul Rahman Yaakub Presiden Parti PESAKA-Bumiputera Bersatu yang menjadi komponen Barisan Nasional tetap menjadi sahabatnya yang akrab. Abdul Rahman Yaakub seorang yang berfikiran terbuka dalam fahaman politik. Sahabat tetap sahabat walaupun kem politiknya berlainan. Ini tidak sahaja berlaku kepada Hassan Haji Muhammad seorang yang telah berjasa kepadanya kerana membawanya masuk berkecimpung dalam kancah politik nasional, tetapi juga kepada Ahmad Boestamam dari Parti Pekerja sesudah keluar dari Parti Rakyat. Dia dibawa sebagai penasihat politiknya sehingga Ahmad Boestamam diberi anugerah kebesaran Sarawak yang membawa gelaran Datuk. Ahmad Boestamam lalu balik bertanding dalam pilihan raya sebagai calon di Perak.

Hassan Haji Muhammad seorang yang amat sederhana hidupnya, walaupun menjadi wakil rakyat dan kawan baik Yang Dipertua Negeri. Ketika di Kuching, dia lebih senang tinggal di dalam sebuah bilik kecil di bahagian belakang Tabau Sdn. Bhd., sebuah syarikat balak kepunyaan Haji Deli Abdul Rahman, seorang har-

tawan Melayu, daripada bilik hotel mewah lima bintang yang diberikan kepadanya. Saya berkongsi bilik dengannya, kecuali apabila datang seorang diri maka barulah saya memilih tinggal di hotel Melayu yang letaknya berhampiran Masjid Jamik. Mulai awal tahun 1981, saya mulai berulang-alik dari Kuala Lumpur ke Kuching untuk mengumpulkan bahan-bahan tentang Abdul Rahman Yaakub.

Pada masa itu, di Kuching telah dibentuk sebuah jawatankuasa kecil atas inisiatif sebuah badan swasta untuk menulis biografi Abdul Rahman Yaakub dalam bahasa Inggeris. Setiausahanya Haji Muhammad Louis. Selain beberapa orang pegawai dan kerani, jawatankuasa itu juga menggunakan khidmat dua orang Inggeris yang berpengalaman dalam bidang penulisan. Kedua-dua orang ini telah menganut agama Islam dan telah menunaikan haji. Seorang berbangsa Australia, kurus dan tinggi bernama Yusuf Heaton dan seorang lagi gemuk dan berperawakan besar berbangsa Inggeris bernama Abdul Rahman Gerald de Cruz. Saya amat terkejut apabila mula-mula diperkenalkan dengan Haji Abdul Rahman kerana nama asalnya itu mengingatkan saya kepada peristiwa yang terjadi 40 tahun yang lalu di markas Parti Kebangsaan Melayu Malaya di No. 2 Jalan Tuanku Abdul Rahman. Saya baru datang dari Indonesia dalam perjalanan ke Johor Bahru untuk bertemu Kumasi Dainuri seorang sahabat pena sebelum perang.[4] Di markas itulah Dr. Burhanuddin al-Helmi memperkenalkan saya dengan seorang peguam Inggeris bernama Gerald de Cruz, ahli jawatankuasa Kesatuan Demokratik Malaya (Malayan Democratic Union). Itulah pertemuan yang pertama dan terakhir, tetapi saya tidak dapat melupainya kerana dua perkara yang cukup berkesan. Pertama, dia mengangkat tangan dengan jari-

jari tergenggam menjulang ke atas dan memekik perkataan merdeka ketika kami akan berpisah. Kedua, kerana namanya itu ada persamaan dengan nama Ketua Parti Komunis Perancis dan dengan nama seorang wartawan kawan saya di Singapura, Tony de Cruz. Paling akhir saya bertemu Tony de Cruz pada tahun 60-an di Jalan Tuanku Abdul Rahman bersama-sama isterinya seorang perempuan Cina. Dia memberitahu berita gembira bahawa dia telah memeluk agama Islam, tidak lama kemudian dia pun kembali ke rahmatullah. Dalam perbualan kemudian, Gerald de Cruz membenarkan anggapan saya. Sewaktu darurat diisytiharkan dia telah berhijrah ke England dan menetap di sana sehingga dibawa balik ke Sarawak oleh Abdul Rahman Yaakub.

Jawatankuasa ini mempunyai satu peruntukan kewangan yang besar dan telah banyak membuat penyelidikan tentang asal usul Abdul Rahman Yaakub daripada bahan-bahan tulisan peninggalan pemerintahan Raja Brooke yang terdapat dalam berbagai-bagai jurnal dan daripada maklumat orang awam. Dengan restu Abdul Rahman Yaakub, saya telah memperoleh sebahagian daripada bahan-bahan yang telah mereka kumpulkan itu yang berbentuk laporan, fotokopi daripada berbagai-bagai penerbitan tentang masa kecil Abdul Rahman Yaakub di Miri serta asal usul keluarganya yang telah belayar di dalam sebuah sekoci dari sebuah tempat di Kelantan dan kemudian bersemenda dengan satu keluarga yang ternama di Mukah. Masa kecil Abdul Rahman Yaakub penuh dengan warna-warni sebagai anak nelayan yang miskin, masa sekolahnya dan percintaannya yang pertama dengan seorang gadis Cina yang cukup menarik. Jawatankuasa yang mahu menulis biografi itu khabarnya telah mengatur rancangan akan ke Australia, Afrika Selatan dan England untuk menemu

bual orang-orang yang pernah menetap di Sarawak yang ada kaitan dengan kehidupan Abdul Rahman Yaakub. Gadis Cina yang menjadi kekasih awalnya kini bermastautin di Australia setelah berkahwin dengan seorang pensyarah dari sebuah universiti. Perpisahan mereka yang berpunca daripada salah komunikasi itu agak tragis, namun mereka masih tetap menjadi sahabat baik hingga ke hari ini walaupun sesudah Abdul Rahman Yaakub berkahwin dengan Cik Rahmah seorang gadis Cina lain yang berasal dari Negara Brunei Darussalam. Zaman persekolahan Abdul Rahman Yaakub juga ada kisahnya yang menarik. Biasiswa untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang di England yang diberikan oleh kerajaan Inggeris telah dibatalkan oleh seorang bangsawan Melayu yang berpengaruh kerana dia seorang miskin dan bukan daripada golongan "Abang".

Saya masih berulang-alik ke Kuching, tetapi kesempatan untuk mewawancara Abdul Rahman Yaakub masih belum ada kepastian. Dalam masa yang sama, saya terus menunggu berita dari Negara Brunei Darussalam. Pada minggu akhir bulan November, ada surat daripada Pengiran Badaruddin yang memberitahu dua orang pegawai kanan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei akan datang ke Kuala Lumpur sebagai wakil rasmi dalam Pertemuan Sasterawan Nusantara yang ketiga. Mereka ialah Dayang Fatimah Haji Mohd. Hussin, pegawai kanan bahasa dan Haji Mohd. Muslim Haji Burut yang lebih mesra dengan panggilan Muslim Burmat, pengarang kanan. Saya sudah mengenali mereka. Haji Muslim telah saya kenali melalui tulisannya daripada dengan orangnya.

Tawaran Kerja

Waktu menjadi editor majalah *Dewan Bahasa*, pertama

kali saya menemui cerpen yang berjudul "Buruh Minyak" di dalam laci meja di bilik Mohd. Noor Azam yang telah bertolak ke Jakarta untuk melanjutkan pelajaran di Universitas Indonesia, mengikut jejak Yahaya Ismail dan Baharuddin Zainal. Saya diarahkan mengambil alih tugas menangani majalah *Dewan Bahasa*. Saya tertarik dengan cerpen itu kerana gaya tulisannya, bahasanya yang kuat diselang-seli dengan dialek Brunei. Saya lalu menyiarkan cerpen itu, barangkali cerpennya yang pertama disiarkan di luar Brunei, kemudian bertubi-tubi datang cerpennya yang lain yang disiarkan dalam *Dewan Sastera*. Haji Muslim memang suka menulis cerpen yang panjang-panjang. Ada semacam rasa kepuasan dalam cerpen yang serupa itu. Waktu saya mula-mula sampai di Bandar Seri Begawan, Haji Muslim yang menemani saya ke sana sini sehingga akhirnya kami menjadi sahabat yang rapat.

Haji Muslim membawa surat daripada Pengiran Badaruddin yang memberitahu bahawa usahanya yang bersungguh-sungguh selama ini akhirnya telah mencapai titik penentuan. Kerajaan Brunei telah membenarkan tambahan satu jawatan lagi seperti yang saya cadangkan dahulu. Jawatan pegawai bahasa kanan. Pihak yang berkenaan meminta saya memohon jawatan itu melalui iklan yang akan disiarkan dalam akhbar tempatan. Sebagai satu usaha agar jawatan tersebut tidak jatuh kepada orang lain, maka DBP dengan jabatan perjawatan telah menyusun syarat-syarat sedemikian rupa sehingga ia cocok dengan kelayakan dan pengalaman yang saya miliki dan saya sahaja yang layak memohonnya. Bersama-sama surat tersebut telah dilampirkan draf iklan yang dimaksudkan.[5]

Memang seperti itulah pengalaman dan hasil karya yang saya miliki pada waktu itu. Novel ada 19 buah,

biografi ada empat buah, rencana ada lebih 200 buah, buku umum ada tiga buah, novel terjemahan ada enam buah.

Pada pertengahan bulan Disember telah tersiar iklan di Kuala Lumpur daripada kerajaan Brunei untuk jawatan pegawai bahasa kanan di Dewan Bahasa dan Pustaka. Keris Mas yang membaca iklan tersebut berkata kepada saya, "Hanya kau seorang saja yang layak memohon jawatan ini."

Bersama-sama surat itu dikirimkan juga borang **Permohonan untuk Berkhidmat dengan Kerajaan Brunei** untuk saya isikan. Walaupun borang yang sama pernah saya terima beberapa kali daripada Pehin Jamil dahulu tetapi saya tidak pernah mengisinya maka tidak timbul masalah. Sekali ini situasinya sudah berlainan. Saya menjadi bingung melihat perkara-perkara yang dikehendaki dalam borang tersebut, misalnya tentang ijazah. Saya tidak pernah memiliki ijazah apa pun juga malah surat *leaving certificate* yang saya terima daripada Anglo-Chinese School, Alor Setar itu pun telah hilang entah ke mana waktu saya di Pulau Pinang sebelum Perang Dunia Kedua lagi.

Dalam suratnya yang bertarikh 15 Disember, iaitu sehari sesudah iklan itu disiarkan, Pengiran Badaruddin mulai merasa gundah kalau-kalau saya terlambat membuat permohonan. Dia takut tarikh tutup pada 23 Januari itu terlimpas. Dia meminta saya mengisi borang itu segera dan membuat fotokopi serta dikirimkan satu salinan kepadanya untuk memastikan bahawa borang tersebut sampai kepada pengarah perjawatan. Dia mahukan saya dilantik menjadi Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera dengan secepat mungkin.

Saya telah mengisikan borang itu seada-adanya sahaja. Banyak ruangan yang terpaksa saya tulis dengan

perkataan "tidak berkenaan", kerana tidak ada maklumat yang dapat saya berikan. Borang itu pun saya kirimkan seperti yang dikehendaki.

Sekembalinya dari Kuching pada petang Jumaat 5 Mac, di rumah saya telah ada surat daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang ditulis dalam bahasa Inggeris meminta saya datang ke Hotel Regent, Kuala Lumpur (Hotel Parkroyal sekarang) pada 17 Mac jam 10.30 pagi untuk ditemu duga. Sesudah mengesahkan tentang kehadiran saya, datang panggilan daripada Abdul Rahman Yaakub mempelawa saya mengikuti rombongannya ke Santubong dengan kapal Seri Sarawak pada 12 hingga 14 Mac. Saya diminta datang ke Kuching paling lewat pada 10 atau 11 Mac. Abdul Rahman sudah ada sedikit masa lapang. Saya boleh membuat temu ramah dengannya dalam satu pelayaran bersantai ke Santubong dengan kapal Seri Sarawak. Saya tergesa-gesa menempah tiket dan bertolak ke Kuching pada pagi Jumaat. Hassan Haji Muhammad telah menunggu di Lapangan Terbang Kuching dan terus membawa saya ke pangkalan untuk menyimpan beg di atas kapal yang sedang berlabuh di Sungai Sarawak. Kami disuruh berkumpul sesudah solat Jumaat. Saya tidak berkata apa-apa ketika Hassan Haji Muhammad berkata, "Kita akan tidur di atas kapal malam ini."

Kapal Seri Sarawak ialah sebuah kapal pelesiran yang sederhana besarnya. Saya mendapat sebuah kabin yang dilengkapi tuala dan sabun seperti di bilik hotel, cuma agak kecil yang hanya cukup untuk seorang sahaja, namun agak selesa juga. Selain beberapa orang pembesar negeri termasuk kedua-dua orang Inggeris yang telah saya sebutkan, ada serombongan murid Melayu daripada salah sebuah sekolah menengah di bandar Kuching yang dibawa bersama. Hampir waktu asar

barulah kapal itu mulai bergerak, iaitu sebaik sahaja Abdul Rahman Yaakub dengan para pengiringnya berada di atas kapal. Pergerakan kapal itu terlalu lambat, menjelang maghrib bandar Kuching masih belum dapat dilimpasi. Semua penumpang bersolat maghrib di atas dek yang luas dengan diimami oleh Abdul Rahman Yaakub sendiri. Makan malam diadakan dalam satu ruang makan yang sederhana besar, duduk berkeliling pada sebuah meja bundar. Saya disuruh duduk di sebelah kiri Abdul Rahman Yaakub. Pada waktu makan itulah Abdul Rahman Yaakub bercerita tentang kisah hidupnya semasa kecil. Saat dia dilahirkan, seekor rusa liar berada di bawah rumah bertepatan dengan tempat ibunya berbaring. Rusa itu membiarkan dirinya ditangkap dan dikurung, tetapi kemudian dilepaskan oleh bapa Abdul Rahman Yaakub di hutan berhampiran kuala. Saya meletakkan perakam suara di hadapannya, tetapi suaranya sering ditenggelami oleh bunyi enjin kapal. Masa makan itu cukup lama dan saya menjadi terlalu kekok sebab segala lauk-pauk yang enak-enak termasuk *lobster*, dilonggokkan oleh Abdul Rahman Yaakub ke dalam pinggan saya sementara dia hanya memakan ikan asin dan sedikit lauk-lauk yang lain.

Ada sekali dalam masa dia sedang bercakap itu dicelahi oleh Yusuf Heaton dengan suatu pertanyaan yang menimbulkan kegusaran Abdul Rahman Yaakub. "Saya sedang bercakap dengan Abdullah. Dia mahu tahu kisah saya waktu kecil," katanya dengan suara agak kuat. "*You*, tunggu dulu."

Saya kasihan melihat orang putih itu terkulat-kulat dan air mukanya berubah. Saya khuatir dia tersinggung dan kemudian tidak mahu membantu saya lagi dengan bahan-bahan yang ada padanya. Kekhuatiran saya itu kemudian ternyata benar kerana sesudah solat isyak dia

mengelak daripada bercakap-cakap dengan saya. Sekali lagi Abdul Rahman Yaakub menjadi imam solat isyak. Selesai solat, beliau menyuruh murid-murid sekolah menengah itu duduk dalam satu bulatan mengelilinginya. Dia bercakap dengan murid-murid sekolah tersebut tentang pelajaran, disiplin melalui cerita tentang zaman persekolahannya dahulu. Pertemuan itu diakhiri dengan sesi soal jawab. Berbagai-bagai pertanyaan yang dikemukakan oleh para pelajar itu tidak sahaja yang berkaitan pelajaran, tetapi juga tentang politik dan pemerintahan yang sesetengahnya amat sensitif. Semuanya dijawab dengan baik.

Kapal Seri Sarawak itu belayar terlalu perlahan, hampir menjelang subuh baru sampai di Kuala Santubong. Dalam samar-samar subuh itu saya memandang ke puncak Gunung Santubong yang seperti tanduk itu yang sedang diliputi kabus pagi tebal seperti puteri yang menyembunyikan wajahnya di balik selendang putih. Hassan Haji Muhammad mengimami solat subuh kerana Abdul Rahman Yaakub tidak muncul-muncul setelah beberapa minit kami menunggu. Malam itu sebenarnya kami semua tidur agak lambat kerana bersembang panjang. Sesudah sarapan, saya turun ke darat bersama-sama Hassan Haji Muhammad. Kami tidak ikut balik dengan kapal itu kerana kami bercadang akan menginap satu malam lagi di rumah persinggahan Kuala Santubong bersama-sama para kader dari BINA (Angkatan Nahdatul Islam Bersatu) yang sedang berkhemah di sana.

Siang itu Haji Deli datang dari Kuching dengan sebuah motobot laju bersama-sama adiknya Abdul Jalil. Dia lalu mengajak saya dan Hassan ikut serta. Tanpa berfikir panjang kami pun menaiki motobot tersebut yang kemudian dipandu dengan laju membelah ombak

menentang arus air pasang di kuala sungai. Tali perut kami yang duduk di buritan itu sebentar-sebentar naik ke kerongkongan, bagai mahu putus apabila buritannya terhempas sesudah melonjak tinggi dilambung kepala ombak. Haji Deli dan adiknya yang duduk di bahagian haluan macam biasa sahaja, mereka tidak berapa terasa kesannya sebab haluannya terjongket hampir tidak pernah mencecah air. Dibawanya motobot itu sampai jauh ke tengah laut melewati Pulau Talang-Talang yang menjadi tempat penyu bertelur di Sarawak, sehingga garis pantai kelihatan berbalam-balam. Jauh di sebelah selatan sudah jelas kelihatan Tanjung Datu, di sebalik tanjung itu terletak Sambas. Ada kira-kira satu jam lamanya kami dilambung-lambung dalam motobot itu sebelum kembali semula ke pantai Kuala Santubong. Saya merasa bersyukur kerana sudah terlepas daripada seksaan perasaan yang cukup mencabar itu dan apabila sampai di rumah persinggahan, seluruh anggota tubuh terasa sakit, saya terus merebahkan diri keletihan di tempat tidur sehingga hampir terlepas makan tengah hari dan tidak sempat berjalan melihat keadaan di kuala gunung yang menjadi legenda terkenal tentang seorang wanita yang sedang merindu. Gunung itu kini menjadi pintu gerbang memasuki Kuching dari laut. Saya hanya sempat melihat keadaan di sekitar rumah persinggahan itu sahaja kerana hari sudah di ambang maghrib. Pada malam itu pihak penyelenggara khemah kerja BINA telah mengadakan majlis ceramah dengan mengundang Hassan sebagai penceramahnya. Saya mereka simpan untuk kuliah subuh pada pagi berikutnya. Walaupun seumur hidup saya belum pernah memberi kuliah subuh serupa itu kerana sedar akan pengetahuan agama saya yang tersangat cetek, tetapi apabila sudah tercabar secara mendadak mahu tidak mahu seperti kata peribahasa

Melayu, tiada rotan maka akar pun berguna juga, maka saya pun terimalah tugas tersebut dengan perasaan yang penuh bimbang. Pagi esoknya sesudah solat subuh yang diimami oleh Hassan, maka saya pun bangun bercakap kepada para peserta khemah kerja itu yang terdiri daripada kira-kira 50 orang pemuda. Saya bercakap tentang disiplin diri dalam bekerja dan dalam beribadat dengan tambahan rempah-ratus yang saya petik daripada buku-buku yang pernah saya baca.

Sesudah sarapan kami pun bersiap-siap untuk pulang ke Kuching dengan menaiki bot biasa. Di dalam bot itu saya duduk di sebelah pengelola khemah kerja BINA. Dia memberitahu bahawa kuliah saya tadi mendapat sambutan baik daripada para peserta dan meminta agar saya dapat datang memberi ceramah ataupun kuliah subuh pada khemah kerja yang akan datang. Saya agak terperanjat mendengarnya kerana ceramah saya yang melilau kian ke mari serupa itu rupa-rupanya ada juga faedahnya. Syukur ke hadrat Allah s.w.t.

Itulah satu-satunya kesempatan saya bertemu Abdul Rahman Yaakub. Pertemuan yang boleh dianggap sebagai satu temu ramah, sesudah itu saya tidak berpeluang secara berhadap-hadapan begitu.

Saya, Hassan Haji Muhammad dan Haji Deli pernah ke rumah Datu Patinggi di Petra Jaya, tetapi tidak berkesempatan untuk bercakap dengan selesa kerana sering diganggu oleh panggilan telefon dan oleh kedatangan tetamu yang tidak pernah jeda.

Saya merasa sangat gembira dengan pertemuan di atas kapal Seri Sarawak itu tanpa menyedari bahawa sebahagian besar daripada percakapan kami tidak terakam dengan sempurna. Keadaan ini disebabkan oleh masalah teknikal yang kurang saya fahami. Alat perakam itu milik Harun Hassan yang baru pertama

kali saya gunakan. Namun demikian, agak tertolong juga apabila sebahagian daripada soal jawab dan ceramah Abdul Rahman Yaakub waktu di atas kapal itu masih segar dalam ingatan saya berkat daripada pengalaman menjadi wartawan pada zaman sebelum dan sesudah perang. Pada waktu itu belum ada alat perakam. Saya menulis biografi itu ketika saya sudah berada di Bandar Seri Begawan.

Temu Duga

Pagi-pagi lagi saya sudah keluar dari rumah, mengambil bas ke Kuala Lumpur, turun di stesen bas berhampiran Jalan Bandar dan dari situ dengan menaiki teksi ke Hotel Regent di Jalan Sultan Ismail. Saya sampai agak awal daripada waktu yang ditetapkan. Sesudah memastikan bilik tempat temu duga itu akan diadakan, saya pergi mencari surat khabar untuk memenuhi masa terluang yang hampir satu jam lamanya itu. Saya membeli *The New Straits Times* lalu duduk di kerusi yang dibina di sekeliling sebatang tiang di ruang lobi menghadap pintu lif. Ada seorang lelaki muda kurus tinggi keluar dari lif itu. Dia berjalan terus menuju ke kaunter, tetapi tiba-tiba berpatah balik dan menghampiri saya.

"Tuan Haji Abdullah Hussain?" Dia bertanya.

"Saya," saya mendongak memandang mukanya.

Dia lalu memperkenalkan dirinya sebagai Awang Hamzah, setiausaha panel temu duga dan mengajak saya mengikutnya ke atas. Kami memasuki sebuah bilik. Saya melihat di dalam bilik itu ada seorang Cina berbadan gemuk sedang duduk menghadapi sebuah fail yang terbuka di hadapannya. Hanya dia seorang sahaja di dalam bilik tersebut.

Hamzah memberitahu bahawa orang Cina itulah

yang akan menemu duga saya. Dia seorang Dato'. Dia mengangkat kepalanya memandang kami yang sedang berjalan menuju ke mejanya.

"Dato'," kata Awang Hamzah. "Tuan Haji Abdullah Hussain."

Dia memandang saya dari kepala hingga ke hujung kaki. Ada tanda-tanda hairan dalam anak matanya itu. Saya segera dapat menangkap perkara yang menjadi objek kehairanannya. Saya datang hanya berlenggang kangkung tanpa membawa fail atau sampul yang tebal seperti kebiasaan kebanyakan orang yang mahu ditemu duga. Pada saya hanya ada senaskhah surat khabar *The New Straits Times* yang berlipat. Dia lalu mempersilakan saya duduk di kerusi di hadapan mejanya itu. Saya duduk sambil meletakkan surat khabar itu di sebelah kiri dan melihat fail yang sedang terbuka di hadapannya. Saya kenal tulisan tangan saya pada borang permohonan kerja yang ada dalam fail tersebut. Sesudah saya duduk, dia kembali menundukkan kepala membaca catatan yang tertulis dalam borang itu.

"Sekolah," tiba-tiba sahaja perkataan itu meluncur keluar dari mulutnya yang kedengaran seperti satu pertanyaan.

"Hanya itulah saja sekolah saya. Jikalau Dato' tanya tentang ijazah atau diploma, saya minta maaf. Saya tidak punya kertas apa pun juga."

Dia seperti terkesima sejurus lamanya. Dia tidak bertanya apa-apa lagi, tetapi tunduk membaca catatan yang saya tulis, kemudian berkata tanpa memandang ke muka saya. "Kali ini tuan haji mesti datang ke Brunei."

Saya agak hairan kenapa dia berkata begitu. Apakah dia tahu tentang peristiwa saya membatalkan temu duga dengan Dato' Jamil yang mahu mengambil saya bekerja dengan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei beberapa

tahun yang lalu? Setelah melihat saya diam, dia lalu mengeluarkan beberapa helai kertas dari fail itu.

"Saya mahu tuan haji menjawab pertanyaan-pertanyaan yang saya baca ini," katanya.

Dia lalu membaca dengan tersangkut-sangkut pertanyaan yang tertulis pada kertas itu. Dan saya menjawabnya dengan lancar. Saya mulai mengesyaki bahawa pertanyaan-pertanyaan itu telah disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada masa itu saya teringat kembali akan kata-kata Keris Mas yang membuat komen ketika iklan Dewan Bahasa dan Pustaka Negara Brunei Darussalam baru diiklankan dahulu.

"Nampak sekali yang mereka itu mahukan kaupergi ke sana. Orang lain tak ada peluang untuk memohonnya."

Kata-katanya itu memang benar. Mereka mahukan orang yang sudah sekian tahun terlibat dalam bidang kesusasteraan, sudah menulis sekian banyak novel, sudah buat sekian banyak terjemahan, sudah menulis biografi, ada sekian banyak cerpen dan ada sekian banyak rencana. Angka-angka yang dicatat di situ menepati angka-angka yang ada pada saya.

Apabila melihat Dato' itu membaca tergagap-gagap seperti itu, terfikir oleh saya lebih baik jikalau saya dapat menulisnya pada sekeping kertas yang lain, tidak sahaja boleh dibaca oleh Dato' itu tetapi juga oleh pihak yang menyediakan pertanyaan-pertanyaan tersebut khasnya pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Negara Brunei Darussalam. Saya tidak fikir Dato' itu tahu betul atau tidak jawapan saya kerana bukan bidangnya dan soalan-soalan itu disediakan oleh orang lain. Saya lalu memberanikan diri berkata, "Saya fikir kalau Dato' bersetuju saya tuliskan saja jawapannya pada sekeping kertas yang lain."

Memang dia sangat bersetuju. Mukanya berseri-seri.

Dia lalu menyerahkan kertas soalan itu kepada saya dan menyuruh Awang Hamzah memberikan beberapa helai kertas kosong. Saya pun menulis jawapan itu di hadapannya. Tiba-tiba masuk seorang India.

Dato' itu meminta saya pindah ke sebuah meja lain yang terletak tidak jauh di sebelah kanannya.

"Boleh tuan haji pindah menulis di meja itu," katanya. "Saya mahu *interview* orang ini."

Saya pun pindah ke meja sebelah dan terus menjawab semua soalan yang tertera pada kertas itu. Tidak sampai sepuluh minit semuanya selesai. Saya serahkan jawapan itu kepada Dato' tersebut yang sedang menemu duga orang India itu untuk satu jawatan di Lembaga Elektrik Brunei. Saya berjabat salam dengannya dan juga dengan Awang Hamzah.

"Tuan haji mesti datang ke Brunei, jangan tidak-tidak," kata Dato' itu sebelum saya meninggalkan bilik temu duga itu. Kata-katanya itu seolah-olah bermaksud saya sudah diterima bekerja, tetapi saya hanya menganggukkan kepala dan memberikan senyuman.

Itulah kali kedua saya menghadapi temu duga di sepanjang kerjaya saya, kedua-duanya dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Satu di Malaysia dan satu lagi di Brunei Darussalam. Kedua-duanya berlangsung dalam masa beberapa minit sahaja.

Kesihatan

Tiga bulan sesudah temu duga itu, datang surat daripada pengarah perjawatan yang menawarkan jawatan pegawai bahasa kanan di Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei kepada saya dengan tangga gaji B3 dengan ikatan kontrak selama tiga tahun. Tangga gaji B3 ini biasanya ditawarkan kepada calon-calon yang mem-

punyai ijazah sarjana atau paling tidak ijazah sarjana muda dengan beberapa tahun pengalaman bekerja ataupun kepada pegawai yang paling kanan yang telah berpuluh tahun berkhidmat dalam bidang yang berkenaan. Yang terakhir ini boleh dikatakan agak jarang berlaku kerana apabila berlaku kekosongan maka ia akan segera diisi oleh pegawai yang berijazah. Oleh sebab jawatan ini agak tinggi, maka kemudahan tambang pesawat kelas pertama akan diberikan kepada saya dan isteri dengan tiga orang anak yang berumur di bawah 18 tahun untuk datang ke Brunei. Tambang yang sama akan diberikan kepada orang yang sama untuk pulang ke negara asal apabila telah tamat kontrak. Selain itu ada pula kemudahan tambahan lain seperti cuti, elaun cuti tempatan, elaun untuk anak-anak yang bersekolah, rumah yang dalam kurungan ditulis (jika ada) dengan perabotnya sekali akan diberikan dan dikenakan sewa sebanyak 10 peratus. Dalam surat itu ditulis mungkin pada permulaannya saya dikehendaki tinggal di hotel. Baksis pada akhir perkhidmatan ialah 25 peratus dikira daripada gaji akhir untuk tiap-tiap bulan genap berkhidmat. Tetapi semua ini tertakluk kepada kelulusan pemeriksaan kesihatan. Syarat lain, saya mesti mempunyai surat kebenaran untuk masuk semula ke negara asal.

Sekarang yang menjadi masalah ialah saya memerlukan surat pemeriksaan kesihatan, satu hal yang belum pernah saya lakukan kecuali sewaktu menunaikan haji.

Ketika saya memikirkan masalah pemeriksaan kesihatan itu, terbayang dalam ingatan peristiwa 40 tahun lalu, iaitu pada zaman pemerintahan Jepun ketika saya bertugas di Indonesia. Mungkin kerana pada masa itu negara berada dalam keadaan darurat, maka untuk bekerja sebagai pegawai di pejabat pemerintah tidak ada pemeriksaan kesihatan. Saya dilantik sebagai pega-

wai *gunseikanbu*, iaitu pejabat gubernor militer dan kemudian dipindahkan ke pejabat kepolisian sebagai inspektor polis. Tidak ada pemeriksaan kesihatan dilakukan walaupun dalam jabatan kepolisian hal itu sangat-sangat diperlukan. Pegawai polis mestilah orang yang sihat, bertubuh tegap kerana pekerjaan itu amat mencabar ketangkasan dan kesihatan fizikal dan mental seseorang. Begitu juga apabila Indonesia merdeka, saya hanya melalui upacara mengangkat sumpah jabatan dengan memegang al-Qur'an waktu dilantik sebagai Wedana Langsa dan kemudian sebagai Kepala Polis Sabang.

Pada zaman pemerintahan Jepun, boleh dikatakan tidak ada langsung pemeriksaan kesihatan. Namun, bagi mereka yang akan memasuki perkhidmatan tentera rakyat yang dipanggil *giyu-gun* dan polis khas *tokubetsu*, dimestikan melalui satu pemeriksaan kesihatan yang cukup teliti. Hal ini telah saya saksikan sendiri ketika menghadiri satu sesi pengambilan rekrut baru *giyu-gun*. Para calon yang terdiri daripada anak-anak muda berusia antara 18–25 tahun telah diperiksa oleh sepasukan doktor Jepun. Mereka disuruh menanggalkan kesemua pakaiannya sehingga telanjang bulat, lalu diukur ketinggian tubuh, bidang dada, diperiksa mata, telinga, hidung, tekak, jantung dan akhir sekali air kencing dan najis pada waktu itu juga. Yang anehnya, kesemua calon itu masuk ke dalam satu bilik air dan menunggu gilirannya untuk kencing dan berak sehingga timbullah kejadian yang melucukan apabila ada calon yang kerana kuatnya darah gemuruh tidak sahaja tidak dapat berak tetapi juga tidak dapat kencing lalu meminta bantuan air kencing dan najis daripada kawan-kawannya. Kejadian yang hampir sama juga saya alami sewaktu akan bertolak ke Singapura kerana mahu memasuki *Syonan Koa Kunrenzyo*.[6]

Pemeriksaan kesihatan yang dilakukan bagi tujuan menunaikan rukun Islam kelima agak berbeza sedikit. Pemeriksaan ini lebih ditumpukan kepada penyakit-penyakit yang kronik seperti jantung, kencing manis dan darah tinggi dan penyakit-penyakit yang berjangkit kerana penyakit-penyakit ini akan menjadi halangan yang besar kepada seseorang menunaikan haji kerana rutinnya amat meletihkan.

Itulah pemeriksaan kesihatan yang pernah saya alami dan bagaimana pula dengan pemeriksaan kesihatan untuk hal ini? Di mana harus saya lakukan? Biasanya pemeriksaan kesihatan yang bersangkutan urusan kerajaan dilakukan di hospital kerajaan atau separuh kerajaan yang diiktiraf. Di semua hospital kerajaan tidak boleh dibuat janji temu, kita hanya mendapat rawatan yang biasanya mengikut nombor giliran. Saya selalu tidak tahan dengan kerja menunggu seperti ini. Memang benar seperti kata seorang abang sepupu saya bahawa menunggu itu satu pekerjaan yang paling susah walaupun hanya sebentar. Boleh jadi inilah salah satu sebab mengapa saya secara peribadi tidak pernah berurusan dengan hospital.

Tidak jauh dari kawasan rumah saya yang terletak di Seksyen 17 Petaling Jaya, terletak Hospital Universiti, hospital milik kerajaan. Manakala di Jalan Templer berhampiran Petaling Jaya Old Town ada Hospital Assunta. Tiga orang anak saya dilahirkan di Hospital Assunta sewaktu saya berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka, seorang di Hospital Besar Kuala Lumpur dan seorang lagi di Hospital Universiti. Serba sedikit saya mempunyai pengalaman dengan ketiga-tiga hospital ini dan tahulah akan kelebihan dan kekurangannya. Tetapi dalam soal pemeriksaan kesihatan yang dikehendaki oleh kerajaan Brunei, tidak disebutkan yang saya mesti

mendapat surat itu daripada hospital kerajaan, maka saya pun pergi ke sebuah klinik swasta berhampiran rumah. Saya tunjukkan surat dari Brunei itu. Saya sudah biasa berurusan dengan doktor di klinik itu apabila ada ahli keluarga yang sakit dan tidak sempat ke klinik panel Dewan Bahasa dan Pustaka. Doktor itu tidak berkata apa-apa, dia terus sahaja melakukan pemeriksaan seperti yang sepatutnya dan menyuruh saya ke sebuah klinik lain di New Town untuk pemeriksaan x-ray. Tiga hari kemudian saya telah menerima surat keterangan bahawa saya "*medically fit for employment*" dan dilampirkan bersama-sama filem x-ray berserta laporannya. Kedua-duanya itu saya kirimkan ke Brunei dengan iringan doa agar laporan tersebut dapat diterima.

Dari segi kesihatan, ada antara kawan-kawan yang sudah lama tidak berjumpa, mengatakan yang saya ini tidak banyak berubah. Macam dahulu juga. Dan dengan berseloroh mereka bertanya, "Ada memakaikah?"

Saya faham dengan maksud pertanyaan itu. Mereka mahu tahu ilmu atau petua apa yang saya amalkan sehingga selalu kelihatan awet muda. Maka dengan cara berseloroh pula saya menjawab, "Mesti ada pakai. Jika tidak tentu semua orang lari."

Datuk Seri Anwar Ibrahim, bekas Timbalan Perdana Menteri pun bertanyakan hal yang sama ketika saya naik ke atas pentas di Dewan Nirwana, Hotel Hilton untuk menerima hadiah Peraduan Menulis Novel Nasional anjuran Utusan Melayu-Public Bank.

Apabila diajukan pertanyaan serupa itu, saya terus teringat kepada sebuah filem Hollywood yang berjudul "*She*" yang pernah saya tonton waktu masih bersekolah di Anglo-Chinese School Alor Setar. "*She*", seorang perempuan yang sudah berumur beratus atau beribu tahun tetapi kelihatan masih muda jelita. Saya sudah

lupa jalan ceritanya tetapi di akhir cerita itu, ketika "*She*" hancur berkecai apabila dia sedar akan dirinya yang sudah tua bangka. Apakah saya akan berkecai seperti itu apabila menyedari bahawa saya ini sebenarnya sudah tua bangka kerana selama ini dibuai oleh pujian yang mengatakan saya masih tidak berubah.

Sebenarnya amalan saya cuma bersenam sahaja. Saya tidak ber*jogging*, tidak juga berolahraga atau bermain sesuatu permainan padang, walaupun ketika bersekolah dahulu saya suka bermain bola dan waktu di Singapura pula saya cuba bermain tenis. Tetapi semua itu sudah saya tinggalkan kerana olahraga menuntut waktu dan kadang-kadang bergantung kepada keadaan cuaca. Bersenam boleh dilakukan di dalam rumah dan jika cuacanya baik di luar rumah. Jadi, ia lebih konsisten dan hal ini baik bagi mengawal anggota tubuh kita supaya keadaannya selalu berada pada takat yang sama, tidak tinggi, tidak rendah, tidak lebih dan tidak kurang. Saya melakukan senaman ini dengan tetap setiap hari, biasanya sebaik sahaja selesai solat subuh di tempat solat itu juga, tidak payah keluar rumah, kira-kira sepuluh minit lamanya. Semasa melakukan senaman itu, saya lebih suka membuka pintu dan tingkap supaya udara pagi yang masih bersih dan segar itu masuk beredar di dalam bilik dan memudahkan untuk membuat tarikan nafas pada bahagian akhir senaman. Jikalau berpergian ke sesuatu tempat, perkara pertama saya lakukan ketika memasuki bilik penginapan ialah memeriksa tingkap-nya, boleh dibuka atau tidak. Malangnya kebanyakan hotel besar sekarang ini terutama di tingkat yang tinggi, menutup mati cermin tingkapnya demi keselamatan. Di tempat yang tinggi itulah sebaik-baik tempat untuk kita menghirup udara bersih selain di laut, di tepi pantai dan di daerah pergunungan. Ramai orang kaya yang

menyewa kapal terbang atau helikopter hanya untuk menghirup udara bersih di atas.

Orang Jepun menamakan senaman yang saya buat ini *radio-taiso* yakni senaman radio. Senaman ini pada masa pemerintahan Jepun dahulu biasa dilakukan pada waktu pagi sesudah upacara menaikkan bendera oleh semua pegawai pejabat sebelum masuk bertugas. Senaman dipimpin oleh seorang ketua mengikut lagu yang disiarkan melalui radio. *Radio-taiso* mempunyai dua bahagian, tetapi yang saya ingat hanya bahagian pertama sahaja yang pergerakannya berlaku di bahagian atas tubuh. Saya lalu menambahkan dengan beberapa pergerakan lain yang meliputi bahagian bawah tubuh termasuk berdiri dengan kepala. Alhamdulillah sejak saya mengamalkan senaman itu saya tidak pernah mengalami gangguan kesihatan yang serius kecuali selesema yang sampai pada satu ketika merupakan sahabat yang sangat mesra.

Kesihatan fizikal sebenarnya mempunyai kaitan rapat dengan kesihatan batin. Ada orang yang hanya mengambil berat tentang kesihatan tubuh, lebih-lebih lagi pada zaman mutakhir ini dengan berbagai-bagai jenis ubat dan alat penjagaan kesihatan. Namun masih ramai yang sakit dengan berbagai-bagai jenis penyakit sehingga ada penyakit yang tidak ada penawarnya. Keadaan ini seolah-olah ada semacam perlumbaan antara usaha mencari kesihatan dengan penyakit yang sedang menunggu peluang untuk menyerang dan kemudian ternyata penyakit itu juga yang menang. Kesihatan tubuh harus ada perimbangan antara fizikal dan batin yang bersih. Batin kita harus selalu dicuci daripada segala kekaratan dunia seperti hasad dengki, iri hati, tamak haloba, waswas, prasangka dan sebagainya. Penyucian batin ini bagi orang Islam ialah melalui

amal ibadat, solat dan zikir serta membaca al-Qur'an setiap hari seberapa yang dapat, dengan hati yang ikhlas. Semua amalan ini jika dilakukan secara sederhana akan mendatangkan ketenteraman jiwa. Ketenteraman itu akan melahirkan keceriaan pada wajah dan keceriaan itu pula penyumbang utama kepada kesihatan fizikal.

Saya bukan tidak pernah sakit. Penyakit yang agak berat pernah saya alami ketika tinggal di Pulau Pinang dan setelah lima bulan berada di Brunei Darussalam. Ini akan saya ceritakan kemudian.

Penyakit-penyakit ringan seperti pening kepala dan demam selalu juga saya alami. Selesema yang saya hidapi dua tiga bulan sekali ialah akibat perubahan udara atau terkena hujan. Biasanya ia bermula dengan rasa perit tekak, yang kemudiannya menjadi lebih teruk apabila saya degil tidak mahu berjumpa doktor. Penyakit ini tidak mudah sembuh. Semakin meningkat umur, semakin sukar jadinya apabila daya tahan tubuh kita semakin lemah. Waktu di Brunei, sesudah mendapat ubat daripada doktor, saya akan tidur berselimut selama satu hari satu malam sehingga bermandi peluh, tanpa mandi. Hari ketiga sudah sembuh dan boleh kembali bekerja seperti biasa.

Penyakit pening kepala itulah yang paling mengganggu sejak zaman muda dan menjadi semakin parah apabila saya berpindah ke Kuala Lumpur. Kepala menjadi terlalu berat dan denyutan sakitnya menyebabkan urat-urat kepala timbul. Berbagai-bagai ubat telah saya makan daripada Aspro yang terkenal sejak sebelum perang hingga kepada Panadol sekarang ini, tetapi ubat-ubat itu akhirnya macam tidak memberikan apa-apa kesan lagi, sudah kalis dengan penyakit itu. Saya ubah kepada ubat yang lain yang lebih kuat atas nasihat doktor walaupun agak menolong, tetapi kesannya sebentar

sahaja. Apabila datang serangan maka bahagian yang paling sakit selain kedua-dua belah kepala ialah di kedua-dua belah bahu dan di tengkuk. Pada waktu itu saya bukan sahaja tidak boleh berfikir dengan baik malah tubuh juga cepat menjadi lemah. Ketika itu saya seperti mahu melakukan apa sahaja untuk mengatasinya. Saya teringat akan satu peristiwa, waktu itu saya bekerja dengan Franklin Book Program di Jalan Sungai Besi. Tiba-tiba sahaja pada pagi itu saya diserang sakit kepala yang amat sangat. Saya menjadi panik tidak tahu bagaimana mahu mengatasinya. Sakitnya berpusat di sekitar tengkuk dan bahu. Entah bagaimana puncanya saya tiba-tiba teringat akan tabib urut yang iklannya selalu tersiar di surat khabar Melayu. Saya terus berkejar ke Jalan Chow Kit mencari hotel tempat tabib itu beroperasi. Dengan harapan dia dapat menolong menyembuhkannya. Tabib itu sedang turun tangga waktu saya sampai.

"Pak tabibkah?" tanya saya kerana selalu melihat gambarnya dalam akhbar.

"Mau mengurut?"

"Ya. Kepala saya terlalu sakit," ujar saya yang membuat dia tergamam sejurus lamanya di atas tangga itu. Saya tidak tahu kenapa dia seperti tidak berminat.

Akhirnya dia mengajak saya naik ke biliknya dan menyuruh saya membuka baju. Mula-mula dia menyapu sejenis minyak di bahu dan di tengkuk. Dia memicit-micit kepala saya dan mengurut tengkuk dan bahu. Kemudian dia menyuruh saya meniarap dan mulai mengurut kedua-dua bahu saya dengan agak kuat. Setelah itu dia meletakkan beberapa helai daun sirih, dibiarkan di bahu ini beberapa minit lamanya seperti mahu menarik keluar penyakit itu dari situ. Apabila daun sirih itu diangkat, kepala saya menjadi ringan, sakit tengkuk

dan bahu itu pun ikut hilang. Waktu saya menceritakan hal ini kepada kawan-kawan, mereka semua mentertawakan saya kerana tabib itu mengurut perkara yang lain.

BSB Saya Datang

Seminggu sesudah saya mengirimkan sijil kesihatan berserta dengan laporan x-ray, Pejabat Perjawatan Negara Brunei telah mengirimkan arahan kepada Pejabat Pesuruhjaya Tinggi di Kuala Lumpur supaya mengurus perjalanan saya ke Bandar Seri Begawan. Saya terpaksa berangkat seorang diri lebih dulu. Isteri saya tidak ikut bersama kerana masih bertugas di Kedutaan Besar Republik Indonesia. Tiga orang anak masih bersekolah, seorang di Maktab Rendah Sains MARA, Kuantan dan dua orang di Sekolah Rendah Sri Petaling, dua lagi masih kecil. Walaupun tidak disebutkan tarikh saya mesti melaporkan diri, tetapi saya bercadang mahu memulakan tugas pada 1 Julai 1982, tepat pada pertengahan tahun. Saya lalu memberitahu Pengiran Badaruddin bahawa saya akan bertolak ke Brunei pada petang 29 Jun 1982 dan meminta supaya ada orang yang menunggu di lapangan terbang. Hari itu ialah hari yang ketujuh orang Islam di Malaysia dan mungkin juga di Brunei menjalani ibadah puasa.

Penerbangan dengan Royal Brunei dari Kuala Lumpur memakan masa kira-kira dua jam. Dalam penerbangan itu penumpang di kelas pertama hanya dua orang sahaja. Maka saya ikut mendapat layanan istimewa. Saya hanya melihat sahaja makanan dan minuman mewah yang dihidangkan sambil mengangkat tangan memberi isyarat bahawa saya sedang berpuasa. Di Lapangan Terbang Berakas, Haji Muslim Burmat sudah menunggu. Sebaik sahaja selesai urusan imigresen dan

kastam, saya cepat-cepat dibawa ke motokarnya kerana masa berbuka sudah hampir tiba. Apabila berdiri di tempat letak kereta di luar bangunan lapangan terbang dalam cuaca yang taram-temaram, sambil memandang sekeliling saya berkata dalam hati, di bumi inilah saya akan berada mulai saat ini untuk beberapa tahun lamanya, mudah-mudahan Allah s.w.t. memberi berkat dan pertolongan kepada saya. Dalam masa memandu motokarnya di Jalan Berakas menuju ke pusat bandar, Haji Muslim menyerahkan satu borang kosong kepada saya.

"Ini borang permohonan untuk mendapatkan pinjaman membeli kenderaan," katanya.

"Cepat sekali," kata saya agak hairan.

"Bapak mesti ada kenderaan," jawabnya. Dia selalu membahasakan saya dengan panggilan "bapak" sejak kami mula berkenalan setahun yang lalu. "Di Brunei ini kalau tidak ada kenderaan kita seperti patah kaki."

Saya sebenarnya belum lagi terfikir ke arah itu, besok baru saya akan melapor diri dan baru akan memulakan tugas. Masalah kenderaan bagi saya bukan perkara yang utama kerana saya belum lagi memerlukannya.

"Di sini kan ada bas atau teksi?"

"Basnya ada tetapi belum begitu teratur perjalanannya seperti di Kuala Lumpur. Teksi juga ada tetapi belanjanya mahal. Dalam bandar ia tidak kira dekat atau jauh perjalanan. Bapak naik saja, lalu turun sewanya lima ringgit."

Mendengar keterangannya itu baru jelas kepada saya mengapa borang itu mesti saya isi lebih dulu. Tentu mereka yang lebih tahu, mereka orang Brunei.

"Boleh saya simpan dulu borang ini?"

"Bapak isi saja dulu," katanya mendesak. "Prosesnya akan memakan masa. Cepat bapak isi cepat dapat di-

uruskan," katanya sebelum memberhentikan keretanya di depan sebuah kedai kopi di Jalan Gadong. Kedai itu terletak di satu tapak yang agak tinggi daripada permukaan tanah, mesti mendaki beberapa anak tangga. Seolah-olah tempat itu selalu dilanda banjir.

"Ini kedai Cina yang menjual makanan halal," kata Haji Muslim. "Kita bersungkai di sini saja. Di Bandar Seri Begawan ini susah mahu mencari makanan apabila sudah maghrib."

Pertama kali saya mendengar perkataan "sungkai", saya agak-agak sahaja maksudnya. Begitu juga tentang kesusahan mencari tempat makan sesudah maghrib, saya menyangka tentulah kerana bulan puasa, maka semua kedai makanan orang Islam yang ditutup pada waktu siang ditutup juga pada waktu malam, tidak seperti yang biasa berlaku di Malaysia. Negara Brunei ini tentu lebih keras lagi peraturannya kerana negara Islam, ditutup 24 jam. Sama sekali tidak terlintas dalam fikiran bahawa Bandar Seri Begawan ini bukan sahaja kedai makanan orang Islam, tetapi kedai makanan lain pun banyak yang ditutup sesudah azan maghrib. Di sini tidak ada hiburan malam sesudah matahari terbenam, kebanyakan orang pulang ke rumah masing-masing.

Sesudah makan ala kadarnya, saya telah dibawa ke Hotel Brunei yang terletak di tengah-tengah bandar di hujung Jalan Pemancha, tidak jauh dari tebing Sungai Kianggeh. Setelah saya selamat sampai ke bilik, Haji Muslim pun meminta diri. Saya cepat-cepat mandi dan solat, lalu keluar mencari makanan di kedai-kedai makan yang berhampiran. Selain kedai kopi Cina, ada beberapa buah kedai makanan India yang sudah hampir ditutup, maka ada sebuah kedai Padang tetapi makanannya juga sudah hampir habis.

Barangkali kerana melihat saya orang baru, maka

tauke kedai itu seorang lelaki yang sudah berumur, berbadan sedap dan berkulit cerah dengan memakai songkok, bertanya, "Datang dari mana?"

"Dari Kuala Lumpur," jawab saya.

Barangkali kerana mendengar lenggok percakapan saya, maka dia lalu memperkenalkan dirinya sebagai Haji Abdullah berasal dari Minangkabau. Dia sudah lama bermastautin di Brunei dan bersemenda dengan orang tempatan. Dia memperkenalkan anak-anaknya kepada saya, seorang lelaki dan seorang perempuan, kedua-duanya gemuk mengalahi bapanya. Walaupun kedainya sudah mahu ditutup, tetapi dia telah menolong memasak mi untuk sahur dan memberi nasihat agar saya membeli makanan sebelum maghrib. Sesudah waktu itu katanya, kebanyakan kedai akan ditutup. Saya membeli sedikit kari yang masih ada dan roti. Haji Abdullah itulah orang awam yang menjadi kenalan pertama saya di Bandar Seri Begawan dan kami terus bersahabat sehingga dia sudah tidak aktif lagi di kedai itu yang kemudian diurus oleh anak-anaknya.

Pada pagi 30 Jun saya pun berjalan kaki menuju ke Dewan Bahasa dan Pustaka yang terletak berhampiran Radio Televisyen Brunei (RTB) di Jalan Elizabeth 2, hanya selang satu jalan dari hotel tempat saya menginap. Saya kembali memakai tali leher seperti waktu bertugas dengan Oxford University Press dahulu. Saya melihat semua pegawai tinggi kerajaan di sini termasuk di Kementerian Hal Ehwal Agama dan guru agama memakai tali leher, ada yang berjas dan menutup kepalanya dengan ketayap atau songkok baldu. Hanya Pehin Yahya Haji Ibrahim atau Yahya M.S. Timbalan Menteri Agama sahaja yang berlainan bentuk pakaiannya yakni memakai baju Melayu di bawah baju jas. Baju Melayu Brunei ada tambahan sedikit daripada baju Melayu kita. Pada

lehernya ada digantungkan kain seperti sapu tangan walaupun sekarang ini sudah ada orang terutama anak-anak muda yang membuang kain yang tergantung itu kerana mungkin pada pendapat mereka suatu pembaziran yang tiada fungsinya.

Dari hotel ke bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka itu hanya kira-kira lima minit berjalan kaki, melintasi sebuah tanah lapang. Dari jauh saya melihat ada beberapa orang sedang duduk dan berdiri di atas tangga di bawah anjung. Di bawah anjung itu ialah tempat letak kereta yang dikhaskan kepada pengarah, timbalan pengarah dan ketua-ketua bahagian. Di hadapan bangunan itu ada jalan besar yang memisahkannya dengan padang bola. Masjid Omar Ali Saifuddin dan Kementerian Agama di sebelah kanan, Radio Televisyen Brunei (RTB), bangunan sekretariat dan pejabat pos besar di sebelah kiri. Kawasan ini amat strategik untuk melihat temasya. Banyak kenderaan dan orang yang lewat di sini.

Saya mempunyai satu perangai yang aneh, iaitu tiba-tiba sahaja semua pergerakan akan menjadi kekok apabila ada orang yang memerhati. Jikalau saya sedang berjalan dan kemudian menyedari ada orang yang memerhati, maka langkah saya pun terus menjadi sumbang, lenggang tangan dan ayun kaki pun sudah mulai tidak seirama lagi. Saya juga tidak dapat menyuap makanan apabila ada orang yang sedang memerhati saya makan. Di Brunei khasnya di Bandar Seri Begawan, amat cepat ketara bahawa kita ini orang baru terutama ketika masuk ke salah sebuah kedai makan awam atau kedai kopi. Di sini kedai-kedai biasanya mempunyai pelanggan tetap yang selalu memenuhi semua meja pada waktu pagi, tengah hari dan petang. Sebaik sahaja kita melangkah masuk maka semua mata yang ada di dalam kedai itu

akan tertumpu kepada kita. Biasanya kita akan memandang sepintas lalu atau sekali imbas terhadap sesuatu kerana itu telah menjadi tabiat manusia. Tetapi apabila ada orang yang memandang kita seperti kita ini datang dari sebuah planet asing, maka agak tergugat juga rasanya ketidakpedulian kita itu dan itulah yang saya alami sehingga saya jarang masuk ke kedai makan sendirian. Sifat yang tidak suka diperhatikan orang inilah yang menyebabkan pada zaman muda saya tidak pandai menari baik tarian Barat, ronggeng ataupun ramvong. Walaupun saya suka dan sering mengikut kawan-kawan ke tempat hiburan, tetapi tidak lebih daripada hanya menjadi penonton ataupun bunga kertas yang menjadi perhiasan sahaja.

Sekarang ini sewaktu saya sedang berjalan menuju ke bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka, saya sedang diperhatikan orang. Dari jauh saya dapat melihat mereka itu, yang memang sudah tahu saya sebagai pegawai baru. Mereka memandang saya dari hujung kaki hingga ke hujung rambut. Saya sebenarnya sudah ada sedikit pengalaman dalam menghadapi situasi seperti ini. Pada saya ada senjata yang paling ampuh yang boleh digunakan bagi menakluki mereka yang baru kitá temui ketika sampai di sesuatu tempat.

"Assalamualaikum!" saya melepaskan peluru petunang yang pertama dan segera diikuti dengan peluru petunang yang kedua, iaitu saya menyalami tangan setiap orang yang ada di situ, dari pegawai sampai kepada buruh yang sedang memegang penyapu.

Mereka agak terkesima dengan tindakan saya. Terdiam sebentar. Perbuatan saya memberi salam dan berjabat tangan itu menimbulkan satu kejutan, kerana belum pernah dilakukan oleh orang lain dalam sistem birokrasi serupa itu. Selama ini walaupun pengarah,

timbalan pengarah, pegawai-pegawai B3 dan B2 yang lalu di situ setiap hari hanya memberi atau diberi salam, tetapi belum pernah ada yang berusaha untuk pergi berjabat tangan dengan semua orang tanpa mengira darjat. Perkara ini nampaknya sangat kecil seperti kita memberikan senyuman kepada orang yang berselisih di jalanan tetapi ternyata kesannya sangat besar. Sejak hari pertama itu sehingga saat saya meninggalkan Negara Brunei Darussalam 10 tahun kemudian, mereka terus menjadi mesra dan rapat dengan saya. Setiap pagi mereka yang lebih dulu memberi salam dan saya meneruskannya dengan berjabat tangan. Pada pagi pertama itu saya terus ke pejabat pengarah di tingkat 5 untuk melapor diri. Saya duduk di tempat menunggu di luar sehingga Pengiran Badaruddin datang. Pengiran Badaruddin dengan sifatnya yang periang dan ramah membawa saya masuk ke biliknya. Setelah bertukar-tukar salam dan bertanyakan khabar, dia lalu memanggil timbalan pengarah serta ketua-ketua bahagian lalu diperkenalkan kepada saya. Pertama kali saya belajar mengenali nama orang Brunei yang menggunakan sebutan ganti nama dan gelaran bagi nama batang tubuh seseorang seperti *awang* bagi lelaki rakyat biasa yang sama dengan encik, *awangku* bagi lelaki keturunan bangsawan yang belum kahwin, *dayangku* bagi perempuan keturunan bangsawan. Saya diperkenalkan kepada Dayang Hajah Fatimah Mohd. Hussin, timbalan pengarah yang telah saya kenali sewaktu Pertemuan Sasterawan Nusantara ke-3 di Kuala Lumpur. Awang Haji Alidin Ketua Bahagian Penyelidikan dan Penggalakan Kebudayaan; Pengiran Haji Muhammad Ketua Bahagian Reka Bentuk dan Penjilidan; Awang Ali Haji Razak dari Bahagian Penerbitan dan Penyemak; Awang Shaari dari Bahagian Penyunting; Pengiran Julaihi dari Bahagian

Buku-Buku Sekolah dan Awang Haji Sablee dari Bahagian Pentadbiran. Bahagian Perpustakaan pada masa itu diketuai oleh seorang perempuan Filipina, Thelma T. Salazar namanya. Setelah selesai majlis perkenalan yang sederhana itu saya telah diberikan sebuah bilik di tingkat 4, tersorok di antara Bahagian Penerbitan dan Bahagian Buku-Buku Sekolah. Bilik itu dahulunya ditempati oleh Hajah Fatimah ketika mengetuai Bahagian Perkembangan Bahasa dan Istilah. Bilik itu masih penuh dengan buku miliknya. Saya ditugaskan mengetuai satu bahagian yang pada masa itu belum lagi wujud, tetapi baru ada rangkanya yang samar-samar. Susunan DBP Brunei pada masa itu saling tak tumpah dengan susunan DBP Kuala Lumpur pada peringkat awal dahulu.

Menelusuri detik-detik penubuhan DBP Brunei ini hampir sama ceritanya dengan penubuhan DBP Kuala Lumpur. DBP Kuala Lumpur ditubuhkan kerana resolusi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ke-3. Pada mulanya bernama Balai Pustaka mengambil contoh Balai Pustaka yang ditubuhkan oleh Belanda di Jakarta. DBP Brunei bermula daripada keputusan Majlis Mesyuarat Negeri yang bersidang pada 19 April 1959 yang berbunyi, "Membentuk satu badan yang bebas yang bertanggungjawab berhubung dengan perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi seperti yang termaktub dalam perlembagaan, berikut dengan tercapainya penandatangan Perlembagaan Negeri Brunei 1959, badan ini diberi nama Lembaga Bahasa dan diletakkan di bawah Jabatan Pelajaran yang kemudian berubah nama menjadi Bahagian Bahasa dan Pustaka".

Pengarah pertama Lembaga Bahasa ini ialah Haji Awang Mohd. Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar sekarang bergelar Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil al-Sufri.

Dia seorang yang bersemangat kebangsaan, pejuang bahasa yang gigih yang dapat disamakan dengan panglima bahasa kita Syed Nasir Ismail. DBP Brunei pada peringkat permulaan mempunyai bahagian-bahagian seperti: Bahagian Perkembangan Bahasa dan Bahagian Istilah, Bahagian Karang Mengarang, Bahagian Penyelidikan, Bahagian Penyemak, Bahagian Penyunting, Bahagian Pelukis dan Bahagian Penterjemahan, hampir sama dengan bahagian yang ada di DBP Kuala Lumpur kecuali Bahagian Kebudayaan sahaja yang ditubuhkan khas bagi membina dan memperkembangkan kebudayaan Brunei termasuk mengajar tarian asli dengan satu kumpulan penari yang bergaji tetap. Ketika saya sampai di Brunei, DBP telah dipindahkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pengarahnya yang pertama dahulu telah dilantik menjadi Pengarah Pusat Sejarah yang sedang dalam pembinaan dan buat sementara berfungsi dari anjung bangunan DBP. Pengiran Badaruddin, Pengarah DBP sekarang ini ialah pengarah yang ketiga.

Hari Raya

Saya seperti dihukum duduk terperap di dalam bilik itu tanpa ada tugas yang tetap. Beberapa bulan kemudian ternyata hal itu sebagai satu *blessing in disguise* dan saya patut bersyukur. Saya cuba mengisi masa dengan membaca buku-buku tentang Brunei yang saya peroleh dari dalam bilik tersebut. Buku sejarah Brunei yang lengkap dalam bahasa Melayu belum ada, tetapi daripada sebuah buku kecil yang lebih merupakan sebagai ikhtisar sejarah Brunei, saya dapat banyak maklumat asas tentang sejarah negara itu yang dimulai dengan kisah legenda Awang Alak Betatar lima bersaudara.

Salah seorang saudaranya yang terkemuka ialah Awang Semaun yang amat sakti.

Negara Brunei Tua menurut sesetengah ahli sejarah bukan di Bandar Seri Begawan sekarang ini, tetapi terletak jauh di Temburong, iaitu di suatu tempat yang bernama Puni. Puni itulah Brunei Tua walaupun bekas-bekasnya sudah tidak ada lagi, tetapi ada sesetengah orang Brunei percaya di situlah asal negara mereka walaupun kini dipertikai oleh ahli sejarah yang mutakhir.

Dalam bulan Ramadan, semua pejabat kerajaan ditutup pada jam 2.00 petang seperti yang pernah diamalkan di Malaysia pada satu ketika dahulu. Saya mempunyai banyak waktu lapang yang terpaksa dihabiskan di bilik hotel. Saya sebenarnya ingin sekali berjalan-jalan melihat keadaan di sekitar bandar itu, tetapi cuaca terlalu panas dan panasnya itu terasa seperti menggigit mungkin kerana berhampiran laut. Di hotel itu saya berjumpa beberapa orang Malaysia dan Singapura yang menjadi pegawai kerajaan. Mereka yang dari Malaysia kebanyakannya guru agama yang bekerja dengan Kementerian Hal Ehwal Agama. Hotel itu menjadi semacam tempat transit sebelum diberikan rumah. Ada antara mereka yang sudah hampir satu tahun lamanya seperti Mohd. Noor Long yang bekerja di Pusat Kraftangan sebagai guru membuat keris. Dia berasal daripada keturunan pandai keris di Terengganu yang kini sudah tidak banyak lagi orang yang sepertinya. Ahmad Yusof seorang guru agama yang berasal dari Parit, Perak yang saya panggil ustaz juga sudah lama tinggal di hotel ini. Dia pernah menjadi bilal di Masjid Negara. Mereka berdua ini yang rapat dengan saya walaupun ada beberapa orang lagi guru agama yang tinggal di situ, yang pada setiap petang kami akan duduk bersembang di

lobi hotel. Seorang Cina dari Singapura yang bekerja di Istana Darul Hana yang paling lama tinggal di hotel tersebut iaitu lebih daripada 10 tahun. Boleh dikatakan setiap hotel di Bandar Seri Begawan itu ada pegawai kerajaan dari luar Brunei yang tinggal di sana.

Pada hari ketiga, Haji Shawal Rajab pengarang di Bahagian Pengarang telah menjemput saya bersungkai di rumahnya. Saya amat terharu dengan jemputannya itu kerana dia merupakan orang Brunei yang pertama membuka pintu rumahnya kepada saya. Petang itu sebelum maghrib dia datang mengambil saya di hotel dan dibawa ke rumahnya, sebuah rumah kerajaan tidak jauh dari Seri Shopping Kompleks. Hajah Aisyah isteri Haji Shawal berasal dari Puni, Temburong, anak seorang hartawan OKML Haji Mohd. Yusof dan lulusan dari Universiti al-Azhar, pada masa itu menjadi pegawai tinggi di Kementerian Hal Ehwal Agama. Ikut serta dalam majlis berbuka puasa itu ipar lelaki Haji Shawal. Walaupun saya seorang sahaja yang diundang, tetapi jamuannya cukup istimewa. Selain dihidang dengan masakan Brunei, ada juga masakan Arab yang mungkin menjadi spesialiti isterinya itu. Sejak itu terjalinlah hubungan yang mesra antara saya dengan keluarga Haji Shawal, sehingga isterinya walaupun agak *reserved* sedikit dalam pergaulan terutama dengan lelaki yang bukan muhrim, tetapi tidak segan menegur dan bercakap dengan saya apabila kebetulan berjumpa dalam sesuatu majlis. Sampai hari ini saya tidak dapat melupakan peristiwa bersungkai di rumah Haji Shawal itu, rumah orang Brunei yang pertama saya menjejakkan kaki.

Mohd. Noor Long tidak sahaja pandai keris, tetapi juga pandai memasak. Walaupun dia tinggal di bilik hotel yang sempit, tetapi semua alat masakan ada belaka. Di hotel itu seperti juga hotel-hotel yang lain ada per-

aturan yang melarang penghuninya memasak, tetapi dengan keadaan penumpang seperti kami yang sudah menjadikan hotel itu sebagai rumah, maka mungkin penyelia hotel itu, seorang Cina dari Kedah dengan memejam sebelah mata pura-pura tidak tahu. Tidak jauh di sebelah kiri hotel itu, di seberang Jalan Bebatik terdapat pasar basah yang terbesar di Bandar Seri Begawan yang membuat orang seperti Mohd. Noor yang hobinya memasak itu tidak dapat mengawal perasaannya. Hampir setiap petang dia mengajak saya berbuka puasa di biliknya sehingga menimbulkan rasa segan yang amat sangat. Saya kadang-kadang membuat dalih pergi berbuka puasa di luar, tetapi dia kirim juga makanan yang katanya untuk sahur. Ustaz Ahmad Yusof telah bertemu jodoh di Brunei dengan Azizah, seorang gadis dari Perlis yang sudah lama bekerja di Bandar Seri Begawan. Selepas bulan Ramadan mereka pulang bernikah dan kemudian kembali tinggal di hotel itu semula.

Satu masalah timbul menjelang hari raya, sebahagian besar para pekerja dari Malaysia, terutama guru-guru agama dan sekolah sekular yang datang dari Semenanjung, pegawai negeri seperti saya ingin pulang berhari raya di kampung asal. Begitu juga dengan mereka yang bekerja dengan swasta terutama di Syarikat Shell Brunei yang jumlahnya kira-kira empat atau lima ribu orang, yang kebanyakan orang Sarawak telah bersiap-siap untuk mengambil cuti dan telah membuat tempahan awal kapal terbang. Mereka yang sudah lama bekerja di sini memang berpengalaman tentang proses pulang ke kampung ini. Guru-guru agama dan guru-guru sekular telah bertolak pulang beberapa hari sebelum menjelang puasa kerana semua sekolah mendapat cuti panjang. Pada waktu itu peluang untuk mendapat tiket kapal terbang masih ada. Walaupun MAS dan RBA

(Royal Brunei Airlines) mengadakan penerbangan tiga atau empat kali seminggu ke Kuala Lumpur, manakala SIA dan RBA ke Singapura setiap hari, tetapi menjelang hari raya, hampir semua tiket telah habis dijual. Ada yang menyeberang ke Labuan mengambil penerbangan dari sana dan yang paling *desperate* pergi ke Miri atau ke Kota Kinabalu yang ada penerbangan setiap hari. Noh Abdullah penasihat sukan di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam lebih suka memandu ke Miri dan dari sana naik kapal terbang ke Kuala Lumpur. Mudah dan murah katanya.

Pada Hari Raya Puasa tahun itu saya juga berhasrat mahu pulang ke kampung. Saya menyangka prosedurnya mudah, tanpa menyedari bahawa sebagai pegawai kontrak ada beberapa syarat yang mengikat. Saya yang belum sampai satu bulan berkhidmat, menurut peraturan belum layak untuk meminta cuti lebih-lebih lagi cuti yang lama. Dalam kontrak pekerjaan pegawai dalam kategori gaji B3, saya berhak mendapat cuti selama enam bulan apabila sudah berkhidmat untuk selama tiga tahun. Saya boleh meminjam cuti daripada peruntukan yang enam bulan itu dalam masa menjalani perkhidmatan. Sekarang saya baru berkhidmat 20 hari. Hari Raya Puasa tahun itu belum lagi diketahui tarikhnya yang tetap, tetapi menurut takwim akan jatuh pada 22 Julai. Tarikh ini mungkin berubah, cepat atau lambat satu hari menurut nampak atau tidaknya anak bulan. Pada masa itu sistem rukyah yang selalu digunakan baik di Malaysia mahupun di Brunei Darussalam. Cuti Hari Raya Puasa adalah dua hari yang diisytihar sebagai cuti am, tetapi bagi orang luar dari Brunei, ada kemungkinan tidak dapat menikmati cuti am yang dua hari itu kerana ketidakpastian tarikh hari raya yang sebenarnya.

Saya mahu membuat permohonan cuti belas kasihan

selama empat hari bermula petang Rabu, 21 hingga Ahad 25 Julai dengan satu alternatif akan balik ke Brunei pada hari Ahad, 25 Julai ataupun hari Isnin, 26 Julai sekiranya Hari Raya Puasa jatuh pada hari Jumaat, 23 Julai. Permohonan itu telah diluluskan dengan syarat cuti tersebut akan ditolak daripada cuti tahunan saya serta dikehendaki menggantikan cuti sehari pada 23 Julai itu pada penghujung kontrak saya nanti.

Pada petang 21 Julai, di Lapangan Terbang Berakas penuh dengan orang Malaysia yang akan pulang berhari raya di kampung. Suasana hari raya sudah mulai terasa. Semuanya berwajah ceria kerana akan bertemu kaum keluarga dan pulang ke kampung halaman pada hari baik bulan baik. Beberapa minit setelah pesawat terbang RBA itu berlepas dari lapangan terbang, iaitu ketika ia berada di jalur yang menuju ke pantai Pahang, timbul masalah yang mungkin sudah lama disedari, tetapi belum pernah difikirkan tentang hukumnya yang pasti. Seperti biasa sebaik-baik sahaja pesawat telah berada di udara, pramugari pun sibuk menghidangkan minuman ringan. Beberapa orang telah mengambil minuman itu, ada yang terus minum dan ada yang ragu-ragu. Mereka itu lalu bertanya kepada pramugari itu tentang waktu yang tepat untuk berbuka puasa. Pramugari itu pun sudah tentu kebingungan, dia melihat jam di tangannya. Jika mengikut waktu Brunei, memang sudah pada waktunya, tetapi di hadapan cahaya matahari masih terang-benderang kerana pesawat itu menuju ke barat, ke arah matahari ghurub. Guru-guru agama yang ada di dalam pesawat itu pun tidak ada yang dapat memberikan jawapan yang pasti. Hukum yang mana harus dipakai? Apakah hukum yang berlaku di Brunei kerana pesawat itu baru berlepas dari Brunei dan sekarang berada di ruang angkasa antarabangsa? Sampai mencapai

pantai Pahang cahaya matahari masih lagi terang-benderang. Beberapa orang menunggu sampai pesawat terbang itu melayang di atas bandar raya Kuala Lumpur, baru membuka puasanya kerana pada ketika itu waktu maghrib sudah bermula di ibu kota. Saya ikut dalam golongan ini.

Kisah berbuka puasa di atas pesawat terbang dari Bandar Seri Begawan ke Kuala Lumpur ini berterusan tanpa ada fatwa yang pasti selama 10 tahun saya di Brunei. Kadang-kadang timbul pertanyaan bagaimana jikalau kita berpergian dari Kuala Lumpur menuju ke barat, bila agaknya matahari itu akan terbenam? Apakah tidak dapat dikiaskan kepada hukum yang berlaku di Kutub Utara atau Kutub Selatan yang mataharinya kadang-kadang tidak ada?

Setelah satu minggu saya ditempatkan di dalam bilik di tingkat empat itu, saya mulai gelisah kerana belum ada kepastian tentang tugas dan tanggungjawab yang mesti saya kerjakan. Setiap kali saya bertanya kepada Pengiran Badaruddin, dia akan memberi jawapan, "Apa yang tuan haji susahkan. Duduk-duduk sajalah dulu."

Saya tidak mahu mengganggunya kerana melihat dia selalu sibuk. Saya lalu pergi ke perpustakaan di tingkat satu dan dua yang penuh dengan beribu-ribu buku. Saya lalu tenggelam di situ kadang-kadang sampai waktu pulang. Ada buku yang saya pinjam, saya bawa pulang ke rumah. Saya merasa hairan melihat sebahagian besar daripada buku-buku itu ada yang tidak pernah disentuh orang. Kecuali musim cuti sekolah, perpustakaan yang besar itu lengang daripada pengunjung terutama orang-orang dewasa. Hanya ada beberapa orang Eropah dan orang Cina yang sering datang ke situ meminjam dan mengem-balikan buku, tetapi saya jarang melihat orang Brunei. Pada musim cuti sekolah sahaja perpustakaan

itu sibuk dan bising dengan anak-anak sekolah yang sebahagian-nya datang sekadar untuk bertemu kawan ataupun seba-gai tempat titipan anak-anak kecil kerana ibu dan bapa-nya pergi bekerja dan di rumah tidak ada pembantu. Saya merasa satu kerugian yang besar orang Brunei tidak dapat memanfaatkan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan yang mahukan rakyatnya menjadi orang yang berilmu dan yang bermaklumat.

Hari itu hari Jumaat. Saya tidak keluar ke mana-mana. Sesudah sarapan saya kembali ke bilik membaca buku menunggu waktu untuk pergi bersolat di Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin. Tiba-tiba terlintas dalam fikiran saya satu pertanyaan. Buat apa saya datang ke Brunei jikalau hanya ditempatkan di dalam sebuah bilik tanpa dapat memberikan sumbangan kepada pembinaan dan pengembangan sastera atau bahasa seperti yang direncanakan?

Saya lalu mengira butang yang ada pada baju kemeja yang saya pakai dari atas ke bawah: pulang, tinggal, pulang, tinggal, pulang, tinggal dan butang yang terakhir terjatuh kepada perkataan pulang. Saya pun membuat keputusan akan pulang sahaja.

Saya pergi awal ke masjid dengan berjalan kaki. Orang sudah mulai ramai. Satu keistimewaan orang Brunei, kebanyakan yang datang ke masjid untuk bersolat Jumaat akan memakai pakaian Melayu lengkap dengan sampingnya. Bagi mereka yang pergi menunaikan haji akan memakai jubah, gamis, serban dan songkok putih ataupun igal. Pada musim sesudah haji beberapa kali Jumaat kita masih dapat melihat orang yang memakai jubah dengan igal yang memenuhi masjid itu. Masjid Omar Ali Saifuddin yang terletak di tepi Kampung Air ialah masjid besar yang dibina dalam bentuk memanjang dari timur ke barat, tidak bulat atau bersegi

seperti kebanyakan masjid yang mengikut tradisi masjid-masjid di Tanah Arab.

Pada tahun 80-an ketika menghadiri Perkampungan Sastera '80 yang diadakan di Masjid Pudak, solat Jumaat didahului dengan solat tolak bala yang dilakukan secara berjemaah, walaupun saya merasa hairan tetapi tidak menimbulkan kesan apa-apa kerana menyangka mungkin negara itu sedang menghadapi bala bencana yang tidak saya ketahui. Sekarang saya agak kebingungan apabila sesudah solat sunat Jumaat yang dilakukan secara bersendirian sesudah azan pertama, para makmum kembali berdiri serentak mengerjakan solat tolak bala dengan berjemaah. Pada mulanya saya menyangka solat Jumaat sudah mahu dimulai, tetapi di mana khutbahnya? Apakah khutbahnya dibaca sesudah solat seperti khutbah pada hari raya? Saya bertanya kepada orang yang di sebelah, "Sudah solat Jumaat?"

Orang itu berpaling memandang saya dengan hairan, tetapi demi dia melihat saya hanya memakai celana kemeja dan songkok sahaja tidak berpakaian Melayu sepertinya dan orang di sebelahnya, maka tahulah dia bahawa saya orang luar.

"Bukan. Ini sembahyang sunat tolak bala."

"Berjemaah?"

Dia mengangguk. Oleh sebab saya berada di tengah-tengah perut masjid, di tengah-tengah para jemaah yang kesemuanya berdiri, maka mahu tidak mahu saya terpaksa ikut berdiri untuk tidak menimbulkan masalah. Saya ikut bersolat sunat tolak bala yang saya tidak tahu maksudnya.

Solat sunat tolak bala itu menurut cerita telah lama dilakukan pada setiap solat Jumaat dengan niat mahu menjauhkan segala macam bala daripada menimpa Negara Brunei Darussalam yang aman dan makmur itu.

Oleh sebab saya tidak pernah mengetahui bahawa solat serupa itu pernah diamalkan pada zaman Rasulullah s.a.w. dan pada zaman para sahabat baginda yang dikerjakan pada setiap solat Jumaat, maka saya menjadi ragu, tidakkah ini termasuk dalam perbuatan bidaah kerana mengadakan-adakan amalan yang tidak ada? Yang pernah saya ketahui, solat sunat tolak bala itu boleh dilakukan pada semua waktu solat apabila ada bala yang mengancam seperti bala peperangan, bala penyakit, bala kelaparan dan sebagainya. Oleh sebab saya merasa ragu akan kesahihan hukumnya, maka mulai Jumaat yang berikutnya saya sengaja datang lambat sehingga orang selesai mengerjakan solat sunat itu walaupun saya terpaksa bersolat di atas laluan yang berturap di tepi masjid. Syukur hal ini tidak lama, kerana khabarnya ada imam masjid dari Tanah Suci yang ketika mengadakan lawatan ke Brunei telah membuat teguran, maka solat sunat tolak bala itu pun terus ditiadakan.

Pada pagi Sabtu, 15 Julai 1982, saya terus ke pejabat Pengiran Badaruddin dan menunggu kedatangannya di bilik Awangku Zakaria, pembantu khasnya. Tidak lama dia pun sampai. Dengan wajah yang ceria dan suka berseloroh sesudah memberi salam, dia terus mengeluarkan pertanyaan yang menjadi kesukaannya.

"Ada *problem*?"

"Ada, kata saya."

Dia lalu menarik tangan saya masuk ke biliknya. Dipersilakan saya duduk. Sambil meletakkan begnya di atas meja dia berkata, "*Problem* apa?"

Saya menunggu sehingga dia datang dan duduk di hadapan saya. "Saya mahu balik ke Kuala Lumpur."

"Kenapa?" Dia memandang saya dengan tanda tanya. Wajahnya mulai serius.

"Buat apa saya di sini, jikalau tidak ada kerja?" kata

saya. "Saya tidak ada pun, Dewan Bahasa dan Pustaka boleh berjalan dengan baik."

Dia tidak menjawab tetapi bangun menuju ke mejanya. Dia menarik salah sebuah lacinya lalu mengeluarkan sebuah buku tipis berkulit hijau. Buku itu diserahkan kepada saya.

"Ambil ini dan baca," katanya. "Kemudian beritahu saya."

Saya menyambut buku itu dan membuka halaman pertama. Sebuah kertas kerja tentang struktur baru Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saya meminta izin kembali ke bilik di tingkat 4. Selama setengah jam saya menelaah buku hijau itu. Satu struktur baru Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, yang saya rasa telah dibuat olehnya sesudah melawat Kuala Lumpur baru-baru ini. Struktur itu mengikut model Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia kecuali Bahagian Kebudayaan yang dipertahankan kerana dianggap sebagai satu keperluan yang paling mustahak kerana pada masa itu belum ada satu institusi yang mengambil berat tentang kebudayaan ini, kecuali Radio Televisyen Brunei (RTB) yang mengadakan satu bahagian tari-menari khusus untuk keperluan hiburan.

Saya merasa amat gembira melihat penyusunan baru yang dibentangkan dalam buku hijau itu. Jelas tergambar tugas dan tanggungjawab yang akan saya pikul. Saya pun segera kembali ke bilik pengarah.

"Bila Pengiran mahu laksanakan ini?"

"Bila tuan haji mahu?" Dia bertanya balik kepada saya. "Hari Isnin ini?"

Saya terdiam. Hari Isnin itu, 17 Julai kira-kira lima hari lagi mahu Hari Raya Puasa. Tentu tidak begitu praktikal jikalau perubahan itu tiba-tiba dilakukan pada hari tersebut, walaupun perkara yang baik itu tidak boleh

ditangguhkan, tetapi keghairahan bekerja akan ditenggelami oleh suasana hari raya dan demi untuk keperluan pentadbiran dan sejarah, tentu lebih mudah jika dapat dimulai pada 1 Ogos. Hari Isnin terlalu cepat? Saya tahu benar dengan sifat Pengiran Badaruddin ini walaupun baru berkenalan. Dia *man of action*. Sangat cepat bertindak dan itulah salah satu sebab yang membuat saya tertarik untuk bekerja sesudah tiga bulan ditemu duga. Padahal menurut proses yang biasa berlaku, seseorang yang sudah ditemu duga itu paling tidak akan memakan masa enam bulan paling cepat sebelum diberi surat tawaran kerana prosesnya melewati berbagai-bagai kerenah birokrasi yang tidak dapat dielakkan.

"Bagaimana jika kita mulai pada 1 Ogos depan ini?"

"Baiklah. 1 Ogos depan," katanya.

Pada pagi Isnin berikutnya ketika saya sampai di pejabat, di atas meja telah terletak satu minit empat helai panjangnya yang ditujukan kepada saya sebagai Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera dengan salinan kepada Ketua Bahagian Penyelidikan dan Penggalakan Kebudayaan (Awang Alidin bin Haji Othman), Ketua Bahagian Penerbitan/Penyemak (Awang Ali bin Haji Abdul Razak), Ketua Bahagian Penyunting (Awang Md. Shahri bin POKJ Haji Md. Hussin) dan Ketua Bahagian Perpustakaan (Dayang Thelma T. Salazar).

Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei

Negara Brunei Darussalam telah memasuki era baru dalam penyusunan dan pemerintahan bermula pada akhir tahun 1959, ketika negara ini mencapai taraf pemerintahan sendiri dengan termeterainya Perjanjian Bertulis pada 29 September 1959. Dengan perjanjian ini, lahirlah Perlembagaan Brunei yang mengandungi

satu peruntukan yang tegas tentang bahasa rasmi negara ini, iaitu bahasa Melayu.

Berikutan termaktubnya peruntukan itu maka delapan bulan kemudian, iaitu pada 19 April 1960, Majlis Mesyuarat Negeri telah meluluskan usul supaya kerajaan membentuk sebuah badan bebas untuk memeriksa perkara-perkara yang berhubung perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Walaupun dalam usul itu tidak disebut secara khusus tentang sastera, tetapi sastera tidaklah dapat dipisahkan daripada bahasa. Maka sastera serupa dengan bahasa dengan sendirinya merupakan satu bahagian yang penting dalam struktur organisasi Lembaga Bahasa, badan bebas yang ditubuhkan yang kemudian berubah menjadi Dewan Bahasa dan Pustaka seperti yang kita kenal sekarang.

Pada peringkat awal penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka, dalam struktur organisasinya tidak terdapat bahagian yang khusus untuk tujuan membina dan memperkembangkan sastera seperti sekarang ini. Pada masa itu yang ada ialah bahagian karang-mengarang, perkembangan bahasa, istilah, penterjemahan, perpustakaan di samping bahagian pentadbiran. Walaupun demikian, oleh sebab sastera juga bahasa maka usaha-usaha bagi pertumbuhan kesusasteraan telah mula diungkayahkan melalui peraduan penulisan dan penerbitan buku-buku daripada hasil peraduan tersebut.

Tiga buah majalah diterbitkan, iaitu majalah *Beriga* yang merupakan majalah semiilmiah, untuk memperluas daerah penggunaan bahasa Melayu, yang dapat membuktikan bahawa ia dapat dijadikan saluran pengantar ilmu pengetahuan moden, dan sebagai alat penyebar ilmu pengetahuan moden dengan bahasa pengantarnya bahasa Melayu. Majalah *Bahana* sebagai majalah bahasa, sastera dan budaya, yang benar-benar boleh mendukung

bahasa, sastera dan budaya tanah air selaras dengan tujuan dan dasar Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Majalah *Mekar* untuk kanak-kanak, yang berisi bahan-bahan yang bersifat ilmu pengetahuan dan pendidikan seperti karangan tentang kebudayaan, kesusasteraan, sejarah, geografi, sains, ilmu kejadian termasuk cerita pendek. Ketiga-tiga majalah ini diterbitkan tiga bulan sekali. Penerbitan ketiga-tiga majalah ini merupakan satu sumbangan paling berharga daripada Dewan Bahasa dan Pustaka kepada kegiatan penulisan di negara ini, kerana seperti yang dimaklumi dengan ketiadaan tempat penampungan, maka hasil kreatif penulis tidak akan dapat berkembang. Di Brunei sejak beberapa tahun, memang telah banyak diusahakan penerbitan majalah dan surat khabar. Walau bagaimanapun, majalah dan surat khabar itu tiada yang lama hayatnya kecuali surat khabar *Salam* yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Brunei Shell Petroleum Company, Seria, *Borneo Bulletin* yang diterbitkan oleh Brunei Press, Kuala Belait dan *Pelita Brunei* yang diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei.

Walaupun majalah *Salam* diterbitkan seminggu sekali sebagai akhbar yang memuatkan berita kegiatan syarikat dan kakitangannya, namun telah memainkan peranan penting dalam pertumbuhan dan perkembangan kesusasteraan di Brunei melalui satu ruangan khas yang diberi nama "ruangan kesusasteraan". Pada tahun 1956, ruangan itu dihentikan dan lapan tahun kemudian, iaitu pada tahun 1964, ia telah diterbitkan semula sebelum ditutup untuk kali kedua pada tahun 1968. *Salam* kembali menjadi *house magazine* yang menyiarkan berita syarikat dan hal ehwal kakitangannya. Tempat penampungan lain yang sehingga hari ini masih terus memberikan khidmat menyiarkan karya sastera ialah Radio

Brunei. Walaupun ada kesan yang dirasakan oleh pendengar dan menjadi pembangkit semangat kepada penulis untuk terus menulis, tetapi dalam erti nilai karya kreatif ia tidak begitu menggalakkan seperti yang tersiar di akhbar atau majalah yang boleh dibaca. Dengan penerbitan majalah *Beriga*, *Bahana* dan *Mekar*, maka penulis Brunei boleh dikatakan telah mendapat tempat yang tetap dan terjamin, walaupun penyiaran karya-karyanya agak terbatas kerana tidak semua karya yang dikirimkan oleh para penulis dapat ditampung oleh ketiga-tiga majalah ini. Dewan Bahasa dan Pustaka terus berkembang mengikut rentak zaman. Pegawai dan kakitangan terus bertambah dari semasa ke semasa, maka akhirnya satu penyusunan baru yang sesuai dengan peredaran zaman sudah tidak dapat dielakkan lagi. Peranan dan fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai pengawal perkembangan bahasa Melayu yang menjadi bahasa rasmi negara terasa semakin mencabar.

Tahun ini buat kali pertama saya berhari raya di rumah dengan keluarga untuk satu masa yang begitu singkat. Hari raya jatuh pada hari Jumaat, 23 Julai dan pada petang 25 Julai saya mesti pulang ke Brunei. Masa yang singkat itu harus digunakan dengan sebaik-baik mungkin. Maka pada pagi hari raya itu sesudah solat di masjid Kampung Damansara Baru yang letaknya kira-kira tujuh atau lapan minit berjalan kaki dari rumah, kami terus bertolak ke Kuala Sawah kampung asal isteri saya. Itulah tempat yang paling dekat yang dapat ditempuh dalam beberapa jam sahaja dan dapat balik hari. Hari Sabtu saya harus berada di rumah untuk menerima kunjungan sahabat handai, dan pada hari Ahad membuat kunjungan balas ke beberapa buah rumah yang sempat. Pada hari raya yang lepas, hari raya pertama kami berada di rumah, hari raya kedua balik ke kampung

dan hari raya yang seterusnya sampai habis bulan Syawal membuat kunjungan atau menerima kunjungan sahabat handai. Begitulah kira-kira rutin yang sudah menjadi semacam tradisi apabila menyambut hari raya. Tetapi kali ini rutin itu terpaksa diubah, tradisi terpaksa ditinggalkan kerana panggilan kewajipan. Sesudah menunaikan solat, untuk mengejar waktu yang singkat itu kami sekeluarga terus balik ke kampung.

Masa yang dua hari lagi dibagi secara adil yakni sehari menunggu di rumah dan sehari lagi keluar membuat kunjungan balas ke rumah sahabat handai di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya yang pada saat itu pun mulai mengecut. Pada petang Ahad saya sudah terbang balik ke Bandar Seri Begawan.

Di Bandar Seri Begawan, walaupun masih dalam suasana hari raya, tetapi oleh sebab saya orang baru, maka lingkungan pergaulan belum begitu meluas, hanya beberapa orang sahaja yang menjemput ke rumah mereka. Salah seorang daripadanya bukan pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka, tetapi pegawai Muzium Brunei bahagian kraftangan dan pernah pada suatu masa dahulu menjadi pelajar di maktab perguruan di Kota Bharu, Kelantan. Dia ialah Haji Mustapha Ahmad yang telah diperkenalkan oleh seorang kawan dari Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur ketika saya mula sampai sebulan yang lalu. Perkenalan itu telah membuat kami menjadi sahabat sejak itu sehingga saya meninggalkan Brunei 10 tahun kemudian. Ada seorang lagi yang bukan orang sepejabat, Sumadi Sukaimi namanya yang pada waktu pertama kali saya ke Brunei dengan rombongan GAPENA, menjadi Ketua I ASTERAWANI yang turut mengundang saya ke rumahnya. Selebihnya suasana hari raya yang masih ada hanya dapat dirasakan waktu di pejabat, apabila ada bahagian yang mengadakan sam-

butan hari raya di kalangan stafnya ataupun ada pegawai yang membawa kuih lebihan hari raya. Dalam satu jamuan hari raya yang diadakan oleh ASTERAWANI, di salah sebuah restoran di Klasse (daripada nama sebuah pasar raya) saya duduk di sebelah seorang penulis wanita. Dalam masa bercakap-cakap itu dia lalu bertanya tentang anak saya.

"Lima orang," jawab saya.

"Berapa bini-bini?" tanyanya lagi yang membuat saya tercengang sejurus lamanya.

Melihat saya tercengang begitu, Haji Muslim yang duduk di sebelah cepat-cepat membantu memberi penjelasan. "Berapa orang perempuan daripada yang lima itu."

Saya pun membuat seruan "o" yang kuat, sebab terlepas daripada rasa buruk sangka mempunyai banyak bini. "Bini-bini" itu dalam dialek Brunei ertinya perempuan. Saya juga mulai belajar bahawa di Brunei ini tidak boleh menyebut anak kecil itu sebagai bayi kerana dalam dialeknya erti perkataan itu ialah babi yang huruf "b"nya hilang ketika menyebutnya. Saya sudah mulai tertarik dengan dialek Brunei yang klasik dan kaya itu. Ada yang saya dapat menangkap maksudnya dan ada yang tidak, tetapi agak payah bagi saya untuk bercakap dengan dialek Brunei seperti Kamal, seorang pegawai di Bahagian Bahasa yang juga berasal dari Malaysia, tetapi sudah lama berhijrah ke Brunei sejak berhenti daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Khazanah Sastera

Minit yang saya terima daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu telah menimbulkan perbincangan yang panjang terutama dengan Awang Haji Alidin dari

Bahagian Penyelidikan dan Penggalakan Kebudayaan kerana nampaknya hampir sebahagian besar daripada tugas di bahagiannya akan diambil alih oleh Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera. Perkara yang cukup rumit adalah tentang siapa yang harus bertanggungjawab tentang Bilik Perbendaharaan Sastera yang selama ini berada di bawah juridiksinya yang sekarang mahu diserahkan kepada Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera. Bilik Perbendaharaan Sastera itu dari segi fizikalnya hanya sebuah bilik kecil sahaja terletak di tingkat 3 terletak di antara bilik fotografi dengan bilik pengarang kanan BPPS, tetapi dari segi isi sungguh bermakna dan sangat penting, boleh dikatakan sebagai nadi jabatan DBP ini kerana di situ ada tersimpan manuskrip lama Brunei yang cukup banyak. Pada masa itu saya belum lagi melihat manuskrip-manuskripnya, hanya mendengar cerita.[7] Khabarnya semua khazanah itu dikawal dengan cukup ketat oleh seorang pegawai yang duduk di dalam bilik itu. Walaupun saya belum melihat isi bilik tersebut, tetapi dalam minit yang saya terima telah dapat saya agak akan kepentingannya kerana ada diingatkan bahawa khazanah yang amat berharga itu hendaklah dijaga/dipantau dengan baik dan sempurna, dan diminta hubungi Ketua Bahagian Perpustakaan untuk mendapatkan tenaga kerja yang ahli.

Saya dapat membaca perasaan Awang Alidin apabila khazanah yang begitu penting mahu ditarik keluar daripada bahagiannya yang sudah tentu akan menjadi satu pertandingan tarik tali yang sengit. Walaupun saya dapat melihat akan banyaknya tugas dan kerja yang mahu ditangani oleh BPPS dengan 14 orang pegawai sebagai satu kemustahilan, tetapi saya tidak bersungut kerana saya memang suka kepada cabaran. Saya tidak khuatir kerana ada Haji Muslim yang menjadi pegawai bahasa

dan timbalan ketua bahagian. Dia pernah mendapat latihan di England dan di Universiti Malaya. Dia juga seorang penulis novel dan cerpen yang terulung di Brunei. Ada Haji Abd. Rahman Yusof yang menjadi pengarang kanan dan aktivis sastera dan budaya, penggiat drama yang cukup berpengalaman. Haji Jawawi, penyair dan aktivis sastera. Haji Shawal walaupun agak mudah gugup, tetapi berintelek tinggi, penulis cerpen, sajak, dan esei. Abd. Hamid Abas yang baru balik dari England setelah menuntut dalam bidang penerbitan. Haji Lamat yang juga pernah mendapat latihan di England, walaupun pendiam tetapi kuat bekerja. Haris Bidin yang banyak pengalaman dalam bidang percetakan. Alimin seorang penyair, Othman Mohd. Dom yang lama dalam bidang editorial. Ada tiga orang jurutaip yang amat dedikasi, Rahiyah, Ayang, dan Usnah. Ada seorang kerani, Fatimah A. Latif yang juga pandai trengkas. Mereka inilah yang akan menjadi penggerak utama Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera yang bakal ditubuhkan itu. Mereka semua tidak sahaja berpengalaman, tetapi ada ilmu dan potensi yang hanya perlu didedahkan sahaja.

Orang Malaysia di Brunei

Di Brunei Darussalam seperti yang sudah saya sebutkan terdapat banyak rakyat Malaysia. Mereka yang bekerja sebagai guru agama mengatasi profesion yang lain dalam kerajaan, guru sekolah sekular dan di sektor swasta yang paling banyak di Syarikat Minyak Shell. Sebahagian daripada guru agama itu ada yang sudah 30 tahun berkhidmat. Mereka itu datang dari berbagai-bagai negeri di Semenanjung. Jumlah yang paling banyak datang dari Johor. Mereka dapat dianggap sebagai pelopor yang rela merentas hutan, menyeberangi

sungai, menaiki kereta lembu demi untuk menyampaikan ilmu agama kepada yang memerlukannya kerana pada masa itu permukaan bumi Brunei masih dipenuhi hutan rimba, belum ada jalan raya yang sempurna. Ada antara mereka yang kemudiannya berkahwin dengan gadis tempatan dan kemudian menjadi warganegara Brunei. Ada yang tetap dengan kewarganegaraannya yang kemudian timbul masalah tentang taraf kerakyatan anak-anaknya apabila Brunei mendapat perlembagaan baru pada tahun 1959. Sebelum terjadi perselisihan faham antara orang Brunei dengan pegawai tinggi Semenanjung kerana salah laku peribadi orang perseorangan yang menyinggung perasaan dan kemudian diikuti dengan peristiwa konfrontasi Indonesia dan pemberontakan Parti Rakyat yang menyebabkan pelajar-pelajar Brunei yang menuntut di Institut Teknologi MARA, Universiti Malaya, sekolah menengah sekular dan agama ditarik balik, maka hampir semua cabang dalam perkhidmatan awam ada *expatriate* dari Semenanjung termasuk dalam jabatan polis dan penjara. Sekarang, dalam tahun 1980-an ini orang Semenanjung yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam sudah tidak banyak lagi. Semua jawatan telah dipegang sendiri oleh orang-orang Brunei yang terdidik kebanyakannya di England bagi perkhidmatan awam dan dari Mesir bagi perkhidmatan dalam bidang agama. Jawatan yang tertinggi bagi orang dari Malaysia sekarang ialah mufti negeri Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz yang berasal dari Johor. Di jabatan DBP ini sendiri pada awal penubuhannya dahulu terdapat beberapa orang pegawai dari Semenanjung. Dua orang pegawai yang terakhir di Bahagian Pengarang ialah Ali Majod dan Anis @ Amida Abdul Hamid, kedua-duanya guru.

Kira-kira 17 tahun yang lalu beberapa orang pega-

wai dari Malaysia yang berkhidmat dengan kerajaan, telah menubuhkan sebuah persatuan yang diberi nama Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia di Brunei (PKMM). Persatuan ini telah didaftarkan pada tahun 1966 dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada rakyat Malaysia. Sebagai persatuan kebajikan, persatuan ini telah mengadakan pelbagai kegiatan dalam bidang khairat kematian, mengunjungi ahli-ahli yang sakit, memberi bantuan kewangan bagi meringankan beban keluarga yang ditimpa kemalangan dan membantu ahli yang memasuki gerbang perkahwinan. Setiap tahun diadakan berbagai-bagai majlis bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli dan kaum keluarga. Majlis diadakan pada masa yang tertentu, misalnya pada masa mesyuarat agung yang biasa diadakan antara bulan Oktober dan Disember setiap tahun sebelum cuti sekolah dan pada Hari Raya Puasa atau Hari Raya Haji. Majlis pada masa mesyuarat agung itulah yang paling lazim kerana kebanyakan orang Malaysia masih berada di Negara Brunei dan mereka yang tinggal berselerak di seluruh pelosok Brunei dapat dikumpulkan. Saya turut terlibat dalam Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia di Brunei ini tanpa ada rancangan awal. Tidak lama sesudah Hari Raya Haji, persatuan ini telah mengadakan mesyuarat agungnya di Pusat Belia yang terletak di Jalan Kianggeh di belakang Lapau tidak jauh dari hotel tempat saya tinggal. Pada pagi hari Ahad itu, Mohd. Noor Long mengajak saya menemaninya menghadiri mesyuarat tersebut.

"Saya bukan ahli, bagaimana saya mahu menghadirinya?"

"Saya juga bukan ahli," jawab Mohd. Noor. "Tetapi saya diundang dan disuruh membawa siapa saja orang Malaysia. Kita jadi ahli kemudian."

Dengan berpakaian Melayu seperti yang sudah menjadi kebiasaan di sini waktu menghadiri majlis, kami pun berjalan kaki menyusur tebing Sungai Kianggeh ke Pusat Belia. Sudah ramai juga yang hadir. Saya diperkenalkan oleh Mohd. Noor kepada Tuan Haji Ismail Muhammad yang dipertuanya dan kepada beberapa orang ahli jawatankuasa lain. Ada beberapa orang Kedah yang mengenali saya. Mereka lalu meletakkan saya duduk bersama-sama wakil dari Pejabat Suruhanjaya Malaysia yang akan merasmikan mesyuarat agung itu dan Dato' Abu Zar bin Haji Abu Bakar, penasihat persatuan tersebut. Dato' Abu Zar ialah mantan pegawai tinggi polis yang berasal dari Pulau Pinang dan sudah menjadi rakyat Brunei Darussalam.

Sesudah upacara perasmian saya tidak dibenarkan pulang. Mereka menyuruh saya ikut dalam mesyuarat agung itu. Waktu mencalonkan nama penasihat, entah dari mana nama saya juga disebut-sebut. Saya membantah kerana saya bukan ahli tetapi bantahan itu tidak diterima. Mesyuarat agung sebagai badan eksekutif yang tertinggi telah sebulat suara menerima saya sebagai ahli. Maka dalam masa pemilihan itu saya mendapat kelebihan suara yang agak banyak daripada Dato' Abu Zar dan saya pun terus dilantik sebagai penasihat menggantikan tempat penasihat yang lama. Ironinya Mohd. Noor Long yang membawa saya menghadiri mesyuarat agung itu tidak pernah menjadi ahli persatuan tersebut sehingga meninggalkan Brunei. Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia di Brunei merupakan satu-satunya persatuan yang paling stabil dibandingkan dengan persatuan-persatuan lain termasuk persatuan rakyat Brunei sendiri. Sebelum Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan, persatuan inilah yang menjadi badan perantaraan rakyat Malaysia berhubung-

an dengan pihak yang berwajib tidak sahaja dengan kerajaan Brunei, tetapi juga dengan kerajaan Malaysia sendiri. Persatuan ini menjadi wakil menyampaikan sembah tahniah rakyat Malaysia kepada Sultan Brunei pada setiap hari perayaan keputeraan baginda bersama-sama wakil rakyat dari negara lain pada upacara majlis menghadap yang diadakan di Lapau. Persatuan ini juga turut dalam majlis agama yang lain dan majlis bacaan al-Qur'an di Istana Darul Hana dan Istana Jerudung di sepanjang bulan Ramadan.

Walaupun persatuan ini agak panjang juga usianya dan banyak kegiatan, tetapi keahliannya berada dalam keadaan statik, tidak dapat mengembangkan sayapnya di luar daripada kalangan guru agama. Daripada sekian banyak rakyat Malaysia yang ada di Brunei, tidak sampai 200 orang yang menjadi ahli, yang bukan daripada guru agama dapat dikira dengan jari. Namun demikian, dengan ahli yang sedikit itu banyak bakti yang telah dapat dibuat tidak sahaja kepada ahli, tetapi juga kepada masyarakat di dalam dan di luar Brunei Darussalam. Ada beberapa tabung kebajikan yang dikhaskan untuk ahli yang sakit, kematian, nikah kahwin dan sebagainya. Sumbangan derma yang paling banyak yang pernah dikeluarkan oleh persatuan ini adalah kepada sekolah agama di Padang Lumat, Kedah yang musnah dijilat api. Satu lagi sumbangan kepada anak seorang rakyat Malaysia berasal dari Sarawak yang menghidap sakit jantung berlubang. Pejabat kebajikan kerajaan hanya dapat menyumbangkan sebahagian sahaja daripada belanja perubatannya yang akan dilakukan di Singapura. Pejabat itu tidak dapat menolong kerana bapa anak itu orang luar walaupun ibunya orang Brunei. Alhamdulillah, dengan sumbangan belanja yang selebihnya daripada PKMM, anak itu telah selamat menjalani pembedahan.

Apabila Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan dan pejabat Suruhanjaya Malaysia ditubuhkan, maka tugas berat persatuan khasnya yang berkaitan dengan urusan imigresen telah diambil alih. Anak-anak orang Malaysia hasil perkahwinan dengan rakyat Brunei sesudah perlembagaan baru tahun 1959 telah menimbulkan masalah. Anak-anak yang lahir sebelum itu masih diakui sebagai rakyat Brunei, tidak sahaja mendapat status penduduk tetap tetapi juga mudah memasuki sekolah kerajaan dan yang penting boleh mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran. Anak-anak yang lahir sesudah itu kebanyakannya berstatus *stateless* (tidak bernegara). Kejahilan ibu bapanya tentang hukum yang berlaku menyebabkan anak itu tidak jelas kewarganegaraannya. Hal ini tidak sahaja terjadi kepada orang-orang Malaysia tetapi juga kepada orang-orang asing lain terutama dari negara-negara yang dahulunya bekas jajahan Inggeris yang kini bergabung dalam Komanwel. Sebagai contoh, kes seorang perempuan India yang ibu bapanya sudah berpuluh tahun bermastautin di Brunei terpaksa memohon menjadi warganegara India untuk mendapatkan pasport bagi membolehkan dia keluar negeri walaupun kemudian akan kembali lagi ke Brunei. Hal yang sama berlaku kepada seorang anak teman saya yang sudah lulus STP, tetapi tidak dapat memasuki Universiti Brunei Darussalam apabila universiti itu ditubuhkan kerana keadaannya yang *stateless* dan akhirnya dengan pertolongan beberapa orang pensyarah dari Universiti Malaya, dia dapat melanjutkan pelajaran di Kuala Lumpur walaupun dengan hanya menggunakan semacam surat perjalanan sebagai ganti pasport. Syukur alhamdulillah, apabila telah lulus dia telah kembali ke Brunei dan dapat memberikan sumbangan baktinya kepada tanah kelahirannya kerana dia memang anak Brunei.

Demikian tugas sampingan yang dilakukan oleh persatuan ini bagi menyantuni kebajikan rakyat Malaysia di Brunei. Setinggi-tinggi tahniah patut diberikan kepada Tuan Haji Ismail Haji Muhammad yang sejak persatuan ini dipulihkan, telah menjadi yang dipertuanya sampai beberapa tahun lamanya sebelum bersara dan pulang ke Perlis untuk menjadi calon dalam salah satu pilihan raya. Encik Bidin Deraman dari Kelantan yang kini menjadi penduduk tetap terus-menerus menjadi naib yang dipertua, Tuan Haji Marmin Haji Idris dari Selangor yang sudah menjadi warganegara, beberapa tahun lamanya memegang jawatan setiausaha, Tuan Haji A. Kadir Talib yang menjadi bendahari, Tuan Haji Zahari bin Abdul Rahman, Tuan Haji Othman Haji Noor pegawai penerangan yang selama beberapa tahun dengan penuh dedikasi mengendalikan majalah *Muhibah*, majalah persatuan. Apabila Tuan Haji Ismail bersara dan pulang ke Semenanjung, buat pertama kali persatuan ini dikendalikan oleh orang yang bukan daripada guru agama iaitu Tuan Haji Radiman Sailan mantan pegawai Angkatan Laut Malaysia yang bertugas dengan pasukan polis laut. Apabila Tuan Haji Radiman pulang ke Kedah, persatuan ini diterajui oleh Haji Nurazami Kuntum seorang ahli akademik yang menjadi pensyarah bahasa di Universiti Brunei Darussalam. Selama 10 tahun saya bersama-sama Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia di Brunei dan beberapa perubahan telah dilakukan, walaupun kemasukan ahli baru amat lembap, namun keadaan kewangannya cukup mantap, selain beberapa tabung kebajikan yang selalu mendapat derma daripada ahli-ahli yang prihatin, yuran seumur hidup telah diperkenalkan bagi membina satu asas yang kuat. Hampir tiga suku daripada jumlah ahlinya kini menjadi ahli seumur hidup sehingga masalah yuran yang selalu

menjadi masalah kebanyakan persatuan sudah tidak timbul lagi. Wang simpanan juga cukup lumayan. Pada mulanya wang itu disimpan sebagai simpanan tetap di Bank Islam Cawangan Kota Kinabalu untuk mengelak daripada *interest* di bank awam yang biasa, tetapi kemudian ternyata daripada faedah yang diperoleh setiap tahun, wang itu bukan semakin bertambah tetapi semakin merosot nilainya daripada ringgit Brunei. Akhirnya simpanan itu telah dipindahkan balik ke Brunei.

Tiga orang pesuruhjaya tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam secara kebetulan bernama Zainal. Walaupun saya berkenalan baik dengan ketiga-tiga mereka itu, tetapi dengan Dato' Zainal Mokhtar, pesuruhjaya tinggi yang kedua rasanya agak lebih mesra. Ini mungkin kerana diplomasinya lebih baik, mahu merapati orang biasa dan memberi kerjasama dengan Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia di Brunei dalam berbagai-bagai kegiatan sosial yang diadakan. Shukor Haji Salleh seorang pegawai kanan di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi itu berasal dari Johor menjadi kawan rapat saya. Begitu juga dengan Teuku Iskandar Alibasyah dan Encik Lim mantan pendaftar Universiti Malaya yang kini menjadi penasihat pendaftar di Universiti Brunei Darussalam. Shukor dan isterinya yang berasal dari Melaka itu tidak mempunyai anak walaupun sudah lama berkahwin. Maka sebagai suatu kesenangan bagi isterinya yang suka memasak, dia menjemput kami makan tengah hari di rumahnya yang terletak di Jalan Berakas berhampiran simpang Lebuh Raya Tutong-Muara pada setiap hari Ahad.

Demikianlah pada salah satu hari Ahad, sedang kami makan dalam keadaan santai, Encik Lim tiba-tiba bertanya mengapa dia terlalu suka tidur?

"Itu ialah latihan kita untuk mati," jawab saya secara



Ahli Jawatankuasa Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia di Negara Brunei Darussalam. Dari kanan: Haji Marmin Haji Idris, setiausaha; Tuan Haji Ismail Muhammad, yang dipertua; dan di kiri sekali, Tuan Haji Othman Haji Noor, ketua penerangan merangkap pengarang *Muhibah*, selepas mesyuarat di Seria.

berseloroh. "Mati itu ialah tidur yang panjang."

Saya tidak menyangka jawapan itu telah begitu berkesan dalam hatinya, sehingga di mana sahaja kami berjumpa dia akan mengulangi kembali kata-kata itu di hadapan khalayak.

Pada masa Dato' Haji Mustaffa bin Haji Mohammad menjadi pesuruhjaya, ada usaha-usaha menyatukan semua rakyat Malaysia yang berada di Brunei dalam satu persatuan yang bukan perkauman. Idea itu timbul semasa perayaan Minggu Kebangsaan Malaysia yang ke-35, ketika semua rakyat Malaysia daripada setiap lapisan masyarakat ikut serta merayakannya dengan kerjasama Pejabat Suruhanjaya dan Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia di Brunei. Walaupun PKMM dibawa bersama dalam perundingan bagi gagasan itu, tetapi idea itu hilang tanpa kubur. Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia masih tetap seperti biasa.

Pengurus Sastera

Saya sudah dipindahkan ke tingkat 3 di Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera dan berkongsi dengan Bahagian Penyelidikan dan Penggalakan Kebudayaan. Pusat Sejarah yang masih menumpang di bahagian anjung bangunan itu telah menggunakan sebuah bilik untuk menempatkan dua orang pegawai penyelidik di sebelah bilik saya. Sebelum turun dari tingkat 4 saya mencadangkan kepada pengarah supaya semua dinding yang memisahkan antara bilik-bilik daripada setiap unit itu dibuka termasuk dinding bilik saya dan bilik Haji Muslim yang menjadi timbalan. Saya mahu supaya semua pegawai terdedah kepada satu sama lain, tidak seperti sekarang ini dibatasi oleh bilik-bilik yang kecil sehingga amat menyukarkan mahu bergerak. Sebaha-

gian dinding itu mula dibuka, tetapi apabila sampai ke bilik saya pekerjaan membuka dinding-dinding itu tiba-tiba sahaja dihentikan. Saya diberitahu oleh pengarah bahawa ada ketua di bahagian lain yang memprotes pembukaan dinding-dinding bilik itu, maka bilik saya dan bilik Haji Muslim pun tinggal seperti biasa. Bilik saya agak besar menghadap ke sebelah selatan ke pusat Bandar Seri Begawan dengan panorama Kampung Air dan Masjid Omar Ali Saifuddin yang dapat saya lihat orang keluar masuk dari pintu utamanya. Saya sangat suka posisi bilik itu dan percaya atau tidak selama 10 tahun saya tidak pernah menggunakan lampu kerana mendapat cahaya yang cukup dari jendela kaca yang tidak pernah ditutup bidainya.

Pada 30 November 1982 saya telah menyampaikan kepada pengarah satu kertas rancangan kerja lima tahun 1982–1986 setebal 17 halaman. Di dalamnya saya huraikan matlamat bahagian dan organisasi berpandukan kepada buku hijau yang disediakan olehnya. Saya cadangkan pembentukan unit-unit, lima buah unit semuanya bagi memudahkan pengagihan tenaga kerja dengan pegawai-pegawai yang ada. Unit-unit itu ialah: Sastera Lama, Sastera Kreatif, Majalah, Kegiatan dan Dokumentasi. Kecuali unit dokumentasi yang masih dalam perbincangan dengan Ketua Bahagian Penyelidikan dan Penggalakan Kebudayaan, yang lainnya sudah dapat ditangani serta-merta. Namun rangka tugas untuk unit yang satu itu disediakan juga. Dalam kertas rancangan kerja itu juga saya kemukakan cadangan pengambilan kakitangan baru yang berkelayakan dan latihan akademik serta profesional untuk kakitangan yang telah memperlihatkan dedikasi, bakat dan kesanggupan mulai tahun 1983. Dalam matlamat penerbitan bahagian ini akan mengusahakan 10 buah buku bacaan umum setiap tahun

untuk orang dewasa dan kanak-kanak yang kreatif dan non-kreatif dengan tujuan untuk memainkan peranan dalam kegiatan pembangunan negara dari segi membentuk generasi baru yang progresif dan bermoral serta mempunyai minat yang tinggi dalam bidang kebudayaan, sosial, ekonomi, dan politik.

Ketika itu, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei telah mempunyai tiga buah majalah. *Mekar*, majalah kanak-kanak seperti *Dewan Pelajar*, *Bahana* majalah yang lebih menitikberatkan sastera seperti *Dewan Sastera* dan *Beriga*, majalah berkala umum seperti *Dewan Masyarakat*, kesemuanya diterbitkan tiga bulan sekali menurut jadualnya. Ketiga-tiga majalah ini dicetak oleh Percetakan Kerajaan.

Pada suatu hari saya dipanggil ke bilik pengarah.

"Saya mahu menyerahkan tugas penerbitan majalah *Mekar* ini kepada tuan haji," kata Pengiran Badaruddin sambil menyerahkan senaskhah majalah *Mekar* yang terakhir. Saya tersentak. Terdiam sejurus tidak dapat berkata-kata kerana tugas itu sangat berlainan daripada yang saya harapkan. Saya agak kecewa sedikit. Dalam kepala saya selama ini terbayang majalah *Bahana* yang lebih sesuai untuk bahagian ini, bukan majalah *Mekar*. Saya terkesima kerana kiranya tugas yang sama pula akan saya lakukan di sini seperti waktu di Sabah dahulu.

"Tapi ini majalah kanak-kanak," kata saya kemudian. "Lebih tepat jika terus dikelolakan oleh Bahagian Buku-Buku Umum seperti sekarang ini."

"Mereka tidak mahu menyerahkan majalah *Bahana*. Tuan haji ambillah saja majalah ini."

Saya tidak dapat menolaknya lagi – sudah menjadi sebagai suatu perintah.

"Baiklah," kata saya setelah membelek majalah itu seketika lamanya, dari kulit depan sampai ke kulit bela-

kang. "Saya minta tempoh beberapa hari untuk membuat kajian."

Setelah kembali ke bilik, saya memanggil semua ketua unit untuk memberitahu arahan baru itu dan berbincang serta mengumpulkan sedikit maklumat yang boleh dijadikan panduan. Ada antara mereka yang pernah ikut terlibat sebagai editor majalah tersebut seperti Haji Muslim misalnya. Saya kemudian meminta seorang pegawai mengikut saya pergi melawat secara rambang ke beberapa buah sekolah untuk mendapatkan maklum balas daripada guru-guru dan murid-murid tentang majalah *Mekar* yang mereka terima selama ini. Saya amat terperanjat mendapati ada murid yang tidak pernah melihat apatah lagi membaca majalah tersebut. Kemudian ternyata majalah-majalah yang dikirimkan ke alamat guru besar itu masih lagi ada di dalam bungkusan tercampak di sudut bilik pejabatnya. Ada juga yang telah meletakkan majalah itu di dalam perpustakaan sekolah, ini tentu lebih baik.

Saya lalu menulis surat kepada pengarah menyatakan kesediaan untuk mengendalikan majalah itu dengan syarat: diterbitkan pada tiap-tiap bulan, dicetak di percetakan swasta, dan dijual walaupun dengan harga 50 sen senaskhah supaya murid-murid yang membelinya dapat merasai akan nilainya.

Cadangan saya itu telah dipanjangkan kepada Setiausaha Kerajaan dan dalam masa menunggu jawapan itu kami membuat persediaan yang perlu terutama tentang fizikal majalah itu dan isinya. Pengalaman waktu di Oxford University Press dahulu saya jadikan contoh untuk menangani penerbitan majalah yang kewujudannya hampir dilupai itu. Saya teringat kepada R.E. Brammah, pengurus OUP yang membeli hak menerbit buku-buku klasik Melayu daripada MPH.[8] Buku-buku itu telah ber-



Staf Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka Negara Brunei Darussalam. Barisan hadapan dari kanan: Haji Lamat Jaafar, Hajah Nortijah Mohd. Hassan, Aminah Haji Momin dan Haji Haris Bidin. Barisan belakang dari kanan: Salleh Abdullah, Pengiran Hajah Masnah, Ayang Awang Ering, Hajah Simpul Matyassin, Rahiyah Haji Ampal, Hajah Saharah Abd. Wahab dan Pengiran Haji Aji.

puluh kali diterbitkan. Pada fikiran saya untuk apa lagi diterbitkan semula, siapa yang mahu membelinya? Tetapi ternyata setelah diberi baju baru dengan kata pengantar daripada ahli akademik, diberi perenggan dan tanda baca yang teratur, maka buku-buku tersebut sampai hari ini masih lagi diulang cetak.

Majalah *Mekar* ini pun akan saya lakukan seperti itu. Formatnya diubah, ilustrasi kulitnya mesti mengikut keadaan semasa dan bentuk hurufnya pun mesti disesuaikan dengan mentaliti anak-anak 6 sampai 12 tahun.

Kira-kira sebulan sesudah cadangan itu dikemukakan kepada Setiausaha kerajaan, maka datanglah berita yang sangat menggembirakan. Cadangan kami diterima seluruhnya. Majalah itu akan dijual dengan harga 50 sen senaskhah walaupun upah cetaknya tiga kali ganda daripada itu. Ini sebagai subsidi daripada kerajaan untuk pelaburan intelektual.

Ejaan Rumi Baru

Sesudah mendapat kepastian tentang penyusunan semula bahagian-bahagian maka sebelum memulai tugas secara rasmi sebagai Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera, satu perkara yang sangat penting dan agak mengganggu terlintas dalam fikiran saya. Perkara ejaan rumi yang digunakan di Negara Brunei pada masa itu Ejaan Za'ba. Ejaan ini menjadi ejaan rasmi yang digunakan di pejabat-pejabat kerajaan, di sekolah-sekolah dan juga di sektor awam. Saya memang tidak berapa lancar dengan ejaan ini kerana sudah terbiasa dengan ejaan rumi Indonesia. Waktu berkhidmat di Oxford University Press (OUP) pada awal tahun 1961 dahulu, masalah ejaan ini agak bercelaru sedikit. OUP menggunakan dua macam ejaan untuk buku-buku terbitannya.

Ejaan Za'ba untuk buku-buku sekolah dan buku-buku dalam siri "Siri Sastera Timur dan Barat" seperti karya-karya asli dan novel-novel terjemahan. Ejaan kongres (Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ke-3) yang tidak begitu berbeza dengan ejaan baru sekarang dengan sedikit perubahan untuk buku-buku terjemahan bagi bacaan umum dalam siri Pustaka Pedoman seperti buku-buku politik, falsafah, kebudayaan dan bahasa. Saya diberi tugas oleh Asraf mengendalikan buku-buku bacaan umum kerana dia tahu saya lebih selesa dengan ejaan kongres yang hampir sama dengan ejaan Soewandi yang digunakan di Indonesia.

Saya mulai memikirkan kesukaran yang dihadapi oleh para pelajar Brunei yang mengambil peperiksaan SRP, SPM dan STP yang sama dengan pelajar-pelajar Malaysia yang peperiksaannya dikendalikan dari London walaupun mereka dibenarkan menggunakan ejaan Za'ba. Tetapi tidak dapat tidak, sedikit sebanyak mereka akan dikacaukan oleh ejaan lama dalam buku-buku teks yang diterbitkan di Brunei dan ejaan baru daripada buku-buku teks, buku-buku cerita, majalah dan surat khabar dari Malaysia dan Singapura yang melimpahi pasaran di Negara Brunei. Perkara kedua dan yang penting saya rasa ialah Brunei akan tinggal terpencil sendirian dalam kawasan berbahasa Melayu kerana masih menggunakan ejaan lama, sedangkan Indonesia, Malaysia bahkan Singapura telah pun menggunakan ejaan baru. Bahasa Melayu Brunei akan terpinggir dan susah untuk berkembang. Demi memikirkan hal itu, maka pada pertengahan bulan Julai saya menulis surat secara peribadi kepada Pengiran Badaruddin, mengemukakan pandangan saya itu dan mencadangkan supaya kerajaan Brunei mengambil langkah-langkah yang positif mengikut jejak Indonesia, Malaysia dan Singapura. Pengiran

Badaruddin telah bertindak cepat memanjangkan isi surat saya itu dalam bentuk sebuah memorandum kepada Setiausaha Kerajaan di Pejabat Menteri Besar. Dalam memorandum tersebut beliau bertindak lebih jauh lagi dengan membuat cadangan supaya kerajaan mengisytiharkan penggunaan sistem ejaan baru mulai dari 29 September 1982 bersempena tarikh penandatanganan Perlembagaan Negeri Brunei 23 tahun yang lalu.

Sudah hampir satu bulan memorandum itu dikirimkan, masih belum ada apa-apa reaksi daripada pihak atasan. Pengiran Badaruddin sudah mulai risau dan berkata kepada saya, "Tuan haji, sekiranya dalam masa dua tiga hari ini tidak ada jawapan, maka itu tandanya kerajaan menolak cadangan kita."

Mendengar kata-katanya itu saya pun ikut menjadi risau. Saya risau bukan kerana cadangan itu ditolak, tetapi risaukan tentang rancangan penerbitan buku-buku yang menjadi matlamat bahagian saya. Buku-buku yang akan diterbitkan dalam ejaan lama. Buku-buku itu hanya akan berguna kepada rakyat Brunei yang jumlahnya tidak sampai suku juta, tidak akan diminati oleh orang-orang di luar Brunei walaupun mereka berbahasa Melayu, kemudian tentang masalah yang saya sebutkan di atas walaupun itu adalah masalah Brunei sendiri.

Lagi tiga hari bulan Ogos akan berakhir, Pengiran Badaruddin sedang bercuti ketika saya menerima minit daripada Dayang Fatimah Haji Husain, pemangku timbalan pengarah bersama-sama salinan memorandum[9] daripada Setiausaha Kerajaan yang ditandatangani oleh Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Abdul Rahman Taib, Pemangku Setiausaha Kerajaan, memorandum itu sebagai jawapan kepada memorandum Pengarah DBP yang bertarikh 17 Julai tentang ejaan baru. Pihak kerajaan telah meneliti dan mempertimbangkan cadangan

itu dengan sehalus-halusnya dan meminta satu rancangan yang teratur bagi pelaksanaannya termasuk penggunaan dan penyebaran di sekolah-sekolah, di pejabat-pejabat kerajaan dan di firma-firma, bahan-bahan bacaan dan bilangan guru-guru yang berkemampuan.

Pemangku timbalan pengarah menerusi minitnya itu telah meminta saya dan Dayang Kamisah Haji Rahmat, Pemangku Ketua Bahagian Pembinaan dan Perkembangan Bahasa menyediakan rancangan masing-masing untuk dibincangkan dalam satu mesyuarat yang akan diadakan pada 2 Ogos jam 9.30 pagi di bilik pengarah apabila Pengiran Badaruddin sudah kembali bertugas. Dalam minitnya itu disertakan juga laporan jawatankuasa bagi mengkaji penggunaan ejaan baru untuk Brunei sebagai panduan.

Saya masih ingat tarikh itu, 4 September 1982 jam 10.00 pagi. Kami berempat (Pengiran Badaruddin, Dayang Fatimah, Dayang Kamisah dan saya) berkumpul di dalam bilik pengarah membincangkan kertas kerja yang saya sediakan.

Beberapa perkara yang saya cadangkan dalam kertas kerja itu telah dibincangkan dan dipertimbangkan dengan teliti sebelum dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan. Antaranya cadangan mendatangkan pakar-pakar bahasa Melayu dari Kuala Lumpur untuk memberikan penerangan dan kursus pada bulan Oktober ataupun selewat-lewatnya bulan November untuk selama tiga bulan, yang dijangka berakhir pada bulan Januari 1983 yang akan merupakan bulan pembersihan (*clearing-up*). Pada masa itu pegawai-pegawai kerajaan, jurutaip, setiausaha dan guru-guru diharap telah memahami sistem ejaan baru. Sebuah buku pedoman sistem ejaan baru seperti yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur akan diedarkan setelah diubahsuai oleh pengarah

mengikut nafas Brunei. Pengarah juga akan berunding dengan Datuk Haji Hassan Ahmad, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur bagi mendapatkan tenaga pakar yang saya cadangkan, iaitu Awang Sariyan dan Ismail Dahaman, bagi menyampaikan kursus intensif tentang ejaan. Saya kemudian ditugaskan untuk menghubungi lebih dulu kedua-dua pegawai bahasa ini dan meminta Ismail Dahaman yang sedang memberi panduan tentang ejaan baru di TV Malaysia membantu menerbitkan rancangan yang sama di TV Brunei selama kira-kira 15 minit. Dalam kertas kerja saya yang asal ada ditekankan agar pegawai-pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka mesti diberi keutamaan lebih dulu mempelajari sistem ejaan baru ini sehingga dalam masa yang singkat mereka dapat menjadi pembantu kepada pakar-pakar yang didatangkan dari Kuala Lumpur itu dan mereka kemudian dapat mengambil alih tugas pakar-pakar tersebut. Sebuah jawatankuasa pelaksanaan ejaan baru akan dibentuk dan segala masalah yang timbul kemudiannya akan diselesaikan secara berperingkat-peringkat sebelum hari kemerdekaan Brunei yang dijangka akan diumumkan pada tahun 1983.

Hasil perbincangan itu bersama-sama cadangan pelaksanaan telah dikirimkan kepada Setiausaha Kerajaan untuk mendapatkan kelulusan. Tidak sampai dua minggu berita yang paling menggembirakan pun kami terima. Kerajaan telah bersetuju dengan semua cadangan yang kami kemukakan. Pada akhir bulan September, ketika masalah ejaan baru ini masih dalam perbincangan, adik saya Prof. Ismail Hussein telah datang ke Brunei ditemani oleh Hamdan Yahya, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah dan Haji Hussain Jamil, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak. Mereka membawa beberapa gagasan baru. Satu

pertemuan secara tidak formal telah diadakan di bilik Pengiran Badaruddin, saya dan Haji Muslim dijemput ikut serta dan Haji Muslim kemudian bertindak sebagai pencatat perbincangan dalam pertemuan tersebut.

Dalam pertemuan itu telah dikemukakan satu draf cadangan Hadiah Sastera Borneo. Pada dasarnya cadangan tersebut telah diterima walaupun ada masalah yang perlu diselesaikan lebih dulu, iaitu tentang taraf kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai negeri berbanding dengan Brunei sebagai sebuah negara. Dalam keadaan demikian, Sabah dan Sarawak lebih dulu mesti mendapatkan restu daripada Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, Sabah dan Sarawak tetap memberikan sokongan penuh terhadap sebarang langkah bagi mewujudkan Hadiah Sastera Borneo ini dan akan berusaha untuk mengajukan permohonan secara formal kepada kerajaan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Cadangan untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada syarikat-syarikat swasta yang difikirkan boleh diajak ikut serta dalam rancangan hadiah ini ternyata sukar dilaksanakan oleh Sabah dan Sarawak kerana belum ada syarikat yang memperlihatkan minatnya dalam bidang kebudayaan dan sastera. Bagi pihak Brunei, menurut Pengiran Badaruddin, Syarikat Shell Brunei dapat diajak sama kerana pada masa kebelakangan ini ia telah memperlihatkan minat yang besar terhadap perkembangan sastera. Dalam pada itu Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dengan kerjasama ASTERAWANI (Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani) akan mewujudkan satu anugerah sastera bagi penulis-penulis Brunei sendiri yang akan melibatkan Syarikat Shell Brunei, dan Bank Kebangsaan Brunei telah memperlihatkan minatnya. Sebuah majalah khu-

sus tentang sastera juga akan diterbitkan tidak lama lagi dan mengundang para penulis Sabah dan Sarawak untuk mengirimkan karya-karya mereka. Prof. Ismail telah mengemukakan satu cadangan supaya satu pertemuan secara kecil-kecilan bagi penulis-penulis wilayah di sebelah Borneo Utara (Sabah, Brunei dan Sarawak), Borneo Kalimantan dan Sulawesi Selatan diadakan, yang akan dikenali sebagai Dialog Timur. Pada pertemuan dialog ini, para penulis dapat berinteraksi dalam suasana penuh mesra dan kekeluargaan. Cadangan itu telah diterima dan Brunei berjanji akan mengadakannya pada tahun 1983. Pengiran Badaruddin menawarkan Brunei menjadi tuan rumah yang pertama sekiranya dialog itu dapat diadakan pada 29 September 1983.

Hasil pertemuan tidak rasmi itu yang kini sudah pun menjadi realiti ialah Dialog Timur, yang pertama kali diadakan di Miri, diikuti oleh Kota Kinabalu dan kemudian di Brunei. Dialog yang ke-4 sudah berubah nama menjadi Dialog Kalimantan-Borneo, telah diadakan di Pontianak pada 27 Julai 1995 dengan konsep yang lebih luas.

Di kawasan Brunei, Sabah dan Sarawak Utara serta Labuan kemudian lahir Dialog Teluk dalam bentuk yang lebih kecil, tetapi telah hilang tanpa kubur sesudah kali terakhir berlangsung di Bandar Seri Begawan.

Kampung Air

Sehingga bulan Disember, saya masih tinggal di Hotel Brunei. Sudah dua tiga kali pindah bilik. Giliran untuk mendapatkan rumah kerajaan rasanya masih lama lagi. Daripada senarai "menunggu rumah pegawai kanan kerajaan" yang saya terima daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, nama saya berada pada tangga

yang ke-109 dengan 131 markah. Di atas saya nombor 108 dengan markah yang sama ialah seorang Cina dari Unit Perancang Ekonomi. Tinggal di hotel memang enak sekiranya untuk satu dua hari ataupun paling lama satu minggu. Ada orang yang mengemaskan bilik, kain cadar diganti setiap hari. Tetapi apabila sudah lama sampai lima bulan seperti saya sekarang ini, rasa gelisah mulai mengganggu perasaan. Setiap hari sebaik sahaja pulang dari kerja terus masuk ke dalam bilik empat persegi dikelilingi tembok. Setiap saat hanya tembok dan siling sahaja yang kita lihat. Walaupun ada tingkap yang boleh dibuka, tetapi pemandangan di luar tingkap itu diadang oleh tembok bangunan di seberang jalan. Sebab itulah saya pindah beberapa kali apabila ada kesempatan untuk mendapatkan bilik di sebelah kanan hotel yang menghadap ke Sungai Kianggeh.

Waktu baru-baru sampai di Brunei dahulu, apabila pulang dari pejabat, saya akan tidur sekejap dan kemudian keluar berjalan ke Tabing, dermaga tempat feri dan bot dari Labuan, Limbang dan Lawas berlabuh. Di sebelahnya pangkalan tempat orang-orang Kampung Air naik dan turun bot. Di Tabing, di hadapan pejabat imigresen ia menjadi tempat penjaja kecil Brunei berjualan pelbagai macam barang makanan baik yang masih mentah seperti sayur dan buah-buahan hingga kepada yang sudah dimasak. Pada bulan puasa, orang yang berjaja makanan menjadi lebih ramai. Di sini yang paling terkenal ialah cendol Haji Metali, khabarnya sampai 1000 ringgit sehari dan kadang-kadang lebih. Walaupun ada beberapa orang lain yang menjual cendol, tetapi cendol Haji Metali juga yang menjadi pilihan ramai kerana sudah terkenal. Saya kenal dengan Haji Metali ketika datang mencari bahan untuk biografi Harun Aminurrasyid dahulu. Dia mengundang saya makan di

rumahnya untuk bertemu salah seorang yang hidup pada zaman Jepun dan yang mengenali Harun. Anaknya Dayang Juriah, pegawai penyelidik di Pusat Sejarah, pada masa ini menduduki pejabat sementara di sebelah bilik saya kerana bangunan pejabat Pusat Sejarah belum siap lagi. Cerita Haji Metali dengan cendolnya umpama cerita "*from rags to riches*". Dia memulai perniagaan cendolnya itu dengan menjaja dari pejabat ke pejabat sebelum berpangkalan di Tabing. Dia bukan peniaga yang bermusim. Biar hujan atau panas perniagaannya itu terus berjalan.

Tidak jauh di sebelah kanan pejabat imigresen itu ada pasar ikan kecil. Selain ikan yang dijual di gerai, ada ikan yang dijual di dalam perahu yang berlabuh di bawah pasar itu. Penjualnya terdiri daripada orang perempuan yang memakai topi besar dan mereka dikenali sebagai *pandian*. Menurut cerita, sebelum ada pasar seperti sekarang ini, *pandian* itulah yang menjadi penjaja tradisi di Kampung Air. Mereka menjual segala macam barang keperluan yang telah menjadikan Kampung Air itu sebagai pusat perdagangan yang makmur pada masa dahulu. Tetapi *pandian* yang tinggal sekarang hanyalah yang berlabuh di bawah pasar kecil di tepi sungai itu sahaja.

Saya suka ke Tabing kerana selain dapat melihat wajah Brunei yang asal dengan Kampung Air yang paling besar di dunia, di sana ada pergerakan manusia yang tidak berhenti-henti. Sungai Brunei yang lebar itu sibuk dengan sampan kecil dan besar yang menggunakan enjin sangkut yang bersilang-siur mengangkut penduduk dari rumah ke darat dan dari darat ke rumah. Mereka dipanggil teksi air. Dapat kita bayangkan kesibukan itu jika kita ingat akan jumlah penghuni Kampung Air yang tidak kurang daripada 40 000 orang, iaitu satu per enam

daripada penduduk Brunei Darussalam seluruhnya. Bot yang berbagai-bagai rupa dan hiasan yang beroperasi itu menyebabkan laluan di sungai tersebut menjadi terlalu bising dan sibuk hampir menyamai kesibukan jalan biasa di darat. Bot kecil yang dipandu laju oleh anak-anak muda menyebabkan percikan air menyembur naik seperti sayap. Saya teringat kartun yang dilukis oleh Lat[10] tentang Sungai Brunei. Di tengah-tengah kesibukan bot yang bersilang-siur ada diletakkan tanda "*Stop. Look. Go*". Satu sindiran yang tajam.

Kampung Air ini ada semacam daya tarikan bagi diri saya. Saya tidak pernah merasa jemu melihatnya dan selalu menyimpan niat untuk merasai kehidupan di salah sebuah rumah di atas air itu. Seperti niat waktu mula-mula ke Kota Kinabalu dahulu yang juga mempunyai kampung airnya. Namun, sehingga saya meninggalkan Brunei 10 tahun kemudian, niat itu tidak juga kesampaian.

Kampung Air Brunei telah wujud sejak beberapa abad yang lalu, hampir sama usianya dengan Negara Brunei Darussalam itu sendiri, malah mungkin lebih awal lagi. Pada zaman dahulu ia menjadi pusat kebudayaan di samping pusat pemerintahan raja Brunei. Ia juga menjadi pusat penyebaran dan pengembangan agama Islam. Di Kampung Air ini juga dijalankan kegiatan ekonomi dengan ejen-ejennya yang dikenali sebagai *pandian*, *pengalu* dan *nakhoda* yang sekarang sudah hampir tidak dikenali lagi.

Kampung Air terdiri daripada beberapa buah kampung yang berbentuk sebagai unit dipisahkan oleh laluan air atau anak sungai kecil dengan nama-namanya yang tersendiri. Ada beberapa buah kampung yang masih dikenali dengan nama asal seperti Burung Pingai, Sungai Kedayan dan Tamoi, sementara Kampung Lorong

Sekuna, Kampung Lorong Dalam, Kampung Sungai Kebun menurut ceritanya ialah nama baru sebagai ganti namanya yang asli. Ada pula yang menggunakan nama orang-orang kenamaan atau nama ketua kampung. Yang menariknya, beberapa buah kampung di Kampung Air ini dikenal dengan nama jenis keahlian seperti pandai besi, pandai amas, pemeriuk, perambat, pabalat, padaun atau pengatap, pemukat, peminyak dan pakayu. Selepas Perang Dunia Kedua, Kampung Air menjadi bertambah besar. Kampung Saba sahaja telah dipecah menjadi Saba Laut, Saba Tengah, Saba Ujung, Saba Darat A dan Saba Darat. Begitu juga dengan Kampung Pandai Besi di Kampung Kedayan.[11]

Rumah-rumah di kampung air ini didirikan dalam keadaan yang amat rapat bertembung antara satu sama lain. Hal ini terjadi mungkin kerana terpaksa meluaskan ruang rumah untuk membina bilik-bilik baru bagi keluarga yang baru kahwin. Masyarakat kampung air merupakan satu masyarakat rapat semacam *closed family* yang hidup bersama di bawah satu bumbung meskipun sudah berumah tangga. Di dalam rumah-rumah yang dari luarnya kelihatan amat daif, dinding papan yang sudah lusuh dan atap zink yang sudah kemerahan oleh karat, terdapat kerusi meja yang mahal, *settee* mewah, peti TV yang besar dan permaidani yang diimport. Rumah-rumah yang dahulunya didirikan di atas tiang-tiang kayu yang tahan air, kini sudah banyak yang digantikan dengan tiang beton, rumah papan digantikan dengan rumah batu dan ada yang dua tingkat. Oleh sebab rumah-rumah yang dibina terlalu rapat, maka amat mudah terjadi kebakaran dan korban harta benda cukup besar. Selama 10 tahun saya di Brunei, beberapa kali kebakaran telah berlaku. Asap hitam berkepul naik ke udara yang dapat saya saksikan dengan jelas dari

bilik saya di tingkat 3 Dewan Bahasa dan Pustaka. Kali terakhir ialah kebakaran di Jalan MacArthur berhampiran Masjid Omar Ali Saifuddin.

Menurut cerita, bukan tidak ada usaha oleh pihak kerajaan untuk memindahkan penduduk Kampung Air ini ke darat. Beberapa buah kampung penempatan baru telah diwujudkan di sekitar Bandar Seri Begawan bagi penempatan semula penduduk-penduduk tersebut dengan membawa bersama nama kampung asalnya, tetapi sambutannya tidak begitu menggalakkan sehingga usaha tersebut terbengkalai buat seketika. Pada masa dahulu orang Kampung Air ini terutama daripada golongan bangsawan tidak suka pindah ke darat kerana dari rumah di dalam air itu lebih senang menjaga hamba (ulun) supaya jangan lari. Bagi mereka tenaga manusia itu lebih penting daripada tanah di darat. Pada anggapan mereka tanah itu bukan satu keperluan asas. Yang paling banyak pindah ke darat ialah orang Cina dan India yang tinggal di Kampung Sultan Lama. Walaupun bagi sesetengah pihak, terutama pada zaman industri pelancongan sedang berkembang, Kampung Air itu dilihat sebagai sesuatu yang menyakitkan mata dan boleh menjatuhkan imej negara Brunei sebagai negara yang terkaya di dunia, tetapi secara tidak langsung menjadi aset penting untuk menarik para pelancong. Rumah-rumah yang sudah tua dan buruk itu dapat disalahertikan sebagai lambang kemiskinan. Ini belum lagi dikira dengan pencemaran yang berlaku terutama sampah sarap yang dapat dilihat di bawah rumah di sekitar tebing sungai.

Apabila usaha kerajaan mahu memindahkan mereka ke darat tidak mendapat sambutan, sebagai alternatif untuk meningkatkan taraf kampung-kampung tersebut, telah disediakan beberapa kemudahan asas seperti lampu elektrik, air bersih, klinik, balai polis dan bomba,



Kampung Air Negara Brunei Darussalam yang paling unik dilihat dari udara, merupakan sebuah komuniti yang tersendiri dan khusus. Di tengah-tengah ialah Masjid Omar Ali Saifuddin.

malah pada masa ini telah didirikan tujuh buah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah yang mempunyai seribu orang murid. Setiap masa, sejak matahari belum terbit sampai ke tengah malam, kita akan melihat penduduk kampung ini tidak putus-putus naik turun dari rumah ke darat dan dari darat ke rumah, tidak kira dalam keadaan cuaca hujan atau panas. Orang lelaki dan perempuan dengan pakaian yang cantik ke tempat kerja atau kanak-kanak ke sekolah sudah menjadi biasa dengan simbahan air sungai yang mungkin menimbulkan rasa hairan yang bukan kepalang kepada orang luar yang melihatnya. Itulah panorama Kampung Air Brunei yang tidak ada duanya di dunia ini yang sangat memikat hati saya.

Penyakit Ganjil

Pada awal bulan Disember, isteri dan dua orang anak saya telah tiba di Bandar Seri Begawan. Inongputri yang berada di darjah tiga Sekolah Sri Petaling akan menyambung pelajarannya di Brunei. Iqbal baru masuk tadika. Isteri saya telah meminta berhenti daripada Kedutaan Besar Republik Indonesia setelah 15 tahun bertugas sebagai operator telefon, iaitu sejak tamatnya konfrontasi, ketika Kantor Perhubungan Indonesia mula ditubuhkan sebagai permulaan pulihnya hubungan diplomatik. Dia mahu bersama-sama saya di Brunei. Dengan kedatangan isteri dan anak-anak saya itu, maka kami terpaksa mengambil sebuah bilik lagi. Isteri saya mulai memasak sendiri dengan menggunakan ruangan bilik mandi yang sempit itu sebagai dapur. Isteri saya seorang yang suka memasak. Pada satu masa dahulu dia berusaha mempelajari pelbagai jenis masakan, tetapi usahanya itu terbantut apabila mengetahui bahawa saya bukan seorang yang kuat makan, biar bagaimana enak masakan pun

saya makan hanya sebanyak itu sahaja, tidak bertambah. Setelah tinggal di hotel ini walaupun dalam keadaan yang amat terbatas, minatnya kepada masakan timbul kembali kerana tergoda oleh pasar besar tempat menjual segala macam ikan yang masih segar serta murah yang hanya beberapa langkah di sebelah kiri bangunan hotel itu. Sayur-sayuran dijual di pasar yang terpisah agak jauh sedikit dari situ. Di sini yang menarik bagi kita yang datang dari Kuala Lumpur ialah udang galahnya cukup banyak dan murah. Mula-mula isteri saya ke pasar, timbul sedikit salah faham waktu membeli barang. Dia sudah biasa dengan tawar-menawar apabila membeli barang waktu di Malaysia, tetapi di sini penjualnya buat endah tak endah sahaja yang membuatnya jengkel. Para penjual terutama di pasar telah membungkus atau mengikat barang-barang jualannya sedemikian rupa lalu meletakkan harga. Harga itulah yang mesti dibayar, tidak ada tawar-menawar lagi. Memilih barang-barang yang mahu dibeli juga tidak boleh, bukan tradisinya di sini. Saya mahu membeli sebuah peti TV. Penjualnya bertanya mahu yang ada jaminan atau tidak, kerana perbezaan harganya agak jauh. Jika membeli yang tidak ada jaminan, apabila terjadi kerosakan kita tidak boleh membuat aduan walaupun barangnya masih baru.

Pilihan kita ialah membayar upah untuk membaikinya ataupun membeli yang baru sebagai ganti. Entah benar atau tidak, ada cerita yang saya dengar berlaku di daerah Belait ketika baru-baru TV datang ke Brunei. Ramai penduduk di sana telah membeli peti TV yang tidak dapat berfungsi, terpaksa membeli peti TV yang baru kerana peti yang dibelinya itu tidak ada jaminan.

Sesudah beberapa hari isteri saya di Brunei, pada suatu pagi ketika bangun tidur saya merasa ada sesuatu yang tidak kena dengan kulit muka saya. Waktu melihat

di cermin, muka saya seperti bengkak tetapi tidak sakit. Saya menelefon Haji Muslim. Dia bersama-sama Haris Bidin membawa saya ke rumah sakit yang pada masa itu terletak di Jalan Stoney tidak jauh di belakang Dewan Bahasa dan Pustaka. Setelah diperiksa, doktor tidak dapat memastikan jenis penyakit. Mereka hanya memberi suntikan dan ubat untuk dimakan dan saya diberi cuti sakit. Malam itu bengkaknya bukan semakin surut, tetapi bertambah besar dan muka saya kelihatan agak lucu. Pagi berikutnya kami pergi lagi ke rumah sakit, saya diinjek lagi. Seperti yang sudah, bengkaknya masih tidak berkurang walaupun tidak sakit. Melihat keadaan saya serupa itu, Haji Muslim mulai panik. Dia mahu saya diperiksa segera oleh doktor yang khas tetapi mesti ada seseorang yang berpengaruh untuk memperoleh kemudahan itu, jikalau tidak, tiada perubahan yang berlaku, diberi ubat dan disuruh pulang. Pada masa itu Pengiran Badaruddin sedang bercuti di luar negara, Haji Muslim lalu menghubungi Pehin Amar Diraja Mohd. Jamil, Pengarah Pusat Sejarah. Melaluinya pengarah rumah sakit telah memerintahkan tiga orang doktor untuk memeriksa penyakit saya. Dua orang doktor berbangsa Inggeris dan seorang doktor India diawasi oleh pengarah rumah sakit itu sendiri. Saya segera dimasukkan ke wad. Kebetulan pada hari itu pula isteri saya dan Iqbal mesti pulang ke Kuala Lumpur kerana urusan persekolahan Ahmad Patria dan Thariq, dan melihat anak bongsu kami Malahayati yang ditinggalkan di Petaling Jaya, Inongputri kami tumpangkan di rumah Mohd. Noor, seorang pegawai imigresen, ipar Mastura yang sekarang tinggal di rumah kami di Petaling Jaya kerana menuntut di Universiti Malaya.

Seperti yang pernah saya ceritakan sebelum ini, saya tidak pernah berurusan dengan rumah sakit sejak saya

bergaduh dengan Dr. Teeling di Langsa, Aceh kira-kira 50 tahun yang lalu. Ini kali pertama dan merupakan satu rekod. Daripada sekian banyak tempat yang pernah saya tinggal, bumi Brunei Darussalam yang bertuah ini pula dengan kuasa Allah s.w.t. telah memecahkan rekod itu.

Rumah Sakit Besar Brunei di Jalan Stoney pada masa itu ialah sebuah kompleks bangunan lama yang dibina daripada setengah papan dan setengah simen. Saya ditempatkan di wad kelas satu yang mempunyai dua katil. Kerap juga doktor datang mengambil darah dari jari atau dari pelipat tangan. Sudah dua hari saya dimasukkan ke wad tetapi mereka masih belum tahu apa jenis penyakit yang saya hidapi, dicurigai dalam darah saya ada gula. Muka saya masih bengkak dan kerana tidak sakit maka saya berjalan-jalan di sekitar rumah sakit itu dan ke surau setiap waktu solat.

Waktu Inongputri datang melawat pada petang hari kedua, dia membawa surat khabar *The Malay Mail* yang dikirimkan ibunya. Dalam surat khabar itu ada sebuah rencana tentang sejenis penyakit yang dikenali sebagai *Kawasaki Disease* yang berpunca daripada kutu yang hidup dalam permaidani, selimut dan tilam. Rupa kutu itu apabila dilihat dengan kanta pembesar tidak ubah seperti kutu kepala. Ia hanya boleh dibunuh dengan cahaya matahari sahaja. *Symptom* yang diceritakan dalam rencana tersebut cocok sekali dengan *symptom* yang saya alami. Bintik-bintik merah pada lengan, bengkak di bawah telinga dan sebagainya. Penyakit yang ganjil itu telah ditemui oleh seorang Jepun yang bernama Kawasaki. Saya lalu menyerahkan surat khabar tersebut kepada doktor Inggeris yang ditugaskan mengawasi penyakit saya. Dia tidak begitu pasti tentang penyakit yang disiarkan dalam akhbar itu relevan atau tidak de-

ngan penyakit yang saya hidapi, tetapi boleh dicuba katanya. Penyakit Kawasaki itu belum lagi ada ubatnya tetapi boleh digunakan sejenis ubat lain sebagai penawar. Ubat itulah yang diberikan kepada saya. Alhamdulillah setelah seminggu, bengkak itu pun mulai surut dan muka saya mulai pulih seperti sedia kala. Saya dibenarkan pulang. Pengalaman pertama di rumah sakit itu terasa enak pula kerana dijaga dan dilayan oleh orang-orang yang penuh dedikasi dan saya ingin tinggal beberapa hari lagi jika dibenarkan.

Bagaimana Mencari-Nya?

Kira-kira satu tahun sebelum bertolak ke Brunei, dalam satu pertemuan Hari Raya Puasa di rumah Harun Hassan di Seksyen 16 Petaling jaya, Roslee Jalil yang menjadi penerbit drama di RTM meminta saya menulis sebuah skrip untuk Panggung RTM. Dia tertarik dengan novel *Noni*, maka setiap kali bertemu dia akan memujuk bahkan kadang-kadang seperti mendesak, tetapi setiap kali itu pula saya menolak kerana saya lebih suka jikalau novel itu dijadikan filem. Tetapi kali ini entah bagaimana saya menjadi lembut dengan pujukannya, mungkin kerana sudah melihat kesungguhannya dan kerana hasil drama yang sudah ditanganinya. Dia seorang penerbit yang cekap atau boleh dikatakan yang terbaik di RTM. Saya pun berjanji akan menulis sebuah skrip bukan *Noni* tetapi yang lain, mungkin daripada sebuah cerpen. Dia sangat gembira mendengar janji itu, dipeluknya saya. Sekarang saya pula yang susah hati, tidak tahu mana satu cerpen yang boleh dijadikan skrip untuk tayangan kira-kira satu jam lamanya. Sebab Panggung RTM itu dikhaskan untuk hari-hari perayaan sahaja yang tayangannya hampir sama lama dengan tayangan

filem. Saya lalu teringat kepada cerpen "Tuhan, Bagaimana Kau Akan Mencari-Nya?" Cerpen yang menang hadiah pertama dalam Peraduan Menulis Cerpen Berunsur Islam anjuran Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri. Saya pun mulai menulis dan telah selesai sebelum bertolak ke Brunei. Setelah siap saya serahkan kepada Roslee Jalil dengan permintaan jikalau skrip itu diterima maka watak utamanya hendaklah diberikan kepada kawan saya yang telah memberikan idea cerita itu waktu kami sama-sama di Dewan Bahasa dan Pustaka dahulu. Kawan itu pun seorang pelakon drama. Roslee bersetuju. Hampir satu tahun skrip itu dalam tangannya. Sebelum ke Brunei Roslee memberitahu yang pihak RTM sudah memberikan lampu hijau untuk dijadikan drama Panggung RTM untuk ditayangkan pada Hari Raya Haji nanti. Saya memberikan alamat kawan yang saya maksudkan kepada Roslee, tetapi malang, kawan tersebut sudah pindah bekerja dengan sebuah badan berkanun lain, tiada di Kuala Lumpur dan sedang berkursus di luar negara. Roslee lalu memilih Abu Bakar Omar, seorang pelakon yang sedang meningkat naik sebagai Lahab watak utamanya sementara kakak Lahab, Jorah Ahmad pelakon dari Singapura. Dalam masa proses penggambaran drama itu, Roslee menelefon memberitahu saya di Brunei, bahawa beberapa dialog terpaksa dilangkaui kerana dikhuatiri akan menimbulkan masalah kepada penganut agama lain. Dialog yang dikatakannya itu sebenarnya tidaklah begitu serius, suatu realiti dalam masyarakat majmuk, tetapi demi memikirkan drama itu sebagai satu alat *visual* yang lebih cepat kesannya daripada teks dalam buku, maka saya bersetuju. Akhirnya drama itu pun selesai digarap dengan mengubah judulnya menjadi *Di Mana Kan Kucari-Mu*. Nancy Foo seorang pelakon Cina yang sedang me-

nempa nama ikut berlakon sebagai Sonja Lee, iaitu teman wanita Lahab dengan Rosnah Mohd. Nor sebagai Zaleha. Roslee memberitahu saya melalui telegram bahawa drama itu akan ditayangkan pada malam Hari Raya Haji yang pertama. Malam itu tepat pada waktunya saya sudah berada di depan TV di bilik hotel sambil membentang skrip di atas pangkuan untuk melihat sejauh mana skrip yang saya tulis itu digunakannya. Alhamdulillah, tidak ada satu pun yang dilangkauinya baik adegan mahupun dialog, semuanya tepat kecuali yang sudah diberitahu kepada saya. Saya cukup berpuas hati. Pada keesokan harinya saya terus mengirimkan kawat tahniah kepada Roslee Jalil atas kejayaannya memindahkan skrip itu ke layar TV. Beberapa hari sesudah itu saya menunggu komen dan kritik daripada orang ramai. Tidak ada, kecuali daripada Tuan Haji Ismail Kamus yang pada masa itu menjadi kadi Petaling Jaya yang menyentuh sedikit dalam ucapannya tentang drama itu sebagai drama yang berjiwa Islam pada majlis perjumpaan hari raya di Subang Jaya.

Masalah yang sering dihadapi oleh orang yang berpindah ke negara asing ialah persekolahan anak-anaknya. Bagi para diplomat atau *expatriate*, ada *International School*. Di Brunei ini pun sekolah yang serupa itu ada, tetapi saya tidak bercadang mahu memasukkan anak saya ke sekolah itu walaupun dalam kontrak ada peruntukan elaun persekolahan anak-anak sampai empat orang. Saya tidak mahu anak saya jadi "orang internasional" yang akan terlepas daripada akarnya yang asal. Saya bercadang mahu memasukkan sahaja dia ke sekolah kerajaan tetapi atas nasihat Pengiran Badaruddin, anak saya itu disambung sekolahnya di sekolah swasta. Dia telah berusaha untuk mendapatkan tempat di Sekolah St. Andrew's sebuah sekolah swasta yang dikendalikan



Pelakon utama dalam drama Panggung RTM "Bagaimana Kau Akan Mencari-Nya?" Abu Bakar Omar sebagai Lahab dan Nancy Foo sebagai Sonja Lee.

oleh misi Kristian. Anaknya juga belajar di situ, malah anak para pembesar yang lain termasuk pembesar agama juga belajar di situ. Maka sekolah itu pun dengan sendirinya ada gengsi, ada prestij. Secara peribadi saya tidak berminat, masih mahu anak saya itu pergi ke sekolah kerajaan, tetapi kerana memikirkan tentang berbagai-bagai kerenah birokrasi yang perlu dilalui dan kawan-kawan yang sudah lama di Brunei juga menasihati saya supaya ikut sahaja cadangan pengarah saya itu. Mereka berkata saya beruntung jika anak saya dapat bersekolah di sana.

Saya pun pergi ke sekolah itu yang terletak di Jalan Kumbang Pasang dengan Haji Abd. Rahman Yusof untuk berjumpa guru besarnya yang bernama Wheeler, seorang India Serani. Tetapi malangnya, tidak sahaja guru besar itu, keraninya juga tidak muncul-muncul. Saya dan beberapa orang lain yang menunggunya, pulang dengan perasaan hampa. Menurut cerita, guru besar dan keraninya itu telah "lari" kerana takut menghadapi orang ramai yang datang meminta tempat untuk anak mereka. Empat hari kemudian, iaitu pada hari Sabtu barulah saya dapat berjumpa dengannya itu pun mungkin kerana masin mulut Pengiran Badaruddin yang telah menelefon membuat janji temu. Akhirnya dia bersetuju mahu menerima anak saya dengan syarat di *test* bahasa Inggerisnya lebih dulu. Saya fikir dia mahu menguji bahasa Inggeris itu kerana Inongputri sebelum itu bersekolah di sekolah kebangsaan di Malaysia. Dia sudah di darjah dua Sekolah Sri Petaling, sekolah kebangsaan yang bahasa pengantarnya bahasa Melayu. Walaupun pelajaran bahasa Inggeris di Sekolah Sri Petaling itu hanya sebagai satu mata pelajaran wajib sahaja, tetapi saya tidak khuatir dengan kebolehannya dalam bahasa Inggeris. Dia sudah membaca buku-buku Enid

Blyton dan emaknya selalu bertutur dalam bahasa Inggeris dengannya. Kami di rumah menggunakan dua bahasa. Saya bercakap dalam bahasa Melayu baku dan isteri saya dalam bahasa Inggeris. Jadi anak-anak kami dalam masa yang sama dapat mengutip kedua-dua bahasa itu sedikit demi sedikit. Ujian itu akan diadakan pada hari Isnin dan pada hari itu juga saya akan mendaftarkan Iqbal di Tadika Nusa Laila Puteri yang dipimpin oleh Pengiran Amir Yusof Nusantara, seorang sahabat yang telah saya kenali di Terengganu pada Hari Sastera tahun 1978.

Inongputri telah diterima masuk belajar dalam darjah tiga di St. Andrew's dan Iqbal yang baru sampai dengan ibunya dari Kuala Lumpur pada hari Sabtu yang lalu masuk di Tadika Nusa Laila Puteri yang terletak di bawah sebuah flat. Walaupun anak saya sudah diterima masuk ke sekolah itu tetapi saya masih hairan, mengapa golongan elit di Bandar Seri Begawan ini terlalu ghairah menghantar anak mereka ke sekolah misi serupa itu. Mengapa kerajaan ataupun bumiputera yang berada tidak mahu mendirikan sekolah yang khas seperti Kolej Melayu di Kuala Kangsar pada zaman dahulu dan Maktab Rendah Sains MARA pada masa sekarang ini? Sebahagian besar daripada guru-guru luar yang datang berkhidmat di Brunei ialah mereka yang sudah bersara daripada ja-watan guru di negaranya, mereka memiliki pengalaman mengajar yang cukup lama dan antaranya ada yang pakar dalam satu-satu mata pelajaran. Anak-anak Brunei boleh dikatakan paling bertuah kerana mendapat tenaga mahir, tetapi mengapa tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya? Sekolah misi itu pula yang menjadi tum-puan orang yang berada. Adakah kerana sistem pelajarannya yang berbeza ataupun kerana bahasa Inggerisnya?

Hari Sabtu yang lalu Ismail Dahaman yang diundang untuk mengajar dan memberi bimbingan tentang ejaan baru telah tiba bersama-sama isteri dan anak saya, Iqbal. Dia ditempatkan di Hotel Sheraton Utama dengan sebuah kenderaan dan seorang drebar bersama-sama seorang pembantu. Upacara perasmian kursus ejaan baru telah diadakan pada hari berikutnya di Pusat Peringatan Churchill dan akan diikuti dengan satu kursus intensif di situ juga sebagai pembuka tirai bagi kursus seterusnya. Pada bahagian pertama ini kursus akan diadakan di daerah Brunei-Muara dengan dimulai dari bilik kuliah DBP untuk pegawai-pegawai bahasa yang diharap akan dapat membantu Ismail Dahaman dan seterusnya mengambil alih tugas itu apabila Ismail pulang ke Kuala Lumpur.

Sebelum isteri saya datang, pinjaman untuk membeli motokar telah diluluskan oleh kerajaan. Haji Abdul Rahman telah membawa saya membuat *survey* ke berbagai-bagai ejen kenderaan, dari jenis yang paling mewah buatan Eropah sampai kepada jenis yang murah buatan Jepun. Pada masa itu ada beberapa jenis kereta buatan Jepun yang popular di kalangan orang Brunei. Kereta-kereta ini diimport langsung dari kilangnya di Jepun dan harganya secara relatif amat murah. Bagaimanapun, saya menunggu isteri saya datang untuk membuat pilihan. Kami telah memilih sebuah Honda Accord yang secara kebetulan kereta jenis Honda ini menjadi pilihan kebanyakan pegawai di Pejabat Suruhanjaya Malaysia. Ejen motokar ini berpejabat di Jalan Kota Batu, mereka menyewa bahagian bawah rumah Haji Sablee, Pegawai Pentadbir DBP. Harganya B$16 000. Pada badan kereta itu di pintu belakang sebelah kiri ada sedikit kemik, kira-kira dua inci panjangnya. Kemik itu tidak begitu jelas jikalau tidak diperhatikan betul-betul.

"Kurangkan sedikit," kata isteri saya cuba menawar. "Kereta ini pun sudah kemik, tidak ada orang yang mahu beli."

Memang kerana kemik itulah agaknya tidak ada orang yang mahu membeli kereta tersebut. Satu-satunya jenis serupa itu yang masih tinggal.

Sebagai orang perempuan, isteri saya termasuk salah seorang yang paling gigih dalam urusan tawar-menawar, sehingga akhirnya pengurus syarikat itu yang juga seorang perempuan "mengaku kalah" dan berkompromi pada harga B$14 000. Sekarang kami sudah memiliki kereta walaupun masih tinggal di hotel, satu masalah baru timbul – di manakah akan diletakkan kereta itu? Hotel Brunei tidak mempunyai kawasan tempat letak kereta seperti di hotel-hotel besar. Maka kami pun terpaksa mengikut cara penghuni lain meletakkan kereta, iaitu di tepi-tepi jalan di sekitar hotel itu seperti di Jalan Sungai Kianggeh di sebelah kanan hotel, yang ideal ialah di Jalan Pemanca di hadapan hotel itu, kalau tidak terpaksa pergi agak jauh sedikit di kawasan letak kereta di belakang Majlis Perbandaran di Jalan Sultan berhampiran tokong Cina atau di sebelah Bangunan Guru-Guru Melayu. Oleh sebab itu, menjelang pukul 6.00 petang apabila pejabat dan kedai-kedai mulai ditutup, kami penghuni hotel yang memiliki kereta berdiri di depan hotel untuk menunggu petak letak kereta yang kosong. Kami terpaksa bersaing dengan penduduk Kampung Air yang juga mencari tempat letak kereta mereka pada waktu malam. Penduduk Kampung Air hampir kesemuanya mempunyai kenderaan, memonopoli seluruh tebing Sungai Brunei sejak dari Jalan Residensi hingga ke dalam Bandar Seri Begawan. Tempat letak kereta di pejabat kerajaan yang berhampiran seperti di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Hal

Ehwal Agama dan Sekretariat menjadi pilihan kerana di tempat-tempat ini ada pengawal malam. Oleh sebab itu, sebaik sahaja pegawai-pegawai dari pejabat-pejabat ini pulang, tempat letak kereta mereka akan diambil alih oleh penduduk Kampung Air hingga ke pagi esok atau hingga ke pagi Sabtu atau Isnin jika petang Khamis atau petang hari Sabtu.

Chong Ah Fook seorang Cina Brunei bekerja sebagai guru bahasa Melayu di sebuah sekolah misi di Seria. Dia seorang yang amat berminat dalam bidang penulisan kreatif. Saya mula berkenalan dengannya ketika mengikuti rombongan GAPENA ke Brunei beberapa tahun yang lalu. Malam itu Menteri Besar telah mengadakan jamuan menyambut kedatangan rombongan kami di kediaman rasminya. Saya datang ketika upacara sudah dimulai, lalu duduk sahaja di bahagian belakang. Pada waktu itulah Chong Ah Fook ini sampai dan duduk di sebelah saya. Kami pun berkenalan.

Apabila mendengar saya sudah berada di Bandar Seri Begawan dan tinggal di Hotel Brunei maka pada setiap hari Jumaat dia akan turun dari rumahnya di Batang Mitus, sebuah perkampungan orang Iban Brunei dalam daerah Tutong, untuk berjumpa saya. Dia akan membawa beberapa buah cerpen karyanya untuk ditunjukkan dan meminta pendapat saya. Kami akan berbincang sehingga waktu saya ke masjid dan dia akan menunggu sampai saya pulang. Sesudah makan tengah hari barulah dia pulang ke rumahnya. Begitulah halnya sehingga saya pindah dari hotel itu. Chong Ah Fook seorang penulis yang berbakat. Sebelum berjumpa saya, dia sudah menulis cerpen dan pernah memenangi hadiah dalam beberapa peraduan penulisan bahkan bagi kategori cerpen yang berunsur Islam yang dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Agama. Tidak lama

kemudian dia berpindah tugas sebagai guru bahasa Melayu di Sekolah St. Andrew's. Bakatnya sebagai penulis kreatif terus berkembang dan dia terus memenangi hadiah dalam penulisan cerpen dan novel yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.[12]

Tahun yang Sibuk

Tahun 1983 merupakan tahun yang paling sibuk bagi Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera khasnya dan Dewan Bahasa dan Pustaka amnya. Tahun itu boleh dianggap sebagai tahun kedua saya di Brunei Darussalam walaupun saya sebenarnya tiba di sini pada pertengahan tahun 1982. Tugas pertama saya sebagai pembuka tabir tahun 1983 ialah membaca beberapa buah skrip drama pentas hasil daripada peraduan yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebelum saya datang ke mari. Walaupun saya belum tahu pasti tentang perkembangan drama di Brunei pada masa itu, tetapi Haji Abdul Rahman Yusoff, pengarang kanan di BPPS khabarnya seorang aktivis drama yang banyak pengalaman.[13]

Seperti yang sudah disebutkan lebih awal, tugas pertama bahagian ini ialah penerbitan majalah *Mekar*. Ini sudah menjadi satu tugasan yang mesti dan tanggungjawab yang tetap. Kemudian dengan ketibaan Ismail Dahaman, maka kursus ejaan baru secara intensif akan diadakan di daerah Brunei-Muara, Tutong, Belait dan Temburong. Beberapa peraduan juga dianjurkan seperti peraduan menulis cerita rakyat, peraduan menulis sajak, tetamu DBP, peraduan menulis cerpen, puisi kanak-kanak dan bengkel kreatif penulisan cerpen diadakan seminggu sekali di setiap daerah selama satu bulan. Ini semua mesti ditangani serentak. Radio dan Televisyen

Brunei pula telah mengundang saya menjadi salah seorang panel hakim dalam peraduan menulis drama TV. Sempena Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam yang dijangka pada awal tahun 1984, maka Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan satu peraduan menulis novel dan saya telah dilantik sebagai setiausaha jawatankuasa peraduan itu. Ini diikuti dengan satu pertandingan pementasan drama dan satu seminar sastera. Saya rasa perlu diberi sedikit penjelasan tentang tetamu DBP yang telah disebutkan sebagai salah satu kegiatan.

Negara Brunei Darussalam seperti yang kita maklumi ialah sebuah negara kecil dengan penduduknya hanya kira-kira suku juta orang sahaja. Kebanyakan penduduk berpusat di daerah Brunei-Muara khasnya di Bandar Seri Begawan. Dalam kegiatan kebudayaan, bandar inilah yang menjadi nadi penggeraknya. Di sini berkumpul tokoh-tokoh penting terutama dalam bidang penulisan. Walaupun mereka anak tempatan dan dikenali dari dekat secara peribadi, tetapi belum ada satu usaha untuk mengetengahkan hasil usaha mereka secara terbuka kepada umum. Memikirkan hal itu, maka Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai sebuah institusi penggerak bahasa dan budaya cuba mengadakan semacam satu penghargaan kepada sumbangan yang telah mereka berikan dengan mengadakan satu malam mengenang jasa mengangkat mereka itu sebagai "tamu". Pada malam itu selain persembahan yang diangkat daripada karya orang yang menjadi tamu, maka salah seorang sahabat atau kenalannya yang terdekat diminta mengisahkan tentang riwayat hidup dan perjuangan si tamu. Dewan Bahasa dan Pustaka akan berusaha menerbitkan hasil karyanya dalam bentuk buku, sama ada akan diserahkan kepadanya pada malam itu ataupun sesudahnya. Tetamu DBP ini hanyalah secara berkala. Tetamu yang pertama

ialah Yura Halim (Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim) mantan Menteri Besar Brunei, seorang penyair yang terkemuka dan penulis novel sejarah *Mahkota yang Berdarah* atau *Bendahara Menjadi Sultan*. Ini diikuti oleh H.M. Salleh (Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Haji Mohd. Salleh bin Haji Masri) seorang aktivis politik yang pernah menuntut di Sultan Idris Training College, Tanjong Malim bersama-sama Tun Syed Nasir Ismail, Embong Yahya dan Shaharom Husain. Satu-satunya novel H.M. Salleh ialah *Tunangan Pemimpin Bangsa* yang ditulis semasa ditahan selama 100 hari oleh *British Military Administration* (BMA) kerana dituduh menjadi tali barut Jepun, telah diterbitkan oleh Sentosa Store, Malay Press Kuala Pilah. Novel ini telah diharamkan oleh Inggeris daripada diedarkan di Brunei.[14] Tamu yang ketiga ialah Pehin Amar Diraja Dr. Mohd. Jamil al-Sufri, seorang ahli sejarah. Tetamu yang keempat ialah Shukri Zain (Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato' Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohammad Zain bin Haji Serudin), Menteri Hal Ehwal Agama yang diraikan bersama-sama pelancaran bukunya *Sumbangsih Shukri Zain*. Shukri Zain selain seorang ahli agama, juga seorang penyair Brunei yang prolifik dan cukup konsisten seperti juga Yahya M.S. (Pehin Siraja Khatib Dato' Seri Utama Haji Yahya bin Haji Ibrahim). Projek ini telah terhenti hanya sampai kepada Shukri Zain sahaja.

Majalah *Mekar* yang diserahkan untuk ditangani oleh bahagian ini menarik untuk diceritakan. Kebenaran untuk mencetak di percetakan swasta telah diluluskan. Sebagai ketua di BPPS yang juga turut terlibat dalam penerbitan buku-buku kreatif dan majalah, saya telah dilantik oleh pengarah sebagai salah seorang ahli jawatan-kuasa tawaran (tender) DBP bersama-sama Timbalan

Pengarah, Ketua Bahagian Penerbitan dan Ketua Bahagian Penerbitan Umum. Sidang pertama jawatankuasa ini yang saya hadiri adalah bagi mempertimbangkan permohonan tawaran mencetak majalah *Mekar* daripada beberapa buah percetakan swasta yang ada di Bandar Seri Begawan dan dari daerah Belait. Di Bandar Seri Begawan hanya ada tiga buah percetakan yang besar, dua buah daripadanya milik orang Cina yang boleh dikatakan mempunyai mesin-mesin yang moden, namun demikian tidak ada satu pun yang mempunyai kemudahan mesin pemisah warna (*colour separation*). Maka dengan demikian masalah mengejar waktu menjadi begitu penting jikalau majalah itu mahu diterbitkan setiap bulan tepat pada waktunya. Penyediaan isi majalah terutamanya yang ada kaitan dengan ilustrasi dan gambar berwarna mesti disiapkan lebih awal. Pihak pencetak terpaksa mengirimkan bahan-bahan itu ke Singapura ataupun ke Malaysia untuk diproses. Perkara lain yang juga mesti diambil kira, iaitu tentang musim cuti perayaan di percetakan itu, kecuali di percetakan kerajaan. Hampir semua operator mesin di percetakan swasta ialah orang luar yang sebahagian besarnya dari Malaysia. Hal ini menimbulkan masalah apabila tiba Tahun Baru Cina atau Hari Raya Puasa kerana semua pekerja itu akan mengambil cuti panjang untuk pulang berhari raya bersama-sama keluarga. Pada waktu serupa itu majalah yang tarikh terbitnya jatuh di sekitar hari raya, beberapa hari sebelum atau sesudahnya, terpaksa dikerjakan satu bulan lebih awal. Ini bererti dua keluaran mesti dikerjakan serentak dalam satu masa. Cara bekerja dalam penerbitan majalah di DBP Brunei ini agak berbeza daripada di DBP Kuala Lumpur. Di sini, bahagian editorial hanya menyediakan bahan (teks) dan membaca pruf sementara ilustrasi, atur huruf, imposisi (penyu-

sunan muka surat) atau *layout* dikerjakan oleh Bahagian Penerbitan. Pencetak hanyalah membuat filem, plat, mencetak, melipat, menjilid, membungkus lalu menghantarnya ke stor. Walaupun pada lahirnya tugas editor nampak tidak banyak, hanya menyediakan bahan isi majalah itu sahaja, tetapi untuk mendapatkan bahan-bahannya menjadi masalah besar sehingga kadang-kadang seseorang editor itu terpaksa menulis banyak subjek dan terpaksa menggunakan berbagai-bagai nama pena untuk tidak dituduh memonopoli ruangan.

Buat pertama kali dalam sejarah, majalah *Mekar* akan dicetak sebanyak 5000 naskhah, bukan lagi 3000 seperti yang telah lalu dan yang menariknya majalah ini akan dijual kepada para pelajar dengan harga 50 sen senaskhah, walaupun upah cetaknya hampir tiga kali ganda daripada harga itu. Waktu mula-mula diterbitkan dalam bulan September–November 1967 dan hingga saat ini, majalah *Mekar* hanya dicetak antara 1500 dan 3000 naskhah sahaja. Ia diberikan dengan percuma kepada para pelajar sebagai satu sumbangan daripada kerajaan, kepada umum dijual dengan harga B$1.50 senaskhah yang hanya dapat dibeli dari Kedai Buku DBP di Bandar Seri Begawan dan tidak dijual melalui ejen. Oleh sebab begitu lama, iaitu selama 16 tahun para pelajar terbiasa dengan mendapat majalah percuma, maka ada antara pegawai DBP sendiri yang merasa pesimis sama ada majalah ini boleh dijual walaupun dengan harga yang semurah itu.

Majalah *Mekar* yang diselenggarakan oleh BPPS itu telah diberi "wajah baru", tidak sahaja ilustrasinya yang diambil daripada lukisan kanak-kanak sendiri, tetapi juga rupa huruf Rumi judulnya diganti dengan taip yang lebih menarik dipayungi oleh tulisan jawi dengan slogan "Majalah Pembawa Semangat Baru" tercatat di bawah

judul tersebut, sebagai konsep yang akan menjadi pegangan kepada semua penyelenggara majalah ini seterusnya. Beberapa orang pelukis muda dari Unit Reka Bentuk yang cukup berpotensi telah bekerja kuat untuk menghiasi majalah itu dengan ilustrasi yang menarik. Pada pertengahan bulan Februari, majalah *Mekar* mulai dicetak dengan format baru yang sudah bertukar kulit meninggalkan format lama yang diwarisi sejak 16 tahun lalu. Saya meminta pencetaknya membawa kesemua 5000 naskhah ke bilik saya lalu memanggil kesemua 13 orang staf Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera. Saya bertanya kepada mereka apa yang mesti dibuat dengan majalah yang sudah siap itu?

Mereka mencadangkan supaya majalah itu diserahkan kepada Bahagian Pemasaran untuk dijual seperti yang biasa dilakukan selama ini. Pada masa itu Bahagian Pemasaran masih berada dalam keadaan yang kucar-kacir. Tidak ada ketua yang tetap, hanya Dayang Hajah Shamsiah sahaja sebagai pemangkunya dan berada di bawah kawalan timbalan pengarah.

"Tidak," kata saya. "Kita sendiri yang mesti pergi menjualnya."

Kesemua mereka memandang saya dengan hairan. "Kita yang menjadi editor menyelenggarakannya, apakah kita juga yang mesti pergi menjualnya?"

"Ya," kata saya. "Kitalah."

"Dengan begini?" ujar seorang sambil memegang tali lehernya.

"Apa salah. Kita jadi macam *salesman*," jawab saya.

Mereka memperlihatkan air muka yang tidak menyenangkan. Saya tahu sifat orang Brunei, jika dia katakan tidak, tidaklah. Tetapi saya juga tahu bagaimana mahu menakluki hati mereka yang keras itu dengan contoh teladan.

Saya panggil Haji Muslim.

"Tuan haji bawa saya ke salah sebuah sekolah yang dekat di bandar ini dan bawa 500 naskhah *Mekar*."

Dia membawa saya ke salah sebuah sekolah rakyat yang agak besar juga berhampiran rumahnya. Saya pergi berjumpa guru besarnya dan meminta izin mahu menjual majalah *Mekar* kepada murid-muridnya.

"Dulu majalah ini diberi percuma," kata guru besar itu. "Apakah sekarang budak-budak itu kena beli?"

Dia menyangka kedatangan saya dan Haji Muslim mahu menjual majalah itu sebagai satu gimik, masakan negara yang kaya-raya dengan minyak ini mahu mengambil 50 sen sebagai harga majalah itu.

"Barang-barang yang diperoleh dengan percuma selalu dianggap tidak bernilai. Orang dengan senang saja akan membuangnya," kata saya.

Guru besar yang banyak pengalaman itu kemudian dapat memahami maksud saya. Dia lalu mengumpulkan murid-muridnya pada masa rehat di dalam dewan sekolah dan dia sendiri yang bercakap tentang majalah itu. Anak-anak Brunei hampir kesemuanya membawa wang belanja paling sedikit lima ringgit sehari, maka apalah ertinya 50 sen bagi mereka? Sementelahan pula mereka itu hampir semuanya hauskan bahan-bahan bacaan yang agak berbeza daripada buku teks yang ditelaahnya setiap hari. Mereka mahukan bahan bacaan yang sesuai dengan inteleknya dan yang boleh dimilikinya. Haji Muslim terpaksa balik ke DBP untuk mengambil 500 naskhah lagi sambil mencari wang kecil dari bank.

Apabila kisah kejayaan kami itu didengar oleh pegawai-pegawai BPPS yang lain, maka mereka termasuk jurutaip wanita telah menawarkan diri untuk pergi menjual majalah *Mekar* tersebut. Dengan menggunakan kenderaan sendiri mereka pergi ke sekolah-sekolah di

sekitar daerah Brunei-Muara dan dalam masa beberapa hari sahaja kesemua 5000 naskhah telah habis dijual. Sebelum tahun 1983 berakhir, majalah *Mekar* telah mencapai jualan 12 000 naskhah. Para pegawai BPPS telah berusaha kuat menyebarkan majalah itu sampai ke sekolah-sekolah yang jauh terpencil di daerah Tutong, Belait dan Temburong. Mereka menggunakan berbagai-bagai cara pengangkutan dari motokar milik sendiri, *land-rover* milik pejabat, motobot dan pernah bercadang akan meminta bantuan helikopter dari Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei. Sehingga pada tahun 1989 jumlah cetakannya telah mencapai 15 000 naskhah sebulan. Jumlah yang paling tinggi dalam sejarah. Para ibu bapa telah mengirimkan surat mengucapkan tahniah dengan kata-kata galakan kepada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka atas penerbitan majalah *Mekar* dengan format yang baru itu. Seri Paduka Baginda Seri Begawan Sultan telah meminta ditambah naskhah hadiah yang biasa untuk dibagi-bagikan kepada cucunda baginda. Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, setiap kali bertemu saya akan berkata, "Cucu saya sangat suka membaca majalah *Mekar*." Sehingga ada ketua bahagian secara berolok-olok berkata di belakang saya, "Apakah DBP ini cuma menerbitkan majalah *Mekar* saja?"

Dalam masa proses mencari bentuk maskot yang baik untuk dijadikan lambang majalah ini, saya telah terpikat dengan semut yang terdapat di dapur rumah saya di Anggerik Desa. Setiap pagi semut-semut itu berganti-ganti jenisnya. Jikalau kebetulan semut hitam besar ada maka semut hitam yang kecil hilang entah ke mana, begitu pula sebaliknya. Saya suka meletakkan gula atau benda-benda yang manis untuk dihurung dan dalam sekejap mata sahaja benda-benda itu akan licin lilas. Dan seperti tahu, dengan sekejap pula semut-semut

itu akan hilang. Oleh sebab saya suka melihat cara semut-semut itu hidup dan bekerja, bersalam dan bertanya khabar apabila bertemu, menolong mengangkat barang makanan yang berat, maka timbullah idea untuk menjadikan semut itu sebagai maskot majalah *Mekar*. Mudah-mudahan sifat-sifat semut yang baik dapat dijadikan pelajaran oleh anak-anak. Pengiran Metarsad bin Pengiran Jaafar dari Bahagian Seni Lukis Reka Bentuk telah membuat lukisan semut yang pertama sebagai maskot. Ia disiarkan dalam majalah *Mekar* terbitan Januari 1991, yang kini telah dilukis semula dalam bentuk yang lebih ideal oleh Mohd. Jaafar Zabidi.

Bunga Rampai Sastera Melayu

Dalam tahun ini juga buat pertama kali dalam hidup, saya dilantik menjadi panel untuk menemu duga calon-calon pengarang bertempat di pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mewakili pengarah. Oleh sebab Haji Muslim ikut dilantik sama maka saya tidaklah terasa terlalu asing dalam panel itu. Ada empat kekosongan jawatan penolong pengarang di bahagian kami, dua kerana kenaikan pangkat dan dua lagi ialah tambahan jawatan. Seorang Inggeris yang bergelar Dato' dan fasih berbahasa Melayu telah menjadi pengerusi panel tersebut. Sebagai pengerusi, dia tidak banyak bertanya tentang tugas. Dia hanya bertanya tentang perkara-perkara yang berkaitan peribadi calon sahaja seperti pekerjaan ibu dan bapa jika masih hidup, tentang sekolah hanya sekadar untuk mencocokkan dengan catatan yang ada dalam borang. Perkara yang berkaitan kerja diserahkan kepada saya dan Haji Muslim untuk menyoalnya. Haji Muslim akan bertanya tentang pengetahuan calon dalam membaca dan menulis jawi serta menyuruhnya

membaca akhbar *Utusan Melayu* yang dibawanya. Kebanyakan calon tidak dapat membaca dengan lancar, mengeja satu-satu dengan tergagap-gagap. Bahagian saya pula adalah yang berkaitan dengan kerja.

"Suka membaca?" Itu soalan saya yang pertama. Dan hampir kesemuanya akan menjawab suka.

"Membaca apa?" Jawapannya bermacam-macam.

"Ada membaca novel?"

Semua menjawab ada, iaitu novel Usman Awang *Tulang-tulang Berserakan* yang beberapa tahun lamanya menjadi buku teks tingkatan 5 di sekolah-sekolah kebangsaan di Brunei.[15]

"Novel yang terakhir awda (awang/dayang) baca?"

Kebanyakannya menggelengkan kepala.

"Awda tahu siapa Muslim Burmat?"

Kebanyakannya menggelengkan kepala.

Ada juga yang menunjukkan kepada Haji Muslim yang duduk di sebelah kiri saya apabila kebetulan calon itu orang dari Dewan Bahasa dan Pustaka.

Memang agak susah mahu mencari calon yang benar-benar berminat kepada penulisan dan bacaan kecuali dia itu seorang guru. Maka mahu tidak mahu terpaksa dipilih daripada mereka yang kira-kira dapat dibentuk dan dilatih.

Sebagai lanjutan daripada perbincangan dengan Ketua Satu GAPENA dan dengan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah dan Cawangan Sarawak dahulu, maka Pengiran Badaruddin meminta saya membuat satu draf tentang anugerah sastera yang boleh dilaksanakan di Brunei dengan kerjasama Syarikat Shell Brunei. Pada masa itu Zaini Omar salah seorang pegawai tinggi syarikat tersebut telah menunjukkan minatnya untuk membantu memajukan sastera kebangsaan di negara itu. Saya telah membuat dua buah draf. Satu

untuk anugerah dalam negeri dan satu lagi untuk anugerah yang lebih besar, iaitu anugerah yang boleh dilaksanakan untuk seluruh Nusantara dengan hadiah yang agak besar kira-kira B$100 000. Oleh sebab Brunei merupakan satu-satunya negara Melayu-Islam-Beraja di dunia ini maka pada fikiran saya alangkah baiknya jika dapat diwujudkan satu anugerah yang besar dan berprestij untuk sastera berbahasa Melayu yang berunsur Islam yang diberi nama Hadiah Sastera Bolkiah sempena nama sultan yang memerintah. Mengapa tidak? Tidak lama sebelum itu Sultan Hassanal Bolkiah telah bermurah hati memberi derma sebanyak US$300 000 untuk satu Hadiah Hemingway yang ditaja di Paris. Anugerah Sastera Brunei dengan kerjasama Syarikat Shell itu hampir sahaja terlaksana apabila syarikat tersebut telah bersetuju bekerjasama dengan ASTERAWANI. Tetapi entah di mana silapnya maka kerjasama tersebut hanya sempat berlangsung sekali saja, tidak kekal seperti kerjasama ESSO-GAPENA di Malaysia yang telah berlanjutan sejak tahun 1979 dan sudah mencakupi beberapa genre sastera dan masih terus berjalan dengan giat. Draf Hadiah Sastera Bolkiah saya serahkan kepada Pengiran Badaruddin untuk dipanjangkan kepada pihak yang berkenaan. Saya tidak pernah bertanya walaupun sudah satu bulan berlalu tanpa ada khabar berita, saya percaya draf itu sudah dibakulsampahkan kerana selama masa itu tidak ada respons daripada pihak atasan.

Berita tentang Brunei akan menerima balik kemerdekaannya daripada Inggeris telah bertiup kencang pada awal tahun 1983. Pelbagai ramalan telah dibuat tentang tarikhnya dan kebanyakan ramalan menjurus kepada tanggal 29 September, tanggal yang dianggap keramat oleh orang-orang Brunei kerana pada tanggal tersebut 24 tahun yang lalu, Perlembagaan Negara Brunei telah

ditandatangani. Pada masa itu saya dan Haji Muslim telah merancang untuk membuat satu projek bersama secara peribadi, menyusun sebuah buku yang berisi sastera Melayu Brunei lama dan baru. Idea itu timbul ekoran daripada cadangan menulis Sejarah Persuratan Melayu di Brunei yang saya kemukakan dalam sebuah kertas kerja kepada pengarah tidak dapat dilaksanakan. Saya menyangka kerana projek itu terlalu besar dan melibatkan perbelanjaan yang tinggi kerana menggunakan tenaga akademik dari luar. Tiap seorang akan menangani satu genre secara terperinci agar buku tersebut benar-benar menjadi satu dokumen yang autoritatif dan representatif. Biayanya hampir B$100 000.

Waktu pulang bercuti di Kuala Lumpur saya singgah di DBP dan bercakap tentang projek saya ini. Ada pihak di DBP yang berminat memberi satu cadangan balas yang cukup menarik. Kenapa projek ini tidak dijadikan sebagai satu sumbangan DBP Kuala Lumpur kepada rakyat Brunei sempena kemerdekaan negara mereka? Saya dan Haji Muslim bersetuju dengan cadangan itu lalu kami pun membahagikan kerja untuk menyegerakan penerbitan buku tersebut. Haji Muslim membuat kontak dengan para penulis kerana dia yang lebih kenal sambil mengumpul karya dan biodata mereka. Kemudian kami bersama-sama menilai dan memilih dan saya membuat kata pengantarnya. Kami akan namakan buku itu *Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei* dan dapat diterbitkan serentak dengan perisytiharan kemerdekaan Brunei Darussalam. Hampir semua penulis Brunei telah memberikan respons dan kerjasama yang cukup baik, namun ada satu perkara yang merunsingkan. Buku ini tidak akan sempurna jika karya Baginda Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin tidak disertakan. Perkara yang mengendalakan adalah bagaimana cara untuk

mendapatkan izin baginda menyiarkan semula petikan daripada karyanya yang terdapat dalam beberapa syairnya yang terkenal. Kami teringatkan orang yang paling dekat dengan baginda, iaitu Pehin Amar Diraja Dr. Mohd. Jamil yang menjadi penerbit syair-syair tersebut ketika menjadi pengarah DBP Brunei dahulu. Haji Muslim lalu meminta nasihatnya, tetapi atas nasihatnya pula karya-karya Seri Begawan itu tidak payah dimasukkan. Kami tidak faham dan merasa amat kecewa. Bagaimanapun, kerana projek ini mesti diteruskan maka kami pada-padakan sahaja dengan bahan yang ada. Buku *Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei* telah dapat diterbitkan pada bulan puasa tahun 1984, walaupun terlewat daripada sasarannya sehingga tidak dapat dijadikan hadiah kepada rakyat Brunei tepat pada hari kemerdekaan negara mereka, namun tetap merupakan satu sumbangan kepada khazanah sastera Melayu Brunei. Buku ini kemudian telah dilancarkan dalam satu upacara yang amat sederhana di musala DBP Brunei oleh Pehin Amar Diraja Dr. Mohd. Jamil dalam satu majlis berbuka puasa. Saya dan Haji Muslim sebagai penyelenggara buku itu telah berkongsi membiayai kedatangan Dr. Hashim Awang sebagai tetamu khas bagi menyampaikan satu kata pengantar tentang buku tersebut. Ikut hadir Anwar Ridhwan sebagai wakil dari DBP Kuala Lumpur. Sebagai buah tangan atas kesudiannya itu, maka waktu pulang kami bekalkan beberapa kilo udang galah Brunei yang terkenal, yang barangkali menjadi satu sejarah dalam kegiatan keintelektualannya!

Pada awal tahun 1983 telah berlaku satu perubahan yang mengejutkan di DBP Brunei apabila Pengiran Badaruddin secara mendadak dipindahkan bertugas sebagai Pengarah Radio dan Televisyen Brunei (RTB) merangkap Pengarah Pejabat Penerangan. Kami agak

terpana dengan perpindahannya yang tiba-tiba itu kerana beberapa projek besar yang berpunca daripada prakarsanya belum lagi dimulai. Walaupun demikian, kami merasa bersyukur kerana kursus ejaan baru sempat dilancarkan olehnya sebaik sahaja ketibaan Ismail Dahaman. Walaupun ketiadaan Pengiran Badaruddin sebagai peneraju DBP, namun dengan usaha Dayang Hajah Fatimah sebagai pemangku pengarah, tradisi pentadbiran yang ditinggalkannya itu masih dapat dipertahankan dengan baik dan dapat dilaksanakan dengan cekap. Pada masa itu bengkel penulisan kreatif untuk Brunei-Muara telah pun dimulai bertempat di bilik kuliah DBP sementara kursus dan ceramah tentang ejaan baru telah pun berjalan dengan giat. Hampir semua lapisan masyarakat menerima sistem ejaan baru ini dengan baik walaupun ada guru-guru lama yang sudah sebati dengan ejaan Za'ba bersungut mengatakan ejaan baru ini membingungkan.

Sebelum Pengiran Badaruddin berpindah ke RTB, saya telah membuat permohonan untuk mendapatkan rumah. Saya ingin segera keluar dari hotel kerana risau melihat anak-anak saya yang tidak mempunyai ruang untuk bergerak. Setiap hari mereka terkurung di dalam bilik dibatasi oleh tembok empat penjuru. Hampir setiap minggu kami keluar berkelah di tepi laut di Serasa atau Jerudong atau ke tempat yang agak jauh di Tutong untuk membebaskan diri. Apabila pulang kami kembali terpenjara di dalam bilik beton itu – perasaan menjadi lemas dan otak juga seperti berhenti berfungsi. Saya meminta izin untuk mencari rumah sewa sendiri yang biayanya hanya satu per tiga daripada yang dibayar kepada hotel itu setiap bulan.

"Mau pindah ke Sheraton?" tanya Pengiran Badaruddin yang menyangka saya tidak betah tinggal di hotel

itu. (Sheraton Utama ialah hotel yang terbaik di Bandar Seri Begawan pada waktu itu.)

"Saya mahu rumah atau *flat* yang berlainan daripada bilik hotel," jawab saya.

Dua tiga hari sesudah itu, saya disuruh pergi melihat sebuah servis apartmen di Jalan Sumiling tidak jauh dari DBP. Sebuah apartmen yang memang cukup ideal jika hanya untuk sepasang suami isteri yang baru berkahwin, tetapi jika ada dua orang anak rasanya tidak ada bezanya dengan bilik hotel. Saya menolak dan sebagai alternatif meminta untuk pindah ke *suite* hotel itu sahaja yang sekarang sedang dalam pengubahsuaian. *Suite* itu terletak di tingkat teratas dan jendelanya menghadap ke tepi Sungai Kianggeh. Sementara menunggu *suite* itu siap, ada seorang anak tauke hotel itu mempelawa saya pergi melihat apartmennya yang terletak berhampiran Pusat Belia yang kebetulan ada kosong. Kami tertarik dengan apartmen tersebut yang terletak di tingkat tiga, sederhana besar. Ada dua bilik tidur, dapur dan ruang tamu. Bagi semua anak yang tinggal di situ yang mahu membuat ulang kaji pelajaran sekolahnya ada disediakan sebuah tempat khas di bahagian atas cukup dengan alat-alat yang diperlukan. Ada tempat letak kereta yang bertutup. Sewanya B$1800 sebulan. Saya tertarik walaupun kami barangkali penghuni Melayu satu-satunya. Dari situ pada hari bercuaca baik, saya boleh berjalan kaki sahaja ke pejabat yang memang sudah menjadi satu kegemaran saya sejak dahulu. Saya pun membuat permohonan. Tetapi terasa seperti ada sesuatu yang tidak kena tentang permohonan itu yang terlihat daripada sikap Pengiran Badaruddin, walaupun dia tidak melahirkannya secara terus terang tetapi saya dapat menangkapnya. Permohonan itu dilengah-lengahkan.

Majlis Perkahwinan

Abdul Hamid Abbas pengarang di BPPS akan melangsungkan perkahwinannya dengan seorang gadis yang bekerja di DBP juga. Ini ialah majlis perkahwinan orang Brunei yang kedua saya hadiri. Pada pertengahan bulan Januari dahulu perkahwinan anak Abd. Wahab Haji Ahmad di Kampung Pengiran Pemanca Lama. Gadis yang menjadi pilihan Abdul Hamid itu tinggal di Bandar Seri Begawan di sebuah kampung yang terletak di hujung jambatan yang sekarang sudah tidak ada lagi kerana telah dijadikan tapak kompleks mahkamah. Semua majlis perkahwinan di sini biasa dilangsungkan pada hari Ahad yang bermula dengan majlis berinai beberapa malam sebelumnya. Oleh sebab majlis itu diadakan pada hari Ahad, maka setiap orang yang mempunyai ramai keluarga atau sahabat handai akan menerima beberapa jemputan serentak. Namun hanya sebuah rumah sahaja yang dapat dihadirinya sebab semua majlis akan bermula pada waktu yang sama, iaitu pukul 12.00 tengah hari, tidak seperti di tempat kita yang bermula dari pukul 11.00 dan berakhir pada pukul 4.00 petang atau lebih lewat lagi. Orang boleh datang bila-bila masa sahaja dalam jangka masa itu. Beberapa buah rumah boleh kita kunjungi dalam masa satu hari. Hal ini tidak berlaku di Brunei. Oleh sebab itu untuk tidak mengecilkan hati orang yang menjemput dan sebagai penghubung tali silaturahim maka keluarga yang besar akan membahagi-bahagikan tugas antara suami, isteri dan anak agar dapat menghadiri majlis di rumah yang berasingan. Satu perkara yang menarik perhatian ialah orang Brunei amat prihatin tentang pakaian waktu menghadiri sesuatu majlis seperti majlis perkahwinan ataupun majlis rasmi yang lain walaupun dalam masa pejabat. Mereka

akan balik ke rumah menukar pakaian kerjanya dengan pakaian Melayu yang lengkap seperti juga ketika mereka menunaikan solat Jumaat. Di masjid atau di majlis-majlis kita dapat membezakan antara orang Brunei asli dengan orang luar dengan hanya melihat kepada pakaiannya sahaja, kecuali pada musim haji orang yang baru pulang dari Tanah Suci banyak yang memakai igal. Pakaian rasmi dalam upacara istana ialah baju Melayu warna hitam pada waktu siang dan warna putih pada waktu malam.

Di majlis perkahwinan Abdul Hamid Abbas, saya ikut dalam rombongan lelaki dari rumahnya di Jerudong. Ketika sampai di rumah pengantin perempuan, sebelum naik ke atas rumah pengantin lelaki dimestikan berjalan berlegar "pusat naga" dalam bentuk bulatan sebanyak tiga kali di hadapan tangga sebelum melangkah naik. Naga dilambangkan sebagai kegagahan yang diperlukan daripada seorang lelaki. Di kiri kanan pelamin terpasang dua batang lilin besar. Lilin-lilin itu ada ukuran kecil besarnya mengikut taraf orang yang berkahwin. Pada masa dahulu besar lilin itu diukur menurut berat timbangan.

Abdul Hamid Abbas ini walaupun anak kampung biasa tetapi sangat memikat perhatian saya. Waktu saya mula memegang tugas di DBP, dia baru pulang dari London setelah mengikuti kursus dalam bidang penerbitan. Jawatannya pada waktu itu hanyalah sebagai penolong pengarang. Tetapi minatnya pada kerja cukup besar, ada inisiatif, penuh dedikasi dan amat bertanggungjawab. Dia seorang yang paling cepat naik pangkat. Tidak sampai dua tahun dia telah dapat menjadi pengarang kanan. Sebelum saya menandatangani kontrak yang ketiga, Abdul Hamid Abbas dengan dua orang pegawai lagi Aminah Haji Momin dan Fatimah Asgar

kedua-duanya penolong pengarang telah membuat permohonan untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya. Permohonan mereka telah mendapat sokongan kuat daripada beberapa orang pensyarah di Jabatan Penulisan Universiti Malaya pada waktu itu berdasarkan Sijil Tinggi Pelajaran yang mereka miliki di samping pengalaman bekerja, maka peluang untuk mereka mendapat tempat agak baik. Walaupun permohonan agak lewat tetapi mereka dimasukkan ke kategori istimewa penerimaan pelajar-pelajar baru. Yang menjadi cerita, pada waktu itu di Universiti Malaya terjadi perubahan pimpinan antara Prof. Diraja Ungku Aziz dengan Syed Hussein al-Attas, maka keistimewaan itu telah menimbulkan sedikit masalah. Walaupun begitu Abdul Hamid tidak berputus asa. Dia berusaha meminta sokongan daripada seorang Timbalan Menteri tetapi tidak berjaya. Sehingga saat permohonan ditutup nama mereka belum dapat didaftarkan. Sesi Universiti Malaya bagi tahun itu sudah bermula. Pihak pentadbir DBP sendiri sudah mengangkat tangan menyerah kalah dan tidak mahu turut campur lagi. Tiba-tiba terbetik berita bahawa Menteri Pelajaran Brunei, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato' Abdul Rahman Taib akan berkunjung ke Kuala Lumpur untuk bertemu Dato' Seri Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia. Saya lalu menolong mendrafkan surat atas nama Abdul Hamid dan dua orang kawannya untuk menyampaikan masalah mereka kepada Dato' Abdul Rahman. Waktu Abdul Hamid pergi berjumpa dengannya, dia telah ditanya kenapa tidak masuk sahaja ke Universiti Brunei Darussalam yang baru dibuka itu?

Pada petang sesudah Menteri Pelajaran Brunei berada di Kuala Lumpur, dalam siaran warta berita RTM ada pernyataan daripada Dato' Seri Anwar bahawa kera-

jaan Malaysia bersedia menambahkan kuota tempat di institusi pengajian tinggi Malaysia kepada pelajar-pelajar Brunei. Berita itu telah memberikan sedikit cahaya harapan kepada Abdul Hamid dan kawan-kawannya.

Pada pagi Isnin ketika saya masuk ke pejabat, ada telefon daripada Prof. Madya Abdul Latiff Abu Bakar yang menyuruh Abdul Hamid Abbas, Aminah Momin dan Fatimah Asgar datang ke Kuala Lumpur pada petang itu juga.

"Tidak usah bawa barang-barang dulu. Bawa saja dokumen yang perlu," kata Prof. Madya Abdul Latiff.

Saya lalu memanggil Abdul Hamid, Aminah dan Fatimah memberitahu hal itu. "Sekarang yang penting sekali urus cuti. Sesudah itu pergi beli tiket kapal terbang dan bertolak pada petang ini juga," kata saya.

Setelah siap surat cuti, Abdul Hamid terus pergi menguruskan tiket. Petang itu sebelum menaiki kapal terbang saya berpesan, "Jangan lupa telefon saya akan hasilnya."

Pada keesokan harinya jam 11.00 pagi, Abdul Hamid menelefon dari Kuala Lumpur. "Pak, kami sudah diterima. Sudah mendaftar pun." Diam-diam saya mengucap syukur ke hadrat Allah kerana mereka bertiga telah dapat masuk universiti. Oleh sebab pada waktu bertolak itu mereka ada membawa pakaian yang seperlunya, maka mereka terus ikut kuliah yang sudah pun bermula hampir dua minggu.

Antara mereka bertiga itu, Fatimah menghadapi sedikit masalah kerana anaknya masih kecil. Suaminya seorang kerani di sebuah pejabat kerajaan tidak begitu gembira isterinya melanjutkan pelajaran, sehingga hampir sahaja dia tidak dapat bertolak pada hari itu jika semangatnya tidak cukup keras, dia sudah nekad. "Apa mau jadi pun jadilah," katanya kepada saya. Selama tiga

tahun itu, dia telah menghadapi masa-masa yang genting dan payah tetapi berkat keazamannya akhirnya berjaya juga. Hal yang sebaliknya terjadi kepada Aminah walaupun sudah tiga orang anaknya dan suaminya hanya seorang mekanik biasa di sebuah bengkel kereta di Jalan Berakas tetapi mendapat sokongan dan dorongan yang kuat.

"Pergilah belajar," kata Taha suaminya. "Saya akan menjaga anak-anak kita." Dan dia mengotai kata-katanya itu.

Gempar juga di beberapa buah jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan apabila tiga orang pegawai dari Dewan Bahasa dan Pustaka dapat melanjutkan pelajaran ke Kuala Lumpur serentak. Tiga orang dari satu pejabat dan dari bahagian yang sama dapat masuk universiti. Sehingga sesudah mereka pulang, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telah membuat semacam peraturan untuk memberikan keadilan kepada semua jabatan di bawah naungannya, peluang untuk melanjutkan pelajaran bagi ijazah pertama diberi mengikut kuota dan giliran.

Setelah tiga tahun bertungkus-lumus, ketiga-tiga mereka pun pulang dengan membawa ijazah. Abdul Hamid Abbas tidak lama di Dewan Bahasa dan Pustaka oleh sebab peluang untuk mendapatkan jawatan yang lebih baik dan sesuai dengan kelulusannya sudah terisi semuanya dan terpaksa menunggu agak lama untuk peluang seterusnya. Dia lalu membuat permohonan ke Kementerian Luar Negeri dan permohonannya diterima. Semasa mereka pulang ke Brunei saya sedang dipinjam oleh Pusat Sejarah untuk menyelesaikan sebuah buku tentang adat istiadat yang ditulis oleh Pehin Amar Diraja Dr. Mohd. Jamil. Pada masa itu Pusat Sejarah sedang mengiklankan jawatan pegawai sejarah. Pehin Dr. Mohd.

Jamil berminat untuk menarik salah seorang daripada pegawai perempuan yang baru pulang dari Kuala Lumpur itu untuk jawatan tersebut walaupun mereka itu bukan daripada bidang sejarah. Akhirnya Fatimah Asgar yang dipilih, maka tinggallah Aminah Haji Momin kekal sebagai pegawai di Dewan Bahasa dan Pustaka sampai sekarang.

Sewaktu isteri saya sampai di Bandar Seri Begawan, sebagai orang baru di tempat baru, pada mulanya tiada apa-apa masalah. Masanya dihabiskan dengan melihat segala yang baru itu. Tetapi setelah sebulan berlalu dan terkurung di bilik hotel, dia sudah mula berasa bosan. Kawan kenalan belum begitu banyak. Wanita Brunei kebanyakannya bekerja, baik dengan kerajaan atau dengan swasta. Sebahagian daripada isteri pembesar-pembesar negeri banyak yang menjadi pegawai tinggi di jabatan kerajaan walaupun mereka tidak digalakkan menjadi ketua. Wanita yang tidak berijazah apabila bersuami mesti berhenti dan membuat permohonan baru untuk menyambung kerjayanya. Permohonan itu diperbaharui pada setiap tahun. Dalam keadaan yang serupa itulah isteri saya mendapati dirinya selalu keseorangan dalam erti kata sukar mahu mendapat kawan. Pada dinding lif hotel itu ada tertampal maklumat tentang *Women's Corona Club* yang mengajak para isteri *expatriate* menjadi ahlinya.

Pada masa itu ramai orang asing yang bekerja di Brunei. Ada beberapa projek besar yang sedang dilaksanakan. Yang paling besar ialah pembinaan Istana Nurul Iman yang merupakan istana yang terbesar di dunia dengan beribu buah biliknya. Kebanyakan para pekerjanya terdiri daripada orang Filipina. Begitu juga pekerjaan menambak Sungai Kianggeh yang para pekerjanya terdiri daripada orang Filipina. Di hujung

Jalan Kampung Berangan sedang dijalankan kerja-kerja meratakan puncak sebuah bukit yang khabarnya mahu dibangunkan hotel. Ini dapat dilihat dengan jelas dari jendela tingkat lima bilik mesyuarat DBP. Ada antara para pekerja itu yang datang bersama-sama isterinya. Mereka inilah yang menjadi ahli *Women's Corona Club*. Wakilnya ada di hotel tersebut, tinggal tidak jauh dari bilik kami. Isteri saya lalu memohon menjadi salah seorang ahlinya dan hampir setiap minggu ada sahaja kegiatan sosial yang mereka lakukan. Mereka berkumpul di rumah ahli yang sudah mendapat rumah. Belajar membuat kraftangan seperti menekat, menyulam, melukis dan mengukir barang-barang tembaga. Isteri saya mendapat kawan seorang perempuan Amerika bernama Rose sementara suaminya Ernie bekerja sebagai konsultan pada projek di Jalan Kampung Berangan. Mereka suami isteri terlalu baik sehingga ketika mahu pulang ke Amerika, mereka memberi kami sebuah tempayan besar dan pokok-pokok bunga.[16]

Pada suatu malam ketika menonton Pertandingan Lagu-Lagu Melayu asli tahun 1982 yang dianjurkan oleh Radio dan Televisyen Brunei, saya tertarik dengan penampilan seorang penyanyi perempuan yang berjaya ke peringkat akhir. Malam itu dia membawa lagu "Seri Andalas". Walaupun tidak memenangi hadiah utama tetapi bakatnya sebagai seorang penyanyi memang cukup terserlah.

Yang menarik minat saya ialah pengenalan dirinya yang disampaikan oleh juruacara pertandingan itu. Dayang Norsiah Abdul Gapar selain gemar menyanyi, dia juga seorang penulis dan sedang menulis sebuah novel. Pekerjaannya juga agak menarik, sebagai ahli pengkaji penyakit. Dia seorang saintis, bukan guru, dia juga berminat dalam bidang sastera.

Pada keesokan pagi, perkara yang pertama saya tanyakan kepada Haji Muslim adalah tentang Norsiah.

"Memang benar dia ada menulis cerpen," kata Haji Muslim sambil memberitahu bahawa Norsiah itu orang Seria, mempunyai ijazah dalam bidang kimia hayat.

"Saya ingin berjumpa dengannya," kata saya. "Kita jemput dia menulis dalam majalah kita. Susah mahu mendapatkan orang daripada bidang sains yang ada minat dalam seni dan penulisan kreatif. Bagaimana caranya?"

Pada masa itu Norsiah sedang bertugas sebagai ahli kaji penyakit di Hospital Belait. Sekali-sekala dia turun ke Bandar Seri Begawan kerana suaminya bertugas di salah sebuah pejabat kerajaan. Peluang pertama saya berjumpa dengannya di rumah Sumadi waktu meraikan Adibah Amin dan Lat. Kami segera menjadi kawan dan apabila dia berpindah tugas di Hospital RIPAS, saya sering juga ke rumahnya di Sungkurong.

Beberapa buah cerpennya mulai saya baca. Dalam hati saya, mulai ada keyakinan bahawa Norsiah akan menjadi seorang penulis Brunei yang baik, mungkin pada suatu hari nanti dia akan dapat mengatasi Muslim Burmat, penulis Brunei yang cerita pendeknya sangat saya kagumi.

Dalam senarai peserta peraduan penulisan cerpen yang diadakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei tidak lama kemudian, tercatat namanya tetapi bukan sebagai peraih hadiah pertama, kedua atau ketiga. Dia cuma mendapat sagu hati. Kemudian sekali lagi dia mendapat sagu hati dalam peraduan menulis drama yang juga dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Tema dramanya agak lucu sedikit. Judulnya pun lucu, "*Tuan-tuan dan Peon-peon*".

Apabila keputusan peraduan menulis novel sempena

kemerdekaan 1983 diumumkan oleh panel hakim, novel Norsiah yang berjudul *Pengabdian* telah terpilih untuk memenangi hadiah pertama yang bernilai B$15 000, sekali gus namanya melonjak naik sebagai penulis Brunei yang terbaik dan yang hebatnya dia seorang wanita.

Di Brunei memang ada penulis wanita. Ada yang pernah memenangi hadiah peraduan penulisan cerpen pada suatu masa dahulu. Mereka seperti juga penulis wanita kita amat mudah tertinggal di belakang dan kemudian terus menghilangkan diri. Maka apabila Norsiah diumumkan sebagai peraih hadiah pertama, dunia penulisan Brunei agak berkocak juga kerana dia telah berhasil memecahkan *monotonous* pemenang lelaki yang tidak pernah berubah.

Norsiah dilahirkan di Pekan Seria pada 24 April 1952. Dia mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Muhammad Alam dan kemudian berpindah ke Sekolah Menengah Inggeris Anthony Abell. Dengan demikian dia mempunyai asas pendidikan yang baik dalam dua bahasa, Melayu dan Inggeris. Sebagai anak Brunei dia juga sempat menjejakkan kaki di Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, sebuah sekolah menengah yang cukup berprestij walaupun hanya lima bulan sahaja sebelum bertolak ke England untuk belajar di Southampton Technical College, Hants. Sesudah dua tahun di kolej itu, dia berpindah ke University of Surrey, Guilford untuk mengikuti pengajian di bidang kaji kimia hayat sehingga mendapat ijazah sarjana.

Sewaktu Dewan Bahasa dan Pustaka mengadakan Peraduan Menulis Novel Sempena Kemerdekaan Brunei 1983, Norsiah telah mengambil cuti selama satu bulan tanpa gaji untuk turut serta dalam peraduan itu. Dia menulis selama 10 jam setiap hari. Dia begitu yakin

bahawa novelnya itu akan memenangi salah satu hadiah yang ditawarkan, tetapi tidaklah hadiah pertama. Sebagai seorang ahli sains, dia membuat perhitungan walaupun hanya hadiah sagu hati sahaja (bernilai B$2500) maka cuti sebulan yang tidak bergaji itu sudah berbaloi.

Dia tidak percaya apabila ada kawan-kawan memberitahu bahawa novelnya telah terpilih. Apabila berita itu disiarkan melalui TV dan radio, dia seperti tergamam, tidak percaya. "Itulah hadiah yang paling besar yang pernah saya terima," katanya kemudian. "Saya gembira kerana minat saya dalam bidang penulisan akhirnya mendatangkan hasil."

Minatnya dalam bidang penulisan telah berputik sejak dia berumur 18 tahun lagi. Selama dua tahun dia pernah menjadi anggota sidang pengarang majalah sekolahnya. Dia gemar menulis cerpen dan drama. Kegemarannya itu dipupuk dengan baik walaupun dia kemudian memilih jurusan sains sebagai kerjaya.

Dalam novel *Pengabdian*[17] dia menceritakan kisah hidup orang yang paling dekat dengan hatinya, iaitu doktor. Setiap hari dia berhubungan dengan mereka dan bersimpati dengan suka duka mereka dalam menjalankan tugas. Dia berkenalan dengan Dr. Siti Noor. Sebagai seorang wanita dalam masyarakat yang belum begitu terbuka, tentulah lapangan yang diambilnya itu banyak menghadapi halangan dan rintangan. Walaupun Norsiah bukan seorang doktor, tetapi simpatinya tertumpah penuh kepada doktor yang bertugas di bawah satu bumbung dengannya. Dia mengetahui gelora yang berkocak di sebalik senyuman sumbing yang terlukis di bibir Dr. Siti Noor. Dalam novelnya itu dikisahkan beberapa masalah yang berkait rapat dengan kemanusiaan, politik, ekonomi, sosial, agama dan kebudayaan. Sebab itu dalam keputusan yang dibuat oleh panel hakim di-

katakan bahawa novelnya itu ada membawa makna yang berlainan daripada novel-novel lain.

Sesudah novel itu, Norsiah cuba menulis sebuah novel lain yang diberi judul *Terbang Tinggi*. Dalam menggarap novel ini dia tidak payah lagi meminta cuti tanpa bergaji. "Saya sudah boleh menyusun waktu dengan baik", katanya. "Kita sebenarnya tidak kekurangan waktu asal saja kita pandai mengaturnya." Demikian kata Dayang Norsiah waktu diwawancara oleh Radio Brunei. Walaupun dia sibuk dengan tugasnya di makmal Rumah Sakit Raja Isteri Saleha (RIPAS) di Bandar Seri Begawan, yang kadang-kadang dikejutkan daripada tidur yang nyenyak dan dengan dua orang anak yang masih kecil Erwina dan Riana, tetapi dia mendapat kerjasama dan simpati daripada suaminya Awang Aji Haji Pungut, yang mengambil alih tugas menjaga anak-anak apabila dia terpaksa ke meja tulis kerana diganggu ilham yang mesti digarapkan segera.

Itulah kisah seorang saintis, penyanyi dan penulis pula. Orangnya amat simpatik, mudah mesra dan tetap rendah diri. Dia juga peminat Shahnon Ahmad dan gemar membaca novel Inggeris.

Nota

1 Janji ini sampai sekarang setahu saya belum pernah dipenuhi.

2 Walaupun masih muda, tetapi Hassan sudah mempunyai banyak pengalaman. Dia sudah melawat beberapa negara luar bersama-sama Utusan BINA. Pada masa itu dia sedang bercinta dengan seorang gadis Sarawak, tetapi cintanya berat sebelah kerana gadis tersebut daripada keturunan orang berada. Agak lama juga saya tidak bertemu Hassan setelah pertemuan-pertemuan di

Kuching itu sehingga saya kembali dari Brunei dan kami bertemu secara kebetulan di sebuah restoran di Jalan Pahang. Hassan menawarkan kerja di syarikatnya yang menerbitkan Ensiklopedia Malaysiana. Dia sudah menjadi jutawan. Sebuah lagi cerita *from rags to richness*. Menurut Hassan, sebelum terjadi krisis politik di Sarawak, dia sudah pun meninggalkan negeri itu dan dengan sedikit wang, telah berhijrah ke Australia, sambil bekerja sebagai drebar teksi dan belajar di salah sebuah universiti.

3 *Perjalanan Mencari Bahasa*, 2001. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 96.

4 Lihat *Sebuah Perjalanan*, 1984. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 237–38.

5 Seorang penulis/pengarang yang berpengalaman tidak kurang daripada 30 tahun dalam bidang penulisan kreatif sastera serta esei sastera dan kebudayaan dan dapat menunjukkan karya yang sudah diterbitkan seperti berikut: sekurang-kurangnya 15 buah novel, sekurang-kurangnya 3 buah biografi, sekurang-kurangnya 150 buah rencana meliputi berbagai-bagai persoalan seperti agama, politik, sosial, ekonomi dan umum, sekurang-kurangnya 3 buah buku umum dan sekurang-kurangnya 7 buah buku terjemahan, berpengalaman luas dalam bidang percetakan, penyuntingan dan penyelidikan, dapat membaca dan menulis jawi dengan baik.

6 Lihat trilogi *Aku Tidak Minta*, 1988. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, hlm. 126–27.

7 "Daripada tinjauan kami melalui penyelidikan ini didapati kedua-dua koleksi (Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan Muzium Brunei) mempunyai jumlah bahan yang mengagumkan. Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei 135, dan Muzium Brunei 110 naskhah. Dari segi judul, Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai 35–40, dan Muzium Brunei 50–55. Jumlah ini tidak termasuk naskhah yang disenaraikan sebagai 'tanpa judul' kerana

keadaan yang umum dalam kedua-dua koleksi." (Dr. Harun Mat Piah dan Dr. Ismail Hamid, *Kajian dan Dokumentasi Manuskrip-manuskrip Melayu dalam Koleksi Brunei*, Projek UKM 39/82).

8 Lihat *Perjalanan Mencari Bahasa*, 2001. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 6.

9 SUK AN 25/86/60/2 bertarikh 11 Ogos 1982.

10 Lat datang ke Brunei bersama-sama Adibah Amin dan Samatha dari akhbar *The New Straits Times* pada minggu akhir bulan Februari 1983.

11 Haji Abdul Latiff bin Haji Ibrahim, 1996. "Kampung Ayer: Warisan, Cabaran dan Masa Depan". Kertas kerja dalam Simposium Antarabangsa Kampung Air, UBD 10 tahun, 6–8 September 1996.

12 Peraduan sempena menyambut tahun Hijrah 1400 anjuran DBP, memenangi hadiah ketiga dengan novel *Orang Asing* yang membawa kisah seorang pemuda dari Kampung Air mengahwini gadis Iban, terus tinggal menetap di Batang Mitus dan menjadi pendakwah.

13 Terdapat beberapa buah skrip yang menjadikan sejarah pengambilan Limbang secara paksa oleh James Brooke dan sejarah Pengiran Syahbandar atau Pengiran Indera Mahkota Mohd. Salleh dengan *Syair Rakis*nya di samping sejarah Pengiran Bendahara Sakam merampas isteri orang dalam istiadat persandingan. Hadiah pertama jatuh kepada Pengiran Aji bin Pengiran Haji Md. Tahir, "Limbang dalam Sejarah"; hadiah kedua Abdul Latif bin Awang Chuchu "Sasterawan Bangsa"; dan hadiah ketiga Masri bin Haji Akip "Tamu-Tamu" (*Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei*, 1984. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. XIX–XX).

14 Saya pernah mencadangkan supaya novel ini diterbitkan semula dengan diberi kata pengantar oleh seorang ahli akademik, tetapi telah ditolak oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan alasan yang tertentu.

15 Tuan Haji Saad pemilik Pustaka Melayu Baru di Kuala Lumpur yang menjadi penerbitnya yang sah pernah menulis kepada saya meminta tolong melacak pencetak rompak yang mencetak novel ini untuk sekolah-sekolah di Brunei yang sudah berlaku beberapa tahun lamanya sejak novel itu menjadi teks wajib sastera tingkatan 4 dan 5.

16 Mereka pulang apabila projek itu tiba-tiba dihentikan. Sewaktu isteri dan anak saya ke Florida, Rose dan suaminya datang menemuinya di tempat penginapan.

17 Dr. Yusof Hasan dalam kajiannya menganggap novel ini sebagai novel Brunei yang terbaik.

4

NEGARA BRUNEI MENCAPAI KEMERDEKAAN

Lawatan Dr. Mahathir

PADA suatu hari saya menerima panggilan telefon daripada Yusaini Amir. Terperanjat juga mendapat panggilan daripadanya secara tiba-tiba. Kali terakhir kami bertemu ketika dia dan isterinya membawa rombongan penari dari Solo, Indonesia untuk mengadakan persembahan tarian di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka. Khabarnya sesudah mereka mengadakan pertunjukan di beberapa kota, rombongan penari itu telah dibubarkan dan ada antara anggotanya yang telah kembali ke Indonesia, sementara Yusaini dan isterinya terus tinggal menetap di Kuala Lumpur. Yusaini atau nama penuhnya Sonny Yusainy bin Said Amir pernah tinggal di Singapura pada tahun 1950-an dan bekerja dengan sebuah majalah filem. Di sanalah saya berkenalan dengannya.

Dia bertanyakan tentang skrip filem *Kisah Hidup P. Ramlee* yang pernah saya tulis untuk Jins Shamsuddin. Dia bercadang mahu melihatnya kerana menurut katanya, ketika dia menulis skrip filem untuk diarahkan bagi sebuah syarikat filem yang baru ditubuhkan, dia bermimpikan P. Ramlee dan daripada kawan-kawan di Kuala Lumpur dia mendapat tahu yang saya sudah pun

menulis sebuah skrip tentang seniman agung itu. Saya lantas menulis surat kepadanya meminta dia mengambil skrip itu daripada Ahmad Yatim. Kisah tentang Yusaini Amir hilang buat sementara kerana saya telah ditawarkan rumah di kompleks rumah kerajaan di Anggerik Desa, Jalan Berakas. Sebuah rumah *flat* yang kira-kira satu tingkat lebih rendah daripada apartmen. Ada enam unit pada setiap blok yang terletak di sebuah kawasan kompleks khas untuk pegawai-pegawai kerajaan bahagian satu. Saya mendapat unit di tingkat dua. Ada tiga buah kamar besar dengan dua bilik mandi dan satu ruang tamu yang cukup luas. Ada balkoni yang pada mulanya telah dirancangkan oleh isteri saya untuk dijadikan taman bunga kecil. Sesudah beberapa bulan kami tinggal di situ, ia telah menjadi tempat burung-burung ciak kepala putih membuat sarang, bertelur dan beranak. Rumah itu dahulu ditempati oleh seorang pegawai Inggeris yang menjadi doktor tentera. Saya dan keluarga merasa sangat gembira kerana akhirnya kami dapat juga keluar dari hotel yang sesungguhnya sangat melemaskan itu.

Rumah ini menghadap ke padang permainan kanak-kanak, jadi kami boleh memandang ke luar tanpa ada adangan kecuali oleh blok bangunan rumah yang sama di seberang jalan. Di tepi padang permainan itu ada dua batang pokok besar yang menjadi tempat pelbagai jenis burung berkumpul, lebih-lebih lagi pada masa pokok itu berbunga dan berbuah. Ruang tamunya menggunakan pintu gelangsar yang boleh dibuka dan ditutup dengan mudah sepanjang masa sementara semua tingkap kamar juga boleh dibuka terus kerana telah dipasang jaring penghalang nyamuk dan serangga. Ini yang membuat saya sangat suka pada rumah tersebut. Tetapi kami tidak dapat masuk segera, rumah itu mesti diber-

sihkan daripada sampah sarap yang ditinggalkan oleh penghuninya yang lalu, mesti dicat semula dan bocor di bilik mandi yang agak parah harus diperbaiki. Saya terpaksa berurusan dengan Jabatan Kerja Raya tetapi dengan bantuan Haji Sablee pentadbir kanan DBP dan pegawai-pegawai di BPPS yang kenal antara satu sama lain, semuanya dapat berjalan dengan lancar walaupun ada juga kerenah birokrasi yang mesti dihadapi dengan penuh kesabaran yang telah menjadi sebahagian daripada cara hidup pada zaman moden ini. Perabot hampir seluruhnya disediakan kecuali peti sejuk, TV dan mesin cuci yang mesti dibeli sendiri. Waktu akan meninggalkan hotel baru terasa bahawa walaupun kami tinggal di bilik hotel yang sempit itu, tetapi banyak juga barang yang mesti diangkut sehingga terpaksa menggunakan dua tiga buah kereta. Pegawai-pegawai dari BPPS termasuk beberapa orang anggota ASTERAWANI ikut membantu. Isteri saya telah memasak laksa untuk menjamu kawan-kawan yang datang menolong. Akhirnya setelah 11 bulan terperangkap di bilik yang berhawa dingin dikelilingi oleh empat penjuru tembok beton, kami telah dapat berpindah ke rumah yang cukup selesa, luas dan lapang dengan udara segar yang berhembus 24 jam, yang datang dari pelbagai penjuru, depan dan belakang rumah. Kini kami dapat mendengar kembali deruan angin yang begitu kuat pada waktu senja, bunyi air hujan, bunyi segala macam serangga bercampur dengan bunyi kenderaan yang melintas di Jalan Berakas dan deruman kapal terbang yang mendarat dan yang berlepas dari Lapangan Terbang Berakas kira-kira lima minit perjalanan kenderaan dari situ.

Sebagai ketua bahagian, saya mendapat peruntukan telefon, tetapi untuk mendapatkan talian ternyata bukan satu perkara yang mudah walaupun di rumah itu da-

hulu, telah ada dua talian telefon, di ruang tamu dan di bilik tidur. Talian itu kini telah diambil oleh orang lain dan saya terpaksa menunggu. Saya secara peribadi tidak begitu memerlukan telefon kerana antara alat moden yang tidak begitu saya gemari ialah telefon. Tetapi Haji Sablee seperti memaksa supaya saya mempunyai telefon. Itu hak saya katanya dan saya pun menyerahkan urusan tersebut kepadanya. Dia lalu berusaha bersungguh-sungguh sehingga meminta rekomen daripada seorang pembesar yang berpengaruh di Kementerian Perhubungan, tetapi tidak juga berhasil. Akhirnya, pada suatu hari waktu di pejabat saya merasa kasihan melihatnya seperti sudah berputus asa. Saya lalu berkata kepadanya, "Sudahlah, tuan haji. Tidak usah susah-susah lagi. Saya pun tidak mengharapkan sangat telefon itu. Kalau ada ya bagus, kalau tidak ada pun tidak apa. Tidak ada yang mengganggu waktu saya mahu berehat."

Mendengar kata-kata saya itu dia pun mulai merasa tenteram. Dan cerita telefon itu kami habiskan di situ sahaja. Petang itu ketika saya sampai di rumah, anak-anak saya menyambut saya dengan gembira seperti ada sesuatu yang berlaku di rumah itu. Sebaik sahaja saya melangkah masuk mereka menunjukkan ke meja kecil di tepi dinding ruang tamu.

"Bila mereka pasang?"

"Tadi siang," kata isteri saya.

"Begini hidup," kata saya yang membuat isteri saya hairan, dan saya menyambung. "Bila kita minta susah mau dapat, tetapi bila kita tidak mau, dia datang."

Saya lalu menceritakan kepada isteri saya tentang percakapan saya dengan Haji Sablee waktu di pejabat yang membuat kami sama-sama ketawa.

Pada akhir bulan Mac tahun 1983, Dato' Seri Dr.

Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah membuat kunjungan rasmi ke Negara Brunei Darussalam. Pada hari kedua lawatannya, Pejabat Suruhanjaya telah mengadakan satu jamuan makan tengah hari bertempat di Mes Polis Gadong. Beberapa orang daripada Jawatankuasa Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia di Brunei telah dijemput. Turut serta dalam rombongan Perdana Menteri ialah Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Luar dan sepupu saya Tan Sri Mohd. Amin Osman, Ketua Polis Negara serta beberapa orang pembesar lain. Saya duduk di sebelah kanan Tan Sri Ghazali menghadap Datin Seri Dr. Siti Hasmah. Tan Sri Ghazali duduk menghadap Dr. Mahathir, di sebelah kiri Tan Sri Ghazali duduk Pehin Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei. Kecuali Tan Sri Ghazali yang banyak bercakap dengan Dr. Mahathir, kami hanya sekali-sekala sahaja mencelah. Pehin Haji Ismail sebagai orang alim memang lebih banyak diam dan selalu berwajah serius. Melihat hal itu saya lalu berbisik kepada Tan Sri Ghazali.

"Cuba Tan Sri buat Pehin Mufti kita itu ketawa dengan cerita yang pernah Tan Sri ceritakan kepada kami dulu."

"Cerita tentang apa?" tanya Dr. Mahathir yang dapat mendengar percakapan saya itu. (Cerita itu pernah diceritakan oleh Tan Sri Ghazali kepada saya dan beberapa orang kawan pada satu ketika dahulu, semasa saya menjadi Setiausaha Panel Hadiah Karya Sastera Kebangsaan.)

Tan Sri Ghazali pun berceritalah. Pertama kali saya melihat Pehin Mufti itu tersenyum bersama-sama kami yang ketawa kecil. Entah bagaimana cerita itu telah dapat dihidu oleh seorang wartawan *Utusan Melayu* dan telah disiarkan di muka depan *Mingguan Malaysia* beberapa

minggu kemudian yang telah menyebabkan Baginda Seri Begawan Sultan murka.

Filem P. Ramlee

Saya mendapat telegram daripada Yusaini Amir yang memberitahu bahawa dia sedang membaca skrip itu dan kemudian akan mengemukakan cadangan kepada Segugus Filem, anak syarikat Gugusan Sendirian Berhad yang dimiliki oleh Dato' Senu Abd. Rahman. Saya sebenarnya tidak tahu berapa bayaran yang patut saya minta untuk skrip itu kerana pada masa itu hanya skrip untuk drama TV sahaja yang sudah ada kadarnya, RM30.00 satu minit, sementara bayaran untuk skrip filem tidak ada siapa yang tahu kecuali penulis skrip dan penerbit filem yang masih banyak berahsia. Saya tidak tahu berapa mereka bayar kepada Shahnon untuk novel dan skrip filem *Ranjau Sepanjang Jalan*, tetapi kepada A. Samad Said untuk novel *Langit Petang* khabarnya dibayar RM15 000. Saya kurang jelas dengan bayaran itu apakah untuk novelnya ataupun novel dan skripnya sekali. Saya pun menulis surat kepada Yusaini memberitahunya bahawa bayaran untuk skrip itu ialah RM15 000 tunai.

Beberapa hari kemudian ada panggilan telefon daripadanya. Dia memberitahu bahawa Segugus Filem telah bersetuju mahu menggunakan skrip saya itu.

"O.K.," kata saya. "Bagaimana dengan bayarannya?"

"Lima belas ribu itu terlalu mahal!"

"Mahal apa jika dibandingkan dengan bayaran kepada pelakon utama," jawab saya. "Bila lagi masanya saudara mahu menolong penulis? Saudara juga seorang penulis bukan?"

Dia terdiam sebentar.

"Bagaimana?" tanya saya mendesak.

"Saya akan beri jawapan dalam masa beberapa hari lagi."

Waktu meletakkan gagang telefon itu saya sebenarnya belum begitu yakin bahawa transaksi itu akan menjadi kenyataan, maka saya pun tidak terlalu menggantungkan harapan. Beberapa hari kemudian ada lagi panggilan telefon daripada Yusaini yang mengatakan bahawa Segugus Filem bersetuju dengan tawaran tersebut. Saya lalu memberitahunya supaya wangnya dibayar lebih dulu kepada adik saya Ibrahim Hussein. Tidak lama sesudah itu saya mendapat berita daripada Ibrahim bahawa dia sudah pun menerima bayarannya daripada Yusaini Amir, saya lalu menulis surat memberi kebenaran kepada Segugus Filem.

Saya terlupa dengan projek filem itu kerana sibuk dengan tugas. Kursus ejaan baru yang sudah dimulai dengan ketibaan Ismail Dahaman sedang mencapai klimaksnya. Beberapa sesi telah diadakan di daerah Brunei-Muara. Pegawai-pegawai DBP yang sudah diberi kursus ikut memimpin sesi di sekolah-sekolah. Daerah pertama di luar Brunei-Muara yang kami lawati ialah Temburong yang terletak jauh di pedalaman. Perjalanan ke Temburong memakan masa lebih kurang satu jam setengah dengan menaiki motobot menyusuri Sungai Brunei dan merentasi sungai-sungai kecil dalam kawasan Sarawak sebelum keluar semula ke Sungai Temburong yang luas itu. Di kiri kanan tebing sungai ini penuh semak bakau dan nipah. Satu panorama alam yang cukup menarik. Kursus di Temburong ini hanya boleh dijalankan dalam masa satu hari sahaja. Kami boleh pergi dan balik pada hari itu juga dengan menumpang bot laju DBP atau Pejabat Daerah Temburong, tetapi agak meletihkan. Kami pun memilih untuk ber-

malam di sana, di rumah rehat kerajaan. Tempatnya sunyi dengan udara gunung yang segar dan sejuk pada waktu malam. Pukul 6.00 petang semuanya sudah gelap, pekan Bangar yang menjadi ibu daerah juga ikut sunyi kerana semua penduduk kembali ke rumah masing-masing seperti burung pulang ke sarang. Orang di sana lebih senang duduk menghadap peti TV dengan keluarga ataupun keluar memancing udang galah. Saya mempunyai beberapa orang kenalan di Temburong yang terdiri daripada ahli Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia di Brunei yang kebanyakannya menjadi guru agama atau pegawai masjid. Raja Nong yang berasal dari Shah Alam yang sudah beberapa tahun bermukim di sini. Dia seorang guru di sekolah menengah, masih bujang dan sudah hampir jadi seperti orang tempatan. Apabila mendengar kami akan datang, dia datang menunggu di pangkalan bersama-sama Haji Ahmad bin Haji Badar, Pegawai Pejabat Pelajaran Daerah. Raja Nong tergolong dalam kalangan mereka yang suka memancing udang galah juga. Pada suatu petang sesudah kami pindah ke Anggerik Desa, hampir waktu maghrib dia datang dalam keadaan tergesa-gesa menyerahkan satu besen yang berisi udang galah hasil tangkapan. Menurutnya dia tidak tahu apa yang patut dibuat pada udang galah yang banyak itu. Dia lalu menyewa sebuah bot laju lalu turun ke Bandar Seri Begawan mengagih-agihkan udang itu kepada kawan kenalan dan tanpa singgah lagi terus balik ke Temburong.

Rumah rehat kerajaan di Temburong terletak di tepi lereng sebuah bukit kecil berhampiran rumah sakit. Sejak senja sudah kedengaran bunyi riang-riang yang cukup riuh dari pokok-pokok besar di sekitarnya. Keesokan pagi, sebahagian daripada riang-riang itu jatuh berkaparan di lantai beranda, ada yang masih hidup

merangkak-rangkak kian ke mari, akibat merempuh lampu elektrik. Selesai kursus pada hari pertama, kira-kira jam 4.30 petang kami dibawa melawat sempadan Temburong dengan Limbang yang hanya dipisahkan oleh sebatang sungai kecil seperti sempadan Kelantan dengan Thailand di Rantau Panjang. Dari situ dibawa ke Bekok, sebuah perkampungan di pedalaman. Petang hari kedua kami dibawa melawat ke sempadan Lawas kira-kira 13 kilometer dari pekan Bangar untuk melihat jalan raya Trans-Borneo yang sedang dalam perancangan. Khabarnya di bahagian Sabah jalan raya ini sudah siap dikerjakan. Jalan ini yang menyambungkan Brunei dengan daerah lain di Kalimantan Utara akan memudahkan perjalanan darat dari Kota Kinabalu ke Kuching. Keadaan cuaca di daerah Temburong yang masih tebal dengan hutan ini senantiasa redup hampir sama dengan keadaan cuaca di bahagian pedalaman Sabah dan Sarawak, yang membuat kita keliru dengan musim hujan.

Dalam masa kursus ejaan baru itu berjalan, bengkel bimbingan penulisan kreatif dalam bidang cerpen juga diadakan. Ini ialah projek BPPS yang pertama yang akan diadakan pada setiap hujung minggu selama sebulan di setiap daerah. Bengkel ini yang dimulai di Bandar Seri Begawan telah dirasmikan oleh Pehin Siraja Khatib Dato' Paduka Haji Yahya Haji Ibrahim, Timbalan Menteri Agama, seorang penyair Brunei yang berkaliber yang menggunakan nama pena Yahya M.S. Pada hari pembukaan itu, ada 12 orang peserta termasuk mereka yang sudah pernah menulis. Dalam salah satu sesi, Yahaya Ismail yang kebetulan datang ke Brunei ikut memberi ceramah dan dalam bengkel yang diadakan di Kuala Belait beberapa bulan kemudian, Jamil Sulong yang kebetulan berada di Brunei bersama-sama Rosnani isterinya ikut memberi ceramah.

Orang Agama Berdrama

Haji Saman Kahar telah dilantik sebagai Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka menggantikan tempat Pengiran Badaruddin. Haji Saman juga seorang penulis lulusan Universiti al-Azhar. Ketika menuntut di Kolej Islam, Kelang, beliau giat dalam bidang drama maka kedatangannya merupakan satu keuntungan dan penjana moral kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Sejak mula lagi dia sudah menunjukkan perhatian yang sungguh-sungguh terhadap perkembangan bahasa dan sastera. Dua tiga kali dalam seminggu pada waktu petang sebelum pulang dia akan turun ke bilik saya bercakap soal kerja yang menyangkut dengan bahasa dan sastera. Kebetulan pada masa itu kami sedang merencanakan satu program bahasa di TV tentang ejaan baru. Dia mengusulkan satu program semacam *Mind Your Language* yang dibuat oleh TV Inggeris dan menawarkan diri untuk menulis skrip bersama-sama saya. Rencana kami itu menjadi mudah kerana telah mendapat kerjasama yang baik daripada Pengiran Badaruddin mantan Pengarah DBP yang masih belum hakis cintanya kepada DBP. Perpindahannya ke Radio Televisyen Brunei (RTB) itu merupakan satu rahmat pula. Kursus ejaan baru itu sebenarnya projek anak emasnya waktu di Dewan Bahasa dan Pustaka dahulu. Dalam program bahasa di TV itu kami tidak menggunakan format yang digunakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, tetapi satu format sendiri yang khusus Brunei yang diberi judul "Sistem Ejaan Baru". Oleh sebab program ini banyak menggunakan dialog dalam dialek Brunei, hampir keseluruhan skripnya ditulis oleh Haji Saman Kahar berpandukan idea kami berdua. Program ini dibuat dalam format kelas yang terdiri dari-

pada tujuh orang murid dengan seorang guru. Kamisah Haji Rahmat, Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa yang berasal dari Singapura itu ditunjuk sebagai guru, sementara Junid Haji Ramli, Gilin Ahmid, Idris Mohammad, Abu Bakar Ibrahim, Moksin Abdul Latif, Hajah Salmah Tengah dan Siti Zaleha Haji Shamad menjadi murid. Program itu berkonsepkan kepada belajar sambil berhibur, telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penonton dan telah berlangsung sebanyak 13 siri. Selama siri ini ditayangkan kepada umum, saya selalu merasa gusar dengan gambar saya yang terselit dalam montajnya. Saya sudah membuat komplen tetapi penerbitnya tetap berkeras mahu menyiarkannya juga sehingga selesai program itu, tanpa saya dapat memahami tujuannya.

Saya mendapat kejutan besar apabila membaca *Berita Harian* 24 Mac yang memuatkan sebuah tulisan Juwie dengan satu tajuk besar "Penulis Skrip filem P. Ramlee dapat RM30 000". Di sudut atas sebelah kanan ada gambar saya bercermin mata hitam sambil tersenyum dengan menopang dagu. Di sebelah kanan ada gambar Ratno Puspa, Yusaini Amir, Dato' Senu, Nancy Foo dan Ali Fiji tersenyum lebar. Ratno Puspa ialah isteri Yusaini yang dalam gambar itu ditulis sebagai jurusolek. Sementara gambar yang di tengah pula gambar keluarga P. Ramlee. Majlis pelancaran yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di ibu negara oleh Segugus Filem itu dihadiri oleh tokoh-tokoh terkemuka selain Dato' Senu Abdul Rahman sendiri yang menjadi penerbit bersama, antaranya Dato' Harun Idris, Tan Sri Abdul Samad Idris; Ibu Raya, Atase Penerangan Kedutaan Besar Republik Indonesia; Jins Shamsuddin, Sarimah dan para wartawan. Yusaini Amir disebut sebagai produser dan pengarah. Perbelanjaan untuk pembikinan filem

tersebut dianggarkan sebanyak RM600 000. Ali Fiji telah dipilih untuk memegang watak Nyak Puteh bapa P. Ramlee, Nancy Foo sebagai gadis Cina yang menjadi teman P. Ramlee. Yusaini Amir telah bercerita dalam majlis itu bahawa ilham membuat filem tersebut didapatnya dalam mimpi seperti yang telah diceritakan kepada saya. Ucapan Dato' Senu juga cukup menarik. Antara lain dia berkata: "Dunia perfileman sebagai satu gelombang, sebab hidup dunia artis adalah gelombang yang paling dahsyat. Nampaknya saya juga akan ditimpa gelombang dan banyak antara rakan-rakan saya terperanjat mendengar saya akan jadi penerbit. Kata mereka nak cari penyakit." Menurut laporan Juwie lagi, antara hadirin yang turut berucap mendoakan kejayaan projek itu ialah Saloma, Dato' Harun, Tan Sri Abdul Samad Idris, Sarimah, Jins Shamsuddin, Norizan, Nasir dan Ibu Raya. Satu sejarah dalam majlis pelancaran filem. Hampir semua akhbar telah menyiarkan berita pelancaran filem P. Ramlee itu sebagai satu berita penting dengan harapan yang tinggi menggunung, tarikh permulaan penggambaran ialah 29 Mei, genap 10 tahun P. Ramlee meninggal dunia, yang akan dimulai di Singapura.

Saya lalu menulis surat kepada Yusaini Amir membantah berita tentang jumlah wang yang dibayar kepada saya. Jumlah itu tidak benar dan boleh menimbulkan kesulitan kepada saya terutama dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri. Tetapi dia memberi alasan bahawa berita itu hanyalah sebagai satu gimik sahaja yang tidak perlu dirisaukan. Tidak lama kemudian saya menerima *shooting script* daripadanya. Walaupun pada hakikatnya saya sudah tiada apa-apa urusan dengannya, tetapi perasaan bimbang masih belum dapat saya hilangkan. Saya masih ada tanggungjawab jikalau filem itu menemui kegagalan.

Pada suatu hari saya mendapat penggilan telefon daripada Dato' Senu yang meminta saya pulang ke Kuala Lumpur seberapa segera yang dapat.

"Saya kena meminta cuti dulu dan akan memakan masa," kata saya.

"Tidak apa," katanya. "Jangan susah. Saya kenal baik dengan Menteri Besar. Saya akan telefon kepadanya."

Dalam masa yang sama pula saya menerima telegram dan arahan untuk mengambil tiket kapal terbang dari pejabat MAS, maka dengan telegram dan tiket tersebut saya telah mendapat cuti darurat daripada pemangku pengarah dan pada petang itu juga saya pulang ke Kuala Lumpur. Yusaini Amir dan Ratno isterinya menunggu di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Dalam perjalanan pulang ke rumah, saya bertanya kepadanya tentang sebab-musabab saya dipanggil balik secara tergesa-gesa serupa itu. Menurut Yusaini, ada beberapa orang rakan kongsi Dato' Senu dalam pembuatan filem itu mahu berjumpa saya.

"Mau mendengar apa lagi? Bukankah mereka sudah bersetuju dan harga skrip itu pun sudah dibayar?"

"Saya tidak tahu," kata Yusaini. "Ada beberapa orang yang akan saudara jumpai esok. Saya minta saudara pandai-pandailah menjawab sehingga boleh meyakinkan mereka."

Waktu singgah di rumah saya, dia dan isterinya memberitahu tentang Daud Yusof seorang anak muda yang wajahnya amat mirip P. Ramlee.

"Nanti saya jumpakan dia dengan saudara."

"Suaranya pun macam P. Ramlee," sampuk Ratno.

"Pelakon-pelakon lain bagaimana?" tanya saya.

"Maria Abdullah akan berlakon sebagai Siput Sarawak dan Maslina Hashim akan berlakon sebagai Azizah, gadis pujaan P. Ramlee."

Azizah apa pula, kata hati saya, tanpa saya lahirkan kerana kemudian terfikir mungkin yang dimaksudkannya itu Azizah adik Baidah penari joget. "Kira-kira berapa orang pelakon semuanya?"

"Banyak juga. Hampir 32 orang."

Keesokan paginya jam 9.30, Yusaini datang sendirian menjemput saya di rumah lalu dibawa ke pejabat Segugus Filem yang terletak di tingkat 13 Bangunan Hongkong & Shanghai Bank di Benteng. Di situ, di dalam bilik mesyuarat telah menunggu Dato' Senu. Dia lalu memperkenalkan saya dengan Jeneral (B) Yusuf, Ayub dan Wan. Yusaini Amir ikut serta.

Jeneral Yusuf yang mula-mula bertanya.

"Encik Abdullah," katanya. "Saya mahu tahu pendapat saudara tentang sesebuah filem yang saudara tonton. Filem itu menceritakan kisah hidup seseorang yang terkenal yang dimulai dari dia lahir dan hanya sebahagian saja daripada kisah hidupnya. Apakah saudara akan berpuas hati dengan wang yang saudara bayar untuk menonton filem itu?"

Saya terus dapat menangkap arah tujuan pertanyaan itu. Dia maksudkan kepada skrip filem P. Ramlee yang telah saya tulis. Skrip itu berakhir sehingga kontraknya yang pertama dengan Shaw Brothers sahaja, tidak sampai dia meninggal dunia.

"Jika pengarahnya baik, kisah yang sedikit itu pun boleh dieksploitasi olehnya menjadi sebuah persembahan yang hebat. Ini bukan perkara baru. Hollywood sudah banyak membuat filem serupa itu." Saya kemudian teringat Yusaini ada menyebut waktu di rumah saya tadi malam bahawa dia mahu memulai filemnya itu dari pusara P. Ramlee. "Katalah filem P. Ramlee ini dimulai dari orang datang melawat ke kuburnya pada hari raya, maka dengan sedikit imaginasi dan daya kekreatifan

yang hidup, dia boleh membuat imbas kembali yang menarik ketika P. Ramlee dilahirkan. P. Ramlee dilahirkan pada ketika imam membaca khutbah hari raya."

Dato' Senu kemudian berkata, "Bolehkah saudara tulis skrip tentang kisah hidup P. Ramlee keseluruhannya? Dari dia lahir sampai meninggal dunia, jadi kita boleh buat seperti filem Mahatma Gandhi."

"Insya-Allah boleh, tetapi akan memakan masa sedikit kerana saya pun ada kerja. Tetapi sanggupkah cikgu (sejak dahulu saya membahasakannya dengan panggilan itu) keluar modal yang besar? Siapa yang mahu mengarahnya? Bukan Yusaini ini orangnya. Cikgu mesti dapatkan pengarah dari Jepun atau dari Amerika ataupun pengarah yang mengarahkan filem Mahatma Gandhi itu. Mengarahkan filem P. Ramlee lebih susah lagi. Gandhi sejak lahir sampai mati sama saja bentuk tubuhnya, kurus. Kita boleh gunakan seorang saja untuk memegang wataknya dengan menggunakan sedikit mekap. Tetapi P. Ramlee bentuk tubuhnya waktu muda lain, waktu di Jalan Ampas lain, waktu di Kuala Lumpur lain yang tidak boleh diubah hanya dengan mekap. Mesti ada tiga orang paling tidak. Di mana kita mahu mencari orang itu? Sebab itulah saya hanya menulis skripnya hanya sampai kepada kontraknya yang pertama saja. Dia meninggalkan Singapura berhijrah sementara ke Johor Bahru untuk mengelakkan diri daripada dituduh terlibat dalam kes Bertha Hertog sambil mahu menunggu reaksi Shaw Brothers kepada tuntutannya untuk mendapatkan perubahan bayaran. Saya buat begitu supaya tidak menimbulkan kesulitan untuk mencari watak. Kisah itu pun sudah cukup panjang dan menarik dengan segala macam aktivitinya waktu di Pulau Pinang dan di Jalan Ampas."

Mendengar penjelasan saya itu semua yang hadir

diam dan pertemuan dengan saya pun selesai. Seorang Cina pegawai syarikat itu telah mengatur perjalanan pulang saya ke Brunei pada petang itu juga.

Sebelum pulang, saya memberitahu Yusaini supaya dia mendapatkan kerjasama daripada beberapa orang kawan di Pulau Pinang seperti Drs. Darwis Harahap dari Universiti Sains Malaysia yang juga seorang pengulas filem dan penulis skrip yang baik dan daripada Persatuan Penulis Pulau Pinang. Jika dia membuat penggambaran di tempat kelahiran seniman agung itu, dia mesti berhati-hati dengan berbagai-bagai macam informasi yang akan didengarnya daripada berbagai-bagai orang yang mengaku kenal dengan P. Ramlee.

Saya kembali ke Brunei dan menghadapi kesibukan kerja di pejabat lalu lupa tentang pembuatan filem P. Ramlee. Haji Saman Kahar mengusulkan supaya DBP mengadakan satu persembahan pantomim Israk dan Mikraj. Projek ini diserahkan kepada BPPS untuk mengungkayahkannya di bawah pimpinan Haji Abdul Rahman Yusof.

Pada minggu akhir bulan April itu tersiar berita yang menyedihkan tentang kematian Saloma. Saya terpegun sejurus ketika mendengar berita tersebut dan merasa menyesal kerana tidak sempat melawatnya waktu dia sedang sakit walaupun saya sudah berjanji dengan isteri saya. Kali terakhir kami bertemu di Dewan Bandaran Ipoh pada Hari Sastera. Dia baru pulih daripada sakit, masih pucat dan lemah. Dia lebih banyak tersenyum daripada bercakap ketika melihat saya. Percakapan kami yang agak banyak berlaku lama dahulu ketika baru-baru P. Ramlee meninggalkan Perusahaan Filem Malaysia (PERFIMA). Dia bertanyakan kenapa saya marah kepada P. Ramlee.

"Siapa bilang?"

"Bang Ramlee," jawabnya.

"Karut saja," kata saya. "Apa sebab saya mau marah pula."

Pada masa itu memang kami (Jins Shamsuddin, Jaafar Abdullah dan saya) agak renggang sedikit dengan P. Ramlee ekoran daripada peristiwa dia dan H.M. Shah meninggalkan mesyuarat pengarah PERFIMA.

Dayang Simpul Matyassin, penolong pengarang datang melapor diri. Tenaga di BNPPS bertambah seorang lagi. Agak lega juga kami dengan kedatangannya walaupun dia belum pernah bekerja dalam bidang penulisan. Sebelum ini dia menjadi kerani di sebuah pejabat kerajaan yang berhampiran DBP. Setiap tengah hari dia datang bersolat di musala kami dan Haji Muslim tertarik dengan keramahan tegur sapanya. Kegembiraan kami menerima kedatangan pegawai baru itu tidak lama kerana beberapa hari kemudian Fatimah Jaffar yang sudah dilatih sebagai kerani di bahagian itu dan yang sudah mahir dengan pelbagai tugas telah diminta pindah ke Bahagian Pentadbiran. Dayangku Sifah penggantinya hanya boleh membantu pada waktu pagi sahaja.

Dari kampung di Sungai Limau saya mendapat berita adik ipar saya Budiman meninggal dunia hanya tiga minggu sesudah anaknya. Radziah mati terbakar di Junjung, Kulim akibat dapur minyaknya yang meletup.

Majalah Sastera di Brunei

RUSILA sebuah persatuan seni lakon yang baru ditubuhkan di Brunei telah mengadakan bengkel dan mereka mengundang Jins Shamsuddin serta Johari Salleh untuk memimpin bengkel tersebut. Selama di Bandar Seri Begawan, Johari Salleh telah mengadakan beberapa perundingan untuk memajukan dan memperkembang-

kan seni muzik dan nyanyian. Pada masa yang sama, saya menerima naskhah novel *Masuk ke dalam Cahaya* dari Yayasan Islam Terengganu. Novel ini telah memenangi hadiah sagu hati dalam Peraduan Menulis Novel Berunsur Islam yang dianjurkan oleh kerajaan negeri Terengganu dengan kerjasama PELITA.

Mohd. Amin P.O.K. Haji Sirat, seorang pegawai dari bahagian pengarang yang baru pulang dari England setelah menamatkan pengajiannya melaporkan diri dan untuk sementara ditempatkan di bahagian lain yang sesuai dengan kelulusannya. Dia diperbantukan di bahagian kami. Pada hari Mohd. Amin melaporkan diri, Stadium Negara Sultan Hassanal Bolkiah yang terletak tidak jauh dari rumah saya telah diisytiharkan pembukaannya. Inongputri bersama-sama beribu-ribu murid sekolah yang lain menyerikan perayaan pembukaan stadium yang termoden di Brunei. Saleha seorang kerani baru telah dipindahkan ke bahagian kami.

Menjelang akhir tahun 1983, majalah *Bahana*, iaitu satu-satunya majalah sastera yang dahulunya diselenggarakan penerbitannya oleh Bahagian Buku-Buku Umum telah diserahkan kepada bahagian ini untuk ditangani. Majalah ini yang amat terbatas skopnya, iaitu dalam bidang sastera sahaja agak payah mendapat pasaran apatah lagi majalah *Dewan Sastera* dan akhbar mingguan lain dari Semenanjung dan Singapura yang banyak memuatkan karya sastera boleh didapati dengan mudah. Namun, majalah ini sangat penting bagi negara ini. Ia satu-satunya wadah penampungan penulis-penulis Brunei. Majalah ini seperti juga majalah *Mekar* yang sedang kami tangani diterbitkan secara teratur sebulan sekali. Haji Muslim lalu ditugaskan untuk memimpinnya.

Negara Brunei Darussalam walaupun kecil tetapi

peratus penulisnya cukup besar, lebih besar daripada Indonesia jika dinisbahkan dengan jumlah penduduknya. Oleh sebab itu bahan untuk majalah ini tidaklah terlalu sukar apatah lagi kini terdapat banyak ahli akademik dari dalam dan luar negara dalam bidang sastera yang bertugas di Universiti Brunei Darussalam (UBD), antaranya Drs. Lutfi Abas, Haji Norazami Kuntum, Dr. Teuku Iskandar dan Ibu Asmah pensyarah dari Indonesia. Bagaimanapun, oleh sebab penulis-penulis di Brunei pada masa ini tidak begitu terdedah seperti generasi sebelum mereka, maka mereka perlu diberi bimbingan dan pendedahan. Majalah inilah satu-satunya media cetak yang ada, yang akan menentukan kedudukan mereka sebagai penulis. Generasi sebelum mereka seperti Yahya M.S., Adi Rumi, Yura Halim, Shukri Zain, Adi Kelana, Badaruddin H.O. dan lain-lain lagi mendapat pendedahan ketika mereka menuntut di luar negara dan menimba pengalaman daripada interaksi dengan penulis-penulis yang segenerasi mereka di Tanah Melayu dan Singapura. Ramli Isin seorang pensyarah sastera di Universiti Kebangsaan Malaysia, saya minta untuk membuat ulasan cerpen yang sudah disiarkan dalam majalah *Bahana*, sementara Dharmawijaya dari Universiti Malaya pula membuat ulasan sajak.

Menjelang hari kemerdekaan Brunei yang akan diisytiharkan pada malam 31 Disember 1983, pemangku pengarah telah mengarahkan supaya DBP mengadakan satu pertunjukan taridra. Haji Abdul Rahman Yusof telah diberi tugas untuk menangani projek besar yang melibatkan semua kakitangan dari semua bahagian.

Dalam akhbar *Berita Harian* Singapura, saya terbaca berita tentang penggambaran filem P. Ramlee yang dilakukan di Panggung Rex, panggung yang menayangkan filem-filem Melayu keluaran Shaw Brothers pada

masa dahulu. Dalam gambar yang menjadi hiasan berita itu, "P. Ramlee" memakai baju Melayu waktu datang menonton filemnya yang pertama ditayangkan di panggung tersebut. P. Ramlee baik sebelum atau sesudah terkenal tidak pernah keluar bersantai dengan baju Melayu. Pada masa orang sedang gila memakai baju kemeja yang berbunga-bunga yang dipanggil "baju Hawaii", P. Ramlee telah mereka fesyen bajunya sendiri iaitu dengan menggunakan dua tiga jenis kain yang berlainan bunga atau warna yang disambung. Orang Singapura memanggilnya sebagai "baju tidak cukup kain". P. Ramlee sebenarnya sudah pun berfikiran melampaui zamannya pada waktu itu, kerana tidak lama kemudian baju Hawaii telah diganti dengan baju kemeja yang pelbagai warna. Saya lalu menulis surat kepada Yusaini tentang kekeliruan itu, tetapi surat tersebut tidak mendapat sambutan. Banyak akhbar mula memuatkan pelbagai kritikan tentang filemnya itu. Daripada kawan-kawan di Pulau Pinang, saya mendengar sungutan tentang cara dia bekerja.

Dalam "Pancaindera" *Utusan Malaysia* 14 Februari, ada penjelasan daripada Yusaini Amir terhadap semua kritikan dan komen tersebut. Penjelasannya itu boleh meyakinkan orang tentang keberhasilan filem yang digarapnya apatah lagi setelah ditambah dengan pengakuan S. Mohan, jurugambar yang memang cukup berpengalaman. Saya sendiri pun ketika diberitahu bahawa S. Mohan yang akan diambil sebagai jurugambar merasa sedap hati. Namun, kini saya mulai ragu walaupun dalam penjelasannya itu ada disertakan komen S. Mohan, "*It's above the grade of usual Malay films that ever been shown.*" Saya masih belum yakin walaupun ahli lembaga pengarah syarikat filem itu juga khabarnya berpuas hati. Wartawan dan pengkritik filem yang berkesem-

patan menontonnya juga berkata, "*The film is fantastic. Its going to be a hit and box office*" dan bermacam-macam lagi. Rasa-rasanya semua penjelasan itu seperti ada semacam usaha mahu melindungi sesuatu yang tidak kena. Penjelasan Yusaini, komen S. Mohan dan wartawan serta pengkritik filem dengan ungkapan-ungkapan "*fantastic*" dan akan memecahkan "*box office*" itu seperti bunyi yang keluar dari gendang.

Penggambaran filem itu khabarnya telah dapat diselesaikan dalam masa 32 hari, satu bulan lebih awal daripada yang dijadualkan. Saya pun dengan penuh harapan menunggu undangan daripada Segugus Filem untuk melihat pratontonnya sebelum ditayangkan kepada umum. Tetapi bagai menunggu buah masak yang tidak gugur, sehingga akhirnya saya mendapat berita bahawa filem itu telah dimasukkan ke dalam "peti sejuk". Kenapa? Tidak ada penjelasan baik dari Segugus Filem mahupun daripada Yusaini sendiri. Saya terus putus hubungan dengan mereka. Saya hanya mendengar berita dari kedai kopi sahaja dan komen yang agak sah yang tersiar dalam surat khabar *Berita Harian* dengan sebuah tajuk besar "Filem P. Ramlee Tidak Sehebat Kita Harapkan" dengan tajuk-tajuk kecil yang mengatakan bahawa "pembikinannya tidak teliti" sampai kepada jerawat P. Ramlee juga ikut dipersoalkan. Beberapa bulan kemudian melalui seorang kawan rapat Dato' Senu, saya meminta untuk melihat filem tersebut dan mahu membuat cadangan supaya ditayangkan juga kepada umum dengan mengubahkan judulnya bukan "Kisah P. Ramlee" tetapi "Kisah Seorang Biduan". Keputusannya diserahkan kepada penonton untuk membuat pertimbangan apakah itu kisah P. Ramlee ataupun kisah orang yang bernama Ramlee. Saya merasa sangat simpati kepada Daud Yusof yang menjadi bintang filem,

tetapi filemnya tidak ada. Nasibnya lebih malang daripada hero *Bicycle Thief* yang filem lakonannya disanjung seluruh dunia sedangkan dia merempat tidak tentu tujuan kerana kemasyhurannya, dia dibuang kerja sebagai buruh di sebuah kilang di Itali kerana banyak peminat. Dan saya juga bersimpati dengan Dato' Senu yang telah mengeluarkan wang begitu banyak, khabarnya hampir mencecah RM600 000. Ramalan yang dibuatnya dalam majlis pelancaran filem itu bahawa dia akan ikut dihanyut gelombang ternyata benar-benar menjadi realiti.

Selain saya yang telah berpindah ke *flat* Anggerik Desa, kawan-kawan saya seperti Ustaz Ahmad Yusof dan Mohd. Noor Long yang lebih lama tinggal di hotel itu pun telah berpindah hampir pada waktu yang sama. Ustaz Ahmad mendapat *flat* di belakang DBP berhampiran Pusat Sejarah, sementara Mohd. Noor Long di Jalan Kebangsaan. Jiran kami yang baru di sebelah kiri *flat* itu, seorang Inggeris yang menjadi guru di salah sebuah sekolah menengah di Jalan Muara. Dia memberitahu bahawa dia mungkin akan pulang ke negaranya tidak lama lagi apabila Brunei merdeka. Dia bimbang perkhidmatannya tidak diperlukan lagi. Dia mengambil contoh peristiwa yang terjadi di negara-negara Afrika yang mengusir orang putih pulang ke negaranya sebaik sahaja mereka mencapai kemerdekaan. Pada pagi minggu dia dan isterinya sering mengikut isteri saya ke tamu atau ke pasar ikan walaupun mereka tidak banyak berbelanja, namun mereka suka melihat kesibukan di tempat itu. Apabila Brunei merdeka, orang kulit putih tidak diusir malah dipanggil lebih banyak lagi untuk berkhidmat sebagai guru bahasa Inggeris, maka mereka telah meminta pindah ke rumah yang lebih besar, rumah banglo.

Berhampiran Anggerik Desa ada sebuah kem tentera Gurkha yang besar. Pada waktu pagi kaum wanita Gurkha akan keluar dari kem tersebut ke berbagai-bagai tempat untuk mencari kerja sambilan sebagai pembantu rumah. Mereka akan mendatangi rumah-rumah di sekitar tempat itu meminta kerja apa sahaja. Kami telah mengambil salah seorang daripadanya untuk membantu mengemas rumah. Namanya Chandra, dia tidak tahu berbahasa Melayu, maka dia dan isteri saya selalu berkomunikasi dengan bahasa isyarat, tetapi beberapa bulan kemudian isteri saya sudah dapat mengutip beberapa patah perkataan bahasa Gurkha sekadar yang boleh membuat mereka lebih mesra. Ada cerita lucu tentang orang Gurkha ini. Pada masa itu isteri saya telah pulang ke Malaysia dengan anak-anak, maka pada pagi Jumaat itu saya seperti biasa pergi ke Bandar Seri Begawan untuk membuat kerja-kerja rutin, seperti ke bank, ke pejabat pos dan membeli barang-barang makanan. Saya biasa meletakkan motokar di tempat letak kereta di pekarangan DBP. Setelah berjalan beberapa langkah, saya teringat akan surat yang mahu dipos lalu balik semula ke motokar itu dan membuka pintu di sebelah kiri. Apabila pintu itu ditutup kuncinya telah tertinggal di dalam. Bersama-sama kunci itu ada kunci rumah yang membuat saya menjadi panik kerana tidak dapat pulang mengambil kunci serap. Hanya satu jalan sahaja yang ada iaitu mencari perempuan Gurkha itu. Padanya ada kunci rumah kami. Saya lalu menelefon Haji Radiman yang tinggal di Anggerik Desa memintanya datang mengambil saya untuk pergi ke kem Gurkha. Waktu sampai di pintu kem itu pengawalnya bertanyakan nama perempuan Gurkha yang kami cari dan nama suaminya. Saya cuma ingat namanya sahaja kerana nama itu nama Sanskrit yang amat biasa dalam

sastera Melayu dan nama suaminya Bahadur. Pengawal itu membuka sebuah buku besar yang di dalamnya ada beratus-ratus nama Bahadur. Bahadur itu seperti nik atau wan. Chandra pun begitu juga. Kami sudah hampir putus asa. Tiba-tiba saya teringat akan cerita Chandra kepada isteri saya tentang dua orang anaknya yang baru sahaja dihantar pulang ke Nepal untuk disekolahkan. Saya pun memberitahu pengawal itu tentang cerita tersebut.

"Oh itu!" Ohnya panjang sekali. Dia pun menunjukkan pada salah satu nama Bahadur yang banyak itu.

"Itu rumahnya!" katanya menuding ke berek dua tingkat kira-kira 20 meter di sebelah kiri kami. "Pintu nombor dua di atas."

Kami pun segera pergi ke situ, tetapi malang orangnya tidak ada, pintu rumahnya berkunci. Mereka telah pergi ke Seria pagi-pagi lagi. Di sana ada sebuah lagi kem Gurkha yang besar. Mereka akan pulang petang nanti. Dengan perasaan hampa kami pun pulang. Sehari-harian itu sesudah solat Jumaat saya terpaksa menumpang di rumah Haji Radiman.

Kemerdekaan Brunei

Persiapan untuk menyambut hari kemerdekaan sedang rancak dilakukan di mana-mana di seluruh Brunei. Di tanah lapang di hadapan DBP persiapan itu lebih giat lagi dijalankan kerana terletak berhampiran Masjid Omar Ali Saifuddin. Sultan Hassanal Bolkiah akan mengisytiharkan kemerdekaan itu di sana, lalu diikuti dengan bacaan tahlil dan solat kesyukuran di masjid tersebut.

Petang 31 Disember menjelang malam perisytiharan kemerdekaan, isteri dan anak-anak saya, Inongputri, Iqbal dan Malahayati sampai dari Kuala Lumpur. Malam

itu tepat jam 12.00 tengah malam Sultan Hassanal Bolkiah akan mengisytiharkan kemerdekaan Brunei. Pada mulanya saya bercadang mahu menyertai orang ramai yang sudah berhimpun di Masjid Omar Ali Saifuddin dan di sekitarnya sejak dari sebelum maghrib, saya mahu bersama-sama rakyat Brunei pada saat yang bersejarah bagi negara mereka. Saya mahu menyaksikan saat yang berbahagia itu dari dekat. Tetapi sejak dari senja hujan telah turun dengan lebat dan saya tidak dapat memandu motokar dalam hujan lebat serupa itu. Hujan itu telah berterusan hingga jam 12.00 tengah malam ketika Sultan melafaz perisytiharannya. Saya hanya dapat menyaksikan saat yang bersejarah itu dari kaca televisyen. Dan dengan peristiwa itu barangkali saya merupakan salah seorang rakyat bekas tanah jajahan yang berada di empat buah tanah jajahan kolonial pada saat tanah jajahan itu memutuskan rantai perhambaan yang membelenggunya sejak beratus tahun yang lalu. Saya berada di Indonesia ketika proklamasi kemerdekaan diumumkan, saya berada di Singapura ketika negara itu diberi taraf berpemerintahan sendiri menjelang kemerdekaan, saya berada di Tanah Melayu, tanah kelahiran ketika Malaysia diwujudkan dan kini di Brunei pula. Saya bertafakur dan menitiskan air mata apabila Baginda Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin dengan penuh bersemangat memimpin seruan Allahuakbar. Walaupun perisytiharan itu dilakukan pada malam 31 Disember, tetapi perayaan yang sebenarnya baru berlangsung pada 23 Februari yang secara rasmi dijadikan sebagai hari kebangsaan yang akan diperingati pada setiap tahun.

Tahun 1984, keadaan tugas saya di DBP Brunei sudah mulai mantap, tidak lagi sesibuk seperti tahun-tahun 1982 dan 1983. Walaupun sesudah perisytiharan kemerdekaan perubahan yang besar berlaku dalam

susunan pentadbiran negara di peringkat atas. Sudah ada kementerian. Dewan Bahasa dan Pustaka di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Tugas dan fungsinya masih tidak berubah. Semua tugas di bahagian saya sudah mulai berjalan dengan baik menurut jalurnya yang wajar, ibarat kapal yang sudah meninggalkan pelabuhan, sudah dapat mengatasi gelora di muka sungai dan mulai belayar di laut tenang menuju ke pelabuhan yang akan datang. Majalah *Mekar* sudah stabil dengan 15 000 naskhah setiap bulan, hanya majalah *Bahana* sahaja yang agak sukar sedikit kerana sastera dan skopnya amat terbatas dan penyebarannya hanya di kalangan peminat sastera dan guru-guru sahaja. Walaupun demikian, majalah ini merupakan aset penting bagi kegiatan kreatif di negara ini. Ia merupakan satu-satunya wadah tempat penampungan yang agak konsisten bagi penulis. Penerbitan buku-buku kreatif banyak dalam perancangan; latihan dan bimbingan untuk penulis-penulis muda dilakukan melalui berbagai-bagai bengkel dan ceramah. Ada satu kekurangan yang amat terasa iaitu dalam bidang sastera lama. Negara Brunei sebagai negara tua banyak sekali menyimpan khazanah cerita-cerita lisan yang mungkin akan hilang terkubur bersama-sama dengan orangnya jikalau tidak dirakam atau ditulis semula. Di Brunei terkenal dengan diang-diangan seperti Tok Selampit di Kelantan atau Awang Belanga di Kedah dan Perlis. Saya hanya baru melihat sebuah manuskrip kisah diang-diangan *Hikayat Bujang Maliwala* yang belum diterbitkan yang ditulis oleh seorang mantan pegawai di Bahagian Penyelidikan. Membaca manuskrip tersebut walaupun banyak terselit dialek Brunei, tetapi sangat banyak membantu saya memahami kosa kata lama yang sudah klasik dan ada antaranya yang kini cuba dihidupkan kembali oleh orang Indonesia.

Penulis manuskrip itu ada menyediakan glosari untuk kata-kata klasik tersebut. Hikayat yang sebenarnya ditulis dalam bentuk syair diang-diangan itu telah dikemukakan kepada jawatankuasa penerbitan dan DBP telah membuat langkah yang bijak dengan menerbitkan hikayat tersebut. Cerita diang-diangan itu sebenarnya ada berbagai-bagai jenis dan banyak versinya. Dan satu langkah yang bijak juga apabila Bahagian Penyelidikan mengambil inisiatif membuat rakaman kisah diang-diangan itu daripada seorang pendiang-diangan yang terkenal.

Daripada hasil penerbitan hikayat diang-diangan yang pertama itu saya berazam akan mencari orang yang boleh menulis cerita-cerita lisan untuk Unit Cerita-Cerita Lama (UCL) di BPPS. Tetapi masalahnya kami tidak boleh menangani usaha ini sebagai satu projek yang khas kerana boleh bertimbal-balik dengan tugas Bahagian Penyelidikan. Saya lalu bercakap secara iseng-iseng dengan Haji Ibrahim Abdul Ghani, seorang pegawai di Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negeri Brunei yang sekali-sekala singgah di bilik saya untuk mengajak minum di luar. Di DBP tidak ada kantin. Pegawai wanita di sini seperti Hajah Juriah, pegawai Pusat Sejarah di sebelah bilik saya membawa makanan dari rumahnya lalu makan beramai-ramai seperti kenduri, sedangkan pegawai lelaki akan keluar mencari minuman dan makanan di kedai-kedai di Bandar Seri Begawan atau di Gadong atau di kantin RTB yang berhampiran. Haji Ibrahim juga seorang penulis Brunei yang ternama. Dia menulis sajak dan cerpen dengan menggunakan nama Rahim Dulani. Nama pena bagi kebanyakan penulis Brunei merupakan semacam komoditi. Hampir kesemuanya menggunakan nama pena dan yang menggunakan pangkal nama Adi ada beberapa orang: Adi Rumi,

Adi Kelana, Adi Mesra, Adi Marhaen dan ada beberapa Adi lagi. Kadang-kadang nama pena itu lebih dikenali daripada nama batang tubuh yang sebenarnya. Haji Ibrahim yang saya ceritakan ini berasal dari Tutong. Rupa-rupanya dia seorang peminat sastera lisan dan telah menulis beberapa buah manuskrip hasil daripada penyelidikannya, tetapi dia tidak tahu ke mana mahu diserahkan manuskrip tersebut. Saya sangat gembira mendengarnya dan meminta melihat hasil kerjanya itu. Manuskrip yang diberi judul *Hikayat Awang Si Ambok* ditulis dengan bersih dan tersusun rapi. Saya segera mengemukakan manuskrip itu dengan laporannya sekali kepada jawatankuasa penerbitan. Pada mulanya timbul juga perbincangan yang sengit antara pro dan kontra bagi menerbitkan buku cerita lisan serupa itu, tetapi alhamdulillah akhirnya diluluskan juga. Setahun kemudian buku itu pun diterbitkan. Sehingga saya meninggalkan Brunei, sudah dua buah bukunya yang diterbitkan dan saya merasa sangat gembira.

Tirai tahun baru 1984 dalam kehidupan keluarga saya di Bandar Seri Begawan dibuka dengan isteri saya dipanggil untuk temu duga menjadi guru di tadika swasta yang dikendalikan oleh PGGMB (Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei). Jawatan itu diminta hanya sekadar mahu mengisi masa lapangnya kerana kawan-kawannya dari *Women Croner's Club* telah banyak yang pulang ke negara masing-masing. Lingkungan pergaulannya sudah menjadi kecil hanya tinggal beberapa orang sahaja lagi iaitu tiga orang wanita dari Malaysia, dua daripadanya berkahwin dengan orang Inggeris. Rosie suaminya bekerja dengan sebuah firma arkitek dan Jimmy suaminya menjadi pegawai Royal Brunei Airlines (RBA), Munira bersuamikan orang Brunei, Liza seorang wanita dari Singapura bersuamikan seorang pegawai tinggi RTB,

Salmah seorang wanita Thai yang suaminya menjadi konsul di Kedutaan Besar Thailand dan seorang wanita Filipina yang saya sudah lupa namanya bersuamikan seorang kapten tentera Brunei. Mereka sering kali berjumpa bergilir-gilir rumah dua tiga minggu sekali. Itulah salah satu sebab isteri saya cuba meminta menjadi guru walaupun bukan bidangnya. Dia cuma sukakan kanak-kanak sahaja. Ketika ditemu duga, daripada gerak-geri orang yang menemu duga, isteri saya sudah dapat merasa bahawa permohonannya ditolak. Walaupun beberapa hari kemudian dia ditawarkan pekerjaan itu, tetapi dia memilih untuk menolak. Itulah permohonannya yang pertama dan terakhir untuk mendapatkan kerja di Brunei.

Pemangku pengarah Haji Saman Kahar yang baru beberapa bulan memangku jawatan itu telah ditarik ke Kementerian Pelajaran sebagai timbalan pengarah pelajaran. Dayang Hajah Fatimah Haji Mohd. Hussin yang selama ini menjadi timbalan pengarah telah dilantik sebagai pemangku. Dayang Hajah Fatimah walaupun seorang wanita, tetapi pengalamannya sebagai pentadbir terutama di DBP cukup luas. Maka perubahan pucuk pimpinan institusi ini tidak meninggalkan apa-apa dampakan yang serius.

Saya telah dilantik sebagai anggota jawatankuasa memilih buku-buku untuk perpustakaan DBP. Perpustakaan DBP di Bandar Seri Begawan itulah yang paling besar sementara di daerah-daerah ada cawangannya. Menurut ura-ura kerajaan, perpustakaan DBP itulah yang akan dijadikan Perpustakaan Negara pada suatu hari kelak. Ketua perpustakaan seperti yang telah disebutkan sebelum ini dipegang oleh seorang wanita Filipina dengan dibantu oleh Nellie Haji Sunny sebagai pegawai kanan dan Ali Kayum seorang pustakawan. Di perpustakaan

ini yang paling banyak ialah buku dalam bahasa Inggeris dan kerana ketuanya orang Filipina, maka terdapat juga buku yang dicetak di Filipina. Buku yang berkaitan dengan kajian Asia Tenggara diletakkan di sebuah ruangan yang berasingan di Dewan Peringatan Churchill. Buku Melayu dan Indonesia tidak banyak jika dinisbahkan kepada banyaknya buku yang diterbitkan kebelakangan ini dan kerana itu, jawatankuasa ini ditubuhkan. Saya secara peribadi mulai membuat kontak dengan penerbit-penerbit di Malaysia dan Indonesia untuk meminta daftar buku. Kontak ini menjadi lebih mudah apabila dalam perayaan menyambut perisytiharan kemerdekaan itu akan diadakan satu pesta buku antarabangsa yang besar yang julung-julung kali dalam sejarah Negara Brunei. Oleh sebab pesta buku ini yang pertama kali akan diadakan, maka beberapa masalah teknikal yang berkaitan dengan undang-undang kemasukan buku telah menimbulkan sedikit kesulitan. Negara Brunei mengambil perhatian yang serius terhadap kemasukan buku yang tidak diingini terutama sekali buku agama. Buku agama mesti lebih dulu mendapat kelulusan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama (JHEA). Sebahagian besar daripada para peserta pesta buku ini datang dari Malaysia, Singapura dan Indonesia yang kebanyakannya menerbitkan dan menjual buku agama. Pada mulanya pihak JHEA mahukan kesemua buku yang akan dipamerkan di pesta itu dibaca dan disemak satu per satu lalu pada buku yang sudah diluluskan diletakkan tanda pengesahan. Masalah pertama yang timbul, masa pengiriman buku-buku itu ke Brunei berbeza-beza dan kebanyakan penerbit hanya dapat mengirimkan buku mereka beberapa hari sebelum pesta itu dirasmikan. Masalah kedua, bagaimana jikalau buku yang sudah dicap itu tidak ada yang membeli? Alhamdulillah dengan

kebijaksanaan pengerusi pesta dan ahli jawatankuasa yang juga terdiri daripada wakil JHEA sendiri telah dapat mengatasi masalah yang rumit itu dengan satu kompromi iaitu peserta lebih dulu mengirimkan daftar buku yang mahu dipamerkan dan jikalau ada buku yang dicurigai daripada daftar tersebut maka buku itu sahaja yang akan dibaca dan disemak. Dengan kompromi itu maka pesta buku yang pertama itu telah berlangsung dengan jayanya. Kawan-kawan saya Ahmad Yusof dari Pustaka Sarjana dan Zaki dari Darul Fikir Kuala Lumpur ikut serta dalam pesta tersebut dan mereka menginap di rumah saya kerana kebetulan pada waktu itu isteri dan anak-anak saya telah pulang ke Kuala Lumpur. Saya kemudian mendapat khabar bahawa Syed Omar Semait dari Pustaka Nasional Singapura yang juga ikut dalam pesta itu telah diserang demam waktu menginap di Hotel Brunei. Saya lalu mengajaknya tinggal di rumah. Sehingga pesta buku itu berakhir demamnya masih juga belum berkurang. Beberapa hari sebelum pesta buku ini diadakan, dua orang penolong pengarang baru telah melaporkan diri. Rosli Haji Ampal yang pernah bekerja di Muzium Brunei dan Salleh bin Dollah. Beberapa hari kemudian seorang penolong pengarang lagi, iaitu Fatimah binti Asgar juga melapor diri. Barisan tenaga kami di BPPS menjadi semakin kuat. Ahmad, abang ipar Salleh telah saya kenal waktu tinggal di Hotel Brunei. Dia yang menjadi salah seorang pegawai di Majlis Perbandaran Bandar Seri Begawan, hampir setiap petang ada di lobi hotel itu. Dia seorang yang ringan tulang – suka menolong kami yang datang dari luar yang belum ada kenderaan dan kadang-kadang bertindak sebagai pemandu pelancong yang tidak rasmi. Satu hal yang saya kagumi dengan Ahmad, dia barangkali satu-satunya orang Brunei yang menggunakan kolam renang yang berhampiran Stadium

Negara yang biasa dipenuhi oleh anak-anak Cina dan Inggeris, untuk melatih anak lelakinya yang berumur delapan tahun menjadi perenang sehingga anaknya itu dapat mewakili Brunei ke berbagai-bagai pertandingan renang di luar negara. Kami telah menjadi kawan yang rapat walaupun sesudah saya pindah dari hotel itu.

Saya mendapat cuti agak panjang pada hari raya tahun ini dari 23 Jun hingga 11 Julai. Pada petang Jumaat 22 Jun bersamaan 23 Ramadan saya pulang ke Kuala Lumpur bersama-sama Hashim Awang yang datang menghadiri pelancaran buku *Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei*. Ada tujuh hari lagi untuk saya berpuasa dengan keluarga. Dalam rencana, sesudah hari raya nanti kami sekeluarga akan pulang bersama-sama ke Brunei, tetapi saya telah menerima kejutan yang tidak diduga. Anak saya Inongputri tidak mahu lagi bersekolah di Brunei. Dia mahu menyambung pelajarannya di Sekolah Sri Petaling, sekolahnya dahulu.

"Saya sudah pun pergi berjumpa guru besarnya," kata isteri saya menyokong. "Cikgu Hassanuddin telah membenarkan dia ikut di dalam kelas tetapi kenalah mendapatkan surat dari Pejabat Pelajaran Negeri sesudah hari raya ini."

Saya tidak dapat berkata apa-apa. Saya sendiri faham dengan dilema yang dihadapi oleh anak saya itu, kerana sistem pelajaran di Brunei tidak sama dengan sistem pelajaran kita di sini dan agak susah baginya apabila sudah sampai ke sekolah menengah. Saya terpaksa terima keputusan itu. Sebaik sahaja pejabat kerajaan dibuka sesudah hari raya, saya terus pergi ke Pejabat Pelajaran Selangor. Seperti lazimnya dalam suasana hari raya serupa itu kebanyakan pejabat kerajaan belum lagi berfungsi dengan sepenuhnya. Agak lama saya berputar-putar di sekeliling pejabat itu sebelum berjumpa

seorang pegawai yang kebetulan pada satu masa dahulu pernah berkhidmat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka.

"Cari siapa?" tanya pegawai itu.

"Saya mencari pegawai yang boleh mengeluarkan surat untuk anak saya masuk ke Sekolah Sri Petaling," kata saya.

"Hari ini kami hanya beberapa orang saja yang bertugas. Pegawai-pegawai lain masih cuti," katanya setelah dia mendengar cerita saya. "Cuba pergi ke pejabat yang di bahagian bawah itu barangkali pegawai tersebut boleh menolong."

Saya pun pergi ke pejabat yang dikatakannya yang terletak tersorok di satu sudut bangunan itu. Pegawai di situ menerima saya dengan baik dan agak terperanjat apabila dia bertanyakan tentang abang ipar saya yang baru sahaja meninggal dunia pada bulan puasa yang lalu. Kemudian baru saya tahu bahawa salah seorang kerani perempuan di situ berasal dari Rantau dan ada hubungan keluarga dengan isteri almarhum abang ipar saya itu. Urusan perpindahan sekolah anak saya pun berjalan dengan lancar. Inongputri telah masuk semula ke sekolahnya yang lama.

"Bapa jangan marah jikalau Inong tidak mendapat kelulusan yang baik dalam peperiksaan yang akan datang ini nanti," kata anak saya kerana dalam masa beberapa bulan sahaja lagi, tidak sampai lima bulan, dia akan menghadapi peperiksaan penilaian darjah lima.

"Mengapa bapa mesti marah? Asalkan Inong sudah mencuba dengan sedaya upaya. Jikalau tidak berhasil bukan salah Inong lagi," kata saya memberi semangat kepadanya. Saya tahu akan kekhuatirannya kerana di sekolahnya dahulu bahasa pengantarnya bahasa Inggeris. Tetapi alhamdulillah apabila keputusan peperik-

saan itu diumumkan dia mendapat 4A 1B dan dapat memasuki Sekolah Seri Aman sebelum pindah ke Maktab Rendah Sains MARA di Kem Terendak, Melaka.

Saya pulang sendiri ke Brunei. Isteri saya sudah terpaksa tinggal di Petaling Jaya setelah kira-kira satu tahun berhijrah ke Brunei. Dia terpaksa berpangkalan di sini untuk menjaga anak-anak kami: Ahmad Patria yang bersekolah di MRSM Kulim (Matrikulasi); Thariq di Kolej Melayu, Kuala Kangsar; Inongputri di MRSM Terendak dan dua orang yang masih kecil: Iqbal dan Malahayati.

Kisah Anak

Ahmad Patria anak yang sulung, dahulu bersekolah di MRSM Kuantan. Peribadinya sejak kecil agak aneh sedikit yang pada masa itu kami belum begitu memahaminya sehinggalah dia tamat tingkatan lima. Pada waktu menunggu keputusan peperiksaan SPMnya saya kebetulan balik bercuti di rumah. Setiap hari saya melihat dia menaip di ruang tamu. Dia menggunakan mesin taip elektrik yang saya beli di Singapura tetapi saya tidak menggunakannya; selain hurufnya terlalu kecil ia terlalu sensitif. Hurufnya hanya disentuh dengan perlahan tanpa mengeluarkan bunyi, tidak seperti mesin taip *manual* yang boleh saya dengar reaksinya apabila menaip. Bunyinya seperti sudah menjadi satu kombinasi irama dengan jalan fikiran saya. Sensitifnya mesin itu agak keterlaluan, sedikit tersalah tekan lain pula jadinya. Mesin taip itu sudah lama tersadai. Baru sekarang digunakan oleh anak saya yang kelihatan cukup sesuai. Saya tidak tahu apa yang ditaipnya tetapi dia tekun sekali dengan kerjanya itu. Pada suatu hari, ketika dia tidak ada di rumah saya cuba "mencuri" melihat kertas-kertas

yang berselerak di sekitar tempatnya bekerja. Rupa-rupanya dia menulis novel dan dalam bahasa Melayu pula! Bahasanya puitis dan penuh bunga-bunga tidak seperti bahasa saya, bahasa wartawan.

"Pat tulis apa?" Saya bertanya waktu kami sedang makan malam.

"Tulis novel," jawabnya bersahaja.

"Kalau begitu, mari ikut bapa ke Brunei. Pat boleh buat kerja di sana sampai keputusan keluar."

Dia bersetuju lalu ikut saya ke Brunei. Setiap petang kira-kira jam 4.00 atau 5.00 dia mulai bekerja di dalam biliknya sampai jam 6.00 atau 5.00 pagi keesokan harinya. Saya selalu mengerjakan puasa Isnin dan Khamis, waktu bangun sahur saya membuatkan minuman untuknya ataupun menggoreng telur. Apabila saya ke tempat kerja barulah dia tidur sampai petang. Selama di Brunei, dia telah dapat menyiapkan tiga buah novel. Saya telah membaca salah sebuah daripadanya yang berjudul *Bunga Arianur* sebuah novel fiksyen sains untuk remaja. Saya dapati penulisannya cukup baik, plotnya tersusun rapi dengan bahasa Melayu yang baik. Agak hairan juga melihat hasil karyanya yang ditulis dalam bahasa Melayu seperti itu. Padahal dia daripada aliran Inggeris dan lebih gemar membaca novel Inggeris. Waktu ibunya datang ke Brunei, saya memberitahu ibunya supaya dia menghubungi A.F. Yassin dari Penerbit Fajar Bakti yang pada masa itu terletak di Petaling Jaya tidak jauh dari rumah kami. Itulah hasil karyanya yang pertama diterbitkan. Saya kemudian menyuruh isteri saya membawa Patria berjumpa Johan Jaaffar yang menjadi Ketua Bahagian Penerbitan Am di Dewan Bahasa dan Pustaka. Johan yang dapat melihat bakatnya telah memberikan dorongan dan galakan yang cukup positif. Tidak sahaja novel-novelnya yang lain diterbitkan oleh DBP

tetapi juga diberi peluang oleh Johan mengikuti Minggu Penulis Remaja bersama-sama Ahmad Faizal anak A.F. Yassin dan Hizairi anak Othman Puteh, Rahimidin dan beberapa orang penulis muda yang lain. Waktu dia memasuki Universiti Sains Malaysia saya kira dia pelajar yang banyak duit hasil royalti novel-novelnya itu.[1]

Di atas tadi saya ada mengatakan bahawa peribadi Ahmad Patria yang agak aneh sedikit, memang payah kami memahaminya. Dalam dirinya tersimpan empat macam seni. Dia boleh menulis kreatif, dia boleh bermain alat-alat muzik, dia boleh menyanyi, mencipta lagu dan dia juga boleh melukis dengan baik. Dia seorang seniman. Maka perangainya agak *moody* yang agak susah difahami pada peringkat awal terutama oleh ibunya. Jadi dia selalu menimbulkan masalah. Mula-mula dia ke MRSM dahulu iaitu ketika umurnya 13 tahun, sebagai anak sulung dia terlalu rapat dengan ibunya dan agak payah bagi ibunya mahu berpisah dengannya. Sehingga waktu kami meninggalkan pekarangan maktab itu mahu pulang ke Kuala Lumpur setelah bergerak beberapa ratus meter, isteri saya menyuruh berpatah balik dan masuk mencarinya. Pada masa itu semua pelajar sedang makan tengah hari di kantin bersama-sama ibu bapa masing-masing. Anak kami tidak ada di situ. Isteri saya lalu berkejar ke domitorinya. Dia ada di sana di tempat tidurnya di tingkat atas duduk dengan menjuntaikan kaki, diam termenung seperti kebingungan kerana ditinggalkan seorang diri serupa itu. Kami lalu membawanya ke ruang makan dan ikut makan bersama-sama. Dalam perjalanan pulang isteri saya beberapa kali mengesat air mata. Saya dapat merasai kesedihannya. Sebagai seorang ibu yang pertama kali berpisah dengan anak kesayangannya tentu agak payah mahu menerima keadaan itu. Pada masa itu terfikir oleh saya tentang sistem

persekolahan kita yang membawa anak-anak yang masih kecil masuk ke asrama. Memang sistem asrama itu banyak baiknya bagi pembelajaran tetapi bagi hubungan kekeluargaan, saya rasa kesannya membimbangkan. Pada masa umur 13 tahun ketika dia mulai menjejaki alam remaja, ketika fakulti inteleknya mula terbuka, ketika itulah anak-anak itu mahu berjinak-jinak dengan alam sekelilingnya yang terdekat, baru mahu belajar menjalin kasih sayang dengan ibu bapa dan keluarganya, tetapi pada ketika itu pula kita memutuskannya, kita meletakkannya dalam satu kelompok yang asing yang sama-sama bingung. Fikiran inteleknya yang baru terbuka itu lalu terdedah kepada unsur-unsur persekitaran yang sangat berbeza dan itulah yang bakal kami hadapi beberapa bulan kemudian. Sambil memandu motokar, sekali-sekala saya menoleh kepada isteri saya yang duduk di sebelah. Anak-anak yang lain sudah dengan kerenah mereka masing-masing di belakang.

"Mulai hari ini," kata saya, "kita mesti belajar menerima kenyataan walaupun pahit bahawa anak kita itu sudah mulai meninggalkan kita orang tuanya. Dia balik pun nanti hanya sebentar-sebentar saja seperti kereta api yang singgah di stesen kecil. Dia akan lebih rapat dengan kawan-kawannya daripada kita orang tuanya. Tetapi kita tidak boleh membiarkan pertimbangan kita yang waras dihanyutkan oleh perasaan sentimen dan emosional. Kita mesti terima kenyataan ini kerana begitu yang kita semua kehendaki."

Mendengar kata-kata itu membuat isteri saya menjadi semakin murung, tetapi lama kemudian setelah semakin jauh kami meninggalkan Kuantan, semakin berkuranglah kemurungannya itu sehingga akhirnya dia kembali tenang seperti biasa. Memang anak kami yang seorang ini, mungkin kerana dia yang sulung dalam

keluarga dan kerana kesenimanannya itu maka agak payah kita mahu mengikuti jalan fikirannya. Setelah dua tahun di MRSM, pada suatu waktu cuti dia membawa pulang ke rumah satu aliran baru yang agak ekstrem. Dia mulai mengkritik. Itu tidak boleh, ini tidak boleh. Itu haram, ini haram. Waktu itu saya di rumah. Sesudah solat isyak saya lalu memanggilnya ke ruang depan dan bercakap dengan hati terbuka tentang segala perkara yang ditentangnya itu. Saya tahu dia sudah dipengaruhi oleh *senior*nya. Pada mulanya ibunya ikut sama tetapi setelah kami bercakap dan berhujah berjam-jam lamanya, ibunya lalu meninggalkan kami. Kami telah bercakap sampai jam 2.00 pagi. Boleh jadi dia sudah letih ataupun juga termakan dengan hujah saya maka dia akhirnya memegang lutut saya dan meminta maaf.

"Pat yang salah," katanya. "Pat minta ampun dan maaf."

Saya lalu memeluknya. Sejak itu sikapnya sudah berubah apabila dia balik bercuti di rumah. Kami pun menyangka semuanya telah berjalan normal seperti biasa, sehinggalah pada suatu pagi minggu ketika dia sedang menaip dengan tidak berbaju di biliknya di rumah saya di Anggerik Desa, saya melihat ada satu parut yang beberapa sentimeter panjang di belakangnya.

"Parut apa ni, Pat?" Saya bertanya kerana saya tidak pernah tahu bahawa dia ada parut di situ.

Dia tidak menjawab segera tetapi kerana saya mendesaknya maka akhirnya dia memberitahu bahawa sesudah kami bercakap pada malam itu dia telah bergaduh besar dengan kawan-kawan di maktabnya. Dia cuba menentang pengaruh mereka itu dan telah dikeroyok beramai-ramai. Dia melawan kerana saya telah berpesan kepadanya pantang keturunan kita mengaku kalah dalam mempertahankan kebenaran. Dia telah jatuh dan

luka. Nasib baik ada seorang pelajar perempuan dari Pasir Mas Kelantan melihat kejadian itu dan memberitahu gurunya. Daripada kejadian itu dia telah mendapat kembali maruah dirinya dan mulai mengatur penentangan menurut caranya dan kumpulannya sendiri. Daripada kejadian itu juga dia merasa terhutang budi kepada pelajar perempuan tersebut.

Ahmad Patria waktu kecil wajahnya ada imbas-imbas P. Ramlee masa muda, kulitnya cerah, rambutnya keriting, mukanya cengkung cuma tidak berjerawat. Waktu isteri saya sedang mengandung, kami agak rapat dengan P. Ramlee. Isteri saya pada masa itu bekerja dengan Kedutaan Besar Republik Indonesia. Setiap kali ada majlis maka isteri saya menjadi orang perantaraan membuat kontak dengan P. Ramlee mengundang pancaragamnya Band Putih untuk membuat persembahan. Pada masa itu P. Ramlee sudah mulai terpinggir oleh pop yeh-yeh dan popularitinya mulai menurun. Dia sangat gembira kerana undangan itu lalu setiap kali kami bertemu dia mengusik isteri saya. Kata orang barangkali kerana itulah Ahmad Patria anak kami itu ada imbas-imbas P. Ramlee sedikit, suka menyanyi, boleh bermain muzik dan boleh pula mencipta lagu.

Sesudah mengambil matrikulasi sains di MRSM Kulim, Ahmad Patria diterima masuk ke Universiti Sains Malaysia. Rancangan awalnya mahu mengambil pengajian dalam bidang kedoktoran tetapi kerana kelulusannya tidak mencukupi markah yang dikehendaki maka dia beralih kepada ilmu farmasi.

Menjaga dan mengawasi anak-anak yang masih kecil lebih mudah daripada menjaga anak-anak yang sudah remaja terutama sekali apabila yang menjaga dan mengawasi itu orang perempuan seperti yang dialami oleh isteri saya. Pada suatu pagi jam 2.00 saya dikejutkan oleh

panggilan telefon daripada isteri saya yang memberitahu bahawa anak kami yang di USM itu telah menelefonnya pada jam 12.00 tengah malam mengadukan hal dan memintanya datang ke Pulau Pinang menolong menyelesaikan satu masalah peribadinya. Saya menyuruh isteri saya pergi dan meminta anak kami membayar tambang kapal terbang, walaupun isteri saya agak keberatan kerana itu hanya salah satu masalah anak-anak muda, tetapi saya mendesaknya pergi bukan kerana masalah itu melainkan kerana mahu mendapatkan kepercayaan anak itu bahawa kita sebagai ibu bapanya mengambil berat akan kepentingan dirinya. Saya tidak mahu dia meminta bantuan daripada kawan-kawannya kerana kawan-kawan itu pun dua kali lima juga sepertinya. Isteri saya telah pergi walaupun masalahnya tidak dapat diselesaikan tetapi kami telah mendapat kembali kepercayaannya. Alhamdulillah sampai hari ini kepercayaannya itu masih kukuh walaupun sekali-sekala ada juga dugaannya seperti yang akan saya ceritakan nanti. Dia tidak segan untuk duduk dan bercerita kepada ibunya apa sahaja masalah baik tentang pelajaran mahupun tentang pacarnya, bahkan sehingga sudah berumah tangga dan beranak, dia masih terus berkelakuan positif seperti itu.

Sebagai pelajar yang banyak duit, banyaklah kawan lelaki mahupun perempuan dan ada antara kawan perempuan itu yang memikat hatinya. Tetapi kerana belum ada pengalaman maka dia tidak sedar bahawa dengan duit sahaja belum tentu orang akan terpikat dengan kita. Maka terjadilah perkara yang tidak diingini, iaitu orang itu akan meninggalkannya dan dia yang secara jujur menyukai orang itu merasa terpukul dengan kejadian itu lalu hilang semangat untuk belajar. Waktu itu dia sudah berada di tahun ketiga. Dia mem-

beritahu ibunya akan niatnya itu. Ibunya tentu terkejut yang amat sangat lalu memberitahu saya.

Pada masa itu abang isteri saya yang tinggal di Alor Setar akan mengadakan majlis perkahwinan anak perempuannya. Saya lalu menyuruh isteri saya menempah tiket ke Alor Setar dalam pesawat yang akan saya sambung apabila sampai di Kuala Lumpur nanti. Dari Kuala Lumpur saya dan anak saya bersama-sama terbang ke Alor Setar. Dalam penerbangan itu saya bertanya kepadanya.

"Betulkah bapa dengar Pat tidak mahu belajar lagi?"

"Betul," jawabnya ringkas.

"Baguslah kalau begitu," kata saya. "Bapa dan mama pun tidak susah lagi. Tidaklah banyak benar yang kami kena pikul. Bapa pun tidak ambil kisah lagi Pat mahu jadi apa. Kalau mahu hisap dadah, mahu mencuri, bapa boleh laporkan kepada polis, biar polis yang mengurusnya. Tetapi kalau Pat mahu belajar bapa dan mama masih mahu bertanggungjawab. Nah, Pat fikirlah bapa tidak mahu berkata apa-apa lagi."

Dia diam tidak menjawab. Sampai di Alor Setar dia pergi menginap bersama-sama saudara sepupunya di rumah bapa saudaranya dan saya ke hotel tempat ibunya mengmap. Hari itu hari Jumaat.

Pada pagi Sabtu, dia datang ke hotel mengajak saya ke Pulau Pinang menemaninya menemui dekan fakultinya.

"Kenapa?" tanya saya. "Mahu minta berhenti?"

"Tidak. Pat mahu belajar."

Kami lalu menyewa sebuah teksi ke Butterworth. Hari Sabtu orang Kedah banyak yang turun ke Pulau Pinang. Jalan raya dari Alor Setar ke Butterworth, masa itu masih jalan lama yang cukup sibuk. Pukul 11.00 kami masih belum melewati Sungai Petani. Kami mesti sampai

ke USM sebelum orang di universiti itu pulang. Hari Sabtu setengah hari. Tepat jam 12.00 kami baru sampai di Butterworth.

"Kita tidak terkejar lagi," kata anak saya.

Saya tidak berkata apa-apa. Dalam hati saya berdoa jikalau Allah s.w.t. mahu menolong, apa sahaja boleh berlaku dan kami naik feri menyeberang ke Pulau Pinang lalu ambil teksi ke USM. Waktu itu sudah jam 12.45 tengah hari. Jalan Jelutong pada waktu tengah hari Sabtu, memang bukan jalan untuk kita mengejar waktu. Tetapi teksi itu terus juga merangkak dan tepat jam 1.15 minit kami sampai di pintu gerbang di sebelah Jalan Paya Terubung. Orang universiti telah ramai yang meninggalkan kampus.

"Dekan tentu sudah pulang," kata anak saya.

"Tidak apa tunjukkan di mana pejabatnya," jawab saya.

Kami menyuruh teksi itu berhenti tepat di depan pejabat dekan Fakulti Pengajian Sains Farmasi. Setelah membayar tambang kami lalu naik. Kerani dekan itu masih ada. Beberapa minit lagi pukul 2.00.

"Dekan ada?"

"Ada, tetapi ada tamu. Duduklah dulu."

Kami duduk di tempat menunggu. Saya lalu berkata kepada anak saya, "Pat tahu kenapa ada tamu sesudah hampir pukul 2.00 begini?"

Dia menggelengkan kepala.

"Sebab Allah mahu melengah-lengahkan dekan itu supaya dapat berjumpa dengan kita."

Tidak sampai lima minit tamu itu pun keluar dan kami masuk. Melihat Ahmad Patria, dekan itu terus menegur. "Ha, Patria apa khabar? Ini siapa, bapa?"

Saya berjabat tangan dan memperkenalkan diri.

Anak saya terus berkata bahawa dia mahu belajar

dan di hadapan saya dia berjanji akan belajar dengan besungguh-sungguh.

"Betulkah sudah bersedia?" tanya dekan itu. "Kalau masih belum *stable* boleh ambil cuti sampai Patria sudah benar-besar bersedia."

"Saya sudah besedia."

"Betul?"

"Betul. Saya berjanji di hadapan bapa saya ini."

"Bagus. Belajarlah baik-baik jangan kecewakan orang tua."

Saya mengucapkan terima kasih atas perhatian baik dekan itu dan atas bantuannya memberikan kesempatan kepada anak saya. Tidak sampai 10 minit kami pun meninggalkan pejabat itu. Saya merasa lega dan mengucap syukur ke hadirat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia-Nya membuka hijab anak saya untuk terus belajar. Sebelum meninggalkan kampus itu saya mengajak anak saya menunaikan solat zuhur di masjid universiti dan dari situ kami berjalan kaki ke pintu di sebelah Paya Terubung untuk menunggu bas. Petang Sabtu serupa itu bas penuh dengan penumpang dan orang yang menunggu juga banyak. Saya sudah tidak kuasa lagi untuk berebut-rebut dan merempuh naik, kerana masa saya seperti itu sudah lama berlalu. Kami lalu berdiri di tepi jalan dalam keadaan sedikit gelisah kerana mesti balik ke Alor Setar pada petang itu juga. Tiba-tiba sebuah teksi berhenti betul di depan kami dan ada tempat untuk dua orang. Kami pun naik sampai ke feri lalu menyeberang ke Butterworth dan sampai balik ke Alor Setar sebelum maghrib. Ahmad Patria telah kembali belajar dengan bersungguh-sungguh dan akhirnya dia lulus dengan mendapat ijazah *second class* dengan kepujian sebagai sarjana muda farmasi.

Thariq adiknya yang belajar di Kolej Melayu tidak

begitu banyak masalah kerana sejak kecil dia tidak banyak cakap dan lebih banyak berahsia, ada inisiatif dan caranya sendiri dalam membuat kerja dan belajar. Dia jarang membaca pada hari-hari biasa, hanya pada masa mahu menghadapi peperiksaan sahaja baru kami lihat dia menghadapi bukunya dan membuat ulang kaji, tetapi alhamdulillah dia selalu mendapat kelulusan yang baik sejak dari sekolah rendah lagi. Dari Kolej Melayu dia ditawarkan membuat matrikulasi di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) bertempat di Subang Jaya. Dr. Saedon orang Brunei yang menjadi pengarahnya ialah kenalan saya tetapi kami sudah lama tidak pernah berjumpa maka melalui anak saya sahaja kami bertukar-tukar salam sehingga Dr. Saedon balik berkhidmat di tanah airnya. Hanya satu tahun sahaja Thariq mengikuti kelas matrikulasi. Dia terus masuk ke universiti mengambil pengajian undang-undang. Setelah lulus sarjana muda, iaitu ketika saya sudah kembali dari Brunei dia melanjutkan pelajarannya ke Queen's College, London untuk membuat sarjana hukum. Pada mula sampai di London dia membawa stail lamanya seperti di Malaysia, tidak membuat ulang kaji tetapi berniaga kecil-kecilan di kalangan kawannya sesama pelajar dan orang Malaysia di London dan banyak berjalan. Memang dia seorang yang kuat mengembara. Waktu cuti di UIA dahulu dia ikut seorang teman sekuliahnya yang berasal dari Thailand pergi ke Bangkok dan kemudian dengan teman yang lain mengembara ke England dan Amerika sampai ke Hawaii. Waktu ibu dan dua orang adiknya – Iqbal dan Malahayati mengunjunginya pada masa cuti mereka mengembara ke Perancis dan Belanda. Tidak lama sesudah ibu dan adik-adiknya itu balik dia baru mula menggelabah ketika akan menghadapi peperiksaan. Sebentar-sebentar dia menelefon ke rumah me-

luahkan kegundahan hatinya kepada ibunya takut tidak lulus kadang-kadang sampai menangis. Waktu itu baru saya masuk campur.

"Jangan menangis," saya mengherdiknya. "Cuba dulu seberapa daya upaya dan minta tolong kepada Allah. Kalau gagal juga maka itu bukan kuasa kita lagi. Tidak usah menyesal kerana kita sudah mencubanya. Anak jantan tidak boleh mudah menyerah kalah."

Sejak itu dia tidak telefon dan menangis lagi sehinggalah selesai ujian dan balik ke Malaysia. Alhamdulillah dia lulus dan mendapat *master*nya. Adiknya Inongputri waktu ditawarkan ke MRSM Terendak datang berjumpa saya.

"Bapa," katanya, "di maktab itu semua anak perempuan memakai tudung apakah saya juga mesti pakai?"

"Tepuk dada Inong, tanya apakah Inong memakai itu kerana keyakinan bahawa itu hukum agama yang mesti Inong ikut tidak boleh tidak ataupun kerana begitu fesyennya kerana semua orang pakai, kalau tidak pakai kita akan *out of place*, tidak ikut fesyen dan akan disisihkan orang?"

"Inong rasa kerana fesyen, kerana semua orang pakai maka kita juga kena pakai," jawabnya.

"Jikalau demikian apa pilihan Inong?"

"Inong tidak mahu pakai," jawabnya tegas.

"Jikalau begitu Inong mesti kuat menghadapi tudingan orang ramai. Bapa percaya Inong akan dapat mengatasinya demi keyakinan."

Sampai keluar dari maktab itu dan masuk belajar di Institut Profesional Baitulmal, dia tidak memakai tudung dan waktu di MRSM dalam badan pelajar dia menjadi timbalan ketua. Pendirian dan sikapnya itu tidak disalah terima. Hal ini saya ceritakan bukanlah satu kebanggaan tetapi sikap yang tegas. Saya tidak mahu sesuatu per-

buatan kita itu kerana ikut-ikutan, kerana fesyen, kerana hipokrit, sedangkan kita tidak yakin maka terjadilah perkara-perkara yang menjolok mata dan memalukan agama. Berbeza dengan adiknya, anak perempuan kami yang bongsu, Malahayati. Waktu di tingkatan dua dia ikut kursus perkhemahan bina negara yang dianjurkan oleh Biro Tatanegara selama lima hari. Waktu balik dari perkhemahan itulah dia memberitahu bahawa dia mahu memakai tudung dan sampai hari ini dia terus memakainya kerana dia yakin itulah pakaian wanita Muslim, bukan fesyen. Dia menjadi anak perempuan yang pertama di dalam kelasnya yang berbuat serupa itu. Anak lelaki yang ketiga, Iqbal waktu memoir ini saya tulis baru sahaja lulus bahasa Jepun dan akan ke negara Matahari Terbit itu untuk melanjutkan pelajarannya. Mula-mula dia masuk matrikulasi, gurunya pernah menulis surat kepada saya memberitahu tentang kelemahannya dalam pelajaran bahasa Jepun. Saya menjawab dengan baik, kata saya, "Sebagai orang baru dalam pelajaran bahasa asing serupa itu memang sering kali terjadi kegagalan, tetapi tuan sebagai guru yang berpengalaman yang juga pernah mengalami pembelajaran bahasa itu tentu ada cara bagaimana mahu membimbingnya sehingga berjaya." Saya dahulu pernah belajar bahasa Jepun dan dalam masa tiga bulan sahaja sudah boleh bercakap, enam bulan sudah boleh menulis huruf *katakana* dan *hiragana* dan sedikit-sedikit *kanji* lalu sudah boleh menjadi jurubahasa, tetapi bercakap sahaja. Bahasa Jepun lebih mudah dipelajari daripada bahasa Mandarin kerana ada alfabetnya dan huruf saksi dan suku kata *a e i o u* seperti bahasa Melayu. Bahasa yang anak saya pelajari sekarang bukan bahasa percakapan sahaja, bahasa ilmu dan tulisan dalam bidang sains dan teknologi yang bentuk tulisannya mesti dihafal sekian banyak. Apatah lagi

bahasa Jepun itu seperti juga bahasa kita sudah banyak diserapi dengan kata-kata asing terutama istilah-istilah sains. Bagaimanapun, dengan belajar bersungguh-sungguh siang dan malam, anak saya itu akhirnya dapat menguasainya juga. Nanti apabila sudah sampai di Jepun tempat asal bahasa itu, pengetahuannya tentu akan bertambah. Malahayati waktu memoir ini ditulis masih belajar di tingkatan tiga Sekolah Sultan Abdul Samad di Petaling Jaya. Namanya daripada nama seorang pahlawan perempuan Aceh yang menjadi laksamana sebuah armada yang terdiri daripada 100 buah kapal perang. Kisah tentang pahlawan perempuan ini telah ditulis oleh orang Belanda bukan oleh orang Aceh. Saya tidak mengharapkan anak perempuan saya itu menjadi pahlawan serupa itu tetapi sekurang-kurangnya dia tahu bahawa pada dirinya ada sebuah nama yang besar yang mudah-mudahan akan memberikan harga diri kepadanya.

Saya menceritakan semua hal keluarga ini bukanlah untuk membanggakan diri tetapi untuk memberikan satu gambaran dari satu sisi yang lain tentang betapa sukarnya kita mendidik anak-anak pada zaman sekarang ketika kita menghadapi ledakan teknologi maklumat yang sudah tidak terkawal lagi. Dalam ucapan penerimaan Anugerah Sastera Negara saya ada menyentuh tentang dunia kita sekarang ini yang semakin menjurus kepada sifat individualis yang kental, antara satu sama lain sudah tidak kenal-mengenali lagi kerana kita lebih banyak masuk ke dalam diri sendiri. Mudah-mudahan dengan cerita yang saya ceritakan ini ada perkara yang boleh dijadikan teladan dan ada yang boleh dijadikan sempadan.

Keputusan yang kami buat iaitu isteri dan anak-anak mesti pulang ke Malaysia itu memang agak sukar dan cukup besar risikonya dan boleh dikatakan satu "perjudian hidup" kerana bagi keluarga yang tinggal terpisah

antara suami isteri dan anak-anak terdedah kepada berbagai-bagai kemungkinan yang negatif selain menghadapi dua periuk nasi. Isteri saya juga sebagai seorang perempuan yang pergerakannya amat terbatas oleh adat dan agama akan menghadapi berbagai-bagai macam dugaan dan ujian. Tetapi kami tidak menyesal dan daripada risiko yang kami ambil itu telah mendatangkan hasil yang baik terutama kepada isteri saya yang telah menjadikan dia seorang yang tabah, kuat, cekal dan mandiri dan kami telah dapat membina sebuah keluarga yang bahagia.

Meminang Gadis Limbang

Tidak lama sesudah saya pulang ke Brunei, Haji Ahmad Abdullah mantan Pegawai Kewangan DBP dan yang pernah bersama-sama saya di DBP Cawangan Sabah menelefon meminta tolong menghubungi seorang pegawai kastam bernama Abai bin Angga yang bertugas di Limbang kerana mahu meminang anak gadisnya yang bernama Darmataksiah untuk dijodohkan dengan anaknya Razif. Kedua-dua dara dan teruna ini telah berkenalan waktu sama-sama belajar di England. Haji Ahmad meminta saya membuat risikan seperti yang biasa dilakukan dalam urusan pinang-meminang. Tugas ini amat berat. Walaupun Limbang itu letaknya tidak jauh dari Bandar Seri Begawan hanya kira-kira 15 atau 20 minit bermotobot, tetapi sejak di Brunei, saya belum pun pernah pergi ke sana. Bagi orang Brunei boleh dikatakan setiap hari Jumaat dan Ahad banyak yang turun ke Limbang. Ada yang membeli-belah dan ada pula yang hanya mahu bergunting rambut. Agak aneh kedengarannya. Mula-mula saya sampai di Bandar Seri Begawan pada pertengahan tahun 1982, kedai gunting

yang menggunakan tukang gunting perempuan muda cukup banyak, hampir di merata ceruk. Mereka itu terdiri daripada gadis-gadis Cina berumur belasan tahun yang kebanyakannya datang dari Malaysia (Semenanjung dan Sarawak). Tetapi apabila kerajaan Brunei mengenakan larangan kepada kedai gunting seperti itu maka mereka memindahkan operasinya ke Limbang.

Saya merasa bingung apabila menerima permintaan Haji Ahmad itu kerana tiada kenalan di sana. (Pada masa itu saya tidak tahu bahawa Kadri Jili yang bekerja dengan RTM di Kuching telah berpindah ke RTM Limbang kerana kami sudah lama putus perhubungan. Dia kenal baik dengan saya dan telah memberi inspirasi saya menulis cerpen "Pertemuan di Kuching".) Saya pun mula membuat risikan di kalangan orang Brunei tentang adat dan cara-cara perkahwinan orang Limbang sebab Limbang itu letaknya di seberang Sungai Temburong dan pernah menjadi daerah Brunei sebelum diambil oleh Raja Brooke. Saya kira adat istiadatnya tidak jauh berbeza.

"Hai ada apa-apakah?" kata Hajah Juriah, Pegawai Penyelidik Pusat Sejarah yang duduk di sebelah bilik saya, bergurau.

Saya lalu menceritakan tentang permintaan Haji Ahmad itu.

"Siapa nama bapanya?"

"Abai bin Angga, pegawai kastam."

"Saya kenal dengannya. Anak gadisnya bernama Darma, bukan?"

Diam-diam saya mengucap syukur ke hadirat Allah s.w.t. yang telah membuka jalan kepada saya. "Benar. Darmataksiah."

"Saya ada nombor telefon rumahnya. Cuba saya telefon tanya."

Kebetulan Abai tidak ada di rumah dan Darmataksiah sendiri yang mengangkat gagang telefon itu. Memang benar, Darmataksiah dan Razif telah pun mengikat janji dan yang tinggal hanyalah restu daripada ibu bapanya dan ijab kabul sahaja. Bagaimanapun kata peribahasa jikalau datang biarlah tampak muka dan untuk itu maka kami perlu tahu juga apa-apa persediaannya untuk masuk meminang.

Darmataksiah meminta masa untuk berbincang dengan ibu dan bapanya dan akan memberitahu balik kepada Hajah Juriah. Sebelum tengah hari pada keesokannya, kami mendapat berita yang sangat menggembirakan bahawa Darmataksiah sendiri akan datang ke Bandar Seri Begawan pada jam 3.00 petang dengan ditemani oleh adiknya Ramli. Saya lalu pergi menyambutnya di Tabing. Mereka menginap di rumah saya. Malam itu kami mengadakan perundingan dan keputusannya diberitahu terus ke Petaling Jaya. Dua belas hari kemudian Haji Ahmad dan anaknya pun datang ke Bandar Seri Begawan. Mereka menginap dua malam di rumah saya sebelum ke Limbang. Saya tidak dapat ikut serta dalam majlis perkahwinan itu kerana sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan. Setelah selesai upacara, Haji Ahmad bersama-sama anak dan menantunya kembali ke Bandar Seri Begawan. Keesokan hari Haji Ahmad pulang ke Kuala Lumpur sendirian sementara anak dan menantunya terbang ke Kuching ke rumah nenek Darmataksiah kerana Darmataksiah akan balik ke London menyelesaikan pengajiannya yang masih ada sisa satu tahun lagi.

Anugerah *S.E.A. Write*

Negara Brunei Darussalam akan menjadi anggota ASEAN

yang keenam pada tahun itu. Pihak jawatankuasa *S.E.A. Write Award* di Bangkok berpendapat alangkah baiknya jika pada hari ulang tahun keenam anugerah itu, ada pula calon dari negara ASEAN yang keenam. Jawatankuasa itu lalu menugaskan Profesor Noranit Setabutr dari Universiti Thammasat untuk mengadakan kontak dengan Brunei. Menurut cerita profesor ini sesudah bertemu saya di Brunei, agak payah juga dia mahu melaksanakan tugas tersebut kerana tidak ada kontak di Brunei. Dia hanya teringat satu nama orang Brunei yang pernah menghadiri salah satu seminar di Bangkok tetapi tidak kenal orangnya. Haji Alidin Haji Othman. Waktu memohon visa di Kedutaan Brunei di Bangkok dia menggunakan nama tersebut sebagai referensinya.

Saya baru tahu tentang kedatangan Profesor Noranit daripada Hajah Fatimah pemangku pengarah.

"Tuan haji," katanya, "ini ada seorang profesor dari Bangkok mahu berjumpa. Namanya Profesor Noranit Setabutr. Dia ada di Sheraton Utama."

Menurut cerita Hajah Fatimah, profesor itu telah menghubunginya dan menceritakan tentang anugerah *S.E.A. Write* itu serta mengundang Brunei untuk mengirimkan calon. Hajah Fatimah tidak dapat membuat keputusan sebab segala sesuatu yang berhubungan pentadbiran khasnya dengan urusan luar negara walaupun tidak berkaitan dengan dasar harus lebih dulu mendapat kebenaran dari istana. Semasa berbual-bual dengan profesor itu dia berkata bahawa di DBP juga ada orang yang telah mendapat anugerah tersebut beberapa tahun yang lalu. Dia memberitahu nama saya dan profesor itu bingung sejurus kerana dia menyangkakan saya orang Brunei, bagaimana boleh terima anugerah itu? Itulah puncanya maka dia mahu berjumpa saya.

Setelah saya menemuinya di hotel, dia agak hairan

kerana belum pernah bertemu saya padahal sebagai ahli jawatankuasa anugerah itu dia tidak pernah tidak hadir dalam setiap majlis penyampaian anugerah setiap tahun. Saya menjelaskan kepadanya bahawa isteri saya yang mewakili saya kerana pada masa itu saya sedang menunaikan rukun haji di Makkah. Kami lalu sama-sama ketawa.

Pada malam itu saya mengundangnya makan malam di sebuah restoran bersama-sama Sumadi Sukaimi pegawai kebudayaan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Haji Muslim. Pada masa makan itu Profesor Noranit meminta jasa baik kami untuk mengusahakan agar pada majlis penyampaian anugerah yang akan diadakan pada bulan Oktober tahun itu ada calon dari Brunei. Mereka bersedia untuk mengundurkan tarikhnya demi memberi peluang itu kepada Brunei kerana tarikh tutup pencalonan telah hampir. Mereka ingin sekali menjadikan peristiwa itu sebagai satu sejarah "dua kali enam". Kami mencadangkan kepadanya supaya membuat pertemuan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, tetapi malang baginya kebetulan menteri tiada di pejabat dan dia hanya dapat bertemu setiausaha tetapnya sahaja. Sebagai usaha terakhir saya membawanya berjumpa Pengiran Badaruddin yang menjadi pengarah RTM dan Jabatan Penerangan. Secara kebetulan Pengiran Badaruddin akan ke Bangkok pada awal bulan September. Dia dengan sikapnya yang selalu terbuka dan optimistik berjanji pada masa dia di Bangkok itu nama calon sudah dapat dibawanya bersama-sama ataupun sesuatu keputusan yang positif akan diperoleh. Profesor Noranit Setabutr pun pulang dengan perasaan gembira. Walau bagaimanapun, dua tahun kemudian baru cita-cita itu dapat direalisasikan. Haji Muslim menjadi penerima anugerah *S.E.A.*

Write yang pertama dari Brunei.

Haji Ahmad Kadi telah kembali ke Brunei setelah menyelesaikan pengajian ijazah sarjana muda sastera di Universiti Malaya lalu mengambil alih tugas sebagai Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Dia bukanlah orang baru di jabatan ini. Sejak DBP ditubuhkan, dia antara orang yang paling awal berkhidmat dan bermula dari peringkat yang paling bawah. Saya sudah lama mengenalinya dan kebetulan waktu di Universiti Malaya dia menyewa rumah Mansor Aminuddin yang pernah menjadi setiausaha DBP yang terletak tidak jauh dari rumah saya.

Sesudah memikul tanggungjawab sebagai ketua di BPPS ini maka barulah saya faham dengan masalah yang dihadapi oleh Keris Mas sehingga untuk beberapa lama dia tidak dapat menulis walaupun sebuah cerpen. Masalah itu sedang saya alami sekarang. Waktu pulang ke Kuala Lumpur biar dengan cuti pendek atau cuti panjang saya akan berusaha datang ke DBP untuk bertemu dengan kawan-kawan. Pada waktu itu mereka selalu berkata entah sebagai satu sindiran ataupun sungguh-sungguh.

"Wah sekarang ini Bung Abdullah sudah tidak menulis lagi, sudah banyak duit!"

Memang agak pedas juga kata-kata itu walaupun secara berseloroh. Tetapi alasan apa juga yang saya berikan mereka tentu tidak percaya. Saya sebenarnya sangat ingin menulis kerana itu kerja saya, tentu terlalu berlebih-lebihan kalau saya katakan sudah menjadi seperti darah daging. Tetapi apa boleh buat, bukan tidak ada masa, masa itu boleh dijadualkan cuma tenaga sahaja yang tidak ada. Apabila pulang ke rumah terasa sekali letihnya, letih otak. Sebaik tiba di pejabat jam 7.30 pagi, saya sudah tidak keluar lagi dari bilik (maksud saya

keluar berjalan-jalan). Saya akan duduk di situ sampai jam 5.00 petang, membuat segala macam kerja dari membaca karangan, mengedit, menyemak kembali teks yang sudah ditaip, membaca pruf yang sudah diatur huruf dan pruf yang sudah dicetak dari kulit depan sampai ke kulit belakang baik untuk majalah mahupun untuk buku. Saya juga akan menghadiri berbagai-bagai mesyuarat jawatankuasa baik yang di dalam pejabat mahupun yang di luar pejabat. Saya hanya keluar meninggalkan bilik untuk turun bersolat zuhur dan kadang-kadang asar di Masjid Omar Ali Saifuddin. Makan tengah hari pun di pejabat sahaja dengan dua keping roti, satu botol air dengan sebiji oren yang dibawa dari rumah, kecuali jikalau ada tamu yang mesti dilayan ataupun ada undangan. Saya makan nasi hanya pada waktu malam itu pun amat sederhana. Selesai solat maghrib saya akan menonton TV mendengar warta berita kadang-kadang tertidur di depan TV. Saya cuba menulis cerpen tetapi sudah tidak seproduktif dahulu lagi. Dahulu sesebuah cerpen itu dapat diselesaikan dalam masa dua tiga jam sahaja, tetapi sekarang sudah memakan masa berbulan-bulan. Cerpen "Sebuah Masjid di Sebuah Kota Pelabuhan" memakan masa hampir satu tahun. Cerpen-cerpen yang lain pun begitu juga ada tiga bulan, ada enam bulan. Bagaimanapun, saya cuba menyiapkan sekurang-kurangnya satu cerpen dalam masa satu tahun untuk menyenangkan hati kawan-kawan yang menjadi anggota sidang pengarang *Dewan Sastera*, jangan sampai mereka menyindir lagi.

Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah kepada Pertemuan Sasterawan Nusantara yang ke-IV pada penghujung tahun 1985. Sejak awal tahun itu, persiapan sudah dirancang. Saya telah ditunjuk sebagai setiausaha dan diminta untuk membuat kertas kerja ten-

tang pertemuan tersebut. Mesyuarat kerja telah diadakan hampir setiap bulan, tetapi pada pertengahan tahun itu saya terpaksa mengambil cuti kontrak kerana sudah genap tiga tahun berkhidmat. Cuti yang agak panjang, dari 22 Ogos hingga 31 Disember. Haji Ahmad Kadi yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Pertemuan Sasterawan Nusantara itu suka jikalau saya dapat menangguhkan cuti tersebut sehingga pertemuan itu selesai. Dia telah berusaha dengan pihak atasan tetapi tidak berhasil. Mahu tidak mahu saya terpaksa melepaskan tugas itu kepada Shahri PDJK Mohd. Hussain dengan Haji Muslim sebagai timbalannya. Saya pun bertolak balik ke Malaysia.

Baharuddin Zainal (Baha Zain) yang sudah berhenti sebagai Timbalan Ketua Pengarah DBP telah membuka sebuah syarikat penerbitan dan menerbitkan majalah berita mingguan *Era* yang ada imbas-imbas majalah *Tempo* di Jakarta. Majalah itu dikendalikan bersama Ma'arof Saad yang juga mantan pegawai DBP dan Adibah Amin. Saya ikut berlanggan majalah tersebut waktu di Brunei dan sangat berharap ia benar-benar boleh menjadi seperti *Tempo* kerana ruangan untuk majalah berita serupa itu masih terbuka luas di negara ini. Oleh sebab pejabat majalah ini letaknya tidak jauh dari rumah saya, pada suatu hari saya telah singgah sebagai satu kunjungan hormat kepada Baha dan Ma'arof dan sebagai satu sokongan moral atas usaha mereka yang baik. Semasa bertanya-tanya khabar kerana sudah lama tidak bertemu, timbul pula berbagai-bagai cerita termasuk Pertemuan Sasterawan Nusantara yang akan berlangsung tidak lama lagi. Sebagai orang sastera, Baha dan Ma'arof memang amat berminat untuk mengetahui tentang persiapan pertemuan tersebut apatah lagi di Brunei pula. Cerita itu bagi saya habis di situ sahaja.

Tetapi pada keluaran *Era* berikutnya ada sebuah artikel tentang pertemuan tersebut. Ada satu ayat yang tidak enak dibaca oleh orang Brunei yang menyentuh tentang diri saya. Pada ayat itu dikatakan bahawa kerana ketiadaan saya sebagai setiausaha mungkin perjalanannya tidak begitu lancar. Saya tidak baca artikel itu dan tidak tahu apa-apa. Tetapi memang sudah mahu jadi cerita, beberapa hari sesudah itu saya pergi pula ke pejabat Amir Enterprise di Jalan Segenting Klang untuk mengunjungi Harun Hasan dan A. Jalil Ali. Kebetulan pada masa itu Datuk Melan Abdullah ada di sana. Kami kawan lama sejak sebelum perang lagi tetapi pada masa kebelakangan ini sudah jarang berjumpa. Pada masa itu salah seorang editor perempuan majalah *Mingguan Wanita* memberitahu bahawa dia sedang menyiapkan sebuah rencana tentang Pertemuan Sasterawan Nusantara yang akan berlangsung di Brunei itu.

"Jikalau mahu menulis tentang Brunei mestilah tulis baik-baik. Tulis perkara-perkara yang benar," kata saya kepadanya.

"Boleh saya *interview* Pak Lah?"

"Boleh, apa salahnya," ujar saya dengan niat bahawa dia akan menulis apa yang saya katakan.

Serupa dengan majalah *Era* maka saya tidak baca lagi tulisan dalam *Mingguan Wanita* itu sehinggalah saya menerima surat daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei yang menyesali tulisan kedua-dua rencana dalam *Era* dan *Mingguan Wanita* dan memberi "amaran" kepada saya tidak boleh membuat sembarang *statement* untuk akhbar tentang Pertemuan Sasterawan Nusantara.

Saya sungguh terperanjat dengan isi surat tersebut yang begitu keras. Saya pun tergesa-gesa mencari *Era* dan *Mingguan Wanita*. Memang ayat yang sepotong dalam

Era seperti yang telah saya sebutkan itu agak menyinggung sedikit. Saya sendiri pun tidak berkenan. Tetapi rencana dalam *Mingguan Wanita* tidak ada yang cacat. Surat tersebut saya jawab dengan baik sambil menekankan tentang fungsi majalah dan akhbar yang bebas mereka boleh menyiarkan apa sahaja menurut budi bicaranya dan saya tidak ada kuasa untuk menghalangnya kecuali melalui saluran undang-undang. Kisah itu sudah tamat di situ sahaja. Saya kemudian ikut sebagai peserta dalam Pertemuan Sasterawan Nusantara itu.

Nota

1 Novel-novelnya yang telah diterbitkan: *Bunga Arianur* (Penerbit Fajar Bakti), *Permata Aurorian, Kota Arialun, Kembar Artakus, Petua Azram, Puteri Alinzalia* dan *Pedang Aurora*. Semuanya diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

5

TUAH ORANG DI RANTAU

Notis Muflis

ADA satu kegembiraan yang kita peroleh apabila berada di negara asing, iaitu kemungkinan dapat bertemu secara dekat dengan pemimpin negara kita yang melawat ke negara tersebut atau berjumpa kawan-kawan yang sudah lama berpisah yang sukar untuk kita temui apabila berada di tempat sendiri. Dua kali Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad datang ke Brunei dan dua kali saya dapat bertemu dengannya. Kali pertama kerana masa yang terlalu singkat hanya dengan beberapa orang Jawatankuasa Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia di Brunei (PKMM) sahaja, tetapi kali kedua dengan hampir seluruh warganegara Malaysia bertempat di Istana Edinburgh yang terletak di Jalan Berakas. Waktu kunjungan rasmi Yang di-Pertuan Agong Sultan Ahmad Shah, dengan kerjasama Pejabat Suruhanjaya dan PKMM seluruh warganegara daripada semua suku kaum telah dapat bertemu dan beramah mesra di tempat yang sama. Pertemuan serupa ini sangat besar ertinya bagi rakyat yang berada di perantauan, selain boleh mempererat perpaduan, apa yang paling utama dapat menanam rasa kasih dan cinta kepada tanah air.

Selama saya di Brunei, beberapa orang pembesar negara telah mengunjungi negara itu baik secara rasmi ataupun tidak dan kami mendapat peluang untuk bertemu dalam jamuan meraikan mereka yang diadakan oleh pesuruhjaya kita. Itu kisah dengan pembesar-pembesar.

Saya sudah lama tidak ketemu A. Rahim Latiff sejak dia berhenti sebagai Pegawai Pemasaran DBP. Saya sudah hampir lupa walaupun perhubungan kami sebelum itu cukup rapat. Saya turut menghantarnya ke Pontian ketika dia berkahwin dan rumahnya pun pada waktu itu tidak jauh dari rumah saya, tetapi kami tidak pernah bertemu lagi. Saya amat terkejut apabila bertemu dengannya di sebuah kedai makan di Bandar Seri Begawan dan lebih terkejut lagi apabila mengetahui bahawa dia sudah lama bekerja dengan Shell Brunei. Kami cukup gembira dan tali persahabatan lalu dibuhul kembali. Saya pun selalu ke rumahnya di kompleks Shell Penaga, Seria. Dia seorang yang periang dan suka menerima tamu. Saya pernah mengajak Dr. Muhammad Haji Salleh menginap di rumahnya bersama-sama kawan-kawan lain dari Malaysia. Memang amat menyenangkan apabila dapat berjumpa kawan-kawan lama. Masing-masing mencari peluang untuk mengadakan jamuan makan ataupun minum-minum teh sebagai satu keraian. Dr. Mohd. Noor Che Noh pensyarah di Universiti Brunei Darussalam hampir setiap bulan apabila isterinya ada bersama akan mengadakan jamuan makan di rumahnya untuk meraikan kawan-kawan yang datang. Pada waktu seperti itulah sahaja selain perjumpaan tahunan atau mesyuarat agung PKMM kami dapat bertemu dan berkumpul serta bertukar-tukar berita.

Sebelum pejabat suruhanjaya ditubuhkan, saya hampir menjadi wakil yang tidak rasmi. Setiap orang yang datang kenal atau tidak cuba menghubungi saya, walau-

pun saya tidak dapat memberikan layanan yang baik tetapi dengan bantuan ahli-ahli PKMM maka dapatlah kami memberi keraian dan bantuan ala kadarnya. Ini tidak termasuk kawan-kawan yang bergiat dalam bidang sastera dan kebudayaan. Marzuki Ali dengan Kumpulan Teater Asyik dari Terengganu. Zainal Abd. Latiff pensyarah drama di USM dengan kumpulannya datang mengadakan persembahan. Atillah Laila Jamnah Ahmad dengan kumpulannya datang dari Kota Kinabalu. Ada antara mereka itu yang berpangkalan di rumah saya apabila sukar mendapat penaja. Namun, semuanya merasa gembira walaupun dengan layanan yang kurang sempurna. Orang perseorangan pun banyak juga yang datang mencari saya di pejabat. Ada wartawan dan ada penulis.

Dr. Muhammad Haji Salleh boleh dikatakan sering kali mengunjungi Brunei kerana ada urusan dengan Universiti Brunei Darussalam. Apabila ada masa terluang, kami akan berjumpa dan keluar makan bersama-sama. Pada satu masa kebetulan A. Latiff Mohidin juga ada di Bandar Seri Begawan kerana terlibat dalam projek membina arca untuk negara-negara ASEAN. Di Brunei mereka membina arca di Taman Damoan berhampiran Istana Darul Iman. Agak lama juga dia dan kawan-kawan artis dari negara ASEAN lain tinggal di sini kerana menunggu bahan-bahan yang diperlukan yang terpaksa diimport dari luar. Saya membawanya melawat Temburong bersama-sama Dr. Muhammad Haji Salleh dan di sana Raja Nong Raja Mahmood membawa kami melawat rumah panjang di Bukit Duri.

Saya ada beberapa orang anak angkat yang selalu menulis surat. Seorang dari Marang, Terengganu. Perkenalan kami bermula daripada sebuah cerpen saya yang dibacanya. Namanya Norriah binti Hassan. Pada

masa itu dia masih di tingkatan lima. Hampir setiap bulan dia menulis menceritakan hal keadaan dirinya. Dia meminta nasihat tentang jurusan pengajian yang patut diikutinya apabila lulus STP nanti. Mula-mula dia bercadang mahu menjadi peguam tetapi kemudian berubah mahu menjadi guru kerana pada pendapatnya itulah profesion yang lebih sesuai dengan wataknya yang sayang kepada kanak-kanak. Dia telah diterima masuk ke Universiti Malaya. Waktu di universiti itulah pertama kali saya bertemu dengannya, itu pun secara kebetulan. Saya mengikuti Shaari A.B., seorang kawan dari Kupang, Kedah yang mahu bertemu anaknya. Pertemuan itu tidak lama hanya kira-kira 10 minit sahaja. Apabila tamat pengajian, dia pulang ke Marang kerana tidak mendapat kerja lalu menjadi pembantu di kantin sekolah yang berhampiran rumahnya. Dia terlalu gembira waktu mendapat tawaran bekerja sebagai guru sementara di sekolah Yayasan Islam Terengganu di Jerteh. Melalui surat-suratnya dia selalu bercerita tentang hal anak-anak muridnya yang cerdik dan yang malas dan yang datang ke sekolah tidak berkasut. Dia sayang kepada mereka dan cuba menolong dalam pelajaran. Tetapi dia tidak lama di situ, terpaksa berhenti kerana sudah tidak diperlukan lagi. Dia kembali ke kampung dan menunggu panggilan dari Pejabat Pendidikan. Hampir sahaja dia kecewa apabila surat panggilan yang diterima di atas nama orang lain, yang dialamatkan kepadanya. Dia ditawarkan bertugas di Sarawak.

"Bagaimana bapak?" Dia bertanya kepada saya dalam suratnya. "Saya tidak berani pergi jauh-jauh. Saya seorang perempuan."

Saya menasihatinya supaya terima tawaran tersebut. Dia mesti berani berhijrah sekiranya dia benar-benar mahu menolong anak bangsanya terutama mereka yang

jauh di pedalaman. Itu baru namanya bakti, kata saya. Akhirnya dia pun bertolak ke Lundu. Dia berkhidmat di tempat itu dengan hati yang tabah dan berjaya menawan hati tidak sahaja anak-anak muridnya tetapi juga orang tua murid. Mereka membawanya ke rumah mereka di hulu. Pertemuan saya dengannya yang agak lama sedikit, ketika rombongan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei membuat kunjungan ke Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Kuching. Saya meminta dia turun ke Kuching. Kami bertemu di Dewan Bahasa dan Pustaka. Sekarang dia sudah kembali ke kampungnya dan berkahwin. Dia dan suaminya datang melihat saya sewaktu kami mengadakan Perkampungan Penulis GAPENA di Marang.

Pada suatu petang ketika menonton berita TV Brunei jam 6.30 petang, saya melihat gambar Jeneral Sudomo, Menteri Tenaga Rakyat Republik Indonesia sedang disambut ketibaannya di Lapangan Terbang Berakas. Saya sudah lama tidak bertemu dengannya, iaitu hampir 40 tahun sejak kami berpisah di Phuket, Thailand pada zaman revolusi Indonesia dahulu,[1] tetapi dia tidak banyak berubah. Dia datang ke Brunei kerana menghadiri Persidangan Menteri-Menteri Buruh ASEAN. Sesudah melihat gambar itu saya pun bercadang akan cuba menemuinya jikalau ada peluang. Pagi esoknya saya menelefon Bapak Bachtul Nazar pegawai penerangan di Kedutaan Besar Indonesia. Dia agak terkejut apabila saya mengatakan mahu berjumpa Sudomo.

"Di mana bapak kenal?"

"Kami dulu sama-sama berjuang."

Dia agak ragu-ragu. Bagaimanapun, dia memberitahu juga yang Sudomo dan rombongannya menginap di Sheraton Utama. "Tetapi bapak mesti hubungi sekretarinya dulu. Saya tidak tahu nombor kamarnya."

Saya mencuba nasib. Saya terus menelefon ke Hotel Sheraton Utama dan minta disambungkan ke bilik Sudomo. Sebentar kemudian saya mendengar suaranya.

"Selamat pagi, pak. Ini Abang Abdullah dari Malaysia. Masih ingat?"

"Ya, ya, masih. Dari mana abang bicara, dari Kuala Lumpur?"

"Bukan, dari Brunei. Tidak jauh dari hotel bapak. Kapan bapak ada masa, kita ketemu?"

"Jam setengah sembilan saya ada rapat, jika tidak, bisa sarapan di sini dengan saya. Bagaimana kalau jam 5.00 sore nanti."

"Baik. Jam 5.00 sore saya datang."

Tepat pada waktu yang dijanjikan saya sampai di kamarnya. Sebaik sahaja melihat saya berdiri di pintu kamar dia terus menerpa dan memeluk. "Lama sekali kita tidak ketemu. Abang masih macam dulu juga, tidak banyak berubah."

"Bapak juga serupa." Saya dipersilakan duduk dan diperkenalkan kepada beberapa orang ahli rombongannya termasuk wakil dari konsulat di Kota Kinabalu. "Ini Abang Abdullah. Kami sama-sama di Thailand waktu revolusi dulu."

"Ada pernah ke Jakarta selama ini?"

"Ada beberapa kali."

"Kenapa tidak datang berjumpa saya."

"Ada sekali waktu bapak masih menjadi komandan Angkatan Laut. Saya dan Ucon pergi ke markas ALRI." Saya lalu menceritakan kepadanya kisah yang agak lucu. Pengawal di pintu gerbang banyak bersoal jawab sebab-musabab kami mahu berjumpa komandannya. Kami menyuruh dia telefon, dia tidak mahu, kami minta mahu telefon dia tidak bagi. Akhirnya kami pun mengangkat bahu lalu meninggalkan tempat itu.

"Lain kali jikalau ke Jakarta mesti datang berjumpa saya," ujarnya. "Ini kad saya. Ini telefon rumah, ini telefon kantor."

Waktu Haji Ahmad Kadi masih belajar di Universiti Malaya, dia membawa surat-surat yang dikirim oleh isteri saya. Antara surat itu ada sepucuk surat saman dari Bank Bumiputra (sekarang Bank Bumiputra-Commerce). Pinjaman sebanyak RM100 000 yang kami buat sebagai modal untuk menggerakkan PERFIMA itu masih ada bakinya sebanyak RM5000 dan sudah lama tidak berbayar. Waktu saya di USM Pulau Pinang dahulu ada beberapa kali saya terima surat notis. Surat-surat itu saya serahkan kepada Jins Shamsuddin dan Jaafar Abdullah kerana mereka berdua yang masih aktif dalam syarikat tersebut. Saya sudah lama menarik diri dan saham saya pun sudah dibeli oleh Jins Shamsuddin. Jins sebagai pengerusi dan Jaafar sebagai pengurus. Jaafar seorang yang jujur dan lurus. Dia terus menjalankan syarikat itu dan membayar balik pinjaman kepada Bank Bumiputra secara cicilan sehingga dia berhenti daripada PERFIMA dan masuk berkhidmat dengan Syed Kechik Film Productions. Pada masa itulah Jins telah menyerahkan PERFIMA kepada UDA sebagai melunasi hutang-piutang yang masih ada dengan badan berkanun itu. Baki pinjaman itulah yang dituntut oleh bank daripada kami, lima orang pengarah yang menandatangani surat pinjaman itu dahulu. Antara lima orang itu hanya saya seorang sahaja yang mempunyai alamat yang tetap yang tidak pernah pindah. Maka sayalah yang menjadi sasaran utama. Mungkin kerana notis yang dikirimkan melalui Tetuan Ariffin & Ooi, peguam bagi Bank Bumiputra tidak pernah mendapat respons maka akhirnya disusuli dengan saman dan kerana saya sudah pindah bekerja di Brunei, tidak ada orang yang

boleh menerima saman itu. Akhirnya dikeluarkan notis bankrupsi yang disiarkan dalam akhbar *Malay Mail*. Notis itu dilihat oleh seorang kawan lalu digunting dan dikirimkan kepada saya. Saya segera menghubungi Peguam Bhag Singh yang pernah saya kenal waktu dia berkhidmat dengan Tetuan Ariffin & Ooi dahulu dan kemudian membuka firma guamannya sendiri. Tetapi kerana urusannya agak lambat maka isteri saya telah pergi menemui Jins Shamsuddin, Jaafar dan Shahrulbariah seorang lagi penandatangan, meminta setiap orang mengeluarkan RM2500 bagi menyelesaikan hutang itu yang kini dengan bunganya telah menjadi RM10 000. Jins dan Jaafar membayar bahagiannya dan dengan bahagian saya telah dapat terkumpul RM7500, isteri saya lalu pergi membayarnya kepada Bank Bumiputra.

Kasus itu pun senyap untuk beberapa waktu lamanya dan kami menyangka ia sudah selesai sehingga pada suatu hari kira-kira satu tahun kemudian saya menerima satu saman yang baru yang menuntut bayaran sebanyak RM5000 lagi. Baki yang RM2500 itu belum dibayar oleh rakan kongsi kami yang seorang lagi mungkin kerana pihak bank tidak dapat mencari alamatnya. Baki itu kini telah beranak sekali ganda. Sekali lagi isteri saya menghubungi Jins Shamsuddin dan Jaafar Abdullah dan kami berkongsi lagi menyelesaikan hutang itu.

Kasus ini ada ironisnya. Beberapa bulan sesudah itu, isteri saya telah diberitahu oleh Puan Saidatul Badru Said Keruak bahawa UDA telah membayar balik kepada Jins Shamsuddin wang yang kami bayar kepada Bank Bumiputra kerana mereka baru sedar bahawa tunggakan hutang itu terjadi kerana keteledoran pegawainya sendiri. Menurut Jins Shamsuddin ketika UDA mengambil alih bangunan PERFIMA itu ada diminitkan baha-

wa baki hutang PERFIMA kepada Bank Bumiputra menjadi tanggungjawab UDA.

Oleh sebab keteledoran itulah maka baki RM5000 daripada pinjaman RM100 000 itu telah melonjak naik menjadi sekali ganda. Puan Saidatul Badru kawan rapat isteri saya tahu tentang masalah PERFIMA kerana bapanya Tan Sri Said Keruak juga pernah menjadi salah seorang yang menolong memodali syarikat tersebut.

Apabila mendengar berita itu maka isteri saya segera menghubungi Jins Shamsuddin. Jins mengakui akan kebenaran berita itu tetapi katanya dia belum lagi menerima apa-apa bayaran daripada UDA, namun dia bersedia untuk menggunakan wangnya lebih dulu bagi menggantikan bahagian saya.

Kejadian ini telah menjadi satu iktibar yang berguna kepada diri saya dan mungkin juga kepada orang lain dalam soal menjadi penjamin bagi meminjam wang untuk siapa pun dan apa pun juga. Kasus yang saya hadapi bukan kerana peribadi kawan-kawan saya. Namun, kerana antara mereka itu cuma saya seorang sahaja yang mempunyai alamat rumah yang tetap yang tidak berubah yang lebih senang dicari oleh pihak yang berkenaan daripada Jins Shamsuddin walaupun semua orang tahu kerana dia bintang filem dan pengarah, tetapi pada waktu itu tidak mempunyai alamat yang tetap apatah lagi Jaafar Abdullah mungkin tidak banyak yang mengenalinya walaupun dia amat rapat dengan industri filem. Dia banyak bekerja di belakang tabir waktu dengan Shaw Brothers dan Studio Jalan Ampas di Singapura dan kemudian dengan PERFIMA. Dia juga baru berpindah dari Singapura dan tidak mempunyai alamat tetap. Waktu menjadi pengurus PERFIMA dia dengan kebijaksanaannya telah membayar kembali hutang Bank Bumiputra itu sehingga ketika dia pindah

bekerja dengan Syarikat Filem Syed Kechik sisanya hanya tinggal RM5000 sahaja.

Setelah hampir tiga tahun di Brunei, saya baru dapat menulis cerpen yang kedua. Cerpen yang pertama berjudul "Luka Sudah Hilang Parut Pun Hilang" atas permintaan Sulaiman Masri yang menjadi ketua pengarang *Dewan Masyarakat*. Dia baru pulang dari Amerika setelah mengambil ijazah dalam bidang *journalism* dan meminta saya menulis sebuah cerpen sebagai memperingati konfrontasi dengan Indonesia dahulu. Cerpen yang kedua ini saya tulis sebagai memujuk hati kawan-kawan di *Dewan Sastera*. Kali ini judulnya agak ganjil sedikit, "Titik". Apa yang dititikkan? Beberapa tahun dahulu, ketika adik saya Ibrahim buat pertama kali pulang dari luar negara bersama-sama isterinya Patricia, wanita dari Jamaica keturunan Perancis-Cina, dia tinggal di rumah Ismail. Biasanya sebelum pulang ke rumah Ismail, maka dia dan isterinya itu akan singgah dulu ke rumah kami. Dia, isterinya, dan saya suami isteri akan bercerita tentang berbagai-bagai hal. Pada suatu malam dia bercerita tentang satu objek dalam lukisan yang tidak ada hujung, iaitu garis atau baris. Dia menerangkan tentang keajaiban falsafah yang dipancarkan oleh garis ini yang pernah saya dengar daripada Ahmad Hussein salah seorang staf pengarang Qalam Press di Singapura beberapa tahun yang lalu. Tetapi daripada adik saya penjelasan tentang falsafah itu agak lebih rinci kerana dia pelukis yang banyak bermain dengan garis. Garis atau baris itu satu analogi tentang kewujudan Allah s.w.t. yang tidak ada awal dan tidak ada akhir. Cuba kita cari di mana letaknya awal sesuatu garis atau baris itu? Ia bukan pada permulaan kita menggaris atau membaris, ia sudah ada sebelum kita meletakkan mata pena di atas kertas lagi. Dan di mana pula hujungnya? Ia bukan pada tem-

pat kita berhenti menggaris. Ia tidak berhujung kerana daripada tempat kita berhenti menggaris itu kita boleh terus menggaris, menggaris, menggaris selagi ada kudrat pada diri kita, tanpa ada akhirnya. Tetapi tidak demikian dengan titik atau noktah. Titik bermula di situ dan berakhir di situ juga. Titik ialah penutup cerita, sesudah titik tidak ada cerita lagi. Titik itulah yang menjadi tema cerpen saya yang kedua yang saya tulis selama tiga hari walaupun mencari bahannya agak lama juga. Beberapa hari sesudah selesai cerpen tersebut saya kebetulan pergi ke Lapangan Terbang Berakas untuk menghantar seorang kawan pulang ke Kuala Lumpur. Bagi sebahagian orang Malaysia yang ada di Brunei, pergi ke lapangan terbang itu telah menjadi semacam satu kesenangan batin. Berada bersama-sama orang yang akan berangkat pulang terasa seperti kita pun ikut pulang bersama-sama mereka. Di sana saya bertemu Pehin Siraja Khatib Dato' Paduka Seri Setia Yahya Ibrahim atau Yahya M.S. Biasanya apabila berjumpa secara tidak rasmi seperti itu, dia terus merangkul tangan saya lalu kami berjalan bersama-sama sambil bercerita. Ceritanya kali ini tentang sajak yang ditulisnya.

"Saya sudah siap satu kumpulan sajak yang berunsur ke-Bruneian," katanya dengan gembira. "Judulnya agak panjang, *Perjalanan Malam Kalimantan Menuju Siang*."

"Wah, bagus sekali judulnya! Mesti sajak-sajaknya itu hebat. Ada imbas-imbas sajak perjuangan. Sudah ada orang yang mahu menerbitnya?" tanya saya dengan cepat. "Kalau belum biar DBP saja terbitkan."

"Belum ada," jawabnya. "Cik Lah (dia selalu membahasakan saya serupa itu) boleh tengok dulu."

Keesokan paginya, awal-awal lagi saya suruh Shawal Rajab pergi ke pejabatnya di bangunan Kementerian Hal Ehwal Agama yang terletak hanya beberapa puluh

meter di seberang Jalan Stoney di sebelah kanan bangunan DBP.

Memang satu kumpulan sajak pilihan daripada sekian banyak sajak yang telah dihasilkan olehnya sejak menuntut di Kolej Islam, Kelang dahulu. DBP bersetuju untuk menerbitkannya.

Saya merasa sangat gembira atas kesediaan DBP mahu menerbitkan kumpulan sajak Pehin Yahya itu kerana saya percaya dalam kumpulan tersebut terkumpul semua sajaknya yang baik dan penting sepanjang penglibatannya dalam penulisan sajak. Pehin Yahya salah seorang penyair Brunei yang terkenal. Sumbangannya dalam perkembangan sastera Melayu moden juga amat besar, meliputi Brunei dan Tanah Melayu. Dia bangkit sebagai penyair yang penting ketika belajar di Singapura seangkatan dengan Masuri S.N., Usman Awang, Asraf, Keris Mas, Muhammad Arif yang menjadi tonggak ASAS '50 bermula dari Singapura dan kemudian di Kelang. Dia bersama-sama Adi Rumi, Shukri Zain telah menempah nama sebagai penyair besar yang membawa aliran baru dalam sastera moden Brunei.

Walaupun saya sudah menunaikan Rukun Islam kelima, tetapi pada tahun 1986, saya bercadang mahu menunaikan fardu haji sekali lagi. Kali ini bersama-sama isteri saya. Sebaik sahaja pendaftaran dibuka oleh Tabung Haji, saya segera membuat pendaftaran dari Brunei. Walaupun hanya dengan melalui surat tetapi segala sesuatu nampaknya telah berjalan dengan baik. Kami akan pergi melalui pakej Aziz Khogger. Oleh sebab itu waktu balik bercuti Hari Raya Puasa terasa macam ada satu gerakan halus yang menyuruh kami pergi ke pejabat Tabung Haji. Di sana kami telah berjumpa pegawai yang selalu berkorespondensi dengan saya di Brunei. Agak terperanjat juga apabila mendapati nama kami tidak

ada dalam daftar, dengan pakej Aziz Khogger juga tiada dalam senarai penerbangan yang sudah pun diberikan tarikh dan nombornya. Saya dan isteri agak panik kerana cuti saya selama 45 hari termasuk 20 hari tanpa gaji sudah pun mendapat kelulusan. Akhir sekali entah sebagai satu jalan keluar agaknya, pegawai yang mengurus itu memberitahu bahawa nama kami tidak tercatat kerana terlambat membayar wang yang mereka minta. Saya pun menunjukkan resitnya dan surat-surat yang kebetulan saya bawa bersama-sama. Sekarang giliran pegawai itu pula menjadi panik. Dia tidak tahu bagaimana mahu menyelesaikan masalah itu lalu membawa kami berjumpa ketuanya. Ketuanya, Che Daud Che Ya, entah kerana saya orang Kedah dan kawan Yusof Manaf (*Berita Harian*) orang kampungnya, dengan penuh kebijaksanaan telah menyelesaikan masalah itu dengan baik dan kami pun dapat bertolak pada tarikh dan penerbangan yang telah ditetapkan. Saya tidak dapat membuat pemeriksaan doktor di Rumah Sakit Besar Kuala Lumpur seperti yang diarahkan kerana bermastautin di Brunei, maka pemeriksaan kesihatan itu akan dibuat dari sana sahaja melalui Jabatan Hal Ehwal Agama.

Usik-usik Sasterawan Negara

Dr. Muhammad Haji Salleh seperti juga Prof. Hashim Awang, Prof. Mohd. Taib Osman, Dr. Nik Safiah Abd. Karim dan ahli akademik yang lain dari Malaysia selalu diundang oleh Universiti Brunei Darussalam untuk menyampaikan kuliah ataupun menjadi pemeriksa luar. Pada awal minggu bulan Mac, Dr. Muhammad Haji Salleh datang lagi ke Bandar Seri Begawan dan setiap kali datang dia tidak lupa menghubungi saya. Sekali

ini, dari Brunei dia akan terus ke Indonesia melalui Singapura. Pada tengah hari itu sesudah menghantarnya ke Lapangan Terbang Berakas saya singgah di kedai buku di lapangan terbang itu membeli surat khabar *The New Straits Times* yang lebih awal dijual daripada di tempat lain. Akhbar ini dan akhbar-akhbar dari Kuala Lumpur dan Singapura ada dilanggani oleh pejabat untuk kegunaan bahagian saya, tetapi tibanya agak lambat. Sambil berjalan menuju ke tempat letak kereta, saya membuka akhbar itu dari satu muka ke satu muka dan pada halaman *Lifestyle* saya terhenti apabila melihat gambar saya dan gambar Dr. Muhammad Haji Salleh dalam sebuah rencana bertajuk kecil *Anugerah Sastera Negara* dengan subtajuk yang besar menggunakan huruf tebal "*Whose Turn is to win next?*" Rencana itu ditulis oleh Tan Gim Ean. Gambar saya yang terletak di bawah gambar Muhammad Haji Salleh itu agak lucu kerana saya hanya memakai baju dalam berleher bulat. Itu gambar yang diambil oleh Mohamad Ali Zakaria jurugambar DBP sewaktu dia dan Ma'arof Saad datang ke rumah membuat temu ramah untuk buku dalam siri *Jambak*. Permulaan rencana itu berbunyi:

> "*Who will win the Anugerah Sastera Negara for 1990? All bets are that poet-scholar Muhammad Haji Salleh seems the likely man of letters to be accorded the nation's highest literary honour. Indeed, the numbers of contenders this time is decidedly small. Word has it that the contest has dwindled to a two-horse race. The other candidated is likely to be either playwright Noordin Hassan or fiction writer Abdullah Hussain. Both of them, together with Muhammad, were the only nominees for 1989 but it was decided by the selection panel that no award would be given that year.*"

Dalam rencana yang hampir setengah halaman itu

diungkapkan juga tentang cara-cara pemilihan calon dilakukan, tentang sejarah anugerah itu, nama lima orang penerima yang telah menerimanya sejak anugerah itu diadakan 10 tahun yang lalu, nama-nama ahli panel yang diketuai oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam diam-diam sambil memandu motokar kembali ke pejabat, saya tersenyum sendirian memikirkan betapa kekuasaan Allah s.w.t. yang mengatur jaringan hidup kita sedemikian rupa. Jikalau Tan Gim Ean penulis rencana itu tahu bahawa beberapa minit yang lalu Muhammad Haji Salleh ada bersama-sama saya di sebuah tempat lain jauh dari Kuala Lumpur tentu akan menjadi sebuah rencana yang ada *human interest*. Sementara kami berdua, beberapa jam yang lalu bergurau dan bercerita tentang berbagai-bagai hal tanpa menyedari bahawa kami berdua dengan Noordin Hassan telah menjadi "musuh" dalam satu saingan untuk merebut Anugerah Sastera Negara yang keenam. Saya tersenyum mengingatkan keanehan hidup dan dalam diam-diam mendoakan agar Muhammad Haji Salleh sahaja yang dipilih kerana dia lebih layak daripada saya yang hanya seorang tukang cerita.

Waktu sampai di pejabat, saya segera menulis surat kepada Muhammad Haji Salleh. Dalam surat itu sesudah menceritakan tentang rencana yang saya baca dalam akhbar *The New Straits Times* tersebut, saya mendoakan agar dia yang dipilih untuk menjadi Sasterawan Negara yang keenam.

Pada petang itu sebelum meninggalkan pejabat saya terima panggilan telefon daripada Pehin Yahya. Seperti biasa dengan sifatnya yang ramah dia bertanya apakah saya sudah membaca akhbar *The New Straits Times* hari itu.

"Tahniah," katanya. "Mudah-mudahan Cik Lah yang dipilih."

"Pehin," kata saya, "kalau boleh biarlah Dr. Muhammad saja yang dipilih."

"Kenapa?" Bunyi suaranya mengandungi nada kehairanan. Mungkin dia hairan kenapa pula saya seperti tidak berminat.

"Saya rasa anugerah ini jika saya dapat sekarang akan menjadi semacam fitnah pula."

"Fitnah bagaimana?" Dia menjadi bertambah hairan.

"Fitnahnya begini. Saya sebenarnya tidak layak. Jika saya dapat, banyaklah orang yang akan mempertikaikannya. Saya ambil contoh kawan-kawan yang sudah menerima anugerah tersebut. Mereka itu orang-orang berkaliber belaka. Keris Mas siapa yang tidak kenal, Usman Awang, Shahnon Ahmad, A. Samad Said. Mereka ialah jaguh-jaguh sastera, pernah menerima hadiah pejuang sastera, namun begitu masih ada orang yang mempersoalkan kredibiliti mereka. Jika saya tentu lebih hebat lagi. Bukankah itu satu fitnah?"

Dia diam sejurus lamanya, sehingga saya terpaksa memanggil bertanyakan apakah dia masih ada di talian telefon itu. "Jika Pehin bagaimana? Apa langkah yang akan Pehin ambil?"

"Entahlah. Saya pun tidak tahu," jawabnya setelah diam sejurus. "Kalau dipilih juga bagaimana?"

"Saya fikir mahu buat macam A. Samad Said saja pada pemilihan yang pertama dulu. Tolak. Tapi itu pun jadi fitnah juga. Orang akan menuduh tidak bersyukur, sombong dan sebagainya. Memang sukar, Pehin. Jadi, yang boleh saya buat sekarang, berdoa memohon kepada Allah supaya Dr. Muhammad saja yang dipilih."

Tidak lama sesudah pengumuman, Dr. Muhammad kebetulan datang lagi ke Brunei. Sebaik sahaja turun dari kapal terbang dan berjumpa saya dan beberapa orang kawan lain yang datang menunggunya, dia terus

berkata apabila kami mengucapkan tahniah. "Ini semua kerana doa Abang Lah. Dia pandai beri beban ini kepada saya."

Tanah Suci Sekali Lagi

Pada 3 Ogos saya kembali ke Kuala Lumpur setelah mendapat kebenaran cuti untuk mengerjakan haji. Seperti juga ketika saya mengerjakan haji yang pertama dahulu, kami tidak membuat apa-apa kenduri yang biasa dilakukan oleh kebanyakan orang yang mahu ke Tanah Suci. Kami hanya membuat persiapan tentang pakaian yang perlu dibawa dan atas nasihat orang yang mengetahui, kami tidak membawa makanan. Bagaimanapun, sehari sebelum bertolak Fatimah, isteri Asraf telah memberikan rendang daging, yang membuat kami serba salah. Tetapi kemudian kerana memikirkan niatnya yang baik, isteri saya membuat keputusan berserah kepada Allah sahaja, jika memang rezeki kita, tidak ada siapa yang dapat menghalangnya.

Sesudah solat sunat dua rakaat, kami pun bertolak ke Kompleks Tabung Haji di Kelana Jaya yang jaraknya hanya beberapa minit sahaja dari rumah. Kami tiba tepat seperti arahan yang diberikan. Kami diminta datang pada pagi itu dan tidak perlu menginap di situ seperti jemaah lain yang datang dari luar. Namun, apabila kami tiba bakal-bakal haji yang menginap di situ sudah hampir selesai diberi taklimat.

Kami terus menggabungkan diri dalam kumpulan yang sedang mendengar taklimat daripada pengarah Tabung Haji sebelum menaiki bas ke Lapangan Terbang Subang. Di Terminal Satu kami diberitahu bahawa penerbangan telah tertangguh untuk beberapa waktu yang tidak dapat dipastikan kerana terdapat sedikit masalah

teknikal. Setelah menunggu beberapa jam lamanya barulah kami dapat berlepas ke Tanah Suci. Saya yang penuh dengan perasaan keujaan dalam perjalanan menunaikan haji seperti lima tahun yang lalu, mulai terasa akan cubaan yang selalu disebut-sebut itu.

Penerbangan berjalan dengan baik. Menjelang maghrib kami melewati angkasa Colombo. Waktu tiba di Lapangan Terbang Jeddah malam masih lagi muda.

Pemergian saya kali ini menggunakan khidmat pakej Aziz Khogger, jadi bolehlah saya membuat perbandingan dengan pemergian yang pertama. Kali ini semua urusan berjalan dengan teratur sejak menjejakkan kaki di bumi Jeddah sehingga ke pintu hotel Aziz Khogger yang terletak hanya beberapa puluh meter sahaja dari pintu Masjidilharam. Pemeriksaan oleh kastam Arab Saudi di lapangan terbang juga menimbulkan sedikit ketegangan apabila mereka tanpa belas kasihan menyelongkar beg para jemaah di hadapan saya dan mencampak barang-barang makanan yang dijumpainya ke dalam tong sampah. Mujurlah, apabila sampai giliran saya bungkusan yang sudah ditarik keluar dari beg itu telah dimasukkan kembali.

Saya mendapat sebuah kamar bersama-sama enam orang jemaah yang lain. Salah seorang jemaah yang kebetulan mendapat tempat tidur di sebelah saya ialah Haji Aris Othman mantan Pegawai Penyelidik Dewan Bahasa dan Pustaka. Dia sudah lama bersara dan datang menunaikan fardu haji bersama-sama isterinya. Walaupun semasa di Dewan dahulu saya tidak begitu rapat dengannya kerana dia termasuk pegawai yang lebih awal berkhidmat dan bersara tidak lama sesudah saya masuk bertugas, tetapi saya kenal dengan Jamaliah anaknya yang kami biasa panggil "Jay" sahaja. Jamaliah sangat aktif dengan kegiatan sosial. Dia dan Fadzil Agussalim

selalu mengatur lawatan ke tempat-tempat di luar Kuala Lumpur pada hari cuti am. Kali terakhir, sebelum dia berhenti, kami ke Pulau Pangkor. Dia memang berminat dalam bidang pelancongan lalu berkhidmat dalam Lembaga Promosi Pelancongan. Setelah berumah tangga dia mempunyai sebuah syarikat pelancongannya sendiri.

Jemaah lain yang bersama-sama kami di dalam bilik itu ialah Mohd. Salleh Yeop Abdul Rahman, seorang pengurus Bank Bumiputra, Atan Abu Bakar dari RISDA, Mohd. Jefri Komzari seorang pemuda Singapura yang sudah bermastautin di Johor Bahru, Mohd. Johari Abdul Aziz dari Lembaga Letrik Negara, Ahmad Khanafiah Hamidon seorang arkitek muda dari Kelana Jaya dan Abdul Rahman Asit seorang pegawai di Jabatan Pendidikan Selangor. Mereka datang bersama-sama isteri. Isteri kami tinggal berasingan di dalam dua buah bilik lain di bahagian sebelah dalam sedikit daripada bilik kami. Hotel itu begitu dekat dengan Masjidilharam sehingga kami dapat mendengar dengan jelas suara imam setiap kali waktu solat. Pada hari Jumaat orang yang tidak dapat masuk ke dalam masjid akan bersolat di atas jalan di sekeliling masjid, dan ada juga yang bersolat di kaki lima hotel.

Saya dan isteri selalu pergi bersolat bersama-sama Mohd. Salleh dan isterinya. Aris Othman selalu pergi lebih awal, kadang-kadang sesudah solat asar dia terus tidak balik sehingga selesai solat isyak. Tempat yang menjadi kegemaran Aris Othman ialah di ruangan bawah tanah masjid yang tidak banyak diketahui orang ataupun tidak digemari kerana udaranya agak berkuap, terasa lebih panas walaupun ada beberapa kipas. Saya juga kadang-kadang masuk ke ruangan tersebut yang biasanya dijadikan tempat berbaring oleh jemaah dari India dan Pakistan sebelum tiba waktu solat. Aris

Othman menurut isterinya sedang menghidap sakit jantung tetapi belum begitu serius, sebab itu dia merasa senang dapat tidur sebilik dengan saya, orang yang dikenalinya.

Pada suatu malam ketika saya sedang nyenyak tidur, Aris menarik kaki saya dan dalam keadaan separuh sedar saya melihat dia seperti sedang menahan sakit. Tanpa berfikir panjang saya lalu berlari turun ke bawah dari tingkat 10 itu tanpa menunggu lif lagi. Saya pergi ke kaunter dan meminta orang yang sedang bertugas di situ menelefon ambulans. Orang itu tanpa berlengah lagi terus menelefon ke hospital tetapi ambulans tidak ada. Pihak hospital meminta kami membawanya dengan teksi sahaja. Pada masa itu saya mulai sedar bahawa saya telah melakukan satu perbuatan yang cukup tidak bertanggungjawab. Kenapa saya meninggalkan dia begitu sahaja? Kenapa saya tidak bangunkan kawan-kawan yang lain di dalam bilik itu? Kenapa saya tidak beritahu kepada isterinya di bilik sebelah? Jikalau terjadi sesuatu perkara yang tidak diingini maka saya tentu akan menyesal seumur hidup. Pada masa itu pula saya baru teringat di tingkat tiga hotel itu ada doktor dan klinik. Saya terus berlari naik tanpa menunggu lif lagi, membangunkan doktor itu dan membawanya ke bilik kami. Waktu itulah kawan-kawan yang lain bangun dan mereka memarahi saya. Isteri Haji Aris juga sudah dibangunkan dan datang ke bilik itu bersama-sama isteri saya. Malam itu juga dia dibawa ke hospital. Lama kemudian baru saya sedar bahawa apa yang saya lakukan pada malam itu adalah dalam keadaan seperti orang mamai, semuanya berlangsung secara spontan sehingga saya boleh menuruni puluhan anak tangga tanpa merasa penat dan kemudian berlari naik ke tingkat tiga pula. Haji Aris telah dirawat di hospital itu beberapa hari lamanya dan

setiap hari isteri saya menemani isterinya mengunjunginya di hospital tersebut.

Waktu sampai di Madinah, telah terjadi sedikit kekecohan tentang tempat penginapan – kekecohan yang mendatangkan nikmat. Rombongan pakej Aziz Khogger yang akan menginap di hotelnya yang terletak tidak jauh dari Masjid Nabawi, tidak dibenarkan masuk. Pintu hotel itu telah disegel oleh pihak berkuasa. Menurut berita yang kami dengar, hotel itu tidak mempunyai alat keselamatan yang cukup. Aziz Khogger warganegara Arab Saudi yang berketurunan Pakistan ialah seorang hartawan yang memiliki hotel di Makkah dan Madinah di samping sebuah syarikat pengangkutan yang besar. Tahun itu lebih 100 000 jemaah haji yang diurus oleh syarikatnya. Ini membuat syarikat-syarikat yang lain iri hati. Atas kejadian yang tidak diduga itu, dia lalu menyewa Hotel al-Dhakkan sebuah hotel lima bintang yang baru sahaja siap dibina untuk tempat tinggal kami. Hotel itu letaknya tidak jauh dari kawasan perkuburan al-Baqiq dan berhampiran sebuah hospital materniti. Di hotel itu ada jemaah yang dapat tinggal bersama-sama isterinya di dalam sebuah bilik seperti sedang berbulan madu. Haji Salleh dan saya berkongsi bilik dengan Haji Aris kerana dia tidak betah tinggal dengan orang yang tidak dikenali dalam keadaan kesihatannya yang tidak begitu baik. Sementara isteri-isteri kami pula berkongsi dengan isteri Haji Aris. Walaupun tiga orang di dalam sebuah bilik di tingkat 10, tetapi di hotel lima bintang seperti itu kami merasa cukup selesa seperti orang lain juga. Waktu makan, kami yang sama-sama satu bilik di Makkah dahulu sering kali duduk pada satu meja secara bergilir-gilir kerana setiap meja hanya untuk lima orang sahaja.

Waktu di Brunei saya sudah membuat latihan seba-

gai persediaan menggunakan tangga naik ke pejabat yang terletak di tingkat 3. Walaupun tidak tinggi tetapi dapat menolong semasa di Madinah ini apabila beberapa buah lif di hotel itu sering kali penuh dengan penumpang. Ada kalanya kerana terlalu sarat lif tersebut berhenti di tengah jalan. Walaupun saya terpaksa berhenti beberapa kali sebelum sampai di tingkat 10, tetapi kadang-kadang sampai lebih dulu. Meskipun penat, tetapi bebas daripada perasaan cemas dan lemas kerana bersesak-sesak dengan berbagai-bagai kerenah manusia. Lama-kelamaan sudah banyak pula orang yang tinggal di tingkat atas ikut menggunakan tangga.

Pengalaman di hotel yang bertaraf antarabangsa di Madinah ini pun ada yang menarik. Selain lif yang kadang-kadang kandas di tengah jalan, pada setiap waktu makan ada sahaja yang menjadi punca kekecohan. Ada orang yang tidak kecukupan lauk kerana bahagiannya telah diambil oleh orang yang lebih awal duduk di meja itu. Sebuah meja dikhaskan kepada lima orang, pada pusingan pertama setiap jenis lauk cukup-cukup untuk lima orang sahaja. Tetapi ada orang yang mengambil lebih daripada haknya maka orang yang kemudian tidak dapat. Pada waktu itu terdengarlah suara riuh-rendah memanggil pelayan di samping bunyi ketukan sudu dan garpu di meja. Ketika dalam perjalanan pulang ke Jeddah setelah 10 hari di Madinah, drebar bas yang kami tumpangi hampir sahaja tidak dapat mencari jalan masuk ke lapangan terbang kerana terlalu ramai yang menjadi pemandu jalan. Walaupun atap lapangan terbang yang seperti khemah itu sudah kelihatan amat dekat di sebelah kiri tetapi kami tidak dapat menghampirinya, tidak bertemu jalan masuk. Pada waktu itu barulah para pemandu sukarela itu mulai mendiamkan diri dalam seribu bahasa. Nasib baik pemandu

tersebut seorang yang berani, apabila dirasanya bebas daripada pengawasan patroli jalan raya dia cepat-cepat melanggar pembahagi jalan lalu berpatah balik.

Kami sampai tepat seperti yang dijadualkan 12 jam lebih awal daripada masa bertolak. Kami mengambil tempat di atas lantai simen dengan membentangkan tikar getah dan menjadikan beg sebagai bantal lalu berbaring menunggu kaunter MAS dibuka. Saya dan isteri berkongsi tempat dengan Haji Mohd. Salleh Yeop Abdul Rahman dan isteri.

Kira-kira jam 3.00 petang, kami lihat kawan-kawan mulai memindahkan barang-barangnya berhampiran salah sebuah pintu kaunter. Waktu ditanya mereka memberitahu itulah pintu yang akan kami lalui nanti. Mereka berpindah tempat supaya mendapat peluang masuk lebih dulu. Haji Mohd. Salleh bertanyakan pendapat saya.

"Biarlah mereka masuk dulu. Takkan kapal terbang itu mahu tinggalkan kita pula?" kata saya berseloroh. Maka kami pun terus duduk melepak di situ.

Pukul 6.00 pintu itu dibuka. Mereka yang berhampiran pintu tersebut terus menyerbu masuk sehingga penuh sesak di dalam ruangan yang sempit itu. Mereka yang masuk ke dalam ruangan itu tidak dibenarkan keluar lagi. Sehingga jam 7.00 pegawai MAS tidak juga muncul, sudah ada yang naik darah. Salah seorang daripadanya memanggil Haji Mohd. Salleh.

"Ni, *you* kena beritahu Tan Sri Aziz. Tengok apa yang pegawainya buat? Mereka biarkan kita jadi sardin di dalam bilik ini, sedangkan mereka senang-senang di dalam bilik hotel di Jeddah."

Haji Mohd. Salleh kenal baik dengan Tan Sri Aziz, Pengerusi MAS tetapi katanya kepada saya, itu bukan urusannya dan saya bersetuju dengan pendiriannya itu. Agak kasihan juga kami melihat mereka yang terpe-

rangkap di dalam ruangan itu bersesak-sesak dengan barang-barang. Kami yang masih di luar bebas berjalan kian ke mari, tidak ada siapa yang menghalang, dapat mengerjakan solat asar, maghrib dan isyak sekali gus. Dapat makan dan minum. Mereka yang kenal lalu meminta tolong belikan minuman. Hampir jam 9.00 baru pegawai-pegawai MAS itu datang, terperanjat melihat orang sudah penuh sesak di dalam ruangan itu sehingga sukar bagi mereka untuk memulai tugasnya.

"Pukul berapa *you* orang masuk kerja?" Seseorang yang tidak tahan sabar telah melepaskan geramnya.

"Pukul sembilan," jawab pegawai itu.

"Kami menunggu dari jam enam tadi."

"Siapa suruh tunggu?"

Agak aneh pula, pegawai-pegawai MAS itu menyuruh kami yang di luar itu masuk dan diurus lebih dulu. Tadi, Haji Mohd. Salleh telah berunding dengan saya untuk berkongsi timbang barang. Dia banyak membeli hadiah dan melebihi daripada jumlah berat yang diperuntukkan. Tetapi ternyata lebihan itu walaupun agak banyak tidak dikira pun. Setelah kami yang di luar selesai masuk barulah orang-orang yang di dalam ruangan itu mendapat giliran.

Kami semua telah selamat sampai kembali ke tanah air pada 12 September dan dalam kiraan, cuti saya masih berbaki selama lima hari lagi. Jadi saya pun bercadang mahu menghabiskan sisa cuti itu dengan anak-anak di rumah di Petaling Jaya. Haji Aris telah menjemput kami yang sebilik dengannya untuk satu jamuan makan tengah hari di rumahnya di Datuk Keramat. Banyak yang tidak dapat datang kecuali Haji Mohd. Salleh Yeop Abdul Rahman dan isteri serta Haji Atan. Itulah pertemuan kami yang terakhir, kerana tidak lama sesudah itu dia berpulang ke rahmatullah.

Saya sama sekali tidak tahu bahawa Seri Begawan Sultan telah mangkat. Ketika berada di bilik menunggu di Lapangan Terbang Subang saya agak hairan melihat orang yang turun dari pesawat Royal Brunei yang baru mendarat itu semuanya memakai tanda berkabung. Orang Melayu memakai songkok yang dililit dengan kain putih. Orang bukan Melayu memakai toha pada lengan bajunya. Kebetulan pula tiada seorang pun penumpang yang sama-sama menunggu itu yang saya kenal atau mengenali saya, untuk saya bertanya. Waktu sampai di Lapangan Terbang Berakas kira-kira jam 10.15 malam, para pegawai imigresen dan kastam pula berbalik hairan melihat saya tidak memakai songkok dengan tanda berkabung. Saya telah dijemput oleh Cikgu Raof dan isterinya. Pada waktu itulah baru saya mendengar berita tentang kemangkatan Seri Begawan Sultan itu. Cikgu Raof memberitahu semua lelaki Islam mesti memakai tanda berkabung pada songkoknya. Saya menjadi gelabah sedikit mendengar penerangannya itu kerana selama ini saya tidak pernah memakai tanda-tanda perkabungan serupa itu biar siapa sahaja yang meninggal, kerana saya anggap ia amat tidak Islam. Cikgu Raof singgah di rumahnya yang terletak tidak jauh dari rumah saya untuk mengambil perca kain putih. Di rumah saya, isterinya menolong menjahit kain putih itu di songkok.

"Semua orang kena pakai tanda ini," kata Cikgu Raof seperti dia tahu apa yang sedang saya fikirkan.

"Berapa lama agaknya?"

"Sampai habis berkabung. Empat puluh hari barangkali."

Dalam masa membuat urusan tentang gaji bulan Ogos dan September di pejabat pada keesokan harinya ternyata saya telah terlewat satu hari daripada tarikh

melapor diri. Sepatutnya pada tanggal 17 September saya mesti masuk bekerja. Kemudian yang agak memeranjatkan, saya tidak akan dibayar gaji untuk bulan September kerana kesemua cuti yang saya ambil untuk menunaikan haji dikira sebagai cuti tanpa gaji. Saya merasa amat kecewa mendengar keterangan itu kerana tidak diberitahu lebih awal supaya saya dapat membuat persediaan. Sedangkan cuti itu saya kira seperti cuti-cuti ihsan yang lain yang akan diganti pada hujung kontrak nanti. Cuti untuk menunaikan fardu haji tentu ada kelainannya daripada cuti-cuti biasa, bagi rakyat Brunei yang pergi menunaikan haji diberikan cuti tambahan kepada cutinya yang biasa selama beberapa hari sesudah pulang dari Tanah Suci. Saya tidak meminta hak itu kerana saya bukan rakyat Brunei tetapi tentang cuti tanpa gaji itu tentulah elok jika diberitahu lebih awal.

"Bapak ada duit?" Haji Muslim yang mengetahui hal itu bertanya kepada saya.

"Ada sedikit," kata saya kerana waktu sampai di pejabat pada pagi itu ada kiriman royalti sebanyak RM551.89 daripada Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. tetapi tentu tidak cukup.

Haji Muslim lalu meminjamkan kepada saya B$2000. "Saya tahu bapak tidak mahu terima, tetapi ambil ini ikhlas daripada saya."

Saya seorang yang rapuh dalam soal kebaikan begini, perasaan saya terus menjadi sebak. Di Brunei, Haji Muslim dan Cikgu Raof yang rapat dengan saya. Cikgu Raof guru kontrak dari Malaysia yang sudah lama bekerja di sini, dia mempunyai banyak pengalaman.

Apabila mengetahui akan masalah yang saya hadapi, maka dia menasihati supaya membuat pinjaman daripada bank untuk membayar balik wang Haji Muslim itu. Saya boleh pinjam sebanyak tiga bulan gaji. Memin-

jam daripada institusi kewangan serupa itu adalah lebih baik daripada meminjam daripada kawan. Kita tidak merasa terhutang budi yang boleh menggugat moral dan mengurangkan gengsi kita sebagai kawan. Untuk kali kedua, dalam hidup, saya pun meminjam wang daripada bank[2] yang sering saya berurusan dengannya dan membayar balik wang Haji Muslim.

Ada tiga orang pegawai baru yang akan masuk berkhidmat di bahagian saya. Dua daripadanya iaitu Pengiran Haji Aji dan Haji Muhammad Sukaimi, kedua-duanya guru. Pengiran Haji Aji sudah terkenal dalam bidang penulisan kreatif sebagai penulis sajak, cerpen dan drama. Beberapa kali beliau memenangi hadiah dalam bidang-bidang tersebut. Saya sangat gembira menerima kedatangannya kerana dia boleh banyak menolong dalam pengendalian majalah *Bahana*, sementara Haji Muhammad pula walaupun belum pernah memperlihatkan hasil dalam bidang kreatif tetapi dia seorang aktivis sastera dan banyak pengalaman sebagai guru yang boleh menolong menyelenggarakan majalah *Mekar* dan membuat kegiatan untuk kanak-kanak. Mereka dilantik sebagai pengarang. Seorang lagi ialah Shaharah, pegawai Dewan yang dinaikkan pangkat sebagai penolong pengarang. Mereka bertiga telah memperkuat barisan tenaga sidang pengarang Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera.

Komuniti orang Malaysia dan golongan akademik di Negara Brunei Darussalam sudah semakin banyak. Pada suatu malam akhir bulan September Lutfi Abas, Palaniappam dan saya telah pergi ke Lapangan Terbang Berakas untuk menunggu ketibaan Dr. Teuku Iskandar yang akan bertugas di Universiti Brunei Darussalam (UBD). Saya sudah lama kenal dengannya sejak di Kuala Lumpur. Pada awal tahun 1960-an beliau bertugas di

Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Ketua Bahagian Perkamusan dan menjadi penyusun *Kamus Dewan* yang pertama. Dr. Teuku Iskandar berasal dari Aceh tetapi telah lama bermukim di negeri Belanda, namun kami anggap dia pun macam orang Malaysia juga.

Tahlil untuk Almarhum Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin diadakan pada setiap malam di Istana Darul Iman. Pada setiap malam jumlah orang yang datang makin bertambah yang terdiri daripada rakyat jelata dan pegawai-pegawai kerajaan. Pejabat-pejabat menyediakan pengangkutan khas bagi mengangkut para pegawainya ke istana bergilir-gilir menurut kementerian. Saya ikut dalam rombongan Dewan Bahasa dan Pustaka di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sesudah bertahlil setiap peserta diberi wang B$10 seorang dan di pintu keluar pula ada orang yang menghulurkan kotak berisi makanan dan juadah. Daripada 10 000 orang yang hadir pada malam pertama tahlil itu diadakan, jumlahnya telah meningkat sampai 20 000 orang pada malam-malam yang terakhir. Jumlah hadirin dapat kita baca beritanya dalam akhbar *Pelita Brunei*. Jumlah itu bertambah kerana setiap orang akan membawa semua keluarga lelakinya ke majlis tahlil tersebut. Walaupun hanya orang lelaki sahaja yang dibenarkan hadir tetapi ada juga yang mencuba membawa anak perempuan dan memakaikan pakaian lelaki dan bersongkok. Hal ini diceritakan oleh seorang pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka yang menjadi pandu dan bertugas di pintu istana. Kisahnya terbongkar apabila dia cuba menyelamatkan seorang anak yang sudah terhimpit waktu orang keluar bersesak-sesak. Ketika mencempung anak tersebut songkoknya terjatuh dan rambutnya yang panjang pun terhurai. Memang kejadian yang serupa itu akan berlaku di mana-mana juga, bukan

sahaja di Brunei. Orang akan tergoda oleh wang yang akan diperoleh dengan mudah bukan kerana sesuatu amal yang baik. Dan dia akan berbuat apa sahaja untuk itu.

Bubu Menari

Akhir bulan Februari 1987 Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera telah mengadakan satu malam tradisi budaya. Haji Abdul Rahman Yusof telah diserahkan tugas bagi mengungkayahkan projek ini. Sesuai dengan namanya maka Balai Pameran DBP tempat yang biasa digunakan untuk berbagai-bagai kegiatan telah dibentangi tikar, semua penonton diharuskan duduk di atas lantai dalam bentuk satu bulatan menghadap satu ruangan terbuka tempat persembahan diadakan. Berbagai-bagai permainan rakyat Brunei yang berupa nyanyian dan tarian telah dipertontonkan kepada umum. Lazimnya hampir semua kegiatan kebudayaan yang diadakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka akan mendapat perhatian yang cukup baik daripada khalayak ramai kerana letak bangunannya yang strategik, di tengah-tengah bandar. Begitulah yang terjadi pada malam tradisi budaya itu, bukan sahaja orang Brunei tetapi juga orang asing ikut menyaksikannya. Kemuncak daripada semua persembahan itu ialah sebuah permainan asli orang Brunei yang diberi nama "tarian bubu". Seorang lelaki akan menari dengan sebuah bubu yang diiringi nyanyian. Pada permulaannya kita akan melihat lelaki itu yang menari membawa bubu itu, tetapi sedikit demi sedikit bubu yang sedang dipegangnya itu akan mengambil alih menguasai tarian tersebut. Sebagai bukti bahawa bubu itu benar-benar menari maka para penonton dibenarkan untuk memegangnya dan menahan bubu

tersebut daripada bergerak. Beberapa orang telah mencubanya tetapi ternyata tidak berdaya. Ada seorang Inggeris yang datang bersama-sama kekasihnya telah tampil ke gelanggang dan cuba memeluk bubu itu dengan sekuat tenaga tetapi tidak berhasil. Dia tidak berputus asa, dicubanya sekali lagi dan dengan penuh bersemangat serta keghairahan yang memuncak maka sebelah tangannya telah terpegang di bahagian atas bubu tersebut, bahagian yang menjadi pantangan. Bubu itu telah berhenti dengan tiba-tiba.

Saya pernah mendengar tentang tarian bubu itu waktu bertugas di Sabah sebagai permainan asli orang-orang di daerah Papar, Sipitang, Manumbok yang pada umumnya berketurunan Brunei tetapi tidak pernah dapat menyaksikannya kerana permainan itu sudah amat jarang diadakan kecuali ada sesuatu perayaan tradisional. Melihat tarian tersebut saya cuba mencari logiknya bahawa benda mati seperti bubu boleh menari sedemikian rupa. Tetapi perkara yang hampir sama pernah saya saksikan dalam satu pertunjukan permainan dabus pada Pekan Kebudayaan Aceh yang ke-2 di Banda Aceh dan di Seminar Kemasukan Islam ke Aceh di Peureulak beberapa tahun yang lalu. Permainan dabus ini khabarnya berasal dari Parsi tetapi telah diambil oleh orang Aceh sebagai permainan tradisinya dengan variasi khas Aceh. Dalam permainan itu senjata tajam seperti pedang, rencong, besi tajam dan rantai besi digunakan. Permainan ini dipimpin oleh seorang ketua yang dipanggil "syeikh". Dalam permainan di Pekan Kebudayaan itu para pemain menikam-nikam lengan dan paha dengan besi tajam dan rencong yang sedikit pun tidak memberi bekas, malahan mata rencong itu pula yang bengkok. Pada awal pertunjukan syeikh akan membawa semua senjata yang akan digunakan kepada hadirin untuk dilihat

dan dipilih. Senjata yang dipilih itulah yang akan mereka gunakan untuk menikam-nikam dirinya. Rantai besi digunakan untuk memukul lengan, paha, dada dan kepala. Pada kemuncak pertunjukan, syeikh itu akan memotong hujung lidah salah seorang pengikutnya yang berada dalam keadaan tidak sedarkan diri. Lidah yang dipotong itu akan dibawa kepada hadirin untuk disaksikan benar atau tidak, kemudian baru disambungkan semula di tempatnya yang asal. Orang yang punya lidah tidak sedar lidahnya dipotong. Pada pertunjukan yang paling istimewa, itu pun jika pihak yang berkuasa membenarkan, syeikh itu akan membedah kulit perutnya dan menarik keluar ususnya sambil memanggil doktor yang bertauliah untuk naik ke pentas bagi membuktikan benar atau tidak usus yang dikeluarkan itu tulen. Permainan serupa ini amat mengerikan dan ramai orang yang tidak sanggup melihatnya. Saya walaupun terasa ngeri cuba memaksakan diri untuk melihatnya. Inilah perkara-perkara yang ganjil dan tidak masuk akal yang terdapat dalam berbagai-bagai permainan rakyat. Permainan dabus terdapat juga di daerah Sabak Bernam, Selangor dan di Perak, yang menurut P. Ramlee, warisan peninggalan orang Aceh.

Limbang Menjadi Isu

Dua hari sesudah malam tradisi budaya itu, Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah datang ke Brunei sekali lagi dalam suatu lawatan rasmi. Pejabat Suruhanjaya Malaysia telah meminta Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia di Brunei mengatur satu pertemuan antara Perdana Menteri dengan masyarakat Malaysia di Brunei bertempat di Istana Edinburg di Jalan Berakas. Perdana Menteri dan rombongan-

nya menginap di situ. Saya diberi tugas oleh jawatan-kuasa untuk menyambut Perdana Menteri dari tempat tinggalnya dan mengiringinya ke dewan perjumpaan di sayap kanan istana tersebut. Perjumpaan itu telah berlangsung dengan meriah dan mesra sekali dengan ucapan alu-aluan dan pernyataan taat setia rakyat Malaysia daripada semua suku kaum yang bekerja di Brunei yang disampaikan oleh Haji Ismail Muhammad yang dipertua persatuan. Satu hal yang menarik pada peristiwa itu, secara kebetulan saya telah dapat berkenalan lebih dekat dengan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato' Seri Paduka Haji Awang Hussein bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Laila Diraja Dato' Seri Utama Awang Muhammad Yusof, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan yang menjadi menteri pengiring. Saya sebagai pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka yang berada di bawah kementeriannya telah berjalan seiring mengiringi Perdana Menteri ke dewan tempat majlis perhimpunan diadakan. Saya mendengar dia memberitahu Perdana Menteri. "Ini pegawai saya." Sejak itu di mana sahaja kami bertemu dia dengan ramah akan menegur saya dan bertanyakan khabar. Kadang-kadang dia bercerita tentang cucunya yang suka membaca majalah *Mekar*.

Pertemuan antara Dato' Seri Dr. Mahathir dengan masyarakat Malaysia di Brunei telah menimbulkan satu kesan yang cukup positif. Sikapnya yang cukup terbuka dengan senyumannya yang penuh bermakna telah menambat hati rakyat dengan sekali bersua muka sahaja. Satu hal yang mungkin sukar berlaku di negara sendiri. Di sini kita akan mengetahui nilai ketokohan pemimpin kita itu. Kita akan melihat keistimewaannya kerana ia lebih terserlah apabila dilihat dari jarak yang jauh seperti kita melihat keindahan gunung. Dato' Seri Dr. Mahathir pemimpin Asia abad ini telah mengisi keko-

songan yang ditinggalkan Soekarno yang dianggap sebagai jurucakap oleh pemimpin Asia pada satu masa dahulu kerana kelantangannya yang bermula dari Inggeris mahu dilinggis dan Amerika mahu diseterika. Dia telah menggemparkan masyarakat antarabangsa dengan mengheret keluar Indonesia daripada PBB kerana tidak bersetuju dengan badan dunia itu. Dato' Seri Dr. Mahathir juga tidak bersetuju dengan cara badan dunia itu berfungsi tetapi masih tetap mahu menyertainya kerana di situ berkumpulnya semua bangsa yang merdeka di dunia ini. Di situ masih ada platform untuk melahirkan pendapat. Di situ ada telinga yang mahu mendengar suaranya. Caranya itu ternyata lebih berkesan dan kesannya berpanjangan daripada cara Soekarno yang gemanya sahaja bersipongang bagi satu jarak masa yang singkat. Tetapi nisbah kepada negara Malaysia yang kecil dengan jumlah penduduk tidak sampai sepersepuluh dibandingkan dengan Indonesia maka kelantangan Dr. Mahathir menyuarakan kebenaran lebih mendapat perhatian. Dia bukan sahaja bersuara untuk manusia Malaysia semata-mata tetapi untuk manusia di semua negara membangun, yang mahu tidak mahu membuat kuasa-kuasa besar berpaling melihat ke arahnya. Itulah alasan saya bahawa pertemuan yang diadakan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir dengan rakyat Malaysia yang bermastautin di Brunei telah meninggalkan kesan yang cukup mendalam, yang akan diingat sepanjang hayat.

Sebuah majalah yang diterbitkan di Hong Kong telah membuat satu spekulasi yang mengejutkan ekoran lawatan ke Brunei itu. Perdana Menteri kononnya datang ke Brunei kerana mahu menjual balik Limbang kepada Sultan Brunei. Satu hisapan jempol yang tidak masuk akal. Limbang tetap sebagai wilayah Malaysia,

walaupun sampai saat ini masih ada orang Brunei yang menganggap Limbang itu masih menjadi jajahan takluk Brunei, tetapi yang nyata Limbang telah menjadi daerah Sarawak sejak zaman Raja Brooke walaupun cara Limbang dicaplok ada asas untuk dipertikaikan oleh orang Brunei. Cara itu memang cara kaum penjajah merampas tanah jajahan di mana-mana jua pun. Saya teringat sebuah anekdot daripada Jomo Kenyata, Presiden Kenya, "*When the white man comes they bring with them the Bible, they ask us to read with closed eyes. When we open our eyes they got our land and we have the Bible.*"

A. Samad Said

Pada suatu hari saya menerima berita daripada A. Samad Said bahawa dia bercadang akan datang ke Brunei. Saya menjadi gempar seketika kerana pada masa itu kerajaan Brunei telah mengenakan peraturan melarang orang yang berambut panjang masuk ke negaranya. Saya menjadi gempar kerana khuatirkan peraturan itu akan berlaku ke atas dirinya sebaik sahaja dia menjejakkan kakinya di bumi Brunei, rambutnya dan mungkin juga janggutnya akan dipotong. Peristiwa itu tentu akan menjadi berita besar dalam akhbar. A. Samad Said mempunyai banyak kawan rapat di negara ini yang mempunyai kedudukan penting dalam kerajaan. Sebagai contoh, penyair Yahya M.S. atau Pehin Siraja Khatib Ustaz Awang Haji Yahya yang menjadi Timbalan Menteri Agama, dan penyair Baharuddin H.O atau Pehin Udana Khatib Ustaz Baharuddin Haji Othman dan isterinya Datin Maimunah Haji Omar, orang Singapura yang juga seorang penyair. Tetapi peraturan tetap peraturan, orang lelaki yang berambut panjang tidak dibenarkan memasuki Brunei, tentu tidak enak jikalau mereka ter-

paksa ikut turun tangan. Saya membuat keputusan untuk berusaha sendiri kerana A. Samad Said berambut panjang tidak dapat disamakan dengan rambut panjang *hippie* atau para pelancong lelaki Barat yang banyak kita temui. Dia bukan pengikut mereka. Dia ada pendirian dan keyakinannya sendiri yang menjadi prinsip hidupnya. Tidak mudah bagi kita untuk keluar daripada kebiasaan orang ramai, mesti mempunyai pendirian yang kuat. Saya teringat bahawa Haji Ahmad Kadi, pengarah saya ada anak yang menjadi pegawai tinggi di pejabat imigresen. Saya lalu menyampaikan masalah itu kepadanya. Dia pun menghubungi anaknya. Syukur alhamdulillah mereka dapat memahami masalah itu dan berjanji akan mengirimkan seorang pegawai untuk menunggu ketibaan A. Samad Said pada tarikh yang ditetapkan. Barangkali sudah mahu menjadi cerita, pada tarikh tersebut saya pun pergi ke Tabing, pelabuhan kapal di Sungai Brunei dengan Haji Abdul Rahman Yusof, kerana A. Samad Said akan datang dengan menaiki feri dari Labuan. Saya sudah khuatir apabila feri dari Labuan itu sudah merapati dermaga sedangkan pegawai dari pejabat imigresen masih belum muncul lagi. Saya dan Haji Abdul Rahman Yusof lalu masuk berjumpa ketua pegawai imigresen di pelabuhan itu dan memberitahu tentang ketibaan A. Samad Said dan juga tentang pegawai imigresen dari ibu pejabat. Walaupun pada mulanya dia agak ragu-ragu, tetapi demi melihat A. Samad Said mungkin keraguannya sudah hilang. Dia tanpa banyak soal telah menaruh cap pada pasport A. Samad Said. Saya dan Haji Abdul Rahman dengan tidak berlengah-lengah lagi terus membawanya keluar dan masuk ke dalam kereta dan terus berlalu dari situ khuatirkan pegawai imigresen itu bertukar fikiran. A. Samad Said menginap di rumah saya dan tinggal beberapa hari

di Bandar Seri Begawan untuk bertemu kawan kenalan lama. Hari keempat dia di Brunei saya membawanya ke rumah A.S. Isma atau Pengiran Sabtu Pengiran Haji Mohd. Salleh, adik ipar Atondra di Berakas. Saya membawa A. Samad Said hingga ke dekat kem tentera sebelum berpatah balik. Entah bagaimana sudah terlajak beberapa puluh meter ke hadapan, ketika mahu berpusing balik sebuah kereta *sport* dari arah Bandar Seri Begawan yang datang dengan laju, yang tidak dapat melihat kereta saya kerana jalan yang melandai, telah merempuh dari sebelah kiri. Nasib baik saya sempat mengelak sedikit, maka bahagian depan kiri kereta sahaja yang dilanggarnya dan bahagian itu telah remuk. Allah tolong menyelamatkan kami, jika saya tidak mengelak tidak tahu apa yang bakal terjadi. Kereta yang melanggar kereta saya itu terlajak beberapa puluh meter dan berhenti betul di hadapan rumah Pengiran Sabtu. Gema bunyi pelanggaran itu menyebabkan Pengiran Sabtu dan isterinya Maimun keluar melihat. Drebar kereta yang satu lagi itu seorang pegawai tentera, dengan bercekak pinggang mulai memarahi saya dengan bahasa Inggeris Tarzan. A. Samad Said mungkin kerana terkejut diam tidak berkata. Apabila saya memberitahunya bahawa saya orang Malaysia dan bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka, kemarahannya tiba-tiba menurun. Dia dengan baik mulai berunding untuk menyelesaikan masalah keretanya dan kereta saya yang rosak. Saya menerima kesalahan atas kejadian itu dan bersedia membayar ongkos membaiki keretanya yang telah ditaksir oleh pemilik bengkel di sebelah rumah Pengiran Sabtu. Setelah mencapai persetujuan kami pun singgah di rumah Pengiran Sabtu, selesai makan tengah hari Pengiran Sabtu menghantar kami balik ke rumah dan kereta saya masuk bengkel. Anehnya pada keesokan hari pemilik

bengkel itu menelefon memberitahu bahawa tuan punya kereta yang melanggar saya itu memintanya menggantikan semua cat keretanya yang berwarna merah itu dengan cat baru berwarna putih.

"Tidak!" jawab saya dengan tegas. "Saya hanya bayar yang rosak saja seperti yang sudah dijanjikan. Jikalau dia mahu menggantikan catnya dialah yang kena bayar. Saya akan buat *report* ke balai polis."

Akhirnya kisah mahu menggantikan cat itu pun tidak timbul lagi. Saya bayar apa yang sudah dijanjikan sahaja.

Dua orang pegawai dari bahagian saya telah diterima masuk ke Universiti Sains Malaysia mengikuti kursus seni penulisan kreatif yang diselenggarakan dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Mereka ialah Rusli Haji Ampal dan Hajah Simpul Matyassin, kedua-duanya penolong pengarang. Ada banyak pegawai yang meminta mahu mengikuti kursus tersebut kerana bagi mereka peluang ini akan membawa dua keuntungan. Selain boleh menimba ilmu dalam bidang yang khusus, bagi yang berjimat cermat sudah pasti akan dapat membawa balik wang yang agak lumayan jumlahnya sesudah tamat kursus setahun itu. Bagi mereka yang mengikuti kursus itu, kerajaan Brunei akan memberi elaun yang cukup. Elaun belanja hidup dan sewa rumah, elaun membeli buku, elaun dobi dan elaun pengangkutan sementara gaji mereka tidak terusik. Peluang ini hanya terbuka kepada pegawai-pegawai dari Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera sahaja. Oleh itu saya terpaksa menyusun satu jadual supaya pembahagiannya merata. Sesudah Rosli dan Hajah Simpul menyusul pula Salleh Dollah, tetapi dia hampir sahaja terlepas peluang kerana pihak pentadbiran terlupa mahu mengirimkan borang permohonannya se-

hingga tarikhnya ditutup. Saya lalu menulis surat kepada Encik Aziz Deraman, pegawai tinggi di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan meminta jasa baiknya supaya masalah Salleh dapat dipertimbangkan. Dengan pertolongannya, Salleh telah dapat mengikuti kursus tersebut walaupun sudah beberapa minggu terlewat. Salleh sewaktu pulang ke Brunei sesudah tamat kursus, tidak sahaja membawa balik sijil seni penulisan kreatif dan baki wang elaun, tetapi juga seorang gadis Malaysia yang sama-sama mengikuti kursus sebagai teman hidup.

Seminar Bahasa

Pada masa ini saya sedang mengusahakan supaya novel kecil *Tunangan Pemimpin Bangsa* yang ditulis oleh Mohd. Salleh Masri yang telah dicetak di Kuala Pilah dan diterbitkan oleh Sentosa Store dapat diterbitkan semula sebagai satu dokumen sejarah kesusasteraan moden Brunei. Novel itu telah diharamkan di Brunei oleh kerajaan Inggeris kerana dianggap mengandungi unsur-unsur subversif. Novel ini ditulis oleh Mohd. Salleh Masri ketika dia ditahan selama 100 hari oleh *British Military Administration* (BMA) kerana dituduh menjadi tali barut Jepun. Mohd. Salleh Masri (Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato' Mohd. Salleh) seperti kebanyakan pemimpin Brunei yang lain pada masa itu ialah guru Melayu lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjong Malim. Dia bergiat cergas dalam Barisan Pemuda (BARIP) sebuah persatuan pemuda. Saya sudah beberapa kali membaca novel tersebut yang sebenarnya hanya sepanjang cerpen saya "Sebuah Masjid Di Sebuah Kota Pelabuhan". Novel itu ditulis dalam bentuk satira. Saya cadangkan supaya novel itu diterbitkan dengan kata pengantar daripada salah seorang ahli akademik. Tetapi

setelah beberapa bulan berlalu, akhirnya pengarah memanggil saya mem-beritahu permohonan itu ditolak atas dasar mahu men-jaga hubungan baik antara Brunei dengan kerajaan Ing-geris yang sekarang sudah berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah. Agak kecewa juga saya mendengarnya tetapi apa boleh buat, keputusan dari atas tetap kepu-tusan!

Kekecewaan saya itu tidak lama kerana ada berita yang menggembirakan dari Kuala Lumpur. Novel yang ditulis oleh anak saya Ahmad Patria yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka akan dilancarkan pada masa perasmian Minggu Sastera Remaja yang pertama kali diungkayahkan. Ahmad Patria yang ketika lahirnya menggunakan nama Patria sahaja, ilham daripada sebuah drama Indonesia yang saya dan ibunya tonton di Balai Budaya telah memilih nama Ahmad sebagai nama pena yang digabungkan dengan namanya yang asal, menjadi Ahmad Patria. Dia kemudian sangat serasi dengan nama tersebut lalu pergi mendaftarkannya dengan pesuruhjaya sumpah. Selain berita itu, Universiti Brunei Darussalam pula sedang menyelenggarakan sebuah Seminar Bahasa, Sastera dan Kebudayaan Melayu yang bertaraf antarabangsa daripada cadangan yang dikemukakan oleh Prof. Dr. Teuku Iskandar sebagai langkah memperkenalkan universiti yang baru ditubuhkan itu kepada para sarjana bahasa dan kebudayaan Melayu di seluruh dunia. Para sarjana antarabangsa yang terkenal dari Itali, Sepanyol, Belanda, Perancis, Inggeris, Australia, Malaysia dan Indonesia yang sebahagian daripadanya terdiri daripada teman-teman seperjuangan Prof. Dr. Teuku Iskandar dalam sastera Melayu telah diundang semua. Oleh sebab Dewan Bahasa dan Pustaka juga ikut terlibat dalam pengungkayahan seminar tersebut maka beberapa orang pegawai telah dilantik

sebagai ahli jawatankuasa. Bermula dari akhir bulan Julai boleh dikatakan hampir setiap hari ada sahaja mesyuarat yang dijalankan di universiti itu. Saya ditugaskan dalam jawatankuasa kecil kertas kerja dan jawatankuasa kecil penyambut tetamu. Sebagai ahli jawatankuasa, sejak awal bulan Ogos saya mesti berada di Lapangan Terbang Berakas pada setiap kali kapal terbang tiba. Beberapa orang antara tetamu luar negara seperti Prof. A. Teeuw dari Belanda, A.H. Johns dan Harry Aveling dari Australia, Russell Jones dari Inggeris (U.K.) dan yang saya kenali Denys Lombard dari Perancis. Ketika itu baru saya dengar berita Harry Aveling sudah memeluk agama Hindu menjadi pengikut seorang guru dan sudah menukar namanya kepada nama Hindu. Saya membayangkan bahawa dia datang dengan memakai pakaian sami seperti gambarnya yang pernah saya lihat dalam salah sebuah majalah. Waktu kapal terbang yang ditumpanginya mendarat, saya memanjangkan leher meninjau kumpulan penumpang yang berbaris di hadapan kaunter imigresen mencari orang yang berpakaian jubah berwarna kuning tanah liat tetapi tidak kelihatan. Dia sudah berpakaian seperti biasa. Waktu berjumpa di luar, ucapan saya yang pertama kepadanya ialah "Saya sangka saudara memakai pakaian sami Hindu."

Dia tergelak dan tidak membuat komen apa-apa. Pada masa itu tiba-tiba sahaja terlintas dalam fikiran saya, bahawa dia sudah meninggalkan agama itu dan saya terus bercakap tentang hal yang lain. Sepanjang seminar, saya lihat dia tidak banyak bercakap dan tidak seaktif seperti pada seminar Hari Sastera yang pertama di Kota Bharu beberapa tahun yang lalu. Pada waktu itu dia menjadi pensyarah di Universiti Sains Malaysia dan saya pun baru pertama kali mengenalinya dari

dekat. Dia bangun berhujah dengan Bapak Nasution tentang siapa yang lebih Asia yang menyebabkan Bapak Nasution menjadi marah.[3]

Saya gembira bertemu kawan-kawan lama dari Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Ada sembilan orang semuanya. Fadzil Agussalim, Drs. Yeop Johari Yaakub, penyair Salmiah Ismail, Wan Sakinah, Manshoor Haji Ahmad, Puteri Roslina Abdul Wahid, Norimah, Wahyunah dan Hishamuddin. Dari Sarawak ialah Zainal Abidin Zulcifly dan dari Sabah Hamdan Yahya. Seminar yang bermula pada 3 Ogos itu telah berlangsung selama dua hari dan beristirahat satu hari kerana menghormati Hari Raya Haji kemudian disambung selama tiga hari lagi. Seminar itu amat berjaya.

Sebagai sebuah negara yang baru merdeka dan kaya, maka banyaklah para pelabur dan para peniaga yang menumpukan perhatiannya ke Brunei. Berbagai-bagai pameran perdagangan diadakan. Ada sekali dua saya mengambil kesempatan mengunjungi pameran tersebut yang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang terletak tidak jauh dari rumah saya. Pada suatu hari dalam bulan puasa tahun berikutnya, saya mendapat panggilan telefon daripada seorang Aceh bernama Muhammad Amin yang sedang menginap di salah sebuah hotel di Seri Kompleks. Dia lebih dulu memberitahu bahawa saya belum pernah bertemu dengannya tetapi dia kenal dengan Prof. Dr. Teuku Iskandar. Oleh sebab Teuku Iskandar sudah pulang bercuti ke Belanda, maka dia cuba menghubungi saya sesudah mendapat alamat daripada kawan-kawan di Jakarta. Masalahnya, selama di Brunei dalam bulan puasa itu dia tidak enak makan kerana makanan orang Brunei kurang pedas.

"Baiklah," kata saya. "Tunggu di sana, saya akan datang ambil dan kita berbuka di rumah saya."

Sebelum saya pergi mengambilnya, saya meminta isteri Yahya yang tinggal menumpang di bilik belakang rumah saya membuat sambal yang banyak. Dia orang Kedah dan suaminya menjadi drebar Majlis Perbandaran Bandar Seri Begawan.

Walaupun saya membeli lauk ikan dan ayam serta sayur ala kadarnya tetapi saya amat terperanjat melihat Muhammad Amin hanya makan dengan sambal sahaja, lauk-lauk yang ada tidak disentuh sedikit pun. Memang benar dia rindukan sambal. Akhirnya dia pindah tinggal di rumah saya.

Menurut ceritanya dia merupakan salah seorang pengusaha perabot yang terbesar di Jakarta. Perabotnya dieksport hingga ke Eropah. Dia datang ke Brunei untuk ikut dalam pameran perabot yang sedang diadakan di Stadium Negara, tetapi agak kecewa kerana sambutannya tidak seperti yang diharap-harapkan. Oleh sebab ada seorang pengiran yang menaruh minat terhadap perabotnya itu, maka dia terpaksa tinggal beberapa hari sesudah pameran itu selesai, untuk menyerahkan urusan perabot yang tinggal itu kepada pengiran tersebut. Tetapi pengiran itu hanya berminat mahu menolong menjualnya sahaja bukan mahu membelinya. Muhamad Amin lalu meninggalkan semua perabotnya di rumah pengiran itu yang terletak di Kampung Burung Pingai tidak jauh dari rumah saya.

Kurir-Kurir Kemerdekaan

Dalam *Sebuah Perjalanan* ada saya ceritakan tentang dua orang pemuda dari Jawa yang telah dikirimkan ke Sumatera sebagai kurir kemerdekaan oleh organisasi pemuda di Jawa pada awal kemerdekaan sebagai pemangkin semangat perjuangan dan membawa berita gembira

kepada penduduk di Sumatera bahawa proklamasi kemerdekaan itu adalah benar. Pada waktu itu perhubungan fizikal di antara Jawa dengan Sumatera boleh dikatakan hampir tiada. Dua orang pemuda itu Suroso Prawirodirjo dan Gatot Iskandar telah sampai di Aceh, mereka lalu berpangkalan di Langsa tinggal di rumah Dr. I Made Bagiastra, orang Bali dan kadang-kadang menginap di rumah saya. Sesudah mereka pulang ke Jawa dan saya kembali ke Tanah Melayu, kami sudah tidak pernah bertemu lagi, malah tidak pernah berhubungan surat. Waktu Zakaria Idris menjadi atase kebudayaan di Kedutaan Besar Republik Indonesia Kuala Lumpur, saya mendapat khabar bahawa Suroso sudah menjadi diplomat dan sedang bertugas di Turki, sementara Gatot telah memasuki lapangan perniagaan dalam bidang perhotelan. Sudah ada hotelnya di Surabaya dan menjadi setiausaha persatuan perhotelan Indonesia.

Pada suatu hari dalam tahun 1965, ketika saya sedang berkhidmat dengan Franklin Book Program di Jalan Sungai Besi, saya mendapat panggilan telefon daripada Tengku Abubakar Husny salah seorang editor *Utusan Melayu* bahawa ada seorang diplomat Indonesia sangat ingin bertemu dengan saya. Biar bagaimanapun saya bertanya tentang identiti diplomat tersebut, Tengku Abubakar tetap tidak mahu memberitahu. "Dia kenal Bung Abdullah dan Bung Abdullah kenal dengannya," kata Tengku Abubakar berseloroh. "Biarlah jadi saspens sedikit."

Pada suatu petang Sabtu, Tengku Abubakar pun datang ke pejabat saya membawa Suroso. Saya tentu amat terkejut. Dia macam dahulu juga dengan kejawaannya yang lemah lembut, berbicara dengan suara perlahan dan teratur. Rupanya dia sudah setahun lebih bertugas sebagai Setiausaha 1 di KBRI Kuala Lumpur. Sejak pin-

dah ke mari dia terus mencari saya tetapi tidak ada orang yang tahu, kerana yang dicari itu Abdullah N.H. bekas kepala polisi dan wedana Langsa. Ketika berjumpa Tengku Abubakar Husny yang aktif dalam persatuan masyarakat Indonesia, ketika bercakap-cakap tentang Aceh timbul nama saya dan Tengku Abubakar pun membuat kejutan.

Apabila tamat tempoh bertugasnya di Kuala Lumpur, Suroso kemudian dipindahkan sebagai konsul Indonesia di New Caledonia, pulau yang menjadi tanah jajahan Perancis di Lautan Pasifik. Majoriti penduduk pulau ini warganegara Indonesia. Mereka menjadi buruh pertambangan di pulau tersebut.

Atas anjuran Zakaria Idris yang kini menjadi Direktor Utama Balai Pustaka, Suroso dan Gatot telah merakamkan pengalaman mereka sebagai kurir kemerdekaan untuk diterbitkan dalam bentuk buku. Manuskrip itu kemudian dikirimkan kepada saya di Brunei untuk disemak nama-nama orang yang pernah mereka temui di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur ketika bersama-sama saya dan Tengku Ismail Usman melawat Tanah Melayu.

Tidak lama sesudah itu saya menerima undangan daripada Gatot Iskandar supaya saya dan isteri datang ke Jakarta. Isteri saya telah bertolak dari Kuala Lumpur beberapa jam lebih awal. Dia menunggu saya di Bandara Soekarno-Hatta, bersama-sama Zakaria Idris dan isterinya. Gatot Iskandar dan isterinya Laura dan Suroso juga berada di lapangan terbang itu. Itulah kali pertama saya berjumpa Gatot sejak kami berpisah pada awal tahun 1946 dahulu. Dia masih berbadan sedap, cerdik macam dahulu walaupun pada waktu itu dia baru berumur 18 tahun. Laura, isterinya berketurunan Dayak dari pedalaman Kalimantan, seorang pelukis. Mereka bertemu di Jepun. Saya dan isteri telah ditempatkan di Hotel Indonesia.

Saya cuma diberitahu oleh Zakaria Idris bahawa saya diundang kerana buku *Kurir-Kurir Kemerdekaan* telah siap dicetak dan mahu dilancarkan dalam satu majlis yang istimewa. Sebelum bertolak dari Bandar Seri Begawan, Zakaria telah bertanya kepada saya kalau-kalau ada perkara yang mahu saya buat atau lihat selama berada di ibu kota Indonesia itu. Pada masa itu saya terus teringat akan keinginan yang sudah lama terpendam, iaitu untuk melihat Indonesia dari dekat, berjalan dari tempat yang paling hujung di sebelah utara Sumatera lalu turun ke Jawa, Bali, Lombok dan Pulau Banda. Saya sangat ingin melihat tempat tersebut setelah membaca memoir Sutan Sjahrir. Dari sana terus naik ke Maluku, Sulawesi dan seterusnya sampai ke Telaut dan Kalimantan. Tetapi oleh sebab masa terlalu suntuk untuk saya membuat perjalanan jauh seperti itu, tidak mungkin saya akan sampai ke semua tempat tersebut. Zakaria mencadangkan saya ke Bali atau ke Surabaya kerana di sana Gatot Iskandar mempunyai beberapa buah hotel. Keinginan saya itu telah lama saya ceritakan kepada Zakaria ketika dia menjadi pegawai tinggi Kementeriaan Pendidikan dan Kebudayaan, sebelum dia ditugaskan ke Kuala Lumpur. Pada masa itu kemudahan memang ada tetapi saya pula tidak mempunyai masa. Sekarang ini lebih-lebih lagi kerana saya sudah terikat dengan kontrak di Brunei dan kekuatan fizikal mungkin tidak mengizinkan. Kali ini keinginan saya hanyalah mahu bertemu B.M. Diah dan isterinya Herawati. Mereka ialah bos saya waktu menjadi koresponden akhbar *Merdeka*, *Berita Indonesia* dan *Majalah Merdeka* di Singapura pada tahun 1951 dahulu. Menjelang kejatuhan Presiden Soekarno, B.M. Diah yang merupakan salah seorang penyokong kuatnya, pernah dilantik oleh Soekarno menjadi Menteri Penerangan dan duta ke Thailand.

Kini, di samping menjadi pemimpin akhbar *Merdeka*, satu-satunya akhbar yang paling tua di Indonesia, dia juga seorang korporat yang berjaya dan memiliki sebuah hotel lima bintang di Jakarta.

"Hanya itu saja?" tanya Zakaria seperti tidak percaya.

"Itulah saja," kata saya. Sudah lama sekali saya mahu berjumpa B.M. Diah dan isterinya itu. Saya masih tidak dapat melupakan tawarannya mahu menolong saya balik ke Indonesia setelah saya diusir keluar sebagai *persona non grata* oleh imigresen Medan, sesudah penyerahan kedaulatan pada tahun 1949. Herawati yang menjadi pemimpin *Majalah Merdeka*, sebuah mingguan yang sangat popular pada masa itu mahu membawa kasus tersebut kepada Presiden Soekarno. Tetapi saya menolak dengan alasan bahawa Tanah Melayu (termasuk Singapura) ialah tanah air saya yang sebenarnya kerana inilah tanah tumpah darah saya dan apa yang telah saya lakukan di Indonesia adalah sebagai menggantikan tempat bapa saya yang kebetulan sudah berada di luar Indonesia.

Sebagai setiausaha persatuan perhotelan Indonesia, maka Gatot Iskandar dengan mudah dapat menghubungi B.M. Diah. B.M. Diah lalu mengundang saya makan tengah hari pada keesokan harinya di hotelnya. Pada mulanya dia menyangka hanya saya seorang sahaja tetapi apabila diberitahu saya dan Gatot akan ditemani oleh isteri masing-masing maka Herawati pun dipanggil untuk ikut serta. Saya memang kenal rapat dengan B.M. Diah dan isterinya itu, tetapi entah kenapa di majlis makan itu saya berasa begitu tidak selesa, kekok seperti di tempat orang yang baru saya kenal. B.M. Diah lebih banyak berbicara dengan Gatot yang duduk di sebelahnya, mungkin tentang masalah persatuan mereka sementara Herawati pula bercakap dengan isteri saya

dan dengan Laura isteri Gatot. Saya menjadi seperti kera sumbang. Saya merasa seolah-olah mereka itu baru saya kenal, percakapan kami pada ketika mula-mula bertemu sahaja, bertanya-tanyakan khabar. Kemesraan yang pernah kami alami 36 tahun yang lalu sudah seperti tidak pernah ada. Inilah kelemahan saya yang paling besar kerana selalu menyangka bahawa segala sesuatu itu tidak pernah berubah dan akan kekal seperti biasa. Padahal dalam cerpen "Pertemuan Di Cianjur" saya pernah mengutarakan masalah yang sama pada watak "aku" ketika aku dan Ana bertemu kembali setelah berpisah sekian lama. Saya merasa sedikit menyesal kerana telah meminta pertemuan itu diadakan yang telah menjejaskan kenangan manis saya terhadap B.M. Diah dan Herawati. Mereka itu orang yang paling baik. Saya kenal keluarga B.M. Diah yang tinggal di Langsa dan perhubungan kami yang baik sampai mereka pindah ke Medan.[4] Mereka telah memberikan kesempatan kepada saya untuk memperlihatkan bakat sebagai seorang wartawan. Dua kali saya mendapat "hadiah" daripada B.M. Diah kerana berita yang saya tulis. Pertama, tentang seorang kelasi Indonesia yang dituduh membunuh seorang pegawai rendah Belanda di dalam sebuah kapal yang sedang berlabuh di perairan Singapura dan telah dibicarakan di Mahkamah Singapura. Kedua, tentang sebuah kapal torpedo yang dibeli daripada Inggeris tersadai menjadi besi buruk di Pantai Jelutong, Pulau Pinang.

Malam pertama kami sampai itulah majlis pelancaran buku *Kurir-Kurir Kemerdekaan* diadakan di sebuah dewan di Balai Pustaka. Kami telah dijemput oleh Zakaria dan isterinya Nuraini dari Hotel Indonesia sebaik sahaja selesai solat maghrib. Waktu sampai di muka pintu dewan yang sederhana besarnya itu saya amat terperanjat,

mereka sengaja mengatur satu kejutan khas untuk saya. Tidak banyak tetamu yang diundang hanya ada kira-kira 30 orang sahaja, tetapi mereka itu ialah tetamu yang cukup istimewa terdiri daripada kawan-kawan saya yang pernah tinggal dan berjuang di Langsa kira-kira 43 tahun yang lalu, ketika berlakunya peristiwa yang tercatat dalam *Kurir-Kurir Kemerdekaan*. Mereka adalah sebahagian daripada tokoh yang memainkan peranan dalam hidup saya dan yang saya catat dalam *Terjebak* dan *Peristiwa*. Melihat saya melangkah masuk, mereka menyambut dengan tepukan dan kemudian menyerbu datang memeluk sambil bersalam, sehingga akhirnya untuk memberikan kesempatan kepada semua yang hadir mereka terpaksa berbaris. Saya sungguh terharu sehingga tidak dapat berkata-kata dan mata terasa berpasir. Mereka, lelaki dan perempuan ada yang masih kecil pada waktu itu kini sudah menjadi gaek, bukan sahaja sudah menjadi ibu atau bapa tetapi ada yang sudah menjadi datuk dan nenek. Yang dahulu gagah dan tegap kini sudah bertongkat. Yang dahulu jika berpidato di depan umum dengan suara yang lantang kini berbicara dengan suara yang perlahan dan tersekat-sekat. Tetapi mereka itu semua pejuang kemerdekaan, masing-masing dengan tugasnya, kesan karisma zaman mudanya masih tersisa. Yang kecil belum sanggup memikul senjata menjadi kurir dan pembawa bendera, sementara yang dewasa menjadi barisan pelopor dan pembangkit semangat juang. Sebahagian mereka tidak pernah saya temui di Jakarta, malah tidak tahu bahawa mereka telah berhijrah ke mari. Sekali-sekala ke sini saya hanya bertemu Achmid Abdullah, pegawai di Kementerian Penerangan dan Teuku Umar Ali, Sekretaris Jeneral Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan dan Nukum Sanany,[5] adik angkat saya yang pernah memim-

pin pasukan meriam di Medan Area. Majlis ini ialah inisiatif Zakaria Idris dan Gatot Iskandar yang mahukan pelancaran buku itu disaksikan oleh mantan masyarakat Langsa, kerana kisah mereka yang diceritakan di dalamnya. Saya merasa agak terkilan kerana beberapa orang yang juga penting tidak turut serta dalam majlis ini. Mereka ialah Tengku Ismail Usman, Abdoessoeki, Dr. I Made Bagiastra, Alimuddin, Amiruddin, Bustanil Ariffin dan Teuku Ismail Simpang Ulim. Tengku Ismail mungkin tidak dapat datang kerana tinggal jauh di Langsa. Dia ulama muda kami yang progresif, Ketua Masyumi dan Tentera Mujahiddin dan seorang peniaga yang amat murah hati. Abdoessoeki khabarnya sudah lama kembali ke Jawa Barat bersama-sama keluarganya. Dia kepala kantor telegraf yang tahu tentang radio dan dialah yang membaiki radio di kantor polisi sehingga kami dapat mendengar berita tentang Indonesia merdeka. Dr. I Made Bagiastra telah meninggal dunia tidak lama sesudah pulang dari New Delhi. Dia menjadi pegawai WHO di sana. Waktu di Langsa dia mengepalai rumah sakit dan penyokong kuat saya ketika menyampaikan berita kemerdekaan kepada rakyat Langsa, tetapi isterinya hadir dalam majlis ini. Alimuddin juga sudah meninggal dunia. Dia kepala perkebunan di Langsa yang berpendirian tegas seperti juga tubuhnya yang besar. Amiruddin tauke kedai buku di Langsa yang sudah tidak ada lagi. Bustanil Ariffin sudah menjadi Menteri Koperasi dan Bulog, dan Teuku Ismail sekarang bermukim di Bandung. Saya sangat gembira kerana dapat bertemu Karim Duryat, inspektor pendidikan di Aceh Timur dan kemudian menjadi Ketua Dewan Perwakilan Daerah Langsa dan anak perempuannya Sri Sunarti. Jusuf Lubis satu-satunya mekanik yang dapat mengendalikan sistem bunyi setiap kali kami akan mengadakan rapat umum



Selepas Majlis Pelancaran Buku *Kurir-Kurir Kemerdekaan* di Balai Pustaka, Jakarta. Duduk dari kiri: Gatot Iskandar dan Suroso Prawirodirjo, penulis bersama; Zakaria Idris, Direktur Utama Balai Pustaka, penerbit. Berdiri nombor tiga dari kiri: Siti Saroja Basri, Noraini, isteri Zakaria; isteri Suroso; Laura isteri Gatot diapit keluarga yang terdekat.

pada awal kemerdekaan ketika alat-alat sukar diperoleh bersama-sama isteri dan anak perempuannya, Chamril D. Djavid, Haji Abdullah Ahmad, Tjut Nursiah, A. Wahab Lubis, M. Salim yang sudah menjadi sarjana hukum. Semuanya datang bersama-sama isteri masing-masing. A. Rahman Ramly, Presiden PERTAMINA datang agak terlambat sedikit dan pulang juga agak cepat kerana ada acara di tempat lain.

Belum sempat selesai bertemu kawan-kawan lama dalam majlis itu, saya telah diminta oleh Zakaria Idris dan Gatot membuat ucapan dan seterusnya melancarkan buku *Kurir-Kurir Kemerdekaan* itu. Saya agak terkesima sejurus kerana menyedari bahawa bahasa Indonesia saya sudah tidak sebaik dahulu lagi, sudah banyak bercampur dengan bahasa Melayu di Semenanjung dan lagu percakapan saya juga sudah jauh berubah. Mereka pernah mendengar saya berucap dalam rapat-rapat umum waktu di Aceh yang dihadiri oleh berpuluh ribu orang dan mereka tahu bagaimana cara saya membangkitkan sentimen perjuangan dengan slogan yang membakar semangat. Tetapi sekarang? Saya tidak dapat lagi berbicara dalam bahasa Indonesia seperti orang Indonesia, namun demikian saya tidak pula dapat menolak permintaan ini. Semua mata tertuju kepada saya, mereka sedang menunggu saya bangun dan berbicara sesuatu. Saya tiba-tiba teringat kepada perkataan baru yang sedang hangat dibincangkan dalam surat khabar yang saya baca di hotel sebelum kami dijemput. Perkataan "mantan" sebagai ganti perkataan *ex* atau *former* atau bekas kalau menurut istilah kita di sini. Saya pun bangun dan sesudah memberi salam serta selawat saya iringi dengan permintaan maaf kerana saya "mantan" Indonesia maka bahasa Indonesia saya kurang baik. Semua hadirin tertawa suka demi mendengar saya mengguna-

kan perkataan mantan itu dan dengan *mood* yang saya peroleh itu, maka saya sudah tidak khuatir lagi dengan bahasa saya. Saya berbicara hampir satu jam lamanya. Semua kawan saya gembira dan berebut-rebut menjabat tangan sebaik sahaja saya berhenti berucap.

Satu hal yang cukup menarik tentang masalah bahasa di Indonesia adalah tentang keterlibatan semua orang tanpa mengira strata hidup di samping dukungan yang kuat daripada surat khabar yang menjadi media penyebar yang penting dan utama. Sebagai contoh perkataan mantan itu sahaja. Ia baru diperkenalkan beberapa hari sebelum saya tiba. Masih hangat dibincangkan dalam akhbar. Orang Jawa mengatakan perkataan itu berasal dari Jawa Tengah sementara orang Palembang pula mendakwa dari daerahnya, tetapi semua orang mulai menerimanya. Malam berikutnya sesudah saya makan tengah hari dengan B.M. Diah, A. Rahman Ramly telah mengundang kami makan malam di rumahnya pula. Satu majlis kecil bersama-sama keluarga. Turut hadir Dedek Safiah, Hakim anak Maktua dan isterinya Anna. Ketika makan itu mereka turut membincangkan perkataan mantan tersebut dengan berbagai-bagai komen dan pendapat, pro dan kontra. Saya juga sekali-sekala turut mencelah. Bagaimanapun, saya tertarik dengan perkataan itu tanpa mengira dari mana sumbernya tetapi ia lebih baik daripada perkataan "bekas" yang biasa kita gunakan. Setelah kembali ke Brunei saya lalu menulis satu rencana pendek tentang perkataan itu dalam majalah *Pelita Bahasa* dan alhamdulillah saya melihat sudah mulai ramai orang yang menggunakannya.

Selama enam tahun saya di Brunei Darussalam, baru dua orang penulis yang datang bertemu untuk bertanyakan tentang soal penulisan. Orang yang pertama ialah

Chong Ah Fook seorang Cina rakyat Brunei yang lahir di Limbang. Orang yang kedua ialah Haji Abdul Rahman Md. Hussin, pengarang di BPPS yang baru dipindahkan kembali ke jabatan lamanya di pejabat pelajaran. Ketika bertugas dia mengambil kesempatan meminta saya menyemak setiap cerpen yang ditulisnya walaupun sebelum itu dia sudah dimasukkan ke dalam daftar penulis-penulis Brunei yang mapan. Hal ini pernah saya suarakan ketika membentang kertas kerja dalam seminar bahasa yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka di bilik kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah dalam masa sesi soal jawab.

"Saya bukanlah seorang yang pandai dalam bidang penulisan, saya hanya ada pengalaman saja yang mungkin boleh diambil faedahnya oleh orang lain. Tetapi malangnya sesudah lebih kurang enam tahun saya di sini baru seorang saja yang mengambil kesempatan itu, itu pun seorang Cina," ujar saya hampir seperti satu keluhan.

Salah seorang penulis yang menggunakan nama Mohd. Khairi selalu menulis untuk majalah *Mekar*. Saya melihatnya sebagai seorang yang rajin, cuma sayang dia belum begitu menguasai teknik penulisan. Pada suatu hari, sebelum A. Hamid Abbas masuk ke universiti saya bertanya kepadanya, "Hamid kenal dengan penulis ini? Cuba kenalkan kepada saya."

Beberapa hari kemudian A. Hamid membawa seorang anak muda berjumpa saya. "Inilah Pengiran Metussin, penulis yang bapa mahu jumpa itu."

"Pengiran bekerja di mana?"

"Sekolah Inggeris Berakas, menjadi guru Bahasa Melayu."

"Dekat dengan rumah saya. Pengiran mengajar sesi petang?"

Apabila mengetahui bahawa dia mengajar pada sesi petang maka saya pun menyuruhnya singgah di rumah saya dalam perjalanan balik ke rumahnya.

Petang itu juga dia singgah. Dalam masa kira-kira satu jam sambil minum teh kami bercakap-cakap tentang penulisan kreatif. Saya melihat minatnya dalam bidang penulisan amat besar dan saya sudah melihat tentang kerajinannya menulis. Maka sejak itu hampir tiap petang dia singgah ke rumah saya bertanya dan berbincang tentang berbagai-bagai aspek yang ada kaitan dengan karya kreatif. Pada masa itu Dewan Bahasa dan Pustaka sedang menganjurkan satu sayembara menulis novel sempena perayaan jubli peraknya. Pengiran Metussin memberitahu bahawa dia bercadang mahu menyertai sayembara tersebut walaupun sebelum itu dia belum pernah menulis novel. Dia hanya menulis cerpen untuk kanak-kanak dan rencana pendek yang disiarkan dalam majalah *Mekar*. Saya menyokong niatnya itu.

Pada suatu hari minggu dia datang ke rumah dan membawa rangka novel yang akan ditulisnya dengan tema yang paling dekat dengan dirinya – tema perjuangan seorang guru dari kota yang ditugaskan ke sebuah sekolah jauh di pedalaman. Sepagi-pagi itu kami berbincang dan bertukar-tukar fikiran. Saya tidak banyak memberi cadangan kepadanya kerana tidak mahu menggganggu daya kreativitinya yang semula jadi. Setelah itu agak lama dia tidak datang, hanya sekali-sekala sahaja kami bertemu di pejabat saya. Pada tarikh tutup sayembara itu antara para pesertanya ialah Pengiran Metussin ini yang telah mengemukakan sebuah manuskrip yang agak tebal berjudul *Matahari Petang*. Dalam pemilihan terakhir manuskripnya telah dapat meraih hadiah ketiga. Satu pencapaian yang baik bagi seorang baru.

Petang 25 Februari 1988, sedang saya sibuk menyemak pruf terakhir majalah *Bahana*, ada panggilan telefon dari Kuala Lumpur. Agak tergamam juga apabila mengetahui yang memanggil itu Wan Zaleha Radzi, pengacara TV3. Dia memberitahu bahawa TV3 ada membuat satu program tentang diri saya dan adik-adik saya Ismail dan Ibrahim. Dia mahu mewawancara saya secara langsung ketika program itu ditayangkan di TV3 nanti. Tarikhnya akan diberitahu kelak. Saya sedikit gugup, belum pernah seumur hidup masuk TV. Dalam keluarga saya mungkin Patria anak saya yang lebih dulu keluar dalam TV ketika dia diwawancara oleh TV1 dalam program Selamat Pagi Malaysia pada akhir bulan Ogos 1987. Saya mendengar cerita itu daripada Dato' Abu Zar.

Tiga minggu sesudah menerima panggilan telefon itu, pada petang Isnin 14 Mac Wan Zaleha sekali lagi menghubungi saya di pejabat memberitahu pada jam 5.00 petang dia akan menelefon saya di rumah pada masa program itu sedang di udara. Malangnya pada masa itu siaran TV3 belum lagi sampai ke Brunei dan saya tidak dapat menontonnya. Setelah beberapa bulan kemudian saya dapat menyaksikan rancangan itu melalui *tape* yang dirakamkan oleh keluarga saya di Petaling Jaya.

Seperti biasa pada setiap awal tahun seperti ini saya akan cuba menulis sebuah cerpen untuk *Dewan Sastera*. Saya telah menyiapkan sebuah cerpen yang agak panjang yang membawa tema politik dan diberi judul "Politik".

Isabella

Pada masa itu kawan-kawan yang berasal dari Malaysia khasnya yang berasal dari utara Semenanjung heboh

memperkatakan tentang sebuah kedai makan yang baru dibuka oleh orang dari Langkawi. Kedai makan itu terletak di jalan ke pasar ikan ke Gadong. Sebenarnya di Bandar Seri Begawan ini sudah banyak kedai makan orang Melayu baik yang dikendalikan oleh orang Brunei sendiri mahupun oleh orang luar seperti dari Indonesia dan dari Pattani, tetapi dari Semenanjung seingat saya baru inilah kali pertama. Kedainya itu bukan sebuah kedai makan yang eksklusif, bukan restoran yang tertutup serta ada *air-cond*. Saya pun pergi ke kedai tersebut dan berkenalan dengan pemiliknya Ibrahim Fadzil. Seperti biasa apabila kita berada di luar negara, maka perkenalan dengan orang senegara baik daripada suku apa pun akan cepat menjadi mesra lebih-lebih lagi kalau kita kebetulan sama satu bangsa dan satu negara pula. Saya dan Ibrahim serta isterinya cepat mesra. Maka hampir selang sehari sesudah habis pejabat saya akan singgah di kedainya itu dalam perjalanan pulang ke rumah ataupun waktu pergi ke pasar. Pada waktu pagi dari jam 7.00 pagi hingga jam 11.00 pagi, kedainya itu penuh pelanggan, sehingga agak susah mahu mencari tempat letak kereta. Sudah menjadi kebiasaan di sini para pegawai pejabat keluar makan pagi di kedai atau restoran pada waktu tersebut. Kebanyakan pejabat kerajaan terutama yang terletak dalam kawasan bandar tidak menyediakan kantin, maka kedai milik Ibrahim itu pun cepat menjadi popular apatah lagi kerana masakannya yang agak berlainan dan tempatnya pula tidak tertutup seperti restoran yang eksklusif yang membuat orang biasa enggan masuk. Pada waktu petang apabila tidak terlalu sibuk, kami selalu dapat berbual-bual. Ibrahim bekas pelajar Sekolah Tuanku Abdul Rahman Ipoh (STAR). Pada masa itu, sebelum konfrontasi banyak anak Brunei yang belajar di sana. Mereka sekarang ada yang

sudah menjadi pegawai tinggi kerajaan. Sesudah lulus dari Universiti Malaya, Ibrahim pernah berkhidmat sebagai guru sebelum menjadi pengurus sebuah syarikat di Langkawi. Semasa berkunjung ke Brunei untuk menemui kawan-kawan lamanya, ada antara kawannya itu yang mengajaknya menjalankan perniagaan di Brunei. Ibrahim pun berhenti daripada pekerjaannya dan berhijrah ke mari. Orang luar yang mahu membuka perniagaan di sini harus mempunyai rakan kongsi orang tempatan untuk mendapatkan lesen. Maka Ibrahim pun mengikut prosedur yang sama, mencari orang tempatan sebagai *sleeping partner* yang tidak memberi modal tetapi menerima imbuhan bulanan yang tertentu. Kedai makan yang diberi nama "Sedia Menanti" itu telah menjadi semakin popular apabila seorang pemuda rakyat Malaysia yang sudah lama tinggal di Brunei datang meminta kerja. Pemuda itu pandai membuat kuih cakoi dengan satu resipi yang khas sehingga kuih cakoinya itu dalam masa yang singkat menjadi kegemaran setiap orang yang pernah merasainya. Kuih cakoi bukanlah suatu makanan yang asing bagi orang di sini. Sebelum itu pun telah ramai orang yang menjualnya terutama di tamu-tamu tetapi kuih cakoi yang dijual di kedai makan "Sedia Menanti" ini ada keistimewaannya. Sekali kita merasainya, akan ada keinginan untuk merasainya lagi. Isteri saya setiap kali datang ke Brunei akan singgah di kedai Ibrahim pada waktu petang hanya untuk memakan kuih cakoinya. Oleh sebab terlalu laris maka beberapa bulan kemudian Ibrahim terpaksa meletakkan notis memberitahu masa kuih cakoi itu dijual, untuk mengelak daripada dimarahi oleh pelanggan yang kecewa. Seorang keluarga diraja hampir setiap petang mengirimkan drebarnya untuk membeli kuih cakoi itu. Pada mulanya hanya pada waktu petang sahaja kuih cakoi itu dibuat

tetapi apabila permintaan begitu banyak, dibuat pula pada sebelah petang sehingga dua, tiga guni tepung setiap hari. Saya yang pernah rasa ketagih pada minuman dan makanan ketika tinggal di Phuket, Thailand dan di Aceh, pada mulanya mengesyaki ada sesuatu bahan yang tidak wajar yang dimasukkan ke dalam kuih cakoi itu. Saya pernah mengalami ketagihan kopi dari sebuah warung di pantai Haadsurin di Phuket yang kemudian ternyata ada dimasukkan di dalamnya serbuk ganja, begitu juga dengan sejenis masakan itik di suatu tempat di Aceh yang dimasukkan sedikit daun ganja. Tetapi rahsia kuih cakoi itu saya peroleh daripada isteri Ibrahim, ketika mereka mahu meninggalkan Brunei kerana kedainya terpaksa ditutup. Keenakan kuih cakoi itu bukan kerana ada sesuatu campuran yang tidak wajar tetapi daripada cara tepungnya diuli, ukuran minyak yang digunakan, cara menggorengnya dan kemudian campuran inti yang dimasukkan ke dalam tiap-tiap kuih cakoi itu. Untuk membuktikan kata-katanya itu isteri Ibrahim telah menunjukkan cara-cara membuatnya kepada dua orang penuntut ITM yang sedang membuat latihan praktikal di Brunei yang tinggal di rumah saya. Dia juga mengajar kepada beberapa orang Brunei yang lain dan kepada salah seorang tuan punya rumah kedai yang mereka sewa, yang mengambil alih kedai makan tersebut tetapi ternyata kehebatan kuih cakoi "Sedia Menanti" sudah tidak ada lagi, sudah dibawa pulang ke Langkawi oleh Ibrahim Fadzil dan keluarganya.

Pada suatu hari ketika berleka-leka di rumah, tiba-tiba timbul keinginan untuk menterjemahkan novel *Isabella* karangan Maulana Muhammad Saeed yang secara kebetulan buku itu saya jumpa di kedai buku di Universiti Sains Malaysia ketika menjadi Ahli Cipta pada tahun 1980. Saya lalu menulis surat kepada penerbitnya

di New Delhi untuk meminta izin, tetapi hampir satu tahun lamanya surat itu tidak berjawab. Saya kemudian cuba menghubungi wakilnya di London menurut alamat yang tercatat pada *frontispiece* buku tersebut tetapi nasibnya sama sahaja. Oleh sebab saya merasai isi novel itu baik untuk dakwah terutama kepada anak-anak muda, maka dengan nawaitu itulah saya mula menterjemahkannya. Saya cuba menulis tangan kerana lebih mudah dikerjakan di mana-mana sahaja, di pejabat pada waktu rehat tengah hari ataupun pada waktu berpergian keluar kota dan terpaksa bermalam seperti ke Temburong. Ini kali kedua saya menulis tangan, maksud saya sesudah tahu menggunakan mesin taip. Novel saya yang awal *Binti Penghulu* dan *Harta dan Jodoh Menanti di England* yang disiarkan secara bersiri dalam akhbar *Sahabat* yang terbit di Pulau Pinang sebelum Perang Dunia Kedua, memang ditulis tangan sebab menggunakan huruf Jawi dan tiada salinannya. Kali pertama saya menulis tangan sesudah sekian lama menggunakan mesin taip ialah novel *Buih di Atas Air* ketika berkhidmat sebagai Ketua Unit Bahasa dan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Itu pun kerana terpaksa sebab tidak ada mesin taip. Pada mulanya hanya sebagai iseng-iseng sahaja sekadar mahu mencuba, apakah saya boleh mengarang tanpa menggunakan mesin taip ataupun tidak. Sejak tahu memanfaatkan mesin taip itu timbul semacam *habit* bahawa kalau tidak dengan mesin taip sudah tidak boleh menulis lagi walaupun untuk membuat draf sekeping surat yang pendek. Mesin taip sudah menjadi satu keperluan bukan lagi satu kemewahan. Tabiat itu membuat saya merasa bahawa jalan fikiran saya seperti sudah selari dengan bunyi huruf-huruf yang ditekan pada mesin taip itu, sehingga akibatnya pada suatu masa ketika di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala

Lumpur, saya sudah tidak dapat membaca tulisan sendiri kerana terlalu buruk seperti cakar ayam. Gerakan tangan saya tidak dapat mengejar jalan fikiran yang terlalu cepat. Nasib baik pada masa itu ada Puan Hasnah yang menjadi jurutaip di Bahagian Majalah, tahu membacanya.

Ketika idea datang mahu menulis novel *Buih Di Atas Air* itu saya sedang bertugas di Kota Kinabalu. Seperti biasa apabila idea itu matang dalam kepala umpama bayi dalam kandungan yang sudah cukup bulan mahu melihat dunia, maka ia mesti diluahkan segera jika tidak akan menjadi gangguan kepada ketenteraman fikiran. Maka pada suatu hari minggu saya pun menanam niat mahu menulis tangan sahaja. Pada masa itu saya menyewa di sebuah rumah kembar di Jalan Tuaran yang agak jauh dari kesibukan Kota Kinabalu, tidak ada telefon dan televisyen ada di dalam bilik tidur di tingkat atas. Ini membuat keadaan menulis tangan lebih stabil. Pertama, saya mesti mengawal jalan fikiran supaya tidak keluar terburu-buru, mesti disesuaikan dengan kecepatan tangan menggores di atas kertas, mesti selalu diseimbangkan antara kedua-dua elemen itu. Alhamdulillah, selama satu jam yang pertama saya sudah dapat menulis dengan baik. Tulisan saya tidak terlalu buruk, boleh dibaca dan barisnya pun lurus, tidak seperti yang biasa berlaku, hujung baris di sebelah kanan sama ada terjongket ke atas atau terjunam ke bawah. Saya sangat gembira dengan pencapaian pada percubaan pertama itu. Pada hari itu ketika berhenti untuk solat zuhur dan makan tengah hari, saya sudah dapat menulis sebanyak 50 muka. Saya terkejut dengan pencapaian itu. Waktu mencuci tangan bawah tepi tapak tangan selaras dengan jari kelengkeng terasa terlalu pedih, rupanya kulit pada bahagian itu telah menjadi tipis kerana bergesel dengan

kertas. Saya tidak dapat menyambung lagi dan terpaksa menunggu hari Minggu berikutnya sehingga rasa pedih itu hilang. Saya mengupah Rakiah Ahmad seorang jurutaip di Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah untuk menyalinnya kembali. Penterjemahan novel *Isabella* saya lakukan mengikut cara yang sama. Saya tulis tangan dan dalam masa satu bulan terjemahannya selesai berserta penyuntingannya sekali. Rahiyah Ampal jurutaip di bahagian saya telah menaipnya semula. Penterjemahan novel *Isabella* ini cukup menarik dan lebih mencabar daripada menterjemahkan *The Old Man and The Sea* karya besar Ernest Hemingway ataupun *The Good Earth* karya besar Pearl S. Buck. Ada semacam rasa kepuasan yang selalu menguja saya untuk mengerjakannya setiap ada waktu yang terluang. Saya merasa watak Isabella itu terlalu dekat dengan diri saya, sehingga segala suka dan dukanya dapat saya hayati sepenuh hati. Pada akhir kisah itu tanpa disedari saya panjatkan doa ke hadirat Allah s.w.t. agar rohnya mendapat rahmat dan hidayat dan ditempatkan di tempat yang tinggi bersama-sama roh para aulia. Seperti yang telah saya tuliskan dalam Kata Pengantarnya, novel itu mungkin ditulis dalam bahasa Urdu lalu diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Rahim Ali al-Hashmi atas saranan Maulvi M.I Nana Sahib dari Afrika Selatan kerana ada ayat-ayat al-Qur'an dan petikan daripada *Bible* yang tidak berapa jelas selain tidak menyebut surah bagi kitab suci al-Qur'an dan bab serta ayat dalam *Bible* yang memang ada berbagai-bagai versi maka ejaannya banyak yang salah. Saya merasa beruntung, seperti sudah ditentukan Allah s.w.t. kerana ketika saya dan Haji Muslim ke Pusat Dakwah Islamiah, Ustaz Haji Rajid Haji Abdul Kadir telah meminjamkan *Al-Kitab* (*Bible* terjemahan Indonesia) dan Tuan Haji Mohammad Siraj pula meminjam-

kan *Good News Bible* yang membolehkan saya membuat rujukan. Dengan itu beberapa kesamaran tentang petikan daripada *Bible* dapat diperbaiki walaupun beberapa ayat daripada Injil Jonah yang barangkali daripada versi lain tidak terdapat dalam kedua-dua *Bible* tersebut. Siti Azizah dan Hasnah Omar pegawai dari Pusat Dakwah Islamiah itu telah menolong mencarikan ayat-ayat al-Qur'an dan hadis yang tidak disebutkan sumbernya. Pada masa menterjemahkan novel itu, timbul rasa kesal yang tidak terhingga kerana saya tidak membeli *Injil Bernabas* terjemahan Indonesia yang dijual di Pustaka Melayu Baru beberapa tahun yang lalu. Mungkin daripada *Injil* yang sudah diharamkan oleh umat Kristian sekarang ini, saya boleh mendapatkan informasi yang lebih banyak.

Saya telah memberitahu Marwilis Haji Yusof tuan punya Marwilis Publishing & Distributors Sdn. Bhd. yang berpejabat di Shah Alam, tentang terjemahan itu. Dia tanpa berfikir panjang meminta untuk menerbitkannya. Marwilis dapat menerbitkan dengan cepat kerana dia begitu ghairah untuk menerbitkan novel, di samping mahu mencari keuntungan dia juga mahu membantu kawan-kawan penulis. Dia baru sahaja menerbitkan kembali novel saya *Konserto Terakhir*. Bayaran royaltinya juga baik, seperti Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1950-an dahulu, dibayar sekali gus sebaik sahaja buku berada di pasaran tanpa menunggu hasil jualannya lagi.

Oleh sebab novel *Isabella* itu bukan karya asli, maka saya hanya meminta upah terjemahan sahaja menurut kadar yang biasa dibayar oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan satu permohonan yang khusus agar dia jangan lupa membayar ongkos hak cipta kepada pengarang asalnya ataupun kepada penerbit novel itu

apabila pengarang atau penerbitnya dapat dikesani. Marwilis bersetuju.

Sebulan kemudian saya pun menerima enam naskhah novel *Isabella* yang sudah siap dicetak dengan ilustrasi kulit yang cukup menarik. Pada masa itu kami di Brunei sedang meraikan Taufiq Ismail, penyair Muslim Indonesia yang kami undang khas untuk memberi ceramah dan membaca sajak. Saya dengan bangga menyerahkan sebuah naskhah kepadanya sebagai hadiah.

Setelah Taufiq Ismail pulang ke Jakarta, tiba pula tamu baru, Pyan Habib yang sudah lama tidak saya temui. Paling akhir dia datang menemui saya di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Kali ini dia datang ke Brunei kerana mengiringi Jabbar Ithnin kawan baiknya yang berkahwin dengan anak gadis seorang pengiran. Dalam masa yang sama, waktu bersolat zuhur di Masjid Omar Ali Saifuddin saya bertemu Bapak Sjaiful Anwar Sjamsuddin seorang kawan lama yang berasal dari Indonesia yang sudah lama bermastautin di Kuala Lumpur dan sudah menjadi warganegara Malaysia. Dia pernah menjadi pensyarah di UTM. Sekarang dia bertugas sebagai jurutera perunding dengan sebuah firma swasta yang mendapat kontrak membina loji di Sungai Brunei. Di celah-celah kesibukan itulah saya cuba membaca novel *Isabella* yang sudah dicetak. Saya amat terperanjat dan sangat kecewa kerana terdapat beberapa kesalahan cetak pada terjemahan ayat-ayat al-Qur'an dan petikan daripada *Bible*. Saya tanda dengan pen merah pada tempat-tempat yang salah itu dan pada hari itu juga saya kirim telegram kepada Marwilis supaya novel tersebut jangan diedarkan dulu. Pada keesokan harinya dengan pos laju saya kirimkan novel yang saya semak. Saya tabik dan berterima kasih kepada Marwilis

yang memperlihatkan tanggungjawabnya. Dia telah mencetak semula novel itu menurut pembetulan yang saya buat sementara cetakan awalnya sebanyak 5000 naskhah itu telah dimusnahkan. Ekoran daripada peristiwa itu dia lalu menulis surat meminta saya kurangkan satu sen daripada upah terjemahan yang saya minta. Saya amat bersimpati dengannya lalu membenarkan dia mengurangkan dua sen sebagai tanda penghargaan atas pengorbanannya demi kebaikan.

Novel *Isabella* itu telah mendapat sambutan hangat kerana kebetulan pada masa itu lagu "Isabella" yang dinyanyikan Amy dari kumpulan Search sedang *hit* di kalangan masyarakat. Ramai anak muda yang membeli novel tersebut kerana menyangka ada pertalian dengan lagu tersebut. Tetapi saya tahu mereka tidak kecewa, sebab daripada maklum balas yang saya terima, anak-anak muda suka dengan cerita agama serupa itu. Dalam masa yang singkat sahaja novel itu telah dapat dicetak ulang dan dalam *Utusan Malaysia* tersiar berita bahawa Marwilis akan memberi bonus sebanyak RM1000 kepada saya. Saya menolak, tetapi dia memaksa saya menerimanya kerana itu satu pemberian yang ikhlas. Waktu Dialog Borneo ke-2 berlangsung di Kota Kinabalu saya turut serta sebagai peserta. Di sebuah kedai buku di Kompleks Segama saya melihat iklan yang ditampal pada cermin dindingnya yang kata-katanya agak keras. "Isabella, bukan nyanyian ... tetapi sebuah novel agama." Ramai kawan dari Brunei yang sukar mendapatkan novel tersebut telah membeli dua tiga naskhah seorang untuk dihadiahkan kepada kaum keluarga dan sahabat handai. Walaupun novel itu mendapat sambutan baik, namun saya tetap berasa dukacita kerana penulis dan penerbit asalnya masih belum dapat dikesan.

Tahun 1988, Pehin Yahya telah dijadikan tamu oleh



Bersama-sama dua orang sahabat lama waktu menghadiri Dialog Borneo di Kota Kinabalu. Di sebelah kanan, K. Bali (kini allahyarham), penyair dan penulis berasal dari Kelantan keturunan Thai, menjadi penduduk tetap Sabah, dan Fadzil Agussalim dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai menghargai jasanya dalam bidang penulisan. Pehin Yahya seorang penyair Brunei yang berkaliber. Bakatnya sebagai penyair mula menyerlah ketika menjadi penuntut Sekolah Agama Al-Junid di Singapura. Beliau menggunakan nama pena Yahya M.S. Dari Al-Junid berpindah ke Kolej Islam di Kelang, Selangor. Waktu menuntut di Kelang dia dan beberapa orang penyair Brunei yang lain seperti Badaruddin H.O, Adi Rumi, Shukri Zain bergiat aktif bersama-sama para penyair dan penulis tempatan dalam semua kegiatan sastera yang berlangsung di Kuala Lumpur. Salah sebuah sajak Yahya M.S. yang berjudul "Sepanjang Jalan di Kampung Jawa" pernah menimbulkan kegusaran di kalangan penduduk Kelang yang merasa tersinggung dengan sajak tersebut.

Bapak Sjaiful yang telah bertemu saya di Masjid Omar Ali Saifuddin telah pindah tinggal bersama-sama saya. Saya kini sudah ada teman bercakap di rumah. Bapak Sjaiful yang pernah menjadi pensyarah, seorang yang banyak ilmu dan luas pengalaman datang daripada sebuah keluarga Minangkabau yang terkemuka di Jakarta. Rumahnya di Petaling Jaya tidak jauh dari rumah saya. Anak-anaknya semua lahir di Malaysia dan sudah ada yang belajar di luar negara. Salah seorang anaknya pada masa itu bertugas di Miri sebagai juruterbang. Kadang-kadang dia datang ke Brunei menemui bapanya. Saya sudah tidak berapa bimbang lagi apabila bercuti agak lama kerana sudah ada orang yang menunggu rumah. Apabila malam kami selalu keluar makan bersama-sama.

Pada suatu petang ketika saya masuk ke dalam bilik untuk mengerjakan solat maghrib, telefon yang terletak di ruang tamu itu berbunyi. Saya terlalu pantang dan lekas merasa jengkel apabila ada orang yang menelefon

pada waktu maghrib serupa itu. Semua keluarga saya tahu tentang pantang itu dan tidak mungkin panggilan tersebut daripada mereka, kecuali ada hal yang terlalu mustahak. Saya sungguh terperanjat apabila yang memanggil itu seorang perempuan yang bercakap dalam aksen Indonesia.

"Saya minta maaf," katanya dengan suara lembut. "Saya mendengar dari radio bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengadakan ceramah pada malam Sabtu akan datang ini. Apakah saya boleh ikut hadir?"

"Ibu ini bercakap dari mana?" Saya berat menyangka dia itu pegawai dari Kedutaan Republik Indonesia. Saya kenal baik dengan Bapak Bachtul salah seorang pegawai di situ. Bapak Freddy Salim yang menjadi duta juga saya kenal kerana sewaktu Taufiq Ismail datang, kami diundang makan di rumahnya.

"Saya berbicara dari Kuala Belait," jawabnya.

"Sebab saya mahu bersolat," kata saya. "Boleh ibu telefon balik kira-kira setengah jam lagi."

Setengah jam kemudian seperti yang dijanjikan dia menelefon balik. Dia memberitahu namanya yang sangat manis kedengaran tetapi dia menyuruh saya memanggilnya Nila sahaja. Dia berasal dari Bandung dan sudah berkahwin dengan orang Brunei. Dia sangat ingin untuk mengikut ceramah, seminar, atau apa sahaja kegiatan yang diadakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka selain untuk menambah ilmu pengetahuan, dia juga mahu menghilangkan rasa bosan tinggal di rumah.

Saya menjadi hairan bagaimana dia boleh memilih nombor telefon rumah saya daripada sekian banyak pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka yang nombor telefon mereka ada tercatat dalam buku direktori. Dia memberitahu nombor itu dipilih secara rambang sahaja setelah mendengar berita tentang ceramah yang akan

kami adakan itu. Saya mempersilakan dia dan suaminya datang. Hal itu saya ceritakan kepada Bapak Sjaiful. Malam berikutnya setengah jam sesudah solat maghrib, ketika saya dan Bapak Sjaiful bersiap-siap mahu keluar makan, telefon berbunyi lagi. Nila yang menelefon. Kali ini tanpa saya minta, dia bercerita agak panjang tentang kisah dirinya bagaimana dia boleh berkahwin dengan orang Brunei itu.

"Kenapa ibu ceritakan hal ini kepada saya?" Saya bertanya secara jujur setelah hampir setengah jam melekapkan gagang telefon di telinga. Saya menjadi hairan mengapa dia berani bercerita hal peribadinya kepada saya yang tidak pernah ditemuinya.

"Saya ada semacam naluri," katanya. "Saya macam digerakkan oleh Tuhan untuk menceritakan hal ini kepada bapak."

"Tetapi mengapa saya? Mengapa ibu tidak pergi ke kedutaan, bukankah lebih baik ibu ke sana kerana ibu orang Indonesia?"

"Saya tidak berani," jawabnya. "Pasport saya dipegang oleh suami, saya tidak tahu dengan siapa saya mesti bicara."

"Dengan siapa saja bisa. Mereka tentu akan mendengar pengaduan ibu," jawab saya.

Memang kisahnya amat menarik, kisah manusia yang biasa berlaku di mana sahaja. Dia menerima surat daripada seorang lelaki Brunei untuk berkenalan setelah mendapat nama dan alamatnya daripada sebuah majalah. Bermula dari surat-menyurat itulah perhubungan mereka akhirnya menjadi intim dan bibit-bibit cinta mulai berputik apabila lelaki tersebut mengatakan bahawa dia belum berumah tangga walaupun umurnya sudah agak lanjut. Pinangan lelaki itu telah diterima oleh keluarganya. Mereka pun diijabkabulkan. Satu maj-

dengan Bapak Sjaiful sebab dia juga orang Indonesia yang sudah tentu lebih kenal dengan watak Indonesia daripada saya. Bapak Sjaiful juga bingung dan tidak dapat mencari jawapannya.

Pada malam ceramah Prof. Dr. Mohd. Taib Osman itulah pertama kali kami bertemu muka. Ketika saya menyambut para peserta yang mulai memenuhi bilik kuliah DBP itu, seorang pegawai datang memberitahu ada orang mencari saya di luar. Saya pun keluar, walaupun belum kenal tetapi saya sudah menduga dialah orangnya kerana melihat caranya berpakaian. Berkain batik, berbaju kebaya dan berselendang yang disampir di atas bahu. Orangnya kurus tinggi. Suaminya juga kurus tinggi. Dia memperkenalkan dirinya dan suaminya. Setelah bersalaman saya lalu mempersilakan mereka duduk di hujung sebelah kiri baris depan.

Sahabat yang Pergi

Pada pagi hari ceramah itu diadakan saya mendapat berita daripada Prof. Dr. Mohd. Taib Osman bahawa Jaafar Abdullah sudah meninggal dunia. Menurut Taib, dia meninggal dalam tidurnya. Saya tidak dapat menahan rasa sedih atas kepergiannya itu kerana dia kawan saya yang paling rapat sejak di Singapura dahulu lagi. Saya terkenang pada suatu tengah malam dia datang ke Onan Road minta menumpang tidur kerana bergaduh dengan isterinya Rokiah. Beberapa hari dia tinggal dengan saya sehingga dia berbaik semula dengan isterinya setelah kami pujuk dan mengadakan genjatan senjata. Dia seorang yang baik, tidak tahu marah, wataknya sebagai seorang guru masih terus dibawanya walaupun dia sudah lama meninggalkan profesion itu. Dia paling banyak membantu P. Ramlee pada masa P. Ramlee

mengarahkan filemnya yang pertama *Penarik Beca*. Sebagai Pegawai Penerangan Shaw Brothers, dia dan kawan-kawan yang lain seperti Sudarmaji, Omar Rojik, Jamil Sulong, Kassim Masdor bekerja siang malam membantu menyediakan skrip, menyusun ilustrasi muzik dan sebagainya. Setelah berhenti daripada Shaw Brothers dia berhijrah ke Kuala Lumpur. Dengan H.M. Shah dan P. Ramlee mereka menubuhkan syarikat Perusahaan Filem Malaysia (PERFIMA) yang kemudian sesudah Jins Shamsuddin pulang dari London, Jins, Shahrulbariah dan saya ikut serta. Jaafar meninggal ketika dia berkhidmat dengan Syed Kechik Film Production. *Innalillaha wainna ilaihi rajiun*. Moga-moga Allah s.w.t. mengampunkan dosanya dan mencucurkan rahmat ke atas arwahnya.

Waktu ke Lapangan Terbang Berakas untuk mengucapkan selamat jalan kepada Shaari seorang pegawai di Suruhanjaya Malaysia dan isterinya pulang ke Malaysia, saya bertemu Yusnizar anak perempuan Hoessin Enas, pelukis yang terkenal itu. Dia yang menegur saya dulu kerana saya tidak mengenalinya lagi. Ketika dia masih kecil dan tinggal bersama-sama bapanya di Jalan Hose, saya sering ke rumah mereka. Yusnizar pada satu masa dahulu sudah mulai terkenal sebagai penyanyi. Timbul rasa hairan kenapa dia berada di Bandar Seri Begawan? Nanti saya cerita katanya, tetapi sebelum itu dia memperkenalkan seorang anak muda yang ada bersama-samanya. "Ini Khairil Anwar Jamil," katanya. "Dia dari Johor."

Tiba-tiba sahaja jantung saya berdetak apabila mendengar dia menyebut nama Jamil dan dari Johor pula. Saya ada kawan orang Johor yang bernama Jamil Sulaiman. Beberapa tahun dia di Singapura menjadi wartawan sebelum balik ke Johor untuk bergiat dalam politik

PAS. "Apakah Anwar ini anak Jamil Sulaiman?"

"Ya," jawabnya cepat. "Bapa kenal dengan bapa saya?"

"Bukan kenal lagi, tetapi kami sudah seperti saudara."

Mendengar jawapan saya, tanpa segan-silu dia terus sahaja merangkul tangan saya seperti orang yang sudah lama kenal. Sebaik sahaja Shaari dan isterinya masuk ke tempat berlepas, dia mengajak saya dan Yusnizar ke restoran di sayap sebelah kanan bangunan lapangan terbang itu.

"Saya mahu bapa ceritakan tentang bapa saya. Saya masih kecil waktu dia meninggal dunia. Saya tidak sempat mengenalinya dari dekat."

Saya pun menceritakan kepadanya segala apa yang saya tahu tentang bapanya itu. Tentang ketawanya yang berdekah-dekah apabila ada sesuatu yang menggelikan hati. Bapanya itu telah pulang ke Johor apabila kerjayanya sebagai wartawan tidak begitu memuaskan. Dia lalu menjadi anggota Parti PAS sampai meningkat menjadi salah seorang pemimpin di negeri Johor.

Anwar Jamil sudah lama bertugas di Brunei sebagai arkitek dengan sebuah firma swasta. Sudah berumah tangga dengan seorang wanita Cina semasa menuntut di Australia dan mereka mempunyai seorang cahaya mata yang masih kecil. Dia menjemput saya ke rumahnya di sebuah *flat* di Jalan Gadong tetapi belum sempat saya ke rumahnya, daripada seorang kawan juga orang Malaysia yang bekerja dengan sebuah firma arkitek lain, saya mendapat khabar dia sudah berhijrah *for good* ke Australia. Sejak itu dengan Yusnizar juga saya hanya bertemu sekali di sebuah pasar raya.

Nila menelefon saya pada suatu pagi Jumaat. Dia memberitahu yang dia sedang berada di depan Dewan

Bahasa dan Pustaka. Saya lalu pergi mengambilnya dan membawanya ke rumah Cikgu Raof. Dia lari dari rumah kerana takut diserang oleh madu dan anak tirinya. Mereka telah mengetahui tempat tinggalnya dan pada petang kelmarin ketika suaminya tidak ada di rumah mereka telah datang dengan membawa senjata dan mengancam akan mencederakannya jikalau dia masih tinggal di Brunei.

"Kenapa ibu tidak melaporkan hal ini kepada polis?"

"Suami saya melarang," jawabnya.

"Tetapi nyawa ibu terancam jika benar seperti yang ibu ceritakan."

Sebelum pergi ke masjid, saya menasihatinya supaya menelefon suaminya menyuruhnya datang mengambilnya di situ. Dan supaya dia pergi mengadu halnya ke Kedutaan Republik Indonesia. Tetapi dia kelihatan ragu-ragu yang saya tidak dapat menyelami sebab-musabab-nya.

"Saya tidak dapat menolong kerana ini urusan keluarga. Saya cuma dapat menasihati saja. Pertama, ibu mesti melaporkan hal ini kepada kedutaan kerana ibu warganegara Indonesia. Kedua, ibu pulang dulu buat sementara ke Indonesia beri kesempatan kepada suami ibu menyelesaikan masalahnya di sini. Berbicaralah dengan baik kepadanya, cuba berikan pengertian, kerana dia mungkin tidak dapat berfikir dengan tenang. Saya tahu dia sayangkan ibu dan juga masih ada ikatan dengan keluarganya. Nah, telefon suami ibu sekarang ini juga!"

Waktu saya pulang dari masjid, isteri Cikgu Raof memberitahu Nila sudah dijemput suaminya dan tidak sempat makan. Cikgu Raof, isterinya Kiah dan saya berbincang panjang tentang perempuan Indonesia itu. Kami bersimpati dengan masalah yang dihadapinya

kerana dia seorang perempuan tanpa keluarga di negara asing. Bagi saya, rasa hairan yang lalu itu kembali berlegar di dalam kepala. Kenapa saya, orang yang tidak dikenalinya menjadi tempat dia mengadu?

Beberapa hari kemudian saya mendapat telefon lagi daripadanya. Dia memberitahu bahawa dia akan pulang ke Indonesia pada keesokan petang. Petang itu saya pun pergi ke lapangan terbang seorang diri untuk melihat apakah dia benar-benar pulang. Dari balkoni tempat orang melihat penumpang berlepas, saya melihat dia dan suaminya sedang menunggu bersama-sama penumpang yang lain. Saya pun pulang ke rumah. Dua minggu kemudian saya terima surat daripada ibunya yang mengucapkan terima kasih atas segala bantuan dan nasihat sehingga anaknya itu telah selamat kembali kepadanya. Surat tersebut saya jawab dengan baik dan kisah itu pun tamat sampai di situ sahaja. Saya tidak pernah lagi mendengar ceritanya sehinggalah pada suatu tengah hari, beberapa hari sebelum saya pulang ke Kuala Lumpur saya terserempak dengan mereka berdua di Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan. Saya hampir lupa jikalau dia tidak menegur. Sesudah bertanya-tanyakan khabar, kami pun berpisah.

Mulai pertengahan tahun 1988 itu telah terjadi perubahan yang besar di Dewan Bahasa dan Pustaka. Hajah Fatimah Haji Mohd. Hussin yang selama ini menjadi timbalan pengarah telah dipindahkan ke Kementerian Luar Negeri. Tempatnya digantikan oleh Nellie Haji Sunny seorang pustakawan kanan dari Dewan Bahasa dan Pustaka juga. Hajah Fatimah walaupun seorang wanita tetapi telah memperlihatkan kebolehannya sebagai seorang pentadbir yang cekap dan kami merasa satu kehilangan.

Kontrak saya yang kedua sudah hampir tamat. Tanpa

disedari masa berjalan begitu cepat. Rupa-rupanya sudah hampir tujuh tahun saya di sini. Saya rasa sudah cukup lama dan tidak bercadang mahu menyambungnya lagi kerana memikirkan isteri dan anak-anak yang tinggal jauh di Petaling Jaya. Walaupun sejak enam tahun yang lalu isteri saya telah memikul tanggungjawab menjaga dan mendidik anak-anak dengan baik dan dapat mengatasi berbagai-bagai masalah anak-anak yang sedang membesar, tetapi sebagai bapa saya perlu berada di samping mereka ketika mereka dalam proses membesar. Menurut peraturan jabatan, saya mesti memberitahu dengan surat enam bulan sebelum kontrak tamat sama ada mahu disambung ataupun tidak. Saya lalu menulis surat kepada pengarah memberitahu bahawa saya akan menamatkan kontrak saya.

Pada bahagian akhir tahun 1988 itu tidak ada perkara-perkara yang penting berlaku, kecuali anak saya yang perempuan Inongputri yang sedang belajar di Sekolah Menengah Sri Aman Petaling Jaya telah diterima masuk belajar di Maktab Rendah Sains MARA Kem Terendak, Melaka. Dia mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan SRP-nya. Abdul Latiff Abu Bakar datang ke Brunei dan mengajak saya ke Limbang kerana ada Sayembara Deklamasi Puisi Hari Kebangsaan peringkat negeri Sarawak yang diselenggarakan oleh GAPENA.

Penutup tahun 1988 ialah Dialog Teluk Brunei ke-2 yang berlangsung di Bandar Seri Begawan yang dihadiri oleh ramai perwakilan dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Saya tidak mengambil bahagian yang aktif dalam perjumpaan ini tetapi merasa gembira kerana dapat bertemu semula beberapa orang kawan dari Semenanjung, antaranya kawan-kawan dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Tahun 1989, tahun akhir bagi kontrak saya yang

kedua telah membuka tirai. Ini bererti hanya tinggal beberapa bulan sahaja lagi saya akan memulai cuti kontrak. Jika kontrak ini tidak disambung maka saya tidak akan kembali lagi ke mari. Saya merasa sudah cukup khidmat saya selama enam tahun. Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera yang saya bina dan pimpin sudah stabil. Majalah *Mekar* sudah berada pada taraf yang kukuh, mendapat sambutan yang cukup menggalakkan daripada para pelajar, walaupun jumlah edarannya telah turun kepada 12 000 naskhah sebulan tetapi masih mantap. Satu pencapaian yang boleh dikatakan cukup tinggi bagi sebuah majalah untuk pelajar sekolah rendah dan menengah rendah di Brunei. Majalah *Bahana* sahaja yang agak susah mahu meningkatkan pembacanya kerana skopnya yang amat terbatas dan sukar untuk menandingi *Dewan Sastera* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur yang sudah dianggap sebagai majalah elit untuk para penulis kreatif. Bengkel dan berbagai-bagai aktiviti yang berhubung kait dengan sastera boleh dikatakan tidak pernah berhenti dijalankan dari semasa ke semasa.

Seperti kebiasaannya pada setiap awal tahun saya akan mengirimkan sebuah cerpen kepada editor *Dewan Sastera* di Kuala Lumpur. Kali ini saya kirimkan kepada Sutong Umar RS sebuah cerpen yang agak panjang berjudul "Sebuah Masjid Di Sebuah Kota Pelabuhan". Idea cerpen ini timbul kerana dari bilik pejabat saya di tingkat tiga bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka itu nampak jelas Masjid Omar Ali Saifuddin, masjid yang terbesar dan agak unik di Bandar Seri Begawan. Bentuk masjid ini jika dilihat dari atas seperti sebuah bangunan panjang, dengan anjung di kiri kanan. Dengan melihat masjid itu setiap hari, maka timbul idea untuk menulis tentang sebuah masjid yang pernah saya lihat di sebuah

kota pelabuhan di utara Sabah. Entah mengapa cerpen itu agak panjang seperti sebuah novelet atau cerpen panjang, sehingga terpaksa disiarkan secara bersambung. Saya tidak tahu. Ketika semakin tua keghairahan untuk menulis menjadi semakin kuat dan seperti tidak puas kalau belum dapat mencurahkan kesemua masalah yang bergolak dalam kepala di atas kertas.

Satu hal yang agak mengganggu saya sekarang, dalam masa beberapa bulan sebelum mengambil cuti, saya mesti menyiapkan penyuntingan novel-novel hasil sayembara menyambut kemerdekaan Brunei sebelum ditaip bersih untuk dimasukkan ke percetakan. Saya tidak dapat meminta bantuan pegawai-pegawai di BPPS untuk menyemaknya kerana sebahagian besar daripada novel yang menerima hadiah itu perlu dikemaskinikan sebelum dicetak. Cadangan daripada panel hakim, ada beberapa bahagian daripada novel itu yang mesti dibuang atau ditulis semula oleh penulisnya. Hampir semua novel itu tebal-tebal belaka, seperti sudah ada semacam anggapan di kalangan penulis Brunei bahawa novel yang baik itu mestilah yang tebal. Anggapan ini mungkin timbul daripada pengalaman yang lalu, apabila semua novel karya Muslim Burmat yang membolot hadiah utama tidak ada yang kurang daripada 400 muka. Muslim Burmat seorang penulis Brunei yang terbaik pada masa ini dan sangat prolifik. Dia amat berpengalaman dalam bidang penulisan kreatif kerana penglibatannya yang cukup lama. Bukan sahaja novel, cerpennya juga panjang-panjang. Penguasaan bahasa dan jalan cerita yang digarapnya cukup terkawal. Novel yang baik tidak mesti tebal, sebagai contoh Ernest Hemingway pengarang Amerika, novelnya *The Old Man and The Sea* cuma kira-kira 120 muka tetapi novel itulah yang membawa dia ke kemuncak kejayaannya meraih Anugerah Hadiah

Nobel, bukan novel yang tebal.

Selain membaca dan menyemak novel-novel ini, saya sebagai Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera telah diamanahkan menjadi pengerusi jawatankuasa penyelenggara penerbitan antologi sastera ASEAN bagi Negara Brunei Darussalam. Jawatankuasa ini mesti menerbitkan beberapa buah antologi seperti yang diputuskan oleh *The ASEAN Committee On Culture And Information* atau ringkasnya COCI. Semua negara ASEAN telah membentuk jawatankuasa masing-masing. Brunei sebagai ahli ASEAN yang terkemudian boleh dikatakan sudah jauh ketinggalan dalam proses penerbitan antologi ini. Filipina dan Singapura telah mendahului negara-negara anggota yang lain, mereka tidak menghadapi masalah penterjemahan yang rumit seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand. Seperti yang telah disyaratkan, setiap negara mesti menerbitkan dua edisi untuk sesuatu genre – edisi bahasa kebangsaan dan edisi bahasa Inggeris. Edisi bahasa kebangsaan walaupun mudah tetapi proses pemilihan selalu memakan masa yang lama dan agak cerewet. Ia mesti dikerjakan dengan hati-hati terutama dalam membuat penilaian terhadap sesuatu karya yang mahu dipilih, baik yang klasik mahupun yang moden, kerana ia akan menjadi wakil bangsa dan negara dalam bidang kebudayaan di arena antarabangsa. Sejak jawatankuasa ini ditubuhkan kira-kira setahun yang lalu, hampir tiap bulan kami mengadakan mesyuarat. Saya merasa beruntung kerana ahli jawatankuasa lain terutama dari Brunei sendiri seperti Haji Abdul Hakim Haji Mohd. Yassin yang menjadi timbalan pengerusi, Awang Ahmad dan Haji Magon Haji Ghaffar yang bertindak sebagai sekretaris mempunyai banyak ilmu tentang sastera Brunei. Drs. Lutfi Abas dari Universiti Brunei Darussalam memang seorang ahli bahasa

dan sastera yang sudah terkenal. Mereka dengan penuh dedikasi tidak pernah mangkir dalam setiap kali mesyuarat, sehingga dalam masa tidak sampai satu tahun kami telah dapat menyiapkan antologi *Warisan Puisi Melayu Brunei* bagi edisi bahasa Melayu. Malangnya sesudah siap dicetak, entah di mana silapnya, telah terjadi kesalahan teknikal yang agak serius sehingga buku itu terpaksa dicetak semula dan pada akhir tahun 1991 buku itu baru dapat diedarkan. Edisi bahasa Inggeris telah tertangguh kerana kesukaran mendapatkan penterjemah yang mahir dalam dialek Brunei. Kami kini sedang mengerjakan penerbitan antologi puisi Melayu moden yang mungkin bahannya tidak sesukar warisan puisi Melayu yang lalu. Sebahagian besar bahan-bahan untuk projek ini telah terkumpul di Bahagian Penyelidikan dan juga di bahagian saya.

Daripada sekian banyak aktiviti yang pernah saya cadangkan selama di Brunei, cuma satu sahaja yang belum dapat dilaksanakan iaitu penubuhan sebuah persatuan sahabat *Mekar* yang berdaftar. Ia bertujuan bagi membimbing anak-anak dalam berpersatuan dan melatih mereka membuat kerja-kerja kebajikan yang sesuai dengan tenaga dan inteleknya berpedomankan sifat semut yang menjadi lambang majalah itu. Satu lagi cadangan ialah mengambil beberapa orang pelajar yang berminat dalam bidang penulisan untuk dijadikan anak angkat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka selama satu minggu pada masa cuti sekolah. Mereka akan dikumpulkan di satu tempat, diberi bimbingan penulisan secara intensif dari aspek teori dan amali dan diberi pendedahan tentang fungsi sebaran am, kerja-kerja editor percetakan sambil bergaul dengan para penulis yang sudah mapan.

Hanya ada lebih kurang empat bulan untuk saya

bertugas di sini sebelum menghabiskan kontrak yang kedua ini dan sesudah itu saya akan mula bercuti selama 104 hari iaitu baki daripada cuti kontrak yang sudah saya gunakan. Sebenarnya saya seorang yang tidak tahu bagaimana mahu menggunakan cuti. Cuti yang pendek waktu di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur dahulu pun agak sukar digunakan selain membawa keluarga ke luar kota. Itu pun paling lama tiga empat hari dan yang selebihnya akan dihabiskan di Dewan Bahasa dan Pustaka juga. Jadi apa yang harus dilakukan dengan cuti yang sampai berbulan-bulan seperti ini?

Beberapa hari sebelum saya memulakan cuti kontrak, saya dipanggil oleh pengarah kerana ada satu mesyuarat tergempar antara ketua-ketua bahagian. Pengarah baru sahaja pulang dari kementerian kerana ada taklimat daripada seorang menteri muda yang baru dipindahkan ke kementerian itu yang menjadi payung kepada jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka. Menurut pengarah, menteri itu mahukan satu rancangan kerja yang berwawasan bagi setiap jabatan di bawah kementeriannya dan ia mesti disampaikan kepadanya mengikut giliran. Giliran yang pertama jatuh kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Perancangan itu kata pengarah, mestilah yang asli Brunei, tidak mahu ditiru dari Indonesia atau dari Malaysia.

Bahagian saya berada pada tangga kedua dalam struktur Dewan Bahasa dan Pustaka, sesudah bahagian bahasa. Oleh sebab itu dalam semua mesyuarat atau perbincangan, saya menjadi orang kedua bercakap atau yang ditanya. Tetapi apabila mendengar kata-kata pengarah bahawa kita tidak boleh meniru Indonesia dan Malaysia maka saya merasa terpanggil untuk menjawabnya segera. Saya lalu meminta izin kepada Ketua Bahagian Bahasa supaya saya diberi kebenaran berbicara lebih dulu.

"Saya minta maaf," kata saya dengan suara yang agak emosional sedikit. "Dalam hal ini saya membantah penggunaan perkataan tiru itu. Apa sebab kita tidak boleh meniru perkara-perkara yang baik? Adakah benda dalam dunia ini yang tidak ditiru orang? Lampu elektrik ini saja. Waktu direka oleh Thomas Edison dahulu saya kira bukan begini bentuknya. Tetapi kerana ada peniruan yang halal maka inilah yang kita terima sekarang yang telah memberi kemudahan kehidupan kepada kita semua. Brunei beruntung kerana lambat merdeka dan merdeka secara aman, tidak seperti Indonesia dan Malaysia yang terpaksa berjuang dan kemudian belajar daripada *trial and error* waktu membangunkan negara. Berapa banyak masa yang terbuang, tenaga yang digunakan dan wang yang dibelanjakan untuk dapat mencapai seperti keadaan sekarang ini? Jadi kenapa kita tidak boleh meniru perkara-perkara yang baik dan kita sesuaikan dengan sifat kebruneian kita?"

Semuanya terdiam. Melihat mereka diam seperti itu saya lalu menyambung, "Ini, Dewan Bahasa dan Pustaka pun adalah tiruan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Buat apa lagi Brunei mengadakan jabatan serupa ini? Banyakkah buku yang mahu diterbitkan?"

Saya sedar bahawa ucapan saya itu agak pedas sedikit, tetapi saya terpaksa meluahkannya kerana merasa anggapan tidak boleh meniru perkara-perkara yang baik itu adalah satu kekeliruan ego yang tidak pada tempatnya. Apakah benda yang tidak ditiru sekarang ini?

Apabila tidak ada yang bercakap, saya pun menyambung, "Ketika saya baru sampai ke mari dulu, saya ada mengemukakan satu cadangan supaya DBP Brunei dijadikan biro terjemahan untuk menterjemahkan buku-buku bahasa asing ke dalam bahasa Melayu bagi keperluan negara-negara berbahasa Melayu. DBP Brunei ini

dijadikan pusat terjemahan seperti yang dilakukan oleh Jepun. Kerajaan Brunei boleh mengirimkan pelajar yang berpotensi dalam bahasa, belajar bahasa dunia yang penting untuk bertugas sebagai penterjemah daripada bahasa asal bukan daripada terjemahan Inggeris. Sesudah Brunei Darussalam menjadi ahli MABBIM maka pelajar-pelajar Malaysia dan Indonesia juga boleh direkrut dan diberi biasiswa untuk belajar bahasa asing yang kemudian bertugas di biro terjemahan tersebut. Dengan demikian semua buku ilmu pengetahuan terus dapat diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu langsung daripada bahasa asalnya dalam masa yang paling singkat sesudah buku itu diterbitkan. Begitu yang dilakukan oleh Jepun dan begitulah pula yang menyebabkan orang Jepun cepat maju."

Pengarah tertarik dengan cadangan saya itu walaupun dibantah oleh salah seorang ketua bahagian yang menganggap cadangan itu sukar dilaksanakan, tetapi diambil juga sebagai satu cadangan.

"Lain?" katanya.

"Saya pernah juga membuat kertas kerja mengenai hadiah sastera Melayu se-Nusantara mengikut modul *S.E.A. Write Award*. Oleh sebab Brunei sebuah negara Islam maka kita beri hadiah sastera berunsur Islam."

Saya agak terperanjat apabila mendengar bahawa kertas kerja itu tidak pernah dikemukakan kepada pihak atasan kerana dikhuatirkan orang luar saja yang akan membolot hadiahnya.

"Bagaimana dengan Hadiah Hemingway yang dibiayai oleh Sultan Brunei sewaktu baginda melawat Paris dahulu? Apakah ada orang Brunei yang mendapatnya? Jangankan orang Brunei, orang Asia pun tidak akan dapat merasainya," kata saya.

Nota Hujung

1 Baca *Aku Tidak Minta*, 1967. Singapura: Pustaka Nasional.

2 Kali pertama waktu mahu membeli rumah.

3 Sebelum saya menamatkan kontrak yang ketiga, ada berita dari Banda Aceh bahawa Harry Aveling telah memeluk Islam dan mengambil nama Hafiz Arif. Orang Aceh memberi gelaran sebagai "Tengku Putih".

4 Lihat *Sebuah Perjalanan*, 1988. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 319–20.

5 B. Wiwoho *Pasukan Meriam Mukumsanany (Sebuah Pasak dari Rumah Gadang Indonesia Merdeka)*, Penerbit Bulan Bintang, Jakarta, 1985.

6

BRUNEI, SELAMAT TINGGAL

Yang Marah-marah

PADA suatu pagi dalam minggu akhir tahun 1989, pengarah telah memanggil saya ke biliknya. Waktu sampai saya melihat ada seorang perempuan muda tinggi lampai dan berkulit cerah sedang duduk di tempat tamu. Dia diperkenalkan kepada saya oleh pengarah sebagai pegawai baru, yang dikirimkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka. Namanya Nortijah binti Haji Hassan. Dia bersama-sama dua orang lagi kawannya ialah mahasiswa kumpulan pertama lepasan Universiti Brunei Darussalam. Sebahagian besar mahasiswa pertama universiti itu terdiri daripada pegawai kerajaan dan guru sekolah yang sedang berkhidmat. Sesudah tamat mereka dikembalikan ke tempat bertugasnya yang asal, sementara mereka yang belum bekerja dihantar ke berbagai-bagai jabatan termasuklah Dewan Bahasa dan Pustaka. Nortijah mula-mula ditempatkan di Bahagian Perpustakaan tetapi kemudian ternyata tempat itu tidak cocok dengan bidang pengajian yang diambilnya, sejarah dan bahasa. Saya dipanggil oleh pengarah kerana pada pandangannya Nortijah lebih sesuai di Bahagian Majalah, sebab

dia telah mengambil pengajian dalam jurusan bahasa.

"Pernah menulis karya kreatif?" tanya saya setelah mendengar penerangan daripada pengarah.

"Tidak," jawabnya ringkas.

"Ada minat dalam bidang karya kreatif?"

"Ada juga sedikit-sedikit. Tetapi belum pernah cuba menulis."

"Kalau ada minat itu sudah baik," kata saya. "Mau belajar?"

"Mau," jawabnya ringkas.

"Sanggup bekerja keras?"

Dia mengangguk. Saya tahu dia boleh dibimbing asalkan sahaja dia ada minat dan kemahuan. Sebagai lepasan universiti dia sudah mempunyai disiplin ilmu.

Setelah mendengar jawapan itu, saya pun berpaling kepada pengarah yang sedang duduk di mejanya.

"Bagaimana?" tanya pengarah. "Boleh tuan haji mengambilnya?"

Pada 2 Januari, Nortijah pun melapor diri sebagai pegawai bahasa di bahagian saya. Dalam bahagian yang kecil itu sudah ada dua orang pegawai bahasa, yang belum pernah berlaku di bahagian lain. Seorang lagi ialah Haji Leman Ahmad yang dipindahkan dari Bahagian Buku-Buku Sekolah pada bulan September lalu mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh Haji Muslim yang memilih tinggal di Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera. Kedatangan Nortijah walaupun sebagai orang baru yang tidak tahu apa-apa tetapi telah memberi peluang yang baik kepada saya untuk mendidiknya menjadi seorang pentadbir. Haji Leman saya serahkan tugas menangani urusan penerbitan majalah dan Nortijah mengambil tugas sebagai pentadbir bahagian itu sambil belajar menjadi penulis dan editor.

Masalah yang timbul dengan kedatangannya ialah

tempat duduknya, di mana dia akan diletakkan. Sudah tidak ada lagi tempat yang terluang di ruangan yang kami kongsi bersama-sama Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera. Ruangan itu dahulunya hanya khas untuk BPPS sahaja tetapi kini telah dipecah dua, sesudah Bahagian Majalah menjadi satu bahagian sendiri. Walaupun semua pegawai di situ dahulunya berada di bawah satu pentadbiran tetapi kini sudah berubah. Haji Muslim yang dahulunya mempunyai bilik sendiri terpaksa menyerahkan bilik itu kepada Haji Hakim yang menjadi Ketua BPPS yang baru dan dia keluar duduk bersama-sama pengarang dan penolong pengarang. Haji Abdul Rahman Yusof, pengarang kanan di bahagian saya yang lebih rendah pangkatnya ada biliknya sendiri yang dikongsi dengan Haji Leman Ahmad.

Saya mempunyai sebuah bilik yang cukup besar. Mengapa saya tidak tawarkan sahaja tempat di dalam bilik itu yang masih boleh muat satu meja lagi? Masalahnya belum pernah menjadi tradisi di sini atau di pejabat lain, ketua bahagian berkongsi bilik dengan pegawai bawahannya. Saya lalu mencuba memecahkan tradisi tersebut. Memang agak gempar juga dan mulai menjadi buah mulut di kalangan pegawai tinggi dan rendah di jabatan itu. Rasionalnya, mengapa saya sebagai ketua bahagian yang perlukan *privacy* berkongsi bilik dengan pegawai bawahan dan yang kedua, agak sensitif sedikit pegawai itu seorang wanita. Tetapi saya tidak menghiraukannya. Saya mengambil sikap masa bodoh, kerana saya berbuat sesuatu perkara yang baik. Saya pegawai kerajaan dan dia juga pegawai kerajaan dan lebih daripada itu dia timbalan saya yang perlu mengetahui segala tanggungjawab yang saya pikul. Kekurangannya hanyalah dia orang baru!

Sejak hari pertama dia melapor diri, sesudah saya

memberikan taklimat tentang tugas-tugasnya sebagai timbalan ketua di bahagian itu, saya lalu menyuruhnya mendekatkan diri dengan buku-buku kreatif. Setiap hari dia mesti membaca buku dan saya akan menguji pemahamannya, melalui penilaian yang dibuatnya. Setelah sebulan berlalu saya menyuruhnya menulis sebuah cerpen. Dalam masa satu minggu sahaja dia telah mengemukakan sebuah cerpen dengan sebuah tema yang menarik. Dia sangat gembira apabila cerpennya itu kemudian disiarkan dalam majalah *Bahana*. Dengan kejayaan itu telah menimbulkan keazaman baru untuknya menulis cerpen lain, malah akan cuba menulis sajak dan novel jika masa mengizinkan. Akhirnya dalam masa beberapa bulan sahaja dia sudah dapat menyesuaikan diri tidak sahaja dengan suasana pekerjaannya tetapi juga sebagai orang sastera. Saya sudah boleh menyerahkan sebahagian daripada tugas saya kepadanya, walaupun kadang-kadang, sebagai orang muda dan baru, dia agak payah mendapat kerjasama yang penuh daripada pegawai-pegawai yang lebih *senior*. Namun, saya tetap memberikan galakan dan sokongan kepadanya supaya jangan mudah kecewa dan putus asa. Saya yang sudah tua dan berpengalaman ini pun pernah dicabar oleh orang bawahan. Pernah pada suatu hari seorang pengarang kanan datang dalam keadaan marah-marah sambil menolak pintu bilik saya dengan kakinya, memprotes tentang tempat duduknya yang tidak selesa. Dia sebagai pengarang kanan memerlukan tempat yang selesa untuk bekerja, tetapi mejanya yang penuh dengan timbunan buku itu tersorok di satu sudut yang sempit.

Melihat keadaannya yang sedang marah-marah itu saya mempersilakannya duduk, lalu dengan lembut saya bertanyakan masalahnya.

"Siapa pun tidak dapat menyelesaikan masalah

tempat duduk ini," kata saya. "Memang tempatnya tidak ada kecuali apabila bangunan baru di Berakas itu siap. Tetapi jikalau awda mahu, pindahlah ke bilik saya ini. Saya boleh duduk di mana-mana saja asalkan pegawai-pegawai di sini tetap mengakui saya sebagai ketuanya. Di tangga atau di kaki lima saya tidak ambil kisah."

"Saya tidak mahu ambil tempat bapak," jawabnya. "Bapak ketua di sini."

"Nah kalau begitu baliklah ke tempat biasa, sabar sampai ada tempat yang baru."

Pernah satu masa yang lain, dalam bulan puasa, seorang pegawai datang menyerang kerana ada seorang pegawai temannya memberitahu bahawa saya ada menegur caranya bekerja dalam satu mesyuarat yang tidak dihadirinya. Pegawai itu telah menulis sebuah rencana dan kerana faktanya tidak lengkap, saya lalu menyuruhnya pergi mendapatkan maklumat daripada orang yang berkenaan. Tetapi sebaliknya dia mengambil jalan mudah dengan membuang sahaja fakta-fakta tersebut. (Itulah yang saya ambil jadikan contoh kerana dia pegawai di bawah saya dan rakan daripada pegawai-pegawai yang lain maka saya sebutkan namanya.) Saya tidak tahu apa yang diceritakan oleh temannya itu tetapi dia begitu marah sekali. Dia mengangkat tangannya seperti mahu memukul saya sambil berkata, "Ini orang Brunei. Ini orang Brunei."

Dia berkata-kata itu dari seberang meja. Saya bangun mendekatinya dan berkata, "Saya tahu kamu orang Brunei. Ada apa? Bulan puasa ini tidak baik marah-marah."

"Saya orang Brunei," dia terus mengaju-ajukan penumbuknya. Saya tahu dia tidak akan dapat berbuat apa-apa. Saya semakin merapatinya. Pada waktu itu pula beberapa orang pegawai lain masuk ke dalam bilik itu

dan menariknya keluar. Saya tidak marah atas perbuatannya itu dan tidak mahu melaporkan kepada pihak atasan kerana dia masih muda, peluangnya di kemudian hari luas terbentang. Tidak lama sebelum saya pulang ke Malaysia, dia pindah ke pejabat lain dengan pangkat yang lebih tinggi.

Pada suatu tengah hari sesudah waktu makan, Nortijah tidak muncul-muncul hingga jam 2.00 lebih. Tidak ada berita dan pesanan. Saya menjadi khuatir lalu menelefon ke rumahnya. Agak terperanjat apabila mendengar suaranya seperti orang menahan sebak.

"Kenapa?" Saya bertanya. "Kenapa menangis, kenapa tidak datang ke pejabat?"

"Saya tidak mahu datang," jawabnya. "Saya sedih dimarahi seperti anak-anak."

"Siapa yang marah?"

Dia tidak mahu bercakap walaupun sudah berkali-kali saya bertanya. Sikapnya yang mendiamkan diri seperti itu membuat saya menjadi serba salah. Saya sudah dapat mengagak dia dimarahi oleh ketua bahagian lain ketika meminta penjelasan tentang kesilapan yang terjadi dalam salah sebuah majalah. Oleh sebab dia tidak mahu bercakap maka saya tidak dapat mengagak berapa serius masalahnya sehingga dia dimarahi dan tidak mahu datang ke pejabat.

Pada petang itu sesudah waktu pejabat saya singgah di rumahnya dalam perjalanan ke kedai makan "Sedia Menanti". Suaminya sudah ada di rumah. Di hadapan suaminya saya mendengar laporan tentang pertemuannya dengan ketua bahagian tersebut dan bagaimana dia dimarahi. Dia merasa kecil hati kerana dituduh sengaja mahu mencari kesalahan orang lain.

Saya menasihatinya supaya banyak bersabar dalam menghadapi kerenah manusia. "Dia pun seperti Norti-

jah juga, mahu mempertahankan haknya. Sebab itu tidak boleh lekas marah apalagi merajuk tak mahu datang ke pejabat. Perbuatan serupa itu salah. Pejabat itu tempat kita bertugas, kita ada tanggungjawab di sana."

"Tetapi saya dimarahi seperti anak-anak," jawabnya memprotes.

"Sebab dia tahu Nortijah orang baru. Disangkanya belum tahu bekerja. Nortijah tidak boleh kalah, walaupun baru bekerja tetapi tunjukkan kepadanya bahawa Nortijah berperibadi kuat, tidak boleh dibuli sembarangan."[1]

Sejak itu dia tidak pernah menangis lagi. Apa sahaja tugas yang saya berikan kepadanya akan dilakukannya dengan sebaik-baik mungkin. Dia hadapi pegawai-pegawai bawahan dengan bijaksana walaupun kadang-kadang ada antara mereka itu meleceh-lecehkannya kerana dia orang baru, masih banyak kerja dan tugasan yang belum diketahui.

Mellisa dan Satoko

Pada hari Nortijah melapor diri itu saya menerima sekeping kad dari Seremban yang dikirimkan oleh Mellisa Wan Yit Fang. Mellisa ialah mahasiswa yang sedang membuat sarjana sastera di Universiti Malaya. Dia telah diperkenalkan kepada saya oleh Mahadzir Mohd. Khir waktu pulang cuti kontrak tahun lalu. Mahadzir yang secara kebetulan berjumpa saya di universiti itu memberitahu ada seorang pelajar perempuan Cina sangat ingin berjumpa saya, tetapi dia tidak memberitahu namanya. Saya menyuruh Mahadzir memberitahu pelajar tersebut supaya menulis sahaja kepada saya di Brunei. Pada awal bulan Ogos tahun itu saya pun

mulai menerima surat-suratnya yang berisi berbagai-bagai pertanyaan. Dia mahu membuat kajian tentang *Sebuah Perjalanan* untuk tesis sarjana sasteranya. Sejak itu hampir setiap bulan kami berutus-utus surat. Dia seorang yang sangat rajin menulis, berbagai-bagai subjek yang dibicarakan dalam surat-suratnya. Bahasa Melayunya baik. Daripada surat-suratnya, saya mendapat idea untuk menulis cerpen "Mellisa" yang telah disiarkan dalam *Dewan Sastera*.[2] Saya minta izin mahu menggunakan namanya sebagai judul dan menggunakan sebahagian daripada isi surat-suratnya. Pada hari raya dia datang ke rumah. Pertama kali kami bertemu. Orangnya kecil molek, sederhana tinggi, petah berkata-kata, ramah dan amat simpatik. Sejak itu beberapa kali dia datang ke rumah saya. Kali terakhir ketika tesisnya hampir selesai ditulis. Dia datang sebagai usaha terakhir menyempurnakan tesisnya itu. Saya tertarik ketika dia mengatakan bahasa *Kisah Hidup P. Ramlee* itu lebih baik daripada buku *Harun Aminurrasyid, Pembangkit Semangat Kebangsaan Melayu*. Saya lebih bebas katanya, menulis kisah P. Ramlee. Kenapa? Saya kagum atas sikapnya yang berterus terang serupa itu. Inilah pertama kali orang membuat komen tentang buku biografi Harun Aminurrasyid yang saya sendiri kurang puas hati dengan hasilnya. Saya merasa amat terkongkong ketika menulis biografi tersebut. Pertama, kerana saya tidak begitu rapat dengan Harun semasa hayatnya. Hanya sekali saya benar-benar dekat dengannya iaitu ketika kami diundang oleh Pemuda UMNO Pontian memberi ceramah di Sekolah Melayu Pontian. Saya pergi dengan Dr. Burhanuddin al-Hilmy dan Harun datang kemudian.[3] Di Pontian kami tinggal bersama-sama di rumah Haji Kumasi Dainuri. Kedua, kerana pergerakan kami seperti dipisahkan oleh satu *gap* terutama apabila kami mahu menubuhkan

Persatuan Wartawan Melayu Singapura. Harun tidak ikut serta walaupun kawan-kawannya seperti Mahmud Ahmad dan Ramli Abdul Hadi, malah A. Hamid al-Edrus yang tidak sehaluan dengan A. Samad Ismail dan Asraf itu pun kemudian ikut menjadi ahlinya. Ketiga, kerana dia memang sudah terkenal sebagai guru yang membangkitkan semangat kebangsaan yang dikagumi oleh murid-muridnya di seluruh pelosok Tanah Melayu, Brunei, Labuan dan Sarawak. Keempat, dia seorang penulis novel yang ulung, novelnya *Panglima Awang* telah menjadi buku teks. Kelima, dia juga editor dan penerbit berbagai-bagai majalah dan pada satu masa pernah menjadi ketua pengarang akhbar *Melayu Raya*. Perkara-perkara inilah yang membuat saya tidak begitu bebas menulis walaupun beberapa kali saya membuat wawancara di rumahnya di Opera Estate, Singapura. Yang menambahkan kesulitan, pada masa itu dia sudah diserang angin ahmar, sebelah mulutnya senget dan tidak dapat bercakap dengan jelas. Bahan-bahan yang ada padanya juga sudah banyak yang hilang, dipinjam orang dan tidak dikembalikan lagi. Saya juga menghadapi kesukaran ketika mewawancara beberapa orang mantan muridnya baik yang di Tanah Melayu, Labuan, Brunei, Sarawak dan Sabah. Semuanya akan bercerita perkara yang sama tentang kehebatannya waktu menjadi guru di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim. Tidak ada perkara yang berlainan. Hal ini amat berbeza dengan P. Ramlee. Saya tidak mewawancaranya, saya mencatat cerita dari mulutnya sendiri apabila dia bercerita kepada orang tentang dirinya, tanpa disedarinya. Sebenarnya P. Ramlee amat susah untuk diwawancara. Dia mempunyai seribu satu macam alasan untuk mengelakkan diri.

Pada hari Rabu 31 Januari, seperti biasa saya menger-

jakan solat zuhur di Masjid Omar Ali Saifuddin. Ketika berdiri di bahu jalan di hadapan bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka, saya memandang ke arah masjid yang jaraknya hanya beberapa ratus meter sahaja dari situ. Saya melihat ada seorang perempuan berdiri di tangga masjid. Apabila saya sampai, perempuan itu seorang yang masih muda menganggukkan kepalanya kepada saya yang sedang membuka sepatu. Melihatnya sebagai wanita Jepun maka dengan tiba-tiba sahaja terlompat keluar dari mulut saya kata-kata:

"*Anata wa Nippon jin desuka?*"

Dengan agak terperanjat, dia sebaliknya bercakap Inggeris. "*You can speak Japanese?*"

"*Sukoshi-sukoshi,*" jawab saya dan mulai hairan sendiri yang saya masih boleh berbahasa Jepun.

Barangkali kerana itu saja perkataan yang masih saya ingat maka kami pun bercakap Inggeris. Dia bertanya apakah saya mahu masuk bersolat dan bolehkah dia melihatnya? Oleh sebab dia memakai seluar panjang berbunga-bunga, baju kemeja lengan pendek dan bertopi kain besar, saya berkata boleh, cuma buka kasut dan duduk di dekat pintu besar.

Sesudah solat saya lihat dia sudah berada di atas jalan masjid dalam panas sedang melayan seorang anak muda lelaki yang cuba mahu bermesra dengannya. Demi melihat saya, dia berkata kepada anak muda itu dalam bahasa Inggeris bahawa dia sedang menunggu saya. Anak muda itu pun mengangkat tangan dan pergi.

"Sudah makan?" Saya bertanya kepadanya.

"Saya cuma makan pagi saja."

"Mau makan bersama saya? Tetapi bukan di hotel yang kamu tentu sudah biasa. Saya mahu bawa ke kedai makan biasa."

Dia bersetuju. Kami lalu berjalan bersama-sama ke

bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengambil kereta. Dia memberitahu namanya Satoko Matsuda dari Osaka, Jepun yang sedang dalam perjalanan ke Australia dan New Zealand. Saya membawanya ke kedai Ibrahim. Setelah makan dia ikut saya balik ke Dewan Bahasa dan Pustaka kerana katanya mahu melihat rumah di Kampung Air. Dia tinggal menumpang di rumah Pengurus Yaohan. Petang itu sebelum habis waktu pejabat dia datang lagi ke tempat saya memberitahu dia mahu ke Yaohan dan mengucapkan terima kasih. Saya mempelawanya ke rumah. Tanpa banyak kerenah dia ikut saya balik ke rumah. Setelah solat asar saya menghantarnya ke Yaohan dan dia memperkenalkan saya dengan pengurus yang bernama Atami. Kami lalu minum petang bersama-sama di restoran Yaohan itu.

Keesokan tengah hari, saya agak terperanjat melihatnya datang dengan memakai baju kebaya. Sewaktu pegawai-pegawai Dewan bertanya kepada saya, siapa gadis Jepun itu, saya katakan bahawa dia ialah anak saya dari Jepun yang datang mencari saya di sini.

Mereka lalu bertanya kepadanya mahu menguji. Sambil melihat kamus dia menjawab dalam bahasa Melayu. "Ini bapa saya," seraya tersenyum melihat kepada saya.

Saya membalas senyumannya sambil menjeling kamus bahasa Jepun-Melayu yang sedang dipegangnya. Orang pun percaya. Sejak saat itu boleh dikatakan setiap hari dia datang berjumpa saya sebelum bertolak ke Australia. Kadang-kadang saya cuba membiasakan bahasa Jepun saya, tetapi bahasa Jepun seperti juga bahasa Melayu sudah banyak diserapi oleh bahasa-bahasa asing terutama Inggeris. Kereta yang dahulunya saya belajar sebagai "*jidosha*" kini jadi "*kar*" sahaja dan "*karki*" kunci kereta. Saya teringat kisah P. Ramlee ke

Tokyo. P. Ramlee satu-satunya produk zaman Jepun yang masih boleh bercakap Jepun dengan lancar dan menyanyi nyanyian Jepun waktu perang dahulu dengan selesa. Waktu menghadiri Festival Filem di Tokyo, dia tinggal sama satu hotel dengan Tan Sri Ghazali Shafie. Pada satu malam, dia diajak oleh Tan Sri Ghazali pergi ke sebuah disko. Di sana dia menari dan menyanyi dan orang-orang Jepun suka dengannya kerana dia membawakan lagu-lagu Jepun pada zaman perang. Waktu pulang dia bertanya nama disko tersebut kepada Tan Sri Ghazali. Keesokan malam, dia pun memanggil sebuah teksi menyuruh membawanya ke "*Daimon*" tetapi dia lupa menyebut "do" di hujungnya. Dia merasa hairan kerana perjalanannya terlalu lama. Dia lalu bertanya kepada drebar teksi itu dalam bahasa Jepun ke mana dia mahu dibawa? Drebar itu menjawab dia mau membawanya ke "*Daimon*". P. Ramlee pun diam. Akhirnya teksi itu pun berhenti di suatu tempat di luar kota.

"Kenapa berhenti di sini," tanya P. Ramlee.

"Daimon!" jawab drebar teksi itu dan turun menunjukkan pintu gerbang yang besar. "Daimon" dalam bahasa Jepun bermakna pintu besar. P. Ramlee merasa serba salah antara mahu marah dan mahu ketawa. Dia lalu turun dan menggayakan seperti orang menyanyi dan menari.

"Oh!" kata drebar itu. "*Daimondo*" Mereka pun pergi ke tempat itu yang letaknya tidak berapa jauh dari hotel.

Satoko bertolak ke Australia dan memberitahu bahawa waktu balik nanti dia cuma transit sahaja di Bandar Seri Begawan. Pada masa itu saya mengikut rombongan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei membuat kunjungan balas ke Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak. Di dalam kapal terbang ke Kuching, saya melihat hampir semua peserta wanita telah menggantikan pakaian

mereka yang biasa dengan baju-baju moden, sudah tidak berjilbab lagi.

Di Kuching selain perlawanan bola, badminton dan permainan-permainan lain, kami juga dibawa melawat hutan simpan, mendaki sebuah bukit kecil untuk melihat beberapa ekor monyet yang dikurung di dalam sangkar, kampung budaya di Santubong, istana dan Fort Marqueritta.

Sebelum bertolak ke Kuching, saya telah menulis surat kepada Norriah Hassan yang mengajar di Lundu supaya turun ke Kuching. Norriah ialah salah seorang "anak angkat" saya dari Terengganu yang bertugas di Sarawak. Itulah pertemuan kami yang kedua seperti yang sudah saya ceritakan.

Setelah beberapa hari bersama-sama, bermesra, bersukan dan berbelanja maka tibalah malam perpisahan. Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak telah mengadakan satu malam bersantai di Hotel Aurora. Selain makan dan minum, diadakan juga majlis tari-menari. Saya menyangka hanya orang Sarawak sahaja yang akan masuk ke gelanggang joget kerana mereka lebih terdedah kepada dunia hiburan dibandingkan dengan orang Brunei, tetapi sangkaan saya itu amat meleset. Para peserta dari Brunei juga tidak kalah. Mereka maju ke tengah gelanggang dan memperlihatkan keahliannya bersamba dan berago-ago, dengan melentikkan tubuh ke kiri dan ke kanan dengan lebih hebat daripada orang Sarawak.

Waktu kembali ke Brunei saya mendapat khabar daripada kawan-kawan di Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia di Brunei, bahawa Ustaz Haji Ismail Muhammad, yang dipertua akan balik ke Malaysia pada akhir bulan itu kerana bersara. Persatuan akan kehilangan seorang pemimpin yang sangat dedikasi.

Sejak persatuan itu dihidupkan kembali setelah tidak aktif beberapa tahun lamanya, dialah yang menjadi pemimpinnya sehingga persatuan itu diiktiraf oleh kerajaan Brunei sebagai wakil orang Malaysia. Saya merasa agak terkejut juga kerana keputusannya itu secara mendadak sekali. Kami lalu membuat satu majlis meraikannya. Khabarnya dia akan menetap di Terendak, Melaka di kampung isterinya walaupun negeri asalnya Perlis.

Bersopan Santun

Pada tahun 1990, kerajaan Brunei telah merancang akan melancarkan satu kempen bersopan santun bagi mempertahankan nilai-nilai hidup yang murni di kalangan rakyat jelata. Walaupun rakyat Brunei pada umumnya masih kuat terikat dengan adat tetapi gejala sosial di kalangan muda remaja telah mula menampakkan kesannya. Oleh sebab itu sebelum keadaan menjadi parah maka satu kempen bersopan santun perlu diadakan. Dewan Bahasa dan Pustaka telah diberi tugas oleh jawatankuasa induk untuk menyusun risalah bagi kempen tersebut. Saya telah dilantik menjadi salah seorang ahli jawatankuasa penggubalnya. Beberapa kali seminggu kami mengadakan mesyuarat untuk menyusun risalah yang dibahagikan ke dalam beberapa peringkat tatacara kehidupan yang dijalani oleh penduduk setiap hari. Risalah ini mesti disiapkan sebelum tarikh pelancarannya pada bulan Mei akan datang.

Satoko yang pergi ke Australia itu telah singgah sekali lagi di Brunei dalam perjalanan balik ke Jepun. Bersama-samanya seorang pemuda Jepun bernama Akida. Mereka tinggal di rumah saya beberapa hari lamanya. Selama beberapa hari itu Satoko menjadi tukang

masak. Kami pergi ke pasar membeli ikan, daging, ayam, udang dan sotong dan ke pasar raya untuk mencari rencah-rencah masakan Jepun yang halal dimakan. Apabila pulang ke rumah, dia terus ke dapur menyiang bahan-bahan yang dibeli dari pasar. Saya risau melihatnya mencuci ikan, daging, sotong dan udang itu terlalu amat, sehingga akhirnya tidak ada apa lagi yang tinggal. Oleh sebab masakannya agak banyak, maka saya bagi-bagikan kepada keluarga Brunei di sebelah rumah. Beberapa hari selama mereka di rumah saya, kami semua sudah hampir jemu dengan masakan Jepun.

Dari Pejabat Suruhanjaya Malaysia kami diberitahu bahawa Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ahmad Shah dan Baginda Raja Permaisuri Agong yang sedang mengadakan lawatan rasmi ke Negara Brunei Darussalam telah berkenan untuk berjumpa rakyat Malaysia di Istana Tetamu (Istana Edinburgh) di Jalan Berakas. Semua rakyat Malaysia yang menjadi pegawai kerajaan telah diberikan kebenaran oleh kerajaan Brunei untuk meninggalkan pejabat pada jam 2.00 petang. Ketika sampai di istana tersebut saya melihat orang beratur dalam satu barisan panjang hingga ke jalan raya. Rupa-rupanya setiap orang yang akan masuk ke dalam dewan pertemuan dikehendaki mencatatkan nama dan nombor kad pengenalannya kepada polis yang bertugas di pintu masuk. Saya segera menemui Haji Ismail Muhammad, Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia di Brunei dan bersama-sama dengannya menemui pesuruhjaya kita meminta supaya peraturan yang sedang dijalankan oleh polis itu dibatalkan kerana tidak sahaja menyusahkan orang ramai, tetapi juga akan memakan masa yang lama sedangkan pertemuan itu akan berlangsung dalam masa kira-kira setengah jam sahaja lagi. Pada mulanya pihak polis agak

keberatan kerana masalah keselamatan, tetapi kami memberi keyakinan kepada mereka bahawa rakyat Malaysia yang datang itu sangat ingin bertemu ketua negaranya. Itu sahaja. Akhirnya permintaan kami itu diluluskan dan ruangan dewan yang cukup besar itu pun dalam sekelip mata sahaja sudah melimpah ruah. Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Baginda Raja Permaisuri Agong dengan penuh mesra berinteraksi dengan rakyat, bertanyakan khabar dan berjenaka. Di akhir pertemuan baginda berdua telah berkenan bergambar beberapa kali supaya tidak ada rakyat yang ketinggalan. Impak daripada pertemuan itu telah meninggalkan kesan yang cukup baik sehingga menjadi percakapan yang manis untuk beberapa hari lamanya.

Sebagai ibu negeri bagi sebuah negara kecil yang kaya dengan penduduk yang hanya kira-kira satu suku juta orang, Bandar Seri Begawan merupakan tempat yang paling sibuk dengan segala macam kegiatan. Di sini terletak urat nadi pemerintahan, perniagaan, kehidupan sosial dan pendidikan. Di sini juga berdiri tersergam Universiti Brunei Darussalam atau lebih mudah disebut UBD sahaja. Universiti yang sejak sekian lama menjadi hasrat kepada kerajaan dan rakyat Brunei sudah pun mengeluarkan siswazahnya yang pertama. Universiti yang terletak di bekas bangunan Maktab Perguruan Sultan Omar Ali Saifuddin di Gadong itu sudah mulai menjadi tumpuan tidak sahaja bagi orang yang ingin mencari ilmu tetapi juga para akademik dari seluruh dunia untuk datang memberikan khidmatnya, mungkin kerana tertarik dengan universiti yang baru ditubuhkan jauh di utara Pulau Kalimantan ataupun juga kerana *petro-dollar*-nya. Namun apa pun juga niatnya, Negara Brunei dan rakyatnya juga yang beruntung kerana mendapat tenaga yang cukup berpengalaman dalam bidang-

nya masing-masing. Sebahagian besar daripada mereka kecuali beberapa orang tenaga muda, terdiri daripada ahli akademik yang sudah bersara di negaranya. Mereka datang dari Australia, Britain, Belanda, India, Indonesia, Malaysia, Sudan, Thailand dan Singapura. Universiti Brunei juga membuka peluang kepada rakyat negara-negara ASEAN untuk menimba ilmu dengan menawarkan biasiswa yang lumayan. Pada masa itu sudah ada empat orang pelajar Malaysia yang belajar di UBD.

Antara ahli akademik dari daerah yang berbahasa Melayu terdapat Dr. Mangantar Simandjuntak, seorang ahli bahasa yang memang sudah terkenal dan pernah berkhidmat di Malaysia, Drs. Lutfi Abas, ahli bahasa yang amat berminat dengan sastera, Dr. Teuku Iskandar ahli sastera Melayu klasik, Ibu Asmah, Dr. Winarno Surachmat ahli pendidikan, Dr. Amir ahli ekonomi, Dr. Ahmad Daudy ahli dalam pengajian Islam, dan Dr. Ali Taib yang kaya dengan pengalaman. Ini belum termasuk lagi tenaga muda seperti Paitoon dari Pattani, Rasiah Khalil dari Singapura, Palianapan, Nurazami Kuntum, Haji Hamdan dan Abdul Halim dari Malaysia. Rakyat Brunei amat beruntung kerana dengan kemakmuran yang dikurniakan Allah s.w.t., sejak dahulu sebelum universiti itu ditubuhkan iaitu sejak di sekolah menengah, mereka telah mendapat bimbingan daripada guru-guru kontrak yang sudah bersara dari negara masing-masing yang tentu banyak pengalaman. Kedatangan tenaga profesional yang mahir dalam bahasa Melayu telah menambahkan lagi kecemerlangan bahasa Melayu. Ada antara mereka itu yang turut memberikan kerjasama membantu Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha memartabatkan bahasa itu sebagai bahasa kebangsaan dan ilmu, maka terjadilah perhubungan dua hala yang baik antara UBD dan DBP. Hal ini terbukti pada Kongres

Bahasa dan Sastera Melayu yang diungkayahkan oleh Universiti Brunei Darussalam seperti yang telah diceritakan.

Kampung Air Terbakar

Pada 28 Februari 1990 Haji Ismail, Yang Dipertua Persatuan Orang-Orang Melayu Malaysia di Brunei pun bertolak balik ke Kuala Lumpur setelah beberapa tahun berkhidmat sebagai guru agama di beberapa buah sekolah menengah agama. Kepulangan Haji Ismail amat dirasai oleh ahli persatuan kerana di tangannyalah persatuan yang sudah hampir terkubur itu dapat dihidupkan kembali dan menjadi salah sebuah persatuan rakyat asing yang paling kuat dengan kewangan yang kukuh dan dapat memberikan sumbangan kepada ahli-ahlinya juga derma kepada yang memerlukan. Pertama kali pimpinan persatuan berpindah tangan kepada bukan guru agama apabila Haji Radiman Sailan seorang jurutera yang bertugas dengan polis laut mengambil alih. Alhamdulillah, berkat kecekapannya maka persatuan yang pada mulanya dijangka akan berkubur sekali lagi, anggapan negatif yang biasa berlaku apabila ada peralihan pucuk pimpinan telah dapat dikendalikan dengan baik. Sekarang persatuan berada di bawah pimpinan Nurazami Kuntum seorang ahli akademik.

Berita yang menyedihkan dari Kuala Lumpur, tentang kehilangan seorang lagi sahabat yang rapat dalam bidang penyelidikan sastera, A.M. Thani pegawai penyelidik di Dewan Bahasa dan Pustaka yang berbadan besar, tidak banyak bercakap tetapi kuat menulis. Khabarnya dia telah meninggal dunia ketika sedang membuat penyelidikan di Kampung Gajah, Perak. *Innalillaha wainna ilaihi raji'un*. Mudah-mudahan arwahnya mendapat tem-

pat yang baik di sisi Allah s.w.t.

Ada arahan dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan supaya pegawai-pegawai kanan dari pejabat yang berada di bawah kementerian itu sama-sama bergotong-royong membina gelanggang sukan untuk orang-orang kampung kerana kerajaan mahukan rakyatnya daripada segenap peringkat bergiat dalam bidang olahraga. Kerajaan mahukan rakyat berbadan sihat untuk mendapatkan otak yang sihat. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memilih untuk membina gelanggang badminton. Pada setiap pagi Ahad, kementerian telah menyediakan pengangkutan untuk membawa pegawai-pegawainya ke kawasan gelanggang yang akan dibina. Sesudah solat subuh kami akan berkumpul di halaman kementerian di Jalan Sabok. Gelanggang pertama yang menjadi projek Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terletak di sebuah kampung di seberang Sungai Belait. Tidak banyak pegawai yang ikut dalam projek sulung ini. Tidak sampai 10 orang, tetapi menggembirakan juga. Kami berpergian kerana ada tugas yang mahu dikerjakan, di samping ia juga semacam satu perkelahan di luar kota pada pagi minggu. Kami berkumpul di rumah rehat sesudah sampai di Kuala Belait menunggu ketibaan menteri. Setelah sarapan baru bertolak ke kawasan gelanggang tersebut. Di sana telah menunggu ketua kampung bersama-sama penduduk setempat. Sebuah lori pembancuh simen juga sudah sedia. Ruangan gelanggang yang mahu dibina itu sudah pun dibersihkan, cuma menunggu menteri merasmikannya sahaja dengan mencurahkan simen yang pertama dan meratakannya. Krew televisyen sudah siap menunggu untuk upacara perasmian itu. Setelah menteri memulakannya maka para pegawai dan orang kampung ikut ambil bahagian bekerja seorang sedikit. Kerja-kerja

menyiapkan seterusnya diserahkan kepada orang kampung sendiri untuk melakukannya kerana sesudah jamuan makan, rombongan menteri akan bertolak pulang ke Bandar Seri Begawan. Saya sempat mengikuti kerja gotong-royong ini sebanyak dua kali sahaja. Kali kedua di sebuah kampung di daerah Tutong.

Di Bandar Seri Begawan selain rumah-rumah kedai batu yang dibina dan bangunan-bangunan gedung perniagaan yang bertingkat-tingkat, masih terdapat sebaris kedai papan yang sudah tua dan kelihatan amat daif, yang dijadikan tempat perniagaan dan tempat tinggal orang Melayu dan Cina sejak zaman-berzaman dahulu. Kawasan ini terletak di Jalan Sultan Lama di pinggir Sungai Brunei. Orang ramai terutama pelawat dari luar selalu bertanya tentang keadaan yang menyakitkan mata itu. Tetapi nampaknya dewan perbandaran tidak dapat berbuat apa-apa sehingga pada hari Isnin 27 Ogos apabila penduduk di sekitar Bandar Seri Begawan dikejutkan dengan satu kebakaran yang amat besar. Apabila api itu dapat dipadamkan, seluruh rumah kedai di Jalan Sultan Lama itu baik yang di bahagian hadapan mahupun rumah tinggal di bahagian belakang yang menghadap sungai telah habis musnah dijilat api. Sebahagian besar daripada penghuninya terdiri daripada orang Cina. Itulah kebakaran di Kampung Air yang kedua paling besar yang pernah saya saksikan selama bertugas di Brunei. Saya dapat melihat dengan jelas api dan asap yang menjulang naik ke udara dari bilik saya di tingkat tiga Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Zain Haji Muhammad sahabat saya di Pulau Pinang sekali-sekala menulis surat dan kadang-kadang disertakan buku-buku atau majalah-majalah lama yang diperoleh daripada kawan-kawan lamanya yang masih hidup yang sama-sama bekerja sebagai pengatur huruf

di pelbagai percetakan Melayu sebelum perang dahulu. Dia sekarang sudah uzur dan sebahagian besar masanya dihabiskan dengan beribadat di Masjid Benggali di Jalan Leith. Walaupun usianya sudah lanjut tetapi dia tidak betah tinggal menetap di rumah. Pagi-pagi dia turun dari rumahnya di Ayer Itam terus ke tempat persinggahannya yang pertama di bekas Kampung Kolam Malay Football Club. Di rumah kelab yang sudah hampir usang itu ada sebuah bilik khas untuknya, tempat dia berehat dan bertemu kawan-kawannya atau langganan lama yang datang meminta tolong mencetak kad hari raya atau kad jemputan. Setelah itu dia akan pergi ke masjid dan duduk di sana sampai petang. Dia bagi saya umpama gudang tempat menyimpan segala maklumat tentang kegiatan orang Melayu terutama yang berkaitan dengan perkembangan percetakan di Pulau Pinang. Dia pernah bekerja hampir di semua percetakan milik orang Melayu, bahkan sampai ke Percetakan Warta Kinta di Ipoh dan Warta Malaya di Singapura. Ada antara percetakan di Pulau Pinang yang dia turut menubuhkannya. Begitu juga dengan persuratkhabaran yang pernah disertainya sebagai penerbit dan pengarang.

Saya mula berkenalan dengannya ketika dia bekerja sebagai pengatur huruf di akhbar *Sahabat*.[4] Kali terakhir saya menulis surat kepadanya pada 15 Oktober 1990 bertanyakan khabar kerana sudah agak lama tidak mendengar berita. Surat itu tidak berjawab tetapi saya tidak mengesyaki apa-apa kerana kami biasa lambat membalas surat. Tentang dirinya saya pernah meminta Anuar Ahmad, Ketua 1 2PNP menghubunginya, kerana boleh mendapatkan banyak bahan untuk dokumen tentang perkembangan persuratkhabaran dan percetakan Melayu serta pengarang-pengarang Melayu sejak sebelum Perang Dunia Kedua hingga kepada bapa Anuar sendiri,

Ahmad Ismail yang pernah menjadi pengarang di *Warta Negara* selama beberapa tahun. Saya bersikap *take for granted* sahaja bahawa dia berada dalam keadaan sihat apabila tidak menerima berita daripadanya. Saya akan mencarinya apabila sampai di Pulau Pinang seperti yang biasa saya lakukan. Pada suatu hari saya terbaca sebuah rencana dalam majalah Pulau Pinang tentang Masjid Melayu di Lebuh Aceh. Dalam rencana itu ada dikutip keterangan daripadanya yang disebut sebagai almarhum. Saya bagai tidak percaya bahawa dia sudah meninggal dunia dan yang paling menyedihkan saya seperti berada dalam gelap tentang kematiannya itu, tidak ada tempat untuk bertanya. Saya tidak pernah bertemu keluarganya, malah saya tidak kenal dengan anak tunggalnya yang bekerja di Kuala Lumpur. Sejak dahulu dia terlalu "berahsia" dengan kehidupan peribadinya.

Dengan tidak disangka-sangka, dari Jakarta saya terima sepucuk surat daripada seorang yang tidak saya kenal bernama Anwar Badan. Dia telah terpanggil untuk menulis surat itu sesudah membaca buku saya *Peristiwa Kemerdekaan di Aceh* yang diterbitkan oleh Balai Pustaka, Jakarta. Dia memberi pengakuan akan kebenaran cerita saya tentang dua orang Gayo dari Lukop yang menggunakan lebah untuk menakluki benteng pertahanan meriam orang Jepun di Kuala Simpang. Pada masa itu saya menjadi wedana di Langsa, Anwar Badan menjadi wedana di Takengon. Menurut cerita, salah seorang adiknya yang sekarang menjadi pegawai polis di salah sebuah tempat di Jawa mengenali saya dan pernah bekerja di bawah saya sewaktu menjadi kepala polisi Langsa. Dunia ini sudah terlalu sempit.

Berita yang menyedihkan dari Kuala Lumpur, tentang kemangkatan Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri kita yang pertama pada 6 Disember.

Hussainmiya orang Melayu dari Sri Lanka telah berada di Brunei untuk berkhidmat di Universiti Brunei Darussalam sebagai salah seorang tenaga akademik, mungkin dalam pengajian sejarah. Saya, Dr. Teuku Iskandar, Dr. Harun Mat Piah dan beberapa orang teman dijemput ke rumahnya di salah sebuah apartmen mewah yang baru sahaja ditempatinya. Saya melihat dia begitu gembira sekali kerana dapat berkhidmat di sini setelah berada di Malaysia beberapa bulan. Dahulu dia datang ke Brunei membawa sebuah manuskrip lama Melayu yang mahu dijualnya kepada kerajaan. Waktu itulah pertama kali saya berkenalan dengannya. Dia datang berjumpa saya di Dewan Bahasa dan Pustaka. Mungkin dia mendapat alamat daripada adik saya Ismail, yang telah pergi ke Sri Lanka dengan rombongan GAPENA untuk menjejaki keturunan Melayu di sana. Dia memberitahu saya tentang manuskrip yang mahu dijual itu yang telah ditinggalkan kepada Pehin Siraja Khatib Dato' Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya, Timbalan Menteri Agama dan meminta saya menguruskannya, tetapi saya enggan ikut campur. Namun, tidak lama setelah dia pulang ke Kuala Lumpur, dia menulis surat kepada saya meminta tolong tanyakan tentang manuskrip tersebut. Daripada Pehin Yahya saya mendapat khabar bahawa kerajaan Brunei tidak berniat membelinya. Kini Hussainmiya sendiri telah datang ke Brunei.

Dipinjam Pusat Sejarah

Pada masa peristiwa ini berlaku jawatan pengarah masih belum lagi terisi. Jawatan itu dipangku oleh Dayang Nellie Haji Sunny. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengarah Pusat Sejarah menelefon saya.

"Haji," katanya. "Bila boleh datang bantu saya di Pusat Sejarah? Saya sudah beritahu Nellie."

Saya agak tergamam mendengarnya kerana saya tidak tahu hujung pangkalnya. Saya lalu menjawab, "Nanti saya berunding dengan Dayang Nellie dulu."

Setelah dia meletakkan gagang telefon, saya pun segera menelefon Dayang Nellie.

"Apa ini, dayang," kata saya, "Pehin Jamil suruh saya datang ke Pusat Sejarah membantunya? Kenapa saya mesti pergi ke sana pula dan membantu apa?"

"Dia telefon saya tadi," katanya. "Dia meminta pinjam tuan haji untuk membantunya. Saya tidak dapat menolak, tuan haji tahu implikasinya. Saya fikir lebih baik tuan haji pergi saja."

Mendengar kata-katanya itu, agak terbuku juga rasa kesal dalam hati saya kerana saya mesti pergi bekerja di sana. Pusat Sejarah satu institusi lain walaupun sama-sama di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sepatutnya ada semacam peraturan rasmi untuk pinjam-meminjam pegawai seperti itu. Saya di sini ada tugas sebagai ketua bahagian dan mempunyai tanggungjawab. Tetapi saya tidak dapat membantah, saya faham dengan kedudukan Dayang Nellie yang hanya memangku sahaja dan dia seperti juga orang lain memandang hormat kepada Pehin yang pernah menjadi pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, malah bukan itu sahaja, Pehin itu seorang orang besar yang dekat dengan istana.

Saya pun pergi ke Pusat Sejarah yang letaknya tidak jauh dari situ dengan berjalan kaki melintasi bangunan Radio Televisyen Brunei dan Pejabat Kewangan.

Saya sebenarnya kagum dengan Pehin Mohd. Jamil ini. Orangnya tinggi berkulit cerah, mempunyai susuk tubuh yang menjadi impian banyak lelaki yang sudah

lewat 40 tahun. Walaupun sudah lanjut usianya (beberapa tahun lebih muda daripada saya) tetapi masih tegap dan sihat, kulit mukanya selalu merah. Seperti suaranya yang kuat dan lantang, maka tenaganya juga cukup bervitalitas, kuat bekerja dan ada dedikasi pula. Kekaguman saya terjana setiap kali melintasi sebuah carta yang tergantung di dinding sebelah kiri waktu menuju ke bilik saya di Dewan Bahasa dan Pustaka kerana di situ terpampang salasilah Sultan Brunei yang telah disusun olehnya. Salasilah itu bermula dari Nabi Muhammad s.a.w. yang menjadi keturunan Syarif Ali, Sultan Brunei yang kedua sesudah Awang Alak Betatar lalu turun sampai kepada sultan yang sekarang dengan putera dan puterinya. Saya kagum kerana salasilah itu cukup panjang dan terinci dan bukan calang-calang orang yang boleh menyusunnya. Bukan satu atau dua kurun tetapi berbelas kurun dengan berpuluh cabang keturunan. Tepat atau tidak itu soal lain, tetapi yang penting usahanya itu. Dia telah membuat penyelidikan sampai ke beberapa buah negara di Asia Barat, membongkar catatan perjalanan pengembara Cina, Arab, Portugis, Sepanyol dan Itali. Begitu juga dengan sejarah Filipina, Indonesia dan sebagainya. Sampai hari ini pun khabarnya dia masih lagi meneruskan usaha penyelidikannya itu mengumpul fakta-fakta baru untuk memperkemaskan lagi salasilah keturunan sultannya dan juga keturunannya sendiri yang katanya ada campuran darah Cina, Arab dan Jawa. Dalam simposium sejarah di Kampus Universitas Gajah Mada, Yogyakarta pada awal bulan Mei 1993, dia telah menyebut bahawa Sultan Brunei dan Raja Mataram Sultan Hamangkubuwono X ada hubungan darah, walaupun menurut orang Indonesia nama Brunei dalam sejarah Jawa tidak pernah disebut-sebut.[5] Pehin Mohd. Jamil lepasan Maktab Perguruan

Sultan Idris, Tanjung Malim tetapi boleh bercakap dan faham dengan baik bahasa Arab, Inggeris dan mungkin juga beberapa bahasa lain. Dia boleh bercakap berjam-jam lamanya tentang semangat kebangsaan, tentang sejarah lebih-lebih lagi tentang adat istiadat Melayu Brunei dan Melayu amnya.

Pagi-pagi dia sudah sampai di pejabat. Dalam pertemuan kami pada pagi itu terjadi dialog sebagai berikut:

"Saya dengar sudah mau habis kontrak, bila?"

"Kira-kira satu tahun saja lagi," jawab saya.

"Tak mahu sambung?"

"Saya rasa tidak."

"Kenapa? Haji masih muda. Tengok saya masih bekerja."

"Pehin fikir berapa umur saya?"

"Berapa?"

"Tujuh puluh satu."

"Apa haji makan. Ada buat senaman?" tanyanya dengan hairan.

"Makan biasa saja. Saya buat radio taiso."

Dialog itu telah meninggalkan impak yang baik kepada perhubungan kami berdua seterusnya, kerana dia tahu saya lebih tua beberapa tahun daripadanya. Saya boleh dianggap sebagai abang.

Setelah itu dia pun menyerahkan kepada saya sebuah manuskrip "Adat Istiadat Diraja Brunei" yang cukup tebal, 943 halaman semuanya.

"Ini," katanya. "Saya minta haji baca dan tolong perkemaskan mana yang patut."

Dia lalu menunjukkan sebuah bilik kosong di sebelah biliknya. Bilik Haji Abdul Latiff Haji Ibrahim, timbalan pengarah, yang sedang cuti belajar untuk ijazah lanjutan. Saya pun mulai membaca dan terus mem-

buat beberapa koreksi. Saya sudah membuat rancangan akan bekerja di situ pada sebelah pagi sahaja setiap hari sampai jam 11.00 dan kemudian menyambung masa kerja selebihnya di Dewan Bahasa dan Pustaka. Tentang tugas yang diberikannya itu saya menjadualkan seperti jadual membaca novel peraduan dahulu. Tepat jam 11.00 pagi pada hari itu saya masuk bertemu Pehin Mohd. Jamil sambil membawa manuskrip yang sudah saya baca dan menunjukkan kepadanya.

Saya melihat mukanya berubah ketika dia membelek-belek beberapa helaian kertas yang sudah saya koreksi.

"Haji jangan ubah apa-apa yang sudah saya tulis," katanya. "Saya cuma mahu komen haji saja sebagai orang luar."

"Jadi buat apa Pehin suruh saya datang ke mari. Lebih baik saya baca buku yang sudah siap saja dan kemudian buat komentar."

Dia memandang saya dengan mata melopong. Barangkali hairan mendengar jawapan saya itu.

"Baiklah," katanya kemudian. "Berapa lama haji boleh kerjakan? Saya akan buat umrah pada awal bulan Jun ini."

"Insya-Allah. Pehin balik dari umrah saya kira sudah selesai."

Dia lalu memanggil Jamilah salah seorang jurutaipnya lalu memperkenalkan kepada saya. "Nanti tolong haji menaipkan semula manuskrip yang sudah disemak," katanya memberi arahan.

Apabila sampai di dalam bilik saya, Jamilah berkata, "Tolonglah bapak kemaskan cepat buku ini. Saya sudah penat menaipnya berulang-ulang. Saya hampir hafal setiap muka suratnya. Sudah bertahun-tahun saya mengerjakannya."

Setiap hari saya membaca dan membuat koreksi sebanyak 50 muka paling minimum sampai jam 11.00, itu pun jikalau tidak ada gangguan apa-apa kerana ada kalanya Pehin Mohd. Jamil datang menjenguk saya bekerja lalu duduk bercerita tentang berbagai-bagai hal. Saya melihat dia senang dengan saya kerana sekali-sekala membantah cakapnya di samping bertukar-tukar pendapat. Dia suka bercakap berterus terang dengan suaranya yang lantang. Jika orang yang tidak kenal padanya akan menyangka dia seorang yang keras, sukar didampingi. Apabila dia singgah, maka saya terpaksa berhenti bekerja, walau bagaimanapun dalam masa tidak sampai 20 hari sesudah ditolak hari Jumaat dan Ahad pusingan pertama pun selesai. Saya membuat rombakan isi kandungannya sekali. Saya serahkan manuskrip yang sudah siap ditaip oleh Jamilah pada awal bulan Julai sebaik sahaja dia pulang dari umrah. Dia menyemaknya. Pada tempat-tempat yang kurang jelas kami berbincang. Saya banyak dapat belajar tentang adat istiadat diraja Brunei.

Pada pertengahan bulan Julai, orang Brunei terutama yang tinggal di sekitar Bandar Seri Begawan telah terkejut dengan satu fenomena alam yang agak aneh. Pagi-pagi kami mendapati semua cermin kereta telah diselimuti debu yang tebal. Kereta Honda Civic yang saya letakkan di bawah *flat* kelihatan gelap menakjubkan. Mula-mula saya menyangka ada orang yang berbuat nakal seperti yang pernah berlaku kepada kereta seorang pegawai perempuan dari Singapura beberapa tahun lalu, habis dicalari dengan paku. Tetapi setelah melihat kereta-kereta lain yang keadaannya serupa pula, maka punca abu itu pun menjadi tanda tanya dan buah mulut semua orang di Bandar Seri Begawan pada hari itu. Pada malamnya melalui berita awal televisyen baru

kami tahu bahawa abu tersebut datang dari Filipina, beratus-ratus kilometer di sebelah utara, luahan letupan gunung berapi Pinatubo dua hari lalu yang telah mengorbankan hampir dua juta orang untuk beberapa hari lamanya; pada setiap pagi dan petang sebelum ke tempat kerja semua orang mesti membersihkan kereta mereka sebelum dapat digunakan. Pada masa itu pula drama TV yang saya padankan daripada cerpen Haji Abdul Rahman Yusof yang diberi judul "Keruh di Hulu" telah ditayangkan oleh RTB.

Tiga orang pelajar ITM yang akan membuat praktikal selama empat bulan di Brunei telah tiba. Mereka ialah Norhashimah, Fakhrul Aqbal dan Nasaruddin. Mereka saya bawa tinggal bersama-sama walaupun pada mulanya Dayang Nellie mencadangkan supaya mereka diambil menjadi anak angkat oleh pegawai-pegawai Dewan. Saya lalu menawarkan diri mengambil mereka semua tinggal di rumah. Antara mereka bertiga itu Fakhrul lebih condong kepada dakwah dengan janggut dan songkoknya dan dia dengan cepat mendapat kawan orang dakwah dari sebuah surau di Kampung Anggerik Desa itu. Surau itu diwakafkan oleh seorang hartawan Brunei. Pada hari Jumaat sejak petang dan juga pada hari Ahad dia jarang balik ke rumah kerana keluar berdakwah dengan kawan-kawannya yang ada kalanya sampai ke Sarawak.

Daripada kawan-kawan Ahli Jawatankuasa Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia di Brunei, saya mendapat khabar Haji Ismail Haji Mohamad telah meninggal dunia di rumah isterinya di Terendak, Melaka. Sebelum itu anak perempuan saya menulis surat memberitahu dia telah dijemput ke rumahnya. Inongputri anak perempuan saya menuntut di Maktab Rendah Sains MARA di Kem Terendak. Menurut suratnya, Haji Ismail

telah datang mencarinya di maktab dan dibawa ke rumahnya yang terletak di Taman Hang Tuah, Sungai Udang di depan pintu kem itu arah jalan ke Pekan Terendak. Haji Ismail salah seorang guru agama berasal dari Chuping, Perlis mula berkhidmat di Brunei pada tahun 1966. Dia telah menjadi ahli Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia sejak ditubuhkan 25 tahun yang lalu dan dilantik sebagai yang dipertua apabila persatuan ini diaktifkan semula. Persaraannya yang tiba-tiba telah menimbulkan pertanyaan di kalangan kawan, tetapi kemudian ternyata dia balik untuk menjadi calon PAS dalam pilihan raya di salah sebuah kawasan di negeri kelahirannya. Dia kalah lalu kembali ke Melaka. Pada hari dia meninggal menurut cerita, pagi-pagi itu dia pergi ke kebun dan di sana dia diserang sakit jantung, seseorang yang sedang melalui tempat itu melihatnya terduduk di perdu sebatang pokok. Dia meninggal di hadapan isteri dan anak-anaknya.

Sejak Haji Abdul Saman Kahar dipindahkan ke Kementerian Pendidikan dan kemudian sebagai Ketua Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Agama, Dewan Bahasa dan Pustaka hanya dikendalikan oleh pemangku pengarah perempuan. Mula-mula Dayang Hajah Fatimah Haji Mohd. Hussin. Apabila dia dipindahkan ke Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, tempatnya diambil alih oleh Dayang Nellie Haji Sunny. Pada awal bulan September, Haji Mahmud Bakyr yang menjadi pegawai tugas-tugas khas di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telah dipindahkan, mula-mula hanya memangku sahaja. Haji Mahmud Bakyr bukanlah orang baru. Beberapa tahun dahulu dia pernah menjadi pengarah yang kedua sesudah Pehin Mohd. Jamil. Saya mula berkenalan dengannya ketika mengikut rombongan GAPENA melawat Brunei pada tahun 1979. Haji

Mahmud terkenal sebagai seorang yang kuat membaca. Di mana sahaja dia pergi akan ada buku baru yang dibawanya dan boleh diajak bercakap tentang buku dan tentang berbagai-bagai ilmu pengetahuan.

Walaupun tugas saya di Pusat Sejarah telah selesai, tetapi sekali-sekala saya ke sana untuk melihat perkembangan buku *Adat Istiadat Diraja Brunei*. Pada minggu ketiga bulan Oktober apabila penyemakan taipannya siap, saya pun menyerahkan hasil kerja saya itu kepada Pehin Mohd. Jamil. Setelah membelek-beleknya sebentar, dia menyatakan rasa puas hatinya kerana manuskrip itu sudah kelihatan seperti sebuah buku dan sudah boleh diserahkan kepada percetakan.

"Saya membuatnya berdasarkan kepada bahan-bahan yang sudah Pehin tulis. Saya tidak tahu tentang adat istiadat Brunei," kata saya sebelum beredar dari situ. Saya berkata demikian supaya tidak timbul kontroversi kerana saya cuma sebagai penyemak dan mengemaskinikan sahaja.

Haji Mahmud Bakyr secara rasmi telah menawarkan kontrak baru kepada saya untuk satu atau dua tahun lagi, tetapi saya meminta untuk berfikir dulu kerana masa tamat kontrak saya masih ada kira-kira sembilan bulan lagi.

Pada minggu pertama bulan November ketika keluar dari masjid sesudah solat zuhur, Azurin seorang pegawai muda di Bahagian Bahasa yang selalu saya temui di masjid itu datang mendekati saya. Kami berjalan balik ke pejabat bersama-sama. Dalam masa berjalan itu dia menyuarakan hasratnya mahu menumpang tinggal di rumah saya. Sudah lama dia memendam hasratnya itu tetapi tidak berani mahu membuka mulut. Saya melihat dia seorang pemuda yang baik dan berbudi bahasa.

"Boleh," kata saya. "Bila Azurin mahu pindah?"

"Petang ini juga," jawabnya.

Ibu Azurin orang Negeri Sembilan. Kampung ibunya tidak jauh dari Kampung Saga tempat tinggal abang ipar saya Mustafa Basri yang juga mengenali ibunya. Bapanya orang Brunei. Apabila terjadi perceraian bapanya membawa Azurin ke Brunei, dibesarkan dan disekolahkan di sana. Sementara adik lelaki Azurin tinggal bersama-sama ibunya.

Pada keesokan hari sesudah Azurin pindah tinggal bersama-sama saya, saya membaca berita sedih tentang kematian Ishak Haji Muhammad. Kali terakhir saya bertemu dengannya di kedai buku Dewan Bahasa dan Pustaka ketika balik bercuti. Saya menegurnya tetapi dia macam tidak kenal saya lagi. Sebalik daripada bertanyakan khabar dan bergurau seperti yang biasa terjadi apabila kami bertemu, dia bercakap tentang salah seorang yang pergi mencari rokok untuknya di kantin yang belum juga muncul-muncul.

Ishak Haji Muhammad ialah tokoh legenda sastera Melayu yang saya kagumi. Dialah yang banyak menanamkan semangat kebangsaan dalam diri saya melalui tulisannya dalam *Warta Ahad*, *Warta Jenaka* sebelum berpindah ke *Utusan Melayu*. Tulisannya disambung dalam *Utusan Zaman*. Saya tidak dapat melupakan cerpennya "Kita Di Sini Bukan Orang Dagang" dan "Dolly Bidadari dari Shanghai". Kedua-dua cerpen ini banyak membuka mata saya kepada semangat kebangsaan Melayu Raya yang digagaskan oleh Prof. Mohd. Yamin dari Indonesia. Saya memang berasa sedikit terkilan apabila dia tidak diberikan Anugerah Sastera Negara semasa hayatnya kerana khidmat dan jasa baktinya kepada bangsa, negara dan agama melalui mata penanya cukup besar. Mudah-mudahan Allah s.w.t. menerima jasa baktinya yang baik dan membalasnya dengan balasan yang baik pula.

Akhir bulan November setelah empat bulan di Brunei, ketiga-tiga pelajar ITM itu pun pulang ke kampus di Shah Alam. Norhashimah pulang ke Kuala Lumpur melalui Labuan, Nasaruddin pula melalui Miri. Mereka mahu menjimatkan belanja. Fakhrul pindah tinggal di rumah kawannya kerana dia dan kawan-kawannya masih ada kerja dakwah yang mahu dilakukan.

Ada Anugerah?

Saya baru sahaja terima poskad yang dikirimkan oleh isteri dan anak saya dari New York. Mereka akan ke Florida bersama-sama keluarga A. Rahman Ramly, Duta Besar Republik Indonesia ke Amerika Syarikat.

Sampai saat itu sesudah seminggu tahun baru belum ada apa-apa jawapan tentang permohonan saya yang mahu menamatkan kontrak. Satu perkara yang lazim dilakukan pada setiap awal tahun baru seperti ini, ada minit daripada pengarah[6] yang meminta nama-nama pegawai yang layak dicalonkan sebagai penerima beberapa kategori bintang kehormatan pada hari keputeraan Sultan Brunei yang jatuh pada bulan Julai nanti. Setiap tahun pada waktu yang sama proses yang serupa dilakukan oleh semua pejabat kerajaan. Saya pun memberikan beberapa nama yang difikirkan layak.

Pada petang itu, Dayang Norsiah pembantu khas pengarah menelefon, meminta *curriculum vitae* saya. Bagai kilat tiba-tiba sahaja terlintas dalam fikiran saya kemungkinan permintaannya itu ada hubungannya dengan pencalonan di atas. Mungkin saya akan dicalonkan untuk sesuatu anugerah kehormat kerana saya bukan rakyat Brunei. Dalam hidup saya, inilah salah satu hal yang susah saya terima. Dahulu Bapak Omar

Ali, Sekretaris Jeneral Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia pernah bersuara bahawa kementeriannya akan mengemukakan nama saya sebagai veteran perjuangan kemerdekaan Indonesia kepada Presiden Suharto untuk diberikan bintang. Mendengar itu saya memohon dengan amat sangat agar dia menyimpan sahaja niatnya itu. Sungguhpun saya turut berjuang di Indonesia, tetapi bukan mengharapkan apa-apa balasan, saya menganggap perjuangan itu sesuatu yang wajar kerana saya sedang berada di Indonesia dan bapa saya lahir di situ. Jadi, saya boleh dianggap sebagai menggantikan tempatnya. Beberapa tahun kemudian Bapak Dr. Syarif Thayeb, Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia datang berkunjung ke Malaysia. Dia telah menyatakan perkara yang sama waktu berjumpa saya di Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya sekali lagi meminta kepadanya supaya jangan diteruskan. Entah kenapa, amat berat hati saya mahu menerima anugerah itu kerana merasa diri saya belum layak diberi penghormatan setinggi itu. Malah saya pernah menolak bintang Ahli Mangku Negara (AMN) yang diberikan ketika sedang berkhidmat di Sabah. Saya menulis surat ke Jabatan Perdana Menteri memberitahu penolakan tersebut tetapi di mana silapnya nama saya terus juga tercatat dalam daftar penerima yang disiarkan dalam akhbar pada hari keputeraan Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekarang di Brunei keadaan yang sama berlaku. Saya segera menulis surat kepada pengarah. "Saya meminta maaf sekiranya dugaan saya ini tidak benar dan jika benar saya meminta dengan amat sangat supaya nama saya tidak dicalonkan untuk menerima apa jua anugerah, kerana saya tidak mengharapkan khidmat saya ini sebagai satu jasa yang mesti diberi imbuhan dalam bentuk apa juga pun, kerana saya sudah diberi

gaji. Saya berterima kasih kerana diberi kesempatan untuk berkhidmat di negara ini."

Surat itu tidak berjawab, saya kira anggapan saya benar.

Beberapa hari sesudah itu saya pun bersiap-siap mahu meninggalkan Bandar Seri Begawan bersama-sama isteri dan anak-anak yang sudah datang ke Brunei. Dalam perjalanan pulang kami singgah di Singapura dan menginap di salah sebuah hotel di Geylang Serai. Di situ ada kemudahan tempat makan. Saya menelefon Syed Ahmad Semait pemilik Pustaka Nasional yang telah menerbitkan beberapa buah karya saya. Kami sudah lama bersahabat sejak sebelum dia menerbitkan novel saya yang pertama *Rantau Selamat*. Pada mulanya dia berpejabat di Kandahar Street tidak jauh dari Masjid Sultan di sebuah kedai dua tingkat yang diwarisi daripada orang tuanya seorang peniaga buku-buku agama yang terkenal. Syed Ahmad telah meluaskan bidang perniagaannya dengan menerbitkan buku-buku dalam bahasa Melayu, bukan sahaja buku-buku agama tetapi juga novel dan buku bacaan umum. Kejujurannya terhadap para penulis menyebabkan Pustaka Nasional cepat melonjak naik dan menjadi salah sebuah penerbit yang menjadi tumpuan penulis. Tetapi dia terlalu selektif, hanya menerbitkan karya penulis-penulis yang tertentu sahaja. Manakala saya mungkin kerana kawannya. Ketika Pustaka Nasional berpindah ke bangunan Shaw Towers di Beach Road, Noor S.I. salah seorang daripada trio yang digelar penyajak kabur telah bekerja dengannya sebagai editor. Setiap kali saya datang ke Singapura dalam perjalanan pulang ke Kuala Lumpur atau ke Brunei, Noor akan membawa saya ke kedai makan di North Bridge Road jika kebetulan Syed Ahmad sedang berpuasa pada hari itu. Dia seorang yang warak,

selalu mengerjakan puasa Isnin dan Khamis. Saya pun terpengaruh oleh amalannya itu dan ikut berpuasa Isnin dan Khamis juga. Alhamdulillah amalan yang baik itu masih saya kerjakan hingga ke hari ini. Tentu tidak salah jika kita terpengaruh dengan perkara-perkara yang baik, bukan? Syed Ahmad sering kali mengirimkan wang royalti saya dengan ringgit Malaysia, tetapi apabila saya sampai di pejabatnya dan kebetulan wang royalti itu belum lagi dikirimkan maka sebaik sahaja mahu melangkah keluar royalti itu telah ada dalam tangan kerana dia tahu kita memerlukannya. Saya katakan dia jujur kerana apabila novel *Badai Semalam* karya pertama Khadijah Hashim yang dibeli dengan harga RM300 itu dijadikan buku teks di Singapura, dia terus membayar royaltinya kepada Khadijah seperti biasa setiap tahun. Hak ciptanya kembali kepada penulisnya seperti sedia kala.

Cuti Panjang

Saya telah bercuti panjang. Kira-kira dua bulan lagi cuti itu akan berakhir, saya pun pergi semula ke Brunei untuk bertanyakan tentang permohonan saya mahu menamatkan kontrak itu. Waktu mula-mula cuti dahulu saya tidak dapat menunggu lama sebab terlalu ghairah mahu pulang segera ke Petaling Jaya kerana begitulah yang selalu terjadi kepada sesiapa sahaja yang berada di luar negara apabila bercuti, seperti ada semacam kuasa magnet yang menarik-nariknya pulang. Ketika itu pengarah berkata kepada saya, "Pulanglah dulu, nanti apabila ada keputusan akan saya beritahu."

Saya terpaksa bertolak dan meninggalkan barang-barang milik saya seperti buku-buku, kereta dan alat-alat keperluan rumah. Semua itu kalau dikirim kembali

akan memakan masa untuk mengurusnya. Permit kereta yang mahu dibawa keluar dari Brunei dan permit mengimportnya dari Kuala Lumpur perlu ada. Ini mesti diuruskan lebih dulu.

Setelah bercuti selama empat bulan, saya datang sendirian ke Brunei untuk bertanyakan khabar. Ketika bertemu pengarah di dalam biliknya, dia menarik keluar dari lacinya surat permohonan saya dahulu yang katanya sengaja tidak dikirimkan kepada pihak atasan.

"Saya tidak kirimkan ini," katanya, "kerana saya mahu tuan haji ambil lagi satu kontrak. Saya pun akan pencen tidak lama lagi, saya harap tuan haji dapat membantu saya lagi, kita sama-sama berhenti nanti."

Saya terkesima sejurus. Dalam masa saya terpegun begitu, dia menghulurkan kontrak baru. "Nah ini tolong tandatangan! Kalau tidak mahu tiga tahun pun tidak apa, dua tahun saja boleh."

Saya tidak dapat berbuat apa-apa. Apabila orang berkata seperti itu saya tiba-tiba menjadi lemah, tidak berdaya. "Saya kena berbincang dulu dengan keluarga."

"Kalau dua tahun saja, boleh," kata isteri saya apabila saya menelefonnya malam itu. "Bagaimanapun cuba minta satu tahun saja."

Saya pun menandatangani kontrak tersebut apabila pengarah saya berkata, "Nanti sesudah satu tahun tuan haji berkhidmat boleh mohon pendekkan kontrak."

Tidak berapa lama sesudah kontrak itu dikirimkan kepada pihak berkuasa, datanglah surat tawaran. Salah satu syaratnya yang saya tolak ialah tambang kapal terbang kelas ekonomi yang mungkin tersalah taip. Saya menolaknya kerana sebagai pegawai B3, saya berhak mendapat kelas pertama dan hal itu telah diperbetulkan kemudian. Pada kontrak yang kedua dahulu saya tidak diminta surat kesihatan seperti pegawai-pegawai yang

lain. Boleh jadi mereka melihat rekod saya yang tidak pernah sakit berat. Kali ini pun tidak diminta surat kesihatan.

Saya akan kembali bertugas pada pertengahan bulan September nanti. Sebelum pulang ke Kuala Lumpur saya bertemu seorang teman pegawai tinggi di Jabatan Buruh yang tahu tentang hal kontrak. Dalam masa bercerita tentang kontrak saya yang baru, dia lalu berkata, "Mana boleh Pak Lah pendekkan kontrak? Kontrak itu hanya boleh dibatalkan atas persetujuan kedua-dua belah pihak. Kalau Pak Lah seorang saja mahu batalkan sedang DBP tidak mahu, tidak jadi. Serupa juga bila DBP mahu dan Pak Lah tidak bersetuju."

Saya baru teringat akan fasal yang berkaitan dengan hal itu. Maka mahu tidak mahu saya terpaksa habiskan juga kontrak tiga tahun itu dengan baik. Tangan sudah menyeluk tempayan pekasam. Saya pun mulai membuat rancangan, saya mesti menggunakan masa tiga tahun itu dengan sebaik-baiknya. Enam tahun yang lalu (semuanya tujuh tahun termasuk cuti), tidak ada hasil kreatif saya yang benar-benar bererti, maksud saya dalam bidang penulisan. Saya hanya dapat menulis 13 buah cerpen, 6 buah sajak, 2 buah drama TV, 3 buah cerpen terjemahan dan sebuah novel terjemahan. Kali ini saya mahu mencuba menulis novel pula. Novel saya yang terakhir ialah *Masuk Ke Dalam Cahaya* yang mendapat hadiah sagu hati dalam Peraduan Menulis Novel Islam Anugerah Sastera Darul Iman. Itu kira-kira 15 tahun yang lalu. Kali ini saya berazam akan menulis sebuah novel yang lebih baik, yang akan menjadi karya saya yang terakhir kerana saya tidak mahu menulis lagi. Ada semacam rasa kecewa melihat perkembangan sastera Melayu khasnya dan bahasa Melayu amnya pada masa kebelakangan ini. Rasa ini tercetus ketika pada

suatu hari, sewaktu cuti panjang yang lalu, saya menunggu anak perempuan saya keluar dari Sekolah Sri Petaling. Saya duduk sendirian di padang permainan kanak-kanak dan mungkin kerana tidak ada benda yang dibuat maka fikiran saya telah berkelana kian ke mari dan terhenti pada masalah sastera dan bahasa. Sastera dan bahasa Melayu semakin terpinggir. Oleh itu saya mahu menulis sesuatu yang baik sebagai pusaka yang akan saya tinggalkan untuk anak-anak dan bangsa saya.

Saya teringat tentang masalah yang dihadapi oleh umat Islam di seluruh dunia. Masalah umat Islam di negara-negara Islam termasuk Malaysia negara saya, orang Islam yang menjadi minoriti di negara bukan Islam seperti di Filipina, Thailand, Amerika, Britain dan lain-lainnya dan juga di Palestin yang sedang berperang dengan Yahudi hampir bersendirian walaupun dikelilingi oleh negara Islam. Iraq dan Iran yang Islam tetapi berlainan bangsa telah berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Orang Islam semakin hari semakin tidak bersemangat, semakin tipis imannya, banyak yang menipu, pecah amanah bahkan sampai kepada harta anak-anak yatim dan baitulmal, melakukan kedurjanaan *incest* bahkan dengan darah daging sendiri melebihi binatang. Ini belum lagi terhitung kejahatan sampingan seperti tidak tahu berterima kasih, tidak tahu meminta maaf apabila membuat kesilapan, tidak bertimbang rasa, tidak berhati perut, tamak, haloba, iri hati, busuk hati, suka mengumpat dan banyak lagi. Kenapa? Syariat Islam ialah yang terbaik kerana ia agama yang diredai Allah. Gerak-geri perlakuan solat sahaja berbagai-bagai, belum lagi bacaannya. Padahal jika dibandingkan perlakuan ibadat agama lain baik agama langit atau agama bumi, ibadat solat orang Islam penuh dengan hikmah. Berdiri tegak, letak kaki, angkat tangan takbir, kiam, rukuk,

sujud, bersimpuh duduk antara dua sujud yang begitu cantik, angkat jari tahiyat, berpaling memberi salam dengan tertib, semuanya ada makna, cukup dengan rukun-rukunnya, cukup sempurna dan tidak ada ruang untuk dicacat cela. Benarlah dan tidak salah lagi bahawa solat itu bukan rekaan manusia tetapi hasil petunjuk dari Allah Yang Maha Agung melalui Jibrail penghulu segala malaikat. Saya mesti menulis sebuah novel yang ada kaitan dengan agama Islam dan memberi fokus kepada solat kerana solat itu tiang agama. Tetapi bagaimana saya akan memulainya?

Saya mesti memulainya dari masjid sebagai pusat ibadat orang Islam. Mesti ada seorang imam yang menjadi watak utama sebab imam ialah pemimpin Islam yang sejati, bukan guru, bukan orang politik, bukan orang korporat, bukan panglima perang, bukan ketua negara tetapi imam yang tugasnya berdwifungsi, dunia dan akhirat. Kebetulan pada masa itu saya menyimpan keratan akhbar *Utusan Malaysia* tentang penemuan emas di Lubuk Mandi, Terengganu. Sudah lama berita itu saya simpan dan sekali-sekala masalah emas muncul dalam kepala. Daripada pengalaman itulah tanda pertama bahawa sebuah karya akan lahir seperti yang selalu saya katakan kepada para penulis muda yang menghadiri bengkel. Tanda pertama sesebuah karya itu akan lahir tidak ubahnya seperti tanda pertama seseorang perempuan mula mengetahui bahawa dia sudah mengandung, maka proses penulisan kreatif pun bermula daripada tanda pertama itu juga lalu terus membesar, membesar sehingga cukup sembilan bulan sepuluh hari. Sampai saat dan ketika ia lahir sebagai anak cukup bulan, bukan *premature*.

Mengapa dengan emas dan apa pula hubungannya dengan masjid? Emas ialah logam yang melambangkan

kemewahan dan nafsu, dan masjid pula lambang keimanan, dekat dengan Allah. Kedua-dua elemen ini amat bertentangan. Antara satu sama lain ada persaingan yang hebat untuk merebut hati manusia. Saya akan letakkan emas itu dalam tanah di bawah masjid, manusia akan menggalinya sehingga masjid itu runtuh. Itulah simboliknya bahawa manusia itu terlalu tipis imannya kerana dia hanya tahu akan Allah tetapi tidak mengenalinya. Dia bersyahadat, bersolat, berpuasa, berzakat dan menunaikan rukun haji kerana semata-mata daripada tradisi keturunan yang diwarisinya, tetapi tidak mengenali Allah, Penciptanya. Apabila datang sedikit ujian maka imannya pun cair, kerana sedikit kesenangan yang sementara maka dia sanggup mengorbankan imannya.

Saya sudah mendapat temanya dan rangka ceritanya pun sudah mula terbayang, tetapi saya mesti mencari sebab-musabab mengapa iman orang Islam menjadi begitu rapuh. Saya meminjam buku-buku dari perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka dan membacanya. Saya semak kembali buku-buku agama yang ada dalam simpanan saya. Saya mulai membuat catatan, membuat lakaran cerita. Cara ini belum pernah saya lakukan sebelum itu. Dahulu jikalau mahu menulis, sesudah mendapat *signal* yang pertama maka saya terus ambil kertas, masukkan ke mesin taip lalu menaip. Setiap sekali duduk, lima atau 10 helai yang akan saya taip mengikut tebal tipisnya novel yang akan ditulis. Segala plot, watak, intrik, akan terbentuk dalam masa proses penulisan itu. Tetapi sekali ini caranya saya ubah.

Dalam masa membaca buku-buku untuk mencari ilmu itulah pada suatu malam saya bermimpi berada di sebatang jalan bertanah merah menuju ke sebuah kampung di tengah sawah. Di kiri kanan jalan ada sawah

padi yang tumbuh subur, sedangkan di bahu jalan penuh tanaman yang berbagai-bagai aneka, bunganya sedang kembang mekar. Masa itu rasa-rasanya seperti sesudah subuh. Tiba-tiba dari ufuk timur muncul matahari. Saya pun terbangun.

Saya sebenarnya seorang yang kuat bermimpi. Jarang tidur saya baik siang atau malam yang tidak dihiasi dengan mimpi, ada yang saya ingat ada yang tidak. Kadang-kadang sepanjang malam itu saya bermimpi berbagai-bagai mimpi, bersambung-sambung dari satu episod ke satu episod sehingga tidur saya tidak pernah cukup. Pada zaman revolusi Indonesia dan beberapa tahun sesudahnya saya selalu bermimpi tentang perang, ikut dalam pertempuran. Tetapi mimpi kali ini agak lain. Saya ingat dengan jelas seperti baru lepas menonton sebuah rancangan di televisyen. Biasanya saya jarang memikirkan balik mimpi-mimpi itu, tetapi mimpi yang ini agak lain kesannya. Apakah kampung itu kampung kelahiran saya? Tetapi masa itu belum ada jalan tanah merah.

Yang Pergi

Daripada Oesman AMS seorang sahabat saya di Langsa, saya mendapat surat yang memberitahu bahawa Tengku Ismail Usman telah berpulang ke rahmatullah. Saya tidak terperanjat kerana waktu bertemu dengannya pada kali terakhir ketika dalam perjalanan pulang dari Pekan Kebudayaan Aceh yang ke-3, dia sudah uzur kerana diserang angin ahmar. Dia sudah menggunakan kerusi roda dan tidak dapat bercakap dengan jelas hanya dengan mengeluarkan suara vokal aaaaa sahaja. Walaupun dia gembira menyambut kedatangan saya bersama-sama isteri dan dua orang anak saya, Iqbal dan Malahayati,

tetapi ada rona kesedihan yang tersembunyi pada wajahnya. Kegembiraannya itu tidak dapat dilahirkan. Dia dengan bahasanya dan dengan isyarat yang hanya difahami oleh isteri dan anaknya telah menyuruh mereka memainkan sebuah kaset untuk saya dengar. Kaset itu berisi rakaman ucapannya ketika menyambut hari Langsa memproklamasikan kemerdekaan Indonesia. Hanya dia dan beberapa orang sahaja yang masih hidup sebagai saksi sejarah kepada peristiwa proklamasi yang kami lakukan di atas tembok fontain di taman bunga di hadapan stesen kereta api Langsa.

Sebaik sahaja sampai balik ke Brunei saya telah menulis sebuah cerpen yang mula-mula diberi judul "Pasrah" sebagai kenang-kenangan kepadanya yang saya anggap sebagai kawan dan guru. Cerpen itu telah disiarkan dalam *Dewan Sastera*.

Pada hari saya menerima berita tentang kematian sahabat dan guru saya itu, saya bertolak ke Kota Kinabalu kerana di sana akan berlangsung Dialog Borneo. Saya pergi bersama-sama rombongan Brunei tetapi atas biaya sendiri. Jadi saya dan Haji Ibrahim Abdul Ghani telah menginap di hotel yang murah tidak jauh dari hotel mewah tempat dialog itu berlangsung.

Pada masa Dialog Borneo itu, saya berjumpa Haji Jalidar Abdul Rahim seorang Pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah, berasal dari Sulawesi. Dia terus berkata, "Cerpen 'Pasrah' itu terlalu menyentuh perasaan. Apakah itu cerita benar?"

"Memang cerita benar. Tokoh yang saya ceritakan itu baru saja meninggal dunia."

Dia diam sejurus lamanya seperti orang bersedih.

Dialog Borneo kali ini lebih banyak wakil dari Kalimantan berbanding dengan dialog pertama yang diadakan di Miri. Kali ini ada wakil dari Kalimantan Selatan,

Kalimantan Tengah seorang keturunan Dayak, Kalimantan Timur. Saya tertarik dengan kertas kerja yang dibentangkan oleh wakil dari Kalimantan Utara yang menceritakan tentang kerajaan Melayu lama di Kutai. Saya tertarik kepada peribahasa Kutai yang tercantum dalam makalahnya itu sebab ia merupakan salah satu cabang budaya yang saya minati. Saya mahu menambah koleksi peribahasa yang ada dalam buku saya *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Di Brunei pun terdapat banyak peribahasa yang dipanggil perambah yang diucapkan dalam dialek tempatan. Tetapi peribahasanya sama dengan peribahasa kita. Berbeza dengan peribahasa Melayu Kutai dalam susunan kata-kata yang agak panjang. Kutai sebuah kerajaan Melayu lama di pesisir Kalimantan Utara, kini tinggal namanya sahaja kerana kemasyhurannya telah tersimpan dalam lipatan sejarah.

Pada hari akhir dialog itu, saya diajak oleh Janathan Kandok ke rumahnya kerana dipesan sangat-sangat oleh Noriah isterinya. Noriah ialah salah seorang anak angkat saya di Maktab Perguruan Kent dahulu, pernah datang ke rumah bersama-sama Rohaya Jumat, Yatimah Abdul, Hamidah Layar dan beberapa orang lagi. Rohaya lebih dulu saya kenali sewaktu dia menghadiri ceramah saya di Labuan dengan Abdullah Tahir dan Yatimah ialah mantan jurutaip di DBP Cawangan Sabah. Hamidah seorang penulis cerpen.

Noriah berkahwin dengan Janathan seorang keturunan Dusun dari daerah Kota Marudu. Saya dan Haji Ibrahim telah dibawa ke rumahnya di kawasan Putatan pada petang itu. Dari situ kami akan dihantar ke lapangan terbang yang tidak jauh dari rumahnya. Noriah terlalu gembira menerima kedatangan saya setelah sekian lama tidak ketemu. Dia memasak untuk menjamu kami berdua dan apabila tiba waktu maghrib, Janathan

lalu membentangkan sejadah. Kami solat berjemaah dengan saya menjadi imamnya. Janathan seorang pegawai kanan kastam yang meminati sastera, telah menjadi seorang Muslimin yang taat dan saya sangat gembira.

Pada tanggal 29 September bersempena Hari Perlembagaan Baru Brunei yang di dalamnya termaktub fasal yang menyebut bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi, perletakan batu asas bangunan baru Dewan Bahasa dan Pustaka telah dilakukan di kompleks bangunan kerajaan di Berakas. Bangunan baru ini sudah lama dirancang, mungkin sebelum saya datang ke Brunei tetapi baru sekarang dapat dilaksanakan. Bangunan di Jalan Elizabeth 2 yang kami tempati sekarang sudah begitu sesak sehingga hampir tidak ada ruang untuk meletakkan meja jika ada pegawai baru. Pegawai-pegawai kanan terpaksa duduk bersama-sama pegawai rendah dan kerani. Keadaan beginilah yang menyebabkan salah seorang pegawai kanan menyerbu masuk ke dalam bilik saya, meminta sebuah bilik sendiri. Dalam struktur bangunan baru ini, Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera terletak di tingkat tiga juga. Pegawai bahasa, pengarang kanan mempunyai biliknya sendiri. Daripada pelannya kelihatan memang agak selesa, tetapi saya mungkin tidak dapat merasainya kerana bangunan itu hanya akan siap setelah kontrak saya tamat.

Menulis Novel

Hari itu Hari Jumaat, 6 Oktober. Sesudah sarapan, saya memakai pakaian seperti mahu pergi ke pejabat, cuma tidak bertali leher dan berkasut sahaja. Saya duduk di kepala meja makan menghadapi mesin taip Olivetti *portable*. Dengan *bismillah* saya mulai menaip huruf per-

tama novel *Imam*. Pada waktu itu sebagai judul sementara, saya letakkan perkataan al-Qarin. Saya memulai ceritanya ketika Imam Mihad keluar dari bilik kerjanya naik ke atas mimbar yang kini menjadi Bab 2. Saya menaip tanpa berhenti hingga jam 11.45 pagi. Daripada beberapa helai yang saya peroleh itu saya merasa berpuas hati. Setelah minum sedikit, saya lalu mandi sunat Jumaat dan memakai pakaian Melayu sebelum bertolak ke masjid di Jalan Serusup. Pulang dari masjid saya terus memasak ala kadarnya dan sesudah makan saya tidak menaip lagi. Rutin saya sesudah itu ialah membaca sedikit kertas yang sudah ditaip sambil membuat pembetulan. Saya seorang yang tidak gemar kepada tulisan yang bercorat-coret, maka saya lalu menaipnya semula, tetapi hal ini berlaku hanya pada permulaannya sahaja, lama-kelamaan corat-coret itu saya biarkan sahaja kecuali jika terlalu banyak cacingnya. Demikianlah yang saya lakukan setiap hari Jumaat dan Ahad, iaitu hari cuti umum bagi jabatan kerajaan di Negara Brunei Darussalam.

Haji Hakim seorang guru sastera telah dipindahkan ke Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai pegawai bahasa kanan. Dia bukan orang asing dengan jabatan ini kerana sering kali menyumbangkan tenaganya dalam berbagai-bagai kegiatan yang ada kaitannya dengan bahasa dan sastera. Dia juga ahli jawatankuasa menyusun buku sastera untuk COCI. Kedatangannya yang tiba-tiba itu telah menimbulkan sedikit kerumitan kerana pihak pentadbir tidak tahu di mana dia akan diletakkan.

Pada suatu hari saya mendengar desas-desus bahawa Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera akan dipecahkan menjadi dua. Salah seorang pegawai kanan di bahagian itu telah memberitahu kawan-kawannya bahawa dia telah berjaya memujuk pengarah supaya bahagian itu dipecahkan menjadi dua bahagian: Maja-

lah dan Sastera seperti yang dilakukan oleh DBP Kuala Lumpur. Salah satu akan diserahkan kepada Haji Hakim untuk mengetuainya. Walaupun hal itu menggugat kedudukan tetapi saya sedikit pun tidak terpengaruh dengan desas-desus tersebut. Saya boleh bekerja biar di mana sahaja. Saya pernah menerima cabaran yang lebih hebat dan besar lagi ketika menjadi pegawai polis di Aceh dahulu, padahal saya tidak tahu apa-apa tentang kepolisian.

Pada suatu hari saya dipanggil oleh pengarah. Memang benar Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera telah dipecahkan. Majalah dijadikan satu bahagian baru.

"Bahagian mana yang tuan haji pilih?" Dia bertanya.

"Bahagian mana saja saya tidak kira," jawab saya.

"Tuan haji ambil Bahagian Majalah, biar Haji Hakim ambil Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera," katanya. "Sekarang pilihlah pegawai yang tuan haji mahu."

"Kita buat pilihan macam cerita Nujum Pak Belalang saja," kata saya.

"Bagaimana?" Dia melihat saya dengan hairan.

"Semua pegawai di BPPS ada 24 orang. Kita bagi saja seperti Aziz Satar dan S. Shamsuddin membahagi harta curian. Satu untuk saya, satu untuk dia."

Pengarah tergelak mendengar kata-kata saya itu. Dia lalu mengambil satu kertas lalu menulis nama pegawai-pegawai yang ada di BPPS. Kemudian dia menyuruh saya memilihnya. Pegawai bahasa saya ambil Haji Leman, pengarang kanan saya ambil Haji Abdul Rahman Yusof lalu pengarang dan penolong pengarang. Satu ke sana satu ke sini. Apabila hal itu saya umumkan kepada pegawai-pegawai yang dipilih untuk menyertai Bahagian Majalah, maka mereka yang terpilih merasa sangat

gembira tetapi beberapa orang yang tinggal dalam BPPS telah menyatakan rasa tidak senangnya. Mereka lalu membuat surat protes dan mengumpulkan tandatangan. Tetapi apabila surat protes tersebut sampai kepada salah seorang yang telah terpilih ke Bahagian Majalah, dikoyak-koyaknya lalu dibuang keluar jendela. Maka protes itu pun habis sampai di situ sahaja. Seperti satu hikmat yang misteri dari Allah s.w.t. yang mahu meringankan beban kerana saya sekarang sedang menulis novel. Bahagian Majalah tidak banyak kerja, hanya ada dua majalah sahaja. Majalah *Bahana* untuk sastera dan majalah *Mekar* untuk kanak-kanak. Majalah *Bahana* itu bahannya memang sudah ada dan tidak mudah basi, majalah *Mekar* sahaja yang perlu diberi perhatian sedikit kerana ada antara bahannya yang bersifat semasa dan memerlukan banyak ilustrasi, tetapi itu pun bukan satu kerja yang susah.

Saya telah mengadakan rundingan dengan Haji Hakim bagi menyelaraskan tugas antara majalah dan sastera kerana biar bagaimanapun saya masih orang sastera.

Minggu pertama bulan November, Kamal Salleh salah seorang pegawai di Bahagian Perkembangan Bahasa akan kembali ke Malaysia kerana kontraknya sudah tamat. Hanya kami berdua sahaja orang Malaysia di jabatan ini, walaupun kami jarang berjumpa, tetapi semangat setia kawan sebagai orang senegara masih kukuh.

Sekali-sekala saya menerima tamu yang terdiri daripada kenalan ataupun orang-orang yang mengenali saya. Kali ini Hashim Abdul Wahab[7] orang Langkawi yang menjadi pengarah PORIM datang bersama-sama isterinya Puan Kamariah. Berita kedatangannya telah disampaikan oleh seorang Cina Brunei bernama

Boobytee. Beberapa hari mereka menjadi tamu kami berdua. Pada hari yang sama datang tamu dari Sabah, Juri Durabi seorang pegawai keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, yang menjadi anak angkat Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Juri akan menulis sebuah novel. Dia telah memilih saya untuk menjadi pembimbingnya. Sewaktu saya bercuti panjang di Petaling Jaya pada bulan Februari yang lalu, dia datang ke rumah di Petaling Jaya untuk meminta bimbingan. Sebagai rakyat Sabah, dia menginap di Yayasan Sabah yang terletak di Jalan Ampang. Pada hari yang pertama, dia menghadapi kesukaran mencari lokasi rumah saya, tetapi saya kuatkan semangatnya dengan menyuruh dia menaiki bas dan mencari jalan sendiri sehingga berjumpa. Pada hari yang kedua saya tidak benarkan dia datang tetapi sebaliknya saya menyuruh dia merayau di sekitar Jalan Chow Kit dan Jalan Tuanku Abdul Rahman. Buat apa? Dia bertanya. "Kamu tengok gelagat manusia kota, cuba cari watak Nanak (protagonis) dan watak Turagai (antagonis) dalam novel kamu di kalangan mereka. Kemudian kamu datang ke rumah saya dan ceritakan apakah kamu sudah bertemu mereka di sana."

Dia datang ke Brunei untuk tinggal bersama-sama saya selama satu minggu dengan membawa manuskrip novel *Susuk Tingkayu* yang sudah siap ditulis. Setiap malam kami berbincang dan berhujah sehingga dia merasa puas hati dengan karyanya itu.

Pada 17 Januari, Iraq telah menyerang Kuwait dalam Perang Teluk yang dahsyat. Amerika Syarikat turut campur tangan dan Arab Saudi pula yang dahulunya menyokong Iraq dalam persengketaannya dengan Iran telah membenarkan tentera Amerika berpangkalan di buminya untuk menghukum Iraq. Peristiwa yang sangat

tragis menimpa negara dan umat Islam dan amat menyakitkan itu telah memperkuat azam saya untuk menyiapkan novel yang sedang saya tulis. Jadual penulisan yang saya lakukan pada setiap hari Jumaat dan Ahad itu hampir sahaja terganggu apabila saya ditunjuk sebagai salah seorang ahli panel penilai Peraduan Menulis Novel Sempena Kemerdekaan Brunei yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Ada 10 buah novel yang dipertandingkan. Kami membahagikan novel-novel itu ke dalam dua bahagian. Lima buah dalam bahagian pertama yang jumlah halamannya 1171, mesti diselesaikan bacaannya dalam masa tiga bulan (86 hari). Saya lalu membuat jadual sekurang-kurangnya mesti membaca 13 atau 14 halaman setiap hari supaya jadual kerja saya menulis novel tidak terjejas. Begitu juga dengan bahagian kedua yang jumlah halaman keseluruhannya ada 1414, yang mesti diselesaikan dalam masa tiga bulan (120 hari) sesudah bahagian pertama. Ini pun saya jadualkan seperti bahagian pertama itu juga. Alhamdulillah tanpa merasa tertekan, kesemua 10 novel itu telah dapat saya baca tepat pada waktunya dan tidak sedikit pun menjejaskan jadual kerja menulis novel yang sedang saya kerjakan.

Pada Hari Raya Puasa tahun 1991 yang jatuh pada pertengahan bulan April, saya telah mengambil cuti selama 17 hari kerana bercadang akan menghadiri Dialog Utara yang diadakan di Alor Setar pada akhir bulan tersebut. Cuti itu bermula pada hari Isnin, tetapi seperti yang biasa dilakukan kita akan bertolak balik pada petang Sabtu, hari Ahad sudah ada di rumah. Amalan ini sebenarnya sudah menyalahi peraturan am kerajaan kerana jika berlaku sesuatu yang tidak baik pada malam Sabtu dan hari Ahad di luar Brunei, kemalangan misalnya, maka kita akan menghadapi masalah

besar sebab cuti yang diakui kerajaan baru bermula pada hari Isnin kecuali dalam borang cuti itu ada tercatat bahawa kita akan meninggalkan negeri itu pada petang Sabtu dan dipersetujui majikan. Hal serupa ini tidak diberi perhatian oleh ramai orang.

Semasa Dialog Utara itu, sesudah majlis perasmian dilakukan oleh Menteri Besar Kedah di Balai Besar, saya bertemu suami Noraini Muhammad penyair wanita dari Terengganu.

"Mana Noraini?" Saya bertanya.

"Dia ada dalam kereta, bapak pergilah tengok," katanya sambil menunjukkan arah kereta itu diletakkan. Di sana saya melihat Noraini sedang memangku dua orang anak dan dia tersenyum melihat saya.

"Ha, 'kan Allah telah gantikan anak yang hilang itu sampai dua orang," kata saya. Dia tersengih tidak menjawab sambil mengipas-ngipas kedua-dua anaknya. Beberapa tahun yang lalu saya telah menulis surat kepadanya setelah melihat dia agak lama tidak menulis sajak. Dia seorang penyair wanita yang paling prolifik, saya suka dengan sajak-sajaknya yang berisi kelembutan perasaan seorang wanita. Sesudah surat-menyurat itu kami menjadi kawan dan dia pun kembali menulis sekali-sekala.

Konserto Terakhir

Anak sulung kami, Ahmad Patria mendesak supaya kami pergi merisik seorang gadis di sebuah kampung di Kelantan. Dia telah terpikat kepada anak gadis yang sama-sama menjadi pelajar di Maktab Rendah Sains MARA, Kuantan kerana seperti yang sudah saya ceritakan dahulu, anak gadis itulah yang telah memberitahu guru disiplin bahawa dia telah dikeroyok oleh beberapa

orang pelajar lain sehingga mendapat luka di belakangnya.

Dia tertarik kepada anak gadis itu bukan kerana cinta tetapi kerana merasa terhutang budi. Ibunya sama sekali tidak bersetuju dengan cadangannya itu kerana Patria masih terlalu muda untuk berumah tangga. Ibunya mahukan dia terus belajar hingga tamat kemudian baru memikirkan soal berumah tangga. Tetapi pendapat saya agak berbeza. Saya tahu itu hanyalah cinta monyet yang boleh mengganggu pembelajarannya, sebab itu saya ikut kemahuannya supaya hal ini diselesaikan *once and for all*, supaya tidak lagi menjadi fikirannya. Selain itu yang paling penting, supaya dia menaruh kepercayaan kepada ibu dan bapanya. Maka kami pun bertolak ke Kota Bharu, kami bawa Iqbal bersama-sama. Di Kota Bharu saya cuba menghubungi Ismail Bukhari seorang teman yang sudah lama tidak berjumpa. Kali terakhir saya berjumpa dengannya ketika dia menjadi penggawa di Pasir Mas. Saya berkawan rapat dengannya waktu dia tinggal di rumah Omar Bassaree[8] di Jalan Perkins berhampiran Pasar Chow Kit. Pada masa itu dia mempunyai sebuah skuter, maka dengan skuter itulah dia selalu membonceng saya ke mana sahaja. Bapanya Abdullah Bukhari ialah seorang pemain muzik yang terkenal di Kelantan. Sesudah berkahwin dengan anak seorang peniaga di Kampung Baru, dia pun kembali ke Kelantan dan berkhidmat dengan kerajaan, tidak lama kemudian dilantik sebagai penggawa.

Saya cuba mencari alamatnya dalam direktori telefon. Alamatnya ada tetapi apabila ditelefon tidak ada orang yang menjawab. Dua tiga kali saya cuba tetapi tidak juga berhasil. Saya merasa agak kecewa kerana sejak awal telah direncanakan akan pergi bersama-samanya ke Pasir Mas daerah yang pernah ditadbirnya. Saya

membuat kesilapan kerana terlalu yakin boleh mencarinya walaupun sudah lama tidak pernah berjumpa dan berhubungan surat. Seperti biasa, apabila berada dalam keadaan kritis begini maka Allah s.w.t. akan membuka jalan. Di Kota Bharu ini kami mempunyai seorang sahabat baik, Wan Zanariah namanya, seorang penulis sajak dan cerpen yang cukup prolifik, yang sangat giat dalam Persatuan Penulis Kelantan. Setiap kali sampai di Kota Bharu kami akan menelefonnya, beberapa minit kemudian muncullah dia di tempat kami menginap dengan keretanya. Dia akan membawa kami berjalan ke berbagai-bagai tempat yang menarik, ke tempat membeli-belah dan menjamu selera masakan Kelantan yang enak. Seperti juga dengan sifat Kelantannya yang lemah lembut, dia juga amat kaya dengan budi bahasa. Kali ini dia datang ditemani anak perempuannya lalu membawa kami sampai ke Rantau Panjang, Pangkalan Kubur dan Pantai Cinta Berahi (Pantai Cahaya Bulan). Setelah dia mengetahui akan tujuan kedatangan kami, maka niat saya yang tidak mahu menyusahkannya telah menimbulkan kemarahannya, dia merasa dikesampingkan. Dia lalu meminta alamat gadis tersebut dan berjanji akan mengurusnya. Kami pun pulang ke Kuala Lumpur dengan perasaan lega. Tidak lama kemudian datanglah berita yang mengatakan bahawa gadis itu belum lagi memikirkan tentang soal perkahwinan atau pertunangan kerana dia masih mahu melanjutkan pelajarannya. Keputusan itu telah diterima baik oleh anak kami dan cerita itu pun tamat sampai di situ sahaja.

Persidangan Majlis Bahasa Brunei, Indonesia dan Malaysia (MABBIM) kali ini diadakan di Brunei. Dalam satu jamuan perpisahan, saya telah bertemu Othman Haji Zainuddin yang bertugas membuat rakaman persi-

dangan itu untuk Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Kami pun bercerita tentang drama dan filem kerana itulah topik yang amat digemarinya. Saya memberitahunya tentang skrip filem *Konserto Terakhir*[9] yang sudah saya siapkan tetapi agak tebal tidak seperti skrip filem yang biasa. Dia meminta untuk melihatnya. Sebelum berangkat pulang saya serahkan salinan naskhah skrip tersebut kepadanya.

Beberapa bulan kemudian dia memberitahu bahawa Wan Rohani Zain seorang penerbit filem ingin bertemu saya apabila pulang ke Kuala Lumpur nanti. Oleh itu ketika saya berada di Petaling Jaya semasa cuti, kami telah mengadakan pertemuan di sebuah hotel di Subang Jaya dengan satu majlis makan malam. Ikut hadir ialah Othman dan Puan Mariamah isterinya, saya dan isteri. Dalam pertemuan itu Othman yang lebih banyak bercakap tentang skrip tersebut daripada saya. Dalam kepalanya telah terangka filem yang akan digarapnya dengan para pelakon yang telah dicadangkan. Wan Rohani bersetuju dengan segala syarat saya dan surat perjanjian akan dikirimkan ke Brunei.

Ketika masih di rumah sebelum saya bertolak balik ke Brunei, Norhashimah dan Fakhrul pelajar Institut Teknologi MARA (ITM) yang pernah tinggal beberapa bulan di rumah saya dahulu datang. Mereka memberitahu ada lagi dua orang pelajar ITM yang akan membuat praktikal di Brunei mahu ikut bersama-sama saya dalam penerbangan balik ke Bandar Seri Begawan nanti. Mereka meminta izin mahu tinggal di rumah saya. Norhashimah dan Fakhrul telah membawa mereka ke Lapangan Terbang Subang dan memperkenalkan kepada saya. Seorang bernama Norma dan seorang lagi Kamarulmas Ayu.

Undangan Jakarta

Sesudah satu minggu bertugas, saya menerima surat dari Jakarta yang dikirimkan oleh Ketua Unit Penyelidikan LIPI (Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia) mengundang saya untuk membentangkan kertas kerja dalam satu *Simposium On Modern Indonesian History: Review In International Context* khusus bagi memperingati 50 tahun kemasukan Jepun ke Indonesia. Sebelum pulang bercuti saya sudah pun dihubungi oleh Dr. Taufik Abdullah tentang perkara itu, tetapi saya tidak bersedia. Dia berkeras juga supaya saya ikut serta, kerana katanya pengalaman saya sebagai *fifth columnist* atau kolum kelima amat berguna, boleh menimbulkan minat para pembentang yang lain. Itu sahaja yang disuruh saya tuliskan. Simposium itu akan diadakan pada minggu kedua bulan Mac iaitu bertepatan dengan bulan puasa. Saya boleh menulis dalam bahasa Indonesia ataupun dalam bahasa Inggeris. Saya tentu memilih yang pertama itu.

Pada masa itu tepat tanggal 30 Januari, saya menulis surat kepada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka memberitahu tentang kontrak saya yang akan berakhir pada bulan September itu benar-benar muktamad tidak mahu dilanjutkan lagi. Rasanya 10 tahun itu sudah cukup lama dan secara tidak langsung sudah menjadi semacam tradisi pula kepada saya untuk tinggal di sesebuah negara asing tidak lebih daripada jangka tersebut. Saya tinggal di Indonesia selama 10 tahun (1941–51) dan begitu juga di Singapura (1951–61), maka di Brunei ini pun kira-kira selama itulah pula (1982–92).

Seorang sahabat baik yang pernah bersama-sama di Universiti Sains Malaysia, yang kini bertugas di Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr. Yusof Hasan dan isteri-

nya telah datang ke Brunei. Dr. Yusof mendapat tawaran untuk membuat penyelidikan tentang novel-novel Melayu Brunei semasa cuti sabatikalnya. Dia mendapat sebuah apartmen yang terletak di seberang jalan berhadapan rumah saya sehingga jikalau pemandangan tidak disekat oleh sepohon pokok besar yang tumbuh di taman permainan kanak-kanak, saya boleh melambainya dari beranda rumah sahaja.

Seorang sahabat lama, yang hampir sebaya umurnya dengan bapa saya telah meninggal dunia. Banyak kenangan manis dan pahit saya bersama-sama dengannya. Dia yang kami panggil Tauke Wahi (Wahi Makam) ialah seorang hartawan asal Aceh dari kampung yang sama dengan bapa saya. Dia telah menjadi warganegara Malaysia dan bermastautin di Pulau Pinang. Kisah hidupnya yang penuh warna-warni itu pun juga ialah kisah *from rags to richness* juga. Dia pernah bekerja sebagai pemanjat pokok kelapa, kemudian berniaga kecil-kecilan sebelum Jepun masuk ke Aceh. Apabila Indonesia merdeka dia mulai membawa barang dagangan ke Pulau Pinang. Dalam salah satu pelayaran motobot waktu mahu pulang ke Aceh itulah saya berkenalan dengannya. Saya dan Tengku Ismail Usman ikut menumpang motobot tersebut yang bertolak pada waktu malam dari jeti feri Pulau Pinang. Sejak bertolak hati saya tidak berapa sedap dan apabila melewati Muka Head motobot itu pun mulai meragam. Ekzosnya tersumbat. Kami berpatah balik dan berlabuh di Teluk Bahang. Setelah diperbaiki, pada petang itu juga kami meneruskan pelayaran hingga ke tengah Selat Melaka dan ekzos itu meragam sekali lagi. Pada masa itu hujan dan angin amat kencang, motobot itu telah berhenti terapung-apung di permukaan laut. Menjelang subuh kami mendapati motobot itu berada tidak jauh dari Tukun Perak,

sebuah pulau batu karang yang muncul di tengah selat. Hanya ada sebatang pokok dengan daunnya yang langka tumbuh di atas pulau tukun itu, yang menjadi tempat singgah burung camar laut. Motobot itu dikendalikan oleh seorang tekong Cina dengan empat orang anak buahnya. Hanya tekong itu sahaja yang tahu bahasa Melayu walaupun sepatah-sepatah. Mereka bercakap dalam dialek Hokkian yang mula saya kutip sepatah-sepatah seperti perkataan hujan, air, angin dan sebagainya. Pagi itu apabila ada angin, tekong itu bertanya kepada kami bertiga apakah kami tidak keberatan menggunakan layar? Kami tentu bersetuju daripada terapung-apung begitu tanpa tujuan. Layar pun ditarik sedikit kira-kira setengah tiang kerana anginnya kencang, tetapi setelah belayar kira-kira satu jam lamanya dalam hujan yang lebat dan sesudah angin dan hujan berhenti, kami dapati pulau karang itu masih berada tidak jauh di buritan motobot. Awak-awak motobot itu mulai membakar gaharu dan menyembah ke arah pulau tukun tersebut. Kemudian apabila ada angin, kami mengangkat layar semula, tetapi begitulah keadaannya sesudah hampir lima hari kami masih belum bergerak dari pulau karang itu, sama ada pulau itu di belakang, di hadapan, di sebelah kanan atau di sebelah kiri. Kami terus berputar-putar di situ sahaja. Walaupun dalam keadaan genting serupa itu, tetapi kami tidak khuatir tentang soal makanan kerana persediaannya cukup. Yang membimbangkan ialah air minum apabila tidak ada hujan tentu akan menimbulkan masalah. Akhirnya tekong itu membuat keputusan nekad setelah meminta pendapat kami. Dia akan menggunakan layar penuh apabila sahaja ada angin. Sejenak sesudah subuh, angin barat daya pun bertiup dengan kencang sekali bersama-sama hujan. Tekong itu memerintahkan anak buahnya menarik layar

sepenuhnya sampai ke puncak tiang, maka motobot itu pun meluncur laju ke hadapan membelah ombak. Kami semua berkumpul duduk di sebelah bagi mengimbangi tubir motobot yang sebelah lagi, yang sudah separuh di permukaan laut. Apabila matahari muncul di ufuk timur, nampaklah Gunung Raya di Pulau Langkawi berbalam-balam dalam kabus pagi. Kami gembira tidak terkira dan membuat keputusan mengalihkan haluan menuju ke Tanah Besar mengambil Gunung Jerai sebagai pedoman. Itulah kenangan yang tidak dapat saya lupakan bersama-sama Tauke Wahi dan Tengku Ismail. Kemudian apabila saya meninggalkan Aceh kerana menghindarkan diri daripada percekcokan dengan Panglima Tentera Divisi Rencong, saya diminta tinggal di tokonya yang baru sahaja disewa di Church Street. Dia membuka cabang syarikat PERMAI untuk menguruskan import dan eksport barang-barang syarikatnya di samping menjadi ejen kepada syarikat-syarikat orang Aceh yang kebanyakannya mengeksport getah, kopi, minyak nilam dan minyak kelapa sawit. Walaupun dia hanya boleh membaca jawi, tetapi otak dagangnya cukup bergeliga. Dalam masa yang singkat syarikat itu telah berkembang maju menjadi salah sebuah syarikat perdagangan orang Indonesia yang terkemuka di Pulau Pinang. Pada masa itu ada kira-kira 20 buah syarikat import dan eksport milik orang Aceh dan PERMAI merupakan salah satu yang terbesar. Tauke Wahi juga yang telah mencetuskan idea penubuhan persatuan orang-orang Aceh yang mulanya diberi nama Persatuan Iskandar Sani dan kemudian berubah menjadi Aceh Sepakat.

Pada 22 Februari itu tiba-tiba sahaja terjadi satu gegaran kecil di sekitar Bandar Seri Begawan. Saya yang sedang bekerja terasa seperti ada sesuatu yang aneh berlaku di dalam bilik, rasa-rasanya seperti kita berada di

atas kapal yang melintasi kepala ombak. Berikutan itu ada pemberitahuan supaya semua orang meninggalkan pejabat seberapa segera yang dapat. Beberapa saat kemudian terjadilah keadaan haru-biru kerana setiap orang mahu menyelamatkan diri masing-masing. Saya agak lambat turun sehingga orang yang sudah berada di atas jalan di bawah berteriak-teriak memanggil nama saya. Sampai di bawah di kiri kanan bahu jalan telah penuh dengan pegawai-pegawai dari pelbagai jabatan yang ada di sekitar Jalan Elizabeth 2. Keadaan menjadi riuh-rendah dengan berbagai-bagai perbualan dan perbuatan. Pihak berkuasa bomba telah datang membuat pemeriksaan dan mengumumkan bahawa semuanya berada dalam keadaan baik dan boleh kembali ke tempat kerja masing-masing, tetapi sebahagian daripada pegawai-pegawai itu telah pulang ke rumah kerana sudah sampai waktu keluar pejabat. Gegaran itu berpunca daripada gempa bumi di salah satu tempat di kepulauan Indonesia.

Kakak Kamarulmas Ayu, Nor Aisyah datang melawat adiknya. Rumah saya pun menjadi bertambah ramai. Mereka sudah mengambil alih urusan masak-memasak dan mengemas rumah dan setiap pagi Ahad mengikut Azurin pergi ke pasar. Oleh sebab bulan puasa hampir tiba, mereka membuat rancangan dengan Azurin untuk menjual minuman dan makanan ringan berbuka puasa di pasar petang yang diadakan di kawasan Stadium Negara. Azurin yang akan mendapatkan permit daripada Majlis Perbandaran kerana dia rakyat Brunei. Mereka berkongsi memodalinya dengan Nor Aisyah sebagai pemodal utama.

Pelajar ITM ini mendapat elaun yang amat terbatas, yang barangkali hampir sama dengan elaun yang diperoleh oleh kawan-kawannya yang membuat praktikal

di negara sendiri. Dengan keadaan sara hidup yang tinggi, agak sukar bagi mereka mahu menyesuaikan dengan keadaan. Oleh sebab itu waktu tiga orang pelajar yang terdahulu tiba, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka mencari keluarga angkat, dan sebab itulah pula saya menawarkan mereka tinggal bersama-sama.

Tahun lalu majalah *Mekar* dengan kerjasama Bahagian Reka Bentuk telah menganjurkan satu Peraduan Seni Lukis Kanak-Kanak bertempat di Stadium Sultan Omar Ali Saifuddin. Sambutannya cukup menggalakkan. Berikutan kejayaan itu maka satu peraduan yang serupa telah diadakan di Persiaran Damoan berhampiran Istana Darul Iman. Ada kira-kira 300 orang kanak-kanak Melayu dan Cina yang mengambil bahagian. Usaha ini telah mendapat pujian daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang menganggapnya sebagai salah satu kegiatan yang baik.

Saya Meminta Maaf

Tung Ju Lan Setiausaha LIPI telah mengirim surat meminta saya membeli tiket kapal terbang di Bandar Seri Begawan kerana ada sedikit masalah teknikal dengan PTA di Jakarta. Saya dikehendaki berada di Jakarta pada 8 Mac, hari kedua umat Islam berpuasa. Saya menghubungi isteri saya di Petaling Jaya supaya dia lebih dulu bertolak dan menunggu saya di sana. Ini kali kedua kami ke Jakarta secara berasingan. Dia dari Kuala Lumpur dan saya dari Bandar Seri Begawan. Waktu sampai di Bandara Soekarno-Hatta, Cengkereng, isteri saya telah sampai beberapa jam lebih awal dan sedang menunggu bersama-sama Zakaria Idris dan isterinya Noraini serta anak perempuan mereka Ita. Sebelum menghantar kami ke tempat penginapan di Kebayoran Inn, kami singgah

dulu di sebuah restoran untuk berbuka puasa. Seperti biasa Zakaria sangat berharap kami tinggal di rumahnya di Rawamangun, dalam Kompleks Universitas Indonesia, tetapi untuk mengelak jalan raya yang selalu sesak maka pihak penganjur telah memilih Kebayoran Inn yang letaknya tidak jauh dari tempat simposium. Di sini juga ditempatkan pembentang lain yang datang dari Jepun, Australia, Inggeris dan Amerika. Ada satu keistimewaan orang Indonesia dalam menyelenggarakan simposium seperti ini. Sebaik sahaja sampai di hotel itu, di sana telah menunggu salah seorang ahli jawatankuasa untuk mengawasi kebajikan kita sebagai tamu. Sesudah kami *check-in* dia lalu menyerahkan sejumlah wang untuk belanja harian selama menjadi tamunya dan memberitahu bahawa biaya penginapan dan makanan di bawah tanggungan mereka. Setiap pagi dan petang ada kenderaan yang akan mengangkut kami ke tempat simposium. Di hotel itu ada kemudahan untuk bersahur, hanya terserah kepada kita untuk menentukan waktunya dan makanan yang kita ingini.

Pada pagi 9 Mac, kami terus dibawa ke Bangunan LIPI. Ini kali pertama saya diundang untuk bercakap dalam satu simposium yang bertaraf antarabangsa. Saya biasanya lebih suka menjadi peserta dan pendengar. Dalam sebuah ruangan yang sederhana di lantai satu LIPI berkumpul beberapa orang, tidak sampai 50 jumlahnya untuk Simposium *On Modern Indonesian History: Review In International Context* itu. Melihat para peserta yang akan mengambil bahagian, hati saya menjadi kecut. Antara sekian banyak orang yang hadir itu hanya tiga orang sahaja yang saya kenal – Dr. Taufik Abdullah, Tengku Luckman Sinar dan Anthony Reeds, sementara Rosihan Anwar hanya kenal nama dan orangnya sahaja sejak dari zaman Jepun dan merdeka dahulu.

Simposium itu telah dirasmikan dalam keadaan yang amat sederhana sekali oleh Ketua LIPI setelah ketua panitia dan Duta Besar Jepun memberikan kata sambutan. Sesudah itu diikuti dengan masa istirahat selama 15 minit. Sesi pertama dimulai oleh Rosihan Anwar dan diikuti oleh Siti Adiyati Subangun. Mereka bercakap tentang aktiviti kebudayaan pada zaman Jepun, Selo Soemarjan dan Mitsuko Nanko telah bercakap tentang pentadbiran lokal atau pemerintah setempat. Selo Soemarjan yang berasal dari Keraton Yogyakarta itu pada permulaan pemerintahan Jepun telah ditugaskan menjadi ketua sebuah *kun* di luar Yogyakarta. Majlis berbuka puasa dan solat maghrib diadakan di Bangunan Widia Sarwono (LIPI) yang diikut serta oleh pembentang yang bukan Islam kecuali bersolat. Sesudah beristirahat sebentar, sesi malam diteruskan dengan kertas kerja oleh Abdul Rahman Surjomiharjo dan Anthony Reeds dari Australia. Mereka meneruskan kertas kerja tentang pentadbiran lokal yang ditulis berdasarkan penyelidikan yang mereka buat daripada dokumen yang ditinggalkan Jepun. Tanggal 10 Mac, sesi tentang sosial dan ekonomi dibicarakan oleh Tengku Luckman Sinar dari Medan dan Aiko Kurusawa Inomata. Tengku Luckman Sinar bangsawan dari Langkat telah menceritakan pengalamannya sebagai pemuda yang baru berumur sembilan tahun waktu Jepun mendarat. Oleh sebab pada tengah harinya tidak ada perbincangan, Zakaria Idris telah mengirimkan kenderaannya untuk membawa saya ke Balai Pustaka. Dia telah menghubungi beberapa orang teman lama yang ada di sekitar kota Jakarta untuk satu pertemuan yang tidak formal. Waktu saya sampai hanya Teuku Umar Ali sahaja yang ada kerana yang lain ternyata berhalangan. Teuku Umar sudah bersara daripada jabatannya sebagai sekretaris jeneral di Kementerian Pendi-

dikan dan Kebudayaan dan kini ditempatkan di Balai Pustaka sebagai penasihat umum. Waktu saya bercakap-cakap dengan Zakaria, dia duduk di sebuah meja yang agak jauh dan memerhatikan kami dengan senyum tanpa ikut campur walaupun beberapa kali saya mengajaknya duduk bersama tetapi dia menolak. Sifatnya kelihatan agak aneh. Waktu pulang di dalam kenderaan, saya menyuruhnya duduk di belakang dengan Zakaria dan saya duduk di hadapan dengan drebar. Tetapi dia berkeras menyuruh saya ke belakang.

"Saya senang duduk di hadapan melihat temasya," katanya.

Waktu kereta itu berbelok keluar dari pekarangan halaman bangunan lama Balai Pustaka ketika melintasi bangunan baru, dia menunjukkan ke bahagian atas bangunan itu.

"Itu kamar saya," katanya.

"Bagus sekali," jawab saya. "Pak Umar bisa melihat suasana Kota Jakarta dari situ."

Sampai di hadapan rumahnya di daerah Kuningan, dia mengajak saya singgah.

"Lain kali saja," kata saya. Dia memegang tangan saya dengan erat agak lama ketika kereta akan bergerak. Saya tidak menyangka bahawa itulah kali terakhir saya bertemu dengannya kerana tidak lama sesudah pulang ke Brunei saya mendapat berita daripada Zakaria bahawa dia telah meninggal dunia.

Malam itu sesudah berbuka puasa, dalam sesi perubahan sosial dan ekonomi, William H. Frederick menjadi pembentang kertas kerja yang pertama dan giliran saya sesudahnya. Hati dan perasaan saya amat tidak tenteram, dada berdebar-debar kerana semua pembicara yang telah lalu mengemukakan makalah yang sangat ilmiah hasil penyelidikan yang bertahun-tahun lamanya,

tetapi saya hanya akan bercerita tentang pengalaman sahaja. Apa ada dalam pengalaman? Hanya cerita tentang diri sendiri. Akhirnya masa yang ditunggu itu pun tiba. Saya mesti berbuat sesuatu untuk menarik perhatian orang.

Setelah memberi salam, saya lalu berkata sebagai kata pembukaan. "Pertama sekali saya meminta maaf kepada bangsa Indonesia khususnya kerana saya ialah salah seorang yang menjadi penyebab orang Indonesia menderita dan menerima malapetaka di zaman pemerintahan Jepun seperti yang sudah kita dengar daripada tujuh orang pembentang tadi dan daripada para pembentang yang akan datang." Saya berhenti sejenak dan memandang setiap muka di sekeliling saya untuk melihat reaksi mereka. Semuanya diam terpaku memandang saya. Taktik saya sudah mencapai sasarannya. Saya lalu menyambung, "Sebab saya ialah salah seorang yang membawa orang Jepun itu datang ke mari dan membuka jalan bagi mereka menakluki Indonesia daripada tangan Belanda tanpa melepaskan sebiji pelor pun. Apa yang akan saya ceritakan ini ialah pengalaman saya sebagai saksi bernyawa kepada sejarah yang telah berlaku, bukan hasil penyelidikan daripada dokumen yang ditinggalkan Jepun atau daripada informan."

Saya pun bercakaplah tanpa berhenti sehingga ditegur oleh *moderator* kerana sudah melebihi waktu yang diperuntukkan. Tetapi para peserta yang hadir meminta *moderator* supaya diberikan masa selama 15 minit lagi. Masa 15 minit itu pun berlalu begitu cepat dan kerana malam hampir menjelang jam 12.00, sesi itu terpaksa ditamatkan. Semua yang hadir datang berjabat salam dan mengatakan bahawa mereka beruntung kerana dapat mendengar sesuatu yang baru.

Sebaik sahaja sesi berakhir, Tung Ju Lan Setiausaha

LIPI terus memberikan wang sebagai pembentang kertas kerja dan mengganti tambang yang telah saya dulukan di Brunei. Pada hari yang pertama dia telah bertanya kepada saya tentang mata wang yang saya kehendaki sebagai ganti tambang tersebut: Brunei, Amerika, Rupiah atau ringgit Malaysia. Saya minta wang Brunei dan wang Brunei pula yang diberikan. Saya dan isteri sampai di hotel agak lambat kerana lama berbual dengan Dr. Taufik Abdullah, sedang kami berjalan menuju ke pintu hotel melalui jalan kecil yang dibarisi pokok bunga dan patung-patung, kami dikejutkan dengan tepukan tangan yang gemuruh dari sebelah kiri taman. Waktu berpaling kami melihat para pembentang dari Australia, Eropah dan Jepun yang sedang minum bangun berdiri seperti memberi penghormatan. Kami terhenti melangkah dan merasa amat hairan bercampur keharuan melihat penghormatan serupa itu dan bertanya dalam hati akan sebab-musababnya. Kami melambaikan tangan memberi hormat lalu terus berjalan. Siang berikutnya saya tidak dapat ikut simposium kerana mahu mengunjungi rumah seorang sahabat yang sedang sakit di Cipete. Pagi-pagi lagi dia telah mengirimkan keretanya untuk menjemput kami. Daripada drebarnya, baru saya tahu bahawa sahabat saya Abu Bakar Abdy sudah tidak dapat berjalan lagi, sudah menggunakan kerusi roda akibat terjatuh di pekarangan rumahnya ketika keluar mahu menghantar tamu-tamunya ke kereta. Tulang pinggulnya sudah patah dan kemudian melarat sehingga mengganggu saraf di kepalanya. Dia sudah tergagap-gagap, tidak dapat menyebut kata-kata dengan baik. Saya amat sedih melihatnya, dia kawan lama waktu di Langsa yang sangat rapat dan pernah tinggal di Medan dan Pulau Pinang. Walaupun hidup mewah tetapi dia tidak pernah melupai kawan-kawan-

nya. Setiap kali sampai di Kuala Lumpur dia akan singgah di rumah saya. Dialah yang memberikan kenderaan, drebar dan belanja ketika saya dan keluarga mahu pulang dari Banda Aceh ke Medan sesudah Pekan Kebudayaan Aceh yang ke-3 dahulu. Dia berbesan dengan A. Rahman Ramly. Di rumahnya juga saya berjumpa Hassan "Gabenur", teman saya juga yang menjadi orang kepercayaan mengurus estetnya di Lho' Seumawe dan juga diperkenalkan kepada abang isterinya. Melihat keadaan Abu Bakar Abdy itu saya menjadi insaf akan diri sendiri, tentang betapa rapuhnya kehidupan ini. Akibat yang sedikit sahaja kita akan kehilangan segala kejayaan yang kita peroleh, yang telah kita usahakan bertahun-tahun lamanya. Allah Maha Kaya! Balik dari rumahnya tiba-tiba saya merasa sakit di telapak kaki kiri, tetapi kerana sudah berjanji dengan Abdy mahu ke rumah A. Rahman Ramly di Kuningan pada petang itu untuk melihat cucunya yang baru lahir, maka saya paksa juga berjalan.

Kawan-kawan saya yang diketuai oleh Gatot Iskandar yang tidak dapat datang ke Balai Pustaka telah mengatur satu majlis berbuka puasa di Design Centre. Zakaria berjanji akan datang bersama-sama isterinya untuk mengambil kami sebelum maghrib. Tetapi tepat pada waktu maghrib mereka baru sampai maka kami pun berbuka puasa sahaja di restoran Kebayoran Inn. Setelah itu baru kami bertolak ke Design Centre. Jalan raya di kota Jakarta pada waktu malam yang sentiasa penuh sesak itu, bukanlah tempat yang baik untuk mengikat janji. Jalan menuju ke Design Centre itu pun baik jalan yang bertol apatah lagi jalan biasa penuh sesak dengan kenderaan, yang bergerak seperti semut melata. Hampir jam 10.00 malam baru kami sampai di tempat yang dituju. Gatot dan Laura isterinya, serta anak gadis-

nya pemain sinatron; Achmid Abdullah dan Saroso sudah hampir putus asa. Mereka mulai mengira detik jam untuk memberi peluang kepada kami. Apabila melihat kami muncul mereka tidak segan-segan bangun dan bertepuk tangan gembira.

Isteri saya pulang ke Kuala Lumpur pada jam 12.30 tengah hari keesokan harinya dan saya pula pada jam 6.00 petang. Jarak masa antara penerbangan kami itu amat panjang dan menimbulkan kesukaran kepada Zakaria Idris dan isterinya yang berkeras mahu menghantar kami ke lapangan terbang. Sakit yang tiba-tiba terjadi di bawah telapak kaki saya itu semakin berat sehingga agak susah mahu berjalan. Zakaria telah meminta sejenis ubat sapu dari klinik Balai Pustaka serta menghadiahkan kepada saya sepotong kayu yang diukir bergerigi seperti gigi untuk digolekkan di bawah telapak kaki. Pada masa berjalan menuju ke tempat berlepas di Bandara Soekarno-Hatta itu saya cuba melupakan sakit di bawah telapak kaki itu dan cuba berjalan seperti biasa. Memang agak payah tetapi berhasil juga. Saya sudah lupa bagaimana penyakit itu boleh sembuh, kiranya seperti ia datang juga secara tiba-tiba, maka sembuhnya pun secara tiba-tiba pula.

Dua minggu sesudah berada di Brunei, datanglah surat daripada Zakaria yang memberitahu bahawa Bapak Umar Ali telah meninggal dunia. Saya terus teringat akan sifatnya yang aneh waktu berjumpa di Balai Pustaka dahulu. Saya teringat ketika dia mengajak saya singgah di rumahnya, itulah pertemuan kami yang terakhir. Saya merasa sangat sedih apabila mendengar berita kematiannya itu kerana dia seorang sahabat yang baik, walaupun kedudukannya tinggi tetapi selalu merendah diri.

Restoran "Sedia Menanti" akhirnya terpaksa ditutup

kerana tuan punya kedai itu mahu mengambil balik kedainya dan tidak mahu lagi memanjangkan kontrak. Ibrahim dan isterinya pun pulang ke Langkawi. Pada suatu ketika dahulu pernah juga restoran itu hampir ditutup terus kerana orang Brunei yang menjadi kongsinya itu menarik diri, sehingga para pekerjanya terpaksa meninggalkan Brunei dan berhijrah ke Labuan sementara menunggu lesen baru. Ibrahim telah mendapat sokongan daripada salah seorang kerabat diraja yang mengizinkan namanya yang panjang diletakkan di atas palang pintu masuk restoran itu. Restorannya pun dapat dibuka semula dan para pekerja yang berhijrah itu pun kembali bekerja seperti sedia kala. Tetapi kali ini keadaannya agak berlainan. Tuan punya kedai itu sendiri yang mahu menggunakan rumah kedainya, maka Ibrahim pun tidak ada pilihan lain, rezekinya di Brunei hanya sampai setakat itu sahaja. Saya telah kehilangan kawan tempat berbual pada waktu petang dan kadang-kadang pada waktu cuti.

Satu pertemuan yang tidak disangka-sangka telah berlaku sewaktu saya bersolat zuhur di Masjid Omar Ali Saifuddin. Saya bagai tidak percaya bahawa orang yang sedang bersama-sama saya di hadapan masjid itu ialah Hadzrami A.R. seorang penyajak kelahiran Kelantan yang pada satu masa dahulu namanya sejajar dengan nama-nama besar dalam dunia persajakan. Dia sudah lama tidak menulis, terus menghilangkan diri dari gelanggang, dan namanya sebagai penyajak sudah hampir dilupakan. Kami sudah lama tidak berjumpa, kali terakhir ketika dia datang ke rumah saya di Petaling Jaya bercakap tentang orang pelarian dari Pattani. Dia sudah beberapa hari di Bandar Seri Begawan kerana mengunjungi adik perempuannya yang berkahwin dengan orang tempatan. Petang itu dia akan pulang ke Kuala

Lumpur membawa sebuah komputer hadiah daripada adiknya.

Rasyidah operator telefon di Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah menelefon memberitahu adiknya Rosnani sekarang berada di Brunei dan dia meminta saya menjumpai adiknya itu. Tetapi di mana saya akan mencarinya?

"Bapak tunggu saja, nanti dia telefon," kata Rasyidah.

Rasyidah pernah menjadi guru saya belajar bahasa Kadazan waktu bertugas di Sabah, tetapi tidak sampai ke mana pelajaran itu kerana apabila saya bercakap dengan orang Kadazan Penampang banyak yang mereka tidak faham. Rasyidah dari Kadazan Tuaran.

Pada suatu hari Rosnani menelefon saya memberitahu bahawa dia tidak dapat datang berjumpa saya di pejabat. Dia akan datang bersama-sama kawan-kawannya di rumah pada malam nanti.

Pada malam itu saya agak terperanjat ketika membuka pintu. Di depan pintu berdiri dua orang perempuan, seorang berselubung kelabu dan seorang lagi berselubung hitam, hanya biji matanya sahaja yang nampak dari lubang jilbab itu.

"Bapak Abdullah?"

Saya terus teringat sebab-musabab dia tidak datang ke pejabat seperti yang diarahkan oleh kakaknya. Negara Brunei telah lama melarang kegiatan al-Arqam. Sebelum itu orang al-Arqam giat di Brunei, jika kita pergi bersolat Jumaat di Masjid Serusup, kita akan berjumpa mereka menjual buku-buku yang hampir semuanya ada gambar Ashaari pada kulitnya. Mereka letakkan buku-buku ini di tengah panas. Saya persilakan mereka masuk.

"Yang mana satu Rosnani?" Saya bertanya.

"Saya," jawab yang memakai jilbab hitam.

"Macam mana saya nak cam, berselubung macam ini," kata saya berseloroh. "Tak bolehkah dibuka selubung itu biar saya boleh tengok muka."

"Tak payah. Kami cam bapak," jawabnya.

"Datang dengan apa?"

"Kawan hantar. Mereka tunggu di bawah."

"Pergi panggil mereka naik. Masakan datang bertamu duduk di bawah pula?"

"Mereka tak mahu naik," kata Rosnani.

Saya lalu turun ke bawah. Ada dua orang lagi yang berselubung litup dengan kain hitam duduk mendengar kaset di dalam kereta. "Apa buat duduk di sini. Mari naik!"

Mereka berdua pun ikut saya naik ke atas. Saya melihat Rosnani dan temannya yang kemudian diikuti oleh kawannya yang baru naik membuka tutup muka. Setelah duduk saya pun berkata, "Saya cuma tinggal seorang diri saja di rumah ini. Siapa yang boleh buatkan minuman?"

Kawan Rosnani yang juga bernama Rasyidah bingkas bangun pergi ke dapur memasak air dan membuat teh. Saya bertanya kepada Rosnani tentang bagaimana dia boleh terlibat dalam gerakan al-Arqam itu. Dia memberitahu bahawa sebagai orang baru dalam agama Islam, dia cuba mencari tempat untuk belajar. Pada masa itu hanya al-Arqam sahaja yang giat di Sabah. Dia pun memasuki gerakan itu. Sekarang dia menjadi isteri yang kedua kepada salah seorang pemimpin al-Arqam.

"Jikalau sudah menjadi isteri bagaimana Rosnani boleh berjalan sendirian serupa ini. Bukankah seorang isteri wajib tinggal di rumah menjaga suami?"

"Saya berjalan untuk berdakwah. Suami saya juga selalu berpergian."

Saya lalu bertanya tentang pengalamannya dan

tugasnya dalam gerakan itu dan tentang kawan-kawan yang sama-sama dengannya. Salah seorang kawannya itu ialah anak saudara mantan pengarah saya dahulu. Menurut kawannya itu bapa saudaranya tidak tahu akan penglibatannya dalam gerakan tersebut. Kawan-kawannya itu orang tempatan, mereka bersembunyi-sembunyi keluar dengan memakai selubung serupa itu. Rosnani telah menyerahkan beberapa buah buku yang diterbitkan oleh al-Arqam.

Satu Hisapan Jempol

Keadaan di Bandar Seri Begawan pada masa itu sedang sibuk dengan persiapan untuk menyambut jubli perak Sultan Hassanal Bolkiah naik takhta. Hampir semua jalan raya sedang diremajakan. Di Jalan Berakas di bekas kawasan perumahan kerajaan sedang dibangunkan beberapa buah rumah banglo. Di hadapan rumah yang sudah siap telah ditanam pokok-pokok yang sudah besar seolah-olah rumah tersebut telah lama berdiri di situ. Bagi memeriahkan lagi peristiwa yang bersejarah itu, satu pameran buku antarabangsa akan diadakan. Dewan Bahasa dan Pustaka telah diminta untuk menyelenggarakan pesta buku yang bertaraf antarabangsa itu. Saya juga dilibatkan dalam jawatankuasanya. Beberapa kali mesyuarat telah diadakan. Tetapi kali ini tidak banyak masalah yang timbul seperti yang pernah kami alami waktu mengadakan pesta buku yang pertama beberapa tahun lalu. Pengalaman pada pesta buku itu banyak memberi pelajaran sehingga segala sesuatu yang berkaitan dengan pesta ini berjalan lancar.

Dalam *Utusan Malaysia* ada tersiar satu berita yang menarik. Seorang yang bernama Sukardi dari Melaka mengaku bahawa dialah Sukardi[10] yang menjadi teman

P. Ramlee. Menurut ceritanya kepada wartawan akhbar itu bahawa dia telah berjumpa P. Ramlee ketika sedang tidur di atas bangku di Stesen Kereta Api Tanjung Pagar, Singapura lalu dibawa ke rumahnya di Geylang Serai. Sementara belum ada kerja, Ramlee menjadi penarik beca. Pengakuannya itu boleh memberi keyakinan kepada orang kerana dia mempunyai nama yang sama dengan kawan P. Ramlee. Saya tahu Sukardi yang tulen Sukardi bin Suradi, merasa kagum dengan keberaniannya membuat dakwaan itu, dan yang hebatnya dia telah mereka-reka cerita untuk menguatkan dakwaannya. Saya lalu menulis surat kepada ABI memberitahu tentang Sukardi yang sebenar orang Pulau Pinang. Dia masih hidup dan sekarang tinggal dan menetap di Jalan Tuaran, Kota Kinabalu setelah bersara daripada tentera. Saya memberikan alamat rumahnya dan nombor telefon untuk dihubungi.

Berita daripada isteri saya mengatakan anak sulung kami Ahmad Patria telah lulus pengajian ilmu farmasi dari Universiti Sains Malaysia dengan mendapat ijazah sarjana muda kelas dua kepujian. Saya mengucap syukur ke hadrat Allah s.w.t. atas kejayaannya itu dan sama sekali tidak menduga bahawa dia akan mendapat kelulusan seperti itu kerana pembelajarannya telah terbantut beberapa bulan lamanya akibat sindrom tidak berminat untuk belajar. Konvokesyen USM akan diadakan pada 21 – 22 Ogos. Saya lalu meminta cuti ihsan selama lima hari untuk menghadiri konvokesyen tersebut. Dari Bandar Seri Begawan saya terus terbang ke Pulau Pinang, isteri dan anak-anak saya menyertai penerbangan itu dari Kuala Lumpur. Hanya kami berdua sahaja yang dibenarkan masuk ke dalam dewan, adik-adiknya dan bapa saudaranya serta sepupunya menunggu di luar. Saya gembira dan isteri saya lebih-lebih lagi gembiranya

kerana dapat melihat anak kami yang pertama naik ke atas pentas menerima ijazahnya daripada Pro-Canselor Tan Sri Abdul Kadeer, setelah mengalami masa-masa yang tegang dan genting kerana olah zaman remajanya. Dia anak lelaki yang bermasalah kerana jiwa seninya, selalu berangin tidak baik (*moody*), agak susah mahu difahami oleh ibunya. Sekarang syukur alhamdulillah semuanya sudah berlalu dan dia pun sudah menyedari akan kasih sayang seorang ibu.

Kontrak ketiga saya dengan kerajaan Brunei sudah berakhir. Sepatutnya sudah boleh bertolak pulang ke Kuala Lumpur pada minggu ketiga bulan September, tetapi cuti selama lima hari kerana ke Pulau Pinang itu terpaksa diganti. Jadi saya mesti tunggu hingga akhir bulan. Rakyat Malaysia di Brunei baru sahaja merayakan tarikh keramat 31 Ogos dengan satu acara Minggu Hari Kebangsaan yang diisi dengan berbagai-bagai kegiatan olahraga dan pesta. Pada malam 31 itu Pesuruhjaya Tinggi, Dato' Haji Mustaffa Haji Mohammad telah mengadakan majlis jamuan makan malam di kediaman rasminya di Beribi. Pada majlis itu saya mengambil kesempatan berpamitan dengan kawan dan kenalan terutama dengan ahli Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia di Brunei yang datang dari seluruh daerah dan dengan kawan-kawan yang bekerja di sektor swasta di Bandar Seri Begawan.

Persiapan menyambut jubli perak Sultan Hassanal Bolkiah naik takhta semakin rancak dijalankan. Seluruh bandar dan pintu gerbang mula dihiasi dengan lampu dan bendera yang berwarna-warni. Ada berita yang mengatakan bahawa satu rangkaian ketupat yang paling panjang akan dibuat di sekitar Jalan Kianggeh sehingga boleh dimasukkan ke dalam Buku Rekod Guinness, tetapi rancangan itu telah dibatalkan kerana ada pro

dan kontranya. Pengerusi jawatankuasa tertinggi perayaan jubli perak itu ialah Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato' Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohammad Zain bin Haji Serudin, Menteri Agama. Dia dilantik ke jawatan tersebut bertujuan untuk menjaga agar semua acara tidak terkeluar daripada lunas-lunas agama. Pihak yang kontra menghujah bahawa ketupat yang begitu banyak tentu akan menjadi satu pembaziran.

Selamat Tinggal

Saya mula membuat kunjungan hormat kepada beberapa orang pembesar yang menjadi kawan selama berada di negara ini. Pertama saya mengunjungi Pengiran Badaruddin Pengiran Ghani yang kini menjawat jawatan pegawai tugas-tugas khas di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dia yang membolehkan saya datang berkhidmat di Brunei Darussalam. Dengan kerjasamanya yang penuh pengertian waktu menjadi pemangku dan kemudian Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, banyak kegiatan yang telah dapat kami jalankan yang menjadi asas kepada kegiatan selanjutnya bagi mereka yang terkemudian. Saya kemudian mengunjungi Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato' Seri Utama (Dr) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengarah Pusat Sejarah. Dia orang yang pertama menawarkan kepada saya untuk bekerja di Brunei ketika menjadi pengarah pertama Dewan Bahasa dan Pustaka kira-kira 28 tahun yang lalu ketika saya masih di Oxford University Press dan kemudian sewaktu saya sedang bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Di Pusat Sejarah itu juga saya berpamitan dengan Haji Abdul Latiff seorang penulis yang pertama kali menulis *Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Brunei*. Saya pergi menemui Pehin Siraja

Khatib Dato' Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya, Timbalan Menteri Agama. Ketika ke pejabat operasi jubli perak di Pusat Dakwah Islamiah untuk mengucapkan selamat tinggal kepada Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato' Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohammad Zain, saya berjumpa Haji Long Mat Saman, Haji Ismail Sulaiman dan Haji Daud Joned orang Malaysia yang bertugas sebagai pendakwah di pusat tersebut. Pehin Mohamad Zain agak terkejut apabila saya memberitahunya bahawa saya akan pulang ke Malaysia sesudah kami bersalam-salaman.

Dia bangun dari kerusinya dan keluar menemui saya, memeluk bahu saya lalu dibawa ke kerusi tamu.

"Kenapa mahu pulang cepat. Tidak suka bekerja di sini?" Dia bertanya.

"Sudah penat, Pehin. Sudah cukup lama saya di sini."

"Saya tahu haji banyak membuat jasa di sini. Kalau orang lain tak nampak, saya nampak."

"Tidak ada apa-apa jasa saya, Pehin. Saya cuma ikut memberikan sedikit sumbangan saja. Orang Brunei sendiri yang melakukannya."

"Saya tahu. Haji tak mahu bekerja dengan saya di Kementerian Hal Ehwal Agama?"

"Saya ini sudah penat bekerja, Pehin. Mahu balik dan mahu menumpukan kerja-kerja dalam bidang penulisan saya."

"Sayang sekali, saya amat sibuk tak dapat buat jamuan untuk haji," katanya kemudian.

"Tidak apa. Kita dapat berjumpa ini pun sudah cukup."

Waktu mahu berpisah dia memegang tangan saya dengan erat dan memeluk bahu saya. Saya tidak dapat melupakan kebaikannya. Setiap kali ada majlis di rumah-

nya dia akan mengundang saya walaupun saya bukan pegawai Kementerian Hal Ehwal Agama. Apabila dia melihat saya muncul di hadapan pintu rumahnya, dia akan menarik saya duduk di sebelahnya lalu bercerita kepada sesiapa sahaja yang ada di situ tentang novel saya *Kuala Lumpur Kita Punya*, sehingga menimbulkan rasa segan di hati saya kepada tetamu lain.

Seorang teman lagi yang sering membahasakan saya dengan panggilan "abang" ialah Pehin Udana Khatib Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman yang pada masa itu menjadi setiausaha tetap di Jabatan Perdana Menteri. Saya hanya dapat berjumpa di ruang legar Pusat Pameran Perdagangan sahaja sesudah perasmian Pesta Buku Antarabangsa.

Beberapa orang pensyarah Melayu dari Malaysia di Universiti Brunei atas inisiatif Drs. Lutfi Abas telah mengadakan satu jamuan makan di sebuah restoran di Gadong, ikut serta Dr. Teuku Iskandar. Mereka semua ialah kawan-kawan yang selalu membantu sewaktu saya masih menjadi Ketua Bahagian Majalah. Drs. Lutfi Abas masih lagi dalam jawatankuasa COCI walaupun tempat saya sebagai pengerusi akan diambil alih oleh Haji Hakim.

Staf Bahagian Majalah yang diperkasai oleh Aminah Haji Momin telah mengadakan jamuan perpisahan yang sederhana di pejabat yang juga dihadiri oleh staf dari Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera. Saya merasa sangat terharu atas ingatan Aminah itu. Hanya dia sahaja daripada tiga orang pegawai yang telah melanjutkan pengajian di Universiti Malaya yang masih tinggal tetap di Dewan Bahasa dan Pustaka. Abdul Hamid Abbas telah menyertai perkhidmatan diplomatik di Kementerian Luar Negeri tidak lama sesudah pulang dari Kuala Lumpur dan Fatimah Asgar pula pindah



Atas inisiatif Drs. Lutfi Abas dan beberapa orang pensyarah dari Malaysia di Universiti Brunei Darussalam telah mengadakan jamuan makan perpisahan di sebuah restoran di Gadong. Ikut serta ialah Dr. Teuku Iskandar, ahli sejarah, seorang kenalan lama saya berasal dari Aceh yang sekarang menetap di negeri Belanda.

bekerja di Pusat Sejarah. Saya menasihati Aminah supaya terus kekal di Dewan Bahasa dan Pustaka kerana tugas di sini sesuai dengan jiwanya dan dia dapat memanfaatkan ilmunya dengan lebih berkesan lagi.

Tugas rasmi saya yang terakhir di Dewan Bahasa dan Pustaka ialah hadir dalam majlis perhimpunan bagi memperingati majalah *Mekar* yang sudah berusia 25 tahun. Saya merasa terkilan sedikit kerana rancangan mahu menggerakkan Sahabat Mekar sebagai sebuah organisasi yang boleh memberi faedah kepada kanak-kanak yang menjadi ahlinya tidak sempat dilaksanakan. Dalam kepala saya telah terbayang model yang mahu saya lakukan berdasarkan pengalaman Kumpulan Sahabat di Pulau Pinang masa sebelum perang yang dikelolakan oleh Ahmad Noor Abdul Shukoor dari akhbar *Sahabat* dan Kumpulan Melati di Medan, semasa pemerintahan Jepun dahulu. Kumpulan Melati telah diilhamkan oleh Bapak Sunar dari akhbar *Sumatera Sinbun*. Kedua-dua kumpulan sahabat kanak-kanak ini telah menjadi organisasi yang dinamis tempat menyemai semangat kebangsaan. Ramai ahli kedua-dua kumpulan ini apabila remaja telah menjadi generasi pelapis kepada pejuang kemerdekaan sebelum perang. Ahli-ahli Sahabat Mekar sudah tentu tidak dapat disamakan dengan ahli kedua-dua kumpulan itu kerana keadaan, masa dan ruangnya sudah jauh berbeza, tetapi prinsip untuk mendidik masih belum berubah.

Saya merasa sangat terharu untuk meninggalkan pegawai-pegawai di Bahagian Majalah dan Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera setelah 10 tahun bersama-sama mereka dalam masa suka dan duka. Mereka banyak membantu saya semasa menjalankan tugas tanpa mengeluh dan merasa bosan terutama para jurutaip yang tidak pernah ada masa rehat, walaupun

banyak kerja namun mereka tetap mahu terus di Bahagian Majalah.

Barang-barang rumah dan kereta sudah pun dimasukkan ke dalam kapal, kecuali beg pakaian dan manuskrip novel *Imam* yang mahu saya bawa sendiri. Oleh sebab rumah kami di Anggerik Desa sudah dikembalikan, maka kami pindah tinggal di Brunei Hotel. Tanpa disedari seolah-olah begitu sudah ditentukan, pada mula-mula kami datang dahulu di situlah kami tinggal selama 11 bulan dan waktu mahu pulang ini pun dari hotel itulah pula kami bertolak menuju ke lapangan terbang. Ada beberapa orang teman menawarkan kami tinggal di rumahnya untuk menunggu perayaan jubli perak yang akan berlangsung dalam beberapa hari lagi yang sudah tentu cukup besar dan meriah. Tetapi panggilan tanah air lebih kuat lagi daripada temasya perayaan itu, maka pada tanggal 29 hari bulan kami pun berlepas pulang dengan Royal Brunei Airlines menuju ke Kuala Lumpur. Selain Haji Ahmad Kadi, pengarah, hanya ada beberapa orang pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka yang hadir, beberapa orang ahli Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia di Brunei dan tiga orang gadis yang berselubung hitam.

Nota

1 Waktu berkunjung ke Brunei pada bulan Oktober 1996, dia sudah menjadi ketua salah sebuah unit di Bahagian Buku-Buku Sekolah. "Bapa yang mengajar saya," katanya waktu berjumpa.

2 *Dewan Sastera*, Ogos 1992.

3 Dr. Burhanuddin pada masa itu tidak berparti, sesudah PKMM diharamkan. Harun menjadi Ketua Parti Rakyat Malaya di Singapura.

4 Baca *Sebuah Perjalanan*, 1984. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 167.

5 Majalah *Tempo*, 15 Mei 1993.

6 Haji Ahmad Kadi telah mengambil alih tugas pengarah sebaik sahaja pulang dari Kuala Lumpur sesudah menyelesaikan pengajiannya di Universiti Malaya.

7 Kini menjadi Pengerusi Hotel Promenade di Kota Kinabalu.

8 Mantan pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka dan penulis khat yang terkenal.

9 Tidak dapat diteruskan kerana biayanya terlalu besar.

10 *P. Ramlee: Kisah Hidup Seniman Agung*, 1982. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena.

INDEKS

2PNP 20, 27, 414
A Many Aplendoured Thing 127
A. Ghani Mohd. Jamil 38
A. Hamid al-Edrus 402
A. Hamid Khan 18
A. Hamid Rashid 21
A. Jalil Ali 308
A. Kadir Talib, Haji 190
A. Latiff Mohidin 19, 45, 312
A. Majid Othman 8
A. Rahim *lih.* A. Rahim Kamil
A. Rahim Latif 311
A. Rahim Kajai 18
A. Rahim Kamil 3–4, 7, 14
A. Rahim Said 9
A. Rahman Ramly 360–61, 426, 459
A. Samad Ahmad 39
A. Samad Ismail 402
A. Samad Said 126, 258, 325, 343, 344
A. Wahab Lubis 360
A.F. Yassin 287–88
A.M. Azahari 33–36
A.M. Thani 411
A.S. Isma 345
Abai *lih.* Abai bin Angga
Abai bin Angga 300, 301–302
"Abang" 138
Abang Mustapha 134
Abd. Wahab Haji Ahmad 239
Abdoessoeki 358
Abdul Hakim Haji Mohd. Yassin, Haji 388
Abdul Halim 410
Abdul Hamid *lih.* Abdul Hamid Abbas
Abdul Hamid Abbas 184, 239, 240–43, 362, 469
Abdul Jalil 143
Abdul Kadeer, Tan Sri 466
Abdul Latif bin Awang Chuchu 251
Abdul Latiff Abu Bakar, Prof. Madya 242, 385
Abdul Latiff Haji Ibrahim, Haji 251, 419, 467
Abdul Latiff *lih.* Abdul Latiff Haji Ibrahim
Abdul Majid, Haji 62
Abdul Malik *lih.* Abdul Malik Haji Abdul Halim
Abdul Malik Haji Abdul Halim 82, 87
Abdul Rahman Asit 328
Abdul Rahman Gerald de Cruz 136
Abdul Rahman Md. Hussin, Haji 362
Abdul Rahman Surjomiharjo

455
Abdul Rahman Taib, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato 200, 241
Abdul Rahman Talib 100, 118
Abdul Rahman Yaakub, Tun Datu Patinggi 42, 130–37, 141–43, 145–46
Abdul Rahman Yusof, Haji 184, 219, 221, 224, 268, 271, *passim*
Abdul Rashid Ngah, Haji 32
Abdul Razak Hitam 74
Abdul Samad Idris, Tan Sri 263–64
Abdul Saman Kahar, Haji 432
Abdullah 109
Abdullah Ahmad, Haji 360
Abdullah Hassan, Dr. 14–15
Abdullah Hussain 323
Abdullah N.H. 353
Abdullah Tahir 437
Abdullah, Haji 161
ABI 465
Abi Hurairah 101
Abu Bakar Abdy 458–59
Abu Bakar Ibrahim 263
Abu Bakar Omar 216, 218
Abu Bakar Sutan 21
Abu Zar bin Haji Abu Bakar, Dato' 187, 364
Abubakar Nyak Cut Hashim 21
Aceh 12, 96, 214, 337, 340, *passim*
Aceh Sepakat 451
Aceh Timur 12, 44, 358
Achmid Abdullah 357, 460
Adat Istiadat Diraja Brunei 419, 424
Adi 279
Adi Kelana 271, 280
Adi Marhaen 280
Adi Mesra 280
Adi Rumi 271, 279, 321, 375
Adibah Amin 246, 251, 307
Afghanistan 70, 94
Afrika 109, 274
Afrika Selatan 137, 370
agama Hindu 349
agama Islam 25, 43, 57, 76, 136, *passim*
agama Katolik 24
ahli bahasa 30
Ahli Cipta 2–4, 7, 10, 16, 19, *passim*
Ahli Mangku Negara (AMN) 427
Ahmad 91, 283
Ahmad Abdul Hamid, Cikgu 20
Ahmad Abdullah, Haji 300–302
Ahmad bin Haji Badar, Haji 260
Ahmad Boestamam 135
Ahmad Daudy, Dr. 410
Ahmad Faizal 288
Ahmad Hussein 319
Ahmad Ismail 18, 415
Ahmad Kadi, Haji 305, 307, 316, 344, 472, *passim*
Ahmad Khanafiah Hamidon 328
Ahmad Noor Abdul Shukoor 471
Ahmad Patria 41, 213, 286, 288, 291, *passim*
Ahmad Umar 133–34
Ahmad Yatim 254
Ahmad Yusof 283
Ahmad Yusof, Ustaz 167, 169, 274
Ahmady Asmara 51
Ahmady Hassan 62
Aiko Kurusawa Inomata 455
air zamzam 56, 72–73, 96, 114
Aisyah, Hajah 168
akhbar Arab 121
akhbar Melayu 192
Akida 407
aktivis sastera 336

Aku Tidak Minta 12, 16, 52, 250, 393
Alam Wanita 15
al-Arqam 462–64
al-Baqiq 330
Algeria 127
Ali Fiji 263–64
Ali Haji Ahmad, Dr. 2, 118
Ali Kuyum 281
Ali Majod 185
Ali Setan 130
Ali Taib, Dr. 410
Alibasyah 191
Alidin Haji Othman, Haji 303
Al-Ikhwan 17
Alimin 184
Alimuddin 358
aliran Inggeris 287
Al-Kitab 370
Al-Masy'aril Haram 86
Alor Setar 140, 293, 295, 443
al-Qarin 439
al-Qur'an x, 55, 64, 74, 75, *passim*
Amerika 19, 113, 125, 127, 245, *passim*
Amida Abdul Hamid *lih.* Anis
Aminah Haji Momin 197, 240, 242–44, 469
Amir 24
Amir Enterprise 128–30, 133, 308
Amir, Dr. 410
Amiruddin 358
Amy 373
Ana 356
anak angkat 389
anak Brunei 189
anak Cina 284
Anggerik Desa 231, 254, 260, 274–75, *passim*
Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) 11
Angkatan Laut 315
Angkatan Laut Malaysia 190
Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA) 143
Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei 231
Anglo-Chinese School 140, 153
Anis 50, 185
Anna 361
Anthony Reeds 454–55
Anuar Ahmad 51, 414
Anugerah Hadiah Nobel 387
anugerah kehormat 426
Anugerah S.E.A. Write 125, 304
Anugerah Sastera Negara 48, 299, 323–24, 425
Anwar 382
Anwar Badan 415
Anwar Ibrahim, Datuk Seri 153, 241, 324
Anwar Jamil 382
Anwar Ridhwan 236
Arab 65, 418
Arab Saudi 57, 84, 98, 327, 330, *passim*
Arafah 49, 61, 68, 81, 83, *passim*
Arena Wati 29–31
Ariff Ahmad 74
Aris Othman, Haji 327–30, 333
ASAS 50 321
ASEAN 125, 302–303, 312, 410
Ashari 462
Asia 350
Asia Barat 41, 418
Asia Tenggara 282
Asia Timur 41
Asiaweek 125
asli Brunei 390
Asmah, Ibu 271, 410
Asraf 199, 321, 326, 402
Asrama Desa Bakti 22

ASTERAWANI 181–82, 203, 234, 255
Asy Syafi'i 59
Atami 404
Atan Abu Bakar 328, 333
Atan, Haji *lih*. Atan Abu Bakar
Atillah Laila Jamnah Ahmad 312
Atondra 345
Australia 6, 55, 82, 127, 136–38, *passim*
Aveling, Harry 349
Awang Ahmad 388
Awang Aji Haji Pungut 249
Awang Alak Betatar 166, 418
Awang Ali bin Haji Abdul Razak 164, 177
Awang Alidin bin Haji Othman 177, 183
Awang Belanga 278
Awang Haji Alidin 164, 182
Awang Haji Sablee 165
Awang Hamzah 146–47, 149
Awang Hussein bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Laila Diraja Dato' Seri Utama Awang Muhammad Yusof, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato' Seri Paduka Haji 341
Awang Md. Shahri bin POKJ Haji Md. Hussin 177
Awang Mohammad Zain bin Haji Serudin, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato' Seri Utama Dr. Ustaz Haji 467
Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji 416
Awang Sariyan 202
Awang Semaun 167
Awang Shaari 164
Awangku Zakaria 175
Ayang 184
Ayang Awang Ering 197
Ayatollah Khomeini 112
Ayer Itam 21, 414
Ayub 266
Azahari 34
Aziz Deraman 347
Aziz Ahmad, Datuk 123
Aziz Khogger 321–22, 327, 330
Aziz Mohd. Zain 38
Aziz Satar 440
Aziz, Tan Sri 332
Azizah 169, 265–66
Azran Abdul Rahman 129
Azurin 424–25, 452

B. Wiwoho 393
B.M. Diah 354–56, 361
Babus-Salam 69, 108
bacaan al-Qur'an 59
Bachtul Nazar, Bapak 314, 376
Bachtul *lih*. Bachtul Nazar
Badai Semalam 429
Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Pehin Udana Khatib Haji *lih*. Badaruddin H.O.
Badaruddin H.O. 271, 343, 375, 469
"Bagaimana Kau Akan Mencari-Nya" 218
Bagan Serai 62
Bagan Tuan Kechil 13
Baginda Seri Begawan Sultan *lih*. Baginda Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin
Baginda Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin 231, 235, 258, 277
Bahadur 276
Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri 216

Bahagian Bahasa 182, 390, 424
Bahagian Bahasa dan Pustaka 165
Bahagian Buku-Buku Sekolah 165, 395, 472
Bahagian Buku-Buku Umum 195, 270
Bahagian Majalah 197, 269, 394, 396, *passim*
Bahagian Pemasaran 229
Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera 45, 128, 140, 177, 183–84, *passim*
Bahagian Pembinaan dan Perkembangan Bahasa 201
Bahagian Penerbitan 227–28
Bahagian Penerbitan Am 287
Bahagian Penerbitan dan Bahagian Buku-Buku Sekolah 165
Bahagian Penerbitan dan Penyemak 164
Bahagian Penerbitan Umum 227
Bahagian Penerbitan/Penyemak 177
Bahagian Pengarang 185
Bahagian Pentadbiran 165, 269
Bahagian Penyelidikan 278–79, 389
Bahagian Penyelidikan dan Penggalakan Kebudayaan 177, 183, 193–94
Bahagian Penyunting 164, 177
Bahagian Perkamusan 337
Bahagian Perkembangan Bahasa 441
Bahagian Perkembangan Bahasa dan Istilah 165
Bahagian Perpustakaan 165, 177, 394
Bahagian Reka Bentuk 453
Bahagian Sastera 440
Bahagian Seni Foto 9
Bahagian Seni Halus 19
Bahagian Seni Lukis Reka Bentuk 232
Bahana 178, 180, 195, 270–71, 278, *passim*
Bahari 118
Baharuddin Zainal (Baha Zain) 126, 128, 139, 307
Baharum Basar 116
bahasa Jepun 403
bahasa Aceh 66
bahasa Arab 64, 67, 78, 109, 112–13, *passim*
bahasa dan sastera 47
bahasa Gurkha 275
bahasa ilmu 298
bahasa Indonesia 360
bahasa Inggeris 21, 38, 113, 136, 141, *passim*
bahasa Jepun 298–99, 404–405
bahasa Kadazan 462
bahasa kebangsaan 388
bahasa Mandarin 298
bahasa Melayu 56–57, 66, 68, 98, 109, *passim*
bahasa Melayu Brunei 199
bahasa rasmi 165, 178, 180
bahasa Urdu 370
Baidah 266
Baitullah 68–69
"baju Hawaii" 272
baju Melayu 161, 240, 272
Bakkah 69
Balai Budaya 253, 348
Balai Besar 444
Balai Pameran DBP 338
Balai Pustaka 165, 353, 356, 359, 415, *passim*
Bali 352, 354
Balik Pulau 9
Bamshaab 49, 67

Band Putih 291
Banda Aceh 339, 393, 459
Bandar Seri Begawan 33, 42, 139, 146, 158, *passim*
Bandara Soekarno-Hatta 353, 453, 460
Bandung 358, 376
Bangar 260–61
Bangkok 125–26, 296, 303–304
bangsa Arab 107
bangsa Indonesia 457
bangsa Inggeris 6, 136, 213
bangsawan Melayu 138
Bangunan Dewan Undangan Negeri 132
Bangunan Guru-Guru Melayu 222
Bangunan LIPI 454
Bangunan Parlimen 48
Bangunan PERKIM 48
Bangunan Widia Sarwono 455
Bank Bumiputra 316–318, 328
Bank Islam Cawangan Kota Kinabalu 191
Bank Kebangsaan Brunei 203
Barat 127, 244
Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan 135
Barisan Nasional 135
Barisan Pemuda (BARIP) 34, 347
bas Arab 64
Basri 100, 118
Batang Mitus 223, 251
Bayan Lepas 2
Beach Road 428
Bekok 261
Belait 212, 224, 227, 231
Belanda 12, 25, 165, 296, 348–50, *passim*
Belgium 111
Bendahara Menjadi Sultan 226
bendera Malaysia 59
bengkel penulisan 20
Benteng 266
Berakas 345, 398, 438
Beribi 466
Beriga 178, 180, 195
Berita Harian 7, 263, 271, 273, 322
Berita Indonesia 354
Berkunjung ke Baitullah 58, 104
bersopan santun 407
Bertha Hertog 267
Bhag Singh 317
Bible 370–372
Bicycle Thief 274
Bidin Deraman 190
Bilik Perbendaharaan Sastera 183
BINA 144–45
bina negara 298
Binto Penghulu 368
Biro Tatanegara 298
biro terjemahan 391
Boobytee 442
Borneo Bulletin 179
Borneo Kalimantan 204
Borneo Utara 133–34, 204
Box 52
BPPS 226, 228, 230–31, 239, 255, *passim*
Brammah, R.E. 196
Brazil 112
Britain 34, 410, 432
British 36
British Military Administration (BMA) 226, 347
Brooke 52
Brunei 20, 33–37, 43, 46–47, 128, *passim*
Brunei Hotel 472
Brunei Shell Petroleum Company 179
Brunei-Muara 221, 224–25, 231, 237, 259
Bubu Menari 338
Budiman 269

Buih di Atas Air 368–69
Bujang Ulis 74, 85, 91
bukan Melayu 334
Bukhari 101
Bukit Bintang Plaza 100
Bukit Duri 312
Bukit Mertajam 13
Bukit Safa 72
Bukit Uhud 103, 109
buku agama 282
buku Melayu 282
Buku Rekod Guinness 466
bulan Zulhijah 23
Bunga Arianur 287, 309
Bunga Rampai 284
Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei 235–36, 251
Burhanuddin al-Helmi, Dr. 30, 136, 401, 472
buruh Malaysia 123
"Buruh Minyak" 139
Burung Pingai 207
Bustanil Ariffin 358
Butterworth 293–95

cara Islam 112
Carnavon Street 21
cendol Haji Metali 205
Cengkereng 453
cerita lisan 279–80
Cession 1946 134
Chamril D. Djavid 360
Chandra 275
Che Daud Che Ya 322
Cheah Boon Kheng, Dr. 6
China 127
China Komunis 111
Chong Ah Fook 223, 362
Chuping 423
Church Street 451
Cik Rahmah 138
Cina 216, 227, 413, 418, 453
Cina Brunei 223, 441
Cina rakyat Brunei 362
cinta monyet 445
Cipete 458
COCI 439, 469
Colombo 327
Cynthia Haas 127

dabus 339–40
"Daimon" 405
"*Daimondo*" 405
dalil 121
Damansara Utama 9, 128
Darma 301
Darmataksiah 300–302
Darul Fikir Kuala Lumpur 283
Darwis Harahap, Drs. 15, 20, 28, 268
Datuk Keramat 333
Daud Joned, Haji 468
Daud Yusof 265, 273
Dayak 353, 437
Dayang Fatimah 201
Dayang Fatimah Haji Mohd. Hussin, Hajah 138, 164, 200, 237, 281
Dayang Hajah Shamsiah 229
Dayang Juriah 206
Dayang Kamisah Haji Rahmat 201
Dayang Nellie Haji Sunny 416–17, 422–23
Dayang Norsiah Abdul Gapar 245, 426
Dayang Simpul Matyassin 269
Dayang Thelma T. Salazar 177
Dayangku Fatimah 51
Dayangku Sifah 269
DBP 132, 139, 185, 221, 230–31, *passim*
DBP Brunei 165–66, 227, 236, 277
DBP Cawangan Sabah 300, 437
DBP Kuala Lumpur 165–66, 227, 235–36, 440

Dedek Safiah 361
Deli Abdul Rahman, Haji 135, 143–45
Desa Bakti 19
Design Centre 459
Dewan Bahasa dan Pustaka 382
Dewan Bahasa 138–139
Dewan Bahasa dan Pustaka ix, 1, 8, 30, 33, *passim*
Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei 46, 52, 138, 147, 179, *passim*
Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam 36, 47, 197
Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah 202, 233, 368, 370, 442, *passim*
Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak 41, 202, 314, 405–406
Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur 181, 201, 203, 262, 350, *passim*
Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia 176
Dewan Bandaran Ipoh 268
Dewan Masyarakat 6, 195, 319
Dewan Nirwana 153
Dewan Pelajar 195
Dewan Peringatan Churchill 282
Dewan Sastera 62, 139, 195, 270, 306, *passim*
Dewan Undangan Negeri Selangor 74
Dewan Undangan Negeri Terengganu 32
Dharmawijaya 271
"Di Mana Kan Kucari-Mu" 216
dialek Brunei 182, 262, 278, 389
dialek Hokkien 450
Dialog Borneo 373–74, 436
Dialog Kalimantan-Borneo 204
Dialog Teluk 204
Dialog Timur 204
Dialog Utara 443–44
diang-diangan 278
Dinul Islam 71
doktor India 213
doktor Inggeris 214
dokumen 10, 17
"Dolly Bidadari dari Shanghai" 425
drama TV 55
"dua kali enam" 304

ejaan baru 46, 199, 221, 224, 237, *passim*
ejaan kongres 199
Ejaan Rumi Baru 198
ejaan Soewandi 199
ejaan Za'ba 46, 198–99, 237
Elyas Umar, Dr. 74
Embong Yahya 226
Empangan 19
England 52, 131, 137–38, 184–85, 247, *passim*
Enid Blyton 219
Ensiklopedia Malaysiana 250
Era 307–309
Ernest Hemingway 370, 387
Ernie 245
Eropah 351, 458
Erwina 249
ESSO-GAPENA 234

Fadzil Agussalim 327, 350, 374
Fadzlullah 6–7
Faizul 89, 101
Faizul bin Uda Sohor 74
Faizul Komandan 87
Fakhrul Aqbal 422, 426, 447
Fakulti Pengajian Sains Farmasi 294
fardu haji 117
Farid Onn, Dr. 126

Fatimah 326
Fatimah A. Latif 184
Fatimah Asgar 240, 242, 244, 269, 283
Fatimah Busu 2, 6
Fatimah Haji Mohd. Hussin, Hajah 384
Fatimah Jaffar 269
Fatimah, Hajah 165, 303
Fauzi Abdul Rahman 100, 105, 118
Fauziah Abdul Hamid 126
FELDA 50
Festival Filem 405
Fidelio Street 31
fifth columnist 448
filem Melayu 271
Filipina 75, 126, 165, 281–82, 388, *passim*
Firdaus Abdullah 29, 31
Florida 252, 426
Fort Marqueritta 406
Francis Light School 11
Franklin Book Program 131, 157, 352
Freddy Salim, Bapak 376

Gabenor Sarawak 43
gadis Cina 137–38, 264, 301
gadis Iban 251
gadis Malaysia 347
gadis Sarawak 249
Gadong 279, 365, 409, 469–70
GAPENA 32, 36, 181, 223, 233, *passim*
Gatot Iskandar 352, 354, 355, 358–59, 459
Gelugor 2, 7
Georgetown 20, 23
Gerald de Cruz 136–37
Gerard T.M. MacBryan *lih.* Gerard Truman Magill Mac Bryan
Gerard Truman Maqill Mac-Bryan 43, 52
Geylang Serai 31–32, 428, 465
Ghazali Shafie, Tan Sri 134, 257, 405
Gilin Ahmid 263
giyu-gun 151
globalisasi x
Goenawan Muhammad 126
Good News Bible 371
Gregorio Brillantes 126
Gugur di Lembah Kinabalu 51
Gugusan Sendirian Berhad 258
Guilford 247
gunseikanbu 151
Gunung Jerai 451
Gunung Raya 451
Gunung Santubong 143
Gurkha 275

H.M. Ali 4
H.M. Salleh 226
H.M. Shah 269, 381
Ha 453
Haadsurin 366
Hadiah Hemingway 234, 392
Hadiah Mengarang Novel GAPENA-YS 19
Hadiah Sastera Bolkiah 234
Hadiah Sastera Borneo 203
hadiah sastera Melayu se-Nusantara 392
Hadzrami A.R. 461
Hafiz Arif 393
Hajarulaswad 70
haji ifrad 56
haji mabrur 117
haji tamattu' 56, 73
Hakim 361
Hakim, Haji 396, 439–41, 469
Hamdan Syeikh Tahir, Tan Sri Haji 19, 45–46
Hamdan Yahya 41, 302, 350, 410
Hamid Bidin, Tan Sri 74, 101
Hamidah Layar 437

HAMIM 135
Han Su-yin 127
Hants 247
Hari Perlembagaan Baru Brunei 438
hari nahar 59, 87
Hari Sastera 220, 268, 349
Haris Bidin, Haji 184, 197, 213
Harry Aveling 393
Harta dan Jodoh Menanti di England 368
hartawan Melayu 136
Harun 206
Harun Aminurrasyid 11, 29–32, 205, 401
Harun Aminurrasyid, Pembangkit Semangat Kebangsaan Melayu 401
Harun Hassan 128–32, 145, 215, 308
Harun Idris, Dato' 263–64
Harun Mat Piah, Dr. 251, 416
Hashim *lih.* Hashim Amir Hamzah
Hashim Abdul Wahab 441
Hashim Amir Hamzah 29, 48, 55, 61, 65, *passim*
Hashim Awang, Dr. 236, 284, 322
Hashim Hassan 74
Hasnah Omar 371
Hasnah, Puan 369
Hassan 144–45, 249–50
Hassan "Gabenur" 459
Hassan Ahmad, Datuk Haji 202
Hassan Haji Hamzah 133
Hassan Haji Muhammad 132–35, 141
Hassan Ibrahim, Datuk 74, 78, 86–87, 89, 91, *passim*
Hassanuddin, Cikgu 284
Hawaii 296
Herawati 354–56
Hiburan 29
Hijrah 103
Hikayat Awang Si Ambok 280
Hikayat Bujang Maliwala 278
Hikayat Faridah Hanum 17
Hilton 9, 19, 20
hiragana 298
hisapan jempol 342
Hishamuddin 350
Hizairi 288
Hoessin Enas 381
Hollywood 153, 266
Hong Kong 342
Hongkong & Shanghai Bank 266
Hospital Assunta 152
Hospital Belait 246
Hospital Besar Kuala Lumpur 152
Hospital RIPAS 246
Hospital Universiti 152
Hotel Adelphi Singapura 133
Hotel al-Dhakkan 330
Hotel Aurora 406
Hotel Brunei 160, 204, 223, 283
Hotel Hilton 153
Hotel Indonesia 353, 356
Hotel Jesselton 29, 31
hotel Melayu 136
Hotel Merlin 39
Hotel Oriental 125, 127
Hotel Parkroyal 141
Hotel Promenade 473
Hotel Regent 141, 146
Hotel Sheraton 100
Hotel Sheraton Utama 221
Hulu Kelang 91
huruf jawi 368
Hussain Jamil, Haji 202
Hussainmiya 416

I Made Bagiastra, Dr. 352, 358
ibadah haji 54, 60, 97, 115–16
ibadah puasa 158

ibadat haji 59, 76, 116, 118–19
Ibrahim 71, 319, 364, 366, 404, *passim*
Ibrahim Abdul Ghani, Haji 279, 436
Ibrahim Fadzil 365, 367
Ibrahim Hussein 259
Ibrahim, Haji 280, 437
Ibu Raya 263–264
Idris Mohammad 263
ihram 56, 59, 66, 73, 83, *passim*
Ihya' Ulumuddin 102
Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Brunei 467
ilmu agama 28, 185
ilmu farmasi 291
ilmu kedoktoran 21
ilmu pendidikan 20
Imam 439, 472
Imam Ghazali 102
Imam Mihad 439
India 17, 51, 75, 189, 328, *passim*
India Serani 219
Indira Ghandi 82
Indonesia 12, 46, 59, 75, 111, *passim*
Indonesia merdeka 358
informan 11
Inggeris 43, 134, 189, 226, 234, *passim*
Inggeris Tarzan 345
Injil Bernabas 371
Injil Jonah 371
Inongputri 211, 213–14, 219–20, 270, 276, *passim*
institusi kewangan 336
Institut Profesional Baitulmal 297
Institut Teknologi MARA (ITM) 185, 447
Intan 26
Intan Berduri 126
International School 217
Ipoh 414
iqamat 104
Iqbal 211, 213, 220–21, 276, 286, *passim*
Iran 70, 75, 85, 107, 112, *passim*
Isabella 364, 367, 370–73
Ishak Haji Muhammad 425
Islam 24, 27, 71–72, 79, 217, *passim*
Ismail 36, 319, 364
Ismail Abbas 15
Ismail bin Omar Abdul Aziz, Tuan Haji 185, 257
Ismail Bukhari 445
Ismail Dahaman 202, 221, 224, 237, 259
Ismail Hamid, Dr. 251
Ismail Hussein, Prof. 125, 202, 204
Ismail Kamus, Tuan Haji 217
Ismail Muhammad, Haji 187, 190, 192, 341, 406, *passim*
Ismail Sulaiman, Haji 468
Ismail, Haji 411, 423
Israel 113
Israk dan Mikraj 268
Istana Darul Hana 168, 188
Istana Darul Iman 312, 337, 453
Istana Edinburgh 310, 340, 408
Istana Jerudung 188
Istana Nurul Iman 244
Istana Tetamu 408
Itali 274, 348, 418
ITM 367, 422, 426, 452

Ja'ranah 96
Jaafar 317
Jaafar Abdullah 269, 316, 318, 380
Jabal Rahmah 83
Jabatan Hal Ehwal Agama (JHEA) 282–83
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah 436

Jabatan Hasil Dalam Negeri 264
Jabatan Kerja Raya 255
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negeri Brunei 279
Jabatan Pelajaran 165
Jabatan Pendidikan Selangor 328
Jabatan Penerangan 179, 304
Jabatan Penulisan Universiti Malaya 241
Jabatan Perdana Menteri 427, 469
Jabatan Perkhidmatan Awam 47, 394
Jabbar Ithnin 372
Jakarta 96, 139, 165, 307, 315–16, *passim*
Jalan Ampang 442
Jalan Ampas 267
Jalan Bandar 146
Jalan Bebatik 169
Jalan Berakas 159, 191, 243, 254, 255, *passim*
Jalan Chow Kit 157, 442
Jalan Elizabeth 161
Jalan Elizabeth 2 438, 452
Jalan Gadong 160, 382
Jalan Hose 381
Jalan Ipoh 48
Jalan Jelutong 17
Jalan Kampung Berangan 245
Jalan Kebangsaan 274
Jalan Kelawai 18
Jalan Kianggeh 186, 466
Jalan Kota Batu 221
Jalan Kumbang Pasang 219
Jalan Leith 414
Jalan MacArthur 209
Jalan Muara 274
Jalan Pahang 250
Jalan Paya Terubung 294
Jalan Pemanca 160, 222
Jalan Perak 11, 18
Jalan Perkins 445
Jalan Residensi 222
Jalan Sabok 412
Jalan Segenting Klang 308
Jalan Serusup 439
Jalan Stoney 213–14, 321
Jalan Sultan 222, 384
Jalan Sultan Ismail 146
Jalan Sultan Lama 413
Jalan Sumiling 238
Jalan Sungai Besi 157, 352
Jalan Sungai Kianggeh 222
Jalan Templer 152
Jalan Tuanku Abdul Rahman 137, 442
Jalan Tuaran 11, 369, 465
Jalidar Abdul Rahim, Haji 436
Jamaica 319
Jamaliah 327
Jamaliah Long 74
Jambak 323
James Brooke 251
Jamil Sulaiman 381–82
Jamil Sulong 19–20, 261, 381
Jamil, Dato' 147
Jamil, Pehin 417
Jamilah 420–21
Jamrah 77, 88–89, 91–93
Jamrah Aqabah 59, 87–89
Janathan Kandok 437–38
Japanese 403
Jawa 351–52, 354, 361, 415, 418
Jawa Barat 358
Jawa Tengah 361
Jawawi, Haji 37, 184
"Jawi" 78
jawi 232
Jeddah 55–57, 59, 63, 65, 67, *passim*
Jelutong 14, 18, 22, 294
Jelutong Press 17
jemaah haji 57, 59, 67, 75, 77, *passim*
jemaah Indonesia 96
Jeneral (B) Yusuf 266

Jeniri 23–26, 28
Jeniri Amir 20, 27
Jepun 12, 34, 111, 151, 155, *passim*
Jerteh 313
Jerudong 237, 240
Jesselton 134
Jibrail 433
Jim Thompson 125
Jim Thompson Foundation 125
Jins Shamsuddin 253, 263–64, 269, 316–318, 381
Johan Jaaffar 287
Johari Salleh 269
Johns, A.H. 349
Johor 184–85, 191, 381–82
Johor Bahru 136, 267, 328
Jomo Kenyata 343
Jones, Russell 349
Joo Chiat Road 34
Jorah Ahmad 216
jubli perak 464, 466, 468, 472
Junid Haji Ramli 263
Junit bin Ongee 43
Junjung 269
Juri Durabi 442
Juriah, Hajah 279, 301–302
Jusuf Lubis 358
Juwie 263–64

K. Bali 374
Kaabah 64, 69, 71, 112
Kadazan Tuaran 462
Kadazan Penampang 462
Kadir, Tan Sri 68
Kadri Jili 301
Kalimantan 353–54, 436
Kalimantan Selatan 436
Kalimantan Tengah 437
Kalimantan Timur 437
Kalimantan Utara 261, 437
Kamal 182
Kamal Salleh 441
Kamariah, Puan 441
Kamarulmas Ayu 447, 452
Kamisah Haji Rahmat 40, 263
Kampung Air 44, 173, 194, 204–11, 222, *passim*
Kampung Anggerik Desa 422
Kampung Baru 445
Kampung Burung Pingai 351
Kampung Damansara Baru 180
Kampung Dodol 20
Kampung Gajah 411
Kampung Jawa 20
Kampung Kedayan 208
Kampung Kolam Football Club 21
Kampung Kolam Malay Football Club 414
Kampung Lorong Dalam 208
Kampung Lorong Sekuna 207
Kampung Mabuhai 38
Kampung Pandan Besi 208
Kampung Pengiran Pemanca Lama 239
Kampung Saba 208, 425
Kampung Sultan Lama 209
Kampung Sungai Kebun 208
kampus 2, 4, 12, 15, 20, *passim*
Kampus Universitas Gajah Mada 418
Kamus Istimewa Peribahasa Melayu 437
Kandahar Street 428
kanji 298
Kantor Perhubungan Indonesia 211
kapal Seri Sarawak 141, 143, 145
kapal torpedo 356
Karim Duryat 358
karya kreatif 363, 395
Karyawan Tamu ix, 39, 128
Kassim Masdor 381
katakana 298
kaum Nasrani 102
Kawasaki 214–215

Kawasaki Disease 214
KBRI Kuala Lumpur 352
Kebayoran Inn 453–54, 459
kebudayaan Brunei 166
kebudayaan Melayu 348
Kedah 3, 7, 74, 81, 169, *passim*
Kedah Civil Service 21
Kedai Buku DBP 228
kedai Cina 160
kedai kopi Cina 160
kedai Padang 160
Kedutaan Besar Indonesia 314
Kedutaan Besar Republik Indonesia 158, 211, 263, 291, 376
Kedutaan Besar Thailand 281
Kedutaan Brunei 303
Kelab Rekreasi Shell 36
Kelana Jaya 326, 328
Kelang 321, 375
Kelantan 7–8, 22, 63, 133, 137, *passim*
kelasi Indonesia 356
Kelawai 20
Keluarga 130
Kem Terendak 286, 422
Kemala 15
kemanusiaan 22
Kembar Artakus 309
Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan 354
Kementerian Agama 162
Kementerian Hal Ehwal Agama 161, 167–68, 223, 320, 423, *passim*
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri 423
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam 170
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan 166, 243, 278, 304, 337, *passim*
Kementerian Luar Negeri 243, 384, 469
Kementerian Luar Negeri Malaysia 203
Kementerian Pelajaran 101, 281
Kementerian Pendidikan 423
Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan 357, 455
Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia 427
Kementerian Penerangan 357
Kementerian Perhubungan 256
Kepala Batas 13
kepala polis 16
Kepala Polis Sabang 151
kerajaan Arab Saudi 60, 98, 119–20
kerajaan Brunei 40, 139–40, 152, 188, 199, *passim*
kerajaan Inggeris 138, 347–48
kerajaan Malaysia 188, 242
kerajaan Wahibi 110
Keraton Yogyakarta 455
Keris Mas 39, 47, 140, 148, 305, *passim*
"Keruh di Hulu" 422
Kesatuan Demokratik Malaya (Malayan Democratic Union) 136
kesusasteraan Melayu 36
kesusasteraan moden 347
Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera 198
Ketua Bahagian Penyelidikan dan Penggalakan Kebudayaan 164
Ketua Bahagian Reka Bentuk dan Penjilidan 164
Ketua Dewan Perwakilan Daerah Langsa 358
Ketua Parti Komunis Perancis 137
Ketua Pengarah Dewan Bahasa

dan Pustaka Kuala Lumpur 202
Ketua Polis Negara 257
Khadijah Hashim 429
Khairil Anwar Jamil 381
Khalifah Umar r.a. 71
Khatijah, Hajah 122
Kiah 383
kiblat 102
Kisah Hidup P. Ramlee 253, 401
"Kisah Seorang Biduan" 273
"Kita di Sini Bukan Orang Dagang" 425
Kitab Qisyasul Anbiya 71
klasik Melayu 196
Klasse 182
klinik LUTH 80
Kolej Islam 262, 321, 375
Kolej Melayu 220, 286, 295–96
kolumnis *Sunday Mail* 7
Komanwel 189
Kompleks Segama 373
Kompleks Tabung Haji 326
Kompleks Universitas Indonesia 454
konfrontasi 319
Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ke-3 165, 199
Kongres Bahasa dan Sastera Melayu 411
konsep haji 117
Konserto Terakhir 371, 444, 447
Kontena Nasional 118
Konvokesyen USM 465
Korban Kinabalu 51
Korea 111
Kota Kinabalu 436
Kota Arialun 309
Kota Bharu 8, 181, 349, 445–46
Kota Jakarta 456
Kota Kinabalu 11, 29, 170, 204, 207, *passim*
Kota Madinah 100
Kota Makkah 63, 66
Kota Marudu 437
Kristian 371
Kuala Belait 39, 261, 376, 412
Kuala Kangsar 220, 286
Kuala Lumpur x, 5–6, 12, 15, 29, *passim*
Kuala Lumpur Kita Punya 469
Kuala Pilah 347
Kuala Santubong 143–44
Kuala Sawah 180
Kuala Simpang 415
Kuantan 158, 289, 444
kuasa-kuasa besar 342
Kuching 41–42, 131–36, 138, 141–45, 250, *passim*
kuih cakoi 366
Kulim 13, 61, 67, 269
Kumasi Dainuri, Haji 136, 401
Kumpulan Melati 471
Kumpulan Sahabat 21, 471
Kumpulan Teater Asyik 312
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1
Kuningan 456, 459
Kupang 313
kurir kemerdekaan 353
Kurir-Kurir Kemerdekaan 351, 354, 356–57, 359–60
kurma 106, 113
kursus luar kampus 15
Kutai 437
Kutub Selatan 172
Kutub Utara 172
Kuwait 442

Labuan 170, 205, 344, 402, 426, *passim*
Labuan International Hotel 51
lagu "*Isabella*" 373
lagu "Seri Andalas" 245
Lahab 216–18
Lamat Jaafar, Haji 197
Lamat, Haji 184
Langit Petang 258

Langkat 455
Langkawi 365–67, 441, 461
Langsa 214, 352, 356–58, 415, 435–36, *passim*
Langsa Aceh 16
Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu 442
Lapangan Terbang Antarabangsa Subang 57, 60, 124, 265
Lapangan Terbang Barakas 36, 44, 158, 171, 255, *passim*
Lapangan Terbang Jeddah 58, 60–61, 63, 67, *passim*
Lapangan Terbang Kuching 141
Lapangan Terbang Subang 326, 334, 447
Lapau 188
Lat 207, 246, 251
Laura 353, 359, 459
Lautan Pasifik 353
Lawas 205, 261
Lebuh Aceh 415
Lebuh Raya Tutong-Muara 191
lelaki India 40
lelaki Islam 334
Leman Ahmad, Haji 395–96, 440
Lembaga Bahasa 165, 178
Lembaga Bahasa Melayu 30
Lembaga Elektrik Brunei 149
Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia 448
Lembaga Lektrik Negara 328
Lembaga Promosi Pelancongan 328
Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) 55
Lenggeng 116
Lho Seumawe 459
Lifestyle 323
Lim, Encik 191
Limbang 42–43, 52, 205, 251, 261, *passim*
"Limbang dalam Sejarah" 251
LIPI 453, 455, 458
Liza 280
LLN 98
Lombard, Denys 349
Lombok 354
London 52, 55, 100, 118, 199, *passim*
Long Hassan 61
Long Mat Saman, Haji 468
Lubuk Mandi 433
"Luka Sudah Hilang Parut Pun Hilang" 319
Lukop 415
Lunas 13
Lundu 314, 406
Lutfi Abas, Drs. 271, 336, 388, 410, 469, *passim*
LUTH 56–59, 61, 65, 67, 81, *passim*

M. Salim 360
Ma'arof Saad 307, 323
MABBIM 392
mabrur 79
made in Japan 112
made in Korea 112
Madinah 61, 67, 80, 95, 98–99, *passim*
Madinah al-Munawwarah 101
Madras 21
Magon Haji Ghaffar, Haji 388
Mahadzir Mohd. Khir 400
Mahathir Mohamad, Dato' Seri Dr. 253, 256–57, 310, 342, 434
Mahatma Gandhi 267
Mahkamah Singapura 356
Mahkota yang Berdarah 226
Mahmud Ahmad 30, 402
Mahmud Bakyr, Haji 423–24
Maimun 345
Maimunah Haji Omar, Datin 343
Majalah Merdeka 354–55

Majlis Bersama Bahasa Indonesia Malaysia (MABBIM) 46
Majlis Mesyuarat Negeri 165, 178
Majlis Perbandaran 222, 452
Majlis Perbandaran Bandar Seri Begawan 283, 351
Makam Ibrahim 68–70, 72
makam Nabi s.a.w. 102, 106–108
Makam Rasulullah 114, 116
Makkah 48–49, 59, 61–65, 67–68, 73, *passim*
Maktab Perguruan Kent 437
Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim 347, 402, 419
Maktab Perguruan Sultan Omar Ali Saifuddin 247, 409
Maktab Perguruan Tuanku Bujang 41
Maktab Rendah Sains MARA 158, 220, 286, 422, 444
Maktab Rendah Sains MARA, Kem Terendak 385
Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin 247
Maktua 361
Malahayati 213, 276, 286, 296, 299, *passim*
Malai 35
Malai Mashhur, Haji 33–34, 37
Malaikat Jibril a.s. 71
Malay Mail 317
Malay Press Kuala Pilah 226
Malaysia 12, 37–38, 46, 59–60, 62, *passim*
Maluku 354
manasik haji 115
Mangantar Simandjuntak, Dr. 410
Manshoor Haji Ahmad 350
Mansor 8, 9
Mansor Aminuddin 305
Mansor Mohd. Saman 7, 19, 36
"mantan" 360
Manumbok 339
Marang 312–14
Maria Abdullah 265
Mariamah, Puan 447
markas ALRI 315
Marmin Haji Idris, Haji 190, 192
Marwah 72
Marwilis Haji Yusof 371–72
Marwilis Publishing & Distributors Sdn. Bhd. 371
Marzuki Ali 312
Marzuki, Ustaz 82, 87
MAS 169, 265, 332–33
masakan Arab 168
masakan Brunei 168
masakan Jepun 408
Masjid Abdul Aziz 103
Masjid al-Jumaah 110
Masjid Benggali 414
Masjid Ghamamah 110
Masjid Jamik 136
Masjid Kampung Pudak 33, 174
Masjid Melayu 21, 415
Masjid Nabawi 61, 100–105, 109, 113, 115–16, *passim*
Masjid Negara 167
Masjid Omar Ali Saifuddin 162, 194, 209, 210, 276–77, *passim*
Masjid Qiblatain 110
Masjid Quba 110
Masjid Rasul s.a.w. 101–102
Masjid Seria 35
Masjid Serusup 36, 462
Masjid Simpang Enam 22
Masjid Sultan 428
Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin 173, 461
Masjid Tujuh 110
Masjidilharam 49, 66–67, 69, 73–74, 77, *passim*
MASKOM 19, 36

Maslina Hashim 265
Masri bin Haji Akip 251
Mastura 213
Masuk ke dalam Cahaya 270, 431
Masuri S.N. 321
Masyumi 358
Mat Lodeh 91
Matahari Petang 363
Matahari Terbit 298
Mau'izahatul-Mu'minin 102
Maulana Muhammad Saeed 367
Maulvi M.I. Nana Sahib 370
Md. Salleh Yaafar 27
Md. Zain bin Haji Serudin, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato' Seri Utama Doktor Haji 226
Medan 62, 355–56, 455, 458–59, 471
Medan Area 358
Megat Noordin 98, 101
Mekar 179–80, 195–96, 198, 224, 226–32, *passim*
Melaka 11, 191, 286, 385, 407, *passim*
Melan Abdullah 308
Melanau 20
Melayu 17–18, 33, 134, 187, 238, *passim*
Melayu Brunei 419, 449
Melayu Kutai 437
Melayu Raya 30, 133–35, 402, 425
Melayu-Islam Beraja 234
Mellisa Wan Yit Fang 400–401
Menteri Agama 467
Menteri Besar 265
Menteri Besar Brunei 39
Menteri Besar Kedah 444
Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan 231, 341
Menteri Koperasi dan Bulog 358
Menteri Luar 257
Menteri Pelajaran Brunei 241
Menteri Pendidikan Indonesia 11
Menteri Pendidikan Malaysia 241
Menteri Penerangan 354
Merdeka 354–55
Mes Polis Gadong 257
mesin taip 368
Mesir 99, 128, 185
Metali, Haji 205–206
Mexico 19
Midaq Alley 128, 132
Mina 49, 61, 86, 88–91, 94–95, *passim*
Minangkabau 25, 161, 375
Mind Your Language 262
Minden 2
Minggu Hari Kebangsaan 466
Minggu Kebangsaan Malaysia 193
Minggu Penulis Remaja 288
Minggu Sastera Remaja 348
Mingguan Malaysia 257
Mingguan Wanita 129, 308–309
miqat 56, 96
Miri 41–42, 137, 170, 204, 375, *passim*
Mitsuko Nanko 455
Mohamad Ali Zakaria 323
Mohamad Zain, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato' Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji 226, 468
Mohammad Siraj, Tuan Haji 370
Mohd. Affandi Hassan 8
Mohd. Ali 87–88, 96
Mohd. Ali bin Abd. Talib 74
Mohd. Amin Nayan 18
Mohd. Amin Osman, Tan Sri 257

Mohd. Amin P.O.K. Haji Sirat 270
Mohd. Aris bin Majid 100, 118
Mohd. Jaafar Zabidi 232
Mohd. Jamil al-Sufri, Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Awang 165, 467
Mohd. Jamil, Cikgu 38
Mohd. Jamil, Pehin 165, 213, 226, 236, 243, *passim*
Mohd. Jefri Komzari 328
Mohd. Johari Abdul Aziz 328
Mohd. Khairi 362
Mohd. Khir Johari 4
Mohd. Noor 169, 187, 213
Mohd. Noor Azam 29–30, 74, 82, 89, 91, *passim*
Mohd. Noor Che Noh, Dr. 311
Mohd. Noor Long 167–68, 186, 274
Mohd. Noor Salleh 67–68, 77, 83
Mohd. Salleh Yeop Abdul Rahman, Haji 328, 332
Mohd. Salleh Masri, Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato' 226, 347
Mohd. Salleh, Haji 333
Mohd. Taib Osman, Prof. 322, 380
Mohd. Yamin, Prof. 425
Mohd. Yunus Abdul Hamid 18
Mohd. Yusof Hasan, Dr. 252, 448–49
Mohd. Yusof, OKML Haji 168
Mohd. Zain Haji Muhammad 21, 413
Mokhtar Yassin 15
Moksin Abdul Latif 263
MPH 196
MRSM 288, 290
MRSM Kulim 286, 291
MRSM Terendak 297
Muara 378
Mufti Kerajaan Brunei 257
Muhammad Ali 71
Muhammad Amin 350–51
Muhammad Arif 321
Muhammad Haji Salleh, Dr. 311–12, 322–24
Muhammad Louis, Haji 136
Muhammad Rasulullah 99
Muhammad Sukaimi, Haji 336
Muhammad, Dr. 325
Muhibah 190
Mujab Sungib 118
Mujad 100
Muka Head 449
Mukah 137
murid Melayu 141
musim haji 102, 110
Muslim 28, 101
Muslim Burmat, Haji 29, 138, 158, 246, 387
Muslim Haji Burut, Haji 138
Muslim Indonesia 372
Muslim, Datuk 74
Muslim, Haji 38–40, 139, 159, 182–83, 193–94
Muslimin 438
Mustafa Basri 425
Mustaffa Haji Mohammad, Dato' Haji 193, 466
Mustapha Ahmad 181
Mustapha, Tun Datu 11
musuh Islam 71
mutawif 49, 59
mutawwakil 113
muzawwir 68–69, 72
Muzdalifah 83–86
muzium 10
Muzium Brunei 181, 250, 283
muzium universiti 5

Nabi Adam a.s. 71
Nabi Muhammad s.a.w. 86, 418
Nabi s.a.w. 102–103, 109–10

nafar 89
Naib Canselor 4, 14, 19, 45
naik haji 116
nakhoda 207
Nanak 442
Nancy Foo 216, 218, 263–64
Naquib Mahfouz 128
Nasaruddin 422, 426
Nasir 264
Nasution, Bapak 350
Nayan 9–10
Nazim 51
negara 284
negara Arab 112–13
Negara Arab Saudi 100
negara Belanda 337
Negara Brunei 46, 160, 186, 198–99, 209, *passim*
Negara Brunei Darussalam xi, 29, 32, 36–37, 40, *passim*
Negara Brunei Tua 167
negara Islam 160, 392
negara Melayu xi
Negeri Sembilan 425
Nellie Haji Sunny 281, 384, 417
Nepal 276
New Caledonia 353
New Delhi 358, 368
New Town 153
New York 426
New Zealand 404
Nibung Tebal 13
Nik Hassan 134
Nik Rashid, Prof. Dato' 29, 31
Nik Safiah Abd. Karim, Dr. 322
Nila 376–77, 382–83
Noh Abdullah 170
Noni 215
Noor S.I. 428
Noordin Hassan 323–24
Nor Aisyah 452
Noraini 48, 55, 359, 453
Noraini Muhammad 444
Noranit Setabutr; Prof. 303–304
Norhashimah 422, 426, 447
Noriah 437
Norimah 350
Norizan 264
Norma 447
Norriah binti Hassan 312, 406
Norsiah 246–49
North Bridge Road 428
Nortijah *lih.* Nortijah Mohd. Hassan
Nortijah Mohd. Hassan, Hajah 197, 394–95, 399–400
novel Inggeris 249, 287
Nugroho Notosusanto 11
Nujum Pak Belalang 440
Nukum Sanany 357
Nuraini 356
Nurazami Kuntum, Haji 190, 271, 410–11
Nusantara 234
Ny. H. Tajus Sa'adah Soeba S. 58, 104
Nyak Hamzah 4
Nyak Puteh 264
Nyak Yusda 96
nyanyian Jepun 405

OERIP 12
Oesman AMS 435
Omar Ali 426
Omar Bassaree 445
Omar Rojik 381
Onan Road 380
Opera Estate 31, 402
orang Aceh 299, 393
orang Afrika 75, 88, 93
orang Ansar 109
orang Arab 63, 73, 76–77, 79, 88, *passim*
orang Arab Madinah 109
orang Asia 392
Orang Asing 251
orang Belanda 299
orang Brunei 35, 42–44, 47, 164, 167–68, *passim*

orang Bugis 31
orang Cina 13, 43, 146, 168–69, 205, *passim*
orang Eropah 172
orang Filipina 244
orang Gayo 415
orang Iban 223
orang India 209
orang Indonesia 88, 278, 418, 457
orang Inggeris 43, 141, 232, 274, 280, *passim*
orang Islam 27, 155, 158, 160, 434
orang Jepun 155, 214, 415, 457
orang Malaysia 43, 171, 189, 382, 407
orang Melayu 13, 20, 43, 133–34, 413–14, *passim*
orang New Zealand 89
orang Patani 113
orang Quraisy 86
orang Sarawak 169
orang sastera 397
orang-orang Arab 35
Oriental Hotel 125
Osaka 404
Othman bin Omar, Haji 74
Othman Haji Noor, Tuan Haji 190, 192
Othman Haji Zainuddin 446
Othman Ismail 133
Othman Mohd. Dom 184
Othman Puteh 288
Othman Qalam 18
Owen Rutter 52
Oxford University Press 52, 161, 196, 198, 467

P. Ramlee 11, 36, 62, 130, 253, *passim*
P. Ramlee: Kisah Hidup Seniman Agung 473
Padang Arafah 82, 84
Padang Lumat 188
Padang Mahsyar 95
Pahang 100, 118, 171–72
Paitoon 410
pakaian Melayu 174, 240, 439
Pakistan 75, 94, 328, 330
Palaniappan 336, 410
Palembang 361
Palestin 432
"Pancaindera" 272
pandian 206–207
Panggung Rex 271
Panggung RTM 215–16, 218
Pangkalan Kubur 446
Panglima Awang 402
panglima bahasa 166
Pantai Cinta Berahi (Pantai Cahaya Bulan) 446
Pantai Jelutong 356
Papar 339
Paris 234, 392
Parit Buntar 13
Parsi 339
Parti Kebangsaan Melayu Malaya 136
Parti Negara 134
Parti PAS 382
Parti Pekerja 135
Parti PESAKA Bumiputera 133
Parti PESAKA-Bumiputera Bersatu 135
Parti Rakyat 33, 135, 185
Parti Rakyat Brunei 36
Parti Rakyat Malaya 472
PAS 129, 135, 382, 423
Pasar Chow Kit 445
pasar kurma 110
Pasir Mas Kelantan 291, 445
Pasir Salak 29
"Pasrah" 436
pasukan meriam 358
Pasukan Meriam Mukumsanany 393
Patani Road 20
Patrcia 287, 295, 319, 364, 445

Patani 75, 98, 109, 111, 365, *passim*
Paya Terubung 295
PBB 342
Pearl S. Buck 370
Pedang Aurora 309
Pedoman Haji 102, 115
pegawai bahasa 40, 395
pegawai bahasa kanan 139–40, 149
Pegawai MAS 42
Pejabat Daerah Kulim 21
Pejabat Daerah Temburong 259
Pejabat Kewangan 417
Pejabat Menteri Besar 200
Pejabat Pelajaran Daerah 260
Pejabat Pelajaran Negeri 284
Pejabat Pendidikan 313
Pejabat Penerangan 236
Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei 179
Pejabat Setiausaha Kerajaan Brunei 45
pejuang bahasa 166
Pekan Kebudayaan Aceh 339, 435, 459
Pekan Melayu 4
Pekan Seria 247
Pekan Terendak 423
Pelabuhan Idi 12
PELITA 270
Pelita Bahasa 361
Pelita Brunei 179, 337
Pembinaan dan Pengembangan Bahasa 263
Pemerintah Republik Indonesia Daerah Aceh 12
pemerintahan Jepun 457
pemimpin Asia 341–42
Pemuda UMNO 30
Pemuda UMNO Pontian 401
Penang Traction Company 18
Penarik Beca 381
Penerbit Bulan Bintang 393
Penerbit Fajar Bakti 250, 287, 309, 335
Penerbitan Pena 130, 473
Penerbitan Percetakan Dewi 58
Pengabdian 247–48
Pengajian Islam 7
pengalu 207
pengarang Melayu 414
Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka 46
Pengiran Amir Nusantara 39
Pengiran Amir Yusof Nusantara 220
Pengiran Badaruddin 33, 36, 40–41, 44–47, 128, *passim*
Pengiran Badaruddin Pengiran Ghani *lih*. Pengiran Badaruddin
Pengiran Bendahara Sakam 251
Pengiran Diponegoro 25
Pengiran Hajah Masnah 197
Pengiran Haji Ali 197, 336
Pengiran Haji Muhammad 164
Pengiran Indera Mahkota Mohd. Salleh 251
Pengiran Julaihi 164
Pengiran Metarsad bin Pengiran Jaafar 232
Pengiran Metussin 362–63
Pengiran Muda Omar Ali 53
Pengiran Sabtu Pengiran Haji Mohd. Salleh 345
Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim 39, 226
Pengiran Syahbandar 251
Pengiran Shahbandar Pengiran Muhd. Salleh 43, 52
penjajah Inggeris 34

pen-pal club 34
penulis Brunei 235, 246–47, 387
penulis kreatif 386
Penulis Tamu 128
penulisan kreatif 363
penyajak kabur 428
Peraduan Menulis Cerpen Berunsur Islam 216
Peraduan Menulis Novel Berunsur Islam 270
Peraduan Menulis Novel Islam Anugerah Sastera Darul Iman 431
Peraduan Menulis Novel Sempena Kemerdekaan Brunei 247, 443
Peraduan Penulis Novel Nasional 153
Peraduan Seni Lukis Kanak-Kanak 453
Perak 38, 133, 135, 340, 411
Perancis 127, 296, 348–49, 353
Perancis – Cina 319
Perang Dunia Kedua 140, 208, 368, 414
Perang Paderi 25
Perang Teluk 442
Perbatasan Brunei Sarawak 41
Percetakan Kerajaan 195
percetakan Melayu 414
Percetakan Warta Kinta 414
Perdana Menteri 341–42, 415
Perdana Menteri Malaysia 257
perempuan Cina 137, 400
PERFIMA 269, 316–18
Pergerakan Pemuda Melayu 134
Perhentian Pudu Raya 13
peribahasa Melayu 144
Peristiwa 12, 16, 357
Peristiwa Kemerdekaan di Aceh 415
Perjalanan Malam Kalimantan Menuju Siang 320
Perjalanan Mencari Bahasa ix, 4, 51, 250–51
Perjalanan Mencari Hikmah ix
Perjanjian Bertulis 177
Perjawatan Negara Brunei 158
Perkampungan Penulis GAPENA 314
Perkampungan Sastera '80 32–33, 36, 174
Perlembagaan Brunei 177
Perlembagaan Negara Brunei 200, 234
Perlembagaan Negara Brunei 1959 165
Perlis 169, 190, 278, 407, 423
PERMAI 451
permainan rakyat 340
Permata Aurorian 309
perpustakaan 10
Perpustakaan DBP 281
Perpustakaan Negara 281
Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) 280
Persatuan Iskandar Sani 451
Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia di Brunei 186, 190–91, 193, 257, 260, *passim*
Persatuan Kebudayaan Melayu 30
Persatuan Penulis Kelantan 446
Persatuan Penulis Pulau Pinang 51, 268
Persatuan Wartawan Melayu Singapura 30, 402
Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) 17, 34
Persiaran Damoan 453
Persidangan Komanwel 82
Persidangan Majlis Bahasa Brunei, Indonesia dan Malaysia (MABBIM) 446
Persidangan Menteri-Menteri

Buruh ASEAN 314
persona non grata 355
persuratkhabaran Melayu 17
PERTAMINA 360
Pertandingan Lagu-Lagu Melayu Asli 245
"Pertemuan di Cianjur" 356
"Pertemuan di Kuching" 301
Pertemuan Sasterawan Nusantara 138, 306–309
Pertemuan Sasterawan Nusantara ke-3 164
Perusahaan Filem Malaysia (PERFIMA) 268, 381
Pesta Buku Antarabangsa 469
Pesuruhjaya Tinggi 158, 191
Petaling Jaya 4, 9, 13, 25, 47, *passim*
Petaling Jaya Old Town 152
"peti sejuk" 273
Petra Jaya 145
PETRONAS 10
Petua Azram 309
Peureulak 339
Phuket 314, 366
Pinatubo 422
PKMM 310–12, 472
platform 342
polis Arab 111, 113–14
polis lalu lintas 13
"Politik" 364
Pontian 30, 311
Pontianak 204
Pop yeh-yeh 291
PORIM 441
Portugis 418
PPIK 5, 7, 16–17
Prentice-Hall 125
Presiden Kenya 343
Pro-Canselor 466
program bahasa 262
PTA 453
puisi Melayu moden 389
Pulau Banda 354
Pulau Kalimantan 409
Pulau Langkawi 451
Pulau Pangkor 328
Pulau Pinang 5, 11–12, 20, 26, 38, *passim*
Pulau Talang-Talang 144
Puni 167–68
Pusat Belia 186–87, 238
Pusat Dakwah Islamiah 370–71, 468
Pusat Komunikasi 7
Pusat Kraf Tangan 167
"pusat naga" 240
Pusat Pameran Perdagangan 469
Pusat Pengajian Bahasa 14
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan 3, 16, 33
Pusat Peringatan Churchill 221
Pusat Sejarah 39–40, 166, 193, 206, 213, *passim*
pusat terjemahan 392
Pustaka Antara 15
Pustaka Melayu Baru 252, 371
Pustaka Nasional 52, 102, 393, 428
Pustaka Nasional Singapura 283
Pustaka Sarjana 283
Putatan 437
PUTERA 41
Puteri Alinzalia 309
Puteri Maha Chakra Sirindhorn 126
Puteri Roslina Abdul Wahid 350
Pyan Habib 372

Qalam Press 319
Qassim Ahmad, Dr. 6
Queen's College 296
Quzah 86

Radiman Sailan, Haji 190, 275–76, 411

Radiman, Haji *lih.* Radiman Sailan
Radio Brunei 180, 249
Radio Televisyen Brunei (RTB) 161–62, 176, 224, 236, 245, *passim*
radio-taiso 155, 419
Radziah 269
Rahim Ali al-Hashmi 370
Rahim Dulani 279
Rahimidin 288
Rahiyah *lih.* Rahiyah Haji Ampal
Rahiyah Haji Ampal 184, 197, 370
Rahmah Othman 129
Raja Azam Raja Kamaruzzaman 36
Raja Brooke 43, 134, 137, 301, 343
Raja Brunei 207
Raja Mataram 418
Raja Muda Hassim 53
Raja Nong 260
Raja Nong Raja Mahmood 312
Raja Permaisuri Agong 408–409
Raja Sarawak 52
Rajid Haji Abdul Kadir, Ustaz Haji 370
Rakiah Ahmad 370
rakyat Brunei 189, 200, 235–36, 277, 335, *passim*
rakyat Malaysia 184, 188, 190, 193, 341, *passim*
Ramlee 273
Ramli 302
Ramli Abdul Hadi 30, 37, 402
Ramli Isin 271
Ramli Majid 34
Ranjau Sepanjang Jalan 258
Rantau 285
Rantau Panjang 261, 446
Rantau Selamat 428
Raof, Cikgu 334–35, 383
Rasiah Khalil 410
Rasulullah s.a.w. 71–72, 79, 99, 101, 103, *passim*
Rasyidah 462–63
Ratno *lih.* Ratno Puspa
Ratno Puspa 263, 265
Ratu Sirikit 126
Raudhah 103, 106–107
Rawamangun 454
Razif 300, 302
RBA 170
Reece, R.H.W. 52
reformasi agama 18
Rejab F.I. 15
Rembau 19
Republik Indonesia 314, 426
Restoran Yunus 22
revolusi Indonesia 314, 435
Riana 249
ringgit Brunei 191
ringgit Malaysia 458
risalah LUTH 121
Risalah Penerangan kepada Hujjaj Malaysia 57
RISDA 328
Riyadh 112
Rohaya Jumat 437
Rokiah 380
Rose 245, 252
Rosedin Yaakub 74
Rosie 280
Rosihan Anwar 454–55
Roslee *lih.* Roslee Jalil
Roslee Jalil 215–17
Rosli Haji Ampal 283, 346
Rosnah Mohd. Nor 217
Rosnani 20, 261, 462–64
Royal Brunei 158, 334
Royal Brunei Airlines (RBA) 170, *passim*
Royal Service Corps 21
RTB 55, 215, 237, 241, 279, *passim*

RTM 55, 215, 241, 301, 304
RTM Limbang 301
rukun haji 118
rukun Islam 46, 48, 62, 117, 152, *passim*
Rukun Yamani 69
rumah rehat 4–5, 12, 14, 20
Rumah Sakit Besar Brunei 214
Rumah Sakit Besar Kuala Lumpur 322
Rumah Sakit Raja Isteri Saleha (RIPAS) 249
rupian 458
RUSILA 269

S. Mohan 272–73
S. Othman Kelantan 7–8
S. Shamsuddin 440
S.E.A. Write Award 303, 392
Sa'id ibn Jubair 85
Saad, Haji 252
Saba Darat 208
Saba Darat A 208
Saba Laut 208
Saba Tengah 208
Saba Ujung 208
Sabah 2–3, 5, 47, 51, 55, *passim*
Sabak Bernam 340
Sablee, Haji 221, 255–56
Sadat, Presiden 82
Saedon Orang Brunei, Dr. 296
Saerah 43
Safa 72, 77
Safian Hussain 126
Sahabat Mekar 389, 471
Sahabat 368, 414, 471
Saharah Abd. Wahab, Hajah 197
sai 68, 72–73, 95, 97
Said Keruak, Tan Sri 318
Saidatul Badru Said Keruak, Puan 317–18
saksi sejarah 436
Salam 179
Saleha 270
Salleh Abdullah 197
Salleh bin Dollah 283, 346
Salleh Ghani 82
Salleh Yeop Abd. Rahman, Tuan Haji 122
Salleh, Haji 330
Salmah 281
Salmah Tengah, Hajah 263
Salmiah Ismail 350
Saloma 264, 268
Saman Kahar, Haji 262, 268, 281
Samatha 251
Sambas 144
Sanskrit 275
Santubong 141, 406
Sarawak 20, 24, 27, 41–42, 52, *passim*
Sarimah 263–64
Saroso 460
Sastera ASEAN 388
sastera Brunei 388
sastera lama 278
sastera lisan 280
sastera Melayu 46, 276, 321, 348, 425, *passim*
sastera Melayu Brunei 235–36, 284
sastera Melayu klasik 410
sastera moden 321
Satenika 100
Satoko 400, 405, 407
Satoko Matsuda 404
Saudara 17–18
Sayembara Deklamasi Puisi Hari Kebangsaan 385
Sayidina Abu Bakar as-Siddiq r.a. 102
Sayidina Hamzah r.a. 109
Sayidina Hassan 114
Sayidina Umar Ibnul-Khattab r.a. 103
Search 373

Seberang Perai 20, 51
Sebuah Perjalanan 393, 473
"Sebuah Masjid di Sebuah Kota Pelabuhan" 306, 347, 386
Sebuah Pusak dari Rumah Gadang Indonesia Merdeka 393
Sebuah Perjalanan ix, 45–46, 52, 250, 351, *passim*
"Sedia Menanti" 366–67, 399, 460
Segugus Filem 258–59, 263, 266, 273
sejarah Brunei 41, 166
Sejarah Persuratan Melayu di Brunei 235
Sekolah Agama al-Junid 375
Sekolah Inggeris Berakas 362
Sekolah Melayu Muhammad Alam 247
Sekolah Melayu Pontian 401
Sekolah Melayu Sungai Ara 18
Sekolah Menengah Inggeris Anthony Abell 247
Sekolah Menengah Sri Aman 385
Sekolah Rendah Sri Petaling 158
Sekolah Seri Aman 286
Sekolah Sri Petaling 211, 219, 284–85, 432
Sekolah St. Andrew's 217, 220, 224
Sekolah St. Michael's 4
Sekolah Sultan Abdul Samad 299
Sekolah Tuanku Abdul Rahman Ipoh (STAR) 365
Sekretariat 223
Selamat Pagi Malaysia 364
Selangor 190, 340, 375
Selat Melaka 449
Selo Soemarjan 455
semangat kebangsaan 18, 34, 425
Semenanjung 24, 134, 169, 185, 190, *passim*
Semenanjung Arab 99
seminar 42
Seminar Bahasa 347, 362
Seminar Bahasa, Sastera dan Kebudayaan Melayu 348
Seminar Kemasukan Islam ke Aceh 339
seminar sastera 41
Seminar Sejarah 28
Sentosa Store 226, 347
Senu Abd. Rahman, Dato' 258, 263, 267, 273–74
Senu *lih*. Senu Abd. Rahman
"Sepanjang Jalan di Kampung Jawa" 375
Sepanyol 348, 418
Serasa 237
Seremban 400
Seri Begawan Sultan 334
Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin 337
Seri Kompleks 350
Seri Shopping Kompleks 168
Seria 33, 36–37, 179, 223, 246, *passim*
Setiausaha Kerajaan 196, 198, 200–202
Setiausaha Kerja UMNO 135
Setiausaha Panel Hadiah Karya Sastera Kebangsaan 257
Shaari 381–82
Shaari A.B. 313
Shah Alam 260, 371, 426
Shaharah 336
Shaharom Husain 226
Shahnon *lih*. Shahnon Ahmad
Shahnon Ahmad 2–4, 7–8, 15, 18, 26, *passim*
Shahri PDJK Mohd. Hussain 307
Shahrulbariah 317, 381
Shamsiah Abdil Manaf, Hajah 29, 31

Shaw Brothers 266–67, 271, 318, 381
Shaw Towers 428
Shawal Rajab, Haji 168, 184, 320
"*She*" 153–54
Shell Penaga 311
Sheraton *lih*. Sheraton Utama
Sheraton Utama 237–38, 303, 314–15
Shuib Amir 49, 66
Shukor Haji Salleh 191
Shukri Zain 226, 271, 321, 375
SIA 170
Siapa yang Bersalah? 32
sifat individualis 299
Sijil Tinggi Pelajaran 241
Simpang Enam 18, 21
simposium 448, 454–55, 458
Simposium Antarabangsa Kampung Air 251
Simposium *On Modern Indonesian History: Review In International Context* 448, 454
simposium sejarah 418
Simpul Matyassin, Hajah 197, 346
Sinar Sarawak 133
Singapura 11, 21, 29–31, 33, 37–38, *passim*
Sipitang 339
Siput Sarawak 265
Siri Pustaka Pedoman 199
Siri Sastera Timur dan Barat 199
sistem persekolahan 288
sistem asrama 289
sistem ejaan baru 200–202
"Sistem Ejaan Baru" 262
Siti Adiyati Subangun 455
Siti Azizah 371
Siti Hasmah, Datin Seri Dr. 257
Siti Noor, Dr. 248
Siti Saroja Basri 359
Siti Zaharah Sulaiman, Dr. 29, 31
Siti Zaleha Haji Shamad 263
Sjaiful Anwar Sjamsuddin, Bapak 372, 375, 377, 380
Sjaiful, Bapak *lih*. Sjaiful Anwar Sjamsuddin
Soekarno, Presiden 342, 354–55
Solo 253
Sonja Lee 217–18
Sonny Yusainy bin Said Amir 253
Southampton Technical College 247
Sri Lanka 416
Sri Sunarti 358
Srinande Film 126
Stadium 283
Stadium Negara 351, 452
Stadium Negara Sultan Hassanal Bolkiah 270, 350, 362
Stadium Sultan Omar Ali Saifuddin 453
Stesen Kereta Api Tanjung Pagar 465
Studio Jalan Ampas 318
Subang 54–56, 58
Subang Jaya 51, 217, 296, 447
Subki Latiff 129
Sudan 410
Sudarmaji 381
Sudomo, Jeneral 314–15
Suharto, Presiden 427
Sukardi 11, 464
Sukardi bin Suradi 465
Sulaiman Isa 21
Sulaiman Masri 319
Sulawesi 354, 436
Sulawesi Selatan 204
Sultan Abdul Hamid College 21
Sultan Brunei 38, 41, 43, 188,

342, *passim*
Sultan Hamangkubuwono X 418
Sultan Hassanal Bolkiah 38, 41, 234, 276, 277, *passim*
Sultan Idris Training College 226
Sumadi 246
Sumadi Sukaimi 37, 181, 304
Sumatera 351–52
Sumatera Barat 68
Sumatera Simbun 471
Sumbangsih Shukri Zain 226
Sunai, Bapak 13
Sungai Belait 412
Sungai Brunei 33, 206–207, 259, 344, 372, *passim*
Sungai Kedayan 207
Sungai Kianggeh 160, 187, 205, 238, 244
Sungai Limau 2, 269
Sungai Petani 293
Sungai Pinang 20
Sungai Sarawak 141
Sungai Serowai 44
Sungai Temburong 259, 301
Sungai Udang 423
Sungkurong 246
Surabaya 58, 352, 354
surat khabar Melayu 157
surau universiti 28
Suroso Prawirodirjo 352–53, 359
Suruhanjaya 310
Suruhanjaya Malaysia 187, 189, 221, 340, 381, *passim*
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 55, 141, 232
Susuk Tingkayu 442
Sutan Sjahrir 354
Sutong Umar RS 386
Syafi'i 75
Syair Rakis 251
Syair Rakis Dua Belas 52
Syam 99
Syariat Islam 432
Syarif Ali 418
Syarif Thayeb, Dr. 427
Syarikat Filem Syed Kechik 319
Syarikat Minyak Shell 184
Syarikat Shell 234
Syarikat Shell Brunei 169, 203, 233, 311
Syarikat South-Eastern 38
Syarikat Utusan Melayu (M) Berhad 129–30
Sydney 55
Syed Ahmad Semait 102, 428–29
Syed Hussein al-Attas 241
Syed Kechik Film Production 316, 381
Syed Nasir Ismail, Tun 166, 226
Syed Omar Semait 283
Syed Othman 94
Syed Othman bin Ali 49
Syed Syeikh al-Hadi 17–18
syeikh 339–40
Syeikh Ahmad Ali Tunkar 59, 63, 66–68, 83
Syeikh Ahmad Edrus 59
Syeikh Ayub Sulaiman 81, 89
syeikh haji 49, 63
Syeikh Muhammad Jamaluddin al-Qasini 102
Syeikh Tahir Jalaluddin 18
Syonan Koa Kunrenzyo 151

T.M. Hasbi Ash Shiddieqy, Prof. Dr. 101
Tabau Sdn. Bhd. 135
Tabing 205–206, 344
Tabung Haji 47–49, 59, 66, 80, 83–84, *passim*
Tadika Nusa Laila Puteri 220
Taha 243

tahalul 72–73, 82–88
Taiwan 111
Takengon 415
talbiah 59, 63–64
Taman Damoan 312
Taman Hang Tuah 423
Tamoi 207
Tamu Allah 79
tamu-tamu 366
Tan Gim Ean 323–24
Tan'iem 96
Tanah Arab 109, 174
Tanah Besar 451
Tanah Haram 55, 59, 63, 66, 78, *passim*
Tanah Melayu 12, 38, 271, 277, 321, *passim*
Tanah Suci 47–48, 50–51, 54, 60, 69, *passim*
tanazul 98
Tanjung Aru 29
Tanjung Datu 144
"tarian bubu" 338
Taufik Abdullah, Dr. 448, 454, 458
Taufiq Ismail 372, 376
Tauke Wahi 449, 451
tawaf 68, 70, 72, 95
tawaf umrah 96
tawaf wada' 97–98
Teeling, Dr. 214
Teeuw, A. Prof. 349
teknologi maklumat 299
tekong Cina 450
Telaga Sayidina Usman 110
Telaut 354
Televisyen Brunei (RTB) 51
telor Arab 66
Teluk Bahang 449
Temburong 167–68, 224, 231, 259–61, *passim*
Tempo 126, 307, 473
Tengku Abubakar Husny 352–53
Tengku Adlin 29–30
Tengku Ismail 451
Tengku Ismail Usman 353, 358, 435, 449
Tengku Luckman Sinar 454–55
"Tengku Putih" 393
Tentera Bersekutu 12
Tentera Divisi Rencong 451
Tentera Mujahiddin 358
Terbang Tinggi 249
Terendak 407, 422
Terengganu 63, 129, 133, 167, 220, *passim*
Terjebak 12, 16, 357
Terminal Haji Jeddah 122
Terminal Satu 326
tetamu DBP 224–25
Tetuan Ariffin & Ooi 316–17
Teuku Iskandar Alibasyah 191
Teuku Iskandar, Dr. 271, 336–37, 348, 350, 410, *passim*
Tengku Ismail Simpang Ulim 358
Teuku Umar Ali 357, 455
Thai 281, 374
Thai International Airways 125–26
Thailand 12, 125–26, 261, 296, 314–15, *passim*
Thariq 213, 286, 295–96
The Arab News 112
The ASEAN Committee On Culture And Information (COCI) 388
The End of White Rajah Rule in Sarawak 52
The Good Earth 370
The Italthai Group of Companies 125
The Name of Brooke 52
The New Straits Times 146–47, 251, 323–24
The Old Man and The Sea 370, 387

Thelma T. Salazar 165
Thomas Edison 391
tidak Islam 334
Timbalan Menteri Agama 161, 468
Timur Tengah 70, 93, 109
"Titik" 319
Tjut Nursiah 360
Tok Selampit 278
tokubetsu 151
Tokyo 405
Tony de Cruz 137
tradisi budaya 340
Trans-Borneo 261
Triumphant Pilgrimage 52
tuan kadi 27
Tuan Syed Othman bin Ali 93
"Tuan-tuan dan Peon-peon" 246
"Tuhan, Bagaimana Kau Akan Mencari-Nya" 216
Tukun Perak 449
Tulang-tulang Berserakan 233
Tunangan Pemimpin Bangsa 226, 347
Tung Ju Lan 453, 457
Tunkar 68
Tunku Abdul Rahman *lih.* Tunku Abdul Rahman Putra
Tunku Abdul Rahman Putra 21, 133–34, 415
Turagai 442
Turki 75, 85, 107, 352
Tutong 39, 223–24, 237, 280, 413
TV1 364
TV Brunei 202, 314
TV Inggeris 262
TV Malaysia 202

UBD 336, 409–10
Ucon 315
UDA 316–18
Umar Ali 460
Umar r.a. 72, 85
umat Islam 25, 54, 71, 118, 443, *passim*
umat Muhammad s.a.w. 62
UMNO 129, 133
umrah 56, 73, 95, 96
Ungku Aziz, Prof. Diraja 241
Unit Bahasa dan Sastera 368
Unit Cerita-Cerita Lama (UCL) 279
Unit Penyelidikan LIPI 448
Unit Perancang Ekonomi 205
Unit Reka Bentuk 229
Universitas Indonesia 139
Universiti al-Azhar 168, 262
Universiti Brunei 410, 469
Universiti Brunei Darussalam 189–91, 241, 311–12, 322, 336, *passim*
Universiti Islam Antarabangsa (UIA) 296
Universiti Kebangsaan Malaysia 128, 271
Universiti Madinah 110
Universiti Malaya 74, 184–85, 189, 191, 213, *passim*
Universiti Sains Malaysia ix, 2–3, 28–29, 33, 35, *passim*
Universiti Teknologi MARA 29
Universiti Thammasat 303
Universiti Utara Malaysia 448
University of Surrey 247
unsur Islam 223
Usman Awang 233, 321, 325
Usnah 184
Ussiri Dhammachore 126
utara Semenanjung 364
utara Sumatera 354
UTM 372
Utusan BINA 249
Utusan Malaysia 129, 272–73, 433, 464
Utusan Melayu 74, 233, 257, 352, 425

Utusan Zaman 425

Vietnam 127
Vyner Brooke 52

Wahi Makam 449
wahyu 110
Wahyunah 350
Wan 266
Wan Hilal 74, 87–88, 96, 100
Wan Rohani Zain 447
Wan Sakinah 350
Wan Zahariah 446
Wan Zaleha Radzi 364
wang Amerika 78
wang Malaysia 78
Wanita 130
wanita Brunei 244
wanita Cina 382
wanita Filipina 281
wanita Indonesia 111
wanita Jepun 403
wanita Melayu 40
wanita Muslim 298
Warisan Puisi Melayu Brunei 389
Warta Ahad 425
Warta Jenaka 425
Warta Malaya 414
Warta Negara 415
Watan 123
wedana 16, 415
Wedana Langsa 151, 353
Wheeler 219
WHO 358
William H. Frederick 456
Winarno Surachmat, Dr. 410
Women Croner's Club 280
Wong Men Voon 126
wuquf 83–84, 86

Yaakub 98–99, 109
Yahaya Ismail 129, 139, 261
Yahudi 102, 351, 432
Yahya bin Haji Ibrahim, Pehin Siraja Khatib Dato' Seri Utama Haji 161, 226, 261, 271, 320, *passim*
Yahya M.S. 226, 261, 271, 320, 343, 375
Yahya, Pehin Siraja Khatib Dato' Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji 221, 261, 324, 373, 375, *passim*
Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Orang-Orang Melayu Malaysia di Brunei 408
Yang di-Pertuan Agong Sultan Ahmad Shah 310, 408
Yang di-Pertuan Agong 409, 427
Yaohan 404
Yatimah Abdul 437
Yayasan Islam Terengganu 270, 313
Yayasan Sabah 28–30, 442
Yeop Johari Yaakub, Drs. 350
Yogyakarta 418
Yunus 14, 17, 27, 51
Yura Halim 52, 226, 271
Yusaini 259, 266–68, 272–73
Yusaini Amir 253–54, 258, 263–66
Yusnizar 381–82
Yusof Harun, Haji 37
Yusof Manaf 322
Yusuf Heaton 136, 142
Yusuf Suria 64

Za'ba 18, 130
Zahari bin Abdul Rahman, Haji 190
Zain Hussain 50, 124
Zainal Abd. Latiff 312
Zainal Abidin Wahid, Prof. Datuk 70, 73, 87, 89–90, 96, *passim*
Zainal Abidin *lih.* Zainal Abidin Wahid

Zainal Abidin Zulcifly 350
Zainal Mokhtar, Dato' 191
Zaini Omar 233
Zakaria Ali 19
Zakaria Idris 352–56, 358–60, 453, 455, 459–60
Zaki 283
Zaleha 217
Zaleha Ismail, Datin Paduka 101
zaman Jepun 206, 405